SYEIKH ZAINUL ABIDIN BIN MUHAMMAD AL-FATHANI
(TERKENAL DENGAN NAMA TUAN MINAL)

KITABKUNING

Menurut Al-Quran & Hadis

عَقِيْدَةُ النَّاجِيْنَ
فِيْ عِلْمِ أُصُوْلِ الدِّيْنِ

AQIDATUN NAJIN
FI ILMI USULIDDIN

"Dan sesungguhnya Kami telah mengutus dalam kalangan tiap-tiap umat seorang Rasul (dengan memerintahkannya menyeru mereka): Hendaklah kamu menyembah Allah dan jauhilah taghut." **(Surah An-Nahl: 36)**

I'tiqad Segala Orang Yang Kelepasan Daripada Sesat Dan Bid'ah Pada Bicara Ilmu Usuluddin Atas Mazhab Ahli As-Sunnah Wa Al-Jamaah Dengan Bahasa Melayu



Transliterasi Tulisan Jawi Kepada Rumi:
NORAINE ABU

عَقِيْدَةُ النَّاجِيْن
فِيْ عِلْمِ أُصُوْلِ الدِّيْنِ

KITAB KUNING

AQIDATUN NAJIN

FI ILMI USULIDDIN

Aqidatun Najin merupakan sebuah kitab yang asalnya ditulis dalam Jawi. Kitab yang digunakan dalam pengajian pondok ini merupakan karangan seorang ulama terkenal iaitu Syeikh Zainul Abidin bin Muhammad Al-Fathani yang juga dikenali dengan nama Tuan Minal. Seperti yang kita telah ketahui sistem sekolah pondok ini amat popular dan telah ramai melahirkan ilmuan dalam bidang agama dan juga bidang lain yang berkarisma dan menyumbangkan sumbangan besar kepada bangsa dan agama.

Isu utama yang dibahaskan di dalam kitab ini berkisar berkenaan Ilmu Usuluddin. Setiap perbincangan yang diketengahkan, dikuatkan lagi dengan nas-nas Al-Quran dan Hadis. Kitab ini amat berguna bagi semua pencinta ilmu dalam mendalami ilmu agama. Bagi memudahkan masyarakat memahaminya, kitab ini telah diterbitkan semula dalam tulisan rumi. Semoga segala usaha dan pergorbanan ilmuan Islam nusantara sebelum ini kita terus manfaatkan untuk kecemerlangan seluruh umat Islam khususnya di Malaysia ini.






alhidayahpublisher

ISBN 978-967-598-464-8


$ 22.00

Ini Kitab Yang Bernama:

"AQIDATUN NAJIN"

عَقِيْدَةُ النَّاجِيْنَ
فِي عِلْمِ أُصُوْلِ الدِّيْنِ

Ertinya: I'tiqad segala orang yang kelepasan daripada sesat dan bid'ah pada bicara ilmu Usuluddin atas mazhab Ahli al-Sunnah wa al- Jama'ah dengan Bahasa Melayu.

Karangan al-'Alim al-'Allamah al-Fahhamah al-Syeikh Zainul Abidin bin Muhammad al-Fathani
(Terkenal Dengan Nama Tuan Minal)

سَقَى اللهُ تَعالَى ثَرَاهُ غَيْثَ كَرَّمَهُ الرَّحْمَانِي، آمِيْنَ

عَقِيْدَةُ النَّاجِيْنَ فِي عِلْمِ أُصُوْلِ الدِّيْنِ

I'tiqad segala orang yang kelepasan daripada sesat dan bid'ah pada bicara ilmu Usuluddin atas mazhab Ahli al-Sunnah wa al- Jama'ah

Penulis:
Al-'Alim al-'Allamah al-Fahhamah al-Syeikh Zainul Abidin bin Muhammad al-Fathani
(Terkenal Dengan Nama Tuan Minal)

Pengalihan Tulisan Jawi ke Rumi
NORAINE ABU

Pengurus Projek
KAMALUDDIN BIN IBRAHIM

Cetakan.. ... 2024

Diterbitkan oleh:




AL-HIDAYAH PUBLICATION
No. 27, Jalan DBP Dolomite Business Park,
68100 Batu Caves,
Selangor, Darul Ehsan.
Tel: 03-6185 3002/ 6185 7006
Fax: 03-6185 9008
Laman Web: www.hidayah.com.my
Emel: sales@hidayah.com.my


Diedarkan oleh:
AR-RISALAH PRODUCT SDN. BHD.
No. 27, Jalan DBP Dolomite Business Park,
68100 Batu Caves,
Selangor, Darul Ehsan.
Tel: 03-6185 3002 Fax: 03-6185 9008

Dicetak oleh:
PERCETAKAN ZAFAR SDN. BHD.
Lot 18, Jalan 4/10B, Spring Crest Industrial Park, Batu Caves, 68100 Kuala Lumpur.

ISI KANDUNGAN




عقيدة الناجين في علم أصول الدين



KATA PENERBIT

Segala puji bagi Allah Ta'ala, Tuhan sekalian alam. Selawat dan salam disampaikan kepada junjungan besar kita Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga serta para sahabat baginda.

Dalam usaha untuk menambahkan buku-buku bacaan di kalangan masyarakat sekarang, maka dengan rasa syukur dipanjatkan kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana dengan limpahan rahmatNya kami dapat menerbitkan sebuah lagi buku yang bertajuk **AQIDAH AL-NAJIN FI 'ILMI USULIDDIN.**

Buku tersebut adalah sangat popular di kalangan pelajar yang mendalami ilmu agama di pondok-pondok, ataupun di surau-surau, masjid-masjid dan juga di pejabat-pejabat. Teks asal buku ini ialah dalam tulisan jawi, tetapi memandangkan kebanyakan generasi sekarang ini yang kurang mahir dalam tulisan jawi, maka untuk membantu mereka yang amat berminat mendalami ilmu agama, maka **Ustazah Noraine Abu** telah menyalinnya dari tulisan jawi ke tulisan rumi tanpa sebarang pindaan daripada teks asal, agar mudah bagi mereka mengikuti setiap patah perkataan yang terdapat di dalam teks asal.

Sebagai penerbit, besar harapan kami semoga buku ini akan memberi manfaat dan bimbingan kepada para pembaca sekalian. Semoga segala amalan yang baik ini, mendapat keredaan Allah Subhanahu wa Ta'ala.

Segala kesilapan dan kekurangan adalah kelemahan dari pihak kami, oleh itu jika terdapat sebarang kesilapan harap mohon maaf. Teguran membina amatlah dialu-alukan untuk membetulkan



kesilapan pada cetakan yang akan datang.

Sekalian. Wabillahi Taufiq Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

AL-HIDAYAH PUBLICATION

MUQADDIMAH

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَٰنِ الرَّحِيمِ

Dengan nama Allah Tuhan yang amat pemurah di dalam negeri dunia ini lagi amat mengasihani akan hambaNya yang mukmin di dalam negeri akhirat.

الْحَمْدُ للهِ الْمُنْفَرِدِ بِالإِعْدَامِ وَالإِيْجَادِ * الْمُنَزَّهِ عَنْ شَوَائِبِ النَّقْصِ وَالأَضْدَادِ

Segala puji bagi Allah yang tunggal Dia dengan mentiadakan mumkin dan dengan mengadakan dia lagi yang Maha suci Dia daripada segala yang bercampur kekurangan dan segala lawan yakni tiada datang segala lawan sifat kamalatNya.

وَأَشْهَدُ أَنْ لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ وَحْدَهُ لاَ شَرِيْكَ لَهُ الْقَدِيْمُ الْمُخَالِفُ لِمَا عَدَاهُ مِنَ الْكَائِنَاتِ * الْبَاقِي وَهَالِكٌ كُلُّ مَا عَدَاهُ مِنَ الْمَخْلُوْقَاتِ.

Dan naik saksi aku bahawasa tiada Tuhan yang disembah dengan sebenar melainkan Allah pada hal Esa Dia, tiada yang sekutu bagiNya lagi yang Qadim lagi yang bersalahan bagi segala yang lainnya daripada segala *kainat* lagi yang kekal Diia. Dan fana tiap-tiap barang yang lain daripadaNya daripada sekalian

makhluk.

وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُوْلُهُ الصَّادِقُ الأَمِيْنُ * الْمُبَلِّغُ كُلَّ مَا أُمِرَ بِتَبْلِيْغِهِ مِنْ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ.

Dan naik saksi aku bahawasa Nabi Muhammad itu hambaNya dan pesuruhNya yang benar ia lagi yang kepercayaan lagi yang menyampaikan tiap-tiap barang yang disuruh akan dia dengan menyampaikan akan dia daripada Tuhan yang memilik sekalian alam.

وَأُصَلِّي وَأُسَلِّمُ عَلَى أَشْرَفِ الْمُرْسَلِيْنَ * سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ شَفِيْعِ الْمُذْنِبِيْنَ

Dan aku mengucap selawat dan aku mengucap salam atas yang terlebih mulia daripada segala Rasul iaitu penghulu kami Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi wasallam yang mensyafaat ia bagi segala orang yang berdosa pada hari kiamat.

وَبَعْدُ،

Adapun kemudian daripada itu, maka lagi akan berkata oleh hamba yang faqir ilallahi Ta'ala Zainul 'Abidin bin Muhammad al-Fathani غفرَ الله لي وَلوَالدَيَّ وَللْمُسْلميْنَ telah meminta akan daku oleh setengah saudaraku.

أَصْلَحَ اللهُ لِي وَلَهُمُ الْحَالَ وَالشَّانَ

Telah membaiki oleh Allah Ta'ala bagiku dan bagi mereka itu الْحَال وَالشَّانَ akan bahawa aku suratkan bagi mereka itu akan suatu kitab pada menyatakan Ilmu Usuluddin, padahal aku terjemahkan daripada muqaddimah Syeikh Sanusi serta aku tambahkan atasnya daripada beberapa kalam syarahnya dan hasyiyahnya supaya nyata maksud daripada kalam Syeikh itu. Dan jikalau tiada aku ahli bagi yang demikian itu sekalipun tetapi i'timad aku kepada taufik Karim al-Wahhab * bagi jalan yang *shawab*.

وَمَا تَوْفِيْقِي إِلاَّ بِاللهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيْم

Ertinya: *Dan tiada beroleh taufik aku melainkan dengan Allah yang 'Ali (Maha Tinggi) lagi 'Azim (Maha Agung).*

Mudah-mudahan dibukakan oleh Allah Ta'ala akan dadaku bagi demikian itu. Kerana bahawasa muqaddimah Syeikh Sanusi itu, dan jika adalah ia kecil jirimnya sekalipun sangat besar ilmunya lagi yang mengandung atas sekalian *'aqa'id* serta dilebihkan akan beberapa *fawa'id* (faedah). Dan kerana demikian itu adalah ia terlebih elok daripada segala yang di*ta'lif* (dikarang) pada tauhid dan terlebih sucinya daripada hampa dan ta'qid. Istimewa pula orang yang mengarang akan dia itu wali Allah dengan tiada syak dan namanya Muhammad anak Yusuf al-Sanusi al-Husni, nama bangsanya yang dinamakan dia **Ummu al-Barahin**, ertinya ibu segala dalil yang mengandung ia atas sekalian *'aqa'id*. Telah reda Allah akan mu'allifnya dan dijadikan akan syurga itu akan tempat ketetapannya. Amin.

Dan aku namakan terjemahku ini dengan:

عَقِيْدَةُ النَّاجِيْنَ * فِي عِلْمِ أُصُوْلِ الدِّيْنِ

Ertinya: *I'tiqad segala orang yang kelepasan daripada sesat dan bid'ah pada menyatakan ilmu Usuluddin.*

Maka sekarang aku masuk pada yang dimaksud (بِعَوْنِ الْمَلِك الْمَعْبُوْد) , maka aku kata: Dan dengan Allah jua beroleh taufik. Kata Syeikh Sanusi:

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

Memulai ia akan muqaddimahnya dengan *Bismillah* kerana mengikut ia dengan Qur'an yang amat mulia dan kerana mengamalkan dengan hadis Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam:

كُلُّ أَمْرٍ ذِي بَالٍ لاَ يُبْدَأُ فِيْهِ بِبِسْمِ اللهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيْمِ فَهُوَ أَبْتَرُ، وَفِي رِوَايَةٍ: فَهُوَ أَقْطَعُ، وَفِي رِوَايَةٍ: فَهُوَ أَجْذَمُ.

Ertinya: *Tiap-tiap pekerjaan yang mempunyai cita-cita*

yang tiada dimulai di dalamnya itu dengan Bismillah, maka iaitu أَبْتَرُ *ertinya terpotong pihak ekor dan pada suatu riwayat* أَقْطَعُ *dan pada suatu riwayat* أَجْذَمُ .

Dan makna atas tiap-tiap tiga riwayat itu bahawasanya kurang berkat, maka iaitu dan jika *tamam* (sempurna) ia pada *hissi* sekalipun, yakni pada zahir tiada *tamam* ia pada makna.

Makna Allah

Ketahui olehmu, bahawa makna lafaz Allah itu nama bagi zat Tuhan kita yang *Wajib al-Wujud,* khas ia pada lafaznya dan khas ia pada maknanya. Maka erti khas pada lafaz itu tertentulah lafaz Allah itu nama bagi Tuhan kita dan tiada harus dinamakan dengan dia akan yang lain daripada zat Allah melainkan atas jalan sandaran seperti Abdullah. Dan erti khas pada makna itu, iaitu maknanya مَعْبُوْدٌ بِحَقٍّ , ertinya yang disembah dengan sebenarnya. Maka tertentulah makna yang demikian itu bagi Allah tiada dapat bagi yang lainnya. Dan lafaz Allah itu اسْمُ الأَعْظَم sisi Jumhur Ulama'. Dan telah memilih oleh Nawawi akan bahawa اسْمُ الأَعْظَمِ itu lafaz الْحَيُّ القَيُّوْمُ .

Makna Rahman

Bermula *Rahman* itu nama bagi sifat, khas pada lafaznya dan am pada maknanya. Sebab dikatakan khas pada lafaznya kerana lafaz *Rahman* itu tertentu disifatkan dengan dia bagi Allah jua. Dan tiada harus dikatakan bagi yang lainnya dengan *Rahman*. Dan sebab katakan am pada maknanya kerana makna *Rahman* itu pemurah, maka melengkapi pemurah itu kepada segala makhluk berakal atau tiada Islam atau kafir.

Makna Rahim

Dan *Rahim* itu nama bagi sifat, pula am pada lafaznya, ertinya harus dinamakan dengan dia akan yang lainnya daripada Allah,

Dan khas pada maknanya kerana tertentu mengasihani (Allah) itu bagi kaum yang mukminin jua pada hari kiamat.

Kemudian memulai pula oleh *musannif* (pengarang) dengan mula yang kedua kerana memberitahu ia akan bahawasanya permulaan itu dua bahagi:

Yang pertama: Dinamai akan dia permulaan hakiki, iaitu permulaan yang terdahulu pada hadapan maksud dan tiada mendahulu akan dia oleh suatu seperti *Bismillah*.

Dan yang kedua: Dinamai akan dia permualaan *idhafi*, iaitu permulaan yang terdahulu pada hadapan maksud. Dan jikalau mendahulu akan dia oleh suatu sekalipun seperti *Alhamdulillah,* maka iaitu sudah didahulukan dengan *Bismillah.*

Makna Alhamdulillah

Maka berkata ia: الْحَمْدُ لِلّٰه ertinya: Bermula segala puji itu bagi Allah.

Bermula puji itu terbahagi atas empat:

Pertama: Puji *qadim* bagi *qadim,* dan iaitu puji Allah akan dirinya pada *azali*.

Dan kedua: Puji *qadim* bagi *hadis*, dan iaitu memuji Allah Ta'ala bagi anbiya'Nya dan auliya'Nya seperti firmanNya:

... نِعْمَ ٱلْعَبْدُ ۖ إِنَّهُۥٓ أَوَّابٌ ﴿٣٠﴾

Ertinya: *Sebaik-baik hambaKu itu yang banyak taubat.* **(Surah Shad: Ayat 30)**

Dan ketiga: Puji *hadis* bagi *hadis*, dan iaitu memuji hamba setengah akan setengah mereka itu seperti dikatanya: Sebaik-baik manusia itu si anu.

Dan keempat: Puji *hadis* bagi *qadim,* dan iaitu memuji hamba akan Tuhannya seperti dikatanya:

الْحَمْدُ لِلّٰهِ الَّذِي هَدَانَا

Ertinya: *Segala puji bagi Allah yang telah memberi kami hidayah..*

Maka keempat-empatnya itu kembali kepada Allah Ta'ala.

Makna puji pada lughah dan istilah

Bermula makna puji pada *lughah* (bahasa) itu:

هُوَ الثَّنَاءُ بِالْجَمِيْلِ عَلَى الْجَمِيْلِ الإِخْتِيَارِيُّ عَلَى جِهَةِ التَّعْظِيْمِ

Iaitu memuji dengan keelokkan atas sifat yang elok yang ikhtiari atas pihak membesarkan dia.

Dan puji pada istilah itu: Perbuatan yang memberitahu ia daripada membesarkan akan yang memberi nikmat dengan sebab keadaannya yang memberi nikmat atas orang yang memuji atau atas orang yang lainnya, sama ada perbuatan itu perkataan dengan lidah atau i'tiqad dengan hati atau amal dengan segala anggota.

Rukun puji

Bermula rukun puji itu lima perkara:

Pertama: حَامِدٌ , yakni orang yang memuji, maka yang memuji di sini, Syeikh Sanusi.

Kedua: مَحْمُوْدٌ, iaitu yang kena puji iaitu Allah Ta'ala.

Ketiga: مَحْمُوْدٌ بِهِ, iaitu sifat yang kepujian yang tsabit ia bagi Allah.

Keempat: مَحْمُوْدٌ عَلَيْهِ , iaitu nikmat yang dipuji atasnya.

Kelima: Lafaz seperti katanya الْحَمْدُ لله atau si anu pemurah.

Selawat dan salam

Kemudian diiringi oleh *musannif* (pengarang) itu dengan selawat dan salam atas Nabi Muhammad dengan katanya:

وَالصَّلاَةُ وَالسَّلاَمُ عَلَى رَسُوْلِ اللهِ

Bermula rahmat Allah dan salamnya itu atas Rasulullah.

Yakni Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi wasallam sungguhnya mendatang ia dengan selawat atas Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam kerana *warid* (yang datang) daripada hadis:

مَنْ صَلَّى عَلَيَّ فِي كِتَابٍ لَمْ تَزَلِ الْمَلَائِكَةُ تَسْتَغْفِرُ لَهُ مَا دَامَ اسْمِي فِي ذَلِكَ الْكِتَابِ

Ertinya: *Barang siapa selawat ia atasku di dalam kitab, nescaya sentiasa malaikat meminta ampun ia baginya selama ada namaku itu di dalam demikian kitab itu.*

Dan dihimpunkan salam dengan selawat itu kerana hendak melepaskan daripada makruh menunggalkan salah suatu daripada keduanya selama tiada tempat yang datang *warid* menunggal akan dia. Adapun jikalau datang *warid* dengan menunggalkan dia, maka tiada makruh menunggalkan dia.

Dan ketahui olehmu, bahawasanya makna selawat pada lugha itu doa. Dan kata setengah maknanya dengan nisbah bagi Allah rahmat, ertinya selawat itu jika datang daripada Allah dinamakan rahmat. Ertinya telah menurun oleh Allah akan kebajikan atas RasulNya. Dan jikalau datang daripada malaikat dinamakan *istighfar.* Dan jikalau datang daripada manusia dan jin dan lainnya daripada kayu dan batu dinamakan doa, ertinya memohon oleh mereka itu akan Allah menambahkan rahmat atas Rasul.

Faedah:

Bermula qaul yang shahih, bahawasa Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam beroleh manfaat ia dengan selawat umat atasnya seperti anbiya' yang lain jua. Dan kata qil: Bermula manfaat itu kembali atas orang yang menselawat jua, tiada atas Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam, kerana Nabi itu telah sempurna atasnya *kamal.* Dan ditolak akan kata qil ini dengan bahawasa Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam sentiasa ternaik ia pada *kamalat* (kesempurnaan) selama-lama kerana tiada daripada *kamal* melainkan di sisi Allah terlebih *akmal* (paling sempurna) daripadanya seperti barang yang

diisyaratkan bagi demikian itu dengan firman Allah Ta'ala:

وَلَلْآخِرَةُ خَيْرٌ لَّكَ مِنَ الْأُولَىٰ ﴿٤﴾

Ertinya: *Dan hari yang kemudian itu terlebih baik bagi engkau Ya Muhammad, daripada hari yang dahulu.* **(Surah al-Dhuha: Ayat 4)**

Yakni zaman yang kemudian itu terlebih baik bagi Nabi daripada zaman yang dahulu. Tetapi sungguhpun memberi manfaat selawat umat itu akan Nabi tiada sayugianya kita sharihkan dengan demikian itu melainkan pada tempat belajar dan mengajar.

Dan adapun salam itu, maka maknanya aman. Bermula *murad*nya itu aman Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam daripada barang yang ketakutan ia atas umatnya kerana bahawasa Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam itu *ma'sum*. Maka betapa takut ia atas dirinya bahkan takut ia atasnya kerana *haibah* (gerun) dan kerana membesarkan Allah kerana seorang itu tiap-tiap bersangatan dapingnya (berdampingan) daripada Allah, nescaya bersangatan takutnya kepada Allah.

Dari kerana inilah bersabda Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam bahawasa aku terlebih takut daripada sekalian kamu daripada Allah. Dan kata qil: Bermula *murad*nya itu aman Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam daripada barang yang takut ia atas dirinya pada ketika bersangatan kepicikkan (kesulitan) pada Padang Mahsyar kerana bahawasanya lupa ia akan *'ashamah*nya (ke*ma'suman*nya) seperti sekalian anbiya' 'alaihimush shalatu wassalam.

Dan telah mentafsir oleh setengah ulama akan salam itu dengan tahiyyat. Dan bermula *murad* dengan tahiyyat pada hak Allah Ta'ala serta rasulNya itu bahawa mengkhithab ia akan dia dengan kalamNya yang qadim yang menunjukkan atas terangkat maqamnya yang amat besar.

Pengertian Rasul dan Nabi

Dan ketahui olehmu, bahawasa Rasul itu maknanya pada lughah: yang dibangkitkan daripada satu tempat kepada tempat

yang lain. Dan pada istilah: Manusia yang diwahyukan kepadanya dengan syara' yang beramal ia dengan dia dan disuruh akan dia dengan menyampaikan dia.

Dan adapun nabi itu maknanya pada lughah: yang mengkhabarkan atau yang dikhabarkan dia. Dan maknanya pada istilah: Manusia yang diwahyukan kepadanya dengan syara' yang beramal ia dengan dia dan jikalau tiada disuruh akan dia dengan menyampaikan sekalipun.

Maka tiap-tiap Rasul itu Nabi dan tiada tiap-tiap Nabi itu Rasul, maka antara keduanya itu umum dan khusus mutlak. Bermula *murad* dengan Rasul pada kalam *musannif* itu Nabi kita Muhammad Shallallahu 'alaihi wasallam.

Faedah:

Bermula mengucap *Bismillah* dan *Alhamdulillah* dan *Selawat* dan *Salam* atas penghulu kita, demikian lagi mengucap dua kalimah syahadah dan doa bagi dua ibu bapa, maka sekalian itu sunat jua pada mazhab Imam kita Syafie melainkan mengucap *Bismillah* dan *selawat* dan *dua kalimah syahadah* pada tiap-tiap sembahyang, maka iaitu wajib bersalahan pada mazhab Imam Malik, maka mengucap yang demikian itu wajib pada seumur hidup sekali dengan syarat ia niatkan yang wajib atasnya.

Tanbih (Peringatan)

Hukum mengucap Bismillah

Bermula hukum mengucap *Bismillah* itu empat wajah: Adakalanya wajib dan adakalanya sunat dan adakalanya haram dan adakalanya makruh.

Maka yang wajib itu *Bismillah* pada membaca Fatihah dalam sembahyang.

Dan yang sunat itu segala pekerjaan yang dicita-cita pada syara' padahal bukan zikir semata-mata. Dan tiada syara' tuntut suruh memulai dengan yang lainnya, maka sunat dimulai dengan

Bismillah.

Dan yang haram itu segala pekerjaan yang *haram zati*, yakni bukan haramnya itu *'aradhi*, maka haram kita mulai dengan *Bismillah* seperti berzina, ini jikalau tiada qasad menghinakan nama Allah. Dan jika ia qasad yang demikian itu, nescaya jadi kafir ia.

Dan yang makruh mengucap *Bismillah* itu pada segala pekerjaan yang makruh yang *zati* seperti melihat faraj isteri, maka makruh mengucap *Bismillah* memulai melihat dia. Dan keluar dengan haram zati itu *haram 'aradhi* seperti mengambil wudhu' dengan air yang dirampas. Demikian lagi keluar dengan kata *makruh zati* itu *makruh 'aradhi* seperti makan bawang mentah. Maka tiap-tiap daripada keduanya itu sunat dimulai dengan *Bismillah.* Kemudian katanya:

اعْلَمْ أَنَّ الْحُكْمَ الْعَقْلِيَّ يَنْحَصِرُ فِي ثَلَاثَةِ أَقْسَامٍ

Ketahui olehmu bahawasa hukum yang bangsa akal itu tersimpan ia pada tiga bahagi.

Hanya sungguhnya mendatang oleh *musannif* dengan jumlah ini kerana bertambatan maksud dengan dia dan kerana *intifa'* dengan dia pada maksud, maka jumlah ini muqaddimah kitab bukan muqaddimah ilmu.

Muqaddimah Ilmu

Adapun muqaddimah ilmu itu iaitu *mabadi* yang sepuluh perkara yang lagi akan datang sebutnya. Maka tak dapat tiada daripada orang yang hendak masuk belajar suatu ilmu atas wajah yang akmal itu hendaklah ia mengetahui *mabadi* yang sepuluh ini iaitu yang dinazam oleh setengah mereka itu dengan katanya:

إِنَّ مَبَادِى كُلِّ فَنٍّ عَشَرَةٌ * الْحَدُّ وَالْمَوْضُوعُ ثُمَّ الثَّمَرَةُ

وَفَضْلُهُ وَنِسْبَةٌ وَالْوَاضِعُ * وَالاسْمُ وَالإِسْتِمْدَادُ حُكْمُ الشَّارِعِ

مَسَائِلُ وَالْبَعْضُ بِالْبَعْضِ اكْتَفَى * وَمَنْ دَرَى الْجَمِيْعَ حَازَ الشَّرَفَا

Bahawasanya *mabadi* tiap-tiap ilmu itu sepuluh perkara:

Pertama: Had ilmu.

Dan kedua: Tempat hantaran.

Dan ketiga: Faedahnya.

Dan keempat: Kelebihannya.

Dan kelima: Nisbahnya.

Dan keenam: Orang yang menghantarkan dia.

Dan ketujuh: Namanya.

Dan kedelapan: Tempat ambilnya.

Dan kesembilan: Hukum syara'.

Dan kesepuluh: Masalah.

Dan setengah mereka itu memadai ia dengan setengahnya dan barang siapa mengetahui ia akan sekalian yang sepuluh itu, nescaya menghabisi ia akan kemuliaannya.

Had ilmu

Maka bermula hadnya, yakni takrif ilmu tauhid itu, iaitu ilmu yang dibahas padanya daripada itsbatkan 'aqa'id yang dibangsakan kepada agama yang diambilkan daripada dalilnya yang diyakinkan. Dan kata qil: Mengitsbatkan zat itu tiada menyerupai bagi segala zat yang baharu dan tiada hampa daripada segala sifat.

Tempat hantarannya

Dan tempat hantarnya itu zat Allah Ta'ala dan zat segala RasulNya daripada sekira-kira barang yang wajib dan barang yang mustahil dan barang yang harus dan dihantarkan atas mungkin daripada sekira-kira bahawasanya hendak mengambil dalil dengan dia atas wujud *shani'*, yakni Tuhan yang berbuat dia dan dihantarkan dia atas sam'iyyat ertinya segala perkara yang didengar daripada

Nabi daripada sekira-kira i'tiqadnya.

Faedahnya

Dan faedahnya itu mengenal segala sifat Allah dan sifat segala RasulNya dengan segala burhan yang *qath'iyyah* dan beroleh kemenangan dengan sa'adah yang berkekalan.

Kelebihannya

Dan kelebihannya itu bahawasanya terlebih mulia daripada segala ilmu kerana keadaannya bergantung ia dengan zat Allah dan żat segala RasulNya dan barang yang mengikut ia akan yang demikian itu. Dan yang bergantung itu mulia ia dengan sebab mulia tempat yang digantungnya.

Nisbahnya

Dan nisbahnya itu bahawasanya asal segala ilmu dan barang yang lainnya itu furu' daripadanya.

Orang yang menghantarkan Ilmu

Dan orang yang menghantarkan dia itu Abu al-Hasan al-Asy'ari dan segala mereka yang mengikut oleh mereka itu akan dia dan Abu Mansur al-Maturidi dan yang mengikut akan dia.

Nama Ilmu

Dan namanya ilmu Tauhid dan ilmu Kalam dan telah menyebut oleh setengah mereka itu bahawa bagi ilmu ini delapan namanya.

Tempat keluar Ilmu

Dan tempat keluarnya daripada kitab Allah dan hadis dan dalil aqal.

Hukum Syara'

Dan hukum syara' padanya wajib fardu 'ain atas tiap-tiap mukallàf daripada lelaki dan perempuan.

Masalah

Dan segala masalahnya itu hukumnya yang dibahas padanya daripada yang *wajibat* dan yang *ja'izat* dan yang *mustahilat* dan tiada tersembunyi.

Bahawasanya kata *musannif* (اِعْلَمْ) itu di*wadha*'kan bagi bahawa di*isti'mal*kan pada *khitab* bagi مُعَيَّنٌ (tertentu) tetapi di*isti'mal*kan dia oleh *musannif* pada *khitab* akan tiap-tiap orang yang menilik pada muqaddimah ini daripada orang yang mungkin daripadanya mendapat akan ilmu.

Makna pengetahuan

Bermula makna pengetahuan itu iaitu mendapat akan sesuatu yang berbetulan dengan hakikatnya. Bermula qaul yang sebenar bahawasa ilmu dan ma'rifah itu bersamaan keduanya melainkan bahawasanya diitlaqkan atas Allah Ta'ala itu 'alim, tiada harus diitlaqkan atasnya 'arif kerana bahawa ma'rifah itu menyeru ia akan mendahulukan jahil bersalahan ilmu.

Dan keluar dengan kata pengetahuan itu empat perkara:

Pertama: Jahil, iaitu terbahagi ia atas dua bahagi:

Pertama: Jahil basith namanya iaitu tiada mengetahui sekali-kali seperti dikata orang baginya: Apa kata engkau alam ini qadimkah atau baharu? Maka jawab ia: Tiada aku ketahui sekali-

kali.

Kedua: Jahil Murakkab namanya iaitu mendapat atas bersalahan sifatnya pada *waqi'* dan dinamakan dia dengan demikian itu kerana bersusunannya daripada dua jahil. Pertama: Jahil empunyanya dengan barang yang pada *waqi'*. Kedua: Jahilnya dengan bahawasanya dirinya jahil kerana sangkanya bahawasanya ia yang mengetahui seperti i'tiqad falasafah bahawasa alam ini qadim.

Dan yang kedua daripada perkara yang keluar daripada pengetahuan itu syak, iaitu mendapatkan taip-tiap daripada dua ternafi itu atas bersamaan.

Dan yang ketiga: Zhan, iaitu berat pada hatinya itu mengetahui dan ringan pada hatinya tiada mengetahui.

Dan yang keempat: Waham, iaitu ringan pada hatinya pada mengetahui dan berat pada hatinya pada tiada mengetahui.

Maka orang yang bersifat dengan salah suatu daripada empat perkara ini tiada bagi mereka itu iman. Ertinya jikalau adalah ia i'tiqad akan Allah dan akan RasulNya dengan jahil atau dengan syak atau dengan zhan atau dengan waham. Maka orang itu kafir.

Orang Taqlid

Adapun orang taqlid, yakni i'tiqad kepada Allah dan Rasul itu semata-mata ikut perkataan orang jua. Maka ikut itu tiada dalil padanya, pada hal jazam ia akan taqlidnya itu, maka bersalahan ulama pada sah imannya. Maka kata setengah, kafir ia iaitu dhaif. Dan kata setengah, mukmin iaitu yang muktamad. Dan adakah berdosa ia atau tiada, maka iaitu baginya tafshil lagi akan datang sebutnya, insya' Allah Ta'ala.

Ketahui olehmu, bahawa sebab mendatang dapat ilmu yang baharu itu tiga perkara:

Pertama: Khabar yang *shadiq*, iaitu khabar Allah Ta'ala dan khabar Rasul dan khabar mutawatir sekira-kira sampai bilang-bilangan yang banyak yang tiada tasawwur pada akal muafakat oleh mereka itu atas dusta.

Dan kedua: Akal, iaitu akal *ghariziah*.

Dan ketiga: Segala pancaindera yang lima yang sejahtera, iaitu penglihat dan pendengar dan pencium dan pengerasa dan penjabat. Maka penglihat itu kuat yang dihantar pada mata, maka mendapat dengan dia daripada segala rupa dan warna dan lainnya daripada segala perkara yang dapat dilihat dengan syarat wasitah cahaya. Dan pendengar itu kuat yang dihantar pada telinga yang mendapat dengan dia segala suara. Dan pencium itu kuat yang dihantar pada hidung yang mendapat dengan dia daripada segala yang berbau. Dan pengerasa itu kuat yang dihantar pada lidah yang mendapat dengan dia daripada segala perkara yang mempunyai rasa seperti manis atau masam atau lainnya. Dan penjabat itu kuat yang dihantar pada bertaburan pada segala tubuh yang mendapat dengan dia hangat dan sejuk dan licin dan kesat dan umpamanya. Tetapi telah maklumlah ilmu yang boleh mengenal akan Allah Ta'ala dan Rasulullah itu tiada ia dengan pancaindera yang lima itu, maka yang mendapat itu adakalanya dengan syara' atau dengan akal yang shahih.

Bermula ilmu yang hasil dengan salah suatu daripada tiga perkara itu, adakalanya *tasawwur* dan adakalanya *tasdiq*. Maka erti *tasawwur* itu mendapat akan suatu serta tiada dapat memutuskan hukum pengenalan itu dengan *nafi* dan *itsbat* seperti kita *tasawwur*kan makna alam itu tiap-tiap yang maujud yang lain daripada Allah. Dan erti *tasdiq* itu mengetahui akan sesuatu serta boleh memutuskan hukum pengenalan itu dengan *nafi* dan *itsbat* seperti kita ketahui qidam bagi Allah, maka kita hukum *tsabit* qidam bagiNya dan *nafi* daripadaNya baharu.[]

1

BAB PERTAMA

PENGENALAN ILMU USULIDDIN

Hukum Belajar dan Mengajar Ilmu Usuluddin

Syahdan. Bermula hukum pada belajar Ilmu Usuluddin dan mengajarkan dia itu wajib pada hukum syara', ertinya dituntut akan dia akan sebagai tuntut yang lazim tiada dimudahkan pada meninggalkan dia. Kemudian maka dibahagi akan wajib pada syara' itu atas dua bahagi:

Pertama: Wajib yang fardhu 'ain pada belajar. Bermula kadar yang wajib fardhu 'ain mengetahui dia itu iaitu barang yang mengeluarkan mukallaf daripada taqlid kepada tahqiq dan iaitu mengetahui yang wajib bagi Allah dua puluh dengan tafsil dan yang mustahil atasNya dua puluh dengan tafshil satu-satunya dengan



dalil. Dan jikalau dengan dalil ijmali sekalipun seperti itsbat 'aqa'id yang dua puluh itu dengan dalil baharu alam ini serta lemah ia daripada menetapkan dalil itu daripada pihak baharukah atau daripada pihak *imkan*kah atau pihak keduanya. Dan lemah pula hendak menolakkan syubhah yang datang ia hendak membinasakan dalil yang ia mengambil dalil itu.

Maka dalil jumali (ijmali) itu yang dapat kebanyakan manusia menetapkan dia seperti gembala kambing dan gembala unta dan orang dusun adalah mereka itu apabila melihat suatu yang ajaib berkata mereka itu: "Subhanallah, siapa yang menjadikan ini", yakni tiada yang menjadikan dia melainkan Allah, maka mengambil dalil atas yang mengadakan alam ini Allah Ta'ala. Seperti ditanya seorang: "Dengan apa kamu kenal Tuhan kamu". Katanya: "Dengan tiada dapat maksud kami akan barang yang kami kehendak".

Dan lagi seperti hikayat kata Ashmu'i: Keluar aku pada satu hari daripada masjid Jami', yakni masjid tempat orang berhimpun sembahyang Juma'at pada negeri Basrah iaitu satu qariyah hampir negeri Baghdad. Maka ada aku berjalan pada tengah jalan berjumpa dengan seorang A'rabi yakni Badwi yang mendiami dusun, menunggang ia di atas unta baginya menyangkut ia akan pedang pada bahunya dan pada tangannya anak panah. Maka memberi salam ia akan daku serta berkata ia akan daku: Siapa kamu? Maka berkata aku daripada anak cucu Ashmu'i. Maka berkata ia: Dari mana kamu? Maka kataku: Datang daripada tempat membaca Kalam al-Rahman. Maka berkata ia: Adakah bagi Rahman itu kalam yang dapat dibaca orang akan dia? Maka jawabku: Bahkan. Maka katanya: Bacakan olehmu atasku suatu daripadanya. Maka kataku: Turun olehmu daripada unta kamu dan hendaklah membaikkan adab. Maka lalu turun ia daripada untanya dan duduk ia. Maka aku bacakan surah al-Dzariyat hingga sampai kepada firman Allah Ta'ala:

وَفِي ٱلْأَرْضِ ءَايَٰتٌ لِّلْمُوقِنِينَ ﴿٢٠﴾ وَفِيٓ أَنفُسِكُمْۚ أَفَلَا تُبْصِرُونَ



Ertinya: *Dan di dalam bumi itu beberapa tanda Allah yang*

menunjukkan wujud Allah yang memberi yakin bagi orang yang mentauhidkan Dia dan pada diri kamu itupun ada dalil yang menunjukkan ada Tuhan yang memerintahkan kamu, maka adakah tiada kamu lihat akan dia? Yakni hendaklah kamu ketahui akan dia. **(Surah al-Dzariyat: Ayat 20-21)**

Maka kata A'rabi: "Telah benar Rahman itu berfirman Ia". Maka tahi unta itu menunjukkan ada unta dan bekas telapak kaki itu menunjukkan ada orang yang berjalan. Maka langit itu ada buruj tempat berjalan bulan dan bintang dan matahari dan bumi mempunyai jalan dan laut mempunyai ombak. Tiadakah menunjukkan atas Tuhan yang *lathif* hingga akhir hikayat. Dan tiadalah berhajat hamba sebutkan hingga tamam hikayat itu kerana maksudnya hendak menyatakan dalil ijmali itu banyak orang yang mendapatkan dia hingga segala awam al-Muslimin pun dapat.

Maka hasilnya bahawasanya fardhu 'ain atas tiap-tiap seorang yang mukallaf itu mengetahui dalil ijmali, maka lepaslah ia daripada taqlid dan masuklah ia kepada tahqiq. Maka dalil ijmali itu dikatanya tanda ada Allah Ta'ala itu wujud alam atau alam ini. Maka tiap-tiap ditanya daripada dalil satu-satu sifat daripada sifat dua puluh ini, maka dijawabnya alam ini atau makhluk ini dalilnya, pada hal lemah ia daripada mentaqrirkan dalil dan lemah daripada menghuraikan syubhah.

Dan kedua: Wajib kifayah, iaitu barang yang kuasa pada mentahqiqkan masalah dan kuasa menetapkan dalil seperti katanya: "Bermula alam ini baharu dan tiap-tiap yang baharu itu ada yang membaharukan dia" atau dikatanya: "Alam ini mungkin dan tiap-tiap mungkin itu ada baginya yang membuatkan dia". Maka mengetahui akan yang demikian itu fardu kifayah. Wajib tiap-tiap satu tempat ada seorang yang boleh menetapkan dalil dan boleh menghuraikan syubhah ahli al-Bid'ah yang mendatang ia akan dia supaya hendak menolakkan dalil kita. Maka wajib bahawa ada pada tiap-tiap *masafah qasar* orang yang mengetahui dengan demikian itu dan dengan yang tinggal daripada *ahkam* yang syar'iyyah. Dan pada tiap-tiap *masafah 'adawi* seorang qadi kerana banyak berbantahan-bantahan. Maka jika ada seperti demikian itu, lepaslah daripada berdosa isi negeri itu dan jikalau tiada seorang yang mengetahui akan demikian itu, nescaya berdosa sekaliannya.

380

Maka tatkala itu wajiblah sekalian ahli negeri itu belajar hingga dapat seorang yang dapat mengetahui akan yang tersebut itu serta bahawa menghuraikan syubhah yang didatangkan oleh orang yang mulhid berkata ia bahawasanya 'aradh bagi alam ini baharu tetapi tiada awalnya dan seumpama yang demikian itu daripada perkataan orang yang sesat seperti syubhah yang didatangkan oleh Mujassimah yang berkata oleh mereka itu Allah Ta'ala itu berdiri dengan sendirinya dan tiap-tiap yang berdiri dengan sendiri itu jisim, maka jadilah Allah itu jisim. Maka adalah perkataan itu sesat. Maka adalah yang demikian itu berkehendak kepada ada orang yang menolakkan perkataan yang sesat itu dengan mendirikan dalil yang boleh mengalahkan dia.

Hikayat Dahri Dengan Abu Hanifah

Dan seperti barang yang dihikayatkan bahawasa ada satu Dahri datang ia pada zaman Hammad guru Imam Abi Hanifah dan menuntut ia akan segala ulama hendak berhujah ia dengan katanya: "Kata kamu Allah itu ada, manakala ada betapa tiada tempatnya. Maka tiada ada suatu yang maujud melainkan ada tempatnya". Maka beberapa mereka itu yang sudah dialahkan (dikalahkan) oleh Dahri, maka bertanya ia kepada manusia: "Adakah lagi tinggal daripada ulama kamu seorang?" Maka sahut orang banyak: "Ada lagi iaitu Hammad". Maka berkata Dahri: "Hai Khalifah, hadirkan olehmu akan dia pada aku supaya berhujah ia sertaku". Maka menyeru khalifah akan Hammad, maka berkata Hammad: "Beri tangguh olehmu akan daku malam ini". Maka tatkala berpagi-pagi, datang Abu Hanifah dan adalah ia lagi kecil. Maka melihat ia akan gurunya yang bernama Hammad itu di dalam dukacita yang sangat. Maka bertanya Abu Hanifah akan dia apa sebab daripada percitaan ini, maka berkata ia: "Betapa aku tiada dukacita dan telah menyeru oleh Khalifah akan daku berhujah serta Dahri dan telah menghimpunkan segala ulama dan aku bermimpi semalam di dalam tidurku akan suatu penglihatan yang sangat mungkar". Maka berkata Abi Hanifah: "Apa ia?" Katanya: "Aku lihat akan satu dusun yang sangat luas lagi berhiasan dan ada padanya satu pohon kayu yang berbuah, maka keluar daripada satu penjuru

kampung itu babi, maka memakan ia akan buah kayu itu hingga habis dengan daunnya dan cawangnya hingga tinggal batang semata-mata, maka keluar daripada umbi pohon kayu itu satu harimau, maka ditangkapnya akan babi itu, lalu mati babi itu".

Maka berkata Abu Hanifah: "Bahawa Allah Ta'ala mengajar ia akan daku ilmu ta'bir mimpi, maka mimpi ini baik bagi kita dan jahat bagi seteru kita. Maka jikalau engkau izinkan bagiku kepada ta'bir akan dia, nescaya aku ta'bir akan dia". Maka berkata Hammad: "Ta'birkan olehmu, ya Nu'man", ertinya nama Abu Hanifah itu Nu'man.

Maka berkata ia: "Bermula dusun yang luas lagi berhiasan itu agama Islam dan pohon kayu yang berbuah itu ulama dan usulnya yang tinggal itu engkau dan babi itu Dahri dan harimau yang membunuhkan babi itu aku. Maka berjalanlah engkau dan aku serta engkau, maka dengan berkat himmah engkau dan berkat hadrat engkau, aku berkata-kata sertanya dan aku lazimkan hujahnya. Maka sukalah Hammad itu dan berdiri keduanya ketika itu jua kepada masjid Jami'.

Maka datang khalifah dan berhimpunlah segala manusia pada majlis Hammad itu, yakni majlis Hammad yang hadir itu dan berdiri Abu Hanifah di hadapan gurunya di bawah *sarir*nya memegang ia akan kaus gurunya dan kaus dirinya. Maka datang Dahri dan naik ia di atas mimbar dan berkata ia: "Siapa yang menjawab akan soalku ini?" Maka sahut Abu Hanifah: "Apa perkataan kamu itu, nyatakan olehmu, maka orang yang mengetahui dijawabnya akan pertanyaan kamu itu". Maka berkata Dahri: "Siapa engkau hai kanak-kanak! Engkau berkata-kata sertaku beberapa orang yang mempunyai kemegahan dan orang yang tua-tua dan serban yang besar-besar dan yang mempunyai kain yang kemegahan dan tangan baju yang luas-luas, lemah mereka itu daripada aku. Maka betapa engkau berkata sertaku pada hal kecil umur engkau dan hina diri kamu". Maka berkata Abu Hanifah: "Tiada menaruh oleh Allah Ta'ala akan ketinggian dan kebesaran itu kepada orang yang mempunyai serban yang besar-besar dan kain yang kemegahan dan tangan baju yang luas tetapi ditaruh akan dia bagi ulama, seperti firman Allah Ta'ala:

..... وَٱلَّذِينَ أُوتُواْ ٱلْعِلْمَ دَرَجَٰتٍۚ ..... ﴿١١﴾

Dan segala mereka yang didatangkan bagi mereka itu akan ilmu itu beberapa darjat. (Surah al-Mujadilah: 11)

Maka berkata Dahri itu: "Engkau yang menjawab akan soalku". Maka kata Abu Hanifah: "Bahkan, aku jawab akan soal engkau dengan taufik Allah". Maka berkata ia: "Adakah Allah itu maujud?" Maka jawab Abu Hanifah: "Bahkan". Berkata ia: "Di mana Ia?" Kata Abu Hanifah: "Tiada ada bagiNya tempat". Kata Dahri: "Betapa ada maujud, tiada ia bertempat baginya". Kata Abu Hanifah: "Bagi ini dalil pada diri kamu". Katanya: "Di mana ia dalilnya?" Kata ia: "Iaitu tiadakah pada diri kamu nyawa?" Maka katanya: "Bahkan". Kata Abu Hanifah: "Di mana tempat roh kamu itu? Di kepala kamukah? Atau di perut kamukah? Atau di kaki kamukah?" Maka tercengang ia, kemudian menyeru oleh Abu Hanifah akan air susu buat dalil yang lain pula, dan berkata ia: "Tiadakah pada air susu ini minyaknya". Kata Dahri: "Bahkan". Kata Abu Hanifah: "Di mana tempatnya? Di ataskah? Atau di bawahkah?" Maka tercengang pula Dahri. Maka kata Abu Hanifah: "Seperti tiada dapat bagi roh itu tempat pada tubuh dan tiada pula bagi minyak itu tempat pada air susu itu. Demikian lagi tiada dapat pula bagi Allah itu di dalam kaun ini tempatnya".

Kata Dahri: "Maka apa ada dahulu daripada Allah dan apa kemudian daripadaNya". Kata Abu Hanifah: "Tiada suatu dahulu daripadaNya dan tiada suatu kemudian daripadaNya". Kata Dahri: "Betapa tasawwur ada suatu yang maujud pada hal tiada suatu dahulunya dan tiada suatu kemudiannya". Kata Abu Hanifah: "Baginya itu dalil pada badan kamu pula". Kata ia: "Maka apa ia?" Katanya: "Apa dahulu daripada ibu tangan kamu dan apa kemudian daripada jari kelingking kamu?" Maka katanya: "Tiada suatu dahulu daripada ibu tanganku dan tiada suatu kemudian daripada kelingkingku". Maka kata Abu Hanifah: "Demikian lagi Allah Ta'ala, tiada suatu dahulu daripadaNya dan tiada suatu kemudian daripadaNya".

Kata Dahri: "Tinggal lagi pada aku satu pertanyaan". Katanya: "Nyata olehmu". Aku jawab: *Insya' Allah Ta'ala*". Katanya: "Apa kelakuan Allah sekarang ini?" Kata Abu Hanifah: "Bahawasanya

engkau ini terbalik pekerjaan engkau, sayugianya bahawa adalah yang menjawab itu di atas mimbar dan yang bertanya itu di bawah mimbar. Maka manakala engkau turun, aku naik, nescaya aku jawab akan soal engkau". Maka turun ia dan naik Abu Hanifah atas mimbar. Maka tatkala duduk ia atas mimbar, maka bertanya Dahri. Maka jawab Abu Hanifah akan tanyanya dengan katanya: "Kelakuan Allah sekarang ini menggugurkan yang batil seumpama kamu daripada atas ke bawah dan menaikkan yang sebenar umpama aku dari bawah ke atas. Maka lalu alah (kalah) ia dan putus hujahnya.

Pembahagian Hukum Dalam Syari'at

Kata *Musannif*:

إِنَّ الْحُكْمَ الْعَقْلِيَّ

Ertinya: *Bahawasanya hukum yang bangsa akal itu.*

Bermula makna hukum itu, iaitu mengitsbatkan suatu pekerjaan atau menafikan dia dan yang menghukumkan dengan itsbat atau nafi itu adakalanya syara' dan adakalanya akal dan adakalanya adat. Maka sebab itulah terbahagi hukum itu kepada tiga bahagi:

Pertama: Hukum syara'.

Kedua: Hukum akal.

Dan ketiga: Hukum adat.

Dan hanya sungguhnya menyimpankan oleh musannif atas hukum akal, tiada hukum syara' dan tiada hukum adat kerana bahawa berkehendak menghukum atas zat Allah Ta'ala itu dengan hukum akal jua, tiada dengan hukum syara' dan adat.

Takrif Hukum Akal

Maka takrif hukum akal itu, iaitu mengitsbatkan suatu pekerjaan bagi suatu pekerjaan atau menafikan dia daripadanya daripada ketiadaan terhenti atas berulang-ulang cuba dan tiada



terhenti atas hantar oleh yang menghantarkan. Dan keluar dengan kata tiada terhenti atas berulang-ulang itu hukum adat kerana ia terhenti atas berulang-ulang dan keluar dengan kata tiada terhenti atas hantar oleh yang menghantarkan dia itu hukum syara' kerana ia terhenti atas orang yang menghantarkan dia, yakni syara' menghantarkan dia dan tersimpan hukum akal itu pada tiga bahagi seperti lagi akan datang sebutnya.

Takrif Hukum Adat

Dan hukum adat itu iaitu mengitsbatkan suatu pekerjaan bagi suatu pekerjaan atau menafikan dia daripadanya dengan wasitah dicuba-cubakan dia dengan berulang-ulang dan tersimpan ia pada empat bahagi:

Pertama: Ditambatkan wujud dengan wujud seperti ditambatkan wujud kenyang dengan wujud makan.

Kedua: Ditambatkan *'adam* dengan *'adam* seperti ditambatkan tiada kenyang dengan tiada makan.

Ketiga: Ditambatkan wujud dengan *'adam* seperti ditambatkan ada sejuk dengan tiada selimut.

Keempat: Ditambatkan *'adam* dengan wujud seperti ditambatkan tiada hangus dengan sebab wujud *mani'* iaitu basah.

Takrif Hukum Syara'

Dan hukum syara' itu kalam Allah yang bergantung dengan perbuatan mukallaf dengan tuntut suruh atau tuntut tegah atau dengan harus atau yang dihantarkan bagi tuntut dan bagi *ibahah.*

Dan masuk di dalam tuntut suruh itu dua perkara:

Pertama: Wajib, maknanya barang yang diberi pahala atas orang yang mengerjakan dia dan disiksa atas orang yang meninggal akan dia seperti sembahyang lima waktu dan puasa bulan Ramadhan dan zakat dan lainnya daripada segala *wajibat al-Syar'i*.

Kedua: Sunat, maknanya barang yang berdiri pahala atas

orang yang mengerjakan dia dan tiada disiksa atas orang yang meninggalkan dia.

Dan masuk di dalam tuntut tegah itu dua perkara:

Pertama: Haram, maknanya barang yang disiksa atas orang yang mengerjakan dia dan diberi pahala atas orang yang meninggalkan dia.

Kedua: Makruh, maknanya barang yang diberi pahala atas orang yang meninggalkan dia dan tiada disiksa atas orang yang mengerjakan dia.

Dan *ibahah* itu harus iaitu satu jua, maknanya bersamaan perbuat dan tinggalnya tiada pahala dan tiada seksa. Maka dihimpunkan satu yang harus ini dengan empat yang dahulu itu, maka jadilah jumlahnya lima perkara, dinamakan *Hukum Taklifi* yang empat dahulu itu. Dan *ibahah* itu dinamakan *Hukum Takhyir*.

Dan masuk pada yang dihantarkan bagi keduanya itu lima perkara:

Pertama: Sebab.

Kedua: Syarat.

Ketiga: Mani'.

Keempat: Shahih.

Kelima: Fasid.

Dan makna **sebab** itu barang yang lazim daripada ketiadaannya, ketiadaan musabbab dan lazim daripada diperolehnya, diperoleh musabbab seperti gelincir matahari. Maka bahawasanya syara' menghantarkan dia sebab bagi wajib sembahyang Zohor, maka lazim daripada ketiadaan gelincir matahari, ketiadaan wajib sembahyang zohor iaitu musabbabnya.

Dan makna **syarat** itu iaitu barang yang lazim daripada ketiadaannya, ketiadaan مَشْرُوْطٌ dan tiada lazim daripada diperolehnya, diperoleh مَشْرُوْطٌ atau tiada diperolehnya seperti haul, yakni tamam setahun dengan dibangsakan bagi syarat wajib zakat *na'am*, yakni segala binatang yang boleh buat korban. Maka bahawasanya lazim daripada ketiadaan sempurna tahun ketiadaan wajib zakat pada *na'am* itu dan tiada lazim daripada diperoleh sempurna tahun wajib zakat atau tiada wajibnya kerana terhenti

wajib zakat atas memilik nisab akan sebagai milik yang *kamil*.

Dan makna ***mani'*** itu iaitu barang yang lazim daripada wujudnya ketiadaan diperoleh suatu dan tiada lazim daripada ketiadaannya diperoleh suatu atau tiada diperolehnya seperti haid. Maka bahawasanya lazim daripada perolehnya yakni haid iaitu *mani'* ketiadaan diperoleh wajib sembahyang dan tiada lazim daripada ketiadaanya, yakni haid diperoleh wajib sembahyang atau tiada wajib sembahyang kerana terhenti wajib sembahyang itu atas sebab yang lain seperti gelincir matahari pada sembahyang Zohor.

Dan makna **shahih** itu barang yang terbilang pada syara'.

Dan makna **fasid** itu iaitu barang yang tiada bergantung dengan dia lulus dan tiada dibilang oleh syara' dengan dia.

Dan dinamai lima ini *hukum wadh'i*, maka dipukul lima ini kepada lima yang dahulu, jadi dua puluh lima kerana tiap-tiap satu daripada *hukum taklifi* itu lima *hukum wadh'i* padanya seperti umpama wajib ada syaratnya dan ada sebab dan ada mani' dan ada shahih dan ada fasid.

Bahagian Hukum Akal

Kata *musannif*:

يَنْحَصِرُ فِي ثَلاَثَةِ أَقْسَامٍ

Ertinya: *Tersimpan ia pada tiga bahagi.*

Yakni terhingga ia pada tiga bahagi, tiada lebih dan tiada kurang dengan makna tiada keluar hukum akal itu daripada tiga bahagi itu:

(الْوُجُوبُ) **Pertamanya:** *Wujub*, iaitu tiada menerima *nafi*.

(وَالإِسْتِحَالَةُ) **Kedua:** *Istihalah***,** iaitu tiada menerima *tsubut*.

(وَالْجَوَازُ) **Ketiga:** *Jawaz*, iaitu menerima keduanya tetapi atas jalan berganti-ganti dengan makna *qabul tsubut* pada satu ketika dan *qabul intifa'* pada satu ketika yang lain, bukan atas jalan berhimpun kerana tiada dapat *qabul* keduanya berserta.

Kemudian menyata oleh *musannif* akan makna tiap-tiap satu daripada hukum akal yang tiga itu dengan katanya:

فَالْوَاجِبُ مَا لاَ يُتَصَوَّرُ فِي الْعَقْلِ عَدَمُهُ، وَالْمُسْتَحِيْلُ مَا لاَ يُتَصَوَّرُ فِي الْعَقْلِ وُجُوْدُهُ وَالْجَائِزُ مَا يَصِحُّ فِي الْعَقْلِ وُجُوْدُهُ وَعَدَمُهُ

Ertinya: *Maka bermula yang wajib itu barang yang tiada dapat dirupakan pada akal akan tiadanya dan yang mustahil itu barang yang tiada dapat dirupakan pada akal akan adanya dan yang harus itu barang yang sah pada akal adanya dan tiadanya.*

Kata Syeikh Tilmisani: Maka tiap-tiap barang yang menghukumkan oleh akal akan *tsubut*nya dan tiada sah pada akal *nafi*nya. Maka iaitu wajib misalnya itu bersifat jirim dengan gerak atau diam, yakni menerima salah suatu daripada keduanya dengan tiada tertentu. Adapun menerima salah suatu dengan tertentu itu iaitu harus, yakni memilih bergerak umpamanya, tiada mahu berdiam, maka iaitu bukan wajib tetapi harus.

Dan tiap-tiap barang yang menghukumkan oleh akal dengan *nafi*nya dan tiada sah pada akal *tsubut*nya, maka iaitu mustahil. Misalnya itu seperti sunyi jirim daripada gerak dan diam, maka tiada menerima sekali-kali oleh akal bahawa jirim itu sunyi daripada keduanya.

Dan tiap-tiap barang yang sah pada akal adanya dan *'adam*nya, maka iaitu ja'iz. Misalnya memilih jirim itu dengan gerak atau dengan dia yang tertentu, maka bahawasanya sah pada akal bahawa adalah jirim itu bergerak-gerak selama-lamanya atau diam selama-lamanya.

Maka tiap-tiap satu daripada tiga itu terbahagi atas dua bahagi:

Pertama: Dharuri.

Dan kedua: Nazhari.

Maka misal **wajib dharuri** itu seperti jirim mengambil lapang kadar zatnya dan makna jirim itu iaitu tiap-tiap suatu yang memenuh lapang, seperti kayu dan batu dan matahari dan bulan dan bintang dan jasad sekalian binatang.

Dan erti **dharuri:** Barang yang mudah mendapat akan dia, ertinya tiada berkehendak kepada نَظَرٌ (penelitian) dan dalil.

Dan erti **nazhari:** Barang yang berkehendak mendapat akan dia kepada نَظَرٌ (penelitian) dan dalil.

Maka misal **wajib nazhari** itu seperti qidam bagi Allah, maka qidam bagi Allah itu tiada dapat mengetahui dengan mudah melainkan kemudian daripada *nazhar* pada dalil mustahil wujud دَوْرٌ dan تَسَلْسُلٌ di sana.

Dan misal **mustahil dharuri** seperti sunyi jirim daripada gerak dan diam.

Dan misal **mustahil nazhari** itu seperti *syarik* (sekutu) bagi Allah, Maha Suci Allah Ta'ala daripada yang demikian itu. Maka mustahil *syarik* bagi Allah itu tiada dapat mengetahui dengan mudah melainkan kemudian daripada *nazhar* pada dalil wahdaniyyah.

Dan misal **ja'iz dharuri** itu seperti memilih oleh jirim akan salah suatu daripada gerak atau diam. Dan telah lalu sebutnya menerima oleh jirim akan salah suatu daripada keduanya dengan tiada tertentu itu wajib.

Dan misal **ja'iz nazhari** itu seperti menyiksa akan orang yang berbuat taat atau memberi pahala bagi orang yang berbuat maksiat iaitu *'akas muqtadha syara'* (bertentangan dengan ketetapan syara').

Kata Syeikh Hudhudi pada Syarah Ummu al-Barahin: Dan hanyasanya memulai oleh *musannif* akan karangan dengan membahagikan hukum akal pada awal kerana bahawasa mukallaf itu dituntut dengan mengenal barang yang wajib bagi Allah Ta'ala dan barang yang mustahil atasnya dan barang yang harus padanya.

Dan tiada dapat ia menghukumkan atas suatu itu dengan bahawasanya ia wajib atau ia ja'iz atau ia mustahil hingga mengetahui ia akan hakikatnya itu.

Syahdan: Ketahui olehmu, hai orang yang diberi taufik oleh Allah bahawasa mengetahui hukum akal yang tiga ini dan ulang-ulang mendarus akan dia hingga mahir dan teguh dan tetap ia di dalam hati pada mengetahui akan dia supaya jangan berkehendak oleh fikir dan bicara pada mengingatkan maknanya kepada payah, adalah yang demikian itu setengah daripada barang yang wajib atas

tiap-tiap mukallaf yang berakal yang berkehendak akan kemenangan dengan mengenal Allah Ta'ala dan mengenal NabiNya yang mursal 'alaihimush shalatu wassalam.

Tetapi kata Imam Haramain dan Jama'ah Ulama: Bahawasa mengenal segala bahagi hukum akal yang tiga inilah akal. Maka barang siapa tiada mengenal dia dengan maknanya, maka orang itu tiada berakal.

Dan kata *musannif*, yakni Syeikh Sanusi:

وَيَجِبُ عَلَى كُلِّ مُكَلَّفٍ شَرْعًا

Dan wajib atas tiap-tiap mukallaf dengan sebab syara'.

أَنْ يَعْرِفَ مَا يَجِبُ فِي حَقِّ مَوْلَانَا جَلَّ وَعَزَّ وَمَا يَسْتَحِيْلُ وَمَا يَجُوْزُ

Ertinya: Bahawa mengenal ia akan barang yang wajib pada hak Tuhan kita Jalla wa Azza dan barang yang mustahil dan barang yang harus padanya.

Ketahui olehmu, bahawa wajib itu dua perkara: Adakalanya **wajib syar'i**, maknanya keadaan suatu itu dengan sekira-kira diberi pahala atas orang yang berbuat dia dan disiksa atas orang yang meninggalkan dia seperti barang yang telah lalu sebutnya. Dan adakalanya **wajib aqli**, maknanya ketiadaan menerima ternafi pada akal, maka telah lalu sebutnya jua.

Maka wajib syara' itu alamatnya datang lafaz (عَلى) kemudian daripada lafaz (يَجبُ) itu seperti yang dikata oleh *musannif*: وَيَجِبُ عَلى كُلِّ مُكَلَّفٍ . Dan wajib akal itu datang alamatnya lafaz (لام) atau (فِي) yang dengan makna (لام) seperti yang dikata oleh *musannif*: فَمَا يَجِبُ لِمَوْلَانَا .

Tatimmah: Ketahui olehmu, bahawa wajib syara' itu atas hak mukallaf dan wajib akal itu pada hak Allah Ta'ala dan terkadang dikatakan dia pada hak mukallaf pula seperti Nabi yang mursal dan Anbiya' seperti yang lagi akan datang bicaranya. Insya' Allah Ta'ala.

Dan *murad* dengan mukallaf di sini, jin dan manusia tetapi mukallaf manusia itu sampai umur seperti yang lagi akan datang

sebutnya. Dan mukallaf jin itu daripada waktu jadinya.

Dan adapun segala malaikat, maka tiada mereka itu mukallaf atas qaul yang rajih dan jikalau adalah Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam disuruh kepada mereka itu sekalipun kerana bahawasa disuruh akan dia kepada mereka itu sungguhnya ia menyuruh *tasyrif* erti memuliakan bukan *irsal* kerana taklif.

Takrif Mukallaf

Dan ketahui olehmu, bahawasa mukallaf itu iaitu yang baligh lagi berakal lagi sejahtera pancainderanya dan jikalau pendengar atau penglihat semata-mata sekalipun dan lagi yang sampai akan dia oleh dakwah bangkit Rasul kepadanya. Maka keluar kanak-kanak dan jikalau mumaiyiz sekalipun dan orang gila dan orang yang ketiadaan pancaindera dan orang yang tiada sampai akan dia oleh dakwah bangkit Rasul kepadanya, maka tiada tiap-tiap daripada mereka itu mukallaf.

Bermula dituntut ibadat daripada kanak-kanak yang mumaiyiz seperti sembahyang dan puasa bukan kerana taklifnya dengan dia tetapi kerana menggemarnya di dalam ibadat supaya beradat ia akan ibadat, maka tiada meninggal ia akan dia, insya' Allah Ta'ala pada ketika *bulugh*nya.

Dan bersalahan-lahan ulama, adakah memadai dengan dakwah barang mana Rasul ada ia dan jikalau Adam sekalipun atau tak dapat tiada daripada dakwah Rasul akan dia kepada manusia itu. Bermula qaul yang shahih itu yang kedua, yakni qaul yang berkata tak dapat tiada daripada dakwah Rasul yang tertentu menyampaikan risalah itu kepada mereka itu bukan barang mana Rasul seperti qaul yang pertama.

Dan atas qaul yang kedua itu, maka ahli al-Fatrah itu lepas mereka itu daripada neraka dan jika mengubah oleh mereka itu dan menukar oleh mereka itu dan menyembah oleh mereka itu akan berhala sekalipun. Dan apabila engkau ketahui akan ahli al-Fatrah lepas mereka itu daripada neraka, nescaya engkau ketahuilah akan

bahawasa dua ibu bapa Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam lepas keduanya daripada neraka kerana keduanya itu daripada ahli al-Fatrah tetapi keduanya itu daripada ahli al-Islam kerana barang yang diriwayat bahawasa Allah Ta'ala menghidupkan ia akan keduanya kemudian daripada bangkit Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam, maka beriman keduanya dengan Nabi dan kerana inilah berkata setengah mereka itu:

حَبَا اللهُ النَّبِيَّ مَزِيْدَ فَضْلٍ * عَلَى فَضْلٍ وَكَانَ بِهِ رَؤُوْفَا

فَأَحْيَا أُمَّهُ وَكَذَا أَبَاهُ * لِإِيْمَانٍ بِهِ فَضْلاً مُنِيْفَا

فَسَلِّمْ فَالْقَدِيْمُ بِذَا قَدِيْرٌ * وَإِنْ كَانَ الْحَدِيْثُ بِهِ ضَعِيْفَا

Ertinya: *Telah memberi oleh Allah Ta'ala akan Nabi itu akan bertambah-tambah kelebihan atas kelebihan.*

Dan adalah Allah Ta'ala dengan Nabi amat kasih sayang.

Maka menghidup ia akan ibunya dan demikian lagi bapanya.

Kerana beriman keduanya dengan Nabi pada hal kurnia yang amat mulia.

Maka taslimkan olehmu, maka Tuhan yang Qadim itu amat kuasa.

Dengan demikian itu dan jika adalah hadis dengan dia itu dha'if sekalipun.

Bermula hadis ini iaitu barang yang diriwayat daripada Marwah daripada Siti 'A'isyah Radhiyallahu 'anha bahawasa Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam minta ia akan Tuhannya bahawa dihidupkan ia baginya akan dua ibu bapanya. Maka menghidup oleh Allah akan keduanya bagi Nabi, maka beriman keduanya dengan Nabi kemudian mematikan oleh Allah akan keduanya.

Telah berkata Suhail: Bermula Allah Ta'ala kuasa tiap-tiap suatu harus bagiNya bahawa menentu Ia akan NabiNya dengan barang yang dikehendakiNya daripada kurniaNya dan memberi nikmat Ia atasnya dengan barang yang berkehendak Ia daripada kemurahanNya.

Dan sungguhnya telah mengarang oleh Jalal al-Suyuthi akan beberapa karangan pada menyatakan barang yang ta'alluq dengan

kelepasan keduanya, maka telah membalas akan dia oleh Allah Ta'ala akan kebajikan.

Faedah:

Tanda-tanda Baligh

Ini suatu faedah. Bermula baligh kanak-kanak itu dengan dua perkara:

Pertama: Dengan keluar mani dengan bermimpi atau lainnya kemudian daripada *tamam* (sempurna) umurnya sembilan tahun.

Dan Keduanya: Dengan *tamam* umurnya lima belas tahun. Maka dua alamat ini pada kanak-kanak lelaki dan perempuan, yakni bersekutu pada lelaki dan perempuan dan dilebihkan pada perempuan dengan haid kemudian daripada sempurna sembilan tahun *taqrib*, tiada mengapa kurang lima belas hari, jangan lebih daripadanya.

Syahdan: Wajib atas wali kanak-kanak mengajar akan anaknya akan barang yang wajib bagi zat Allah Ta'ala dan barang yang mustahil atasNya dan barang yang harus bagiNya. Demikian lagi wajib atas suami mengajar akan isterinya dan penghulu mengajar akan sahayanya akan demikian itu.

Syahdan: Telah berkata ulama: Haram belajar Ilmu Usuluddin daripada orang yang tiada mahir ilmunya dan tiada mengambil daripada gurunya. Maka adalah pada zaman sekrang ini beberapa daripada manusia yang mendakwa dirinya alim yang mengajar ia akan manusia yang awam dengan pengajaran yang menyesatkan hamba Allah.

Dan setengah daripada mereka itu yang berpegang dengan ayat Qur'an yang mutasyabihah atau sunat yang mutasyabihah pada hal tiada dilintangkan dengan *qawathi' 'aqliyyah* dan *naqliyyah* yang muhkamat tetapi mengambil mereka itu dengan *zawahir* ayat yang mutasyabihat, maka jadi jatuh mereka itu pada laut kufur, maka sesat mereka itu dan menyesatkan mereka itu akan manusia yang awam, أَعُوْذُ بِاللهِ مِنْ ذَلِكَ . Maka adalah mereka itu seperti Dajjal atau

terlebih jahat lagi daripada Dajjal.

Wajib Mengenal Allah dan Rasul

Dan kata *Musannif*: (شَرْعًا), ertinya: Wajib mengenal Allah dan Rasul itu dengan sebab syara', kerana dibinakan atas bahawa sekalian hukum itu tsabit dengan sebab syara' tetapi syaratnya akal. Khilaf bagi Maturidiyyah yang berkata mereka itu dengan bahawa wajib ma'rifah Allah itu tsabit dengan akal kerana *wadhih*nya bersalahan yang lain daripada ma'rifah daripada sekalian hukum, maka iaitu tsabit dengan syara'. Dan bersalahan Mu'tazilah yang berkata mereka itu dengan bahawasa sekalian hukum itu tsabit dengan akal dan syara' itu hanyasanya datang ia menguatkan baginya. Maka hasil bahawasa segala mazhab itu tiga:

Mazhab yang pertama: Mazhab Asya'irah iaitu bahawa segala hukum sekaliannya tsabit dengan syara' tetapi syaratnya akal.

Dan Kedua: Mazhab Maturidiyyah. Dan iaitu tafsil antara wajib ma'rifah dan antara sekalian hukum yang lain.

Dan ketiga: Mazhab Mu'tazilah. Dan iaitu bahawa segala hukum sekaliannya tsabit dengan akal kerana dibinakan atas mengelok dan keji yang aqli keduanya.

Dan kata *Musannif*: (أَنْ يَعْرِف) telah terdahulu bahawasa qaul yang tahqiq bahawa ma'rifat dan ilmu itu bersamaan keduanya, ertinya satu makna keduanya dan iaitu jazam yang muafakat bagi yang sebenar daripada dalil. Maka makna jazam itu pegangan yang yakin, maka keluar dengan jazam itu tiga perkara:

Pertamanya: Syak, iaitu mendapat tiap-tiap daripada dua *tharaf* itu atas bersamaan.

Dan kedua: Zhan, dan iaitu mendapat akan *tharaf* yang rajih, yakni berat hatinya pada mengetahui dan ringan hatinya pada tiada mengetahui.

Dan ketiga: Waham, iaitu ringan hatinya pada mengetahui dan berat hatinya pada tiada mengetahui.

Dan keluar dengan kata muafakat bagi yang sebenar itu jazam

yang tiada muafakat bagi yang sebenar. Maka bahawasanya tiada dinamakan dia ma'rifat dan hanyasanya dinamakan dia jahil murakkab seperti jazam Nasara dengan menigakan Tuhan, yakni berkata mereka itu bahawasa Allah itu salah seorang daripada tiga Tuhan dan iaitu bapa dan yang dua lagi anak dan iaitu 'Isa dan ibu dan iaitu Maryam. Dan seperti jazam Majusi dengan bahawa Tuhan itu dua, satu nur, kedua *zhulmah*. Maka nur itu Tuhan yang berbuat kebajikan dan *zhulmah* itu Tuhan yang berbuat kejahatan.

Dan keluar dengan kata daripada dalil itu jazam yang muafakat bagi yang sebenar tetapi tiada daripada dalil. Maka bahawasanya dinamakan dia taqlid dan tiada dinamakan ma'rifah dan tiada dinamakan ilmu. Dan orang yang bersifat dengan salah suatu daripada yang empat dahulu itu pada suatu daripada 'aqa'id yang lagi akan datang, maka iaitu kafir dengan *ittifaq* (sepakat para ulama). Dan *murad* dengan empat yang dahulu itu iaitu syak dan zhan dan waham dan jahil seperti barang yang telah lalu sebutnya.

Dan adapun orang yang bersifat dengan yang akhir itu dan iaitu taqlid, maka ikhtilaf ulama. Kata qil bahawasa kafir mutlaqan, yakni sama ada ia ahli bagi nazhar atau tiada iaitu qaul dha'if . Maka muafakat akan qaul ini, qaul Abu Hashim Jubbaiy daripada Mu'tazilah. Dan kata qil bahawasanya mukmin yang derhaka mutlaqan. Dan kata qil bahawasanya mukmin yang tiada derhaka mutlaqan.

Dan bermula **qaul yang rajih** bahawasanya mukmin yang derhaka jikalau ada ia kuasa atas dalil seperti yang cerdik dan mukmin yang tiada derhaka jikalau tiada ada ia kuasa atasnya seperti orang yang bodoh.

Bermula khilaf ini dibinakan atas khilaf pada *nazhar*. Maka kata qil bahawasanya wajib akan sebagai *wajib usul mutlaqan*, yakni sama ada ahli bagi *nazhar* atau tiada. Dan kata qil bahawasanya wajib akan sebagai wajib furu'. Dan kata qil *sunat mutlaqan*. Dan yang rajih bahawasanya wajib akan sebagai *wajib furu'* jika ada padanya kuasa atasnya seperti ada ia ahli bagi *nazhar* dan tiada wajib jika tiada ada ia ahli bagi *nazhar*.

Dan hasilnya yang dinamakan ma'rifah itu tiga qaid:

Yang pertama: Jazam.

Kedua: Muafakat dengan yang sebenar.rogistsyc

Dan Ketiga: Dengan dalil.

Tetapi telah lalu sebutnya bahawasa dalil yang dituntut atas mukallaf itu dalil jumli (ijmali) jua dan iaitu lemah ia daripada menetapkan dalil dan lemah ia daripada menghuraikan syubhah. Dan sekurang-kurang dalil jumli itu, apabila ditanyai orang baginya: Apa dalil tanda ada Allah Ta'ala ? Maka jawab ia: Makhluk ini.

Dan kata *Musannif*. Mengenal barang yang wajib bagi Allah 'Azza wa Jalla, ertinya mengenal sekalian barang yang wajib kerana difaham daripada lafaz (مَا) itu daripada sighah umum. Tetapi yang wajib mengenal atas jalan tafsil itu iaitu dua puluh yang lagi akan datang sebutnya. Dan yang lain daripada dua puluh itu wajib mengenal atas jalan ijmal jua dan iaitu segala sifat *kamalat* bagi Allah Ta'ala seperti bahawa ia i'tiqadkan tiap-tiap sifat *kamalat* itu wajib bagi Allah bersifat dengan dia. Demikian lagi mengenal akan barang yang mustahil, adakalanya wajib atas jalan tafsil iaitu dua puluh lawan dua puluh yang wajib dengan tafsil itu dan adakalanya atas jalan ijmal iaitu segala lawan sifat *kamalat* yang tiada terhingga, yakni kita i'tiqadkan segala sifat kekurangan itu mustahil atas Allah Ta'ala bersifat dengan dia.

Faedah:

Ikhtilaf Ulama Pada Awal Yang Wajib Diketahui Oleh Mukallaf

Ikhtilaf ulama pada yang awal-awal wajib atas mukallaf itu. Bermula qaul yang dipilih oleh muhaqqiqun bahawasanya awal-awal yang wajib itu ma'rifah, yakni yang pertama-tama fardhu atas manusia itu ma'rifah Allah dan ma'rifah segala RasulNya.

Kata Ibnu al-Qaiyim: Dan wajib atas ibu bapa bahawa adalah awal-awal barang yang diperdengarkan akan kanak-kanak itu ma'rifatullah dan tauhid akan Allah. Dan bahawa diajarkan kanak-kanak itu apabila berakal ia akan barang yang wajib bagi Allah dan barang yang mustahil atasNya dan barang yang harus padaNya.

Dan diajarkan pula bahawasanya Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi wasallam itu diperanakkan di Mekah dan dibangkitkan dia jadi Rasul pun di dalam negeri Mekah, kemudian berpindah ia ke Madinah dan wafat ia di dalam negeri Madinah jua. Dan namanya Muhammad anak Abdullah anak Abdul Muththalib anak Hasyim.

Kata setengah ulama: Bermula awal-awal yang wajib atas mukallaf itu *nazhar*, yakni tilik kepada alam ini hingga dikenal akan Tuhan yang menjadikan dia, kemudian maka ia tasdiqkan dan dihimpunkan antara dua qaul ini dengan kata kita awal yang wajib daripada yang dimaksud itu ma'rifah dan awal yang wajib daripada wasilah itu *nazhar*. Dan makna wasilah itu jalan yang menyampaikan kepada yang dimaksud, kerana jikalau kita lazimkan tasdiq dengan barang yang tiada diketahui ia akan sahnya dan batalnya, nescaya membawa ia kepada benarnya atau tersalahnya kerana tiada ia mengenal dalil yang boleh membezakan antara keduanya atau membawa kepada bersamaan Nabi dan yang bukan Nabi kerana tiada dalil yang boleh membezakan antara keduanya dengan sebab tiada *nazhar* yang shahih.

Dan jikalau disoal akan kita bahawa wajib *nazhar* itu dahulu daripada beriman, maka apabila kita seru akan seorang kafir kepada beriman, maka jawab ia: Beri tangguhkan olehmu akan daku dahulu hingga aku *nazhar* kerana kamu kata wajib *nazhar* dahulu apa kata kita. Maka jikalau kita lazimkan dia suruh iqrar dengan iman, yakni dengan mengucap dua kalimah syahadah, maka jadi binasa kata kamu bahawa *nazhar* itu awal wajib daripada beriman atau kamu beri tangguh akan dia biar ia *nazhar*, maka jadi *mukhalafah* dengan *muqtadha syara'* kerana menuntut suruh menyegerakan keluar daripada kufur dan masuk ia di dalam Islam dengan tiada bertangguh. Maka jawab bahawasanya tilik ia akan hal kafir itu jikalau ada ia bercampur dengan muslimin, kita suruhkan dia mengucap dua kalimah syahadah, yakni tiada diberi tangguh akan dia kerana bahawasa ghalib ada *nazhar* padanya dahulu daripada *bulugh*nya dan tiada harus kita suruh *nazhar* dahulu. Tetapi jadi kafir orang yang tiada mengajar dua kalimah syahadah itu apabila datang kafir minta ajar akan dia atau ditangguhkan dia seperti dikatanya: "Nantilah sesaat" atau "Pergilah basuh tubuh kamu" atau "Pergi belajar kepada si fulan itu".

Maka jika adalah orang kafir itu tiada bercampur ia dengan orang Islam seperti jauh negerinya daripada muslimin, maka demikian jua diajarkan dia dua kalimah itu atas qaul yang mengatakan ma'rifah itu awal yang wajib, maka ia taqlid dahulu kemudian ia *nazhar* supaya kuat imannya kerana bahawasanya Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam dipadakannya dengan iqrar dua kalimah syahadah.

Inilah qaul yang muktamad dan atas qaul yang mengatakan *nazhar* itu awal yang wajib, maka disebutkan baginya dalil serta mengucap dua kalimah syahadah hingga faham kerana tiap-tiap orang yang diseru akan dia oleh Nabi kita kepada beriman, maka berkata ia baginya: Tunjukkan olehmu atasku tanda kebenaranmu. Maka didatangkan mukjizat, maka nyata benarnya. Maka percaya ia, maka Islam ia atau tinggal atas ingkarnya, maka binasa ia.

Tanbih

Pengertian *Nazhar*

Maka makna *nazhar* pada lughah itu memandang dengan mata kepala. Dan maknanya pada istilah itu iaitu kita aturkan dua pekerjaan yang maklum keduanya supaya sampai kepada mengetahui pekerjaan yang majhul seperti kita susunkan *qadhiyah sughra* serta *qadhiyah kubra*, kemudian diambil natijah daripada keduanya seperti kita kata:

الْعَالَمُ مُتَغَيِّرٌ، وَكُلُّ مُتَغَيِّرٍ حَادِثٌ

Ertinya: *Bermula alam ini berubah-ubah*, ini dinamakan *qadhiyah sughra*, *dan tiap-tiap yang berubah-ubah itu baharu*, ini dinamakan *qadhiyah kubra*.

Maka natijahnya itu: "Bermula alam ini baharu" dan makna natijah itu faedah daripada dua *jumlah* itu dan *jumlah* pun namanya dan *qadhiyah* pun namanya.

Maka hendaklah kita tilik kepada segala kelakuan diri kita kerana ia terlebih hampir kepada kita. Maka adalah pada diri kita

itu terkandung atas pendengar dan penglihat dan berkata-kata dan panjang dan lebar dan pendek dan reda dan marah dan putih dan merah kulit dan hitam dan ilmu dan jahil dan iman dan kufur dan lazat dan pedih dan lainnya daripada segala *'aradh* yang berdiri pada kita. Maka sekaliannya itu berubah-ubah dan keluar daripada *'adam* kepada wujud dan daripada wujud kepada *'adam*. Dan yang demikian itu dalil bagi baharu dan berkehendak kepada yang menjadikan dia dan yang menjadikan dia itu Tuhan yang amat kuasa lagi *wajib al-Wujud* lagi am ilmuNya lagi sempurna qudratNya dan iradatNya.

Kemudian maka tilik pula kepada alam yang di atas daripada tujuh petala langit dan bulan dan matahari dan bintang setengah besar dan setengah kecil dan setengahnya berjalan dan setengahnya tetap dan ada baginya pihak yang tertentu dan setengahnya bercahaya dan setengahnya kelam. Maka sekalian itu menunjukkan baharu kerana berubah-ubah dan tiap-tiap yang baharu itu berkehendak kepada yang menjadikan dia. Kemudian tilik kepada alam yang di bawah daripada hawa dan awan dan bumi dan barang yang terkandung padanya daripada laut dan *ma'adin* (hasil galian) dan kayu dan batu dan bagai-bagai binatang lainnya. Maka sekalian itu menunjukkan baharu dan berkehendak kepada yang menjadikan dia kerana makna alam itu alamat yang menunjukkan akan keadaan Allah Ta'ala yang menjadikan dia.

Pembahagian Alam

Maka alam itu dua bahagi: **Yang Pertama:** A'yan (أَعْيَانٌ) . **Yang kedua:** A'radh (أَعْرَاضٌ) seperti kata setengah ulama.

Bermula alam dengan sekalian suku-sukunya itu baharu, yakni adanya itu didahului oleh tiada kerana alam itu adakalanya a'yan, yakni jirim yang berdiri ia dengan zatnya dan adakalanya a'radh yang berdiri ia kepada a'yan, yakni 'aradh itu berkehendak kepada a'yan tiada boleh ia asing sendirinya. Maka a'yan itu barang yang ada baginya berdiri dengan zatnya tiada mengikut ia bagi yang lainnya dan mengambil lapang ia kadar lulus zatnya dan a'yan itu

adakalanya bersusun daripada beberapa jauhar, maka dinamakan jisim atau tiada bersusun, maka dinamakan جَوْهَرُ الفَرْد dan iaitu sesuatu yang tiada menerima bahagi sekali-kali seperti nyawa.

Dan *'aradh* itu barang yang tiada dapat berdiri dengan zatnya, ertinya tiada mengambil lapang ia dengan zatnya dan sungguhnya mengambil lapang ia dengan yang lain, yakni mengikut ia akan *a'yan* seperti *akuan* yang empat iaitu gerak dan diam dan bercerai dan berhimpun dan segala warna dan makna warna itu kaifiat yang terhenti melihat akan dia itu atas melihat bagi suatu yang lain iaitu cahaya dan makna cahaya itu kaifiat yang tiada terhenti melihat akan dia atas melihat bagi suatu yang lain.

Dan segala rasa dan baginya sembilan, bagi yang **pertama**: Pahit. Dan **kedua**: Pedas. Dan **ketiga**: Manis. Dan **keempat**: Kelat. Dan **kelima**: Masam. Dan **keenam**: Perat. Dan **ketujuh**: Masin. Dan **kelapan**: Lemak. Dan **kesembilan**: Tawar.

Dan segala bau-bauan maka baginya amat banyak. Maka sekalian itu a'radh yang baharu yakni sifat bagi jirim.

Ketahui olehmu, apabila sudah tetaplah bahawa alam ini sekaliannya مُحْدثٌ yakni baharu, maka makna baharu itu dahulu daripada adanya itu *'adam*, maka yang mengadakan dia itu Allah Ta'ala zat yang *wajib al-Wujud* yang tiada bagiNya permulaan dan tiada berkesudahan dan ada bagiNya beberapa sifat *kamalat* yang tiada terhingga bagiNya pada bilang-bilangan pada نَفْسِ الأَمْرِ sama ada sifat yang *wujudiyah* atau *salbiyah* kerana beberapa hadis menunjukkan tiada berkesudahan *kamalat* Allah Ta'ala tetapi tiada wajib kita ketahui atas jalan tafsil, hanya wajib kita ketahui atas jalan ijmal.

Hak Rasul

Dan kata *Musannif*:

وَكَذَا يَجِبُ عَلَيْهِ أَنْ يَعْرِفَ مِثْلَ ذَلِكَ فِي حَقِّ الرُّسُلِ عَلَيْهِمُ الصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ

760

Dan demikian lagi wajib atas tiap-tiap mukallaf bahawa mengetahui ia akan seumpama yang demikian itu pada hak segala Rasul 'alaihimush shalatu wassalam.

Dan menyebut oleh *musannif* akan lafaz مِثْلَ, ertinya seumpama kerana isyarat ia kepada bahawa tiap-tiap daripada barang yang wajib dan barang yang mustahil dan barang yang harus pada hak Rasul itu lain daripada barang yang pada hak Allah Ta'ala. Dan jikalau tiada disebut lafaz مِثْلَ itu, nescaya memberi waham bahawasa barang yang wajib dan barang yang mustahil dan barang yang harus pada Rasul itu 'ain yang wajib dan yang mustahil dan yang harus bagi Allah Ta'ala, ertinya wajib atas tiap-tiap mukallaf itu mengetahui barang yang wajib bagi Rasul dan barang yang mustahil atasnya dan barang yang harus baginya.

Pengertian Rasul

Bermula makna Rasul itu iaitu manusia yang lelaki lagi merdeka yang diturunkan oleh Allah Ta'ala akan firman kepadanya daripada hukum sama ada hukum i'tiqad dan hukum furu' syari'at daripada ibadat. Dan menyuruh oleh Allah Ta'ala akan dia dengan menyampaikan hukum itu kepada umatnya dan jikalau tiada disuruh menyampaikan dia, maka iaitu Nabi jua bukan Rasul.

Maka Rasul itu khusus dan Nabi itu umum, maka tiap-tiap Rasul itu Nabi dan tiada tiap-tiap Nabi itu Rasul.

Faedah:

Bilangan Anbiya'

Adalah bilangan Anbiya' pada qaul yang muktamad tiada seorang mengetahui akan hingganya tetapi adalah setengah daripada riwayat menghinggakan banyaknya iaitu sakti dua laksa empat ribu dan jadi Rasul daripada mereka itu tiga ratus tiga belas orang. Dan pada satu riwayat tiga ratus empat belas orang. Ada pula qaul yang berkata lima belas yakni lebih daripada tiga ratus.

Dan yang terlebih afdhal daripada segala mereka itu Nabi



Muhammad Shallallahu 'alaihi wasallam dan mengiringi Nabi kita itu Nabi Ibrahim 'alaihissalam dan mengiringi Nabi Ibrahim itu Nabi Musa 'alaihissalam dan mengiringi Nabi Musa itu Nabi Isa 'alaihissalam dan mengiringi Nabi Isa itu Nabi Nuh 'alaihissalam, maka yang lima ini setengah dinamakan dia Ulu al-Azmi, ertinya orang yang sangat teguh sabarnya dan yang lain daripada lima ini setengah mereka itu afdhal daripada setengahnya tetapi tiada ditentukan oleh syara' akan kita melainkan yang lima ini jua.

Berkata oleh *Musannif*:

فَمَا يَجِبُ لِمَوْلَانَا جَلَّ وَعَزَّ عِشْرُوْنَ صِفَةً

Ertinya: *Maka setengah daripada barang yang wajib bagi Tuhan kita Jalla wa 'Azza itu dua puluh sifat.*

Diitlaqkan sifat itu atas makna yang *wujudi* yang berdiri ia dengan مَوْصُوْف dan diitilaqkan dia pula atas barang yang lain daripada zat. Inilah yang dikehendak di sini kerana bahawasanya yang dua puluh ini setengahnya barang yang ia wujudi seperti qudrat dan iradat. Dan setengah daripadanya barang yang ia حَال seperti keadaan Qadiran dan Muridan. Dan setengah daripadanya barang yang ia *'adami* seperti Qidam dan Baqa'.

Dan barang yang menyebut akan dia oleh *musannif* daripada bahawa yang wajib tafsil itu dua puluh sifat dan yang mustahil tafsili pun seperti demikian itu jua, iaitu dibinakan atas qaul yang berkata dengan *tsubut ahw*al yang diperbuat atas *thariqah* yang berkata dengan bahawa segala perkara itu empat bahagi:

Pertama: *Maujudat*, dan iaitu barang yang sah dilihat akan dia.

Dan kedua: *Ma'dumat*, dan iaitu barang yang tiada *tsubut* baginya.

Dan ketiga: *Ahwal*, dan iaitu wasithah antara *maujudat* dan *ma'dumat*.

Dan keempat: *Umur I'tibariyah*, dan iaitu barang yang baginya *tsubut* tetapinya tiada naik ia kepada darjat ahwal dan tiada turun ia kepada *ma'dumat*, tiada atas qaul yang menafikan dia.

Yakni *musannif* membilang dua puluh sifat itu tiada menjalani ia atas qaul yang menafikan *ahwal* yang diperbuat atas *thariqah* yang berkata dengan bahawa segala perkara itu tiga bahagi jua, maka hanyalah.

Dan bermula *thariqah* ini ialah yang rajih tetapi telah berkata oleh setengah ulama yang muhaqqiqin: Bermula yang sebenarnya bahawa tiada hal kerana bahawa hal itu mustahil. Tetapi berkata oleh musannif di dalam setengah kitabnya dan dengan jumlahnya, maka masalah ini masyhur khilafnya dan bagi tiap-tiap daripada dua qaul itu ada beberapa dalil yang diketahui akan dia daripada tempatnya.

Dan lagi kata *musannif* pada **Syarah Wustha:** Jahil dengan itu hal tiada memberi mudharat pada 'aqa'id kerana bahawasanya tiada tsabit baginya pada dirinya dan tiada dengan iktibar bagi yang lainnya, yakni yang lain daripada dirinya kerana bahawasanya ibarat daripada berdiri sifat Ma'ani itu dengan zat dan tiada ia pekerjaan yang lebih atas yang demikian itu. Maka adalah pada qaul ini dikatakan keadaan Allah Ta'ala qadiran itu ibarat daripada berdiri qudrat dengan zat Allah Ta'ala dan tiada ada sifat yang lain lagi.

Ketahui olehmu, bahawa qaul ini bukan ia menafikan sifat Ma'nawiyah itu semata-mata, hanya ia menafikan sifat yang asing daripada sifat Ma'ani itu jua kerana orang yang menafikan sifat Ma'nawiyah itu kufur ia seperti yang lagi akan datang sebutnya. Dan atas qaul yang mentsabitkan hal iaitu qaul muktamad, berkata ia كَوْنُهُ قادرًا itu bukan ibarat daripada berdiri qudrat dengan zat, dan sungguhya ia sifat yang lain daripada qudrat yang tsabit pada *zihin* (fikiran), tiada maujud ia pada *kharij* dan tiada *ma'dum* pada *zihin* yang lebih ia daripada berdiri qudrat, yakni yang lain daripada berdiri qudrat dengan zat.

Dan qudrat dan كَوْنُهُ قادرًا itu atas qaul ini dua sifat antara keduanya berlazim-laziman. Maka كَوْنُهُ قادرًا itu melazimkan qudrat yang berdiri ia pada zat, maka tatkala berdiri qudrat itu melazimkan كَوْنُهُ قادرًا. Maka barang siapa menafikan sifat Ma'nawiyah itu atau nafi sesuatu sifat daripadanya, jadi kafir dengan ijma', kerana

adalah ia tsabit bagi Allah Subhanahu wa Ta'ala dengan *ittifaq* Ahli al-Sunnah dan Mu'tazilah. Bersalahan orang yang tiada mengetahui ia akan Ma'nawiyah, tiada kufur seperti yang telah lalu sebutnya.

Dan demikian lagi barang siapa menafikan sifat Ma'ani daripada asalnya, yakni daripada lazimnya seperti berkata ia Allah Ta'ala itu tiada qadiran umpamanya dengan zatNya dan tiada dengan sifat Qudrah yang berdiri dengan Dia, jadi kafir juga. Bersalahan orang yang tiada menafikan dengan asalnya seperti Mu'tazilah yang berkata ia tiada bagi Allah itu sifat Ma'ani dan sungguhnya Ia qadir dengan zatNya dan alim dengan zatNya. Demikianlah hingga akhirnya tiada kufur i'tiqad itu tetapi fasik dan bid'ah jua.

Dan hasilnya bahawasanya terbahagi sifat itu atas empat bahagi:

Pertama: Sifat Nafsiyah.

Dan kedua: Sifat Salbiyah.

Dan ketiga: Sifat Ma'nawiyah.

Dan keempat: Sifat Ma'ani.

Maka barang siapa menafikan sesuatu sifat daripada tiga bahagi yang pertama itu atau dikatanya baharu atau syak ia pada baharunya atau qadimnya atau terhenti seperti bahawa tiada menghukumkan ia dengan bahawa qadim atau baharu, nescaya jadi kafir ia kerana bahawasanya lazim daripada nafi suatu daripadanya kepada Allah Ta'ala jadi kekurangan.

Dan barang siapa menafikan bahagi yang keempat, iaitu sifat Ma'ani seperti kaum *Mu'aththilah*, tiada kufur ia kerana bahawasanya tiada lazim daripada nafinya itu kekurangan yang berdiri dengan zatNya. Maka bahawasanya berkata ia Qadir dengan tiada Qudrat dan Murid dengan tiada Iradat, demikianlah hingga akhirnya atas i'tiqad mereka itu.[]

2

BAB KEDUA

SIFAT DUA PULUH YANG WAJIB ATAS ALLAH TA'ALA DAN HURAIANNYA

Wujud dan keterangannya

Dan kata *Musannif*:

وَهِيَ الْوُجُوْدُ

Ertinya: *Yang dua puluh itu pertamanya* وُجُوْدٌ .

Ertinya ada zatNya dengan makna bahawa wujudNya itu bagi zatNya tiada kerana 'illat ertinya bahawa yang lainnya itu tiada memberi bekas pada mengadakan Allah Ta'ala. Dan bukan *murad* bahawa zat itu memberi bekas ia pada mengadakan dirinya kerana tiada berkata akan dia oleh orang yang berakal. Dan hanyasanya mendahulu ia akan wujud atas yang lainnya kerana bahawasanya ia seperti asal bagi barang yang lainnya kerana tiada sah dihukumkan dengan qidam dan barang yang kemudian daripadanya melainkan kemudian daripada *tsubut* wujud.

Dan bersalahan ulama pada wujud itu, maka kata qil ialah 'ain maujud, dan qaul ini bagi Abi al-Hasan al-Asy'ari. Dan kata qil

ialah yang lain daripada 'ain maujud, dan qaul ini bagi Imam al-Razi. Dan atas qaul ini takrif yang masyhur dan iaitu bahawasanya hal yang wajib bagi zat selama ada zat itu hal keadaannya demikian hal itu tiada dikeranakan dengan suatu kerana.

Dan keluar dengan kata "tiada dikeranakan dengan suatu kerana" itu sifat ma'nawiyah seperti كَوْنُهُ قَادِرًا, maka bahawasanya di'illatkan dia dengan suatu 'illat dan iaitu qudrat yang berdiri dengan zat, dan seperti كَوْنُهُ مُرِيْدًا, maka bahawasanya di'illatkan dia dengan suatu 'illat dan iaitu iradat yang berdiri dengan zat dan seperti demikian itulah hingga akhir Ma'nawiyah.

Dan makna keadaannya di'illatkan dengan suatu 'illat itu, bahawasanya melazimkan bagi suatu yang lain daripada zat. Maka diketahui daripada demikian itu bahawa hal itu dua bahagi: Salah suatu daripada keduanya: Tiada di'illatkan dengan suatu 'illat. Dan yang keduanya: Di'illatkan dengan suatu 'illat.

Dan dibilang wujud itu sifat atas qaul yang pertama iaitu qaul Abi al- Hasan al-Asy'ari tiada zahir kerana bahawa sifat itu tak dapat tiada bahawa ada ia lain daripada 'ain zat melainkan bahawa dikata orang tatkala sah bahawa dikatakan Allah itu maujud seperti sah bahawa dikatakan Allah itu alim umpamanya, nescaya luluslah dibilangkan wujud itu sifat pada ketika itu kerana menyerupai dengan sifat pada demikian itu. Dan inilah dibinakan atas kekal qaul yang pertama itu atas zahirnya. Dan yang sebenarnya ditakwilkan dia seperti barang yang dikata oleh Sa'ad dan lainnya daripada segala ulama yang muhaqqiqin dengan bahawasa *murad*nya itu tiada pekerjaan yang lebih atas maujud dengan sekira-kira dilihat akan dia tetapi ia pekerjaan *i'tibari*.

Ketahui olehmu, bahawasanya seperti barang yang dikata oleh setengah mereka itu tiada wajib atas mukallaf i'tiqadkan suatu daripada yang demikian itu. Tetapi memadai bahawa ia i'tiqadkan bahawasa Allah Ta'ala itu maujud dan tiada wajib dii'tiqadkan bahawa wujud itu 'ain maujud atau bukan 'ain maujud kerana bahawasa ini daripada barang yang ikhtilaf ulama padanya.

Dan kata setengah ulama: Ketahui olehmu, maka tiada harus kita berkata: "هِيَ هُوَ", ertinya sifat itulah zat dan tiada harus pula kita kata: "هِيَ غَيْرُهُ", ertinya sifat lain daripada 'ain zat dan tiada harus

pula kita kata zat dan sifat dua شَيْءٌ dan tiada harus kita katakan zat dan sifat itu شَيْءٌ yang satu, tetapi hendaklah kita tahankan daripada berkata akan barang yang tiada datang warid daripada syara' dan tiada pula datang daripada salaf yang dahulu-dahulu.

Dan katanya di dalam kitab **Nawadir al-Usul:** Setengah daripada barang yang tiada memberi faedah dituntut akan kaifiat sifat Allah Ta'ala dan ta'alluq sifatnya dan berbilang-bilang dan bersuatunya dan adakah sifat itu 'ain zat atau lainnya kerana bahawasanya yang demikian itu tiada menyuruh dengan dia oleh syara' dan diam segala sahabat daripada membicarakan dia.

Dan demikian lagi orang yang berjalan ia akan jalan mereka itu tetapi menegah oleh mereka itu daripada masuk bicara padanya kerana bahawasanya memperiksa daripada kaifiat barang yang tiada tahu kita akan kaifiatnya dengan akal kita. Maka sebaik-baiknya hendaklah kita pegangkan daripada masuk bicara daripada barang yang tiada kita ketahui akan hakikatnya. Inilah yang terlebih selamat bagi agama kita.

Wujud Allah bagi zatNya

Syahdan: Tatkala kita ketahuilah wujud Allah itu bagi zatNya, ertinya tiada kerana sesuatu bersalahan wujud yang lainnya seperti wujud kita ini umpamanya, maka iaitu dengan perbuatan Allah Ta'ala. Dan setengah daripada orang yang arif tiada memandang ia bagi yang lainnya wujud. Dan ini dinamakan pada mereka itu *wahdatul wujud.* Dan sungguhnya telah karam di dalamnya oleh orang yang karam hingga jatuh daripada setengah wali itu akan barang yang memberi waham ia bagi orang yang mendengar akan *ittihad* dan *hulul* seperti kata al-Hallaj berkata ia: Aku Allah. Dan seperti kata setengah mereka itu: Tiada dalam baju jubah ini melainkan Allah. Dan ini lafaz dan yang seumpamanya daripada segala lafaz yang mutasyabihat tiada harus pada syara' kerana memberi waham. Tetapi kaum Ahli al- Tasawwuf terkadang telah ghalib akan mereka itu oleh ahwal mereka itu. Maka ditakwilkan barang yang jatuh daripada mereka itu dengan barang yang munasabah ia akan dia. Dan setengah daripada orang yang memfatwakan dengan bunuh al-Hallaj pada ketika berkata ia akan perkataan yang telah terdahulu

sebutnya itu Syeikh Junaid al-Baghdadi seperti barang yang tersebut di dalam *Syarah al-Kubra.*

Dan setengah daripada lafaz yang memberi waham itu seperti barang yang telah masyhur atas lidah orang yang awam daripada perkataan mereka itu Allah Ta'ala itu maujud pada tiap-tiap wujud. Maka padanya isyarat kepada *wahdatul wujud* tetapinya tertegah berkata demikian itu kerana memberi waham akan *hulul.* Dan adapun sebab hamba memanjangkan perkhabaran ini kerana banyak jatuh pada masa ini berkata oleh kebanyakan manusia yang awam akan perkataan yang mutasyabihat sebab mencuri mereka itu akan perkataan Auliya' Allah di dalam فِرَقْ (puak) mereka itu. Maka sangka mereka itu inilah ilmu yang sangat baik dan mulia, lalu diperbuat oleh mereka itu akan qaul dan qil pada hal tiada mengetahui mereka itu akan haram berkata-kata seperti demikian itu sebab jahil mereka itu. Terkadang perkataan itu membawa kepada kufur sebab tiada faham mereka itu akan hakikat yang demikian itu hanya difahamnya makna zahir yang mutasyabihah itu jua. Maka jadilah ia zindiq seperti berkata setengah mereka itu sekalian makhluk ini sifat Allah, maka perkataan itu sesat lagi menyesatkan segala manusia, *Na'udzubillahi min zalik.* Maka perkataan itu jikalau dapat ditakwil kepada yang benar sekalipun, tiada sunyi daripada haram, lagi dosanya amat besar dan jikalau tiada ditakwilkan kepada jalan yang sebenarnya kufur jua, Wallahu a'lam.

Qidam dan keterangannya

Dan kata *Musannif:*

وَالْقِدَمُ

Ertinya: Yang kedua daripada sifat yang wajib bagi Allah Ta'ala itu قِدَمٌ *, ertinya sedia.*

Dan makna qidam pada hak Allah Ta'ala itu ketiadaan *'adam* yang mendahulu bagi wujud. Dan jika engkau kehendak, nescaya engkau kata tiada mendahului akan Dia oleh *'adam.* Dan jika engkau kehendak pula, nescaya engkau kata tiada permulaan bagi wujudNya, maka ketiga-tiganya itu satu makna jua.

Dan adapun qidam pada hak yang lain daripada Allah seperti kata mereka itu بِنَاءٌ ini qadim, maka maknanya panjang masanya dan di*dhabit* panjang masa itu satu tahun. Maka apabila berkata ia tiap-tiap orang yang ada ia yang qadim daripada hambaku, nescaya mereka itu merdeka, maka merdekalah orang yang ada baginya di sisinya itu setahun.

Bermula qaul yang shahih bahawasanya harus di*itlaq*kan qadim itu atas Allah Ta'ala kerana *tsubut* yang demikian itu dengan ijma'. Dan datang warid pada setengah riwayat ganti daripada awal itu dengan qadim.

Dan bermula qaul yang tahqiq bahawasa qadim dan azali itu satu makna dan iaitu barang yang tiada awal baginya *wujudi* ada ia atau *'adami* berdiri dengan sendiri ada ia iaitu seperti zat atau tiada seperti sifat Allah Ta'ala. Maka sekalian sifat Allah Ta'ala itu qadim sekaliannya sama ada Nafsiyah atau Ma'ani atau Ma'nawiyah atau Salbiyah lagi azali. Khilaf bagi Sa'ad yang berkata ia qadim itu tiada permulaan bagi wujudnya dan azali itu barang yang tiada permulaan baginya sama ada ia *wujudi* atau *'adami*. Maka atas kata Sa'ad ini qidam bagi Allah itu qadim lagi azali. Dan *syarik al-Bari* itu azali jua tiada dikatakan qadim. Maka azali itu umum dan qadim itu khusus. Atas qaul Sa'ad ini iaitu qaul dha'if.

Ketahui olehmu, bahawa qadim itu tiga bahagi:

Pertama: Qadim Hakiki, iaitu qadim bagi zat Allah dan segala sifatNya dan segala Asma'Nya.

Kedua: Qadim Zaman, yakni lama zaman seperti yang telah lalu sebutnya didhabitkan dia sekurang-kurangnya setahun.

Dan ketiga: Qadim Idhafi namanya seperti terdahulu bapa daripada anak.

Bermula qadim hakiki itu tiada harus dikatakan yang lain daripada Allah Ta'ala. Maka barang siapa mentsabitkan bagi yang lain daripada Allah Ta'ala itu qadim hakiki, maka iaitu kufur seperti falasafah ia mengi'tiqadkan qidam *falakiyyah* dan *'anasir* (unsur-unsur).

Dan qadim dan wajib dan maujud dan *shani'*, maka keempat-empatnya itu setengah daripada nama Allah Ta'ala dengan ijma'.

Baqa' dan keterangannya

Dan kata *Musannif*:

وَالْبَقَاءُ

Ertinya: *Yang ketiga daripada sifat yang wajib bagi Allah Ta'ala itu* بَقَاءٌ *ertinya kekal.*

Dan makna kekal pada hak Allah Ta'ala itu ketiadaan *akhiriyah* wujudNya dan jikalau engkau kehendak, nescaya engkau kata tiada berkesudahan wujudNya atau dikatakan menafikan *'adam* yang menghubungkan bagi wujudNya. Maka ketiga-tiga ibarat itu satu maksud jua. Dan *akhiriyah* itu diitlaqkan atas kesudahan dan iaitu yang dikehendaki di sini. Dan diitlaqkan *akhiriyah* itu pula atas kekal kemudian daripada fana' makhluk. Dan setengah daripadanya dengan makna ini nama Allah Ta'ala itu *al-Akhir* dan muqabilnya dengan makna ini *al-Awwaliyah* dengan makna terdahulu atas segala perkara dan setengah daripadanya dengan ini makna nama Allah Ta'ala itu *al-Awwal.*

Tanbih (Peringatan)

Diketahui daripada barang yang terdahulu sebutnya bahawa Allah Ta'ala itu tiada awal bagiNya dan tiada akhir bagiNya. Dan bahawa *'adam* kita pada azali itu tiada awal baginya dan baginya akhir.

Dan adapun sekalian makhluk, maka baginya awal dan akhir. Dan segala nikmat syurga dan azab neraka, ada baginya awal dan tiada baginya akhir. Maka tiap-tiap daripada keduanya itu kekal tetapi pada syara', tiada pada akal kerana pada akal harus *'adam* keduanya, bersalahan Allah Ta'ala itu tiada menerima fana' sekali-kali tiada pada syara' dan tiada pada akal. Maka segala bahagi itu empat.

Mukhalafatuhu Ta'ala Lil Hawadith dan keterangannya

Dan kata *Musannif*:

وَمُخَالَفَتُهُ تَعَالَى لِلْحَوَادِثِ

Ertinya: *Yang keempat daripada sifat yang wajib bagi Allah Ta'ala itu* مُخَالَفَتُهُ تَعَالَى لِلْحَوَادِثِ .

Ertinya: Bersalahan Allah Ta'ala bagi segala yang baharu, ertinya tiada bersamaan Allah Ta'ala bagi segala yang baharu. Maka diketahui daripada yang demikian itu menafikan jirim dan *'aradh* dan *kulliyyah* dan *juz'iyyah* dan segala yang lazim bagi segala perkara itu.

Dan yang lazim bagi jirim empat perkara:

Pertama: Baharu.

Dan kedua: Bersusun.

Dan ketiga: Mengambil lapang.

Dan Keempat: Menerima bagi *'aradh*.

Dan yang lazim bagi *'aradh* itu empat perkara pula:

Pertama: Ketiadaan berdiri dengan sendirinya.

Kedua: Wajib berdiri ia dengan yang lain.

Dan ketiga: Baharu.

Dan keempat: Tiada kekal pada zaman yang kedua.

Dan yang lazim bagi *kulliyyah* itu besar dan yang lazim bagi *juz'iyyah* itu kecil dan lain daripada yang demikian itu hasil, yakni *mukhalafah* itu umum pada zatNya dan pada sifatNya dan pada *af'al*Nya (perbuatanNya). Maka tiada menyamai akan Allah Ta'ala itu oleh suatu, tiada menyamai pada zatNya dan tiada menyamai pada sifatNya dan tiada menyamai pada perbuatanNya. Ertinya tiada zat suatu itu seperti zat Allah Ta'ala kerana zat Allah itu bukan daripada jenis nur dan bukan zhulmah dan tiada jenis langit dan tiada jenis bumi dan tiada barang yang di dalam keduanya. Dan tiada sifat suatu seperti sifat Allah kerana sifat Allah itu qadim

lagi baqa' lagi am ta'alluqnya dengan barang yang dita'alluq ia dengan dia dan sifat kita itu sungguhnya ta'alluq ia pada setengah perkara jua, tiada pada setengah yang lain seperti *sama'* Allah Ta'ala ta'alluq ia bagi segala maujud dan *sama'* kita ta'alluq pada setengah jua. Dan tiada pula af'al suatu itu seperti af'al Allah kerana af'al makhluk itu tiada dapat memberi bekas hanya *iktisab* jua, yakni qasad jua. Dan af'al Allah Ta'ala, af'al yang diadakan lagi menjadikan ia akan suatu, tiada dengan alat dan pegawai. Dan Allah Ta'ala firmanNya:

إِنَّمَآ أَمْرُهُۥٓ إِذَآ أَرَادَ شَيْـًٔا أَن يَقُولَ لَهُۥ كُن فَيَكُونُ ﴿٨٢﴾

Sungguhnya pekerjaan Allah itu apabila berkehendak Ia akan suatu bahawa berfirman Ia: Jadi olehmu, maka jadilah seperti kehendakNya. **(Surah Yasin: Ayat 82)**

Bersalahan perbuatan makhluk berkehendak kepada pegawai, maka tiada dapat menyurat dengan tiada *qalam* seperti tiada dapat mengerat dengan tiada gergaji atau kapak. Dan lagi pula apabila kasih Ia akan seorang hambaNya, dibalaNya akan dia. Dan kita apabila kasih kita akan seorang, kita beri berbagai-bagai nikmat yang dapat lazat dengan dia.

Kata Ishaq bin Rahawaih: Dan barang siapa mensifatkan Allah Ta'ala, maka diserupakan sifatNya itu dengan sifat seorang daripada makhluk Allah, maka iaitu kafir dengan Allah yang amat besar.

Kata Nu'aim anak Hammad: Barang siapa menyerupakan Allah, yakni dii'tiqadkan bersamaan Allah dengan suatu daripada makhluk ini, maka sanya kufur ia. Dan barang siapa ingkar ia akan barang yang mensifatkan Allah dengan dia akan diriNya, maka sanya kufur ia.

Dan kata Abu Ishaq Isfirayini: Telah ijma' ahli al-Haq atas bahawasa sekalian barang yang dikata orang pada ilmu tauhid itu terhimpun di dalam dua kalimah ini, salah suatu daripada keduanya, i'tiqad kita bahawasa tiap-tiap barang yang terupa pada sangka-sangka kita daripada menyerupa daripada segala yang baharu ini. Maka Allah itu bersalahan Ia akan dia kerana bahawasa

yang ia dapat rupakan pada waham itu makhluk bagi Allah, maka bermula Allah Ta'ala itu yang menjadikan akan dia. Dan kedua, i'tiqad kita bahawasa zat Allah Ta'ala itu tiada menyerupa dengan suatu daripada makhluk dan tiada sunyi Ia daripada bersifat dengan segala sifat *kamalat*.

Telah berkata Ja'far al-Shadiq Rahimahullahu Ta'ala: Bersahabat aku empat ratus orang sufi dan aku tanya akan mereka itu daripada empat masalah. Maka tiada seorang pun menjawab akan daku, maka dukacitalah aku kerana yang demikian itu. Maka aku lihat akan Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam pada mimpiku, maka bertanya ia akan halku. Maka aku khabarkan akan dia dengan demikian itu, maka sabdanya: Tanyakan olehmu akan daku akan masalahmu itu. Maka berkata aku baginya: Apa hakikat tauhid dan apa had akal yakni takrif akal? Dan apa had tasawwuf dan apa hakikat fakir? Maka sabdanya: Adapun hakikat tauhid itu, maka iaitu barang yang terlintas dengan hatimu, maka iaitu binasa yakni baharu yang fana' ia. Bermula Allah Subhanahu wa Ta'ala bersalahan bagi yang demikian itu kerana tiada dapat menyamai segala yang baharu itu akan Dia. Dan adapun had akal itu, maka sekurang-kurangnya meninggalkan dunia dan yang di atasnya meninggalkan berfikir pada zat Allah Azza wa Jalla kerana sabda Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam:

تَفَكَّرُوْا فِي نِعْمَةِ اللهِ وَلَا تَفَكَّرُوْا فِي ذَاتِ اللهِ

Ertinya: *Fikir olehmu pada nikmat Allah dan jangan kamu fikir pada zat Allah Ta'ala.*

Dan adapun had tasawwuf itu, maka iaitu meninggalkan dakwa ertinya jangan dibangsakan sesuatu kepada makhluk dan menyembunyikan ma'ani yakni segala rahsia.

Dan adapun hakikat fakir itu, maka iaitu bahawa tiada engkau memilik akan suatu dan tiada memilik akan dikau oleh sesuatu dan reda engkau pada kedua hal itu. Dan erti tiada engkau memilik akan suatu itu, tiada engkau pandang akan barang yang ada pada engkau itu milik engkau, hanya engkau pandang petaruhan Allah jua harus bagi Allah mengambil pada waktu yang dikehendakNya. Dan makna tiada memilik akan dikau oleh suatu itu iaitu tiada



cenderung hati engkau kepada suatu sama ada dunia atau akhirat. Hanya *iftiqar* engkau semata-mata kepada Allah jua.

Qiyamuhu Ta'ala Binafsihi dan keterangannya

Kata *Musannif*:

وَقِيَامُهُ تَعَالَى بِنَفْسِهِ

Ertinya: *Yang kelima daripada sifat yang wajib bagi Allah Ta'ala itu* قِيَامُهُ بِنَفْسِهِ *, ertinya berdiri Allah Ta'ala dengan sendirinya.*

Dan telah mentafsir oleh *musannif* akan makna قِيَامُهُ بِنَفْسِهِ itu dengan katanya:

أَيْ لاَ يَفْتَقِرُ إِلَى مَحَلٍّ وَلاَ إِلَى مُخَصِّصٍ

Ertinya*: Tiada berkehendak Ia kepada zat dan tiada berkehendak Ia kepada fa'il (pembuat) yang menjadikan Dia.*

Maka lazim dengan kata tiada berkehendak kepada zat itu bahawa ada Ia zat bukan Ia sifat kerana sifat itu tak dapat tiada bahawa berdiri ia dengan zat dan tiada sah ia berdiri dengan sendiri sama ada sifat qadim atau sifat yang baharu. Dan demikian lagi diambil daripada kata tiada berkehendak kepada *fa'il* itu lazim Ia qadim bukan Ia baharu kerana yang berkehendak kepada *fa'il* itu segala yang baharu.

Dan tafsir Qiyamuhu Ta'ala Binafsihi dengan tiada berkehendak kepada tiap-tiap daripada مَحَلٌّ dan مُخَصِّصٍ itu istilah bagi setengah mutakallimin dan iaitu yang masyhur. Dan pada istilah setengah mereka itu bahawasanya dengan makna tiada berkehendak kepada مَحَلٌّ jua. Maka hanyalah kerana bahawa tiada berkehendak kepada مُخَصِّصٍ itu maklum daripada sifat qidam.

Ketahui olehmu, bahawa segala *maujudat* itu dengan nisbah kepada مَحَلٌّ dan مُخَصِّصٍ itu empat bahagi:

Satu bahagi: Tiada berkehendak ia kepada مَحَلٌّ dan tiada berkehendak ia kepada مُخَصِّصٍ dan iaitu zat Allah Ta'ala.

Dan satu bahagi: Berkehendak ia kepada keduanya dan iaitu *'aradh* segala yang baharu.

Dan satu bahagi: Tiada berkehendak ia kepada مَحَلّ dan berkehendak ia kepada مُخَصِّص dan iaitu zat segala yang baharu.

Dan satu bahagi: Berdiri ia dengan مَحَلّ dan tiada berkehendak ia kepada مُخَصِّص dan iaitu sifat Allah Ta'ala.

Dan sungguhnya telah jahat adab oleh Fakhru al-Razi sekira-kira ibarat ia pada bahagi ini dengan berkehendak kerana tilik daripadanya kepada mustahil berdiri sifat Allah Ta'ala dengan sendirinya dan wajib berdiri dengan zat yang suci serta lalai ia daripada barang yang memberi waham oleh ta'bir dengan *iftiqar* itu.

Dan hasilnya, tiada harus dikatakan sifat Allah Ta'ala itu berkehendak kepada zat kerana memberi waham akan baharunya. Maka wajib kita i'tiqadkan zat Allah Ta'ala itu bersifat dengan segala sifat *kamalat* lagi kaya ia daripada sesuatu yakni tiada berkehendak ia kepada sesuatu dan sekalian yang lain itu berkehendak kepada Allah seperti firman Allah Ta'ala:

﴿ يَـٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ أَنتُمُ ٱلْفُقَرَآءُ إِلَى ٱللَّهِ ۖ وَٱللَّهُ هُوَ ٱلْغَنِىُّ ٱلْحَمِيدُ ﴾

Ertinya: *Hai segala manusia, kamu sekalian fuqara' kepada Allah Ta'ala dan Allah Ta'ala itu Tuhan yang amat kaya lagi amat kepujian.* **(Surah Fathir: Ayat 15)**

Dan ceretera (cerita) Qatadah dan Dhahhak dan Muqatil Rahimahumullahu Ta'ala: Datang beberapa orang Yahudi kepada Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam, maka berkata mereka itu bagi Nabi: Sifatkan olehmu bagi kami akan Tuhanmu, maka bahawasanya Allah Ta'ala turunkan kalamNya pada Taurat, maka engkau khabarkan akan kami daripada apa sesuatu kejadianNya dan daripada apa jenis Ia. Adakah daripada emas atau daripada perak atau daripada tembaga dan adakah Ia makan dan minum dan siapa mempusakakan dunia ini dan siapa yang mengambil pusaka akan Allah? Maka sabdanya: Bahawasanya Allah Ta'ala itu Tuhan kami bukan Ia daripada suatu kerana bahawasanya Ia menjadikan segala suatu. Maka turun surah:

قُلْ هُوَ ٱللَّهُ أَحَدٌ ﴿١﴾ ٱللَّهُ ٱلصَّمَدُ ﴿٢﴾

Ertinya: *Katakanlah (Wahai Muhammad) Allah itu Yang Maha Esa. Allah tempat meminta.* **(Surah al-Ikhlas: Ayat 1-2)**

Dan makna صَمَدٌ itu yang diqasadkan pada segala hajat hambaNya atas berkekalan, yakni kuasa Ia menunaikan segala hajat hambaNya dan jikalau di dalam masa yang satu sekalipun lagi tiada rongga bagiNya. Maka tiada Ia makan dan tiada minum dan tiada beranak, ertinya tiada keluar wujud suatu daripada zatNya yang Maha Tinggi dan tiada diperanakkan akan Dia, ertinya tiada keluar zat Allah itu daripada zat suatu dan tiada suatu yang diperanakkan dia melainkan lagi akan mati dan tiada yang mati melainkan dipusakai akan dia. Bermula Allah Ta'ala itu tiada mati, maka tiada seorang jua pun yang mengambil pusaka akan Dia dan tiada menyamai bagiNya oleh seorang. Maka menyabit Ia dengan firmanNya: ٱللَّهُ ٱلصَّمَدُ ﴿٢﴾ itu berkehendak tiap-tiap barang yang lain itu kepadaNya. Dan tiada syak lagi bahawasanya tiap-tiap suatu itu berkehendak kepadaNya pada permulaan dan berkekalan selama-lamanya, adakalanya dengan *lisan al-Hal* ertinya dengan ahwal kelakuannya dan adakalanya dengan *sharih* perkataan lidahnya atau dengan keduanya, yakni dengan kelakuannya dan dengan perkataannya.

Dan menyebut Ia dengan firmanNya: لَمْ يَلِدْ وَلَمْ يُولَدْ itu akan wajib kaya Ia daripada yang memberi bekas dan kaya pula daripada bekas dan lagi pula menolakkan segala kafir Arab yang mendakwa mereka itu ada bagi Allah itu anak. Kata mereka itu, malaikat itu anak perempuan bagi Allah dan kata Yahudi 'Uzair itu anak Allah dan kata Nasrani 'Isa itu anak Allah.

Dan adalah surah قُلْ هُوَ ٱللَّهُ أَحَدٌ ini menafikan asal kufur yang delapan daripada Allah Ta'ala dan iaitu Tuhan itu banyak dan berbilang-bilang dua atau lebihnya dan kekurangan dan sedikit dan 'illat, yakni wujud Tuhan itu sebab bagi wujud sekalian makhluk dengan tiada ikhtiyar lagi. Dan مَعْلُوْلٌ yakni wujud Allah itu dikeranakan oleh yang lainNya dan شَبِيْهٌ dan نَظِيْرٌ . Dan erti شَبِيْهٌ itu menyerupai yang sangat hampir serupa. Dan erti نَظِيْرٌ itu jauh menyerupanya seperti menyerupai satu wajah di dalam beberapa

wajah itu masuk.

Maka firmanNya: قُلْ هُوَ ٱللَّهُ أَحَدٌ itu menafikan كَثْرَةٌ ertinya banyak dan berbilang-bilang kerana أَحَدٌ itu Esa pada zatNya dan Esa pada sifatNya dan Esa pada af'alNya.

Dan firmanNya: ٱللَّهُ ٱلصَّمَدُ itu menafikan kekurangan dan sedikit, ertinya tiada umum ta'alluqNya.

Dan firmanNya لَمْ يَلِدْ itu menafikan 'illat bagi wujud yang lainNya.

Dan firmanNya: وَلَمْ يُولَدْ itu menafikan مَعْلُوْلٌ ertinya dikerana akan Allah itu oleh yang lainNya.

Dan firmanNya: وَلَمْ يَكُن لَّهُۥ كُفُوًا أَحَدٌۢ itu menafikan شَبِيْهٌ dan نَظِيْرٌ nya. Wallahu a'lam.

Wahdaniyah dan keterangannya

Dan kata *Musannif*:

وَالْوَحْدَانِيَّةُ أَيْ لاَ ثَانِيَ لَهُ تَعَالَى فِي ذَاتِهِ وَلاَ فِي صِفَاتِهِ وَلاَ فِي أَفْعَالِهِ

Ertinya: *Yang keenam daripada sifat yang wajib bagi Allah Ta'ala itu* وَحْدَانِيَّةٌ, *ertinya Esa pada zatNya dan Esa pada sifatNya dan Esa pada perbuatanNya kerana diambil daripada tafsir musannif itu.*

Dan diketahui daripada yang demikian itu bahawa segala bahagi Wahdaniyah itu tiga:

Pertama: Wahdaniyah pada zat. Dan maknanya ketiadaan bersusun pada zat seperti berjisim yang menerima bahagi. Dan tiada pula bagi seorang zatnya seperti zat Allah dan tiada pula jauhar al-Fard. Dan tiada kita ketahui akan hakikatnya hingga di akhirat sekalipun tatkala melihatkan dia oleh segala orang yang mukmin. Maka iaitu ibarat daripada nafi *kam muttasil* pada zatNya, ertinya tiada dapat zatNya itu dibelah atau dikerat dan nafi pula *kam munfashil* pada zat dan iaitu tiada ada zat yang lainnya itu seumpama zat Allah.

Dan kedua: Wahdaniyah pada sifat. Dan maknanya tiada

berbilang-bilang sifat bagi zat yang suci daripada satu jenis seperti ada baginya dua qudrat atau lebih banyaknya dan dua Iradat dan dua Ilmu atau lebih banyaknya. Dan tiada bagi orang yang lainnya sifat seperti sifatNya seperti adalah bagi yang lain itu qudrat seperti qudrat Allah Ta'ala. Dan adapun bahawa ada bagi yang lainnya qudrat tiada seperti qudratNya Ta'ala, maka tiada memberi mudharat ia seperti bahawa adalah bagi yang lainnya itu qudrat yang tiada memberi bekas. Maka iaitu muafakat pada nama qudrat jua tetapi antara dua qudrat itu bersalahan pada hakikatnya. Qiyas olehmu pada segala sifat yang lain yang sah diitlaqkan pada hambaNya. Maka iaitu ibarat daripada nafi *kam muttasil* pada sifat dan iaitu berbilang-bilang sifat bagi zat *muqaddasah* daripada jenis yang satu seperti barang yang telah lalu sebutnya. Dan ibarat daripada menafikan *kam munfashil* pada sifat dan iaitu *tsubut* sifat bagi yang lain daripada Allah seperti sifat Allah Ta'ala seperti yang telah lalu sebutnya.

Dan ketiga: Wahdaniyah pada perbuatan. Dan maknanya tiada *tsubut fi'il* (perbuatan) bagi yang lain daripada Allah Ta'ala dan tiada bersekutu yang lain daripada Allah bagi Allah pada perbuatan. Maka iaitu ibarat daripada nafi *kam munfashil* pada perbuatan dan iaitu *tsubut* perbuatan bagi yang lain daripada Allah Ta'ala seperti bahawa ada bagi api itu memberi bekas pada menghanguskan, maka tiada ternafi *kam muttasil* pada perbuatan dengan Wahdaniyah al-Af'al jika di*tashwir*kan (digambarkan) dengan berbilang-bilang af'al kerana af'al Allah Ta'ala itu amat banyak. Dan jika di*tashwir*kan dengan bahawa tiada berbuat suatu perbuatan melainkan bersekutu akan dia oleh yang lain padanya, maka iaitu dinafikan pula dengan wahdaniyah pada perbuatan seperti dijadikan bagi api itu kuat dan sebab demikian kuat itu memberi bekas pada barang yang menyertakan dia. Dan seperti adalah bagi hamba itu qudrat yang memberi bekas pada berbuat taat dan maksiat. Maka segala *kam* ini iaitu *kam muttasil* dan *munfashil* pada zat dan *kam muttasil* dan *munfashil* pada sifat dan *kam munfashil* pada af'al, demikian lagi *kam muttasil* pada af'al jika di*taswir*kan dengan bahawa Ia berbuat suatu ada orang yang bersekutu akan Dia padanya, sekaliannya itu dinafikan dengan wahdaniyah. Maka wajib kita i'tiqadkan bahawa Allah Ta'ala itu Esa pada zatNya dan Esa pada sifatNya dan Esa pada af'alNya, maka hakikatnya itu

majhul, yakni tiada dapat kita ketahui akan hakikatnya, maka kita serahkan pengetahuan itu kepada Allah Ta'ala kerana sabda Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam:

تَفَكَّرُوْا فِي الْخَلْقِ وَلاَ تَفَكَّرُوْا فِي الْخَالِقِ فَإِنَّهُ لاَ تُحِيْطُ بِهِ الْفِكْرَةُ

Ertinya: *Fikirkan olehmu pada segala yang dijadikan ini dan jangan kamu fikir pada Tuhan yang menjadikan makhluk. Maka bahawasanya tiada dapat kamu hendak meliputi dengan dia oleh fikir kamu.*

Kata setengah 'arifin: Maha suci Tuhan kita yang ada 'ain ilmu kita itu jahil kita dengan Dia dan 'ain jahil kita itulah dinamakan mengetahui kita dengan Dia. Ertinya kesudahan mengetahui kita akan Dia itu hingga sampai kepada tiada didapat akan hakikat zatNya dan tiada dapat hakikat zat itu dinamakan mengetahui. Dan apabila tiada dapat kita ketahui akan setengah daripada makhlukNya dengan mudah, maka betapa kita hendak mengetahui daripada hakikat Tuhan yang menjadikan sekalian makhluk seperti firman Allah Ta'ala:

..... وَمَا يَعْلَمُ جُنُودَ رَبِّكَ إِلَّا هُوَ ..... ﴿٣١﴾

Ertinya: *Dan tiada mengetahui akan tentera Tuhanmu itu Ya Muhammad melainkan Ia Allah jua.* **(Surah al-Muddatstsir: Ayat 31)**

Maka *murad* daripada tentera Tuhan itu malaikat.

Perbuatan Allah

Maka wajib kita i'tiqadkan sekalian perbuatan itu Allah Ta'ala jua yang mengeluarkan daripada *'adam* kepada wujud, pada hal tunggal ia sama ada ia baik atau jahat. Dan makna baik itu iman dan taat. Dan *murad* daripada jahat itu kufur dan maksiat dan sama ada perbuatan itu zahir keluarnya daripada manusia atau lainnya dan sama ada perbuatan itu *ikhtiyari* (kemahuan sendiri) atau

1520

idhthirari (terpaksa), bersalahan kata Mu'tazilah bahawa hamba itu yang menjadikan perbuatan dirinya yang *ikhtiyari* dengan qudrat yang dijadikan dia oleh Allah Ta'ala pada dirinya. Maka sebab membawa mereka itu akan katanya yang demikian itu supaya jangan dinisbahkan kejahatan itu kepada Allah Ta'ala dan kerana mengambil dalil mereka itu dengan firman Allah Ta'ala:

فَتَبَارَكَ ٱللَّهُ أَحۡسَنُ ٱلۡخَـٰلِقِينَ ﴿١٤﴾ .

Ertinya: *Maha suci Allah Ta'ala, Tuhan yang terlebih baik daripada segala orang yang menjadikan.* **(Surah al-Mu'minun: Ayat 14)**

Maka menunjukkan ayat ini atas berbilang-bilang orang yang menjadikan dan atas keadaan Allah Ta'ala itu yang terlebih baik daripada segala yang menjadikan. Maka kita jawab daripada mereka itu dengan bahawasa أَحْسَنُ itu diambil daripada الْحَسَنُ dengan makna mengetahui dan الْخَالِقِيْنَ diambil daripada الْخَلْقُ dengan makna takdir, maka adalah maknanya Maha Suci Allah Ta'ala, Tuhan yang terlebih mengetahui bagi segala orang yang mengirakan dan mentakdirkan. Maka telah menyabit oleh mereka itu ada yang bersekutu bagi Allah Ta'ala pada menjadikan, maka adalah mereka itu seperti Majusi, sabda Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam:

الْقَدَرِيَّةُ مَجُوْسُ هَذِهِ الأُمَّةِ فَإِنْ مَرِضُوْا فَلاَ تَعُوْدُوْهُمْ وَإِنْ مَاتُوْا فَلاَ تَشْهَدُوْهُمْ. (رواه أبو داود والحاكم عن ابن عمر)

Ertinya: *Bermula Qadariyah itu Majusi umat ini, yakni seperti Majusi daripada umatku ini. Maka jikalau sakit mereka itu, maka jangan kamu ziarah akan mereka itu dan jikalau mati mereka itu, maka jangan kamu hadir akan jenazah mereka itu.* **(Telah meriwayat akan hadis ini oleh Abu Daud dan Hakim daripada Ibnu Umar)**.

Bermula qaul yang dipilih bahawasanya mereka itu tiada harus kita kufurkan mereka itu dan jikalau berkata mereka itu hamba itu

yang menjadikan perbuatan dirinya sekalipun kerana mereka itu membenarkan bahawa hamba serta iradatnya dan qudratnya itu makhluk bagi Allah. Dan sebab menanggung mereka itu atas kata yang demikian itu takut jahat dinisbahkan maksiat dan kufur itu kepada perbuatan Allah Ta'ala kerana Ia Tuhan yang amat besar tiada layak bahawa dibangsakan kepadaNya akan yang jahat-jahat. Dan eloklah kita nisbahkan kepada hamba, maka hamba itulah yang berkehendak akan dia dan yang menjadikan dia dan tiada berkehendak akan dia oleh Allah dan tiada menjadi Ia akan dia. Dan sungguhnya Allah Ta'ala berkehendak Ia akan taat daripada orang yang *'ashi* (orang yang melakukan maksiat) dan berkehendak Ia akan iman daripada orang yang kafir. Tetapi berbuat mereka itu akan kejahatan, maka lari mereka itu daripada yang jahat, maka jatuh mereka itu di dalam yang terlebih jahat iaitu bahawa berlaku di dalam milik Allah atas menyalahi kehendakNya dan iaitu batil kerana suatu yang jahat itu jikalau daripada perbuatan hamba, yakni jikalau ditilik jatuh perbuatan itu dengan usaha hamba. Adapun jikalau ditilik daripada pihak perbuatan Allah dan kehendakNya, maka sekaliannya itu baik baginya dengan dalil firman Allah Ta'ala:

لَا يُسْـَٔلُ عَمَّا يَفْعَلُ وَهُمْ يُسْـَٔلُونَ ﴿٢٣﴾

Ertinya: *Jangan kamu tanya daripada barang yang ia berbuat dan segala mereka itu yang ditanyakan segala perbuatan mereka itu.*

(Surah al-Anbiya': Ayat 23)

Dan lagi firmanNya:

وَٱللَّهُ خَلَقَكُمْ وَمَا تَعْمَلُونَ ﴿٩٦﴾

Dan bermula Allah Ta'ala yang menjadikan kamu dan akan barang yang berbuat oleh kamu. **(Surah al-Shaffat: Ayat 96)**

Kata setengah ulama: Tiada harus bahawa dikatakan Allah Ta'ala berkehendak akan كُفْرٌ (kekufuran) dan ظُلْمٌ (kezaliman) dan فِسْقٌ (kefasikan) dan jikalau Ia berkehendak sekalipun seperti tiada harus dikatakan Allah Ta'ala menjadikan segala yang luat-luat dan

yang keji-keji seperti kera dan babi melainkan pada tempat mengajar dan belajar dan jikalau ada Ia Tuhan yang menjadikan sekaliannya sekalipun lagi dengan kehendakNya dengan dalil firmanNya:

..... قُلْ كُلٌّ مِّنْ عِندِ ٱللَّهِ ..... ﴿٧٨﴾

Ertinya: *Kata olehmu, ya Muhammad! Bermula tiap-tiap daripada kebajikan dan kejahatan itu daripada Allah Ta'ala takdirnya dan jadinya.* **(Surah al-Nisa': Ayat 78)**

Dan khilaf pula bagi Jabariyah pada kata mereka itu bahawa hamba itu tergagah ia atas perbuatan mereka itu seperti bulu ayam yang tergantung pada hawa' dan tiada usaha bagi hamba itu pada af'alnya sekali-kali. Maka hasilnya fi'il yang disandarkan kepada hamba itu pada zahirnya tiga qaul:

Pertama: Jabariyah, seperti yang telah lalu sebutnya sekira-kira sangat taqsir mereka itu pada perkataan mereka itu dengan bahawasanya tiada usaha bagi hamba itu pada perbuatannya.

Dan kedua: Mu'tazilah. Maka telah mengi'tiqad oleh mereka itu, maka taqsir mereka itu dengan sekira-kira berkata mereka itu dengan bahawa hamba itu menjadikan ia akan fi'ilnya yang *ikhtiyari*.

Dan ketiga: Ahli al-Sunnah. Maka adalah i'tiqad mereka itu pertengahan sekira-kira berkata mereka itu dengan bahawa hamba itu tiada menjadikan ia akan perbuatannya tetapi baginya pada fi'il itu usaha dan ikhtiyar. Dan sebaik-baik pekerjaan itu pertengahan iaitu Ahli al-Sunnah kerana bahawasanya keluar ia daripada tahi dan darah iaitu air susu yang *khalish* lagi lazat bagi yang meminum akan dia.

Sifat Nafsiyah

Dan kata *Musannif*:

فَهَذِهِ سِتُّ صِفَاتٍ الأُوْلَى نَفْسِيَّةٌ وَهِيَ الْوُجُوْدُ

Maka inilah enam sifat yang pertamanya sifat Nafsiyah namanya

dan iaitu wujud.

Dan hanyasanya dibangsakan dia bagi nafsu (diri) kerana melazimkan sifat itu baginya, yakni bagi zatNya. Maka hanyalah dengan bersalahan Ma'nawiyah, maka bahawasanya melazimkan ia bagi Ma'ani. Maka kerana inilah dibangsakan dia kepada Ma'ani.

Dan sungguhnya diketahui daripada kalam *musannif* itu bahawa barang yang telah lalu daripada segala sifat itu dua bahagi, salah suatu daripada keduanya iaitu yang pertamanya sifat Nafsiyah dan yang kedua iaitu yang lima yang tinggal itu sifat Salbiyah.

Dan barang yang lagi akan datang daripada segala sifat itu dua bahagi pula, salah suatu daripada keduanya dan iaitu sifat wujudi dan iaitu sifat Ma'ani. Dan yang kedua sifat ahwal iaitu sifat Ma'nawiyah.

Maka hasilnya daripada kalam *musannif* bahawa sifat dua puluh itu terbahagi atas empat bahagi:

Pertama: Sifat Nafsiyah dan *dhabith*nya:

مَا لاَ تُعْقَلُ الذَّاتُ إِلاَّ بِهَا

Ertinya: *Barang yang tiada diakal zat itu melainkan dengan dia.*

Ertinya, tiada tasawwur pada akal *tsubut* zat itu melainkan dengan sifat Nafsiyah.

Dan lagi ditakrif oleh setengah ulama pula:

الْحَالُ الثَّابِتُ لِلذَّاتِ مَا دَامَتِ الذَّاتُ غَيْرَ مُعَلَّلَةٍ بِعِلَّةٍ

Iaitu hal yang tsabit bagi zat selama ada zat itu pada hal tiada dikeranakan dengan suatu kerana.

Yakni bukan kerana Ma'ani itu berdiri kepada zat atau kerana lainnya.

Dan makna hal itu suatu pekerjaan yang pertengahan antara wujud dan *'adam*. Maka keluar dengan kata hal itu sifat Ma'ani kerana ia bangsa *wujudi*. Dan keluar pula sifat Salbiyah kerana ia sifat *'adami*. Dan keluar dengan kata tiada dikeranakan dengan suatu kerana iaitu sifat Ma'nawiyah. Maka iaitu hal yang tsabit

bagi zat jua tetapi dikeranakan dengan Ma'ani itu berdiri pada zat seperti yang lagi akan datang bicaranya, Insya' Allah.

Dan dikatakan sifat Nafsiyah itu (هِيَ هُوَ) ertinya sifat itulah zat dan tiada bagi Allah Ta'ala sifat Nafsiyah melainkan wujud jua. Tetapi tersebut di dalam Hasyiyah Sanusi atas **Matan Kubra** bahawasanya Ta'ala bersalahan bagi segala yang baharu dengan beberapa sifat Nafsiyah seperti *Jalal* dan *Jamal* dan *al-Hilm* dan umpamanya.

Sifat Salbiyah

Dan kata *Musannif*:

وَالْخَمْسَةُ بَعْدَهَا سَلْبِيَّةٌ

Dan yang lima kemudian daripada Nafsiyah itu sifat Salbiyah dan iaitu Qidam dan Baqa' dan Mukhalafatuhu lilhawadith dan Qiyamuhu Binafsihi dan Wahdaniyah.

Dan hanyasanya dibangsakan dia bagi سَلْبٌ kerana sekaliannya yang lima itu menafikan bagi barang yang tiada berpatutan dengan Allah kerana makna سَلْبٌ itu nafi. Maka Qidam itu menafikan permulaan wujudNya dan Baqa' itu menafikan kesudahan wujudNya dan Mukhalafatuhu lilhawadith itu menafikan bersamaan bagi *hawadith* yang sepuluh perkara yang lagi akan datang sebutnya di dalam yang mustahil di sana. Dan Qiyamuhu Binafsihi itu menafikan berkehendak kepada zat atau kepada fa'il yang menjadikan Dia. Dan Wahdaniyah itu menafikan berbilang-bilang pada zatNya dan pada sifatNya dan pada af'alNya seperti segala "كَمْ" yang lima yang telah lalu sebutnya.

Dan diketahui daripada yang demikian itu bahawa *murad* dengan keadaannya Salbiyah itu bahawa maknanya menafikan seperti demikian yang tersebut itu tiada *murad* bahawasanya segala sifat itu tertanggal daripada Allah Subhanahu wa Ta'ala dari kerana ia tsabit bagi Allah tiada dinafi daripadaNya, maka tadabbur olehmu.

Dan takrif sifat Salbiyah itu:

صِفَةٌ دَالَّةٌ عَلَى نَفْيِ مَا لاَ يَلِيْقُ بِاللهِ عَزَّ وَجَلَّ

Iaitu sifat yang menunjukkan atas nafi barang yang tiada layak dengan Allah 'Azza wa Jalla.

Maka telah lalu makna nafi itu. Maka sekalian yang dinafikan itu tiada patut bagi Allah Jalla wa 'Azza kerana bahawasanya sekalian itu mustahil pada zat Allah Ta'ala bersifat dengan dia.

Maka qaul yang membilangkan Qidam dan Baqa' sifat Salbiyah, itulah qaul yang muktamad.

Maka dikatakan pada sifat Salbiyah itu (هِيَ غَيْرُهُ), ertinya sifat itu lain daripada zat. Dan kata qil: Qidam dan Baqa' itu sifat Nafsi seperti wujud jua. Maka qaul ini dha'if tiada dapat dipegang akan dia.

Sifat Ma'ani

Kemudian kata *musannif* pula:

ثُمَّ يَجِبُ لَهُ تَعَالَى سَبْعُ صِفَاتٍ تُسَمَّى صِفَاتِ الْمَعَانِي

Ertinya: *Kemudian wajib pula bagi Allah tujuh sifat dinamai akan dia sifat Ma'ani.*

Dan katanya kemudian itu tertib pada sebutan jua bukan tertib pada hakiki kerana sekalian sifat Allah Ta'ala itu Qadim lagi azali tiada terdahulu setengah atas setengahnya. Ertinya sudah selesai daripada mengkhabarkan sifat Nafsiyah dan Salbiyah, maka hendak mengkhabarkan sifat Ma'ani pula.

Dan adapun sebab diulangkan oleh *musannif* lafaz يَجِبُ itu serta sudah terdahulu sebutnya pada katanya فَمَّا يَجِبُ hingga akhirnya kerana sudah bercerai daripada sifat yang dahulu itu dengan katanya فَهٰذِه ستُّ صفات hingga akhirnya dan lagi kerana hendak men*sharih*kan bagi menolak atas Mu'tazilah yang menafi oleh mereka itu akan wajib sifat Ma'ani bagi Allah Ta'ala.

Maka kata *musannif* tujuh sifat, yakni daripada sisi Asya'irah. Dan adapun di sisi Maturidiyah, maka sifat Ma'ani itu delapan sifat

kerana bahawasanya mereka itu menambah oleh mereka itu atas bilangan yang lagi akan datang akan sifat Takwin. Maka ia di sisi mereka itu sifat yang Qadim yang berdiri dengan zat Allah Ta'ala. Dengan dialah mengadakan dan meng*'adam*kan dan iaitu yang dikehendaki di sisi mereka itu daripada segala sifat af'al kerana bahawa mereka itu, berkata mereka itu:

Jikalau ta'alluq sifat Takwin itu dengan menjadikan, dinamakan dia خَلْقًا. Dan jikalau ta'alluq ia dengan memberi rezeki, dinamakan dia رِزْقًا. Dan jikalau ta'alluq ia dengan menghidupkan, dinamakan dia إِحْيَاءً. Dan seperti demikianlah engkau qiyas. Dan atas qaul ini, maka adalah segala sifat fi'il itu Qadim.

Dan yang rajihnya mazhab Asya'irah daripada ketiadaan bertambah demikian sifat Ma'ani itu daripada tujuh. Dan daripada keadaan *murad* daripada sifat af'al itu segala ta'alluq Qudrat akan sebagai ta'luq Tanjizi dan demikian ta'alluq itu baharu. Dan atas qaul Asya'irah ini, maka sekalian sifat af'al itu baharu.

Maka jikalau dikata orang pada mazhab Maturidiyah apabila adalah sifat Takwin itu dengan dia mengadakan dan meng*'adam*kan, maka apalah pekerjaan Qudrat pada i'tiqad mereka itu?

Dijawab akan dia dengan bahawasa pekerjaannya itu تَهْيِئَةٌ (menyediakan) akan mumkin, ertinya menyediakan mumkin bagi wujudnya dan *'adam*nya dengan makna menjadi ia akan mumkin itu menerima ia bagi demikian itu. Dan dibahas pada jawab ini dengan bahawasanya mumkin itu menerima ia bagi demikian itu pada zatnya, maka tiada berhajat kepada menyediakan oleh Qudrat itu baginya. Dan dijawab akan dia dengan bahawa *murad*nya itu bahawasanya menjadi ia akan dia menerima bagi demikian itu akan sebagai menerima menyediakan. Dan jikalau adalah ia menerima bagi demikian itu akan sebagai qabul zati sekalipun, *fata'ammul* (Perhatikanlah!).

Dan kata *musannif*:

وَهِيَ الْقُدْرَةُ وَالإِرَادَةُ الْمُتَعَلِّقَتَانِ بِجَمِيْعِ الْمُمْكِنَاتِ

Ertinya: *Dan iaitu yang tujuh sifat itu pertamanya Qudrat dan yang keduanya Iradat yang ta'alluq keduanya dengan sekalian mumkin.*

Takrif Qudrat

Dan takrif Qudrat itu:

هِيَ صِفَةٌ وُجُوْدِيَّةٌ قَائِمَةٌ بِذَاتِهِ تَعَالَى يَتَأَتَّى بِهَا إِيْجَادُ كُلِّ مُمْكِنٍ وَإِعْدَامُهُ عَلَى وَفْقِ الإِرَادَةِ

Iaitu sifat yang Wujudiyah yang berdiri ia dengan zat Allah Ta'ala yang dapat dengan Dia mengadakan tiap-tiap mumkin dan meng'adamkan dia atas muafakat Iradat.

Ertinya tiada menjadikan Ia akan suatu melainkan dengan kehendakNya. Dan kata mereka itu yang dapat dengan dia mengadakan tiap-tiap mumkin dan meng*'adam*kan dia itu isyarat kepada ta'alluqnya *Shuluhi Qadim*. Dan iaitu patutnya pada azali bagi mengadakan dan meng*'adam*kan bukan isyarat kepada ta'alluqnya *Tanjizi Hadis* dan iaitu mengadakan dan meng*'adam*kan dengan fi'il, yakni dengan menunaikan bagi jadinya dan *'adam*nya kerana bahawasanya yang bersegera faham daripada ta'bir dengan dapat mengadakan tiap-tiap mumkin itu iaitu ta'alluq *Shuluhi* jua.

Dan lagi pula dita'birkan dengan tiap-tiap mumkin itu menghendaki ia akan *Shuluhi* jua kerana bahawasanya tiada ta'alluq ia akan sebagai *Ta'alluq Tanjizi Hadis* dengan tiap-tiap mumkin kerana mumkin yang ta'alluq oleh ilmu Allah Ta'ala dengan ketiadaan wujudnya itu seperti iman bagi Abi Jahal tiada ta'alluq ia dengan dia akan yang demikian ta'alluq itu dan jika ta'alluq ia dengan dia akan sebagai *Ta'alluq Shuluhi Qadim* sekalipun.

Dan dengan inilah dihimpunkan antara khilaf pada keadaannya maqdur atau tiada maqdur, maka ditanggungkan yang pertama itu yakni maqdur itu atas *Ta'alluq Shuluhi Qadim*. Dan yang kedua itu yakni tiada maqdur itu ditanggungkan atas *Ta'alluq Tanjizi Hadis*.

Maka hasil bahawa bagi Qudrat itu dua ta'alluq, salah suatu daripada keduanya *Ta'alluq Shuluhi Qadim* dan yang kedua *Tanjizi Hadis*. Tetapi ini atas jalan ijmal. Dan adapun atas jalan tafshil, maka baginya tujuh ta'alluq:

Yang pertama: *Shuluhi Qadim*. Dan iaitu patutnya pada azali

bagi mengadakan dan meng*'adam*kan.

Dan keduanya: Keadaan mumkin itu pada barang yang lagi akan datang dahulu daripada wujudnya di dalam genggaman Qudrat. Dengan makna bahawa Allah Ta'ala jikalau dikehendakiNya mengekal Ia akan dia atas *'adam*nya dan jikalau mengkehendaki Ia mengadakan dia, mengada Ia akan dia dengan dia dan iaitu setengah daripada beberapa bahagi *Ta'alluq Qabdhah.*

Dan ketiga: Mengadakan oleh Allah Ta'ala akan suatu dengan dia pada barang yang lagi akan datang. Dan iaitu setengah daripada segala bahagi *Ta'alluq Tanjizi Hadis*.

Dan yang keempat: Keadaan mumkin pada ketika wujudnya itu di dalam genggaman Qudrat dengan makna bahawa Allah Ta'ala jikalau menghendaki Ia atas mengekal, nescaya mengekal Ia atas wujudnya. Dan jikalau menghendaki Ia meng*'adam*kan dia, nescaya meng*'adam* Ia akan dia dengan dia dan iaitu setengah daripada segala bahagi *Ta'alluq Qabdhah.*

Dan yang kelima: Meng*'adam*kan oleh Allah Ta'ala akan suatu dengan dia. Dan iaitu setengah daripada bahagi *Ta'alluq Tanjizi Hadis*.

Dan keenam: Keadaan mumkin itu pada ketika *'adam*nya di dalam genggaman Qudrat dengan makna bahawa Allah Ta'ala jika menghendaki mengekalkan atas *'adam*nya mengekal Ia akan dia. Dan jikalau menghendaki Ia mengadakan, nescaya mengadakan Ia akan dia dengan dia. Dan iaitu setengah daripada bahagi *Ta'alluq Qabdhah* yakni genggamannya.

Dan ketujuh: Mengadakan Allah Ta'ala akan suatu dengan dia pada ketika bangkitnya. Dan iaitu setengah daripada segala bahagi *Ta'alluq Tanjizi Hadis* dan diam oleh mereka itu daripada ta'alluqnya dengan suatu kemudian daripada yang demikian itu.

Dan iaitu keadaannya di dalam Qabdhah Qudrat dengan makna bahawa Allah Ta'ala jikalau menghendaki Ia mengekalkan akan dia, nescaya mengekalkan Ia akan dia atas wujudnya. Dan jikalau menghendaki Ia meng*'adam*kan dia, nescaya meng*'adam*kan Ia akan dia dengan dia dengan putus tilik kepada dalil syara' yang datang *warid* pada mengekalkan dia. Maka apabila dihimpunkan ta'alluq ini kepada tujuh yang dahulu itu, nescaya adalah jumlahnya

delapan ta'alluq.

Iradat dan keterangannya

Dan katanya:

وَالإِرَادَةُ

Ertinya: *Berkehendak.*

Iaitu sifat Wujudiyah yang berdiri ia dengan zat Allah Ta'ala yang men*takhsis*kan mumkin dengan setengah barang yang harus atasnya, yakni atas mumkin itu, maka katanya men*takhsis*kan mumkin hingga akhirnya itu isyarat kepada ta'alluqnya *Tanjizi Qadim* dan iaitu men*takhsis*kan suatu dengan setengah barang yang harus atasnya pada azali atau isyarat kepada ta'alluqnya *Tanjizi Hadis* kerana dibinakan atas qaul yang berkata dengan dia dan iaitu men*taksis*kan suatu dengan demikian itu pada ketika mengadakan dia atau meng*'adam*kan dia tiada isyarat kepada ta'alluqnya *Shuluhi Qadim*. Dan iaitu patutnya pada azali bagi men*takhsis*kan mumkin dengan tiap-tiap suatu daripada barang yang harus atasnya kerana bersegera faham daripada ta'bir dengan *takhsis* itu bahawa *murad takhsis* itu dengan *fi'il* (perbuatan).

Dan lagi pula ta'bir dengan setengah barang yang harus atasnya itu menghendaki ia akan dia, yakni akan *takhsis* dengan *fi'il* kerana bahawa iradat itu patut pada azali bagi men*takhsis*kan mumkin dengan tiap-tiap suatu daripada barang yang harus atasnya tiada dengan setengahnya. Maka hanyalah maka hasil bagi Iradat itu tiga ta'alluq kerana dibinakan atas qaul yang berkata dengan bahawa bagi Iradat itu *Ta'alluq Tanjizi Hadis*.

Bermula qaul yang tahqiq bahawa yang demikian itu yakni *Tanjizi Hadis* itu tiada *ta'alluq* yang *mustaqil* tetapi menzahirkan bagi *Ta'alluq Tanjizi Qadim* jua dan atas qaul ini, maka adalah bagi Iradat itu dua ta'alluq jua. Maka hanyalah salah suatu daripada keduanya *Shuluhi Qadim* dan kedua *Tanjizi Qadim*.

Dan disandarkan *takhsis* kepada Iradat itu *majaz 'aqli*, yakni bukan hakikat setengah daripada bab isnad kepada sebab. Dan jikalau tiada ia majaz, nescaya tiada sah isnad *takhsis* itu kepada

Iradat kerana yang meng*takhsis* pada hakikat itu iaitu zat yang Maha Suci. Dan demikian lagi diisnadkan memberi bekas kepada Qudrat.

Pada kata setengah mereka itu, bermula Qudrat itu sifat yang memberi bekas ia pada mumkin akan mengadakan dan meng*'adam*kan, maka iaitu *majaz 'aqli* daripada bab isnad kepada sebab. Dan jikalau tiada diisnadkan kepada sebab, maka tiada sah isnad itu kerana yang memberi bekas pada hakikat itu iaitu zat yang *aqdas,* yakni yang Maha Suci kerana tiada yang berbuat melainkan zat seperti barang yang di*nash*kan atasnya oleh kebanyakan ulama yang muhaqqiqin.

Dan adapun perkataan orang yang awam, bermula Qudrat itu berbuat atau tilik olehmu akan perbuatan Qudrat atau umpama yang demikian itu, maka iaitu haram. Dan kata qil makruh selama tiada mengi'tiqad oleh mereka itu bahawa Qudrat itu memberi bekas dengan sendirinya.

Dan adapun jikalau dii'tiqadkan Qudrat itu memberi bekas dengan sendirinya, nescaya jadi kafir, *Wal'iyyazubillahi Ta'ala.*

Tanbih

Bermula *murad* dengan setengah barang yang harus atasnya itu segala perkara yang enam yang *muqabalah* akan dia oleh enam yang lainnya. Bermula demikian perkara itu iaitu wujud *muqabalah*nya *'adam* yakni lawannya *'adam.* Dan sifat yang tertentu lawan daripada sekalian sifat, dan zaman yang tertentu lawan daripada sekalian zaman, dan tempat yang tertentu lawan daripada sekalian tempat, dan jihah yang tertentu lawan daripada sekalian jihah, dan qadar yang tertentu lawan daripada segala qadar. Dan segala perkara ini dinamakan dia sekalian mumkin yang berlawan-lawan.

Tatimmah

Maka difaham daripada kalam *musannif,* ta'alluq Qudrat dan Iradat kepada sekalian mumkin itu tiada ta'alluq keduanya kepada yang wajib dan yang mustahil kerana jikalau ta'alluq keduanya

kepada wajib atau kepada mustahil, adakalanya bertukar hakikat atau *Tahsil al-Hasil.* Kerana jikalau ta'alluq keduanya kepada mengadakan yang wajib atau meniadakan yang mustahil, jadi *Tahsil al-Hasil*. Dan jikalau ta'alluq keduanya dengan meng*'adam*kan yang wajib atau mengadakan yang mustahil, nescaya jadi bertukar hakikat.

Dan makna ta'alluq itu menuntut sifat itu akan pekerjaan yang lebih atas berdiri sifat itu dengan zat. Maka sifat itu melazimkan berdiri ia dengan zat, maka menuntut sifat akan pekerjaan yang lebih atas berdiri pada zat itu dinamakan akan dia ta'alluq umpama Qudrat. Maka menuntut ia mengadakan mumkin dan meng*'adam*kan dia kemudian daripada berdiri ia dengan zatnya, maka inilah makna ta'alluq. Dan makna mumkin itu barang yang sah adanya dan tiadanya, yakni dapat berubah-ubah.

Kata Syeikh Suhaimi Rahimahullahu Ta'ala: Dan setengah daripada mumkin itu *wajib 'aradhi*, ertinya wajib dengan sebab bergantung yang lainnya seperti mumkin yang ta'alluq oleh Iradat akan hendak menjadikan dia. Maka wajib jadinya itu sebab bergantung oleh Iradat hendak mengadakan dia, maka dirinya itu mumkin jua. Dan setengah daripada mumkin *mustahil 'aradhi*, erti mustahil dengan sebab bergantung yang lainnya seperti:

مُمْكِنٌ عَلِمَ اللهُ أَنَّهُ لَمْ يُوْجَدْ

Ertinya: *Mumkin yang diketahui oleh Allah Ta'ala akan bahawasanya tiada dijadikan dia.*

Maka mustahil jadinya itu dengan sebab bergantung pengetahuan Allah Ta'ala tiada hendak menjadikan dia, maka dirinya itu mumkin jua. Maka keduanya itu dita'alluq oleh Qudrat dan Iradat dan tiada dita'alluq keduanya kepada wajib yang hakiki. Dan demikian lagi tiada ta'alluq keduanya kepada mustahil yang hakiki.

Adapun masalah kita ini iaitu wajib dengan sebab yang lainnya dan mustahil dengan sebab yang lainnya bukan wajib hakiki dan bukan mustahil hakiki kerana bahawasanya ilmu Allah Ta'ala jikalau ta'alluq ia dengan mengadakan mumkin adalah ini mumkin bagi zatnya dan wajib ia kerana bahawasanya bergantung ilmu

Allah dengan mengadakan dia. Maka jadilah *'adam*nya pada waktu itu mustahil dengan sebab yang lainnya, yakni sebab ta'alluq ilmu mengadakan dia dan jikalau ada ia mumkin pada zatnya sekalipun kerana jikalau tiada dapat ada pada waktu yang dikehendaki akan dia oleh Allah Ta'ala, nescaya lazimlah bertukar ilmu itu jadi jahil dan iaitu mustahil.

Hubaya-hubaya: Hendaklah kita kata Qudrat dan Iradat itu tiada ta'alluq keduanya kepada yang wajib hakiki dan yang mustahil hakiki. Maka tiada harus bahawa kita kata Allah Ta'ala kuasa atas yang wajib dan yang mustahil atau lemah daripada keduanya. Kerana bahawasa lazim atas perkataan itu harus ta'alluq keduanya dengan meniadakan diri keduanya erti Qudrat dan Iradat dan dengan meniadakan zat yang Maha Tinggi dan dengan mentsabitkan ketuhanan bagi segala yang baharu dan dengan menafikan ketuhanan daripadaNya Subhanahu wa Ta'ala. Dan apalah kekurangan dan kebinasaan yang terlebih besar daripada ini seperti kata Ahli al-Bid'ah bahawa kuasa Allah Ta'ala itu bahawa menjadi Ia akan anak bagiNya kerana jikalau tiada kuasa Ia atasnya, nescaya adalah Ia lemah. Maka tilik olehmu, akan akal orang yang bid'ah ini betapa lalai ia daripada barang yang ditertib atasnya daripada fasid yang amat besar dan beberapa kebinasaan yang tiada masuk di bawah waham orang yang berakal sekali-kali, yakni tiada ta'alluq Qudrat dan Iradat akan yang wajib dan mustahil itu tiada dibangsakan kepada Allah itu lemah kerana bukan jalan keduanya.

Dan adapun sebab berkata oleh Ahli Bid'ah akan yang demikian itu kerana mengambil oleh mereka itu daripada cerita Nabi Idris 'alaihissalam tatkala datang akan dia oleh iblis pada hal merupa ia akan rupa manusia, datang ia akan dia dengan membawa kulit telur dan pada hal ia duduk menjahit pakaian dan berkata ia pada tiap-tiap cucuk jarum dan tariknya: سُبْحَانَ اللهِ وَالْحَمْدُ لِلّٰهِ . Maka berkata iblis itu: Adakah kuasa Allah Ta'ala itu bahawa menjadikan dunia ini di dalam kulit telur ini? Maka berkata Nabi Idris: Bermula Allah Ta'ala kuasa menjadikan dunia di dalam lubang jarum ini serta dicucuknya salah suatu daripada dua matanya, maka jadilah buta sebelah matanya.

Dan telah men*taudhih* akan jawab itu oleh Syeikh Asy'ari

dengan katanya: Jikalau dikehendak oleh yang bertanya bahawa dunia ini atas sifat yang ada ia atasnya dan kulit telur itu atas kadar sebesar yang ada ia atasnya, maka tiada dapat sekali-kali kerana jisim yang besar itu mustahil bahawa bermasuk-masuk ia di dalam tempat yang kecil yang satu. Dan jikalau dikehendak bahawa kecilkan dunia ini terlebih kecil daripada kulit telur dan dimasukkan akan dia di dalamnya atau dibesarkan kulit telur itu terlebih besar daripada dunia dan dimasukkan dunia di dalamnya, maka adalah pekerjaan itu harus bukan mustahil. Maka telah maklum bahawa Qudrat Allah itu ta'alluq ia kepada yang harus. Maka kuasa Ia atas yang demikian itu.

Kata setengah ulama sebab tiada ditafsilkan oleh Nabi Idris akan jawabnya seperti demikian itu kerana bahawasanya yang bertanya itu orang yang *'inad*, yakni orang olok-olok dan melawan jua bukan ia hendak mengetahui akan masalah kerana itulah dicucuk matanya yang kanan supaya adalah siksanya daripada jenis amal. Maka bahawasanya berkehendak ia memadamkan cahaya iman orang, maka dipadamkan pula akan cahaya matanya جَزَاءً وِفَاقًا.

Iradat dan Amr

Ketahui olehmu, bahawa Iradat dan أَمْرٌ (Amr) yakni suruh itu berlainan keduanya dan bercerai keduanya. Khilaf bagi Mu'tazilah sekira-kira berkata setengah daripada mereka itu dengan bahawasanya keduanya bersuatu. Dan berkata setengah mereka itu dengan bahawa Iradat itu lazim bagi suruh. Dan telah membina oleh mereka itu atas yang demikian itu bahawa Allah tiada berkehendak Ia akan kejahatan dan akan yang keji-keji. Dan dibinakan atas mazhab Ahli al-Sunnah bahawa Allah Ta'ala itu terkadang berkehendak Ia akan suatu dan tiada menyuruh Ia dengan dia seperti segala pekerjaan kufur dan maksiat. Yakni jatuh kufur bagi orang yang dikehendak Allah akan kufur, demikian lagi maksiat dan terkadang menyuruh Ia dengan dia dan tiada berkehendak akan dia seperti iman Abi Jahal dan Abi Lahab. Dan dalilnya Rasulullah menyuruhkan mereka itu beriman, maka tiada mereka itu beriman kerana tiada dikehendakNya. Dan terkadang berkehendak Ia akan dia dan menyuruh Ia akan dia seperti iman

bagi orang yang ta'alluq ilmu Allah dengan beriman seperti Abi Bakar dan lainnya. Dan terkadang tiada berkehendak Ia dan tiada menyuruh dengan dia seperti kufur daripada mereka itu yakni Abi Bakar dan lainnya daripada segala mereka yang beriman.

Ketahui olehmu, bahawa segala sifat Ma'ani itu setengah daripadanya barang yang tiada ta'alluq sekali-kali dan iaitu Hayat. Dan setengah daripadanya barang yang ta'alluq ia akan sebagai ta'alluq memberi bekas dan iaitu Qudrat dan Iradat kerana dibinakan atas barang yang ia yang dipilih iaitu bahawa *takhsis* itu memberi bekas jua. Dan setengah daripadanya barang yang ta'alluq ia akan sebagai *Ta'alluq Inkisyaf* dan iaitu Ilmu dan *Sama'* dan *Bashar*. Dan setengah daripadanya barang yang ta'alluq ia akan sebagai *Ta'alluq Dilalah* dan iaitu Kalam.

Ketahui olehmu, *murad* daripada ta'alluq memberi bekas itu iaitu mengadakan atau meng*'adam*kan mumkin. Maka erti mengadakan itu mengeluarkan mumkin daripada *'adam* kepada wujud. Dan erti meng'adamkan itu iaitu bahawa menjadikan akan suatu yang ada itu akan tiadanya seperti barang yang dahulunya daripada ketiadaannya.

Pembahagian Mumkin

Bermula bahagi mumkin itu empat bahagi:

Pertama: مُمْكِنٌ مَوْجُوْدٌ بَعْدَ الْعَدَم seperti masa sekarang, maka dahulunya tiada.

Kedua: مُمْكِنٌ مَعْدُوْمٌ بَعْدَ الْوُجُوْد ertinya mumkin yang tiada sekarang ini dahulunya ada seperti segala zaman yang telah lalu.

Ketiga: مُمْكِنٌ سَيُوْجَدُ ertinya mumkin yang lagi akan datang ada seperti hari kiamat.

Keempat: مُمْكِنٌ عَلِمَ اللهُ أَنَّهُ لَمْ يُوْجَدْ ertinya mumkin yang diketahui Allah Ta'ala bahawasanya tiada dijadikan dia seperti iman Abi Jahal.

Dan keempat-empat mumkin itu dita'alluq oleh Qudrat dan Iradat.

Pembahagian *'adam*

Bermula bahagi *'adam* itu empat bahagi pula:

Pertama: *'Adam Makhluqat* (segala makhluk) yang azali iaitu Qadim tiada ta'alluq dengan dia oleh Qudrat dan Iradat dengan ittifaq ulama kerana bahawasanya bukan mumkin dan sungguhnya wajib *'adam*nya.

Kedua: *'Adam*nya pada barang yang dahulu daripada wujudnya. Maka ta'alluq keduanya dengan dia ertinya di dalam genggaman Qudrat dan Iradat jikalau kehendaknya kekal atas *'adam*nya dikekalkannya akan dia dan jikalau dikehendaknya dihilangkannya *'adam*nya, maka dijadikan wujudnya yang baharu pada tempatnya.

Ketiga: *'Adam*nya kemudian daripada wujudnya itupun dita'alluq oleh keduanya dengan dia.

Keempat: *'Adam* Mumkin yang diketahui Allah bahawa tiada dijadikan dia seperti iman Abi Jahal dan yang umpamanya. Maka dita'alluq oleh keduanya dengan dia dengan ditilik kepada zatnya dan mustahil jatuhya itu *'aridh* dan yang *'aridh* itu tiada menafikan mumkin yang zati yakni asli. Inilah qaul yang shahih. Dan kata qil tiada ta'alluq keduanya dengan dia kerana ditilik kepada ta'alluq ilmu Allah dengan ketiadaan jatuhnya. Dan dapat dihimpunkan dua qaul ini dengan bahawasa yang mengatakan dengan ta'alluq itu dikehendaki dengan dia *Ta'alluq Shuluhi*. Dan orang yang berkata tiada ta'alluq itu ditanggungkan atas *Ta'alluq Tanjizi Hadis.*

Ilmu dan Keterangannya

Dan kata *musannif*:

وَالْعِلْمُ

Ertinya: Yang ketiga daripada sifat Ma'ani itu Ilmu. Ertinya mengetahui iaitu sifat yang *maujudah* yang berdiri ia dengan zat Allah Ta'ala yang ta'alluq ia dengan suatu atas wajah meliputi dengan dia atas barang yang ia dengan dia tiada terdahulu sembunyi.

Maka diketahuiNya akan yang dahulu dan lagi akan datang.

Dan yang sekarang dengan ilmuNya yang satu, maka diketahuiNya barang yang di dalam tujuh petala langit dan yang di dalam tujuh petala bumi hingga suatu yang amat tersembunyi seperti kaki semut yang hitam berjalan di atas batu yang hitam di dalam malam yang sangat kelam. Dan diketahuiNya pula barang yang terlintas pada hati seorang dan barang yang memandang oleh mata.

Maka diketahuiNya yang maujud dan yang *ma'dum*, maka tiada dikatakan ilmuNya itu mudah dan payah dan usaha dan *nazhar*, yakni tilik dan fikir. Maka diketahuiNya akan segala yang wajib daripada zatNya dan segala sifatNya. Dan diketahuiNya akan segala yang mustahil seperti *syarik* bagiNya, yakni diketahuiNya akan *syarik*Nya itu tiada maujud sekali-kali dan jikalau ada, nescaya datang kebinasaan bagian-bagian dan diketahui segala yang harus.

Dan telah mentakrif setengah mereka itu akan sifat ilmu itu dengan katanya iaitu sifat yang *maujudah* lagi Qadimah yang menyatakan dengan dia segala maklum daripada segala yang wajib dan segala yang harus dan segala yang mustahil atas barang yang muafakat dengan hakikat akan sebagai nyata yang tiada *ihtimal* lawan sekali-kali dengan satu jalan jua pun. Maka keluar dengan yang nyata itu yang tiada nyata dengan dia suatu seperti zhan dan syak dan waham, maka tiada dinamakan ilmu. Dan keluar dengan atas barang yang muafakat dengan hakikat itu jahil murakkab kerana bahawasanya tiada nyata atas muafakat dengan hakikat.

Dan keluar dengan tiada *ihtimal* lawan itu i'tiqad yang jazam kerana bahawasanya *ihtimal* lawan ia dengan mensyakkan oleh orang yang mensyakkan dia. Dan dikehendaki dengan segala maklum itu tiap-tiap yang wajib dan yang mustahil dan yang ja'iz. Maka masuk di dalam yang wajib itu barang yang tiada kesudahan baginya daripada sifat *kamalat* bagi Allah. Demikian lagi masuk di dalam yang ja'iz itu barang yang tiada kesudahan iaitu nikmat syurga dan azab neraka bagi ahli keduanya, maka diketahuinya dengan tafsil jikalau tiada hingga sekalipun seperti sifat *kamalat* bagi Allah Ta'ala.

Dan kata qil diketahuinya dengan *tafshil* itu barang yang ada

baginya kesudahan. Adapun yang tiada baginya kesudahan, maka mustahil bahawa diketahuinya dengan kehinggaannya. Maka qaul ini dha'if tiada dapat dipegang akan dia.

Dan kata Syeikh Suhaimi: Dan hasil dakwa orang yang berkata tiada diketahui barang yang tiada kesudahannya dengan *tafshil* itu tiada kufur i'tiqad itu dan jikalau ada ia haram sekalipun. Maka jikalau engkau kata *muqtadha* keadaan ilmu Allah Ta'ala meliputi bagi barang yang tiada kesudahan dengan jalan *tafshil* itu bahawasanya tiada baginya kesudahan dan *muqtadha* tiada kesudahan itu tiada *tafshil*. Maka adalah antara keduanya itu berlawanan kerana yang menghukumkan ketiadaan hingga itu tiada boleh di*tafshil*kan dan yang menghukumkan boleh *tafshil* itu ada baginya hingga inilah yang berpatutan.

Dan kerana inilah berkata Imam pada kitab **Burhan** baginya: Barang siapa berkata Allah Ta'ala mengetahui barang yang tiada kesudahan dengan *tafshil* itu kami safihkan (bodohkan) akalnya. Maka telah menjawab oleh Syeikh Jauhari dengan bahawasa orang yang berkata safih itu qiyas yang ghaib dengan yang syahid, yakni diqiyas ilmu Allah Ta'ala dengan ilmu yang baharu dan iaitu qiyas yang fasid dan ketiadaan mengetahui kami dengan hakikat zatnya dan hakikat sifatnya itu mewajibkan bagi kami kesukaran jawab soal ini.

Dan adapun dengan nisbah pada ilmu Allah Ta'ala, maka tiada menafikan antara dua pekerjaan itu, yakni ketiadaan kesudahan dan diketahui dengan *tafshil*. Dan dijawab oleh setengah mereka itu dengan bahawasa barang yang tiada berkesudahannya seperti nikmat syurga dan azab neraka itu. Diketahui oleh Allah Ta'ala akan barang yang hendak dijadikan dia dengan *tafshil* sebelum lagi bahawa dijadikan dia dan tiada diketahui akan akhirnya kerana tiada akhirnya kerana tiada akhir baginya hingga diketahui akan dia. Dan tiada dinamakan yang demikian itu jahil kerana bahawasanya ia mengetahui akan suatu atas barang yang ia muafakat dengan hakikatnya. Dan telah muafakat segala muslimun atas bahawasanya nikmat syurga dan azab kuffar di dalam neraka itu tiada kesudahan baginya.

Bermula Allah Ta'ala itu Tuhan menjadikan lagi Ia berkehendak baginya dan tiada tasawwur yang demikian itu melainkan

diketahuiNya dengan *tafshil*nya akan sekalian itu. Dan demikian lagi diketahuiNya pula segala *ma'dum*, maka kerana inilah jadi kufur orang yang berkata *ma'dum* tiada pada maklum Allah Ta'ala.

Hikayat adalah Hatim al-Asham tatkala masuk ia pada negeri Baghdad, maka dikata orang baginya: Ada di sini Yahudi sangat pandai berhujah telah mengalah ia akan segala ulama. Maka berkata ia yakni Hatim al-Asham: Aku mahu berhujah dengan dia. Maka tatkala hadir Yahudi itu, maka bertanya ia akan Hatim: Daripada apa suatu yang tiada diketahui akan dia oleh Allah Ta'ala dan daripada apa suatu yang tiada dapat pada Allah Ta'ala dan daripada apa suatu yang tiada di dalam bendaharaan Allah dan daripada apa suatu yang ditanya akan dia oleh Allah Ta'ala daripada hambaNya? Maka berkata Hatim baginya: Jikalau aku jawab akan dikau daripada yang demikian itu, engkau masuk Islam. Maka katanya: Bahkan. Maka kata Hatim: Adapun yang tiada diketahui Allah Ta'ala itu *syarik*Nya dan anakNya, yakni tiada diketahui bagiNya ada sekutu dan ada anak. Dan adapun yang tiada pada Allah itu, maka iaitu zalim kerana bahawasanya Allah Ta'ala tiada menzalimkan manusia sesuatu. Dan adapun yang tiada di dalam bendaharaan Allah itu iaitu papa. Firman Allah Ta'ala:

..... وَٱللَّهُ ٱلۡغَنِيُّ وَأَنتُمُ ٱلۡفُقَرَآءُۚ ..... ﴿٣٨﴾

Ertinya: *Bermula Allah itu kaya dan sekalian kamu itu faqir.* **(Surah Muhammad: Ayat 38)**

Dan adapun yang ditanyai oleh Allah Ta'ala daripada hambaNya itu, maka iaitu memberi hutang, kerana firmanNya:

..... وَأَقۡرِضُواْ ٱللَّهَ قَرۡضًا حَسَنًاۚ ..... ﴿٢٠﴾

Ertinya: *Memberi hutang olehmu akan Allah akan sebagai hutang yang baik.* **(Surah al-Muzammil: Ayat 20)**

Maka menamai oleh Allah Ta'ala akan sedekah dan amal orang yang mukmin yang soleh atas harap akan barang yang dijanjiNya daripada pahala itu hutang kerana dipertaruhkan amal kepada Allah serta barang yang diharap pahalanya itu dinamakan memperhutangkan. Maka Islam Yahudi itu pada ketika itu jua.

Dan kata mereka itu pada takrif ilmu dahulu yang ta'alluq ia dengan suatu hingga akhirnya atau yang nyata dengan dia oleh segala maklum hingga akhirnya isyarat kepada ta'alluqnya *Tanjizi Qadim*, dan iaitu ta'alluq dengan suatu dengan *fi'il* pada azali dan tiada bagi ilmu itu melainkan *Ta'alluq Tanjizi Qadim*. Maka tiada baginya *Ta'alluq Shuluhi Qadim* dan tiada *Tanjizi Hadis* khilaf bagi orang yang menyangka bahawa bagi ilmu itu ada *Ta'alluq Shuluhi Qadim* kerana jikalau ada yang demikian itu, nescaya lazim atas Allah Ta'ala bersifat dengan jahil tetapi ta'alluq ia dengan suatu dahulu daripada wujudnya itu atas wajah bahawasanya lagi akan hendak diadakan ia dan kemudian daripada wujudnya atas wajah bahawasanya telah ada ia.

Maka bermula ta'bir dengan (كَانَ) ertinya telah ada atau (سَيَكُوْنُ) ertinya lagi akan ada itu hanyasanya iaitu dengan i'tibar maklumnya, tiada dengan i'tibar ilmu.

Faedah:

Telah berdiri seorang lelaki kepada Ibnu al-Syajari, padahal ia duduk ber*wa'adz* atas kerusi membaca ia akan tafsir firman Allah Ta'ala:

..... كُلَّ يَوْمٍ هُوَ فِي شَأْنٍ ﴿٢٩﴾

Ertinya: *Setiap waktu Dia dalam kesibukan.* **(Surah al-Rahman: Ayat 29)**

Dan berdiri lelaki itu di hadapannya, maka berkata lelaki itu: Hai orang ini, maka apalah perbuatan Tuhan engkau sekarang ini? Maka diam ia dan bermalam ia pada hal di dalam dukacita. Maka bermimpi ia melihat akan Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam. Maka menyebut ia bagi Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam akan yang demikian itu dan bertanya ia akan Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam. Maka bersabda ia baginya: Bahawa yang bertanya akan engkau itu Khidhir dan bahawa lagi akan kembali ia, maka kata olehmu baginya: Bermula pekerjaan itu lagi akan menzahir ia akan dia dan tiada memulai ia akan dia, yakni menzahir ia akan barang yang dita'alluq akan dia oleh ilmuNya pada azali dan tiada memulai akan pengetahuan daripada segala perkara yang dijadikan

3040

dia itu menghinakan ia akan suatu kaum dan mengangkatkan ia akan suatu kaum yang lain.

Maka berpagi-pagi ia sukalah, maka datang ia, yakni lelaki yang bertanya itu akan dia dan mengembali ia atasnya akan pertanyaan itu, maka menjawab ia akan dia dengan demikian itu. Maka berkata ia baginya: Selawat olehmu atas orang yang mengajar ia akan dikau. Dan berpaling ia pada hal bersegera.

Ta'alluq Ilmu

Dan katanya:

الْمُتَعَلِّقُ بِجَمِيْعِ الْوَاجِبَاتِ وَالْجَائِزَاتِ وَالْمُسْتَحِيْلَاتِ

Ertinya: *Yang ta'alluq oleh ilmu itu dengan sekalian yang wajib dan sekalian yang ja'iz dan sekalian yang mustahil.*

Dan telah lalu maknanya ta'alluq itu menuntut sifat akan pekerjaan yang lebih daripada berdiri ia dengan zatnya dan lagi ta'alluq ia akan sebagai *Ta'alluq Tanjizi Qadim* jua. Maka hanyalah seperti yang telah diketahui daripada barang yang telah lalu sebutnya, maka ta'alluq ia kepada yang wajib seperti zatNya dan segala sifatNya yang melengkapi di dalam kata sifat itu ilmu dirinya. Maka diketahui oleh Allah Ta'ala dengan ilmuNya bahawa bagiNya ilmu. Dan ta'alluq ia kepada yang mustahil itu diketahuiNya bahawa tiada bagiNya anak atau isteri atau *syarik* atau sekalian lawan sifat *kamalat*. Dan ta'alluq ia kepada ja'iz itu diketahuinya daripada sekalian mumkin yang telah jadi dan lagi akan hendak dijadikan dan yang tiada hendak dijadikan sekali-kali diketahui dengan *tafshil*nya seperti bilangan malaikat dan jin dan manusia beberapa yang mati di dalam satu nafas dan beberapa yang beranak dan beberapa yang hina dimuliakan dan *'akas*nya (sebaliknya).

Kata penghulu kami Ahli al-Tasawwuf: Bermula tiap-tiap seorang daripada manusia itu bernafas ia pada tiap-tiap sehari semalam seratus ribu dan dua puluh empat ribu nafas pada yang pertengahan dan pada tiap-tiap satu nafas daripadanya seribu yang mati dan seribu yang diperanakkan dan seribu yang dibentangkan dan padanya itu seratus ribu kelemasan Allah Ta'ala atas hambaNya

yang qarib, yakni hamba yang mendatangkan dirinya dan serta yang demikian itu sekaliannya. Bermula malaikat itu terlebih banyak daripada sekalian makhluk yang tersebut itu.

Maka bahawasanya berkata Shanhaji di dalam **Kanzu al-Asrar** bahawasanya segala anak Adam satu *'usyur* (persepuluh) jin. Dan segala anak Adam dan jin satu *'usyur* sekalian binatang darat. Dan sekalian manusia dan jin dan binatang darat satu *'usyur* burung. Dan sekaliannya itu satu *'usyur* haiwan yang di dalam laut. Dan sekalian binatang laut dan darat, jin dan manusia sekaliannya itu satu *'usyur* malaikat yang ada pada bumi. Dan dihimpunkan sekaliannya yang tersebut itu daripada sekalian jin dan manusia dan binatang laut dan darat dan sekalian malaikat yang ada pada bumi itu satu *'usyur* malaikat yang pada langit yang pertama. Dan sekalian yang tersebut itu satu *'usyur* malaikat yang pada langit yang kedua. Demikianlah berganda-ganda hingga sampai kepada Kursi dan 'Arasy padahal 'Arasy itu seribu bilik. Maka jikalau dihimpunkan sekalian malaikat yang di dalam tujuh petala langit itu dan malaikat yang pada bumi dan sekalian binatang laut dan daratnya satu *'usyur* daripada malaikat yang satu bilik pada sekalian bilik 'Arasy yang tersebut itu.

Dan hanyasanya ta'alluq ilmu kepada *wajibat* dan *mustahilat* dan kepada *ja'izat* itu kerana bahawasanya ilmu itu bukan daripada sifat yang memberi bekas, maka dari kerana itulah umum ta'alluqnya kepada sekalian yang tersebut. Bersalahan Qudrat dan Iradat, maka keduanya sifat yang memberi bekas, maka sebab itulah tiada ta'alluq keduanya melainkan pada yang dapat berubah daripada *'adam* kepada wujud dan daripada wujud kepada *'adam* seperti yang telah lalu bicara كان. Jikalau ta'alluq keduanya dengan yang wajib bagi hendak mengada akan dia, nescaya lazim daripadanya *Tahshil al-Hasil* atau ta'alluq meng*'adam*kan dia, maka lazim daripada yang demikian itu bertukar hakikat kerana bahawa hakikat yang wajib itu barang yang tiada menerima *'adam* sekali-kali. Dan jikalau ta'alluq keduanya dengan yang mustahil bagi memberi bekas mengada akan dia, maka lazim daripada yang demikian itu bertukar hakikat kerana bahawa hakikat mustahil itu barang yang tiada menerima wujud sekali-kali atau ta'alluq dengan meng*'adam*kan dia, maka lazim jadi *Tahshil al-Hasil*. Maka tiada ta'alluq keduanya kepada

yang wajib dan kepada yang mustahil itu tiada dinamakan lemah yang demikian itu kerana bukan lorongannya.

Hayat dan Keterangannya

Dan kata *musannif*:

وَالْحَيَاةُ وَهِيَ لاَ تَتَعَلَّقُ بِشَيْءٍ

Ertinya: Dan yang keempat daripada sifat Ma'ani itu Hayat. Ertinya, hidup yang tiada dengan nyawa dan tiada dengan nafsu dan tiada *mizaj*, yakni kejadian yang empat *anasir* (unsur) dan tiada hidup itu dengan sebab makanan.

Dan takrif hayat itu:

هِيَ صِفَةٌ وُجُودِيَّةٌ تُصَحِّحُ لِمَنْ قَامَتْ بِهِ الإِدْرَاكُ

Ertinya: *Iaitu sifat yang wujudiyah yang mengesahkan ia, yakni sifat itu bagi orang yang berdiri ia dengan dia yakni dengan orang itu akan* إِدْرَاكٌ.

Ertinya: Bahawa bersifat ia dengan sifat إِدْرَاكٌ yang iaitu Ilmu dan *Sama'* dan *Bashar.* Dan seumpama sifat إِدْرَاكٌ itu yang lainnya daripada segala sifat yang disyaratkan pada akal wujud Hayat seperti Qudrat dan Iradat. Dan iaitu syarat aqli pada sekalian sifat Ma'ani lazim daripada ketiadaannya ketiadaan sifat Ma'ani dan tiada lazim daripada wujudnya ada sekalian sifat Ma'ani dan ketiadaannya pada hak yang baharu. Dan adapun pada hak Allah, maka lazim daripada wujudnya ada sekalian sifat Ma'ani kerana sifat Allah itu tiada bercerai setengahnya daripada setengah dan tiada bercerai daripada zat.

Bermula takrif ini muhtamal bahawa ada ia bagi Hayat yang Qadim jua, maka hanyalah dan iaitu yang munasabah bagi tempat ini dan muhtamal bahawa, bahawa ada ia bagi tiap-tiap daripada Hayat yang Qadim dan Hayat yang baharu dan tiada sah bahawa ada ia bagi Hayat yang baharu jua, maka hanyalah kerana bahawasanya keluar daripada maksud kita.

Ketahui olehmu, bahawa Hayat yang baharu itu tiada lazim

ia dengan roh dari kerana terkadang didapat hidup dengan tiada roh. Maka sungguhnya dijadikan oleh Allah Ta'ala hidup pada kebanyakan daripada segala *jamadat* kerana mukjizat atau karamah dengan tiada roh seperti pohon kayu yang memberi salam atas Nabi al-Musthafa 'alaihissalam dan batu yang seni-seni mengucap tasbih di dalam tapak tangan Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam.

Dan adalah Hayat itu tiada ta'alluq dengan suatu kerana bukan sifat yang memberi bekas mengadakan suatu dan meng*'adam*kan dia dan tiada membukakan hakikat suatu dan tiada pula menunjukkan atas suatu seperti Kalam. Dan dikatakan manusia itu hidup, manakala ada roh pada badannya dan mati pada yang baharu itu, iaitu bercerai nyawa daripada badan. Dan pada Allah Ta'ala jikalau hidup Ia dengan nyawa, hukum mati.

Sama' dan *Bashar* dan Keterangannya

Dan kata *Musannif*:

وَالسَّمْعُ وَالْبَصَرُ الْمُتَعَلِّقَانِ بِجَمِيعِ الْمَوْجُودَاتِ

Ertinya: Yang kelima daripada sifat Ma'ani itu *Sama'*, etinya mendengar dan yang keenam daripada sifat Ma'ani itu *Bashar*, ertinya melihat yang ta'alluq keduanya dengan sekalian *maujudat*.

Ertinya: Bermula *Sama'* dan *Bashar* pada hak Ta'ala itu dua sifat yang *wujudi* keduanya yang berdiri keduanya dengan zat Allah Ta'ala yang ta'alluq keduanya dengan sekalian yang *maujud* atas wajah meliputi akan sebagai ta'alluq yang lebih atas ta'alluq Ilmu.

Dan adapun pada hak yang baharu, maka *Sama'*nya itu kuat yang ditaruhkan pada urat yang terhampir pada patat telinga. Dan *Bashar* itu kuat yang dihujungkan pada dua urat yang berjumpa keduanya pada hadapan otak atas wajah berputus-putus seperti caman timba kulit kambing. Inilah rupanya atau atas kelakuan dua *dal* (د) belakang tiap-tiap daripada keduanya berjumpa pada belakang yang satu lagi itu. Inilah rupanya ( ). Dan inilah takrif keduanya daripada kata Hukama'.

Dan adapun daripada kata Ahli al-Sunnah jika *Sama'* itu kuat

yang dijadikan Allah Ta'ala akan dia pada dua telinga dan *Bashar* itu kuat yang dijadikan Allah Ta'ala akan dia pada dua mata. Dan *Sama'* itu afdhal daripada *Bashar* pada hak yang baharu. Ini atas qaul yang shahih. Dan kata qil bahawa *Bashar* itu afdhal daripada *Sama'* kerana bahawasanya mendapat dengan dia segala *Ajsam* (jisim) dan segala warna dan segala kelakuan. Bersalahan *Sama'*, maka bahawasanya tersimpan atas suara jua hanyalah dan ditolak akan dia dengan bahawa kebanyakan tempat ta'alluqnya segala faedah dunia tiada ditanggung atasnya. Adakah tiada engkau lihat bahawa orang yang duduk yang tuli, maka duduk ia seolah-olah seperti batu yang tercampak. Dan adapun orang yang buta, maka sehingga-hingga sempurna faham dan ilmu zauqi (citarasa).

Dan pada kata mereka itu, ta'alluq keduanya dengan tiap-tiap yang maujud itu isyarat kepada segala ta'alluq keduanya yang tiga:

Pertama: *Tanjizi Qadim* dan iaitu ta'alluq keduanya pada azali dengan zat Allah Ta'ala dan dengan sifatNya.

Dan kedua: *Ta'alluq Shuluhi Qadim* dan iaitu patat ta'alluq keduanya bagi maujud yang ja'iz dahulu daripada wujudnya.

Dan ketiga: *Ta'alluq Tanjizi Hadis* dan iaitu ta'alluq keduanya akan sebagai ta'alluq Tanjizi dengan maujud yang tersebut itu kemudian daripada wujudnya.

Ketahui olehmu, bahawa difaham daripada kata *Musannif* yang ta'alluq keduanya dengan sekalian *maujudat* bahawasanya *Sama'* Allah Ta'ala itu ta'alluq ia dengan sekalian maujud, sama ada maujud itu Qadim seperti zatNya Ta'ala dan sifatNya yang wujudiyah atau baharu seperti zat dan sifat sekalian makhluk dan sama ada suara atau tiada dan sama ada warna atau tiada. Maka sekalian itu dinamakan dia maujud yakni dita'alluq oleh *Sama'* dengan sekalian itu. Inilah qaul yang muktamad iaitu Mazhab Imam kita Abu al-Hasan al-Asy'ari Radhiyallahu 'anhu.

Dan kata setengah ulama bahawasanya *Sama'* itu ta'alluq ia dengan suara jua barang mana suara ada ia, maka hanyalah. Tetapi qaul ini dha'if tiada dapat dipegang akan dia.

Dan berkata Hudhudi: Makna *Bashar* pada hak Allah Ta'ala itu iaitu makna yang berdiri dengan zatNya yang nyata bagiNya dengan dia tiap-tiap yang maujud. Dan erti nyata itu terbukalah

segala *maujudat* bagiNya dengan sebab *Bashar.*

Dan *murad* dengan maujud itu umum seperti yang dahulu jua sama ada ia Qadim seperti zatNya Ta'ala dan sifatNya atau yang baharu seperti zat yang baharu dan sifatNya dan sama ada suara atau tiada, sama ada angin atau tiada. Maka sekalian itu dinamakan dia maujud, yakni dita'alluq oleh *Bashar.* Dan bukan Allah Ta'ala melihat dengan biji mata, bersalahan yang baharu, maka melihat ia dengan biji mata dengan syarat hampir lagi berupa dan tiada *mani'* seperti kelam atau dinding yang menegahkan dia. Dan ta'alluq *Bashar* dengan sekalian yang tersebut itu tiada khilaf ulama. Bersalahan *Sama'*, maka bahawa padanya khilaf, maka menentu akan dia oleh setengah mereka itu dengan suara seperti barang yang telah tersebut ia.

Bermula makna ta'alluq keduanya dengan yang maujudat itu, iaitu menuntut keduanya dengan menyatakan bagi sekalian yang maujud. Dan diketahui daripada yang demikian itu bahawasanya tiada ta'alluq keduanya kepada yang mustahil kerana makna mustahil itu barang yang tiada diterima pada akal akan adanya. Dan ta'alluq keduanya pada yang wajib dan pada yang harus jikalau adalah yang harus itu maujud kerana setengah yang harus itu tiada maujud seperti iman Abi Jahal dan iman Abi Lahab, maka tiada ta'alluq oleh keduanya akan dia.

Kalam dan Keterangannya

Kata *Musannif:*

وَالْكَلَامُ الَّذِي لَيْسَ بِحَرْفٍ وَلَا صَوْتٍ وَيَتَعَلَّقُ بِمَا يَتَعَلَّقُ بِهِ الْعِلْمُ مِنَ الْمُتَعَلَّقَاتِ

Ertinya: *Dan Kalam yang tiada dengan huruf dan tiada suara dan ta'alluq ia dengan barang yang ta'alluq dengan dia oleh ilmu daripada sekalian yang dita'alluqnya.*

Ertinya, yang ketujuh daripada sifat Ma'ani iaitu penghabisan segala sifat Ma'ani yang tujuh itu Kalam, iaitu sifat yang

wujudiyah yang berdiri ia dengan zat Allah Ta'ala yang Maha Suci daripada huruf, dan suara dan Maha Suci daripada terdahulu dan terkemudian dan *lahan* dan *shahih* dan *i'rab*, yakni berubah dan ber*illat* yakni ditukar dan *hazaf* dan lain daripada yang demikian itu. Maka ta'alluq ia dengan barang yang ta'alluq dengan dia oleh ilmu daripada segala yang wajib dan yang ja'iz dan segala yang mustahil. Tetapi ta'alluq ia akan sebagai *Ta'alluq Dilalah*, ertinya menunjuk, tiada *Ta'alluq Inkisyaf.* Dan iaitu yakni Kalam itu sifat yang satu tetapi berbagai-bagai ia dengan i'tibar segala ta'alluqnya kerana bahawasanya jika ta'alluq ia dengan أَمْرٌ , nescaya adalah ia suruh namanya. Dan jika ta'alluq ia dengan نَهْيٌ , nescaya dinamai akan dia tegah. Dan jika ta'alluq ia dengan وَعْدٌ , nescaya dinama ia akan dia janji kebajikan. Dan demikianlah diqiaskan dia dan sekalian ta'alluq ini *Tanjizi Qadim* melainkan suruh dan tegah. Daripada Asya'irah, maka bagi keduanya itu *Ta'alluq Shuluhi Qadim* keduanya dahulu daripada wujud segala mukallaf dan *Tanjizi Hadis* keduanya kemudian daripada wujud mereka itu.

Dan seperti barang yang diitlaqkan Kalam itu atas sifat yang qadimah yang berdiri dengan zat Allah Ta'ala, diitlaqkan dia atas beberapa lafaz yang kita baca akan dia. Dan setengah daripadanya kata Siti 'A'isyah Radhiyallahu 'anha: Bermula barang yang antara dua kulit mashaf ini Kalam Allah. Ertinya, makhluk bagi Allah tiada ia daripada karangan makhluk dan hanyasanya di*nash* oleh *Musannif* dan oleh yang lainnya atas bahawa huruf Qur'an itu menunjukkan atas Kalam Allah yang azali yang berdiri dengan zatNya. Maka dikatakan Qur'an itu Kalam Allah sebab ia menunjukkan atas Kalam yang berdiri pada zat.

Dan telah muafakatlah Ahli al-Salaf akan haram mengatakan Qur'an itu makhluk dan dikehendaki dengan dia lafaznya yang diturunkan atas Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam melainkan pada tempat mengajar supaya jangan memberi waham akan baharu sifat yang berdiri dengan zat itu. Maka jadi fasiq orang yang berkata dengan makhluk Qur'an itu, tiada jadi kafir. Dan yang jadi kafir itu orang yang berkata dengan makhluk Kalam Allah yang berdiri dengan zatNya. Maka misalnya itu yakni misal yang hendak memudahkan faham, padahal Allah Ta'ala Maha Suci seperti itu. Misal seperti engkau sebut akan seorang lelaki dengan lidah

engkau, maka sebutnya seorang lelaki itu yakni lafaz yang engkau menyebutkan lelaki itu masuk pada lidahmu dan zat lelaki yang kena sebut itu tiada masuk pada lidahmu. Maka inilah makna kata yang dibaca Kalam Allah pada lidah.

Dan demikian lagi apabila menyuruh akan kamu oleh seorang lelaki atau menegah ia akan kamu akan suatu, maka adalah engkau ingatkan pada hatimu akan suruhnya dan ditegahnya jua tiada masuk lelaki itu pada hatimu. Inilah makna kata yang dihafazkan di dalam hati.

Dan demikian lagi engkau suratkan nama lelaki di dalam suratmu, maka masuk nama lelaki itu di dalam kitabmu, tiada masuk zat lelaki itu pada suratmu. Inilah makna yang *maktub* pada *mashahif*. Maka jangan engkau sangka yang engkau baca dan yang engkau hafaz dan yang engkau surat itu iaitu Kalam Allah dan hanya sanya ia yang menunjukkan Kalam Allah yang Qadim jua. Dan kalam Allah yang Qadim itu tiada bercerai dengan zatNya yang Qadim lagi tiada berhuruf dan tiada bersuara seperti yang telah lalu sebutnya. Dan tiada masuk Kalam Allah itu dalam sekalian kitab daripada Qur'an dan Taurat dan Injil dan Zabur, maka tiada bercerai selama-lama dengan zatNya. Tetapi qaul yang tahqiq bahawasa Qur'an dan umpamanya seperti Taurat menunjuk ia atas barang yang menunjuk atasnya oleh sifat yang qadimah, umpamanya apabila engkau dengarkan firman Allah Ta'ala:

وَلَا تَقۡرَبُواْ ٱلزِّنَىٰٓۖ ..... ﴿٣٢﴾

Ertinya: *Jangan kamu hampir akan zina.* **(Surah al-Isra': Ayat 32)**

Maka engkau faham daripadanya akan tegah daripada hampir zina. Dan jikalau dihilangkan daripada engkau akan hijab, nescaya engkau faham daripada sifat yang Qadim itu akan ini makna, maka madlul Kalam Lafzi itu iaitu madlul Kalam al-Nafsi, ertinya Kalam yang berdiri zat. Dan jikalau engkau kehendaki, nescaya engkau kata ialah umpamanya kerana berlainan keduanya dengan i'tibar yang menunjuki. Bahkan segala lafaz yang kita baca akan dia itu menunjukkan atas Kalam Allah yang Qadim dengan jalan *Dilalah Iltizam* yang *'Urfi* kerana tiap-tiap orang yang ada baginya Kalam

Lafzi lazim pada 'uruf bahawa ada baginya Kalam Nafsi.

Kalam Lafzi

Bermula Tuhan kita Subhanahu wa Ta'ala ada baginya Kalam Lafzi dengan makna bahawasanya menjadi ia akan dia pada Lauh Mahfuz. Maka menunjuk ia pada 'uruf atas bahawa bagi Allah Ta'ala itu Kalam Nafsi. Dan hasilnya bahawa Kalam Lafzi itu dengan i'tibar Dilalah yang *muthabaqah* menunjuk ia atas umpama madlul Kalam yang Qadim seperti barang yang berkata akan dia oleh setengah ulama Muta'akhirin dan dengan i'tibar Dilalah Iltizam yang 'uruf menunjuk ia atas diri Kalam yang Qadim seperti barang yang berkata akan dia oleh Syeikh Sanusi. **(Baijuri)**.

Dan telah muafakat segala ulama adalah kalam Allah itu tiada berdiri ia pada dua zat dan tiada berkata-kata dengan dia dua orang dan tiada berkata-kata dengan Kalam Allah melainkan Allah Ta'ala jua. Maka adalah nisbah tilawah dan qira'ah bagi kalam Allah itu seperti nisbah bayang-bayang dengan yang empunya bayang-bayang. Maka barang siapa berkata bayang-bayang itulah yang empunya bayang-bayang, nescaya dikatanya tilawah itulah kalam Allah. Dan barang siapa mengatakan bayang-bayang itu lain daripada yang empunya bayang-bayang, hanya bayang-bayang itu menunjukkan yang empunya bayang, nescaya dikatanya tilawah itu menunjukkan Kalam Allah jua. Maka telah muafakat segala ulama Ahli al-Sunnah mengatakan Qur'an itu Kalam Allah yang Qadim bukan ia makhluk sebab takut memberi waham jikalau dikatakan Qur'an itu baharu. Maka jadi Kalam Allah yang berdiri pada zat itu baharu, maka telah lalu bahawa i'tiqad yang demikian itu kufur. Maka diitlaqkan barang yang menunjukkan atas Kalam Allah itu dikatakan Kalam Allah sebab takut waham seperti demikian itu.

Dan telah lalu bahawa Kalam Allah itu sifat yang satu yang berdiri pada zatNya selama-lamanya. Maka difaham daripadanya أَمْرٌ, ertinya suruh berbuat baik, dan نَهْيٌ ertinya tegah berbuat jahat, dan وَعْدٌ ertinya janji memberi pahala bagi orang yang berbuat taat, dan وَعِيْدٌ ertinya janji siksa atas orang yang berbuat maksiat, dan تَرْغِيْبٌ ertinya menggemar bagi orang yang mengerjakan kebajikan,

dan تَرْهِيْبٌ ertinya menakuti bagi orang yang berbuat maksiat dan lainnya seperti kisah dan khabar dan tiada dikatakan 'arabi dan jikalau 'arabi, nescaya adalah ia dinamakan satu lughah daripada beberapa lughah yang baharu ini. Maka dinamakan yang diturun dengan lughah Arab itu Qur'an dan yang diturun dengan lughah 'Ibrani itu dinamakan Taurat dan dengan lughah Suryani itu dinamakan Injil dan dengan lughah Qibthi itu dinamakan Zabur. Maka sekalian itu dinamakan Kalam Allah lughawiyah yang bangsa *istilahi* jua bukan hakiki, maka yang masyhurnya Kalam Allah itu makna yang berdiri pada zat lagi Qadim.

Dan Qur'an itu lafaz yang baharu dan jika adalah keduanya itu dikatakan atas lafaz dan makna atas jalan bersekutu sekalipun. Maka sebab bersalahan namanya itu kerana bersalahan lafaz pada lughah jua. Maka Kalam Allah itu satu jua misalnya, umpama "pinang" pada bangsa Melayu dan "faufal" pada bangsa Arab dan "safri" pada bahasa Hindi. Maka hakikat pinang itu satu jua iaitu zat pinang. Demikianlah kita fahamkan.

Maka erti ta'alluq ia kepada yang wajib itu menunjuknya atas yang wajib seperti firman Allah Ta'ala:

أَنَا اللهُ لاَ إِلَهَ إِلاَّ أَنَا

Ertinya: *Akulah Allah,* ertinya *Tuhan yang disembah dengan sebenar yang tiada Tuhan yang lain melainkan Aku.*

Dan erti ta'alluq kepada yang mustahil itu menunjukkan ia akan yang mustahil seperti firmanNya:

..... إِنَّ ٱللَّهَ فَقِيرٌ وَنَحْنُ أَغْنِيَآءُ ..... ﴿١٨١﴾

Ertinya: *Kata Yahudi bahawa Allah Ta'ala itu fakir dan kami kaya.* **(Surah Ali-'Imran: Ayat 181)**

Yakni Allah Ta'ala berkata akan yang demikian itu kerana menghikayatkan perkataan Yahudi yang dilaknat pada hal pekerjaan itu mustahil. Dan erti ta'alluq kepada yang ja'iz itu menunjukkan yang ja'iz seperti firmanNya:

وَٱللَّهُ خَلَقَكُمْ وَمَا تَعْمَلُونَ ﴿٩٦﴾

Ertinya: *Bermula Allah Ta'ala itu menjadikan ia akan kamu dan barang yang berbuat oleh kamu.* **(Surah al-Shaffat: Ayat 96)**

Faedah:

Segala kitab Allah yang turun daripada langit itu diturunkan dengan bahasa Arab. Kemudian diterjemahkan oleh tiap-tiap Nabi bagi umatnya dengan lughahnya dan Jibril mendengar ia akan Kalam Allah dengan tiada huruf dan suara dan dengan tiada berjihah yang tertentu. Maka difaham daripadanya segala makna Qur'an dan menyuruh Allah Ta'ala mengambil lafaznya daripada Lauh Mahfuz dengan wasitah Israfil. Maka adalah tiap-tiap huruf daripada segala huruf Qur'an pada Lauh Mahfuz itu kadar Jabal Qaf. Dan di bawah tiap-tiap huruf itu beberapa makna yang tiada meliputi dengan dia oleh sekalian makhluk melainkan Allah Ta'ala jua. Maka jadilah lafaz dan makna itu turun atas Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam, maka mengambil Jibril daripada Lauh Mahfuz dan diimla'kan atas malaikat yang bernama Safarah. Maka makna 'imla' itu diberi perkataannya itu satu kemudian daripada satu supaya disurat oleh orang akan dia. Dan malaikat Safarah itu di dalam Baitul 'Izzah pada langit dunia. Maka mentsabitkan oleh mereka itu di dalam suhuf mereka itu, kemudian apabila berkehendak Allah Ta'ala menurunkan suatu daripadanya kepada Nabi berfirman Allah Ta'ala akan dia dengan tiada huruf dan suara. Maka difaham daripada kalamNya bahawa diturunkan daripadanya dengan kadar yang tertentu, maka diturunkan sedikit-sedikit atas Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam hingga tamam di dalam dua puluh tiga tahun.

Faedah:

Bermula awal-awal orang yang mengatakan Qur'an itu makhluk iaitu Ahmad bin Abi Daud, maka dijatuhkan kepada Ma'mun iaitu khalifah negeri Baghdad. Maka ia mengelokkan perkataannya itu, maka mengijtihad ia akan katanya sebenar, maka mengikut Ma'mun itu, maka lalu disuruh kepada segala negeri yang di bawah perintahnya disuruh mengatakan dengan makhluk Qur'an. Maka tiap-tiap orang yang tiada mengikut, dibunuhnya atau dipukulnya

dan dipenjaranya, maka mengambil dalil oleh mereka itu dengan firman Allah Ta'ala:

إِنَّا جَعَلْنَٰهُ قُرْءَٰنًا عَرَبِيًّا ..... ﴿٣﴾

Ertinya: *Bahawa Kami jadikan dia akan Qur'an yang bahasa Arab.* **(Surah al-Zukhruf: Ayat 3)**

Maka mengambil dalil mereka itu tiap-tiap yang dijadikan oleh Allah Ta'ala. Maka sanya baharu ia, maka setengah ulama mengikut ia sebab takut dan setengahnya tiada mengikut. Maka yang mengikut itu diberi beberapa pemberiannya dan yang tiada mengikut itu disakit akan dia dengan bagai-bagai azab, setengah dibunuhnya dan setengah dipenjarakannya. Dan setengah daripada mereka yang tiada mengikut itu Imam Ahmad bin Hanbal. Maka hendak dibunuh akan dia yakni akan Ahmad bin Hanbal itu, maka sampai khabar kepadanya. Maka minta doa ia kepada Allah, maka tiada sampai pagi-pagi hari melainkan didengar berteriak pada rumah Ma'mun. Maka datang seorang khadamnya pada hal berkata ia: Telah benar Ahmad Qur'an itu Kalam Allah bukan makhluk. Sanya telah mati Amir al-Mukminin.

Maka diganti akan dia Mu'tashim Billah Muhammad saudara Ma'mun. Maka dipesankan akan dia oleh Ma'mun suruh mengatakan Qur'an itu makhluk. Maka diseru akan Ahmad bin Hanbal kepada *munazharah*, maka *munazharah* Ahmad Ibnu Hanbal dengan Ahmad bin Abi Daud, maka alah (kalah) Ahmad bin Abi Daud. Maka dikerasi suruh mengikut dengan keras akan berkata Qur'an itu makhluk, maka tiada mengikut ia, maka disuruh pukul akan dia. Maka dipukul kira-kira lima belas kali, maka putus tali sirwalnya, maka jatuh sirwalnya itu daripada pingangnya, maka memandang oleh Ahmad itu kepada langit. Maka tiada sempurna bacaannya melainkan keluar tangan emas mengangkatkan sirwalnya, maka tatkala melihat oleh manusia akan yang demikian itu, maka mencita-cita oleh mereka itu akan bahawa hendak membunuh akan Mu'tashim, maka disuruh berhenti daripada memukul akan dia. Maka lalu dibawa kepada penjara, maka diam ia di dalam penjara itu kira-kira dua puluh delapan bulan.

Maka mati Mu'tashim, maka diganti akan Watsiq Billah

Harun anak Mu'tashim, maka menyatakan pula akan Qur'an itu makhluk. Maka Ahmad bin Hanbal pun bersembunyi dirinya. Maka didatangkan dengan Ahmad bin Nadhr al-Khuza'i, maka disuruh mengatakan *Khalaq al-Qur'an* yakni Qur'an itu makhluk. Maka berkata ia Qur'an itu Kalam Allah. Maka berkata ia ini halal darahnya, maka disuruh bunuh akan dia, maka dibunuh akan dia dan dikeratkan kepalanya dan digantungkan kepalanya itu pada pihak *Syarqi*, yakni pihak matahari naik kota negeri Baghdad beberapa hari. Kemudian dipindah disuruh gantung pada pihak *Maghrib* pula, maka didengar akan dia pada malam membaca kepalanya itu: لاَ إِلَهَ إِلاَّ الله dan membaca surah Yasin. Dan suatu riwayat membaca:

الٓمٓ ﴿١﴾ أَحَسِبَ ٱلنَّاسُ أَن يُتۡرَكُوٓاْ أَن يَقُولُوٓاْ ءَامَنَّا وَهُمۡ لَا يُفۡتَنُونَ ﴿٢﴾

Ertinya: *Alif laam miim. Apakah manusia itu mengira bahawa mereka dibiarkan (saja) mengatakan: "Kami telah beriman", sedang mereka tidak diuji lagi?* **(Surah al-'Ankabut: Ayat 1-2)**

Maka menyuruh Harun itu menyurat pada kertas diikat pada telinganya:

بِسۡمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحۡمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ . هَذَا رَأْسُ أَحْمَدَ بْنِ نَضْرِ الْخُزَاعِيِّ دَعَاهُ عَبْدُ اللهِ الإِمَامُ هَارُوْنُ الْوَاثِقُ بِاللهِ أَمِيْرُ الْمُؤْمِنِيْنَ إِلَى الْقَوْلِ بِخَلْقِ الْقُرْآنِ وَنَفْيِ الشِّبْهِ، فَأَبَى إِلاَّ الْمُعَانَدَةَ، فَعَجَّلَهُ اللهُ إِلَى النَّارِ.

Ertinya: *Inilah kepala Ahmad bin Nadhr al-Khuza'i, telah menyeru akan dia oleh Abdullah al-Imam Harun al-Watsiq Billah Amir al- Mukminin kepada berkata dengan makhluk Qur'an itu dan hendak menafikan syubhah. Maka enggan ia melainkan ingkar, maka telah menyegera akan dia oleh Allah Ta'ala kepada nerakanya.*

Maka mati Watsiq, digantikan saudaranya al-Mutawakkil 'alallah Ja'far, maka masuk atasnya Abdul 'Aziz Ibnu Yahya



kepadanya. Maka berkata ia: Maka adalah yang terlebih ajaib daripada pekerjaan Watsiq membunuh Ahmad bin Nadhr al-Khuza'i pada hal adalah lidahnya membaca Qur'an.

Maka didapat pada Mutawakkil itu insaf pada dirinya dan mencela ia akan perbuatan saudaranya. Maka disuruh kepada segala negeri dengan berkata Qur'an itu bukan makhluk dan disuruh hadirkan Ahmad bin Hanbal. Maka berkata ia: "Telah menerangkan dunia dengan lelaki ini", maka diberi persalinan ia dengan beberapa kain yang indah-indah dan diberi satu jariyah. Maka tiada diterimanya dan menangis ia dan berkata ia: "Sejahtera aku daripada mereka itu pada sekalian umurku hingga hampir umurku dibala dengan mereka itu dan dengan dunia mereka itu", kemudian ditanggalkan kain persalinan itu dan dikembalikannya akan dia.

Kata Bisyr al-Hafi: Tiada seorang yang terlebih kuat atas berkata umpama kata Ahmad di dalam percubaan ketika disuruh berkata dengan makhluk Qur'an itu. Maka adalah pada ketika itu diberi maqam Anbiya' baginya. Dengan kerana inilah menyuruh Imam Syafie kepada Baghdad hendak minta baju yang ia pakai tatkala dipukul akan dia. Maka dikirimnya akan dia kepadanya, maka mengambil oleh Syafie itu akan baju itu dan dibasuhnya dan diminum ia akan airnya, kemudian maka ditaruh yang lebihnya di dalam kaca. Maka tiap-tiap sakit daripada sahabatnya diberi sedikit daripada air itu, maka apabila disapu pada tubuhnya, jadi hilang sakitnya.

Kata qil: Dilihat oleh seorang di dalam tidurnya akan Ahmad bin Hanbal, maka berkata ia: Apa diperbuat bagimu? Katanya: Diampun bagiku. Kemudian berkata Ia bagiku: Hai Ahmad, dipukul akan dikau keranaKu. Kataku: Bahkan. Maka firman Allah: Ini mukaKu, tilik olehmu kepadanya, sungguhnya telah Aku haruskan bagimu.

Dan demikian lagi melihat oleh Syafie akan Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam pada tidurnya. Maka bersabda ia: Kirim surat olehmu kepada Abi Abdillah, yakni Ahmad bin Hanbal, maka sampaikan salamku kepadanya dan kata olehmu lagi akan dicuba dan diseru kepada berkata dengan makhluk Qur'an itu. Maka jangan ia perkenankan, maka sangat berkatnya serta diangkatkan oleh Allah

baginya akan ilmunya hingga hari kiamat. Maka menyurat Imam Syafie kepadanya, disuruh membawa surat itu Rabi', maka tatkala sampai surat itu kepadanya, maka berkata Rabi': Beri olehmu akan daku hak *basyarah*, yakni balas menyukakan, maka ditanggalkan baju pada tubuhnya, maka lalu diberi kepadanya, *tamam* kisah Ahmad.

Sifat Ma'ani

Dan telah lalu sebutnya yang tujuh sifat itu iaitu Qudrat dan Iradat dan Ilmu dan Hayat dan Sama' dan Bashar dan Kalam. Dinamakan dia sifat Ma'ani.

Takrif Sifat Ma'ani

Maka takrif Sifat Ma'ani itu:

كُلُّ صِفَةٍ مَوْجُوْدَةٍ قَائِمَةٍ بِمَوْجُوْدَةٍ أَوْجَبَتْ لَهُ حُكْمًا

Ertinya: *Tiap-tiap sifat yang maujudah pada zihin dan maujudah pada kharij yang berdiri dengan yang maujudah,* yakni yang berdiri pada zat yang maujud *yang mewajibkan baginya hukum.*

Dan keluar dengan kata maujudah itu sifat Salbiyah dan sifat Ma'nawiyah dan sifat Nafsiyah.

Dan makna berdiri dengan yang maujud itu bersifatnya, yakni yang maujud dengan dia erti dengan segala sifat yang tujuh itu.

Dan makna mewajibkan baginya hukum itu bahawasanya lazim daripada berdiri sifat itu pada zat mewajibkan segala hukumnya baginya dan iaitu sifat Ma'nawiyah seperti tatkala berdiri Qudrat pada zat, maka mewajibkan bagi zat itu hukum iaitu keadaan zat itu Qadiran. Demikianlah dikatakan hingga ketujuhnya.

Dan dikatakan pula pada sifat Ma'ani itu:

لَا هِيَ هُوَ وَلَا هِيَ غَيْرُهُ

Ertinya: *Tiada sifat itu zat dan tiada pula sifat itu lain daripada*

zat.

Maka adalah sifat itu daripada sekira-kira ta'alluqnya tiga bahagi:

Pertamanya: *Ta'alluq Ta'tsir* iaitu Qudrat dan Iradat.

Kedua: *Ta'alluq Inkisyaf*, yakni menyatakan akan suatu iaitu *Sama'* dan *Bashar* dan Ilmu. Maka ketiga-tiga itu berlainan Inkisyafnya, maka tiada *Tahshil al-Hasil*.

Ketiganya: *Ta'alluq Dilalah* iaitu kalam.

Sifat Ma'nawiyah

Dan kata *Musannif*:

ثُمَّ سَبْعُ صِفَاتٍ تُسَمَّى صِفَاتٍ مَعْنَوِيَّةً وَهِيَ مُلاَزِمَةٌ لِلسَّبْعِ الأُوْلَى

Ertinya: *Kemudian tujuh sifat pula dinamai akan dia sifat Ma'nawiyah dan iaitu melazimkan bagi tujuh sifat yang pertama.*

Yakni melazimkan akan sifat Ma'ani, hanyasanya di*'athaf*kan dengan ثُمَّ, yakni dikatakan kemudian tujuh sifat pula kerana tertib Ma'nawiyah atas Ma'ani itu pada tasawwur akal kerana tiada tasawwur pada akal keadaan *qadiran* melainkan kemudian daripada tasawwur Qudrat dan tiada tasawwur keadaan *muridan* melainkan daripada tasawwur Iradat dan seperti demikianlah hingga akhirnya.

Dan sebab dinamakan dia Ma'nawiyah, yakni dibangsakan kepada Ma'ani kerana bahawasanya melazim ia akan Ma'ani. Dan *muqtadha*nya bahawasa *talazum* itu daripada dua pihak dan iaitu demikianlah. Dan jikalau adalah *muqtadha* menjadi oleh mereka itu bagi Ma'nawiyah akan *ma'lul* dan menjadikan oleh mereka itu akan tujuh yang pertama akan 'illat itu bahawasanya Ma'nawiyah itu ialah yang lazim jua sekalipun kerana bahawa *ma'lul* itu lazim bagi 'illatnya.

Ketahui olehmu, bahawa *talazum* itu pada tasawwur akal jua atau nisbah pada hak yang baharu ini tiada pada hak Tuhan kita, kerana adalah segala sifat Tuhan kita itu tiada ada dahulu dan tiada

kemudian dan tiada melazimkan suatu akan suatu yang lain. Dan hanyasanya tiap-tiap satu sifat itu asing ia dengan sendirinya kerana lazim dan *malzum* dahulu dan kemudian. Maka yang demikian itu mustahil pada Allah dan hanya disebutkan oleh ulama akan yang demikian itu supaya hasil tasawwur jua bukan pada hakikat.

Dan adalah ia wajib bagi Allah Subhanahu wa Ta'ala bersifat dengan dia dengan ijma' dan orang yang menafikan satu-satu daripadanya jadi kafir kerana ia tsabit bagi Allah dengan ittifaq Ahli al-Sunnah dan Mu'tazilah sama ada orang yang mentsabitkan hal atau orang yang menafikan dia.

Dan kata *Musannif*:

وَهِيَ كَوْنُهُ تَعَالَى قَادِرًا وَمُرِيْدًا وَعَالِمًا وَحَيًّا وَسَمِيْعًا وَبَصِيْرًا وَمُتَكَلِّمًا

Ertinya: *Dan iaitu keadaan Allah Ta'ala itu Qadiran,* ertinya yang kuasa iaitu wasithah antara maujud dan *ma'dum* lagi melazim ia akan Qudrat. *Dan muridan,* ertinya keadaanNya yang berkehendak melazim ia bagi Iradat. *Dan keadaanNya yang mengetahui dan keadaanNya yang hidup dan keadaanNya yang mendengar dan keadaanNya yang melihat dan keadaanNya yang berkata-kata.*

Maka sekaliannya itu hal iaitu wasithah antara wujud dan *'adam* yang melazim ia akan sifat Ma'ani seperti keadaan Qadiran, yakni yang kuasa melazim ia akan Qudrat, ertinya tiada tasawwur pada akal zat itu bersifat dengan كَوْنُهُ قَادِرًا melainkan kemudian daripada berdiri Qudrat itu dengan zat.

Dan مُرِيْدًا, ertinya keadaanNya yang berkehendak melazim ia akan Iradat, yakni tiada tasawwur pada akal zat itu bersifat dengan كَوْنُهُ مُرِيْدًا melainkan tatkala berdiri dengan zat itu Iradat.

Dan عَالِمًا, ertinya keadaanNya yang mengetahui melazim ia akan ilmu, yakni tiada tasawwur pada akal zat itu bersifat dengan كَوْنُهُ عَالِمًا melainkan tatkala berdiri dengan zat itu ilmu. Dan qiaskan olehmu, hingga *tamam* tujuh sifat Ma'nawiyah.

Takrif Sifat Ma'nawiyah

Dan takrif sifat Ma'nawiyah itu:

هِيَ الْحَالُ الْوَاجِبَةُ لِلذَّاتِ مَا دَامَتِ الذَّاتُ مُعَلَّلَةً بِعِلَّةٍ

Ertinya: *Iaitu kelakuan yang tsabit bagi zat selama ada zat itu dikeranakan dengan suatu kerana.*

Maka erti kelakuan itu suatu sifat wasithah antara wujud dan *'adam*. Dan keluar dengan kata *Hal* itu sifat Salbiyah dan sifat Ma'ani. Dan keluar dengan kata dikeranakan dengan suatu kerana itu *Hal Nafsiyah*, maka tiada ia dikeranakan dengan suatu kerana. Dan makna kerana itu berdiri sifat Ma'ani itu dengan zat seperti yang telah lalu kenyataannya.

Hasilnya bahawa sifat Ma'nawiyah itu pada qaul yang mentsabitkan *Hal* berkata ia كَوْنُهُ قَادِرًا itu suatu sifat yang melazimkan ia akan Qudrat. Dan Qudrat itu satu sifat pula melazim ia akan كَوْنُهُ قَادِرًا, maka keduanya itu dua sifat yang berlain- lainan dan jikalau adalah keduanya itu berlazim-laziman sekalipun. Dan qiaskan olehmu hingga ketujuh sifatnya.

Dan qaul yang tiada mentsabitkan *Hal* iaitu qaul dha'if. Maka berkata ia كَوْنُهُ قَادِرًا itu ibarat daripada berdiri Qudrat dengan zat dan كَوْنُهُ مُرِيْدًا itu ibarat daripada berdiri Iradat dengan zat. Demikianlah dikatakan hingga akhirnya, yakni كَوْنُهُ قَادِرًا dan كَوْنُهُ مُرِيْدًا hingga akhirnya itu bukan sifat yang lain yang lebih atas segala sifat Ma'ani. Inilah akhir sifat dua puluh yang wajib bagi Allah bersifat dengan dia. Iaitu bahagi yang pertama daripada segala bahagi yang tiga yang wajib atas tiap-tiap mukallaf mengenal akan dia.[]

3

BAB KETIGA

SIFAT-SIFAT YANG MUSTAHIL ATAS ALLAH TA'ALA DAN HURAIANNYA

Dan masuk pula *musannif* menyatakan bahagi yang kedua iaitu yang mustahil atas Allah Ta'ala dengan katanya:

وَمِمَّا يَسْتَحِيْلُ فِي حَقِّهِ تَعَالَى عِشْرُوْنَ صِفَةً، وَهِيَ أَضْدَادُ الْعِشْرِيْنَ الأُوْلَى

Ertinya: *Dan setengah daripada mustahil pada hak Allah Ta'ala itu dua puluh sifat dan iaitu segala lawan bagi dua puluh sifat yang pertama.*

Maka inilah bahagi yang kedua setengah daripada barang yang wajib atas tiap-tiap mukallaf mengenal akan dia dan iaitu barang yang mustahil pada hak Allah Ta'ala. Tetapi *musannif* tiada menyata ia akan sekalian barang yang mustahil pada hak Allah

Ta'ala melainkan setengahnya dan iaitu yang mustahil atas jalan *tafshil* jua dan iaitu dua puluh yang lagi akan datang sebutnya seperti barang yang mengisyarat ia bagi yang demikian itu dengan katanya: Dan setengah daripada barang yang mustahil atas Allah itu dua puluh sifat. Sungguhnya telah engkau ketahui bahawa ini dibinakan atas qaul yang berkata dengan *tsubut ahwal* yang diperbuatkan atas *thariqah* yang berkata ia dengan bahawa segala perkara itu empat bahagi:

Yang pertama: Maujudat iaitu seperti sifat Ma'ani.

Dan kedua: Segala perkara yang *ma'dumat* seperti sifat Salbiyah.

Dan ketiga: Segala perkara ahwal seperti sifat Ma'nawiyah.

Dan keempat: *Umur I'tibariyah*, iaitu sifat Nafsiyah.

Tiada atas qaul yang menafikan dia, yakni dibilangkan yang mustahil dua puluh itu tiada atas qaul yang menafikan *Hal* yang diperbuatkan atas *thariqah* yang berkata ia dengan bahawa segala perkara itu tiga bahagi jua, maka hanyalah seperti barang yang telah lalu kenyataannya.

Dan kata *musannif*: Dan iaitu segala lawan bagi sifat dua puluh yang pertama, ertinya yang pertama daripada yang mustahil itu lawan bagi yang wajib yang pertama. Dan yang kedua lawan bagi yang wajib yang kedua. Dan demikianlah atas tertib yang dahulu pada bilangan segala yang wajib.

Dan mengitlaq oleh *musannif* akan segala أَضْدَادٌ yakni segala lawan atas *muqabil* bagi segala sifat Allah Ta'ala dan tiada *'akas* (sebalik) ia kerana bahawasa segala sifatNya Ta'ala Qadim, maka tiada ada ia ضِدٌّ bagi lainnya. Demikianlah diambil daripada kalam Syeikh Yasin. Dan dibahas padanya dengan bahawasa berlawanan itu nisbah daripada dua pihak. Maka tiap-tiap daripada keduanya ضِدٌّ bagi yang satu lagi dan tiada lazim daripada demikian itu keadaan sifatNya Ta'ala itu baharu kerana bahawasa ضِدٌّ itu seperti di*ithlaq*kan dia atas yang baharu di*ithlaq*kan dia atas yang Qadim. Dan *murad* dengan ضِدٌّ di sini makna lughawi jua dan iaitu mutlak bernafi-nafian. Dan jika tiada *murad* seperti demikian itu, maka tiada ini yang dua puluh sekaliannya أَضْدَادٌ bagi dua puluh yang pertama. Dengan makna *istilahi* kerana ضِدَّيْنِ , yakni dua yang

berlawanan pada istilah itu keduanya dua pekerjaan yang *wujudi* keduanya antara keduanya sehingga-hingga khilaf tiada berhimpun keduanya dan terkadang terangkat keduanya seperti hitam dan putih dan tiada yang dua puluh itu sekaliannya seperti demikian itu. Tetapi setengahnya ضِدٌّ dan setengahnya نَقِيْضٌ dan setengahnya bersamaan bagi نَقِيْضٌ dan setengahnya terlebih أَخَصٌّ daripada نَقِيْضٌ seperti barang yang lagi akan engkau ketahui atasnya, Insya' Allah Ta'ala.

Lawan Bagi Segala Sifat Yang Dua Puluh

Kata *musannif*:

وَهِيَ الْعَدَمُ

Ertinya: *Yang pertamanya tiada,* iaitu lawan wujud.

Bermula berlawanan antara wujud dan *'adam* itu setengah daripada berlawanan antara suatu dan أَخَصٌّ daripada نَقِيْضٌ nya kerana bahawa نَقِيْضٌ wujud itu tiada wujud dan iaitu melengkapi *'adam* dan *Amr I'tibari* dan *Hal*. Maka *'adam* itu terlebih أَخَصٌّ daripada tiada wujud yang ialah نَقِيْضٌ bagi wujud dan maknanya itu lawan jua.

Dan yang kedua:

حُدُوْثٌ

Ertinya: *Baharu,* iaitu lawan Qidam.

Bermula berlawanan antaranya dan antara Qidam itu setengah daripada berlawanan antara suatu dan *musawa* bagi نَقِيْضٌ nya kerana bahawa نَقِيْضٌ Qidam itu tiada Qidam dan iaitulah 'ain baharu kerana bahawasanya tiada wasithah antara keduanya.

Kata Syeikh Suhaimi Rahimahullahu Ta'ala dan telah mengeluarkan oleh Abu Daud riwayat daripada Abi Hurairah, sabda Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam:

يُوْشِكُ النَّاسُ يَسْأَلُوْنَ حَتَّى يَقُوْلَ قَائِلُهُمْ: هَذَا اللهُ خَالِقُ الْخَلْقِ، فَمَنْ خَلَقَ اللهَ؟ فَإِذَا قَالُوْا ذٰلِكَ فَقُوْلُوْا: قُلْ هُوَ ٱللَّهُ أَحَدٌ ۝١ ٱللَّهُ

ٱلصَّمَدُ ۝٢ لَمْ يَلِدْ وَلَمْ يُولَدْ ۝٣ وَلَمْ يَكُن لَّهُۥ كُفُوًا أَحَدٌۢ ۝٤

Ertinya: *Hampir-hampir oleh manusia ditanyanya akan mereka itu hingga berkata oleh yang berkata daripada mereka itu: Ini Allah yang menjadikan makhluk, maka siapa yang menjadikan Allah? Maka apabila berkata oleh mereka itu akan yang demikian itu, maka kata oleh kamu:*

قُلْ هُوَ ٱللَّهُ أَحَدٌ ۝١ ٱللَّهُ ٱلصَّمَدُ ۝٢ لَمْ يَلِدْ وَلَمْ يُولَدْ ۝٣ وَلَمْ يَكُن لَّهُۥ كُفُوًا أَحَدٌۢ

Kemudian maka hendaklah ia berludah dengan tiada air liur pada pihak kirinya tiga kali dan hendaklah ia minta berlindung daripada syaitan. Dan suatu riwayat daripada Ibnu Umar, sabda Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam:

إِنَّ الشَّيْطَانَ يَأْتِي أَحَدَكُمْ فَيَقُوْلُ: مَنْ خَلَقَ السَّمَاءَ؟ فَيَقُوْلُ: اللهُ، فَيَقُوْلُ: مَنْ خَلَقَ الأَرْضَ؟ فَيَقُوْلُ: اللهُ، فَيَقُوْلُ: مَنْ خَلَقَ اللهُ؟ فَإِذَا وَجَدَ ذَلِكَ أَحَدُكُمْ فَلْيَقُلْ: آمَنْتُ بِاللهِ وَرَسُوْلِهِ.

Ertinya: *Bahawasa syaitan itu datang ia akan seorang daripada kamu, maka berkata ia: Siapa yang menjadikan langit? Maka berkata ia: Allah. Maka berkata ia: Siapa yang menjadikan bumi? Maka berkata ia: Allah. Maka berkata ia: Siapa yang menjadikan Allah? Maka apabila dapat seorang kamu akan yang demikian itu, maka hendaklah berkata ia:* آمَنْتُ بِاللهِ وَرَسُوْلِهِ.

Maka bahawasanya apabila dikata yang demikian itu lari ia daripadanya. Maka manakala hasil was-was ini pada hati seorang, maka hendaklah ia kerjakan seperti yang demikian itu kemudian ditahankan daripada melepaskan was-was itu sertanya pada demikian itu dan kembali ia kepada Allah pada menolak akan dia. Dan diketahui bahawasa syaitan itu berkehendak ia akan membinasakan agamanya dan akalnya dengan was-wasnya itu. Maka sayugianya bahawa engkau ijtihadkan pada menolak akan dia dengan engkau membimbangkan dengan yang lain, maka jangan

engkau ikut akan dia, maka jikalau engkau ikut akan dia, maka yang demikian itu tanda kurang akal dan kurang agama engkau. Dan jikalau tiada, maka tanda sah imannya.

Dan pada satu riwayat apabila hasillah bagi seorang itu was-was pada hatinya, maka hendaklah dibacanya:

هُوَ ٱلْأَوَّلُ وَٱلْآخِرُ وَٱلظَّٰهِرُ وَٱلْبَاطِنُ وَهُوَ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ ﴿٣﴾

Ertinya: *Dialah Yang Awal dan Yang Akhir, Yang Zahir, dan Yang Batin dan Dia Maha Mengetahui segala sesuatu.* **(Surah al-Hadid: Ayat 3)**

Dan kata Abu Sulaiman manakala engkau dapat was-was itu, maka sukakan olehmu akan dia. Maka apabila suka kamu, nescaya putuslah daripada kamu was-was itu kerana bahawasanya tiada suatu yang terlebih benci kepada syaitan daripada suka orang yang mukmin. Maka apabila dukacita dengan dia, nescaya bertambah-tambah lagi was-wasnya.

Dan kata *musannif*:

وَطُرُوُّ الْعَدَمِ

Ertinya: *Yang ketiga daripada yang mustahil atas Allah itu mendatangi tiada,* yakni fana iaitu lawan Baqa'.

Bermula berlawanan antaranya dan antara Baqa' itu setengah daripada berlawanan antara suatu dan yang bersamaan bagi نَقِيْضٌ nya kerana bahawa نَقِيْضٌ Baqa' itu tiada Baqa' dan iaitu 'ain طُرُوُّ الْعَدَمِ yang ia fana.

Dan kata *musannif*:

وَالْمُمَاثَلَةُ لِلْحَوادِث، بِأَنْ يَكُوْنَ جِرْمًا: أَيْ تَأْخُذُ ذَاتُهُ الْعَلِيَّةُ قَدْرًا مِنَ الْفَرَاغِ، أَوْ يَكُوْنَ عَرَضًا يَقُوْمُ بِالْجِرْمِ، أَوْ يَكُوْنَ فِي جِهَةٍ لِلْجِرْمِ، أَوْ لَهُ هُوَ جِهَةٌ، أَوْ يَتَقَيَّدَ بِمَكَانٍ أَوْ زَمَانٍ، أَوْ تَتَّصِفَ ذَاتُهُ الْعَلِيَّةُ بِالْحَوَادِثِ، أَوْ تَتَّصِفَ بِالصِّغَرِ أَوِ الْكِبَرِ، أَوْ يَتَّصِفَ بِالْأَغْرَاضِ فِي الْأَفْعَالِ وَالْأَحْكَامِ.

Ertinya: Yang keempat daripada yang mustahil atas Allah Ta'ala bersamaan dengan segala yang baharu dan iaitu lawan bagi Mukhalafatuhu lil Hawadith. Bermula berlawanan antaranya dan antara Mukhalafatuhu lil Hawadith itu daripada *tuqabil* antara suatu dan yang bersamaan bagi نَقِيْضٌnya atas aturan barang yang dahulu jua kerana نَقِيْضٌ Mukhalafatuhu lil Hawadith itu tiada Mukhalafah bagi Hawadith dan iaitu 'ain Mumatsalah bagi Hawadith.

Ketahui olehmu, bahawa segala bagi yang bersamaan yang disebut oleh *musannif* itu sepuluh perkara:

Yang pertama: Bahawa adalah Ia jirim.

Yang kedua: Bahawa ada Ia *'aradh* yang berdiri dengan jirim.

Yang ketiga: Bahawa ada Ia pada pihak bagi jirim.

Yang keempat: Bahawa ada Ia bagiNya pihak.

Yang kelima: Bahawa ada Ia pada tempat.

Yang keenam: Bahawa ada Ia pada zaman.

Yang ketujuh: Bahawa ada Ia bersifat dengan segala sifat yang baharu.

Yang delapan: Bahawa ada Ia bersifat dengan kecil.

Dan yang kesembilan: Bahawa ada Ia bersifat dengan besar.

Dan yang kesepuluh: Bahawa ada Ia bersifat dengan mengambil faedah pada segala perbuatan atau hukum.

Dan sungguhnya telah akan dia oleh *musannif* atas ini tertib dengan katanya:

بِأَنْ يَكُوْنَ جِرْمًا: أَيْ تَأْخُذُ ذَاتُهُ الْعَلِيَّةُ قَدْرًا مِنَ الْفَرَاغِ

Ertinya: *Dengan bahawa ada Ia jirim, ertinya bahawa mengambil oleh zatNya yang Maha Tinggi kadar daripada lapang.*

Dan makna jirim itu tiap-tiap yang memenuh lapang seperti batu dan kayu dan jasad sekalian binatang dan matahari dan bulan dan lainnya sama ada jirim itu *murakkab* (tersusun) atau *mufrad* (bersendirian tidak tersusun).

Dan yang *murakkab* itu dinamakan jisim dan yang *mufrad* itu dinamakan jauhar. Dan erti jisim itu yang menerima bahagi kerana

bersusun ia daripada dua jauhar atau lebih. Dan makna jauhar itu yang tiada menerima bahagi akan dia seperti roh umpamanya. Dan فَرَاغ itu kadar daripada lapang dan erti lapang itu iaitu barang yang antara langit dan bumi dan dinamakan dia lapang hanyasanya ia dengan sekira waham dan kerana demikian itulah dinamakan lapang *mauhum*, yakni disangka akan dia lapang bukan lapang sebenar-benarnya kerana antara langit dan bumi itu penuh ia dengan hawa' *ghayah* pekerjaannya bahawa hawa' itu jisim yang *lathif* dan bermasuk-masuk setengah di dalam setengahnya apabila turun oleh jisim yang lain pada tempatnya.

Dan barang siapa berkata Allah Ta'ala berjisim tetapi tiada seperti jisim yang baharu ini, tiada ia jadi kafir, hanya haram lagi bid'ah. Bahkan jikalau dii'tiqadkan seperti jisim makhluk ini, maka iaitu jadi kafir dengan ittifaq.

أَوْ يَكُوْنَ عَرَضًا يَقُوْمُ بِالْجِرْمِ

Ertinya: *Atau ada Ia 'aradh yang berdiri dengan jirim.*

Bermula *'aradh* itu barang yang berdiri dengan yang lainnya daripada segala sifat yang baharu. Maka iaitu terlebih أَخَصّ daripada mutlak sifat kerana tertunggal sifat itu pada sifat yang Qadim. Maka adalah 'aradh itu tertentu dengan yang baharu seperti putih dan merah dan hitam dan sekalian warna. Dan *'aradh* itu satu bahagi daripada alam kerana alam itu tersimpan pada sekalian jirim dan sekalian *'aradh* dan alam dengan segala juzu'nya itu baharu. Dan katanya:

أَوْ يَكُوْنَ فِي جِهَةٍ لِلْجِرْمِ

Atau ada Ia pada pihak bagi jirim.

Dan sekalian bagi jihah itu enam iaitu kanan dan kiri dan hadapan dan belakang dan di atas dan bawah. Dan sekalian itu masuk pada kalam *musannif*, maka tiada Allah Ta'ala pada kanan 'Arasy dan tiada pada kirinya dan tiada pada hadapannya dan tiada di belakangnya dan tiada di bawahnya dan tiada di atasnya kerana 'Arasy itu jirim. Maka hendak takut akan sebagai takut daripada orang yang mengi'tiqadkan dia oleh orang yang awam daripada bahawa Allah Ta'ala di atas alam. Tetapi qaul yang shahih bahawa

orang yang mengi'tiqadkan jihah itu tiada kufur seperti dikatanya Allah Ta'ala itu pada langit seperti barang yang berkata akan dia oleh Ibnu Abdu al-Salam dan dikait akan dia oleh Nawawi dengan bahawa adalah ia daripada orang yang awam. Dan adalah *murad* dengan jirim itu bulat alam ini dengan sekalian atau barang mana jirim ada ia. Dan yang kedua itu iaitu yang bersegera pada faham kerana melengkapi.

Dan demikian lagi, tiada harus dikatakan Allah Ta'ala itu di dalam alam atau di luar alam kerana memberi waham dan jahat adab serta Allah Ta'ala. Dan jika sah maknanya sekalipun kerana bahawa di dalam alam itu ilmuNya atau disembah akan Dia di dalam alam. Dan erti di luar alam itu iaitu tiada Ia daripada jenis alam dan lagi pula sebab syubhah. Dikatakan luar dan di dalam itu kerana keduanya itu daripada sifat yang baharu. Dan Allah Ta'ala Maha Suci daripada segala sifat yang baharu. Maka haram dikatakan keduanya dan tiada jadi kufur.

Dan adapun firman Allah Ta'ala:

ٱلرَّحْمَـٰنُ عَلَى ٱلْعَرْشِ ٱسْتَوَىٰ ﴿٥﴾

Ertinya: *Dan Ialah Allah, Tuhan di dalam tujuh petala langit dan di dalam bumi.* **(Surah al-An'am: Ayat 3)**

Maka maknaNya yang disembah di dalam langit dan di dalam bumi. Demikian lagi firmanNya:

وَهُوَ ٱللَّهُ فِى ٱلسَّمَـٰوَٰتِ وَفِى ٱلْأَرْضِ ۖ ..... ﴿٣﴾

Ertinya: *Bermula Tuhan yang bernama Rahman itu di atas 'Arasy bersamaan Ia.* **(Surah Thaha: Ayat 5)**

Ertinya: Di atas mengerasi dan memerintahkan. Dan katanya:

أَوْ لَهُ هُوَ جِهَةٌ

Ertinya: *Atau bagiNya Ia pihak seperti ada bagiNya jihah*, seperti kanan atau kiri atau atas atau bawah dan hadapan dan belakang. Maka sekalian itu mustahil yakni tiada bagi Allah anggota kanan

dan anggota kiri dan hadapan dan belakang dan atas dan tiada di bawah. Maka hendak takut ia akan tiap-tiap takut daripada barang yang mengi'tiqad akan dia oleh orang yang awam daripada bahawasanya alam ini di bawah Allah Ta'ala. Tetapi qaul yang shahih bahawa orang yang mengi'tiqadkan jihah itu tiada kufur seperti barang yang telah engkau ketahui.

Dan bersalahan ulama, maka kata qil: Bermula jihah itu tertentu dengan نَوْعٌ (jenis) manusia, tiada bagi yang lainnya dan jikalau binatang sekalipun. Maka tiada disandarkan jihah itu kepada yang lainnya melainkan dengan wasithah manusia. Dan atas ini adalah kata mereka itu daripada kanan mimbar umpamanya atas *hazaf mudhaf,* takdirnya daripada kanan orang yang mendepet (berdekatan) dengan mimbar atau umpama yang demikian itu. Bermula qaul yang tahqiq bahawasanya tiada tertentu dengan dia tetapi disandarkan bagi manusia dan bagi yang lainnya. Dan atas ini adalah kata mereka itu daripada kanan mimbar itu umpamanya atas zahirnya tiada berkehendak kepada takdir lagi. Dan katanya pula:

أَوْ يَتَقَيَّدَ بِمَكَانٍ

Ertinya: *Atau terkait Ia dengan suatu tempat.*

Bermula *murad* daripada تَقَيَّدَ dengan tempat itu *hulul*nya pada tempat tiada *murad*nya itu tertentu dengan satu tempat, tiada tempat yang lainnya. Dan jika adalah ia yang bersegera faham daripada lafaz تَقَيَّدَ sekalipun.

Bermula مَكَانٌ pada Ahli al-Sunnah iaitu lapang yang *mauhum* ini dan pada ketika itu adalah katanya: أَوْ يَتَقَيَّدَ بِمَكَانٍ hingga akhirnya itu terkaya daripadanya dengan katanya: بِأَنْ يَكُوْنَ جِرْمًا, ertinya mengambil oleh zatNya yang Maha Tinggi itu kadar daripada lapang.

Dan daripada Jumhur Falasifah: Bermula مَكَانٌ itu *suthuh* yang batin daripada yang meliputi yang menyentuh bagi *suthuh* yang zahir daripada yang diliputi seperti batin buyung yang bersentuh bagi zahir air. Dan atas kata tiada ada katanya أَوْ يَتَقَيَّدَ hingga akhir itu terkaya daripadanya dengan yang tersebut itu.

Dan katanya pula:

أَوْ زَمَانٍ

Ertinya: *Atau terkait Ia dengan zaman,* seperti beredar atasnya segala falak atau mendatangi atasnya malam dan siang. Bermula yang masyhur bahawa zaman itu *harakah* (gerakan) falak.

Dan kata qil: Bermula zaman itu menyerta *mutajaddid* yang *mauhum* bagi *mutajaddid* yang maklum kerana menghilangkan bagi *ibham* seperti barang yang tsabit pada kata engkau: "Aku datang akan dikau pada waktu naik matahari", maka naik matahari itu *mutajaddid* yang maklum. Dan kata qil lain daripada yang demikian itu. Dan telah memilih oleh setengah daripada muhaqqiqin bahawasanya daripada barang yang terhenti oleh akal dan iaitu yang sebenarnya.

Dan katanya pula:

أَوْ تَتَّصِفَ ذَاتُهُ الْعَلِيَّةُ بِالْحَوَادِثِ

Ertinya: *Atau bersifat zatNya yang Maha Tinggi itu dengan sifat yang baharu,* seperti bersifat Ia dengan Qudrat yang baharu atau Iradat yang baharu atau Ilmu yang baharu atau Hayat yang baharu. Katalah hingga akhirnya atau bergerak atau diam atau putih dan hitam dan suka dan duka.

Dan katanya pula:

أَوْ يَتَّصِفَ بِالصِّغَرِ

Atau bersifat Ia dengan kecil.

أَوِ الْكِبَرِ

Atau bersifat dengan besar.

Dan makna kecil itu barang yang sedikit daging anggotanya. Dan makna besar itu barang yang banyak daging anggotanya. Kata setengah ulama makna kecil itu singkat umurnya dan makna besar itu panjang umurnya. Maka sekalian itu mustahil atas Allah Ta'ala kerana sekalian itu sifat bagi jirim kerana tiada sunyi jirim

itu daripada sekalian perkara itu.

Dan adapun barang yang datang pada Qur'an yang menunjukkan Allah Ta'ala bersifat dengan besar seperti firmanNya Allah:

ٱلْكَبِيرُ ٱلْمُتَعَالِ ﴿٩﴾

Ertinya: *Bermula Allah Ta'ala itu Maha Besar lagi Maha Tinggi.* **(Surah al-Ra'd: Ayat 9)**

Maka maknanya itu besar pada martabat keTuhanan. Dan katanya pula:

أَوْ يَتَّصِفَ بِالأَغْرَاضِ فِي الأَفْعَالِ وَالأَحْكَامِ.

Ertinya: *Atau bersifat Ia dengan mengambil faedah pada segala perbuatan dan segala hukum.*

Dan misal perbuatan itu seperti mengadakan Zaid dan 'Amru. Dan misal hukum itu seperti mewajibkan sembahyang lima waktu dan zakat dan puasa. Maka segala perbuatan Allah Ta'ala dan segala hukumNya itu, Maha Suci daripada mengambil faedah. Dan makna غَرَضٌ itu iaitu *'illat* yang membangkitkan dengan tergagah atas memperbuat akan sesuatu atau menghukumkan dia kerana hendak menghelakan maslahat yang kembali kepada dirinya atau kepada makhlukNya atau menolakkan daripada kebinasaan. Maha Suci Allah Ta'ala daripada غَرَضٌ. Dan tiada jadi *i'tiradh* atas yang demikian itu firman Allah Ta'ala:

وَمَا خَلَقْتُ ٱلْجِنَّ وَٱلْإِنسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ ﴿٥٦﴾

Ertinya: *Dan tiada Aku jadikan jin dan manusia melainkan jadilah oleh mereka itu menyembah akan Daku*. **(Surah al-Dzariyat: Ayat 56)**

Kerana *lam* pada لِيَعْبُدُونِ itu bukan ia bagi تَعْلِيْلٌ (supaya) dan hanya *lam* itu bagi عَاقِبَةٌ (akibat) dan صَيْرُوْرَةٌ (menjadi). Maknanya akhir pekerjaan itu jadi menyembah oleh mereka itu akan Daku.

Ketahui olehmu, bahawasa segala perbuatan Allah Ta'ala dan segala hukumNya dan jika ada ia suci daripada غَرَضٌ sekalipun,

tetapi tiada sunyi daripada hikmah dan jika tiada sampai kepadanya oleh akal kita sekalipun kerana bahawasanya jikalau tiada ada ia kerana hikmah, nescaya ada ia sia-sia dan iaitu mustahil atas Allah Ta'ala.

Bermula فَرْقٌ (beza) antara غَرَضٌ dan hikmah, bahawa غَرَضٌ itu adalah ia maksud daripada perbuatan atau hukum dengan sekira-kira ada ia yang mem-bangkitkan dan yang menanggung atasnya, yakni atas perbuatan atau hukum itu. Dan hikmah itu tiada ada ia seperti demikian itu, yakni Allah berbuat dengan hikmah bukan kerana غَرَضٌ. Dan berbuat kerana غَرَضٌ itu mustahil kerana yang berkehendak mengambil غَرَضٌ di dalam perbuatan dan hukumnya itu menunjukkan kekurangan, maka berkehendak kepada suatu yang menyempurnakan dia. Dan Allah Ta'ala telah kaya Ia daripada segala yang tersebut itu, maka mustahil bagiNya mengerjakan dan menegahkan dengan غَرَضٌ. Maka yang berkehendak kepada غَرَضٌ itu baharu lagi kekurangan yang berkehendak kepada orang yang menyempurnakan kekurangannya. Bermula Allah Ta'ala itu *fa'il* yang *mukhtar* lagi kaya Ia daripada sekalian makhlukNya.

Dan kata *Musannif*:

وَكَذَا يَسْتَحِيْلُ عَلَيْهِ تَعَالَى أَنْ لاَ يَكُوْنَ قَائمًا بنَفْسه بأَنْ يَكُوْنَ صفَةً يَقُوْمُ بِمَحَلٍّ أَوْ يَحْتَاجُ إِلَى مُخَصِّص

Dan yang kelima daripada yang mustahil atas Allah Ta'ala itu bahawa tiada Ia berdiri dengan sendiriNya seperti bahawa ada ia sifat yang berdiri ia dengan zat atau berkehendak ia kepada fa'il yang menjadikan Dia.

Bermula berlawanan antara tiada berdiri dengan sendirinya dan antara Qiyamuhu Binafsihi itu daripada berlawanan antara suatu dengan نَقِيْضٌnya seperti barang yang ia zahir.

Kata *musannif* بأَنْ يَكُوْنَ hingga akhirnya *taswir* bagi nafi, tiada bagi menafi dan tatkala berlaku oleh *musannif* pada barang yang telah lalu atas tafsir Qiyamuhu Binafsihi itu dengan tiada berkehendak Allah Ta'ala kepada zat dan tiada berkehendak kepada مُخَصِّص seperti barang yang ia istilah bagi setengah daripada mutakallimin dan iaitu yang masyhurnya, nescaya berlaku ia di sini atas *taswir* ketiadaan berdiri Allah Ta'ala dengan sendirinya dengan

keadaannya sifat yang berdiri ia dengan zat dan dengan keadaannya berkehendak kepada *fa'il* yang menjadikan dia dan jikalau berlaku ia pada barang yang telah lalu ia atas tafsir Qiyamuhu Binafsihi itu dengan tiada berkehendak Allāh Ta'ala kepada zat jua.

Maka hanyalah seperti barang yang ia istilah bagi setengah mereka itu, nescaya berlaku ia di sini atas *taswir* ketiadaan berdiri dengan sendirinya dengan keadaannya berkehendak ia kepada zat jua. Maka hanyalah seperti barang yang ia zahir.

Dan berkata *musannif*:

وَكَذَا يَسْتَحِيْلُ عَلَيْهِ تَعَالَى أَنْ لاَ يَكُوْنَ وَاحِدًا بِأَنْ يَكُوْنَ مُرَكَّبًا فِي ذَاتِهِ أَوْ يَكُوْنَ لَهُ مُمَاثِلٌ فِي ذَاتِهِ أَوْ فِي صِفَاتِهِ أَوْ يَكُوْنَ مَعَهُ فِي الْوُجُوْدِ مُؤَثِّرٌ فِي فِعْلٍ مِنَ الأَفْعَالِ

Ertinya: *Dan yang keenam daripada yang mustahil atas Allah Ta'ala itu bahawa tiada ada Ia Esa seperti bahawa ada Ia bersusun pada zatNya atau ada bagiNya yang menyerupai pada zatNya atau pada sifatNya atau ada sertaNya pada wujud yang memberi bekas pada suatu perbuatan daripada segala perbuatan yang lain daripada Allah Ta'ala.*

Ertinya: Mustahil atas Allah Ta'ala tiada Esa pada zatNya atau pada sifatNya atau perbuatanNya kerana diambil daripada katanya بِأَنْ يَكُوْنَ hingga akhirnya.

Bermula berlawanan antara yang demikian itu dan antara Wahdaniyah itu setengah daripada *tuqabil* antara suatu dan نَقِيْض‍nya seperti barang yang tiada tersembunyi. Dan masuk di bawah katanya bahawa tiada Esa itu sekalian كَمْ yang dinafikan dan iaitu كَمْ مُتَّصِلٌ pada zat dan كَمْ مُنْفَصِلٌ pada zat dan كَمْ مُتَّصِلٌ pada sifat dan كَمْ مُنْفَصِلٌ pada sifat dan كَمْ مُنْفَصِلٌ pada af'al. Dan demikian lagi كَمْ مُتَّصِلٌ pada af'al jika *ditaswirkan* dengan bersekutu oleh yang lainnya baginya pada satu perbuatan daripada segala perbuatan. Bersalahan jika di*taswir*kan dengan berbilang-bilang af'alnya Ta'ala, maka bahawasanya tsabit tiada dinafikan. Dan kata *musannif*: بِأَنْ يَكُوْنَ hingga akhir itu *taswir* bagi nafi tiada *taswir* bagi menafi seperti barang yang telah terdahulu bandingannya.

Kam Muttashil dan *Kam Munfashil*

Dan erti كَمْ مُتَّصِلْ pada zat itu bersusun zatnya daripada beberapa jauhar dua atau lebih.

Dan erti كَمْ مُنْفَصِلْ pada zat itu seperti ada zat yang lain daripada Allah Ta'ala seperti zat Allah Ta'ala.

Dan erti كَمْ مُتَّصِلْ pada sifat itu seperti berbilang-bilang sifat Allah Ta'ala daripada satu jenis seperti dua Qudrat dan dua Iradat dan lainnya.

Dan erti كَمْ مُنْفَصِلْ pada sifat itu seperti ada yang lain daripada Allah Ta'ala itu sifat seumpama sifat Allah Ta'ala seperti Qudrat yang dapat memberi bekas dan ilmu yang umum ta'alluqnya dan lainnya.

Dan tiada mengapa muafakat pada nama jua, dikatakan pada hamba itu ada baginya Qudrat dan Iradat dan Ilmu dan Hayat dan lainnya daripada sifat yang sah, dikatakan pada mereka itu seperti Sama' dan Bashar dan Kalam tetapi bukan hakikatnya seperti sifat Allah. Dan hanyasanya yang tiada boleh dikatakan pada hamba lagi mustahil ia bahawa ada bagi hamba itu Qudrat yang dapat mengeluarkan dengan dia sekalian mumkin daripada *'adam* kepada ada dan ilmu yang meliputi dengan sekalian maklumat dan lainnya daripada segala sifat yang ketentuan dengan sifat ketuhanan.

Dan mustahil pula ada serta Allah Ta'ala pada wujud yang memberi bekas pada suatu perbuatan daripada segala perbuatan. Dan inilah dinamakan كَمْ مُنْفَصِلْ pada af'al dan padanya, yakni pada katanya.

Dan mustahil pula ada serta Allah Ta'ala hingga akhirnya itu menolakkan atas Mu'tazilah pada kata mereka itu dengan bahawa hamba itu menjadikan perbuatan dirinya yang *ikhtiyari* dengan Qudrat yang telah menjadi akan dia oleh Allah Ta'ala pada hamba itu. Dan yang shahihnya tiada jadi kufur mereka itu dengan demikian itu, kerana bahawasanya tiada menjadikan oleh mereka itu akan menjadi oleh hamba itu seperti menjadi oleh Allah Ta'ala sekira-kira menjadikan oleh mereka itu akan hamba itu berkehendak kepada asbab dan *wasitah*. Bersalahan Allah Ta'ala tiada berkehendak kepada wasitah dan lagi pula menafikan memberi bekas bagi api

pada menghanguskan seperti api Nabi Allah Ibrahim 'alaihissalam tatkala dibakar oleh Namrud la'natullah Ta'ala atasnya dan tiada memberi bekas bagi sekian pada mengerat seperti *sikkin* (pisau) Nabi Allah Isma'il 'alaihissalam tatkala menyembelih akan dia oleh bapanya iaitu Nabi Allah Ibrahim kerana hendak menyempurnakan kobannya yang kurang dengan ilham akan dia di dalam mimpi dan tiada memberi bekas bagi makanan pada mengenyangkan dan jikalau tiada dapat akan misalnya sekalipun kerana ia seperti segala asbab yang lain jua.

Maka barang siapa mengi'tiqadkan bahawasanya sesuatu daripada segala sebab yang beradat itu memberi bekas dengan tabiatnya, ertinya dengan zatnya, maka tiada khilaf ulama pada kufurnya, yakni muafakat segala ulama pada kufurnya. Dan jika i'tiqad ia akan baharu segala sebab yang beradat dan tiada memberi bekas dengan zatnya dan hanyasanya memberi bekas ia dengan kuat yang dijadikan oleh Allah Ta'ala padanya, maka qaul yang muktamad tiada jadi kafir tetapi i'tiqad yang demikian itu bid'ah lagi haram.

Dan telah menjalani ulama di seberang sungai Dijlah kepada kufur mereka itu tetapi menjadi oleh mereka itu akan Majusi itu terlebih baik halnya daripada mereka itu kerana bahawasa tiada menyabit oleh mereka itu bagi Allah Ta'ala itu melainkan satu *syarik* jua. Dan mereka itu yakni yang mengi'tiqad bahawa hamba menjadikan perbuatan dirinya yang *ikhtiyari* itu mentsabitkan oleh mereka itu bagi Allah Ta'ala akan beberapa *syarik* yang banyak, tetapi qaul ini dha'if seperti orang yang beri'tiqad bahawa hamba itu menjadikan akan segala fi'il dirinya yang *ikhtiyariyah* dengan Qudrat yang telah menjadikan akan dia oleh Allah Ta'ala padanya, maka iaitu fasik lagi bid'ah. Dan pada kufurnya itu dua qaul dan yang rajihnya tiada kufur.

Dan barang siapa mengi'tiqadkan bahawasanya tiada memberi bekas bagi suatu daripada segala asbab dan hanya yang memberi bekas itu iaitu Allah Ta'ala jua, tetapi antaranya dan antara musabbabnya berlazim-laziman 'aqli, maka manakala didapat akan api umpamanya, nescaya didapat akan hangus, maka orang itu jahil ia dengan hakikat hukum adat dan terkadang menghelakan dia oleh

yang demikian itu kepada kufur kerana bahawasanya terkadang membawa kepada ingkar akan segala perkara yang mencarikkan adat seperti mukjizat segala anbiya' 'alaihimushshalatu wassalam dan seperti bangkit segala jasad. Maka tiada lepas ia daripada bahaya melainkan orang yang mengi'tiqad bahawasanya tiada memberi bekas bagi suatu daripada asbab dengan zatnya dan dengan kuatnya dan bahawa tiada berlazim-laziman antaranya dan antara musabbabnya dengan bahawa i'tiqadkan sah, bersalahannya seperti bahawa didapat akan sebab dan tiada dapat musabbabnya. Ertinya didapat tertunu dan tiada dapatkan hangus hanya yang menghanguskan itu Allah Ta'ala sendiri. Maka i'tiqad yang akhir inilah yang mengesakan Allah Ta'ala pada sekalian perbuatanNya, Wallahu a'lam.

Dan berkata *musannif*:

وَكَذَا يَسْتَحِيْلُ عَلَيْهِ تَعَالَى الْعَجْزُ عَنْ مُمْكِنٍ مَا

Dan ini masuk oleh *musannif* pada menyatakan lawan sifat Ma'ani pula iaitu lawan Qudrat. *Dan yang ketujuh daripada yang mustahil atas Allah Ta'ala itu lemah daripada menjadikan barang mana mumkin ada ia.*

Maka masuk di dalam kata "barang mana mumkin ada ia" itu sekalian mumkinat sama ada ia daripada sekalian perbuatan hamba yang menyertai akan dia oleh Qudrat mereka itu yang baharu atau daripada segala sebab yang beradat seperti lemah daripada menjadikan hangus yang disebabkan oleh api atau lain daripadanya daripada sekalian perkara yang disertakan dengan sebab yang beradat atau tiada ada ia daripada segala perbuatan hamba dan tiada daripada yang disertakan dengan sebab yang beradat seperti menjadikan langit dan bumi dan syurga dan neraka dan 'Arasy dan Kursi dan mengadakan umpama alam ini atau mengadakan yang terlebih elok daripada alam ini.

Bermula lawan antara lemah dan antara Qudrat itu setengah daripada lawan ضدّ namanya pada Ahli al-Sunnah kerana bahawasa lemah itu pada Ahli al-Sunnah pekerjaan yang wujudi yang berlawanan dengan Qudrat, maka Qudrat itu pun yang wujudi juga. Dan antara keduanya itu bersalahan, tiada dapat berhimpun.

Bersalahan kata Mu'tazilah: Bermula lemah itu bukan pekerjaan wujudi, hanya ketiadaan Qudrat. Maka berlawanan antara keduanya pada mereka itu setengah daripada berlawanan *'adam* dan *malakah*.

Syahdan. Bahawasanya telah terdahulu perkataan bahawa kekuasa Allah Ta'ala atas menjadikan alam yang lain yang terlebih elok daripada alam ini. Dan dari kerana inilah di*i'tiradh* oleh Baqa'i atas Imam Ghazzali pada katanya:

لَيْسَ فِي الإِمْكَانِ أَبْدَعُ مِمَّا كَانَ

Ertinya: *Tiadalah pada yang lagi hendak diadakan itu terlebih elok daripada barang yang telah ada ini.*

Dengan bahawa ada pada perkataannya itu nisbah lemah kepada Allah Ta'ala daripada berbuat yang terlebih elok daripada alam yang sudah ada ini. Tetapi dijawab daripada i'tiradh Baqa'i itu dengan bahawa *murad*nya itu bahawasanya tiada mumkin bahawa didapatkan yang terlebih elok daripada alam ini kerana ketiadaan ta'alluq Qudrat Allah dan iradatNya dengan mengadakan yang terlebih elok itu dan jikalau dikehendak Allah Ta'ala, nescaya mengada Ia yang terlebih elok daripadanya kerana Allah Ta'ala itu amat kuasa. Maka tiada pada kalam Imam Ghazzali itu barang yang menghendaki nisbah lemah kepada Allah Ta'ala seperti barang yang di*tawahhum* akan dia oleh Baqa'i pada itu, maka i'tiradh ia atasnya.

Faedah:

Ditanyakan setengah ulama daripada orang yang berkata: Tiada kuasa Allah Ta'ala atas bahawa hendak mengeluarkan daku daripada milikNya. Adakah kufur atau tiada? Maka jawab ia: Dengan bahawasanya tiada kufur kerana keluarnya daripada milik Allah Ta'ala itu mustahil kerana tiada dapat wujud milik bagi orang yang lain daripada Allah Ta'ala yang mengeluar Ia akan dia kepadaNya. Dan Qudrat tiada ta'alluq ia kepada yang mustahil, maka tiada mudharat pada yang demikian itu seperti tiada mudharat bahawa dikatakan tiada kuasa Allah atas bahawa mengambil Ia akan anak atau isteri atau umpama yang demikian itu tetapi adalah

perkataan yang demikian itu tiada sunyi daripada jahat adab. Maka yang sebenarnya bahawa jangan dikatakan tiada kuasa Allah Ta'ala pada yang demikian itu, hanya dikata tiada ta'alluq Qudrat Allah Ta'ala akan yang demikian itu kerana segala perkara itu mustahil, maka Qudrat itu tiada ta'alluq kepada yang mustahil, Wallahu a'lam.

Asal Kufur Dan Bid'ah

Kata Syeikh Sanusi Rahimahullahu Ta'ala: Bermula asal kufur dan bid'ah itu tujuh perkara:

Pertama: الإِيْجَادُ الذَّاتِيُّ yakni mengada yang zati. Ertinya: Disandarkan ada alam ini kepada Allah atas jalan 'illat dan tabiat dengan ikhtiar.

Kedua: التَّحْسِيْنُ الْعَقْلِيُّ Erti: Mengelok yang aqli iaitu keadaan segala perbuatan Allah Ta'ala dan segala hukumNya dihentikan pada akal atas أَغْرَاضٌ dan iaitu menghelakan maslahat dan menolakkan maqasid.

Dan ketiga: التَّقْلِيْدُ الرَّدِيْءُ yakni mengikut yang kurang iaitu mengikut akan orang lain kerana cemburu dan menolong dengan tiada menuntut bagi yang sebenar.

Keempat: الرَّبْطُ العَادِيُّ ertinya: Mengikut adat iaitu mentsabitkan berlazim-laziman antara suatu pekerjaan dengan suatu pekerjaan pada wujudnya atau pada *'adam*nya dengan wasitah berulang-ulang.

Kelima: Jahil murakkab. Dan iaitu jahil ia akan hakikat suatu dan jahil ia akan dirinya itu jahil.

Keenam: Berpegang ia akan 'aqa'id iman dengan semata-mata zahir Qur'an dan Hadis, yakni ayat yang *mutasyabihah* dan hadis yang *mutasyabihah* dengan tiada dilentangkan dia atas beberapa burhan 'aqliyah dan قَوَاطِعُ شَرْعِيَّةٌ (pendapat-pendapat Syara' yang pasti).

Ketujuh: Jahil dengan *qawa'id* yang *'aqliyah* yang iaitu mengetahui dengan wujub segala yang wajib dan harus segala yang harus dan *istihalah* segala yang mustahil dan mengetahui dengan

bahasa Arab iaitu ilmu lughah dan ilmu Nahu dan ilmu Bayan. Maka adalah tiap-tiap suatu daripadanya terkadang jadi daripadanya kufur *mujamma'* dan terkadang jadi daripadanya bid'ah.

Maka الإِيْجَادُ الذَّاتِيُّ itu asal kufur falasafah yang menjadikan zat Allah itu 'illat bagi mumkin dengan tiada ikhtiarnya.

Dan التَّحْسِيْنُ العَقْلِيُّ itu asal kufur Barahimah daripada kaum falasifah hingga menafi oleh mereka itu akan Nubuwwah dan asal sesat Mu'tazilah hingga diwajibkannya atas Allah Ta'ala mera'ikan صَلاَحٌ (kebaikan) dan أَصْلَحُ (yang lebih baik).

Dan التَّقْلِيْدُ الرَّدِيْءُ: itu asal kufur yang menyembah berhala dan lainnya hingga berkata mereka itu: Kami dapat ibu bapa kami menyembah berhala, maka kami pun mengikut atas perbauatan mereka itu.

Dan الرَّبْطُ العَادِيُّ itu asal kufur *thaba'i'iyyin* dan sesat orang yang mengikut akan mereka itu daripada segala jahil mukminin seperti ditambatkan kenyang dengan makan, sekira-kira tiada dapat menyalahi.

Dan Jahil Murakkab itu asal kufur kebanyakan i'tiqad falasifah. Katanya, memberi bekas *aflak* yakni matahari dan bulan.

Dan yang berpegang dengan zahir Kitab dan Hadis itu asal kufur Hasywiyah. Maka berkata mereka itu dengan syabih (keserupaan) dan berjisim dan berjihah kerana mengambil akan zahir itu yang *mutasyabihah* seperti: ٱلرَّحْمَٰنُ عَلَى ٱلْعَرْشِ ٱسْتَوَىٰ ﴿٥﴾ dan umpamanya.

Ketahui olemu, bahawa ayat Qur'an dan hadis Nabi itu dua perkara:

Pertama: Dinamakan *Muhkamat.*

Dan kedua: Dinamakan *Mutasyabihat.*

Dan adapun yang *muhkamat* itu wajib diambilkan akan makna zahirnya, tiada harus dita'wil kepada makna yang lain sekali-kali seperti firmanNya:

وَأَقِيمُوا۟ ٱلصَّلَوٰةَ وَءَاتُوا۟ ٱلزَّكَوٰةَ ..... ﴿١١٠﴾

Ertinya: *Dirikan oleh kamu akan sembahyang dan beri*

oleh kamu akan zakat ..... **(Surah al-Baqarah: Ayat 110)**

Dan demikian lagi firmanNya:

وَلَا تَقْرَبُوا۟ ٱلزِّنَىٰٓ ۖ إِنَّهُۥ كَانَ فَـٰحِشَةً ..... ﴿٣٢﴾

Ertinya: *Jangan kamu hampir akan berbuat zina bahawa zina itu ada ia keji .....* **(Surah al-Isra': Ayat 32)**

Dan yang *mutasyabihat* itu seperti firmanNya:

..... يَدُ ٱللَّهِ فَوْقَ أَيْدِيهِمْ ۚ ..... ﴿١٠﴾

..... *Bermula tangan Allah di atas tangan mereka itu .....* **(Surah al-Fath: Ayat 10)**

Dan firmanNya:

وَيَبْقَىٰ وَجْهُ رَبِّكَ ..... ﴿٢٧﴾

Dan kekal oleh muka Tuhan engkau, Ya Muhammad ..... **(Surah al-Rahman: Ayat 27)**

Dan firmanNya:

وَجَآءَ رَبُّكَ ..... ﴿٢٢﴾

Ertinya: *Dan telah datang Tuhan engkau .....* **(Surah al-Fajr: Ayat 22)**

Maka segala ayat *mutasyabihat* itu wajib dipalingkan bagi makna yang lain daripada makna yang zahir itu dengan makna yang munasabah dengan *Qawa'id Syar'iyyah.*

Dan kata *musannif*:

وَإِيْجَادُ شَيْءٍ مِنَ الْعَالَمِ مَعَ كَرَاهَتِهِ لِوُجُوْدِهِ أَيْ عَدَمُ إِرَادَتِهِ لَهُ أَوْ مَعَ الذُّهُوْلِ أَوِ الْغَفْلَةِ أَوْ بِالتَّعْلِيْلِ أَوْ بِالطَّبْعِ

Dan yang kedelapan daripada yang mustahil atas Allah Ta'ala itu mengadakan suatu daripada alam ini serta benciNya bagi adanya. Ertinya, ketiadaan berkehendak Ia bagi adanya atau serta lupa atau serta lalai atau

dengan 'illat atau dengan tabi'at.

Bermula berlawanan antara keduanya setengah daripada lawan *'adam* dan *malakah* kerana *karahah* itu ketiadaan kehendak seperti barang yang berkata akan dia oleh *musannif.* Dan pada kalam *musannif* itu di*hazaf*kan awalnya dan akhirnya dan takdirnya:

وَإِيْجَادُ شَيْءٍ مِنَ الْعَالَمِ أَوْ إِعْدَامُهُ مَعَ كَرَاهَةٍ لِوُجُوْدِهِ أَوْ عَدَمِهِ

Ertinya: *Mengadakan akan suatu daripada alam ini atau meng'adamkan dia serta ketiadaan kehendaknya bagi wujudnya atau bagi 'adamnya.*

Dan hanyasanya adalah yang demikian itu menafikan bagi Iradat kerana bahawasa keluar suatu daripada alam daripadanya, yakni daripada IradatNya itu menafikan umum ta'alluqnya dan terlebih aula keluar sekalian alam itu daripada Iradat. Maka bernafi-nafi ini bagi Iradat daripada sekira-kira umum ta'alluqnya tiada daripada sekira-kira zatnya bersalahan mengadakan dengan 'illat atau tabiat. Maka bahawasanya yang demikian itu menafikan bagi zat Iradat dan tiada *farq* (beza) antara kebajikan dan kejahatan seperti barang yang melengkapi akan dia kalam *musannif.* Khilaf bagi Mu'tazilah sekira-kira berjalan oleh mereka itu kepada bahawasanya Allah Ta'ala tiada berkehendak Ia akan kejahatan dan segala yang keji-keji. Dan mengambil dalil oleh mereka itu dengan bahawa yang berkehendak akan kejahatan itu kejahatan dan yang berkehendak akan yang keji-keji itu keji dan bahawa menegahkan daripada barang yang dikehendaknya dan menyuruh dengan barang yang tiada dikehendaknya itu *safih* yakni bodoh dan bahawa mengazab atas barang yang dikehendaknya itu zalim. Bermula Allah Ta'ala Maha Suci daripada yang demikian itu sekaliannya dan ditolak akan dia dengan bahawasanya yang demikian itu sungguhnya dibilangkan dia akan kejahatan atau keji atau safih atau zalim itu dengan nisbah kepada yang baharu, tiada kepada Allah Ta'ala, kerana Allah Ta'ala tiada ditanya daripada barang yang berbuat Ia.

Dan hikmah suruhNya dan tegahNya itu zahir percubaan, adakah taat hamba itu atau tiada dan tiada jadi *i'tiradh* atas Mazhab Ahli al-Sunnah, firmanNya:

..... وَلَا يَرْضَىٰ لِعِبَادِهِ ٱلْكُفْرَ ..... ﴿٧﴾

Ertinya: *Dan tiada reda Ia bagi segala hambaNya akan kufur.*

Kerana bahawasanya kehendak itu lain daripada reda. Bermula yang berpegang dengan ayat yang tersebut itu dibinasakannya atas bersamaan keduanya, yakni reda dengan Iradat dan iaitu batil. Dan dengan jumlah, maka lazim atas mazhab Mu'tazilah bahawa kebanyakan barang yang jatuh di dalam alam ini atas ketiadaan kehendak Allah Ta'ala.

Dan sungguhnya telah dihikayat akan bahawa setengah daripada *a'immah* Ahli al-Sunnah hadir ia serta setengah Mu'tazilah bagi berhujah. Maka tatkala duduk Mu'tazilah berkata ia:

سُبْحَانَ مَنْ تَنَزَّهَ عَنِ الْفَحْشَاءِ

Yakni Maha Suci Tuhan yang suci daripada berkehendak akan fahsya', ertinya: Yang luat-luat iaitu maksiat.

Maka berkata Ahli al-Sunnah:

سُبْحَانَ مَنْ لاَ يَقَعُ فِي مُلْكِه إِلاَّ مَا يَشَاءُ

Ertinya: *Maha suci Tuhan yang tiada jatuh di dalam milikNya melainkan barang yang dikehendakiNya.*

Maka berkata Mu'tazilah: Adakah dikehendak oleh Tuhan kamu bahawa derhaka hamba?

Maka berkata Ahli al-Sunnah: Adakah derhaka hamba akan Tuhan kami itu padahal dengan keras?

Maka berkata Mu'tazilah: Khabarkan olehmu akan daku jika menegah Tuhan akan daku akan petunjuk dan menghukum Ia atasku dengan kejahatan. Adakah berbuat baik Ia kepadaku atau berbuat jahat Ia?

Maka berkata Ahli al-Sunnah: Jika menegah Ia akan dikau akan barang yang ia milik bagi engkau, maka sungguhnya telah jahat Ia dan jika menegah Ia akan barang yang ia bagiNya, maka menentu Ia dengan rahmatNya akan orang yang dikehendakiNya. Maka putus hujah Mu'tazilah daripada *munazharah*.

Tafsir *Karahah*

Ketahui olehmu, bahawasa *musannif* mentafsir ia akan كَرَاهَةٌ itu dengan ketiadaan kehendak supaya jangan di*tawahhum* bahawa *murad* dengan كَرَاهَةٌ maknanya yang syar'i dan iaitu tuntut meninggalkan suatu akan sebagai tuntut yang tiada jazam, yakni tiada disiksa atas orang yang berbuat dia. Maka bahawasa makruh syar'i itu harus bahawa ta'alluq Iradat Allah Ta'ala akan dia, yakni dikehendakinya. Jangankan makruh dan yang haram pun dikehendak Allah kerana tiada melazimkan antara suruh dan antara Iradat itu pada mazhab Ahli al-Sunnah. Khilaf bagi Mu'tazilah pada kata mereka itu bahawa Iradat itu atas muafakat ia akan *amr* (suruhan). Dan dibinakan i'tiqad mereka itu atas demikian itu bahawa makruh pada syara' itu tiada dikehendak Allah. Maka tersalah mereka itu kerana tiada melazim antara keduanya tetapi adalah antara keduanya itu umum dan khusus daripada satu wajah. Maka terkadang menyuruh Allah Ta'ala dan berkehendak Ia seperti iman sekalian Nabi dan sekalian malaikat dan sekalian mukmin. Dan terkadang tiada menyuruh Allah Ta'ala dan tiada berkehendak Ia seperti kufur pada hak mereka itu. Dan terkadang menyuruh Allah Ta'ala dan tiada berkehendak Ia seperti iman orang yang terdahulu pada ilmu Allah Ta'ala bahawa tiada beriman ia seperti Abi Jahal dan Abi Lahab dan tentera keduanya. Maka bahawasanya mereka itu disuruh dengan beriman tetapi tiada dikehendak oleh Allah Ta'ala akan dia daripada mereka itu. Dan terkadang berkehendak Allah Ta'ala dan tiada menyuruh Ia seperti segala yang makruh dan segala yang haram dan segala yang harus. Maka bahawasanya berkehendak Allah Ta'ala akan dia dengan dalil jatuhnya dan tiada menyuruh Ia dengan dia.

Dan kata *musannif*.

أَوْ مَعَ الذُّهُوْلِ أَوِ الْغَفْلَة

Ertinya: *Dan demikian lagi mustahil atas Allah Ta'ala menjadi Ia akan suatu daripada alam ini serta lupa atau lalai.*

Maka jika dikata orang apabila adalah lupa dan lalai dan 'illat dan tabiat itu masuk di dalam كَرَاهَةٌ dengan ditafsirkan كَرَاهَةٌ itu

dengan ketiadaan berkehendak, nescaya adalah ia terkaya daripada segala perkara yang tersebut itu, maka tiada berhajat kepada menyebut akan dia. Dijawab akan dia dengan bahawasanya disebut akan dia oleh *musannif* serta keadaannya segala perkara itu terkaya daripadanya kerana bahawa maksud pada ilmu ini mentsabitkan 'aqa'id atas wajah ini tafsil kerana bahawa bahaya jahil pada ilmu itu amat besar, maka tiada memadai padanya dengan 'am daripada khas dan tiada memadai dengan *malzum* daripada lazim.

Makna ذُهُوْلٌ dan غَفْلَةٌ

Dan ketahui olehmu, bahawasanya bersalahan ulama pada mentafsirkan makna ذُهُوْلٌ dan غَفْلَةٌ itu. Maka kata qil: Bermula makna ذُهُوْلٌ dan غَفْلَةٌ itu bersamaan keduanya.

Dan kata qil: غَفْلَةٌ itu terlebih umum daripada ذُهُوْلٌ kerana bahawa ذُهُوْلٌ itu iaitu ketiadaan mengetahui dengan suatu serta تَقَدُّمٌ mengetahui dengan dia. Dan غَفْلَةٌ itu tiada mengetahui dengan suatu *mutlaqan*, yakni sama ada dahulu itu mengetahui atau tiada. Dan qaul yang akhir ini barang yang zahir bagi *mu'allif.*

Dan kata qil: Bermula ذُهُوْلٌ itu terlebih umum daripada غَفْلَةٌ kerana bahawa غَفْلَةٌ itu hilang suatu daripada *mudrikah* serta kekalnya pada حَافظَةٌ. Dan ذُهُوْلٌ itu hilangnya daripada *mudrikah mutlaqan*. Maka atas kata ini, maka lupa itu *muradif* bagi غَفْلَةٌ itu seperti barang yang diambil daripada ibarat kamus sekira-kira berkata ia: غَفَلَ عَنْهُ تَرَكَهُ وَسَهَا عَنْهُ ertinya lalai ia daripadanya meninggal ia akan dia dan lupa ia daripadanya. Dan adapun نِسْيَانٌ maka iaitu terlebih أَخَصٌّ daripada ذُهُوْلٌ kerana bahawasanya hilang suatu daripada حَافِظَةٌ (ingatan) dan pendapat padahal berserta.

Bermula wajah menafikan tiap-tiap daripada ذُهُوْلٌ dan غَفْلَةٌ bagi Iradat itu bahawa keduanya menafikan bagi ilmu dan tiap-tiap barang yang ada ia menafikan bagi ilmu, nescaya ada ia menafikan bagi Iradat. Maka keduanya itu menafikan oleh keduanya bagi Iradat dengan *wasitah* menafikan oleh keduanya bagi ilmu.

Makna 'Illat dan Tabiat

Dan katanya:

أَوْ بِالتَّعْلِيْلِ أَوْ بِالطَّبْعِ

Ertinya: *Atau menjadikan ia dengan 'illat atau dengan tabiat.*

Dan makna *'illat* itu bahawa jadi daripada sebab suatu itu oleh suatu yang lainnya daripada ketiadaan bahawa ada baginya Iradat dan ikhtiar padanya dengan tiada terhenti atas wujud syarat dan ternafi *mani'* (halangan). Dan misal yang demikian itu bagi orang yang berkata dengan dia قَبَّحَهُمُ الله تَعَالَى seperti barang yang tsabit pada gerak anak jari serta bergerak cincin, maka bahawa gerak jari itu daripada mereka itu 'illat bagi gerak cincin dengan makna bahawa gerak jari itu memberi bekas pada gerak cincin akan sebagai memberi bekas 'illat daripada *ma'lul*. Maka berkata mereka itu: Bermula Allah Ta'ala itu mengadakan gerak jari dan anak jari itu mengadakan gerak cincin dan menamai oleh mereka itu akan zat Tuhan kita itu 'illat bagi segala 'illat barang yang tersebut itu.

Dan makna tabiat itu bahawa jadi daripada suatu itu oleh suatu yang lain dengan tabiatnya, yakni dengan hakikatnya daripada ketiadaan ada baginya Iradat dan ikhtiar padanya serta terhenti atas wujud syaratnya dan ternafi mani'. Dan misal yang demikian itu daripada orang yang berkata dengan dia telah dikeji oleh Allah Ta'ala akan mereka itu seperti barang yang tsabit pada api. Maka bahawasanya memberi bekas daripada mereka itu pada menghanguskan dengan tabiatnya dan hakikatnya. Dengan makna api mengadakan hangus itu dengan sendirinya tetapi pada ketika wujud syarat dan iaitu bersentuhnya dan ternafi mani' dan iaitu basah.

Maka *farq* (beza) antara 'illat dan tabiat itu bahawa 'illat itu tiada terhenti atas wujud syarat dan ternafi mani' dengan bersalahan tabiat terhenti atas wujud syarat dan ternafi mani'. Maka jikalau dikata orang: Di mana wujud syarat dan ternafi mani' dengan nisbah bagi memberi bekas Tuhan kita Tabaraka wa Ta'ala. Dijawab dengan bahawa syarat itu maujud pada *waqi'* dan *mani'* itu dinafi seperti demikian itu dan jikalau tiada kita lihat atas demikian itu

sekalipun. Dan dengan bahawasa mereka itu tiada berkata mereka itu dengan demikian itu melainkan dengan nisbah bagi yang baharu ini jua. Maka hanyalah dan hasilnya bahawasanya Allah Subhanahu wa Ta'ala *fa'il* (pembuat) dengan Iradat dan ikhtiar, tiada dengan tergagah dan dikerasi akan dia seperti barang yang menyangka akan dia oleh orang yang disesatkan Allah Ta'ala akan dia atas pengetahuannya dan dicap oleh Allah Ta'ala atas pendengarnya dan atas hatinya dan telah menjadikan oleh Allah Ta'ala tutup atas matanya.

Dan kata *musannif*:

وَكَذَا يَسْتَحِيْلُ عَلَيْهِ تَعَالَى الْجَهْلُ وَمَا فِي مَعْنَاهُ بِمَعْلُوْمٍ مَا

Dan yang kesembilan daripada yang mustahil atas Allah Ta'ala jahil. Ertinya: Tiada mendapat akan suatu, tiada berbetulan dengan hakikatnya dan barang yang pada maknanya dengan maklum barang mana maklum ada ia.

Ertinya: Dan demikian lagi mustahil atas Allah Ta'ala itu jahil, sama ada jahil basith, ertinya jahil yang tiada bersusun iaitu tiada mendapat akan suatu atau jahil murakkab iaitu yang bersusun dua jahil. Pertama: Tiada mengetahui akan hakikat suatu. Dan keduanya: Tiada mengetahui akan dirinya itu tiada mengetahui seperti yang telah terdahulu sebutnya pada awal kitab ini.

Dan barang yang pada makna jahil seperti zhan dan iaitu mendapat ia akan tepi yang rajih. Dan syak dan iaitu mendapat akan tiap-tiap dua tepi itu atas had bersamaan. Dan waham dan iaitu mendapat akan tepi yang *marjuh*, yakni berat pihak tiada tahu dan ringan pada pihak mengetahui dan setengah daripada makna jahil itu keadaan ilmunya itu dharuri atau *nazhari badihi* (pasti) atau *kasbi* (usaha).

Maka **yang pertama** iaitu ilmu dharuri diitlaqkan dia atas barang yang hasil dengan tiada *nazhar* dan tiada mengambil dalil seperti mengetahui akan satu itu setengah daripada dua. Dan diitlaqkan dia atas barang yang menyerta ia akan dharurat seperti ilmu yang hasil dengan menakuti dan pukul umpamanya. Dan iaitu dengan makna yang kedua itu mustahil atas Allah Ta'ala kerana menyerunya akan dharurat dan terdahulu jahil.

Dan adapun dengan makna yang pertama, maka iaitu dan jika ada ia sah kehendaknya pada hak Allah Ta'ala sekalipun kerana bahawasa ilmunya tiada hasil dengan *nazhar* dan *istidlal* tetapi tertegah diitlaqkan yang demikian itu pada hak Allah Ta'ala supaya jangan di*tawahhum* akan makna yang kedua, bukan kerana keadaannya menyeru ia akan terdahulu jahil.

Dan yang kedua iaitu *Ilmu Nazhari* itu barang yang hasil dengan sebab *nazhar* dan mengambil dalil seperti mengetahui dengan wujud Qudrat bagi Allah Ta'ala dan iaitu mustahil atas Allah Ta'ala kerana menyeru Ia akan terdahulu jahil.

Dan yang ketiga itu iaitu *Ilmu Badihi* diitlaqkan dia atas barang yang tiada terhenti ia atas *nazhar* dan *istidlal*, yakni tiada terhenti atas fikir dan menuntut dalil dan jikalau terhenti atas gamak dan cuba sekalipun. Dan atas ini adalah ia *muradif* bagi dharuri tetapi dengan maknanya yang pertama itu. Dan diitlaqkan dia pula atas barang yang tiada terhenti atas sesuatu sekali-kali. Dan atas ini adalah ia أخَصّ daripada dharuri dengan maknanya yang disebut. Dan zahir bahawasanya atas tiap-tiap daripada dua itlaq itu tiada mustahil pada hak Allah Ta'ala, tetapi tatkala adalah ia dikatakan: بَدَهَ النَّفْسُ الأَمْرَ erti: Apabila datang ia akan dia bersegera daripada ketiadaan mendahulukan ingatan, nescaya tertegah itlaqnya pada hakNya Ta'ala kerana menghendaki akan Dia oleh mendahulukan jahil.

Dan yang keempat iaitu *Ilmu Kasbi* iaitu barang yang hasil dengan usaha seperti lalu atas seorang itu oleh suatu, maka membuka ia akan dua matanya supaya melihat ia akan dia. Maka sungguhnya berusaha ia dengan membukakan dua matanya bagi mengetahui dengan demikian itu dan iaitu mustahil atas Allah Ta'ala kerana menyeru mendahulukan jahil.

Dan katanya: بِمَعْلُوْمٍ مَا dan didatangkan dengan lafaz (مَا) itu kerana menunjukkan atas umum pada maklum, maka melengkapi ia akan sekalian maklum seperti barang yang terdahulu bandingannya. Dan tiada tersembunyi bahawasa sekalian maklum itu daripada sekalian yang wajib dan sekalian yang mustahil dan sekalian yang harus, yakni mustahil atas Allah Ta'ala jahil akan sekalian perkara itu.

..... خَلَقَ ٱلْمَوْتَ وَٱلْحَيَوٰةَ ..... ﴿٢﴾

Kata *musannif*:

وَالْمَوْتُ

Ertinya: Yang kesepuluh daripada yang mustahil atas Allah Ta'ala itu mati, iaitu lawan hayat.

Dan erti mati itu pekerjaan yang *wujudi* yang ia lawan hayat pada Ahli al-Sunnah. Dan adapun pada sisi Mu'tazilah, maka iaitu ketiadaan hidup daripada barang yang شَأْنُnya bahawa ada ia yang hidup.

Dan bermula berlawanan antaranya dan antara hidup itu setengah daripada berlawanan ضِدَّيْن atas qaul Ahli al-Sunnah. Dan daripada berlawanan *'adam* dan *malakah* atas qaul Mu'tazilah. Dan dalil bagi Ahli al-Sunnah firmanNya Ta'ala:

Ertinya: *Menjadi ia akan mati dan hidup.* **(Surah al-Mulk: Ayat 2)**

Kerana bahawasa menjadi itu hanyasanya bergantung ia dengan pekerjaan *wujudi.*

Dan dijawab daripada jihah yang berkata dengan yang kedua dengan bahawa murad dengan خَلَق itu takdir dan iaitu seperti barang yang ada ia bagi *wujudi* ada ia bagi *'adami.*

Dan dijawab daripada pihak Ahli al-Sunnah dengan bahawa خَلَق dengan makna takdir itu bukan makna hakiki tetapi makna majazi. Maka kaedah tiap-tiap lafaz itu dipakaikan dia bagi maknanya yang hakiki, tiada dipakai bagi maknanya yang majazi melainkan bahawa ada qarinah yang memalingkan menghendaki makna yang hakiki. Maka pada ayat ini tiada qarinah yang hendak dipaling kepada makna majazi itu, maka tetaplah maknanya yang hakiki iaitu menjadi, wallahu a'lam.

Dan bermula mati pada hak yang baharu itu bercerai roh dengan jasad dan pada hak yang Qadim iaitu ada hayatnya dengan roh dan dengan *mizaj*. Kata Ibnu Abbas Radhiyallahu 'anhuma: Telah menjadikan oleh Allah Ta'ala akan maut di dalam rupa

kibasy yang putih, tiada lalu ia dengan suatu dan didapatnya baunya melainkan mati ia dan iaitu yang disembelih pada hari kiamat pada antara syurga dan neraka. Dan hayat itu atas rupa kuda, tiada lalu ia dengan suatu dan didapatnya akan baunya melainkan hidup ia dan ialah yang diambil oleh Musa Samiri akan tanah bekas telapak kakinya, maka dimasukkan atas anak lembu, maka jadi hidup ia.

Dan katanya:

وَالصَّمَمُ

Ertinya: *Dan yang kesebelas daripada yang mustahil atas Allah Ta'ala itu tuli iaitu lawan Sama'.*

Maka tuli itu iaitu pekerjaan yang *wujudi* yang berlawanan ia akan *Sama'* pada qaul Ahli al-Sunnah. Dan adapun pada qaul Mu'tazilah, maka iaitu ketiadaan mendengar daripada barang yang شَأْنٌnya bahawa ada ia yang mendengar. Dan berlawanan antaranya dan antara mendengar itu setengah daripada berlawanan ضِدَّيْن atas qaul yang pertama dan daripada *tuqabil 'adam* dan *malakah* atas qaul yang kedua. Dan mustahil pula atas Allah Ta'ala barang yang pada makna tuli seperti ada Ia mendengar dengan telinga atau mendengar serta hampir, tiada didengar jikalau jauh atau mendengar suara jua.

Dan kata *musannif*:

وَالْعَمَى

Ertinya: *Dan yang kedua belas daripada yang mustahil atas Allah Ta'ala itu buta.*

Dan barang yang pada maknanya seperti bahawa melihat ia dengan biji mata atau mendinding akan dia oleh kelam atau melihat serta hampir dan tiada melihat serta sangat hampir atau tiada melihat ia serta jauh. Dan buta itu iaitu pekerjaan yang *wujudi* yang berlawanan ia akan *Bashar.* Pada qaul Ahli al-Sunnah lawan ضِدَّيْن. Dan adapun pada qaul Mu'tazilah, maka iaitu ketiadaan *Bashar* daripada barang yang شَأْنٌ nya bahawa ada ia yang melihat. Dan atas kata Mu'tazilah itu antara عَمَى dan antara Bashar itu bukan lawan ضِدَّيْن hanya lawan *'adam* dan *malakah.*

Dan yang ketiga belas daripada yang mustahil atas Allah

Ta'ala itu (الْبُكْمُ). Ertinya: Kelu dan iaitu lawan kalam. Dan mustahil pula barang yang pada maknanya seperti berkata dengan mulut dan lidah dan berhuruf dan suara. Dan erti kelu itu pada Ahli al-Sunnah pekerjaan yang *wujudi* yang berlawanan ia akan kalam iaitu lawan ضِدَّيْن. Dan adapun pada Mu'tazilah, maka iaitu ketiadaan kalam daripada barang yang شَأْنُ nya bahawa ada ia yang berkata-kata, maka berlawanan antara keduanya pada Mu'tazilah lawan *'adam* dan *malakah*. Dan di*i'tiradh* (dibantah) atas *musannif* dengan bahawa kelu itu hanyasanya berlawanan ia akan *kalam lafzi* tiada *kalam nafsi* yang maksud kita padanya. Dan dijawab dengan bahawa kelu itu seperti barang yang diitlaqkan dia hakikat atas kebinasaan yang menegah ia daripada berkata-kata, diitlaqkan dia pada *majaz* atas kebinasaan yang menegah ia daripada *kalam nafsi*. Dan yang demikian itu dikehendak di sini.

Lawan Sifat Ma'nawiyah

Dan kata *musannif*:

وَأَضْدَادُ الصِّفَاتِ الْمَعْنَوِيَّةِ وَاضِحَةٌ مِنْ هَذِهِ

Ertinya: *Dan bermula segala lawan sifat Ma'nawiyah itu nyata ia daripada ini.*

Yakni daripada segala lawan sifat Ma'ani ini ertinya kerana bahawasa engkau apabila engkau ketahui bahawa lawan keadaannya Qudrat itu lemah, nescaya engkau ketahui bahawa lawan keadaannya Qadiran itu keadaannya yang lemah. Dan apabila engkau ketahui bahawa lawan Iradat itu كَرَاهَةً engkau ketahui bahawa lawan keadaannya مُرِيْدًا itu keadaannya كَارِهًا yakni yang tiada berkehendak. Dan seperti demikianlah hingga akhir. Ertinya yang keempat belas daripada yang mustahil atas Allah Ta'ala itu keadaannya yang lemah daripada berbuat mumkin iaitu lawan كَوْنُهُ قَادِرًا.

Dan yang kelima belas daripada yang mustahil atas Allah Ta'ala itu keadaannya yang tiada berkehendak iaitu lawan keadaannya مُرِيْدًا.

Dan yang keenam belas daripadanya, keadaannya yang jahil iaitu lawan keadaannya عَالِمًا.

Dan yang ketujuh belas daripadanya, keadaannya yang mati iaitu lawan keadaannya حَيًّا.

Dan yang kedelapan belas daripadanya, keadaannya yang tuli iaitu lawan keadaannya سَمِيْعًا.

Dan yang kesembilan belas daripadanya, keadaannya yang buta iaitu lawan keadaannya بَصِيْرًا.

Dan yang kedua puluh daripadanya, keadaannya yang kelu iaitu lawan keadaannya مُتَكَلِّمًا.

Maka telah sempurna dua puluh yang mustahil atas Tuhan kita Jalla wa 'Azza. Maka inilah bahagi yang kedua yang wajib atas tiap-tiap mukallaf mengetahui dia atas jalan *tafshil* supaya kita nafikan sekaliannya itu daripada Tuhan kita kerana sekalian itu tiada layak bagi Tuhan kita.

Dan barang siapa i'tiqadkan salah suatu daripada yang mustahil itu tsabit bagi Tuhan kita, maka iaitu jadi kafir melainkan orang yang diuzurkan akan dia oleh syara' kerana baharu masuk Islam.

Maka tatkala selesailah fakir daripada membilangkan sifat yang wajib bagi Tuhan kita dan yang mustahil atasnya dan iaitu dua puluh yang wajib dan dua puluh yang mustahil. Maka masuk pula fakir pada menyatakan bahas yang wajib i'tiqadnya. Maka wajib atas manusia yang mukallaf bahawa i'tiqad ia akan bahawa segala nama Allah yang Maha Besar itu Qadim sekaliannya. Maka Allah jua yang menamakan dirinya pada azali bukan hantaran makhluk. Maka yang dikehendak dengan nama di sini barang yang menunjukkan atas zat semata-mata seperti Allah iaitu nama bagi zat yang *Wajib al-Wujud* atau dengan iktibar sifat seperti عَالِمٌ dan قَادِرٌ hingga akhir Ma'nawiyah.

Dan demikian lagi wajib kita i'tiqadkan sifat yang berdiri pada zat itu Qadim seperti sifat Ma'ani yang tujuh yang terdahulu sebutnya. Maka tiada segala sifatnya itu baharu kerana bahawasanya jikalau ada ia baharu, nescaya lazimlah berdiri yang baharu dengan zatnya yang Qadim. Dan lagi pula jikalau ada ia baharu, nescaya adalah dahulu itu sunyi ia daripada sifat dan iaitu mustahil dan lazim pula berkehendak kepada orang yang menjadikan dia. Dan

tiap-tiap berkehendak nafi daripadanya wajib kaya akan sebagai kaya yang mutlak. Dan iaitu ternafi segala hajat mutlaqan dan iaitu tiada ada ia melainkan bagi Allah. Bersalahan kaya yang muqaiyad dan iaitu sedikit hajat dan iaitu kaya segala yang baharu. Maka keluar dengan kata sifat yang berdiri pada zat itu sifat *fi'il*, maka tiada dikatakan Qadim pada Asya'irah dan tiada pula berdiri ia dengan zatnya.

Faedah:

Dan telah bersalahan ulama adakah antara segala nama Allah itu berlebih-lebih setengah atas setengahnya atau bersamaan. Maka kata qil, tiada berlebih-lebih setengah atas setengahnya. Dan tersebut di dalam **Yawaqit** daripada Ibnu al-Arabi bahawa segala Asma' Allah Ta'ala itu bersamaan pada نَفْسُ الأَمْر kerana kembalinya sekalian itu kepada zat yang satu. Dan jikalau jatuh padanya berlebih kurang, maka bahawa yang demikian itu bagi pekerjaan yang luar daripada hakikat.

Bermula qaul yang sebenarnya bahawasanya segala Asma' Allah itu berlebih kurang setengah atas setengahnya dan yang terlebihnya itu lafaz al-Jalalah dan iaitu nama yang terlebih besar. Dan adalah Sidi 'Ali Wafa Radhiyallahu 'anhu menjalankan ia kepada berlebih kurang pada segala *isim*. Dan berkata ia firman Allah Ta'ala:

..... وَلَذِكْرُ ٱللَّهِ أَكْبَرُ ..... ﴿٤٥﴾

Iaitu nama Allah, maka bahawasanya yang terlebih tinggi martabatnya daripada sekalian namaNya. **(Surah al-Taubah: Ayat 40)**

Telah berkata ia dan bandingan yang demikian itu firman Allah Ta'ala:

..... وَكَلِمَةُ ٱللَّهِ هِيَ ٱلْعُلْيَا ..... ﴿٤٠﴾

Ertinya: *Menyebut nama Allah itu terlebih besar daripada menyebut sekalian nama yang lain daripada Allah.* **(Surah al-Ankabut: Ayat 45)**

Dan telah memilih oleh Jumhur Ahli al-Sunnah bahawa segala nama Allah itu *tauqifiyyah*, yakni terhenti pengajaran daripada syara' dan demikian lagi segala sifatNya. Maka tiada tsabit bagi Allah satu nama dan sifat melainkan apabila datang *warid* dengan demikian itu *ta'lim* daripada syara'. Dan telah menjalankan oleh Mu'tazilah kepada harus di*itsbat*kan akan barang yang ada ia bersifat dengan maknanya dan tiada memberi waham ia akan kekurangannya dan jikalau tiada *warid* dengan dia *ta'lim* daripada syara' sekalipun. Dan telah cenderung kepadanya oleh Qadi Abu Bakar al-Baqillani dan *tawaquf* padanya Imam al-Haramain. Dan telah mentafsil oleh Ghazzali, maka mengharus ia akan itlaq sifat dan iaitu barang yang menunjuk atas makna yang lebih atas zat dan menegah ia itlaq nama dan iaitu barang yang menunjuk atas diri zat. Dan hasilnya bahawasa segala ulama Islam muafakat oleh mereka itu atas hari diitlaq segala nama dan segala sifat atas Tuhan kita Jalla wa 'Azza apabila datang *warid* dengan dia oleh izin daripada syara' dan atas menegahkan apabila datang *warid* tegah daripadanya. Dan bersalahan mereka itu sekira-kira tiada izin dan tiada tegah. Dan yang *mukhtar*nya tertegah yang demikian itu dan iaitu mazhab Jumhur. Demikian lagi sifatNya yakni *tauqifiyah* jua.

Maka nama itu barang yang menunjukkan atas zat dan sifat itu barang yang menunjukkan atas makna yang *za'id* (taambahan) atas zat. Dan makna *tauqifiyah* itu terhenti harus itlaqnya atas Allah Ta'ala atas *warid*nya di dalam Kitab atau Sunnah yang shahihah atau hasanah atau Ijma' kerana bahawasanya tiada keluar daripadanya bersalahan Sunnah yang dha'ifah. Jikalau kita kata bahawa masalah ini daripada amal hati, yakni i'tiqad dengan sekira-kira i'tiqad ia bahawa yang demikian *isim* itu satu nama daripada segala nama Allah Ta'ala. Dan jikalau kita kata bahawa masalah ini daripada amal dengan sekira-kira kita amalkan akan dia dan kita berkata akan dia atas Allah Ta'ala, maka sunnah yang dha'ifah itu memadai pada demikian itu kerana bahawa mereka itu berkata: Bermula hadis yang dha'if itu diamalkan dengan dia pada Fadha'il al-A'mal. Dan adapun Qias, maka kata qil seperti Ijma' selama tiada ada ia dha'if dan atasnya maka diqiaskan وَاهِبٌ kerana dibinakan atas bahawasanya tiada datang ia dan diqiaskan atas وَهَّابٌ. Dan ditlaqkan oleh setengah mereka itu akan menegahkan qias.

Telah berkata *musannif* di dalam **Syarah Shaghir** dan iaitu yang zahirnya kerana ihtimal memberi waham oleh salah suatu daripada dua yang bersamaan itu tiada memberi waham yang satunya seperti عَالِمٌ dan عَارِفٌ dan جَوَادٌ dan سَخِيٌّ dan حَلِيْمٌ dan عَاقِلٌ .

Dan hasilnya, jika izin syara' pada itlaqnya dan *isti'mal*nya, nescaya harus ia dan jikalau memberi waham sekalipun seperti صَبُوْرٌ dan شَكُوْرٌ dan حَلِيْمٌ Maka bahawa صَبُوْرٌ itu memberi waham ia akan sampai *masyaqqah* bagi Allah Ta'ala kerana bahawa sabar itu menahankan nafsu atas *masyaqqah*, maka ditafsirkan dia pada hak Allah Ta'ala itu dengan yang tiada bersegera ia dengan menyiksa akan orang yang derhaka.

Dan شَكُوْرٌ itu memberi waham ia akan sampai kebajikan kepadanya kerana maknanya banyak شَكُوْرٌ bagi orang yang berbuat baik kepadanya serta bahawa ihsan itu sekaliannya daripada Allah. Maka ditafsirkan dia pada hak Allah Ta'ala dengan yang membalas ia atas taat yang sedikit akan banyak darjat dan diberikan balas amal di dalam beberapa hari yang berbilang itu akan beberapa nikmat di dalam akhirat yang tiada dihinggakan masanya. Dan kata qil, makna شَكُوْرٌ yang dibangsakan kepada Allah itu ia membalaskan atas syukur hamba. Dan kata qil, ia memuji atas orang yang taat akan dia.

Dan حَلِيْمٌ itu memberi waham sampai menyakiti orang kepadaNya, padahal Allah Ta'ala tiada sampai kepadaNya oleh seorang dengan menyakiti. Maka ditafsir akan dia pada hak Allah Ta'ala dengan yang tiada menyegera Ia dengan menyiksa atas orang yang derhaka ia akan Dia, maka kembali ia bagi makna صَبُوْرٌ jua. Dan tiada di*i'tiradh* atas kata tiada sampai kepada Allah Ta'ala oleh seorang dengan menyakiti itu dengan sabda Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam: Barang siapa menyakiti akan muslim, maka sungguhnya menyakiti ia akan daku. Dan barang siapa menyakiti ia akan daku, maka sungguhnya menyakiti ia akan Allah Ta'ala. Kerana makna hadis ini bahawasanya telah berbuat ia sertanya akan perbuatan yang menyakiti padahal tiada sampai menyakiti itu kepadaNya. Dan telah lalu sebut orang yang berpegang dengan zahir segala ayat mutasyabihat atau segala hadis mutasyabihat itu jadi kufur.

Maka sekarang hamba hendak menyebutkan jalan takwil

demikian itu zahir atas dua mazhab, maka keduanya itu sebenarnya. Maka barang mana salah suatu daripada keduanya apabila kita taqlid, lepaslah kita daripada sesat. Dan salah suatu daripadanya mazhab Ahli al-Salaf dan yang kedua mazhab Khalaf.

Kata Syeikh Ibrahim al-Laqqani di dalam nazhamnya:

وَكُلُّ نَصٍّ أَوْهَمَ التَّشْبِيْهَا * أَوِّلْهُ أَوْ فَوِّضْ وَرُمْ تَنْزِيْهَا

Ertinya: *Dan tiap-tiap nash Qur'an atau hadis yang memberi waham ia akan tasybih Allah itu dengan yang baharu * Takwil olehmu, atau serahkan olehmu akan pengetahuan itu kepada Allah dan qasad olehmu akan suci Allah Ta'ala daripada menyerupai dengan segala yang baharu.*

Bermula *murad* daripada *tasybih* itu menyerupai dan *murad* dengan takwil itu ditanggungkan dia atas bersalahan zahirnya serta menyatakan makna yang dikehendaki. Maka murad dengan takwil itu takwil *tafshil* (terperinci) seperti bahawa adalah padanya menyatakan makna yang dikehendaki seperti barang yang ia pada mazhab Khalaf.

Golongan Khalaf dan Salaf

Bermula mereka itu (golongan Khalaf) orang yang kemudian daripada lima ratus tahun. Dan kata qil, orang yang kemudian daripada segala kurun yang ketiga, iaitu kurun sahabat dan tabi' yang pertama dan tabi' yang kedua.

Dan katanya: "atau serahkan olehmu" ertinya, kemudian daripada takwil ijmali yang ia memalingkan lafaz yang memberi waham itu daripada zahirnya. Maka kemudian daripada takwil ini serahkan olehmu, kehendak *nash* yang memberi waham itu kepada Allah Ta'ala atas *thariqah* Salaf.

Bermula mereka itu (golongan Salaf) orang yang adalah mereka itu di dalam masa dahulu daripada lima ratus tahun. Dan kata qil, di dalam kurun yang ketiga iaitu kurun sahabat dan tabi'in dan tabi' al-Tabi'in.

..... وَٱلرَّٰسِخُونَ فِي ٱلْعِلْمِ ..... ﴿٧﴾

Dan bermula *thariqah* Khalaf itu terlebih mengetahui dan terlebih teguh kerana barang yang padanya bertambah *wadhih*)jelas) dan *rad* atas خُصُوْمٌ dan iaitu terlebih rajih kerana inilah didahulu oleh *nazham* akan dia.

Dan bermula *thariqah* Salaf itu terlebih selamat kerana barang yang di dalamnya selamat daripada men*ta'yin*kan maknanya terkadang ada ia bukan *murad* bagi Allah Ta'ala. Maka zahir daripada barang yang di*taqrir* itu muafakat oleh Salaf dan Khalaf atas menyucikan Allah Ta'ala daripada makna yang mustahil yang menunjuk atasnya oleh demikian yang zahir itu. Dan atas takwil ijmali kerana bahawasanya mereka itu memalingkan oleh mereka itu akan nash yang memberi waham itu daripada zahirnya yang mustahil atas Allah Ta'ala tetapi mereka itu bersalahan kemudian daripada yang demikian itu pada *ta'yin murad* daripada demikian *nash* itu dan tiada *ta'yin* kerana dibinakan atas wakaf atas firman Allah Ta'ala:

Yakni wakaf atas فِي ٱلْعِلْمِ maka ada ia di*'athaf*kan atas lafaz al-Jalalah dan atas ini orang yang رَاسِخْ pada ilmu itu masuk ia di dalam mengetahui akan takwilnya, maka aturan ayat:

..... وَمَا يَعْلَمُ تَأْوِيلَهُۥٓ إِلَّا ٱللَّهُ ۗ وَٱلرَّٰسِخُونَ فِى ٱلْعِلْمِ يَقُولُونَ ءَامَنَّا بِهِۦ ..... ﴿٧﴾

Maka jumlah يَقُولُونَ ءَامَنَّا بِهِۦ ketika itu permulaan kalam bukan perhubungan kalam yang dahulu atau wakaf atas firmanNya إِلَّا ٱللَّهُ pada katanya: وَمَا يَعْلَمُ تَأْوِيلَهُۥٓ إِلَّا ٱللَّهُ.

Dan atas ini adalah katanya: ..... وَٱلرَّٰسِخُونَ فِى ٱلْعِلْمِ ..... ﴿٧﴾

Itu jumlah permulaan kalam pula. Maka atas qaul ini tiada tahu takwilnya yang *tafshili* yang men*ta'yin*kan makna *murad* itu melainkan Allah Ta'ala jua tiada lainnya. Maka pada qaul ini berlakulah atas qaul Salaf yang mentakwil oleh mereka itu atas jalan ijmal. Maka di*tafwidh* (diserahkan) makna *murad*nya itu kepada Allah. Dan hasilnya bahawasanya apabila datang pada Qur'an atau Sunnah oleh barang yang memberitahu ia dengan mentsabitkan jihah bagi Allah atau jisim atau rupa atau beranggota,

nescaya muafakatlah oleh Ahli al-Haq dan lain daripada mereka itu melainkan kaum Mujassimah dan kaum Musyabbahah atas takwil yang demikian itu kerana wajib di*tanzih* akan Allah Ta'ala daripada barang yang menunjukkan atasnya oleh barang yang tersebut itu dengan sekira-kira zahirnya. Maka setengah daripada barang yang memberi waham akan berjihah itu, firman Allah Ta'ala:

يَخَافُونَ رَبَّهُم مِّن فَوْقِهِمْ ..... ﴿٥٠﴾

Ertinya: *Mereka takut kepada Tuhan mereka yang di atas mereka.....* **(Surah al-Nahl: Ayat 50)**

Maka Ahli al-Salaf berkata mereka itu atas itu: Tiada kami ketahui akan dia, tetapi Maha Suci Tuhan itu bertempat di atas.

Dan Khalaf berkata mereka itu: *Murad* dengan puak itu tinggi pada kebesaran, maka maknanya: Takut oleh mereka itu erti malaikat akan Tuhan mereka itu daripada ketinggianNya dan kebesaranNya.

Dan setengah daripadanya:

ٱلرَّحْمَـٰنُ عَلَى ٱلْعَرْشِ ٱسْتَوَىٰ ﴿٥﴾

Ertinya: *(Iaitu) Tuhan Yang Maha Pemurah, Yang bersemayam di atas 'Arasy.* **(Surah Thaha: Ayat 5)**

Maka Salaf berkata oleh mereka itu: Tiada kami ketahui akan hakikat tertinggi itu tetapi Maha Suci zatNya itu berhubung dengan 'Arasy.

Dan Khalaf berkata mereka itu: Bermula *murad* dengan tertinggi di atas 'Arasy itu memerintah dan memilik jua seperti barang yang telah berkata oleh syair:

قَدِ اسْتَوَى بِشْرٌ عَلَى الْعِرَاقِ * مِنْ غَيْرِ سَيْفٍ وَدَمٍ مِهْرَاقِ

Ertinya: *Sungguhnya telah memerintah oleh Bisyr atas negeri Iraq * Daripada ketiadaan pedang dan darah yang ditumpahkan.*

Yakni dengan tiada perang dan bertanya oleh seorang lelaki akan Imam Malik daripada ayat ini, maka tunduk ia akan kepalanya pada satu ketika, kemudian berkata ia: Bersamaan itu tiada majhul

dan kaifiatnya itu tiada dapat diakal dan beriman dengan dia wajib dan bertanya daripadanya bid'ah dan tiada aku sangka akan dikau melainkan sesat. Maka menyuruh jauh ia dengan dia, maka keluar ia.

Dan telah bertanya oleh Zamakhsyari akan Ghazzali daripada ayat ini, maka menjawab ia akan dia dengan katanya: Apabila mustahil bahawa engkau kenal akan diri engkau dengan kaifiatnya atau di mana tempatnya, maka betapa layak dengan kehambaan engkau itu bahawa engkau sifatNya Allah Ta'ala dengan di mana tempat atau betapa periNya pada hal Ia Maha suci daripada yang demikian itu.

Dan setengah daripada barang yang memberi waham berjisim itu firman Allah Ta'ala:

وَجَآءَ رَبُّكَ ..... ﴿٢٢﴾

Dan telah datang Tuhan engkau. **(Surah al-Fajr: Ayat 22)**

Dan hadis yang shahih:

يَنْزِلُ رَبُّنَا كُلَّ لَيْلَةٍ إِلَى سَمَاءِ الدُّنْيَا حِيْنَ يَبْقَى ثُلُثُ اللَّيْلِ الأَخِيْر، وَيَقُوْلُ: مَنْ يَدْعُوْنِي فَأَسْتَجِيْبَ لَهُ، مَنْ يَسْأَلُنِي فَأُعْطِيَهُ، مَنْ يَسْتَغْفِرُنِي فَأَغْفِرَ لَهُ

Ertinya: *Telah turun Tuhan kami pada tiap-tiap malam kepada langit dunia pada ketika tinggal tsuluts (sepertiga) malam yang akhir dan berfirman Ia: Barang siapa minta doa ia akan Daku, maka Aku perkenankan baginya. Barang siapa meminta ia akan Daku, nescaya Aku beri akan dia. Barang siapa minta ampun ia akan Daku, maka Aku ampun baginya.*

Maka "datang Tuhan" pada ayat dan "turun Tuhan" pada hadis itu memberi waham keduanya akan berjisim Tuhan kerana tiada dikatakan datang dan turun melainkan ada tubuhnya. Maka berkata oleh Salaf datang dan turun itu tiada kami ketahui keduanya.

Dan bermula Khalaf berkata mereka itu: Dan murad dengan datang itu azab Tuhan engkau atau pekerjaan tuan engkau yang melengkapi bagi azab. Dan *murad* dengan turun itu malaikat Tuhan kita, maka berkata ia dengan izin Allah Ta'ala hingga akhir seperti yang tersebut pada hadis.

Dan setengah daripada barang yang memberi waham pada berupa itu barang yang meriwayat akan dia oleh Ahmad dan *Syaikhain* (Bukhari dan Muslim):

أَنَّ رَجُلاً ضَرَبَ عَبْدَهُ، فَنَهَاهُ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَقَالَ: إِنَّ اللهَ تَعَالَى خَلَقَ آدَمَ عَلَى صُوْرَتِه

Ertinya: *Bahawa seorang lelaki memukul ia akan hambanya, maka menegah akan dia oleh Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam dan bersabda ia: Bahawasa Allah Ta'ala menjadikan ia akan Bani Adam atas rupanya.*

Maka Ahli al-Salaf berkata oleh mereka itu: Bermula rupa itu tiada kami ketahui akan dia.

Dan Khalaf berkata mereka itu: Bermula *murad* dengan rupa itu sifat daripada Sama' dan Bashar dan Ilmu dan Hayat. Maka iaitu atas rupa sifat pada jumlah dan jikalau adalah sifat Allah Ta'ala itu Qadim dan sifat manusia itu baharu sekalipun. Dan ini dibinakan atas bahawasa *dhamir* pada صُوْرَتِه itu kembali atas Allah dengan dalil riwayat yang lain daripada riwayat yang dahulu itu iaitu:

فَإِنَّ اللهَ خَلَقَ آدَمَ عَلَى صُوْرَةِ الرحْمَنِ

Dan setengah ulama menjadikan ia akan *dhamir* pada صُوْرَتِه itu kembali atas saudaranya yang di*sharih* akan dia pada *thariq* yang meriwayat akan dia oleh Muslim dengan lafaz:

فَإِذَا قَاتَلَ أَحَدُكُمْ أَخَاهُ فَلْيَجْتَنِبِ الْوَجْهَ، فَإِنَّ اللهَ خَلَقَ آدَمَ عَلَى صُوْرَتِه

Ertinya: *Maka apabila membunuh oleh seorang kamu akan saudaranya, maka hendaklah menjauh ia akan mukanya. Maka bahawa Allah Ta'ala menjadikan ia akan Adam itu atas rupanya.*

Maka apabila adalah seperti demikian itu, maka sayugianya menghormatkan dia dengan memeliharakan mukanya. Dan setengah daripada barang yang memberi waham beranggota firman Allah Ta'ala:

وَيَبْقَىٰ وَجْهُ رَبِّكَ ..... ﴿٢٧﴾

Ertinya: *Dan kekal oleh muka Tuhan engkau.* **(Surah al-Rahman: Ayat 27)**

Dan lagi FirmanNya:

Ertinya: *Bermula tangan Allah Ta'ala di atas tangan mereka itu.* **(Surah al-Fath: Ayat 10)**

Dan lagi hadis:

إِنَّ قُلُوْبَ بَنِي آدَمَ كُلَّهَا كَقَلْبٍ وَاحِدٍ بَيْنَ أُصْبُعَيْنِ مِنْ أَصَابِعِ الرَّحْمَنِ

Ertinya: *Bahawa segala hati anak Adam sekaliannya seperti hati yang satu antara dua anak jari daripada segala anak jari Tuhan yang bernama Rahman.*

Maka bermula Salaf berkata mereka itu: Bagi Allah itu muka dan tangan dan segala anak jari, tiada kami ketahui akan dia.

Dan bermula Khalaf berkata mereka itu: Bermula *murad* daripada muka itu zatNya dan *murad* dengan tangan itu Qudrat dan *murad* daripada katanya antara dua anak jari daripada segala anak jari Rahman itu antara dua sifat daripada segala sifatNya dan dua sifat itu Qudrat dan Iradat.

..... يَدُ ٱللَّهِ فَوْقَ أَيْدِيهِمْ ..... ﴿١٠﴾

Lathifah

Telah bertanya al-Sya'rani akan Syeikhnya al-Khawash: Kerana apa mentakwil oleh ulama akan yang memberi waham yang jatuh daripada syara' dan tiada mentakwil oleh mereka itu akan barang yang memberi waham yang jatuh daripada wali? Maka menjawab ia: Jikalau insaf oleh mereka itu, nescaya mentakwil oleh mereka itu akan yang jatuh daripada wali itu dengan yang terlebih aula. Kerana bahawasanya menguzur dengan dha'ifnya pada segala ahwal hadrat bersalahan syara', maka bahawasanya yang mempunyai maqam yang teguh. Dan terkadang dikatakan: Bermula syara' itu sayugianya memeliharakan atas yang jatuh daripadanya barang sedapat-dapatnya kerana bahawasanya ia diikut dengan dia dan tiada seperti demikian itu wali, maka bahawasanya tiada dipeliharakan atas kalamnya kerana bahawasanya tiada diikut dengan dia, maka apabila memberi waham ia, disia-siakan dia.

Dan hasil *thariqat* Salaf dan Khalaf itu Ahli al-Sunnah.

Keduanya, demikian lagi wajib kita i'tiqadkan pula ada bagi Allah Ta'ala itu beberapa sifat *fi'il*nya, maka sifat *fi'il* itu khilaf antara Abi al-Hasan al-Asy'ari dan antara Maturidi. Maka kata Maturidi: Ia sifat yang Qadimah yang berdiri dengan zatNya Ta'ala dengan dia mengadakan dan meniadakan yang lebih atas Qudrat.

Dan kata Abu al-Hasan al-Asy'ari: Bermula sifat *fi'il* itu baharu kerana ia ibarat daripada ta'liq Qudrat dengan mumkinat akan sebagai *Ta'alluq Tanjizi Hadis*. Maka setengah daripada sifat *fi'il* itu yang disebutkan oleh Imam Ghazzali di dalam usul al-Arba'in dengan katanya: Dan bahawasa Allah Ta'ala tiada menjadikan akan suatu melainkan baharu. Dan dijadikan dengan QudratNya dan dengan limpah adilNya. Dijadikannya atas yang terlebih elok kejadian dan terlebih sempurnanya dan terlebih adilnya dan tiada dapat diqiaskan adilNya itu dengan adil segala makhluk kerana adalah yang lainNya itu diterima daripadanya zalim pada memerintahkan dan menghukumkan kerana adalah yang lain itu bukan ia milik yang mutlak. Dan tiada tasawwur pada Allah itu zalim sekali-kali kerana sekalian yang diperintahNya itu milik Dia. Ia yang mengeluarkan daripada *'adam* kepada wujud, lagi tiada

ada sertaNya seorang bersekutu pada memilik makhluk hingga dikatakan Ia zalim pada memerintahkan. Maka barang yang lain itu sama ada manusia dan jin dan syaitan malaikat dan langit dan bumi dan binatang dan tumbuh-tumbuhan dan jauhar dan *'aradh* sekaliannya itu baharu dikeluarkan daripada *'adam* kepada wujud dengan yang terlebih indah-indah kejadiannya dengan QudratNya. Dan tiada ada maujud pada azali yang lain daripadanya dan tiada di sana itu seorang yang lainnya, maka dijadikan segala makhluk kerana menyatakan QudratNya dan IradatNya bukan kerana berkehendak kepadanya. Dan Ialah yang mempunyai kurnia bagi segala makhluk dan yang mempunyai nikmat dan bangkitan dengan bagai-bagai pertolongan bagi sekalian yang dijadikanNya.

Maka amat kuasa Ia menyampaikan dan menuangkan bagi azabNya dan dibalakanNya dengan bagai-bagai bala. Dan jikalau dikerjakanNya seperti demikian itu, nescaya adalah Ia adilnya jua dan tiada dikatakan Ia jahat dan zalim. Dan jika diberiNya pahala atas taat, maka dengan kemurahanNya jua dan kerana janjiNya jua, bukan jalan wajib kerana tiada wajib atasNya dan tiada wajib atasNya hak bagi seorang. Dan dituntut atas segala makhluk itu di dalam mengerjakan taat. Wajib atas segala makhluk yang mukallaf itu mengerjakan dia dengan sebab Ia wajibkan atas lidah RasulNya bukan semata-mata akal seperti barang yang berkata oleh Mu'tazilah. Maka dibangkitkan segala pesuruh dan menyatakan kebenarannya itu dengan mukjizat yang amat nyata. Maka menyampaikan oleh mereka itu akan suruhNya dan tegahNya dan *wa'ad*Nya, yakni janji memberi pahala, dan *wa'id*Nya, yakni janji menyiksa, maka wajib atas segala makhluk membenarkan sekalian mereka itu.

Hasil yang dinamakan sifat *fi'il* bagi Allah itu تَخْلِيْقٌ ertinya menjadikan makhluk. Dan تَرْزِيْقٌ ertinya memberi rezeki. Dan إِهْدَاءٌ menunjuk. Dan إِضْلاَلٌ ertinya menyesatkan. Dan إِحْيَاءٌ ertinya menghidupkan. Dan إِمَاتَةٌ ertinya mematikan dan lainnya.

Sifat *Ja'iz* (Harus) Bagi Allah Ta'ala

Dan masuk pula *musannif* menyatakan bahagi yang ketiga iaitu yang harus pada hak Allah Ta'ala yang wajib atas tiap-tiap mukallaf

mengi'tiqad akan dia dengan katanya:

وَأَمَّا الْجَائِزُ فِي حَقِّهِ تَعَالَى فَفِعْلُ كُلِّ مُمْكِنٍ أَوْ تَرْكُهُ

Ertinya: *Dan adapun yang harus pada hak Allah Ta'ala itu iaitu berbuat tiap-tiap mumkin atau meninggalkan dia.*

Inilah bahagi yang ketiga daripada yang wajib atas tiap-tiap mukallaf mengenal dia. Dan hanya tiada berkata *musannif.*

وَمِمَّا يَجُوْزُ فِي حَقِّهِ تَعَالَى

Seperti barang yang berkata ia:

فَمِمَّا يَجِبُ فِي حَقِّهِ تَعَالَى وَمِمَّا يَسْتَحِيْلُ فِي حَقِّهِ تَعَالَى

Kerana bahawa yang harus pada hak Allah Ta'ala itu jikalau banyak *ifrad*nya sekalipun tersimpan ia pada barang yang menyebut ia akan dia jua. Maka iaitu berbuat mumkin atau meninggalkan dia, maka masuk di dalam berbuat tiap-tiap mumkin itu memberi pahala oleh Allah akan orang yang berbuat ibadat dan menyiksa bagi orang yang berbuat maksiat dan masuk pula membangkitkan oleh Allah akan segala Rasul kepada segala hambaNya. Dan masuk pula memberi rezeki bagi orang yang kaya dan tiada memberi rezeki bagi orang yang fakir.

Faedah:

Bermula orang yang kaya yang syukur itu afdhal di sisi Jumhur daripada fakir yang sabar. Bermula tempat khilaf itu pada barang yang apabila berdiri orang yang kaya itu dengan sekalian وَظَائفُ kaya daripada murah dan berbuat baik dan berluas-luas kepada orang yang kepicikan dan menunaikan segala *huquq* hartanya dan syukur bagi مَالكُ الدَّيَّان yakni Tuhan. Dan berdiri orang yang fakir itu dengan segala وَظَائفُ fakir daripada reda dan sabar. Dan reda pula dengan barang yang dikadarkan oleh Allah Ta'ala.

Dan kata qil: Fakir yang sabar itu iaitu mereka yang berlazat-lazat dengan fakirnya seperti barang yang berlazat-lazat orang yang kaya itu dengan kayanya iaitu terlebih afdhal daripada orang yang

kaya.

Dan masuk pula di dalam berbuat mumkin itu صَلاَحٌ dan أَصْلَحُ khilaf bagi Mu'tazilah pada mereka itu dengan wajib atas Allah berbuat صَلاَحٌ dan أَصْلَحُ. Dan makna صَلاَحٌ itu baik lawannya fasid seperti iman pada *muqabil* kufur dan sihat pada *muqabil* sakit. Dan makna أَصْلَحُ itu iaitu barang yang *muqabil* صَلاَحٌ seperti memberi makan akan makanan yang lazat-lazat pada *muqabil* memberi makan akan makanan yang tiada lazat. Dan kata qil: Keduanya itu شَيْءٌ yang satu.

Dan dihikayatkan bahawasanya telah jatuh berbahas-bahas antara Syeikh Abi al-Hasan al-Asy'ari dan antara Abi Ali al-Jubba'iy daripada Mu'tazilah. Maka bertanya Syeikh Abu al-Hasan akan dia daripada tiga orang yang bersaudara: Hidup seorang daripada mereka itu di dalam taat hingga mati ia, padahal besar. Dan hidup yang kedua di dalam maksiat hingga mati ia tiada taubat, padahal besar juga. Dan yang ketiga, mati ia padahal kecil.

Maka jawab Jubba'iy: Diberi pahala akan yang pertama dan diazab akan yang kedua dan yang ketiga, yakni yang kecil itu tiada diberi pahala dan tiada disiksa.

Maka berkata Asy'ari: Terkadang berkata yang ketiga: Hai Tuhanku, hendaklah Engkau panjangkan umurku, maka *masyghul* aku dengan taat hingga dapat balasan pahala aku kerana wajib atas engkau berbuat أَصْلَحُ.

Berkata Jubba'iy, firman Allah Ta'ala baginya: Aku ketahui bahawa engkau jikalau Aku hidupkan, nescaya masyghul engkau dengan berbuat maksiat. Maka diazab akan dikau. Maka wajib atasKu mematikan ketika kecil.

Berkata Asy'ari terkadang berkata yang kedua itu iaitu: Ya Tuhanku, kerana apa tiada Engkau matikan daku ketika kecil hingga tiada aku derhaka. Maka tiada diazabkan daku.

Maka tercengang Jubba'iy kerana Imam Asy'ari itu merobohkan kaedahnya daripada wajib صَلاَحٌ dan أَصْلَحُ. Dan setengah daripada yang harus pada hak Allah Ta'ala itu membangkitkan Rasul 'alaihimushshalatu wassalam, khilaf bagi Mu'tazilah pada kata mereka itu wajib bangkit Rasul itu atas Allah kerana dibinakan

atas asal mereka itu yang fasid dan i'tiqad mereka itu yang *kasid*, yakni yang tiada laku daripada bahawasanya wajib atas Allah Ta'ala berbuat صَلَاحٌ dan أَصْلَحُ. Dan sungguhnya telah menyata oleh mereka itu akan wajah demikian itu dengan bahawa ijtihad manusia itu bersalah-salahan dan berlebih kurang. Maka jatuh berbantah-bantah dan berbuat aniaya, maka yang baiknya bahawa mendirikan bagi mereka itu *safir* yakni Rasul yang dikuatkan dengan mukjizat, maka mengikut baginya sekalian.

Dan khilaf bagi kaum Barahimah dan mereka itu satu *tha'ifah* kuffar daripada Hindi dan adalah mereka itu segala sahabat Brahma seperti barang yang tersebut di dalam **Syarah Maqasid.** Mengikut oleh mereka itu akan barang yang mengelokkan akan dia oleh akal tiada mengikut syara'. Maka mengeji oleh mereka itu menyembelih binatang kerana barang yang tsabit padanya daripada menyakiti dan mengeji oleh mereka itu akan sembahyang kerana barang yang tsabit padanya menghantarkan muka pada bumi yang ia terlebih mulia daripada segala anggota dan mengangkatkan punggung dan mengharuskan berzina dan wathi maharim. Dan berkata mereka itu dengan *istihalah* bangkit Rasul. Demikianlah menaqal oleh Sanusi daripada mereka itu.

Dan bermula *sharih* kalam Sa'ad bahawasa Barahimah itu berkata mereka itu bahawa bangkit Rasul itu harus jua tetapi tiada berhajat kepadanya, maka tiada tsabit *bi'tsah*nya itu.

Dan ibarat Sa'ad di dalam **Syarah Maqasid**: Bermula segala mereka yang ingkar bagi nubuwwah setengah daripada mereka itu orang yang berkata ia dengan mustahil *bi'tsah* dan tiada terbilang dengan dia. Dan setengah daripada mereka itu orang yang berkata dengan ketiadaan berhajat kepadanya seperti kaum Barahimah.

Dan setengah daripada yang harus pada hak Allah Ta'ala itu iaitu melihat akan Dia Ta'ala di dalam negeri akhirat dan iaitu jatuh bagi orang yang mukmin, tiada jatuh bagi kuffar dengan *ittifaq* dan tiada jatuh bagi segala munafik atas qaul yang shahih.

Dan adapun di dalam dunia, maka tiada jatuh ia bahkan jatuh ia bagi Nabi kita Muhammad 'alaihissalam pada malam Isra' atas qaul yang rajih. Dan kata qil: Melihat ia akan Dia dengan mata hatinya, maka hanyalah. Dan barang siapa mendakwa ia

melihat akan Allah Ta'ala di dalam dunia pada hal di dalam jaga daripada yang lain daripada Nabi kita, maka iaitu sesat lagi menyesatkan manusia. Betapa jatuh dan pada hal sungguhnya ditegahnya daripadanya akan Nabi Musa kalimullah, tetapi ini hanya sungguhnya ia di dalam jaga. Adapun di dalam tidur yakni di dalam mimpi, maka sungguhnya jatuh ia. Dan sungguhnya telah mendakwa oleh setengah Ahli al-Sufi akan bahawasanya melihat ia akan Tuhannya di dalam tidurnya, maka dikata orang baginya: Betapa engkau lihat akan dia? Maka berkata ia: Terbalik mataku di dalam hatiku, maka aku lihat akan orang yang tiada seumpamanya suatu. Dan telah menjalan oleh suatu *tha'ifah* kepada menegahkan di dalam tidur pula kerana mengambil dalil oleh mereka itu dengan bahawasanya barang yang dilihat padanya khayali dan misal, yakni dapat dibanding. Bermula keduanya mustahil atas Allah Ta'ala. Kata Syeikh Ibrahim al-Laqqani di dalam nazhamnya:

فَخَالِقٌ لِعَبْدِهِ وَمَا عَمِلْ * مُوَفِّقٌ لِمَنْ أَرَادَ أَنْ يَصِلْ

Ertinya: *Maka menjadikan Ia bagi hambaNya dan barang yang perbuatan hamba.*

Dan memberi taufik Ia bagi orang yang berkehendak ia akan bahawa menyampaikan ia akan keredaan.

Yakni Allah jua tunggal dengan mengadakan hambaNya dan menjadikan segala perbuatan yang keluar daripada hambaNya sama ada perbuatan yang *ikhtiariyah* dan perbuatan yang *idhthirariyah* atas Mazhab Ahli al-Sunnah wa al-Jama'ah. Bersalahan bagi Mu'tazilah berkata ia perbuatan yang *ikhtiariyah* itu bukan Allah yang menjadikan tetapi perbuatan hamba bagi dirinya.

Adapun perbuatan yang *idhthirariyah* itu muafakat antara Ahli al-Sunnah dan Jama'ah dan Mu'tazilah perbuatan Allah sendiri. Maka telah lalu sebutnya bahawa yang muktamadnya tiada jadi kafir Mu'tazilah yang beri'tiqadnya seperti demikian itu tetapi fasik lagi haram. Maka apabila kita ketahui akan sekalian itu perbuatan Allah Ta'ala jua, maka tiada memberi bekas segala sebab yang beradat itu seperti api tiada dapat menghanguskan dan *sikkin* (pisau) tiada dapat memutuskan dan makanan tiada dapat mengenyangkan dan

air tiada dapat memuaskan dahaga. Maka telah lalu hukum orang yang beri'tiqad memberi bekas segala sebab yang beradat dengan zatnya atau memberi bekas dengan kuat yang dihantarkan padanya itu.

Wajib I'tiqad Allah Memberi Taufik

Dan lagi wajib kita i'tiqadkan pula Allah Subhanahu wa Ta'ala memberi taufik, yakni memberi kuasa atas mengerjakan taat bagi segala hambaNya yang dikehendakiNya sampai kepada keredaanNya dan kasihNya. Dan demikian lagi Allah Ta'ala yang mendirikan خِذْل atas seorang yakni hina iaitu tiada kuasa pada mendirikan taat dan kuasa atas mengerjakan maksiat bagi segala hambaNya yang dikehendakNya, jauhnya daripada keredaanNya dan kasihNya.

Dan kata Syeikh al-Laqqani pula:

فَخَاذِلٌ لِمَنْ أَرَادَ بُعْدَه * وَمُنْجِزٌ لِمَنْ أَرَادَ وَعْدَه

Ertinya: *Maka menghinakan Ia akan orang yang menghendaki Ia akan jauh daripada rahmatNya.*

Dan menunaikan Ia akan janji bagi orang yang berkehendak Ia akan menyempurnakan janji kebajikanNya.

Dan خَاذِلٌ itu daripada خُذْلَانٌ dan maknanya pada lughah meninggalkan tolong. Dan pada syara': Menjadikan oleh Allah Ta'ala akan maksiat pada hambaNya yang dikehendak Allah jauh daripada redaNya dan kasihNya. Dan erti مُنْجِزٌ إلخ itu memberi Ia bagi orang yang berkehendak Ia dengan dia akan kebajikan akan barang yang menjanji Ia akan dia dengan kebajikan itu seperti pahala bagi orang yang mengerjakan taat kerana bahawasanya Allah Ta'ala menjanjikan Ia akan orang yang mukmin dengan syurga, tiada bersalahan pada syara' قَطْعًا kerana firman Allah Ta'ala:

..... إِنَّ ٱللَّهَ لَا يُخْلِفُ ٱلْمِيعَادَ ﴿٩﴾

Ertinya: *Bahawasanya Allah Ta'ala tiada menyalahi Ia*

akan janji. **(Surah ali-'Imran: Ayat 9)**

Seperti barang yang berkata akan dia oleh setengah Mufassirin, maka jikalau menyalahi Ia akan memberi yang dijanjikan dengan dia, nescaya lazim dusta dan bodoh. Maka menyalahi pada janji kebajikan itu kekurangan yang wajib suci Allah Ta'ala daripadanya. Dan ini muafakat atasnya oleh Asya'irah dan Maturidiyah.

Dan adapun janji membalas kejahatan, maka harus menyalahi padanya di sisi Asya'irah kerana menyalahi padanya itu tiada dibilangkan kekurangan tetapi dibilangkan kemuliaan yang dipuji dengan dia. Dan sungguhnya di*i'tiradh* akan harus menyalahi akan janji kejahatan itu dengan lazim pada yang amat banyak, setengah daripadanya dusta pada khabar Allah Ta'ala, pada hal sungguhnya telah berdiri ijma' atas suci khabar Allah Ta'ala daripada dusta. Dan setengah daripadanya bertukar perkataan Allah Ta'ala dan sungguhnya firmanNya:

مَا يُبَدَّلُ ٱلْقَوْلُ لَدَىَّ ..... ﴿٢٩﴾

Ertinya: *Tiada bertukar perkataan di sisiKu.*

Dan setengah daripadanya mengharuskan tiada kekal kuffar itu di dalam neraka dan iaitu menyalahi akan barang yang berdiri atasnya beberapa dalil قَطْعِيَّةٌ daripada kekal mereka itu padanya. Maka dijawab daripada *i'tiradh* yang pertama dengan bahawa Tuhan yang Karim apabila berkhabar Ia dengan janji kejahatan, maka yang layak dengan kemuliaanNya bahawa dibinakan khabarNya dengan dia atas ta'liq dengan مَشِيْئَةٌ dan jika tiada men*sharih* ia dengan مَشِيْئَةٌ itu sekalipun. Maka apabila berkata oleh Tuhan yang Karim itu: Sungguhnya Aku azab akan Zaid umpamanya, maka berniat Ia jikalau Aku kehendak bersalahan janji kejahatan, maka bahawa yang layak dengan kemuliaanNya bahawa dibinakan khabarNya dengan dia atas putus, yakni tiada niat ta'liq. Telah bersabda Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam:

مَنْ وَعَدَهُ اللهُ عَلَى عَمَلٍ ثَوَابًا فَهُوَ مُنْجِزٌ لَهُ، وَمَنْ أَوْعَدَهُ عَلَى عَمَلٍ عِقَابًا فَهُوَ بِالْخِيَارِ إِنْ شَاءَ عَذَّبَهُ وَإِنْ شَاءَ غَفَرَ لَهُ

Ertinya: *Barang siapa menjanji akan dia oleh Allah atas suatu amal akan balasan, maka iaitu menunai baginya. Dan barang siapa menjanji Ia akan dia atas amal yang maksiat akan azab, maka iaitu dengan khiyar, jikalau menghendaki Ia, nescaya menyeksa Ia akan dia dan jikalau menghendaki Ia, nescaya mengampuni Ia baginya.*

Dan dijawab daripada *i'tiradh* yang kedua dengan bahawa yang tertegah itu hanya sungguhnya ia menukarkan perkataan pada janji menyiksa akan kuffar atau orang yang tiada berkehendak Allah Ta'ala daripada maafkan dia. Maka bermula firman Allah Ta'ala: مَا يُبَدَّلُ ٱلْقَوْلُ لَدَىَّ ..... ﴿٢٩﴾ itu ditanggungkan atas demikian itu.

Dan dijawab daripada *i'tiradh* yang tiga dengan bahawasa harus bersalahan وَعِيْدٌ yakni janji kejahatan itu pada barang yang apabila ada ia *warid* pada barang yang harus maaf daripadanya, maka tiada menafikan kekal kuffar itu di dalam neraka, maka bahawasanya tiada harus maaf daripada kufur itu. Firman Allah Ta'ala:

إِنَّ ٱللَّهَ لَا يَغْفِرُ أَن يُشْرَكَ بِهِۦ وَيَغْفِرُ مَا دُونَ ذَٰلِكَ لِمَن يَشَآءُ ۚ

..... ﴿٤٨﴾

Ertinya: *Bahawasa Allah Ta'ala tiada mengampuni Ia akan bahawa disekutukan dengan Dia dan mengampuni Ia akan barang yang lain daripada yang demikian itu bagi orang yang dikehendakiNya.* **(Surah al-Nisa': Ayat 48)**

Dan ayat ini *qaid* bagi firman Allah:

..... إِنَّ ٱللَّهَ يَغْفِرُ ٱلذُّنُوبَ جَمِيعًا ۚ ..... ﴿٥٣﴾

Ertinya: *Bahawa Allah Ta'ala mengampuni Ia akan segala dosa sekaliannya.* **(Surah al-Zumar: Ayat 53)**

Dan telah menjalani oleh Maturidiyah kepada bahawasanya tertegah menyalahi وَعِيْدٌ itu seperti barang yang tertegah menyalahi وَعْدٌ jua iaitu janji kebaikan. Dan tiada datang *i'tiradh* demikian bahawa وَعِيْدٌ itu disalahi pada orang mukmin yang diampuni baginya

kerana bahawa ayat yang *warid* dengan umum وَعِيْدٌ itu dikeluarkan daripadanya orang mukmin yang diampuni baginya.

Dan adapun mukmin yang tiada diampuni baginya, maka tidak dapat tiada daripada meluaskan وَعِيْدٌ padanya. Maka kata mereka itu tidak dapat tiada daripada meluluskan وَعِيْدٌ itu dan jikalau pada seorang sekalipun, hanya sungguhnya zahir ia atas kalam Maturidiyah. Dan terbina atas khilaf antara Asya'irah dan Maturidiyah itu bahawasanya sah atas qaul Asya'irah itu bahawa berkata ia:

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِجَمِيْعِ الْمُؤْمِنِيْنَ جَمِيْعَ ذُنُوْبِهِمْ

Ertinya: *Hai Tuhanku! Ampun olehmu bagi sekalian mukminin akan sekalian dosa mereka itu.*

Dan tiada sah yang demikian itu atas kalam Maturidiyah. Maka zahir bahawa khilaf itu hakiki dan jika menjadi akan dia oleh setengah mereka itu akan *khilaf lafzi* sekalipun.

Dan kata Syeikh al-Laqqani pula:

فَوْزُ السَّعِيْدِ عِنْدَهُ فِي الأَزَلِ * كَذَا الشَّقِيُّ ثُمَّ لَمْ يَنْتَقِلِ

Ertinya: *Bermula kemenangan bagi orang yang bahagia pada Allah itu pada azali.*

Demikian lagi celaka bagi orang yang kesudahan umurnya celaka pada azali jua kemudian tiada berpindah.

Bermula makna فَوْزٌ itu kelepasan dan mendapat ia dengan kebajikan. Dan azali itu ibarat daripada ketiadaan permulaan atau ibarat daripada berkekalan wujudnya pada beberapa zaman yang ditakdir yang tiada berkesudahan pada pihak zaman *madhi* (yang lalu). Dan hanyasanya kami kata yang ditakdir kerana bahawasanya tiada zaman pada azalinya, maka iaitu مُقَدَّرٌ tiada مُحَقَّقٌ.

Dan orang yang bahagia pada Allah Ta'ala itu orang yang dimatikan di dalam iman dan di dalam amal yang soleh dengan takdir pada azali iaitulah orang yang سَعِيْدٌ. Dan orang yang celaka itu orang yang disudahi umurnya di dalam kufur atau di dalam maksiat dengan takdir Allah pada azali jua. Kemudian tiada dapat

bertukar sekali-kali. Maka سَعِيْدٌ itu tiada terbalik jadi celaka dan *'akas*nya, yakni orang celaka tiada terbalik jadi bahagia. Dan jikalau boleh bertukar-tukar, nescaya lazim bertukar ilmu Allah Ta'ala jadi jahil dan iaitu mustahil.

Bermula bahagia dan celaka itu ditakdirkan keduanya pada azali tiada berubah keduanya dan tiada bertukar-tukar keduanya kerana bahagia itu iaitu mati atas iman dengan dii'tibarkan ta'alluq ilmu Allah pada azali dengan demikian itu. Dan celaka itu iaitu mati atas kufur dengan demikian itu i'tibar. Maka kesudahan itu menunjukkan atas terdahulu takdirnya.

Maka jikalau disudahi baginya dengan iman, nescaya menunjuk ia atas bahawasanya pada azali adalah ia setengah daripada segala orang yang bahagia dan jikalau terdahulu akan dia oleh kufur sekalipun. Dan jikalau disudahi baginya dengan kufur, nescaya menunjuk ia atas bahawasanya pada azali adalah ia daripada orang yang celaka dan jika terdahulu akan dia oleh iman sekalipun kerana barang yang menunjukkan baginya oleh hadis yang shahih:

إِنَّ أَحَدَكُمْ لَيَعْمَلُ بِعَمَلِ أَهْلِ النَّارِ حَتَّى مَا يَكُوْنُ بَيْنَهُ وَبَيْنَهَا إِلاَّ ذِرَاعٌ، فَيَسْبِقُ عَلَيْهِ الْكِتَابُ فَيَعْمَلُ بِعَمَلِ أَهْلِ الْجَنَّةِ فَيَدْخُلُهَا، وَإِنَّ أَحَدَكُمْ لَيَعْمَلُ بِعَمَلِ أَهْلِ الْجَنَّةِ حَتَّى مَا يَكُوْنُ بَيْنَهُ وَبَيْنَهَا إِلاَّ ذِرَاعٌ، فَيَسْبِقُ عَلَيْهِ الْكِتَابُ فَيَعْمَلُ بِعَمَلِ أَهْلِ النَّارِ فَيَدْخُلُهَا.

Ertinya: *Bahawa salah seorang daripada kamu beramal ia dengan amal ahli neraka hingga tiada ada antaranya dan antara neraka itu melainkan satu hasta jua, maka terdahulu atasnya oleh suratannya, maka beramal dengan amal ahli syurga, maka masuk ia akan syurga. Dan bahawasanya seorang daripada kamu beramal ia dengan amal ahli syurga hingga tiada ada antaranya dan antara syurga itu melainkan kadar satu hasta, maka mendahulu atasnya oleh suratannya, maka beramal ia dengan amal ahli neraka, maka masuk ia akan neraka.*

Dan takut orang yang awam itu daripada akhir kesudahan umurnya dan takut orang yang khas itu daripada takdir yang terdahulu dan iaitu terlebih sangat dan jikalau berlazim-laziman sekalipun. Inilah barang yang menjalankan kepadanya oleh inilah Asya'irah dan telah menjalankan oleh Maturidiyah kepada bahawa bahagia itu iaitu beriman pada sekarang dan celaka itu iaitu kufur pada masa sekarang jua yakni tiada ditilik pada akhir umurnya. Maka orang yang bahagia itu iaitu orang yang mukmin pada masa sekarang ini dan apabila mati atas kufur, maka sungguhnya terbalik ia jadi celaka kemudian daripada adalah dahulu itu bahagia. Dan yang celaka itu iaitu orang yang kafir pada masa sekarang ini dan apabila mati ia atas iman, maka sungguhnya terbalik ia jadi bahagia kemudian daripada bahawa adalah dahulunya itu celaka.

Dan ditertibkan atas khilaf antara Asya'irah dan Maturidiyah itu bahawasanya sah engkau kata aku mukmin insya' Allah atas qaul Asya'irah. Dan bahawasanya tiada sah ta'liq yang demikian itu atas qaul Maturidiyah dan dengan jumlahnya. Maka khilaf antara Asya'irah dan Maturidiyah itu lafzi jua kerana bahawasanya mereka itu bersalahan pada *murad* daripada lafaz سَعَادَةٌ dan شَقَاوَةٌ serta muafakat pada segala hukumnya.

Dan kata Ibrahim al-Laqqani:

وَعِنْدَنَا لِلْعَبْدِ كَسْبٌ كُلِّفَا * وَلَمْ يَكُنْ مؤَثِّرًا فَلْتَعْرِفَا

Ertinya: Dan pada mazhab kami yakni Ahli al-Sunnah wa al-Jama'ah, bagi hamba itu usaha yang diberati akan dia.

Dan tiada ada ia memberi bekas, maka hendaklah engkau ketahui.

Bermula *murad* dengan hamba itu sekalian mahkluk yang keluar daripadanya *fi'il* yang *ikhtiari*, yakni qasad ia kepada perbuatan yang *ikhtiari* dan usaha itu iaitu bergantung qudrat yang baharu dengan barang yang diperbuatkan. Dan kata qil iaitu iradat yang baharu. Maka bahawasa segala perkara itu empat iradat yang dahulu dan qudrat dan perbuatan yang menyertai keduanya dan *irtibath* antara keduanya. Maka atas tafsir usaha dengan ini *irtibath* dan iaitu bergantung qudrat dengan maqdur tiada ia makhluk kerana bahawasanya setengah daripada *umur* (perkara-perkara) *i'tibariyah.* Dan atas tafsirnya dengan iradat yang baharu adalah ia makhluk.

Dan sungguhnya mentakrif oleh mereka itu akan usaha itu dengan dua takrif:

Yang pertama: Bahawasanya barang yang jatuh dengan dia oleh maqdur, yakni yang dikuasai daripada ketiadaan sah tunggal orang yang kuasa dengan dia, ertinya bertambatan dan ta'alluq atau kehendak atas barang yang terdahulu daripada dua qaul yang jatuh maqdurnya seperti gerak bersepakai dan berserta dengan dia daripada ketiadaan sah keadaan yang kuasa dan iaitu hamba tertunggal ia dengan demikian maqdur itu tetapi dan daripada ketiadaan sah bersekutu dari kerana tiada memberi bekas daripadanya dengan suatu wajah barang mana wajah ada ia. Dan hanya sungguhnya baginya semata-mata menyerta jua dan yang menjadikan yang sebenarnya itu tunggal dengan umum memberi bekas.

Dan takrif yang kedua: Barang yang jatuh dengan dia oleh maqdurnya itu pada tempat qudratnya, ertinya bertambatan dan ta'alluq atau kehendak atas barang yang telah lalu daripada dua qaul yang jatuh maqdurnya seperti gerak pada hal bersepakai ia dan berserta ia dengan dia pada ketika keadaan maqdur ini pada tempat qudratnya seperti tangan umpamanya.

Syahdan: Wajib atas kita bahawa i'tiqad kita bahawa tiada dapat memberi bekas sekali-kali usaha hamba itu kerana tiada seorang yang bersekutu ia akan Allah kerana tunggal qudrat Allah Ta'ala yang memberi bekas itu dan tiada memberi bekas qudrat yang lain daripada qudrat Allah Ta'ala. Tetapi tatkala adalah setengah daripada perbuatan itu keluar ia dengan ikhtiar hamba seperti naik ke atas pohon kayu umpamanya, maka dapat dengan perbuatan hamba pada zahirnya. Dan setengah perbuatan itu tiada dengan ikhtiar hamba seperti gugur umpamanya. Maka dibangsakaṇ perbuatan yang keluar dengan ikhtiar hamba itu kepada اكتساب ertinya usaha, maka telah lalu takrif usaha itu. Demikianlah mazhab Ahli al-Sunnah. Dan hasil i'tiqad Ahli al-Sunnah tiada bagi hamba pada *af'al*nya yang *ikhtiariyah* itu melainkan usahanya, maka tiada ia *majbur* semata-mata seperti barang yang berkata oleh Jabariyah. Dan tiada hamba itu yang menjadikan bagi *af'al*nya seperti barang yang berkata oleh Mu'tazilah.

Bermula mazhab al-Jabariyah itu bahawa hamba itu tiada

baginya usaha sekali-kali tetapi ia tergagah semata-mata seperti bulu ayam yang tergantung pada hawa yang membalik-balik akan dia oleh angin betapa kehendaknya.

Dan mazhab Mu'tazilah itu iaitu bahawa hamba itu yang menjadikan bagi *af'al*nya yang iktiariyah dengan qudratnya yang telah menjadikan akan dia oleh Allah Ta'ala padanya. Dan kerana kata mereka itu "dengan qudrat yang telah menjadikan dia oleh Allah Ta'ala padanya" itu tiada kufur oleh mereka itu atas qaul yang asah.

Maka bermula Jabariyah itu sangat *taqsir* mereka itu dan Mu'tazilah itu taqsir mereka itu dan Ahli al-Sunnah pertengahan mereka itu dan sebaik-baik pekerjaan itu pertengahan.

Maka keluar mazhab Ahli al-Sunnah itu:

..... مِنۢ بَيۡنِ فَرۡثٖ وَدَمٖ لَّبَنًا خَالِصٗا سَآئِغٗا لِّلشَّٰرِبِينَ ﴿٦٦﴾

Ertinya: *Daripada antara tahi dan darah air susu yang suci yang lazat bagi orang yang meminum akan dia.* **(Surah al-Nahl: Ayat 66)**

Maka jika dikata orang sungguhnya telah berdiri tanda dalil atas wajib *istiqlal* (bersendiri) Allah Ta'ala dengan perbuatan. Dan bermula maqdur yang satu itu tiada masuk ia di bawah dua qudrat seperti barang yang melazimkan akan dia oleh itsbat kamu bagi hamba itu usaha. Dijawab akan dia dengan bahawasanya tatkala tsabit dengan *burhan* bahawa yang menjadikan itu iaitu Allah Subhanahu wa Ta'ala dan dengan dharurat bahawa bagi qudrat hamba itu tempat masuk pada setengah *af'al* seperti gerak *munfarid* dengan ikhtiar dan seperti naik ke atas pohon kayu. Dan tiada masuk pada setengah *fi'il*nya dengan ikhtiar hamba seperti gerak orang yang gentar dan seperti jatuh daripada pohon kayu, nescaya berhajat kita pada melepaskan daripada picik ini dengan bahawa Allah itu menjadikan bagi perbuatan tetapi bagi hamba pada perbuatan ikhtiari daripadanya usaha dan maqdur yang satu itu masuk di bawah dua qudrat dengan dua jihah yang bersalahan keduanya. Maka masuk ia di bawah qudrat Allah Ta'ala itu dengan jihah menjadikan dan masuk di bawah qudrat hamba itu dengan

jihah usaha bagi segala perbuatannya yang bergantung dengan dia taklif, tiada ia mengadakan dan tiada ada ia menjadikan baginya. Dan hanyasanya baginya pada usaha itu nisbah memilih dan memberatkan bagi perbuatan dan meninggalkan perbuatan supaya hasil nisbah itu kepadanya. Maka dari kerana inilah diberi pahala baginya dan dibalaskan siksa atas perbuatannya, maka sekaliannya itu pada hakikatnya daripada Allah jua.

Kemudian katanya pula:

فَلَيْسَ مَجْبُوْرًا وَلاَ اخْتِيَارًا * وَلَيْسَ كُلاًّ يَفْعَلُ اخْتِيَارًا

Ertinya: *Maka tiada hamba itu tergagah pada segala perbuatannya seperti barang yang berkata akan dia oleh Jabariyah dan tiada ikhtiar baginya.*

Dan tiada ia berbuat akan sekalian perbuatan hal keadaan demikian itu perbuatan ikhtiari.

Ertinya: Wajib kita i'tiqadkan bahawa hamba itu tiada *maqhur* (dipaksa) semata-mata dan tiada pula ia yang menjadikan segala perbuatan *ikhtiariyah* seperti barang yang berkata oleh Qadariyah daripada Mu'tazilah itu. Maka adalah qasad *musannif* daripada yang demikian itu hendak *rad* (menolak) atas Jabariyah pada kata mereka itu bahawa hamba itu *maqhur* dan tiada ikhtiar baginya pada keluar sekalian perbuatan daripadanya, maka iaitu seperti bulu yang tergantung pada hawa dicenderung akan dia oleh angin pada pihak kiri dan kanan.

Dan kata Nazim: Tiada ia berbuat sekalian perbuatan hal keadaan demikian itu perbuatan ikhtiari hendak menolakkan atas Mu'tazilah pada kata mereka itu bahawa hamba itu menjadikan sekalian perbuatan dirinya yang ikhtiariyah. Maka wajib kita i'tiqadkan perbuatan yang keluar daripada hamba itu setengahnya dengan ikhtiarnya dan setengahnya dengan اضْطِرَارْ nya (terpaksa), maka iaitu sangat maklum dengan musyahadah lagi umat nyata *farq* (perbezaan) antara keduanya.

Dan lagi katanya:

فَإِنْ يُثِبْنَا فَبِمَحْضِ الْفَضْلِ * وَإِنْ يُعَذِّبْنَا فَبِمَحْضِ الْعَدْلِ



Ertinya: *Maka jika memberi pahala Ia akan kita, maka dengan semata-mata kurniaNya.*

Dan jika menyeksa Ia akan kita, maka dengan semata-mata adilNya.

Ertinya: Apabila kita ketahui bahawasanya Allah Subhanahu wa Ta'ala tunggal Ia dengan menjadikan sekalian perbuatan kita sama ada kebajikan atau kejahatan dan qudrat yang baharu itu tiada memberi bekas sekali-kali, maka jikalau diberi pahala atas perbuatan yang kebajikan seperti taat, maka dengan semata-mata kurnia jua dan jika disiksakan kita dengan mengerjakan maksiat dengan adilnya jua kerana taat dan maksiat itu perbuatanNya pada keduanya. Tetapi dijadikan tanda yang menunjukkan atas barang yang ia ikhtiarnya jua daripada pahala dan siksa hingga jikalau dibalaskan dengan diberi pahala bagi orang yang mengerjakan maksiat dan siksa bagi orang yang mengerjakan taat, nescaya harus pada akal kerana tiada ditanyakan daripada barang yang diperbuatNya dan mereka itu yang ditanyai akan mereka itu.

Tanbih: Telah muafakat oleh mereka itu atas bahawa anak Adam itu diberi pahala akan mereka itu dan diazab akan mereka itu. Dan adapun segala malaikat dapat nikmat bagi mereka itu dan tiada diazab akan mereka itu. Dan adapun jin, maka sungguhnya telah muafakat ulama atas bahawa yang kafir daripada mereka itu diazab akan dia di dalam akhirat. Dan bersalahan ulama pada yang mukmin daripada mereka itu atas beberapa qaul. Maka kata qil: Bahawa mereka itu seperti manusia, maka diberi pahala akan mereka itu atas taat dan diazab akan mereka itu atas maksiat. Dan kata qil: Tiada pahala bagi mereka itu melainkan kelepasan daripada neraka. Kemudian dikatakan bagi mereka itu: Jadilah olehmu akan tanah seperti segala binatang. Dan kata qil: Adalah mereka itu pada tepi syurga yang melihat akan mereka itu oleh manusia daripada sekra-kira tiada melihat oleh mereka itu akan manusia *'akas* barang yang adalah mereka itu atasnya di dalam dunia ini. Dan kata qil: Adalah mereka itu pada bukit A'raf.[]

4

BAB KEEMPAT

DALIL DAN BURHAN BAGI SEMUA SIFAT YANG TELAH DIBICARAKAN DAHULU

Dan tatkala selesai oleh *musannif* daripada berkata-kata atas 'aqa'id yang bergantung dengan Allah Ta'ala, mengambil ia berkata-kata atas segala dalilnya atas tertib yang dahulu. Tetapi dalil tiap-tiap sifat itu mentsabit ia akan dia dan menafikan lawannya. Dan segala dalil sifat Ma'nawiyah itu ialah segala dalil sifat Ma'ani. Dan ketahui daripada demikian itu bahawasa burhan wujud itu mentsabit ia akan dia dan menafi ia akan *'adam*. Dan burhan Qidam mentsabit ia akan dia dan menafi ia akan *huduth*. Dan demikianlah hingga akhir sifat Salbiyah. Dan bahawasanya burhan Qudrat mentsabit ia akan dia dan menafikan lawannya dan mentsabit ia akan الْكَوْنُ قَادِرًا dan menafikan lawannya. Dan burhan Iradat mentsabit ia akan dia dan menafi ia akan lawannya dan mentsabit ia akan الْكَوْنُ مُرِيْدًا dan menafi ia akan lawannya. Dan demikianlah hingga akhirnya



dan kerana demikian itu tiada mendatang oleh *musannif* bagi segala dalil segala lawan dan tiada bagi segala dalil Ma'nawiyah.

Dan bermula burhan dan dalil bersamaan keduanya. Dan kata qil: Ia terlebih أَخَصٌّ daripada dalil kerana bahawasanya tertentu ia dengan yang bersusun daripada dua muqaddimah yang yakin keduanya. Bersalahan dalil, maka bahawasanya adalah ia yang bersusun dan yang tiada bersusun dan *qath'i* dan *zhanni*. Dan ini ialah yang shahih.

Dan telah terdahulu sebut bahawasanya adalah had makrifah yang wajib atas mukallaf itu iaitu jazam yang muafakat bagi hak serta dalil. Maka adalah yang telah tersebut itu sunyi daripada dalil, maka tiada dinamakan makrifah, maka berkehendak menyatakan dalil. Maka sekarang hamba hendak menyebutkan dalil naqli bagi tiap-tiap 'aqidah terdahulu atas dalil aqli kerana mengambil berkat dengan Qur'an al-'Azim. Dan berkata hamba: Adapun dalil naqli yang menunjukkan atas wujud Allah Ta'ala itu firmanNya:

..... أَفِي ٱللَّهِ شَكٌّ ..... ﴿١٠﴾

Ertinya: *Adakah pada wujud Allah itu syak.* **(Surah Ibrahim: Ayat 10)**

Yakni tiada syak sekali-kali pada ada Allah Ta'ala itu. Dan lagi firmanNya:

خَلَقَ ٱللَّهُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ ..... ﴿٤٤﴾

Ertinya: *Telah menjadikan oleh Allah Ta'ala akan tujuh petala langit dan bumi.* **(Surah al-Ankabut: Ayat 44)**

Dan adapun dalil aqli, maka iaitu kata *musannif*:

وَأَمَّا بُرْهَانُ وُجُوْدِه تَعَالَى فَحُدُوْثُ الْعَالَمِ، لأَنَّهُ لَوْ لَمْ يَكُنْ لَهُ مُحْدِثٌ بَلْ حَدَثَ بِنَفْسِه لَزِمَ أَنْ يَكُوْنَ أَحَدُ الأَمْرَيْنِ الْمُتَسَاوِيَيْنِ مُتَسَاوِيًا لِصَاحِبِه رَاجِحًا عَلَيْهِ بِلاَ سَبَبٍ، وَهُوَ مُحَالٌ. وَدَلِيْلُ حُدُوْثِ الْعَالَمِ مُلاَزَمَتُهُ

لِلأَعْرَاضِ الْحَادِثَةِ مِنْ حَرَكَةٍ وَسُكُوْنٍ وَغَيْرِهِمَا، وَمُلاَزِمَةُ الْحَادِثِ حَادِثٌ. وَدَلِيْلُ حُدُوْثِ الأَعْرَاضِ مُشَاهَدَةُ تَغَيُّرِهَا مِنْ عَدَمٍ إِلَى وُجُوْدٍ وَمِنْ وُجُوْدٍ إِلَى عَدَمٍ.

Dan a*dapun dalil tanda ada Allah Ta'ala itu, maka baharu alam ini kerana bahawasanya jikalau tiada ada baginya, yakni bagi alam ini orang yang membaharukan dia tetapi baharu ia dengan sendirinya, nescaya lazimlah bahawa ada salah suatu daripada dua pekerjaan yang bersamaan keduanya, bersamaan ia bagi taulannya lagi lebih ia atas taulannya dengan tiada sebab dan iaitu mustahil. Dan dalil baharu alam itu yakni jirim melazimnya bagi 'aradh yang baharu daripada gerak dan diam dan lain daripada keduanya, seperti berhimpun dan bercerai dan segala warna dan yang melazimkan bagi yang baharu itu baharu pula. Dan dalil baharu segala 'aradh itu nyata dilihat berubah-ubahnya daripada tiada kepada ada dan daripada ada kepada tiada.*

Dan adalah pada kalam *musannif* itu ditakdirkan dua jumlah seolah-olah berkata ia: Bermula alam ini baharu dan tiap-tiap yang baharu itu tak dapat tiada ada baginya daripada orang yang membaharukan dia. Maka natijahnya alam ini ada orang yang membaharukan dia, maka yang membaharu akan dia itu Allah Ta'ala kerana diambil daripada khabar Rasul bahawa orang yang menjadikan alam ini Allah Ta'ala. Dan makna baharu itu kedatangan wujudnya kemudian dan dahulunya itu 'adam, maka Allah Ta'ala jua yang mengeluarkan dia daripada 'adam kepada wujud. Dan *murad* dengan alam di sini yakni pada kata musannif dan dalil baharu alam itu tertentu segala jirim jua, ertinya tiada masuk 'aradh kerana bahawasanya mengambil dalil oleh sekalian Ahli al-Tauhid atas baharu alam ini dengan baharu sekalian 'aradh. Dan jikalau adalah 'aradh itu masuk pada alam, nescaya jadi bersuatu dalil dan madlul dan yang demikian itu tiada sah dalilnya.

Dan adapun wujud alam ini jadi dalil bagi wujud Tuhan yang menjadikan dia kerana tiada tasawwur pada nazhar akal bahawa alam ini ada ia dengan sendirinya kerana kata *musannif* jikalau baharu ia dengan sendirinya, nescaya lazim bahawa adalah salah

suatu daripada dua pekerjaan yang bersamaan keduanya bersamaan bagi taulannya, tiba-tiba lebih ia atas taulannya dengan sendirinya, yakni dengan tiada suatu sebab, maka iaitu mustahil kerana tiada diterima oleh akal.

Dan *murad* dengan dua pekerjaan itu wujud dan 'adam. Dan *murad* dengan salah suatu daripada keduanya itu wujud. Dan *murad* dengan taulannya itu 'adam. Dan ini dibinakan atas bahawa wujud dan 'adam dengan ditilik kepada zat mumkin itu bersamaan keduanya dan iaitulah qaul yang masyhur. Dan yang lazim atas qaul ini jikalau tiada ada bagi alam itu *muhdith* tetapi jadi ia dengan sendirinya, nescaya lazim berat oleh salah suatu daripada dua yang bersamaan keduanya dengan tiada suatu sebab dan iaitu mustahil kerana barang yang tsabit padanya daripada berhimpunan dua yang berlawanan iaitu رَجْحَانٌ dan مُسَاوَاةٌ ertinya berat sebelah dan bersamaan beratnya dan bandingan yang demikian itu neraca yang bersamaan dua daunnya, tiba-tiba berat salah suatu daripada keduanya atas yang satu lagi itu dengan tiada suatu sebab yang memberatkan dia.

Dan kata *musannif*: Dan dalil baharu alam ini iaitu melazimnya bagi sekalian 'aradh yang baharu itu pada takdir jumlah sughra yang berkata ia: Bermula segala jirim itu melazimkan bagi segala 'aradh yang baharu. Dan katanya: Dan yang melazimkan bagi yang baharu itu baharu pula pada takdir jumlah kubra yang berkata ia: Dan tiap-tiap barang yang melazimkan yang baharu itu baharu. Maka jadilah tertib dalil itu seperti katanya: Bermula segala jirim iu melazim bagi segala 'aradh yang baharu. Dan tiap-tiap barang yang melazimkan bagi yang baharu itu baharu pula. Dan natijahnya: Bermula segala jirim itu baharu.

Dan katanya daripada gerak dan diam dan lain daripada keduanya itu bayan bagi segala 'aradh yang baharu. Dan hanyasanya menentukan ia akan gerak dan diam dengan men*tashrih*kan dengan keduanya kerana bahawa melazim segala jirim bagi keduanya itu dharuriyah, mudah mendapat bagi tiap-tiap yang mempunyai akal.

Dan katanya: Dan yang melazimkan bagi yang baharu itu baharu pula, ertinya kerana bahawa yang melazimi akan sesuatu itu tiada sah bahawa mendahulu ia akan sesuatu itu kerana jikalau mendahulu ia akan dia, nescaya ternafi berlazim-laziman dan iaitu menyalahi kehendak.

Dan katanya: Dan dalil baharu segala 'aradh itu dipandang nyata berubah-ubahnya. Bermula taqrir bahawa dalil itu dikatanya: Bermula dalil baharu segala 'aradh itu dipandang akan dia berubah-ubah daripada wujud kepada 'adam dan *'akas*nya. Dan tiap-tiap barang yang ada ia seperti demikian itu, maka iaitu baharu dan natijahnya segala 'aradh itu baharu.

Dalil Menunjukkan Jirim itu Baharu

Dan ketahui olehmu, dalil baharu segala jirim itu terhenti ia atas itsbatkan *za'id* (tambahan) atas segala jirim. Dan murad dengan *za'id* itu segala 'aradh. Dan atas itsbatkan berlazim-laziman antara keduanya dan atas membatalkan segala *hawadith* yang tiada awal baginya. Dan bermula demikian itu kerana bahawa orang yang membantah itu terkadang berkata ia: Tiada kami benarkan bahawa di sana itu *za'id* atas segala jirim. Maka kita batalkan akan dia dengan nyata dipandang dari kerana tiada daripada orang yang berakal melainkan mendapat ia akan bahawa ada bagi zatnya suatu yang *za'id* atasnya. Maka berkata *khasam* itu yakni orang yang membantah itu: Kami benarkanlah akan yang demikian itu tetapi tiada kami benarkan berlazim-laziman antaranya dan antara segala jirim. Maka kita batalkan akan dia dengan musyahadah ketiadaan bercerai tanggal. Maka berkata *khasam* itu pula: Kami benarkanlah akan yang demikian itu, tetapi tiada kami benarkan menunjuk ia atas baharu segala jirim kerana ihtimal bahawa ada ia jirim itu Qadim. Dan demikian *za'id* itu baharu yang tiada awal baginya kerana tiada daripada gerak melainkan dahulunya itu gerak. Dan seperti demikian itulah selama-lamanya. Maka adalah ia baharu dengan شَخْصٌ qadim ia dengan نَوْعٌ nya dengan makna bahawa suatu bagi gerak itu Qadim dan شَخْصٌ baharu. Maka kita batalkan akan

dia dengan beberapa perkara, setengah daripadanya bahawasanya tiada wujud bagi نَوْعٌ itu melainkan di dalam kandungan شَخْصٌ nya. Maka apabila adalah شَخْصٌ itu baharu, nescaya lazimlah bahawa adalah نَوْعٌ itu seperti demikian itu jua. Maka batallah segala yang baharu tiada awal baginya.

Dalil Menunjukkan 'Aradh Itu Baharu

Dan dalil baharu segala 'aradh itu terhenti ia atas membatalkan berdiri 'aradh dengan sendirinya dan membatal berpindah ia kepada yang lainnya dan membatalkan tersembunyinya dan membatalkan bahawa yang Qadim itu menerima *'adam*. Dan bermula yang demikian itu kerana *khasam* itu terkadang menegah ia bahawa segala 'aradh itu berubah ia daripada *'adam* kepada wujud dan *'akas*nya.

Maka bermula gerak kemudian daripada *sukun* umpamanya itu tiada ada ia ma'dum. Kemudian didapatkan dia tetapi ada ia maujud dahulu daripada demikian itu. Maka kita kata baginya: Adakah ia berdiri pada ketika itu dengan sendirinya atau ia berpindah daripada suatu tempat kepada tempat yang lain atau tersembunyi ia pada tempat itu? Maka jikalau ada ia *surah* (gambaran) yang pertama, yakni berdiri sendirinya, nescaya lazim berdiri 'aradh dengan sendirinya dan iaitu batil. Dan jikalau ada ia *surah* yang kedua, maka iaitu seperti demikian itu jua kerana bahawasanya lazim berdiri 'aradh itu dengan sendirinya pada *lahzah* berpindahnya. Dan jikalau ada *surah* yang ketiga, nescaya lazim berhimpun dua yang berlawanan dan iaitu batil. Maka berkata ia: Kami benarkanlah akan yang demikian itu tetapi tiada kami benarkan bahawasanya menunjukkan ia atas baharunya kerana *ihtimal* bahawa ada ia Qadim dan berubah ia daripada 'adam kepada wujud dan *'akas*nya. Maka kita batalkan dia dengan bahawa yang Qadim itu tiada menerima 'adam.

Dan bermula segala perkara ini dinamakan dia *mathalib* yang tujuh dan dengan sebab mengenal akan dia itu lepaslah mukallaf daripada segala pintu neraka Jahanam yang tujuh seperti barang yang berkata akan dia oleh *musannif* dengan katanya. Dan tiada mengetahui akan *mathalib* yang tujuh itu melainkan orang yang

rasikh pada ilmunya, yakni orang yang sangat mahir ilmunya. Dan sungguhnya telah isyarat baginya oleh setengah mereka itu dengan katanya:

زَيْدٌ مَقَامَ مَا انْتَقَلْ مَا كَمُنَا * مَا انفَكَّ لاَ عَدَمَ قَدِيْم لاَحنَا

Ertinya: *Bermula pekerjaan yang lebih itu tiada berdiri ia dengan sendiri, dan tiada berpindah ia daripada suatu kepada suatu zat dan tiada tersembunyi ia padanya,*

Dan tiada tanggal daripada zat dan tiada 'adam bagi yang Qadim dan tiada bagi segala yang baharu yang tiada berpermulaan baginya.

Dalil Qidam

Dan adapun dalil Qidam bagi Allah, firmanNya Ta'ala:

هُوَ ٱلْأَوَّلُ وَٱلْآخِرُ ..... ﴿٣﴾

Ertinya: *Ia jua yang awal dan yang akhir.* **(Surah al-Hadid: Ayat 3)**

Dan makna awal itu tiada permulaan dan akhir itu tiada kesudahan. Dan dalil aqli seperti kata Syeikh Radhiyallahu 'anhu:

وَأَمَّا بُرْهَانُ وُجُوْبِ الْقِدَمِ لَهُ تَعَالَى فَلأَنَّهُ لَوْ لَمْ يَكُنْ قَدِيْمًا لَكَانَ حَادِثًا، فَيَفْتَقِرُ إِلَى مُحْدِث فَيَلْزَمُ الدَّوْرُ أَوِ التَّسَلْسُلُ.

Dan adapun tanda wajib Qidam bagi Allah Ta'ala itu, maka kerana bahawasanya jikalau tiada ada ia Qadim, nescaya adalah ia baharu dan jikalau ada ia baharu, nescaya berkehendak kepada orang yang membaharukan dia, maka lazim jadi daur atau tasalsul.

Bermula burhan ini tiada sempurna ia melainkan dengan tiga qiyas. Dan aturannya itu dikatakan jikalau tiada ada Ia Qadim, nescaya adalah Ia baharu kerana tiada ada yang menengahi antara keduanya tetapi keadaanNya baharu itu mustahil dari kerana jikalau ada Ia baharu, nescaya berkehendak Ia kepada orang yang

membaharukan Dia. Tetapi berkehendak kepada orang yang membaharukan Dia itu mustahil dari kerana jikalau berkehendak Ia kepada orang yang membaharukan Dia, nescaya lazim *daur* atau *tasalsul*.

Dan bermula keduanya itu mustahil, maka barang yang membawa ia kepada keduanya itu dan iaitu berkehendakNya kepada orang yang membaharukan Dia itu mustahil. Maka barang yang membawa ia kepada berkehendak itu dan iaitu keadaanNya baharu itu mustahil. Maka barang yang membawa ia kepadanya dan iaitu tiada keadaanNya Qadim mustahil, maka tetaplah نَقِيْضِ nya (lawannya) dan iaitulah yang dituntut.

Maka makna *daur* itu:

تَوَقُّفُ شَيْءٍ عَلَى شَيْءٍ يَتَوَقَّفُ عَلَيْهِ، إِمَّا بِمَرْتَبَتَيْنِ أَوْ مَرَاتِبٍ

Ertinya: *Terhenti suatu atas suatu yang terhenti ia atasnya yakni terhenti* شَيْء *yang kedua itu atas* شَيْء *yang pertama dan terhenti pula* شَيْء *yang pertama atas* شَيْء *yang kedua, adakalanya dengan dua martabat pada dua atau beberapa martabat pada yang terlebih banyak daripada demikian itu.*

Misalnya umpama Zaid menjadikan ia akan 'Amr dan 'Amr itu menjadi ia akan Zaid, maka yang demikian itu tiada dapat tasawwur pada akal sekali-kali kerana yang menjadikan itu terdahulu ia daripada yang dijadikan. Maka manakala tsabit 'Amr itu dijadikan oleh Zaid, maka betapa 'Amr itu boleh menjadikan Zaid kerana ia kemudian daripada Zaid. Dan yang kemudian itu betapa dapat ia menjadikan akan orang yang dahulu. Maka terhenti 'Amr itu atas Zaid yang terhenti pula wujud Zaid itu atas 'Amr. Dan qiyaslah pada *daur* yang lebih daripada dua martabat seperti itu jua perkataannya.

Dan erti *tasalsul* itu iaitu:

تَرَتُّبُ أُمُوْرٍ غَيْرِ مُتَنَاهِيَةٍ

Ertinya: *Peraturkan beberapa pekerjaan yang tiada berkesudahan.*

Yakni berkehendak satu kepada satunya hingga tiada kesudahannya. Maka yang demikian itu pun mustahil pula kerana membawa kepada tiada Tuhan. Maka batallah *daur* dan *tasalsul*, maka tetaplah QidamNya dan apabila tetap QidamNya, mustahil atasNya baharu, iaitulah yang kita tuntut, wallahu a'lam.

Dalil Baqa'

Dan adapun dalil Baqa' itu, maka iaitu firman Allah Ta'ala:

وَيَبْقَىٰ وَجْهُ رَبِّكَ ذُو ٱلْجَلَٰلِ وَٱلْإِكْرَامِ ﴿٢٧﴾

Ertinya: *Dan kekal oleh zat Tuhan engkau Ya Muhammad, Tuhan yang mempunyai kebesaran dan kemuliaan.* **(Surah al-Rahman: Ayat 27)**

Dan adapun dalil aqli, maka iaitu seperti kata Syeikh Radhiyallahu 'anhu:

وَأَمَّا بُرْهَانُ وُجُوْبِ الْبَقَاءِ لَهُ تَعَالَى فَلأَنَّهُ لَوْ أَمْكَنَ أَنْ يَلْحَقَهُ الْعَدَمُ لاَنْتَفَى عَنْهُ الْقِدَمُ لِكَوْنِ وُجُوْدِهِ حِيْنَئِذٍ يَصِيْرُ جَائِزًا لاَ وَاجِبًا، وَالْجَائِزُ لاَ يَكُوْنُ وُجُوْدُهُ إِلاَّ حَادِثًا، كَيْفَ وَقَدْ سَبَقَ قَرِيْبًا مِنْ وُجُوْبِ قِدَمِهِ تَعَالَى.

Ertinya: *Dan adapun tanda wajib Baqa' bagi Allah Ta'ala itu, maka kerana bahawasanya jikalau dapat dihubung akan dia oleh 'adam, nescaya nafi daripadanya Qidam kerana keadaanNya wujudNya pada ketika itu jadilah ia harus jua, tiada wajib. Dan yang harus itu tiada ada wujudnya melainkan baharu, betapa sah demikian itu nafi dan pada hal sungguhnya telah terdahulu sebut pada hal hampir lagi iaitu wajib Qidam bagi Allah Ta'ala.*

Ini dalil tiada *tamam* (sempurna) ia melainkan dengan dua qiyas dan aturan keduanya itu jikalau tiada wajib bagi Allah itu Baqa', nescaya dapat dihubungi akan Dia oleh *'adam,* tetapi dapat dihubungi akan Dia oleh *'adam* itu mustahil. Kerana bahawasanya

jikalau dapat dihubungi akan Dia oleh *'adam*, nescaya nafi daripadaNya Qidam, tetapi nafi daripadaNya Qidam itu mustahil kerana barang yang telah terdahulu daripada wajib Qidam bagiNya Ta'ala. Maka barang yang membawa ia kepadanya dan iaitu keadaannya baharu mustahil. Maka barang yang membawa ia kepadanya dan iaitu keadaannya harus wujudnya mustahil. Maka barang yang membawa ia kepadanya dan iaitu dapat dihubung *'adam* bagiNya Ta'ala mustahil. Maka barang yang membawa ia kepadanya dan iaitu ketiadaan wajib Baqa'Nya mustahil Baqa', maka tsabit نَقِيْضٌnya dan iaitu wajib Baqa'Nya Ta'ala dan iaitu yang dituntut.

Dan kata *musannif*:

وَقَدْ سَبَقَ قَرِيْبًا وُجُوْبُ قِدَمِهِ تَعَالَى

Dan sanya telah terdahulu hampir lagi iaitu wajib Qidam bagi Allah Ta'ala.

Itu diambil daripada yang demikian itu bahawa tiap-tiap orang yang wajib Qidamnya mustahil *'adam*nya. Dan tiada muafakat segala *'uqala'* (golongan yang berakal) atas masalah i'tiqad ketuhanan itu melainkan ini kaedah yang *kulliyyah* (menyeluruh). Dan di*i'tiradh*kan atas kaedah ini bahawa *'adam* kita yang azali itu, maka bahawasanya wajib Qidamnya dan tiada mustahil *'adam*nya. Dan dijawab akan dia dengan bahawa kaedah itu difardukan pada suatu yang wujudi jua.

Dalil Mukhalafatuhu Lil-Hawadith

Dan adapun dalil bersalahan Allah Ta'ala bagi segala yang baharu, maka iaitu firman Allah Ta'ala:

..... لَيْسَ كَمِثْلِهِۦ شَىْءٌ ۖ وَهُوَ ٱلسَّمِيعُ ٱلْبَصِيرُ ﴿١١﴾

Ertinya: *Tiada seumpama Allah Ta'ala itu sesuatu dan iaitu yang amat mendengar lagi amat melihat.* **(Surah al-**

Syura: Ayat 11)

Dan lagi firmanNya:

وَلَمۡ يَكُن لَّهُۥ كُفُوًا أَحَدُۢ ﴿٤﴾

Ertinya: *Dan tiada ada bagi Allah itu sebangsa seorang jua pun.* **(Surah al-Ikhlas: Ayat 4)**

Dan dalil aqal seperti kata *musannif* Radhiyallahu 'anhu:

وَأَمَّا بُرْهَانُ وُجُوْبِ مُخَالَفَتِهِ تَعَالَى لِلْحَوَادِثِ فَلِأَنَّهُ لَوْ مَاثَلَ شَيْئًا مِنْهَا لَكَانَ حَادِثًا مِثْلَهَا وَذٰلِكَ مُحَالٌ لِمَا عَرَفْتَ قَبْلُ مِنْ وُجُوْبِ قِدَمِهِ تَعَالَى وَبَقَائِهِ

Dan adapun tanda wajib bersalahan Allah Ta'ala bagi segala yang baharu ini, maka kerana bahawasanya jikalau bersamaan Ia akan suatu daripada yang baharu ini, nescaya adalah Ia baharu seumpamanya. Dan yang demikian itu mustahil kerana barang yang telah engkau ketahui dahulu daripada wajib QidamNya dan Baqa'Nya.

Bermula burhan ini tiada sempurna ia melainkan dengan dua qiyas dan aturan keduanya itu jikalau tiada ada Ia bersalahan bagi segala baharu ini, nescaya adalah Ia bersamaan baginya tetapi keadaan bersamaan bagiNya itu mustahil kerana bahawasanya jikalau bersamaan Ia akan suatu daripadanya, nescaya adalah Ia baharu seumpamanya tetapi keadaanNya baharu itu mustahil.

Adapun bersamaan bagi yang baharu jadi baharu itu kerana bahawa sekalian barang yang tsabit bagi salah suatu daripada dua yang seumpama itu tsabit ia bagi taulannya. Ertinya bahawasanya tiap-tiap dua yang seumpama itu tak dapat tiada bahawa wajib bagi tiap-tiap satu daripada keduanya itu barang yang wajib bagi taulannya. Dan harus atasnya barang yang harus atas taulannya dan mustahil atasnya barang yang mustahil atas taulannya.

Dan sungguhnya telah wajib bagi segala yang baharu itu baharu sama ada jirim atau 'aradh. Maka jikalau bersamaan Allah Ta'ala

akan segala yang baharu itu, nescaya wajiblah bagiNya barang yang wajib baginya daripada baharu dan mustahil Qidam dan harus pula bagiNya wujud dan *'adam*.

Dan dii'tiradh atas *musannif* bahawa katanya: Jikalau bersamaan Allah itu akan sesuatu daripada yang baharu, nescaya jadi baharu Ia seumpamanya. Maka yang demikian itu tiada lazim ia kerana bahawa yang lazim atas *mumatsalah* itu adakalanya Qidam yang baharu itu atau jadi baharu yang Qadim itu. Maka bermula yang lazim atas *mumatsalah* itu salah suatu daripada dua pekerjaan tiada khusus yang kedua jua seperti barang yang menghendaki akan dia oleh perbuatanNya itu.

Dan dijawab akan dia dengan bahawa murad jikalau bersamaan Ia akan sesuatu daripadanya dengan bahawa bersifat Ia dengan suatu daripada barang yang mewajibkan baharu dengan bahawa ada ia jirim atau 'aradh atau umpama yang demikian itu dengan qarinah katanya pada barang yang telah lalu.

Dan bermula *mumatsalah* bagi segala yang baharu itu seperti bahawa ada ia jirim hingga akhir perkara yang sepuluh dan tiada syak bahawa *mumatsalah* dengan makna ini melazimkan baharu, maka *ta'ammul*kan olehmu.

Kata Syeikh Suhaimi Rahimahullah: Ia naqal daripada kalam *musannif*. Terkadang didatangkan oleh syaitan di dalam waham manusia akan rupa yang menghendaki ia dengan dia akan Allah Ta'ala atas ini rupa atau dikhayalkan pada wahamnya, yakni terkadang syaitan menjatuhkan pada hati manusia akan keadaan rupa Allah itu bagian-bagian atau perasakan bagi Allah itu mempunyai tempat atau mempunyai jihah seperti ada bagiNya beranggota kanan dan kiri dan belakang dan hadapan dan atas dan bawah atau adalah Allah Ta'ala itu hampir atau jauh atau di dalam alam atau di luar alam. Maka jika datang was-was seperti demikian itu, maka hendaklah mengetahui oleh orang yang mempunyai akal bahawasanya tiap-tiap barang yang dijatuh oleh syaitan pada waham seorang manusia itu, hanyasanya daripada alam jua.

Dan Allah Ta'ala itu tiada Ia daripada alam pada suatu kerana bukan Ia daripada nur dan bukan Ia daripada ظُلْمَة (kegelapan). Dan hendaklah kita jagakan sungguh-sungguh bahawasa syaitan

yang menjatuhkan khayal pada waham kita itu tiada ia mengetahui dengan hakikat Tuhan kita dan tiada melihat baginya atas hakikat Allah kerana telah maklum كُنْهُ zat Allah Ta'ala itu terdinding pengetahuan sekalian makhluk. Dan jikalau Nabi yang mursal atau malaikat yang muqarrabin sekalipun, maka betapa lagi syaitan yang mal'un yang sangat derhaka kepada Allah itu boleh mengetahui akan كُنْهُ zatnya hingga boleh ia menjatuhkan rupa Allah Ta'ala di dalam zihin (fikiran) seorang.

Dan apabila kita ketahui bahawa syaitan itu tiada ia melihat atasNya, nescaya ketahui kita bahawasanya tiada dapat akan dia merupakan Dia dan betapa ia merupakan Tuhan yang tiada mempunyai rupa sekali-kali dan tiada pula syaitan itu dapat jalan mengenal akan Tuhan sekali-kali. Maka sehingga-hingga barang yang jatuh pada waham engkau dan khayal engkau itu barang yang dilihatnya daripada segala jirim yang *'ulwiyat* dan yang *sufliyat* dan barang yang didengarkan dia daripada segala khabar seperti 'Arasy dan syurga dan sungainya dan pohon kayunya. Dan barang yang dilintas akan dia seperti segala bukit daripada yaqut dan laut daripada resa.

Dan bermula sekalian yang demikian itu baharu atau *ma'dum* dan Allah Subhanahu wa Ta'ala itu tiada baharu dan tiada *ma'dum*. Maka apabila engkau lawan akan dia dengan dalil dan burhan, maka dihujahkannya pula akan kamu dengan katanya: Jikalau tiada Allah Ta'ala itu bertempat bagian-bagian, maka di mana Ia? Dan jikalau tiada Ia atas rupa bagian-bagian, maka betapa Ia? Padahal kehendaknya syaitan itu dengan demikian itu hendak menafikan yang menjadikan alam dan menghampakan perbuatan atas *shani'*. Maka hendaklah engkau jawab akan dia dengan kata engkau: Tiada mengenal akan Allah melainkan Allah.

Dan agama itu dua: Pertama: Iman. Dan kedua: Kufur. Dan bagi akal itu ada sekatnya yang dihadkan oleh Allah Ta'ala, tiada dapat melampaukan daripada hadnya.

Bermula lemah kita daripada mendapat akan hakikatnya itulah mendapat. Yakni tiada kita ketahui akan hakikatnya itu dinamakan mengetahui dan tiada lazim daripada ketiadaan mendapat akan dia oleh akal kita itu tiada ada ia dan hanyasanya telah berdiri dalil atas tsabitNya Ta'ala dengan memerintahnya pada makhluk

betapa kehendak ia daripada mengadakan dan meniadakan dan menghidupkan dan mematikan dan meluas dan mempicitkan (menyempitkan).

Dan demikian lagi datang pengajaran yang jahat daripada syaitan manusia akan hakikat Allah Ta'ala itu bagian-bagian dan i'tiqad yang batil, maka hendaklah kita jagakan dia supaya jangan kita kena perdayanya dengan pengajaran yang jahat dan i'tiqad yang batil itu dan supaya terpelihara kita daripada demikian itu kerana banyaklah sekarang manusia yang menyesatkan yang awam al-Muslimin dengan mengajarkan ilmu yang batin yang membawa kepada *Riddah.* Maka berlindung kita dengan Allah daripadanya dan daripada kejahatan pengajaran mereka itu.

Tanbih: Hai segala saudara yang muslimin, hendaklah kita bersungguh-sungguh mengetahui akan dalil mukhalafah ini kerana dengan dialah boleh menolakkan sebesar-besar fitnah dunia dan fitnah akhirat dan segala syubhah yang didatangkan oleh orang yang sesat dengan bagai-bagai *adhlal*nya yang dinamai akan mereka itu Dajajil.

Adapun yang terlebih besar fitnah pada dunia, maka iaitu Dajjal kerana ia mendakwakan ketuhanan. Maka ialah seorang yang muda yang tiada janggutnya dan ada baginya misai dan buta matanya sebelah. Kata setengah mata kiri dan kata setengah tiada tertentu mata yang kiri yang buta itu kerana berganti-ganti yang buta itu, pada satu waktu buta pada pihak kiri dan pada satu waktu yang lain buta pihak kanan, maka matanya itu sangat timbul bijinya seperti buah *'inab* (anggur). Maka tiada ada bandingan seperti demikian mata itu, lagi tambun tubuhnya dan tingginya delapan puluh hasta dan lebar antara dua belikatnya itu tiga puluh hasta dan panjang dahinya dua hasta dan ada baginya tanduk panah pada kepalanya. Maka keluar daripadanya beberapa ular dan rambut kepalanya itu seperti cawang kayu dan panjang tangannya sebelah daripada yang satunya mencapai ia akan awan dengan tangannya dan mengambil ikan ia di pantat laut dan dibakarnya kepada matahari dan berjalan ia di dalam laut hingga tumitnya jua. Dan keluar ia daripada negeri Khurasan dan berteriak ia tiga kali, mendengar akan dia oleh ahli Masyriq dan ahli Maghrib dan dilipat akan bumi baginya, yakni disingkatkan bumi itu baginya hingga beberapa jauh sekalipun

dapat ia berjalan dengan satu saat umpamanya. Dan ada baginya seekor himar yang terpotong ekornya, putih warnanya dan antara dua telinga himar itu empat puluh hasta dan kata qil: tujuh puluh hasta. Dan dapat bernaung di bawah salah suatu daripada dua telinganya tujuh puluh orang dan satu langkahnya itu perjalanan tiga hari.

Maka ditaruh di atas belakangnya itu mimbar daripada tembaga, maka duduk ia di atasnya dan mengikut akan dia beberapa jemaah daripada jin dan manusia yang mempunyai permainan yang sia-sia sekaliannya. Dan dipukul akan gendang di hadapannya dan عِيْدَان (keramaian), maka tiada mendengar akan yang demikian itu oleh seorang melainkan mengikut akan dia. Maka disuruhnya akan awan hujan, maka hujan ia dan disuruhnya sungai mengalir ia kepadanya, maka mengalir ia dan disuruhnya kembali, maka kembali ia. Maka jikalau disuruhnya kering, maka kering ia dan menyuruh ia akan bumi tumbuh, maka tumbuh ia dan disuruh keluar bendaharaan daripada bumi itu, maka keluar bendaharaannya dan lagi sertanya beberapa bukit daripada roti dan makanan dan segala manusia pada waktu itu di dalam masyaqqah daripada ketiadaan makanan melainkan orang yang mengikut akan dia dan sertanya syurga dan neraka. Maka kedunya itu rupa-rupaan jua, bukan syurga dan neraka yang sebenarnya kerana api neraka itu sungai air tawar lagi sejuk. Dan mendakwa ia akan ketuhanan dan menyeru ia akan manusia kepada beriman dengan dia dan sertanya dua malaikat, salah seorang pada pihak kanan dan yang satu lagi pihak kirinya menyerupa oleh keduanya dengan dua Nabi. Kata setengah ulama, yang ghalib pada zhanku bahawasanya 'Isa dan Muhammad. Maka apabila berkata Dajjal itu: Tiadakah aku Tuhan kamu, aku menghidupkan dan mematikan. Kata salah seorang daripada keduanya: Dusta engkau. Dan tiada mendengar akan dia oleh seorang daripada manusia melainkan taulannya, yakni melainkan yang mendengarnya malaikat yang satu lagi itu. Maka berkata malaikat yang mendengar itu bagi taulannya itu: صَدَقْتَ, yakni benar engkau. Maka mendengar oleh manusia akan kata malaikat yang berkata: Benar engkau. Maka menyangka oleh mereka itu bahawasanya membenar ia akan Dajjal pada hal ia membenarkan akan orang yang berkata: Dusta engkau itu.

Maka orang yang tiada padanya dalil *mukhalafah* mengikrarkan ia baginya dengan ketuhanannya seperti Yahudi dan segala perempuan dan A'rab. Maka berkata ia bagi seorang: Adakah aku khabar akan dikau, jika aku bangkitkan bagi kamu bapa kamu dan ibu kamu, adakah engkau naik saksi bahawasa aku Tuhan kamu. Maka berkata mereka itu: Bahkan. Maka rupa oleh dua syaitan pada rupa bapanya dan ibunya. Maka berkata keduanya: Hai anakku, ikut olehmu akan dia, maka bahawasanya ialah Tuhan kamu. Dan orang yang teguh berpegang dengan dalil *mukhalafah*, ingkar ia akan ketuhanannya kerana bahawasanya ia jisim yang berlaku atasnya oleh barang yang berlaku atas segala jisim seperti lemah kerana bahawasanya lemah ia pada akhir pekerjaannya, yakni tiada dapat daripada menzahirkan suatu yang mencarikkan bagi adat dan dibunuh akan dia oleh Nabi 'Isa anak Maryam dan lagi buta matanya sebelah. Maka kerana inilah sabda Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam:

يَا عِبَادَ اللهِ! اثْبُتُوْا، فَإِنَّهُ سَأَصِفُهُ: أَيْ الدَّجَّالَ – لَكُمْ صِفَةً لَمْ يَصِفْهَا إِيَّاهُ نَبِيٌّ قَبْلِي، فَيَقُوْلُ: أَنَا نَبِيٌّ وَأَنَّهُ لَا نَبِيَّ بَعْدِي ثُمَّ يَثْنِي فَيَقُوْلُ: أَنَا رَبُّكُمْ وَلَنْ تَرَوْا رَبَّكُمْ حَتَّى تَمُوْتُوْا، وَإِنَّهُ أَعْوَرُ، وَإِنَّ رَبَّكُمْ لَيْسَ بِأَعْوَرَ، وَإِنَّهُ مَكْتُوْبٌ بَيْنَ عَيْنَيْهِ كَافِرٌ يَقْرَؤُهُ كُلُّ مُؤْمِنٍ كَاتِبٌ وَغَيْرُ كَاتِبٍ ..... الحديث

Ertinya: *Hai hamba Allah! Tetapkan oleh kamu yakni atas agama kamu yang sebenar, maka bahawasanya lagi akan aku sifatkan dia erti akan Dajjal bagi kamu akan sebagai sifat yang tiada mensifatkan akan dia oleh seorang Nabi yang dahulu daripada aku. Maka berkata ia: Aku Nabi dan bahawasanya tiada Nabi kemudian daripada aku, yakni ia mendakwa akan Nabi itu dusta semata-mata. Kemudian diulangkan pula akan kali yang kedua, maka berkata ia: Aku Tuhan kamu! Dan tiada kamu melihat akan Tuhan kamu hingga mati kamu. Dan bahawasanya ia buta sebelah dan Tuhan kamu tiada buta. Dan bahawasanya disuratkan antara dua matanya itu KAFIR dan erti antara dua mata itu pada dahinya dibacakan dia tiap-tiap mukmin yang menyurat dan yang tiada menyurat ..... hingga akhir hadis.*

Kata Syeikh Suhaimi: Bermula orang yang alim pada zaman

itu sedikit, maka kerana inilah datang warid daripada hadis tiada lepas daripada fitnah Dajjal itu melainkan dua belas ribu lelaki dan tujuh ribu perempuan.

Dan adapun fitnah yang terlebih besar pada akhirat, maka iaitu bahawasanya Allah Ta'ala menghimpunkan sekalian manusia pada hari kiamat. Maka firmanNya: Barang siapa ada ia menyembah akan suatu, maka hendaklah mengikut ia akan dia. Maka mengikut orang yang ada ia menyembah matahari akan matahari dan yang menyembah bulan mengikut akan bulan dan yang menyembah berhala, maka mengikut ia akan berhala kepada neraka. Tetapi dirupakan bagi orang yang menyembah Nabi 'Isa syaitan 'Isa dan dirupakan orang yang menyembah 'Uzair syaitan 'Uzair, maka mengikut oleh mereka itu akan kedua syaitan itu kepada neraka. Dan tinggal lagi umat ini, maka dikata bagi mereka itu: Apa yang kamu nanti dan sanya telah berjalan segala manusia. Maka berkata mereka itu: Bahawasanya adalah bagi kami Tuhan yang kami sembah akan dia pada dunia dan tiada kami lihat akan dia. Maka dikata orang akan mereka itu: Adakah kamu kenal akan Dia apabila kamu lihat akan Dia? Maka berkata mereka itu: Bahkan. Maka dikata akan mereka itu: Betapa kamu kenal akan Dia dan tiada kamu lihat akan Dia? Kata mereka itu: Tiada sebandingnya dengan suatu. Maka dinyatakan bagi mereka itu satu malaikat pada pihak kiri 'Arasy: Jikalau dijadikan air laut itu pada lubang kuku ibu tangannya, nescaya tiada limpah ia, maka berkata ia: Aku Tuhan kamu. Maka berkata mereka itu: Berlindung kami dengan Allah daripada kamu, tiada kami sekutukan dengan Tuhan kami suatu. Maka hampir-hampirlah orang yang taqlid itu bahawa berpaling i'tiqadnya. Maka nyata pula bagi mereka itu satu malaikat yang lain pula dengan suruh Allah Ta'ala pada pihak kanan 'Arasy: Jikalau dijadikan air laut yang empat belas itu pada lubang kuku ibu tangannya, tiada limpah, maka berkata ia akan mereka itu: Akulah Tuhan kamu. Maka berkata mereka itu: Berlindung kami dengan Allah daripada kamu.

Kemudian, maka tajalli Tuhan. Maka melihat oleh mereka itu akan Tuhan seperti barang yang ia i'tiqad, maka sujud oleh mereka itu dan tinggal segala kafir dan adalah belakang mereka itu seperti papan yang satu tiap-tiap berkehendak sujud mereka itu gugur atas belakangnya. Maka firman Allah Ta'ala: Hai

Hambaku, Akulah Tuhan kamu, angkat oleh kamu akan kepala kamu. Maka sungguhnya telah kami ganti tiap-tiap seorang lelaki kamu itu daripada Yahudi dan Nasara masuk ke dalam neraka, maka mengangkatkan oleh mereka itu akan kepala mereka itu dan muka mereka itu terlebih sangat putihnya daripada embun dan cemerlang cahayanya dihitamkan segala muka orang kafir. Dan berkata orang yang mukmin: Engkaulah Tuhan kami. Maka sahut ia: أَهْلاً بِكُمْ, ertinya: Dapat keluasan dengan kamu. Maka diberi tiap-tiap seorang akan nurnya atas kadar amalnya dan kadar mengikut suruhNya. Dan dibentangkan bagi mereka itu *Sirath al-Mustaqim* di atas Jahannam. Maka adalah Nabi Mustafa dan segala umatnya pertama-tama orang yang lalu di atasnya.

Dalil Qiyamuhu Binafsihi

Dan adapun dalil Qiyamuhu Binafsihi itu, maka iaitu firman Allah Ta'ala:

..... فَإِنَّ ٱللَّهَ غَنِيٌّ عَنِ ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿٩٧﴾

Ertinya: *Bahawa Allah Ta'ala itu kaya daripada sekalian alam.* **(Surah Ali-'Imran: Ayat 97)**

Maka maknanya Allah Ta'ala tiada berkehendak kepada suatu daripada fa'il yang menjadikan ia akan Dia. Dan dalil aqli itu iaitu seperti kata Syeikh Radhiyallahu 'anhu:

وَأَمَّا بُرْهَانُ وُجُوْبِ قِيَامِهِ تَعَالَى بِنَفْسِهِ فَلأَنَّهُ لَوِ احْتَاجَ إِلَى مَحَلٍّ لَكَانَ صِفَةً، وَالصِّفَةُ لاَ تَتَّصِفُ بِصِفَاتِ الْمَعَانِي وَلاَ الْمَعْنَوِيَّةِ، وَمَوْلاَنَا جَلَّ وَعَزَّ يَجِبُ اتِّصَافُهُ بِهِمَا فَلَيْسَ بِصِفَةٍ، وَلَوِ احْتَاجَ إِلَى مُخَصِّصٍ لَكَانَ حَادِثًا، كَيْفَ وَقَدْ قَامَ الْبُرْهَانُ عَلَى وُجُوْبِ قِدَمِهِ تَعَالَى وَبَقَائِهِ.

Ertinya: *Dan adapun tanda wajib berdiri Allah Ta'ala dengan sendirinya, maka kerana bahawasanya jikalau berkehendak Ia kepada zat, nescaya adalah Ia sifat dan sifat itu tiada bersifat ia dengan sifat Ma'ani dan tiada bersifat ia dengan sifat Ma'nawiyah dan Tuhan kita Jalla wa*

'Azza wajib Ia bersifat dengan keduanya, maka bukan Ia sifat. Dan jikalau berkehendak Ia kepada yang menjadikan, nescaya adalah Ia baharu. Betapa dan sungguhnya telah terdahulu berdiri dalil atas wajib Qidam Allah Ta'ala dan Baqa'Nya.

Dan sungguhnya telah engkau ketahui bahawa *musannif* berlaku ia pada barang yang telah terdahulu atas tafsir Qiyamuhu Ta'ala Binafsihi itu dengan ketiadaan berkehendaknya kepada zat dan dengan ketiadaan berkehendaknya kepada yang menjadikan dia dan kerana demikian itulah di*ifrad*kan ia akan tiap-tiap dengan dalil. Maka mengambil dalil ia atas yang pertama dengan katanya: Jikalau berkehendak ia kepada مَحَلّ (tempat), yakni kepada zat hingga akhir dan mengambil dalil atas yang kedua dengan katanya dan jikalau berkehendak ia kepada yang menjadikan dia hingga akhir tetapi musannif menghazafkan daripada tiap-tiap daripada kedua dalil itu akan qiyas yang pertama dan istisna' qiyas yang kedua kerana memada dengan dua dalil keduanya.

Maka aturan dalil yang pertama itu jikalau tiada ada Ia berdiri dengan sendirinya erti terkaya daripada zat, nescaya berkehendak Ia kepada zat yang berdiri Ia dengan dia. Tetapi berkehendakNya kepada zat itu mustahil kerana bahawasanya jikalau berkehendak Ia kepada zat, nescaya adalah Ia sifat, tetapi keadaanNya sifat itu mustahil.

Dan aturan dalil yang kedua itu jikalau tiada ada Ia berdiri dengan sendirinya, ertinya jikalau tiada ada Ia terkaya daripada yang menjadikan Dia, nescaya berkehendak Ia kepada yang menjadikan Dia. Tetapi berkehendakNya kepada yang menjadikan Dia itu mustahil kerana bahawasanya jikalau berkehendak Ia kepada yang menjadikan Dia, nescaya adalah Ia baharu, tetapi keadaanNya baharu itu mustahil.

Dan kata *musannif*: Dan sifat itu tiada bersifat ia dengan sifat Ma'ani dan tiada bersifat ia dengan sifat Ma'nawiyah, ertinya bersalahan sifat Nafsiyah seperti Wujud dan sifat Salbiyah seperti Qidam dan Baqa', maka bahawa sifat itu bersifat ia dengan keduanya. Yakni bahawasa sifat Ma'ani itu bersifat ia dengan Wujud dan iaitu sifat Nafsiyah dan bersifat ia dengan Qidam dan Baqa' dan keduanya daripada sifat Salbiyah.

Dan bermula dalil bahawa sifat itu tiada bersifat ia dengan segala sifat Ma'ani dan tiada bersifat ia dengan segala sifat Ma'nawiyah. Bahawasanya jikalau menerima ia akan sifat yang lain, nescaya lazimlah bahawa sifat yang lain itu menerima sifat yang lain pula kerana tiada berlainan antara keduanya hingga tiada berkesudahan selama-lamanya. Dan yang demikian itu *tasalsul* dan sungguhnya telah terdahulu bahawa *tasalsul* itu mustahil.

Dan kata *musannif*: Dan jikalau berkehendak Ia kepada yang menjadikan Dia, nescaya adalah Ia baharu, ertinya kerana bahawasanya tiada berkehendak bagi demikian itu melainkan yang baharu kerana yang Qadim itu tiada berkehendak kepada *fa'il* (pembuat) yang menjadikan Dia.

Dalil Wahdaniyah

Dan adapun dalil Wahdaniyah Allah Ta'ala, maka iaitu firmanNya Ta'ala :

وَإِلَـٰهُكُمْ إِلَـٰهٌ وَاحِدٌ ۖ ..... ﴿١٦٣﴾

Dan bermula Tuhan kamu itu Tuhan yang satu. **(Surah al-Baqarah: Ayat 163)**

Dan dalil aqli itu seperti kata Syeikh Radhiyallahu 'anhu:

وَأَمَّا بُرْهَانُ وُجُوْبِ الْوَحْدَانِيَّةِ لَهُ تَعَالَى فَلأَنَّهُ لَوْ لَمْ يَكُنْ وَاحِدًا لَلَزِمَ أَنْ لاَ يُوْجَدَ شَيْءٌ مِنَ الْعَالَمِ لِلُزُوْمِ عَجْزِهِ حِيْنَئِذٍ

Dan adapun tanda wajib Wahdaniyah bagi Allah Ta'ala, maka kerana bahawasanya jikalau tiada ada Ia Esa, nescaya lazim bahawa tiada dapat suatu daripada alam ini, kerana lazim lemahNya pada ketika itu.

Ertinya: Bermula taqrir burhan ini jikalau tiada ada Ia Esa, nescaya lazim bahawa tiada dapat suatu daripada alam ini, tetapi tiada wujud suatu daripada alam ini batil dengan nyata dipandang. Maka batillah barang yang membawa ia kepadanya dan iaitu ketiadaan keadaanNya Esa. Dan apabila batil yang demikian itu,

tsabitlah *naqidh*nya dan iaitu yang dituntut.

Dan kata al-Syeikh al-Hudhudi: Yakni bahawasa dalil keadaan Tuhan kita Esa tiada banding bagiNya pada ketuhanan itu. Bahawasanya jikalau ada sertanya Tuhan yang kedua yang mempunyai Qudrat yang dapat mengadakan suatu atau dapat meng*'adam*kan suatu daripada segala mumkinat, nescaya lazimlah bahawa tiada diperoleh suatu daripada alam ini kerana lazim lemahNya ketika itu. Yang demikian itu mustahil kerana bahawasanya menyalahi oleh pendapat dan عِيَانٌ (pandangan mata kepala).

Dan bermula kenyataan yang demikian itu bahawasanya telah terdahulu wajib umum ta'alluq Qudrat Allah Ta'ala itu dengan sekalian mumkin. Maka jikalau ditakdirkan ada suatu yang maujud baginya daripada Qudrat kuasa atas menjadikan satu mumkin barang mumkin ada ia seperti Qudrat Allah Subhanahu wa Ta'ala, nescaya lazim tatkala ta'alluq demikian dua Qudrat itu bahawa tiada diperoleh suatu daripada alam dengan keduanya kerana barang yang lazim atasnya daripada menghasilkan yang sudah hasil. Erti mengada salah seorang daripada keduanya akan maujud itu kemudian daripada sudah mengadakan dia oleh seorang lagi atau keadaan atsar (kesan) yang satu dua atsar kerana bahawasa masalah itu difardukan pada suatu yang tiada menerima bahagi seperti جَوْهَرُ الْفَرْد iaitu suatu yang tiada dapat dibahagi dengan suatu jalan jua pun, yakni tiada dapat dibelah dan tiada dapat dikerat.

Maka tidak dapat tiada daripada lemah keduanya, jika difardukan, tiada diperoleh dengan keduanya atau tidak dapat tiada daripada lemah salah seorang daripada keduanya, jika difardukan diperoleh dengan salah seorang daripada keduanya, tiada diperoleh dengan taulannya. Dan lazim daripada lemah salah seorang daripada kedua itu lemah pula taulannya kerana bahawasanya ia seumpamanya pada ketuhanan. Dan apabila lazimlah lemah keduanya pada satu mumkin itu, nescaya lazim pula lemah keduanya pada sekalian mumkin kerana tiada berlainan-lainan. Dan yang demikian itu melazimkan mustahil wujud sekalian yang baharu ini dan iaitu mustahil kerana menyalahi عِيَانٌ dan pendapat. Dan apabila nyata wajib lemah keduanya serta muafakat, maka

serta bersalahan itu terlebih sangat nyata lemahnya. Dan dengan inilah diketahui bahawasanya tiada memberi bekas bagi Qudrat kita pada suatu perbuatan daripada segala perbuatan kita. Dan jika memberi bekas bagi Qudrat kita ini, nescaya lazimlah barang yang telah terdahulu daripada تَحْصِيْلُ الْحَاصِلِ atau keadaan atsar yang satu dua atsar.

Dan bermula i'tiqad yang shahih bahawasa Allah Ta'ala menjadi Ia bagi segala hambaNya akan Qudrat, yakni kuasa atas segala perbuatan mereka itu yang ikhtiariyah yang menyerta ia akan dia dan tiada memberi bekas ia padanya dan hanya yang memberi bekas itu Qudrat Allah Ta'ala sendirinya. Dan Qudrat yang baharu itu didapat akan segala *af'al* yang ikhtiariyah padanya, tiada dengan dia seperti api nisbah kepada menghanguskan. Nyata hangus itu sebab berjumpa dengan api, tiada dengan api itu yang menghanguskan, hanya Allah yang menghanguskan dengan sendiriNya, dijadikan adat hangus itu pada api.

Dalil Qudrat, Iradat, Ilmu Dan Hayat

Dan adapun dalil Qudrat dan Iradat dan Ilmu dan Hayat, maka iaitu firman Allah Ta'ala:

..... وَهُوَ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ قَدِيرٌ ﴿١٢٠﴾

Dan iaitu Allah Ta'ala atas tiap-tiap suatu amat kuasa. **(Surah al-Ma'idah: Ayat 120)**

Dan firmanNya:

..... فَعَّالٌ لِّمَا يُرِيدُ ﴿١٠٧﴾

Ertinya: *Berbuat Allah bagi barang yang dikehendakiNya.* **(Surah Hud: Ayat 107)**

Dan lagi firmanNya:

..... وَهُوَ عَلِيمٌۢ بِذَاتِ ٱلصُّدُورِ ﴿٦﴾

Ertinya: *Dan iaitu Allah Ta'ala yang amat mengetahui dengan barang yang di dalam segala dada.* **(Surah al-Hadid:**

Ayat 6)

Dan lagi firmanNya:

وَتَوَكَّلْ عَلَى ٱلْحَىِّ ٱلَّذِى لَا يَمُوتُ ..... ﴿٥٨﴾

Ertinya: *Serahkan olehmu atas Tuhan yang hidup yang tiada mati Ia.* **(Surah al-Furqan: Ayat 58)**

Dan dalil aqli itu seperti kata Syeikh Radhiyallahu 'anhu:

وَأَمَّا بُرْهَانُ وُجُوْبِ اتِّصَافه تَعَالَى بِالْقُدْرَة وَالإِرَادَة وَالْعلم وَالْحَيَاة فَلأَنَّهُ لَوِ انْتَفَى شَيْءٌ مِنْهَا لَمَا وُجِدَ شَيْءٌ مِنَ الْحَوَادِثِ

Dan adapun tanda wajib bersifat Allah Ta'ala dengan Qudrat dan Iradat dan Ilmu dan Hayat. Maka kerana bahawasanya jikalau ternafi suatu daripadanya nescaya tiada didapat suatu daripada segala yang baharu.

Sungguhnya telah terdahulu bicara bahawa memberi bekas Qudrat Allah Ta'ala itu terhenti ia pada akal atas IradatNya dan bahawa IradatNya terhenti bekasnya atas ilmu kerana bahawa iradat itu qasad kepada menentukan mumkin dengan setengah barang yang harus atasnya. Dan qasad itu disyaratkan dengan ilmu dan bersifat dengan Qudrat dan Iradat. Dan Ilmu itu terhenti ia atas bersifat dengan Hayat kerana bahawasanya ia syarat padanya. Dan wujud مَشْرُوْط dengan ketiadaan syaratnya itu mustahil. Maka ketika itu wujud baharu barang mana baharu ada ia terhenti atas bersifat orang yang membaharukan dia dengan ini segala sifat kerana jikalau ternafi sesuatu daripadanya, nescaya tiada didapatkan sesuatu daripada *hawadith* dan iaitu bersalahan bagi pendapat kerana bahawasanya jikalau ternafi Qudrat, nescaya lazim lemah, maka tiada mumkin sertanya memberi bekas. Dan jikalau ternafi Iradat, nescaya ternafi Qudrat. Dan jikalau ternafi Ilmu, nescaya ternafi keduanya. Dan jikalau ternafi Hayat, nescaya ternafi sekalian itu kerana barang yang telah terdahulu daripada terhenti segala sifat yang tersebut atasnya.

Dan kata *musannif*: Jikalau ternafi suatu daripadanya, nescaya tiada dapat suatu daripada segala yang baharu di*i'tiradh* akan dia

dengan bahawasa *mulazamah* (berlaziman dan tidak boleh bercerai) ini tertegah kerana bahawasanya tiada lazim daripada ternafi sifat Ma'ani itu ketiadaan wujud suatu daripada segala yang baharu, tetapi harus ternafinya dan didapat segala yang baharu kerana bersandar segala yang baharu itu kepada sifat Ma'nawiyah seperti barang yang berkata oleh Mu'tazilah. Maka bahawasanya mereka itu tiada mentsabitkan oleh mereka itu akan sifat Ma'ani dan hanya mentsabitkan oleh mereka itu akan sifat Ma'nawiyah. Maka berkata mereka itu: Allah Qadir dengan zatNya, tiada dengan QudratNya yang lebih atasnya dan *Murid* dengan zatNya, tiada dengan Iradat yang lebih atasnya dan seperti demikian itulah hingga akhirnya.

Dan jawab akan dia dengan bahawasa qaul yang mengitsbatkan sifat Ma'nawiyah tiada diitsbatkan sifat Ma'ani itu, maka adalah Allah itu Qadir dengan tiada Qudrat dan Murid dengan tiada Iradat dan seperti demikianlah hingga akhir sangat nyata batalnya. Maka kerana demikian itulah tiada hirau oleh *musannif* dengan dia. Dan dengan jawab inilah tertolak i'tiradh pula dengan menegah *mulazamah* yang tersebut kerana harus ternafi sifat yang empat itu dan didapat segala yang baharu kerana keadaan yang mengadakan dia itu 'illat atau tabiat seperti barang yang berkata akan dia oleh Thabai'iyun atas bahawasa kalam *musannif* itu dinyatakan atas batal 'illat dan tabiat. Maka tiada datang i'tiradh atasnya barang yang disebut itu hingga berkehendak bagi jawab daripadanya.

Kata *musannif* Rahimahullahu Ta'ala:

وَأَمَّا بُرْهَانُ وُجُوْبِ السَّمْعِ لَهُ تَعَالَى وَالْبَصَرِ وَالْكَلَامِ فَالْكِتَابُ وَالسُّنَّةُ وَالإِجْمَاعُ وَأَيْضًا لَوْ لَمْ يَتَّصِفْ بِهَا لَزِمَ أَنْ يَتَّصِفَ بِأَضْدَادِهَا وَهِيَ نَقَائِصُ وَالنَّقْصُ عَلَيْهِ تَعَالَى مُحَالٌ

Ertinya: *Dan adapun dalil wajib mendengar bagi Allah Ta'ala dan Bashar dan Kalam, maka iaitu Kitab dan Sunnah dan Ijma' sekalian ulama yang mujtahid. Dan demikian lagi jikalau tiada bersifat Ia dengan dia, nescaya lazimlah bahawa bersifat Ia dengan segala lawannya dan iaitu kekurangan dan kekurangan atas Allah Ta'ala itu mustahil.*

Dan diketahui daripada kalam *musannif* itu bahawa teguh dan

kuat pegangan kita pada mentsabitkan segala sifat yang tiga itu iaitu dengan dalil naqli, tiada dengan dalil aqli kerana dha'if dalil aqli pada sifat yang tiga ini kerana tiada lazim daripada keadaan suatu kekurangan pada yang baharu itu bahawa adalah ia kekurangan pada yang Qadim. Maka kerana demikian itulah tiada mendatang akan dia oleh *musannif* melainkan atas wajah menguat jua.

Bermula *murad* dengan kitab itu Qur'an yang mulia seperti firman Allah Ta'ala:

..... وَهُوَ ٱلسَّمِيعُ ٱلْبَصِيرُ ﴿١١﴾

Ertinya: *Dan iaitu Allah taala yang amat mendengar lai yang amat melihat.* **(Surah al-Syura: Ayat 11)**

Dan lagi firmanNya:

..... وَكَلَّمَ ٱللَّهُ مُوسَىٰ تَكْلِيمًا ﴿١٦٤﴾

Ertinya: *Telah berkata-kata Allah Ta'ala akan Nabi Musa akan sebagai berkata.* **(Surah al-Nisa': Ayat 164)**

Dan bermula dalil ini tiada mengalahkan ia akan khasam iaitu Mu'tazilah kerana bahawasanya tiada ingkar ia akan yang demikian itu. Maka bahawasanya membenar ia bahawa Allah Ta'ala yang mendengar dan yang melihat dan yang berkata-kata seperti barang yang menunjukkan atasnya kitab Allah dan Sunnah Rasulullah dan Ijma' segala *a'immah*, tetapi سَمِيْعٌ Ia dengan tiada سَمْعٌ dan بَصِيْرٌ Ia dengan tiada بَصَرٌ dan مُتَكَلِّمٌ Ia dengan tiada كَلَامٌ . Ertinya kata Mu'tazilah itu Allah Ta'ala سَمِيْعٌ dengan zatNya dan بَصِيْرٌ dengan zatNya tiada dengan سَمْعٌ dan tiada dengan بَصَرٌ yang lebih keduanya atas zatNya.

Dan bermula kenyataan yang tertolakkan perkataan Mu'tazilah itu bahawa makna سَمِيْعٌ dan بَصِيْرٌ dan مُتَكَلِّمٌ itu iaitu zat yang tsabit baginya سَمْعٌ dan بَصَرٌ dan كَلَامٌ kerana bahawa orang yang tiada berdiri dengan dia oleh sifat tiada di مُشْتَقٌّ baginya akan اسْمٌ . Maka tiada dikata قَائِمٌ melainkan bagi orang yang bersifat ia dengan قِيَامٌ dan tiada dikatakan قَائِدٌ yakni yang duduk melainkan bagi orang yang bersifat ia dengan قُعُوْدٌ , yakni duduk dan seperti demikianlah.

Bermula *murad* dengan sunnah itu segala hadis Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam seperti sabdanya pada ketika berjalan ia, tiba-tiba berjumpa ia akan suatu kaum yang mencari mereka itu akan air dan menyeru oleh mereka itu akan Allah Ta'ala dengan nyaring suaranya. Maka bersabda Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam:

أَيُّهَا النَّاسُ أَرْبِعُوْا عَلَى أَنْفُسِكُمْ فَإِنَّكُمْ لاَ تَدْعُوْنَ أَصَمَّ وَ لاَ أَعْمَى وَلاَ أَبْكَمَ، وَإِنَّمَا تَدْعُوْنَ مَنْ هُوَ سَمِيْعٌ بَصِيْرٌ مُتَكَلِّمٌ

Ertinya: *Hai manusia, perlahan oleh kamu dengan diri kamu dan jangan bersangatan oleh kamu pada nyaring, maka bahawasanya kamu tiada kamu seru akan Tuhan yang tuli dan tiada yang buta dan tiada yang kelu dan hanya yang kamu seru itu Tuhan yang mendengar lagi yang melihat lagi yang berkata-kata.*

Dan *murad* dengan ijma' itu muafakat segala ulama atas bahawasanya bersifat Allah Ta'ala dengan سَمْعٌ dan بَصَرٌ dan كَلاَمٌ . Dan ini dalil naqli.

Dan adapun dalil aqli, maka iaitu kata *musannif*:

وَأَيْضًا لَوْ لَمْ يَتَّصِفْ بِهَا .....

hingga akhir taqrirnya jikalau tiada bersifat Ia dengan dia, yakni dengan yang tiga sifat itu, nescaya lazim bahawa bersifat Ia dengan lawannya tetapi bersifatnya dengan lawannya itu batil, maka batillah barang yang membawa kepadanya dan iaitu ketiadaan bersifat Ia dengan yang tiga sifat itu. Maka tsabitlah lawannya dan iaitu bersifat Allah Ta'ala dengan segala sifat yang tiga itu, maka iaitu yang dituntut.

Dan katanya, nescaya lazim bahawa bersifat Ia dengan segala lawannya erti kerana bahawasa tiap-tiap yang menerima bagi sesuatu itu tiada sunyi ia daripadanya atau daripada lawannya dan pada hal Ia Ta'ala menerima Ia bagi demikian itu sifat, maka jikalau tiada bersifat Ia dengan dia, nescaya lazim bahawa bersifat dengan segala lawannya dan iaitu kekurangan. Dan telah terdahulu

qiyas ini dha'if kerana bahawa tiada lazim daripada keadaannya kekurangan pada makhluk itu kekurangan pada Tuhan.

Dan lagi setengah daripada dalil naqli yang mentsabitkan bagi Allah Ta'ala mendengar lagi melihat itu firman Allah Ta'ala:

..... إِنَّنِي مَعَكُمَآ أَسۡمَعُ وَأَرَىٰ ﴿٤٦﴾

Ertinya: *Bahawasa Aku serta kedua kamu, Aku mendengar dan aku melihat.* **(Surah Thaha: Ayat 46)**

Yakni ayat ini turun atas Nabi kita kerana menghikayatkan firmanNya kepada Musa dan Harun, maka menyuruh oleh Allah Ta'ala akan keduanya pergi kepada Fir'aun bahawasanya ia amat zalim melampaui had. Maka berkata kedua kamu kepada Fir'aun akan perkataan yang lemah-lembut mudah-mudahan jaga ia atau takut ia akan Allah Ta'ala. Maka sembah keduanya: Hai Tuhan kami, bahawasanya kami takut disegerakan dengan bunuh dan diazabkan atau ia zalim akan kami. Maka firmanNya: Jangan takut oleh kedua kamu bahawasa Aku serta kedua kamu, Aku lihat dan Aku dengar akan kalam kedua kamu. Maka datanglah keduanya kepada Fir'aun, maka berkata baginya oleh Musa: Adakah bagimu suka pada ber*sulh* serta Tuhan kamu. Maka sungguhnya telah mengikut engkau akan nafsu engkau empat ratus lima puluh tahun, maka ikut olehmu akan dia setahun, nescaya diampun akan segala dosa kamu. Maka jika tiada, maka sebulan. Maka jika tiada, maka tujuh hari. Maka jika tiada, maka satu hari. Maka jika tiada, maka satu saat. Maka jika tiada, maka kata olehmu pada nafsu yang satu jua لا إِلَهَ إِلاَّ الله , maka adalah bagimu itu jumlah daripada orang yang ber*sulh* dan tiada dihilang muda kamu dan tiada hilang kaya kamu. Dan tiada ditanggal daripada kamu kerajaan kamu melainkan mati, maka tanggallah kerajaan kamu dan kekal bagimu lazat yang amat besar makan dan minum dan berkahwin hingga mati dan dimasukkan kamu ke dalam syurga.

Maka mengelokkan oleh Fir'aun akan perkataan Nabi Musa itu, maka adalah adat Fir'aun itu tiada ia memutuskan suatu pekerjaan jika tiada hadir Haman kerana ia wazir yang amat besar baginya dan pada hal ia ghaib pada waktu itu. Maka tatkala datang Haman, maka ia mengkhabarkan dengan menyeru oleh Nabi Musa

kepadanya dan berkata ia: Aku berkehendak mengikut akan dia. Maka berkata Haman baginya: Adalah aku lihat bagimu itu berakal dan mempunyai tilik. Maka engkau itu Tuhan engkau berkehendak bahawa ada bagi kamu Tuhan yang lain dan kamu disembah oleh orang dan berkehendak kamu menyembah akan Tuhan yang lain. Maka berkata Fir'aun: Perkataan engkau itu benar. Lalu dihimpunkan tenteranya, maka menyeru ia serta berkata ia: Akulah Tuhan kamu yang maha tinggi yang tiada Tuhan melainkan aku.

Dalil Harus Bagi Memperbuat Mumkin

Dan adapun dalil yang harus bagi Allah Ta'ala berbuat mumkin atau meninggalkan dia itu, maka iaitu kata Syeikh Radhiyallahu 'anhu:

وَأَمَّا بُرْهَانُ كَوْنِ فِعْلِ الْمُمْكِنَاتِ أَوْ تَرْكِهَا جَائِزًا فِي حَقِّهِ تَعَالَى فَلأَنَّهُ لَوْ وَجَبَ عَلَيْهِ تَعَالَى شَيْءٌ مِنْهَا عَقْلاً أَوِ اسْتَحَالَ عَقْلاً لاَنْقَلَبَ الْمُمْكِنُ وَاجِبًا أَوْ مُسْتَحِيْلاً وَذَلِكَ لاَ يُعْقَلُ

Ertinya: *Dan adapun tanda keadaan berbuat mumkinat atau meninggalkan dia itu harus pada hakNya Ta'ala. Maka kerana bahawasanya jikalau wajib atasNya Ta'ala suatu daripadanya pada akal atau mustahil atasnya suatu daripadanya pada akal, nescaya bertukar mumkin itu jadi wajib atau jadi mustahil dan yang demikian itu tiada menerima oleh akal.*

Bermula taqrir dalil yang tersebut itu, bahawa engkau kata jikalau wajib atas Allah Ta'ala suatu daripadanya pada akal atau mustahil atasnya suatu daripadanya pada akal, nescaya bertukar mumkin itu jadi wajib atau jadi mustahil. Tetapi bertukar mumkin jadi wajb atau jadi mustahil itu batil. Maka batil pula wajib atau mustahil atas Allah Ta'ala berbuat mumkin itu.

Maka kata *musannif*: Jikalau wajib atas Allah suatu daripadanya pada akal, ertinya seperti barang yang berkata akan dia oleh Mu'tazilah. Maka bahawasanya berkata oleh mereka itu dengan wajib atas Allah Ta'ala berbuat *shalah* dan *ashlah*. Dan

katanya atau mustahil pada akal seperti barang yang berkata oleh Mu'tazilah. Maka bahawasanya berkata oleh mereka itu dengan mustahil melihat Allah Ta'ala bagi orang yang mukmin di dalam negeri akhirat dan hakikat mumkin itu barang yang sah adanya dan tiadanya.Dan hakikat wajib itu barang yang tiada terupa pada akal akan tiadanya. Dan hakikat mustahil itu barang yang tiada terupa pada akal adanya.

Maka jadi hakikat Ja'iz itu akan hakikat wajib atau hakikat mustahil, maka tiada sah dihukumkan oleh akal akan perkataan itu. Adapun memberi pahala oleh Allah Ta'ala bagi orang yang berbuat taat pada hukum syara', maka iaitu wajib kerana sudah dijanjikan dengan kebajikan dan menyalahi janji kebajikan itu kekurangan dan kekurangan atas Allah Ta'ala itu mustahil.

Dan adapun menyeksa oleh Allah Ta'ala atas orang yang Islam yang berbuat maksiat pada hukum syara', maka iaitu harus pada akal dan pada syara' atas qaul Asy'ari.

Syahdan: Bahawa mumkin itu bersamaan wujudnya dan 'adamnya tetapi jikalau sudah ta'alluq Qudrat Allah Ta'ala dengan menjadikan dia, maka iaitu wajib jadinya dan jikalau tiada wajib jadinya, nescaya lazimlah Ia lemah dan lemah atas Allah Ta'ala pada menjadikan itu mustahil seperti barang yang telah lalu sebutnya. Tetapi wajib itu dinamakan wajib *'aradhi*, yakni wajibnya itu dengan sebab yang lainnya tiada menafikan akan zat dirinya itu daripada mumkin jua seperti barang yang telah lalu sebutnya. Dan tatkala selesai daripada menyatakan barang yang ta'alluq dengan Uluhiyyah iaitu barang yang wajib dan barang yang mustahil dan barang yang harus baginya, maka sekarang hamba hendak masuk pada menyatakan barang yang ta'alluq dengan hak nubuwwah dan risalah pula.[]

5

BAB KELIMA

PARA RASUL DAN PARA NABI SERTA TA'ALLUQNYA

Takrif Rasul Dan Nabi

Maka adapun Rasul itu manusia yang diwahyukan oleh Allah kepadanya dengan syara' dan disuruh dengan menyampaikan akan dia kepadanya kepada umatnya. Dan jika tiada disuruh dengan menyampaikan, maka iaitu Nabi jua bukan Rasul. Maka tiap-tiap Rasul itu Nabi dan tiada tiap-tiap Nabi itu Rasul. Dan Nabi أَعَمٌّ dan Rasul itu أَخَصٌّ , yakni tertentu kerana tiap-tiap Rasul itu Nabi dan tiada tiap-tiap Nabi itu Rasul hanya setengah jua.

Dan syarat Rasul itu tidak dapat tiada daripada orang yang terlebih sempurna akalnya pada zamannya dan terlebih ilmunya dan kejadiannya dan perangainya dan cerdiknya dan maha suci pula daripada kekurangan bapanya dan kejahatan ibunya dan maha

suci pula daripada keras hati dan daripada segala kecelaan yang mengubahkan kejadiannya seperti *juzam* dan *barash* dan daripada tiada pemalu dan umpama makan di jalan dan hina usahanya seperti tukang buang darah dan terpelihara ia daripada segala dosa dahulu daripada bangkit atau kemudian daripadanya dan jikalau tergagah (terpaksa) atau lupa sekalipun. Maka barang yang rupa dosa yang jatuh daripada setengah mereka itu wajib kita takwilkan seperti kecelaan yang jatuh pada Nabi Ayyub dan rupa dosa pada Nabi Adam dan rupa dusta pada Nabi Ibrahim dan buta pada Nabi Syu'aib dan Ishak, hanya bukan buta tetapi berselaput air matanya jua atau dikatakan kemudian daripada selesai menyampaikan segala suruh Tuhannya. Maka tiada mengapa seperti fitnah pada Nabi Daud dan lainnya, maka jangan kita ikut kata setengah *Jahalah* (pihak yang jahil) daripada Ahli al-Tawarikh dan jangan i'tiqad kita seperti katanya kerana membawa kepada kejahatan yang tiada harus pada syara' yang membawa kepada cela pada agama.

Faedah:

Tiap-tiap Anbiya' yang disebut pada Qur'an, maka sekaliannya itu Rasul melainkan Khidhir dan 'Uzair. Dan segala Anbiya' daripada anak Sam yang anak Nabi Nuh. Dan adapun Ham dan Yafits itu, maka anak bagi keduanya, tiada jadi Nabi sekali-kali. Dan segala Anbiya' yang kemudian daripada Ibrahim itu iaitu daripada anak cucu Ibrahim. Dan yang bukan daripada anak Ibrahim delapan orang jua iaitu Adam dan Syits dan Idris dan Nuh dan Hud dan Soleh dan Luth dan Yunus.

Dan sekalian Anbiya' itu daripada anak Ya'qub melainkan dua puluh orang jua iaitu Adam dan Syits dan Idris dan Nuh dan Luth dan Soleh dan Ibrahim dan Hud dan Syu'aib dan Isma'il dan Ishaq dan Ya'qub dan Ayyub dan Yunus dan Khidhir. Dan empat orang ada mereka itu kemudian daripada Nabi Isa, tiga orang daripada mereka itu disebutkan di dalam surah Yasin pada ayat: وَٱضْرِبْ لَهُم مَّثَلًا أَصْحَٰبَ ٱلْقَرْيَةِ ..... (١٣) hingga akhir ayat dan Khalid bin Sinan al-Absi dan Muhammad Shallallahu 'alaihi wasallam.

Dan empat orang daripada Anbiya' hidup lagi dua di langit iaitu Idris dan 'Isa dan dua di bumi iaitu Khidhir dan Ilyas.

Bahasa Para Anbiya'

Bermula Anbiya' itu tiga lughah jua:

Pertama: Bahasa Arab.

Dan kedua: Bahasa Suryani.

Dan ketiga: Bahasa 'Ibrani.

Dan bahasa 'Ibrani itu bahasa segala Anbiya' daripada anak Ya'qub dan bahasa Suryani itu bahasa lima orang Nabi jua iaitu Idris dan Nuh dan Ibrahim dan Luth dan Yunus. Dan bahasa Arab itu iaitu bahasa dua belas orang Nabi iaitu Adam dan Syu'aib dan Hud dan Soleh dan Isma'il dan Syits dan Khidhir dan tiga orang disebut di dalam surah Yasin iaitu Syam'aun dan Syamuel dan Hazqil dan Khalid Ibnu Sinan dan Muhammad Shallallahu 'alaihi wasallam.

Dan bermula qaul yang muktamad bahawa Nabi itu tertentu dengan manusia jua, tiada daripada jin. Dan adalah bilangan Anbiya' pada qaul yang shahih tiada seorang mengetahui akan dia, yakni akan bilangannya. Maka iaitu terlebih aula daripada qaul yang menghinggakan dia barang kali masuk yang bukan Nabi atau keluar yang Nabi jikalau dihinggakan dia dengan bilangan yang tertentu. Tetapi adalah setengah daripada riwayat yang dha'if menghinggakan dia iaitu sakti dua laksa empat ribu. Dan yang jadi Rasul daripada mereka itu tiga ratus tiga belas orang dan satu riwayat tiga ratus empat belas orang dan pada satu riwayat tiga ratus lima belas orang, tetapi dua riwayat yang akhir ini dha'if.

Dan kata Ka'ab al-Ahbar: Bermula Anbiya' itu dua ribu ribu dan dua ratus ribu.

Dan berkata Muqatil: Segala Anbiya' itu seribu ribu dan empat ratus ribu dan dua puluh empat ribu iaitu empat belas kati dua laksa empat ribu. Maka wajib kita percayakan dengan mereka itu atas jalan ijmal jua.

Faedah:

Wajib atas kita mengetahui atas jalan tafshil akan Anbiya' yang tersebut di dalam Qur'an iaitu dua puluh lima dan wajib kita ajarkan isteri kita dan anak kita dan hamba kita dan khadam kita supaya percaya oleh mereka itu akan sekalian Anbiya' yang tersebut itu. Dan jangan kita sangkakan yang wajib kita percaya itu Nabi Muhammad jua, tiada yang lainnya kerana percaya akan sekalian Anbiya' itu sama ada yang disebut di dalam Qur'an atau tiada, wajib atas tiap-tiap mukallaf. Tetapi setengahnya wajib percaya atas jalan ijmal dan setengahnya atas jalan tafshil. Maka yang tersebut di dalam Qur'an itu wajib mengetahui atas jalan tafshil. Dan makna mengetahui atas jalan tafshil itu kita ketahui akan mereka itu dan jikalau pada faham sekalipun dengan sekira-kira jikalau disebut oleh orang pada hadapan kita akan tiap-tiap seorang daripada mereka itu, nescaya kita ketahuilah bahawasanya ia Rasul. Tiada jadi syarat pada sah iman bahawa kita hafaz di dalam hati kita akan segala nama mereka itu.

Nama-nama Para Rasul Yang Tersebut Di Dalam Al-Qur'an

Bermula Rasul yang dua puluh lima yang tersebut pada Qur'an itu iaitu Adam dan Nuh dan Hud dan Yunus dan Idris dan Zakaria dan Yahya dan Ibrahim dan Ishaq dan Isma'il dan Ya'qub dan Yusuf dan Soleh dan Ayyub dan Musa dan Harun dan al-Yasa' dan Syu'aib dan Daud dan Sulaiman dan Luth dan Ilyas dan Zulkifli dan 'Isa dan Muhammad Shallallahu 'alaihi wasallam seperti barang yang diisyarat bagi demikian itu oleh setengah mereka itu di dalam nazam ini dengan katanya:

حَتْمٌ عَلَى كُلِّ ذِيْ التَّكْلِيْفِ مَعْرِفَةٌ * بِأَنْبِيَاءَ عَلَى التَّفْصِيْلِ قَدْ عُلِمُوْا

فِيْ تِلْكَ حُجَّتُنَا مِنْهُمْ ثَمَانِيَةٌ * مِنْ بَعْدِ عَشْرٍ وَيَبْقَى سَبْعَةٌ وَهُمُو

إِدْرِيْسُ هُوْدٌ شُعَيْبٌ صَالِحٌ وَكَذَا * ذُو الْكِفْلِ آدَمُ بِالْمُخْتَارِ قَدْ خُتِمُوْا

Ertinya: *Wajib atas tiap-tiap yang mempunyai taklif itu mengenal ia.*

Dengan segala Anbiya' atas jalan tafshilnya sungguhnya diketahui akan mereka itu.

Di dalam ayat تِلْكَ حُجَّتُنَا *setengah daripada mereka itu delapan.*

Kemudian daripada sepuluh, yakni delapan belas yang tersebut di dalam Qur'an di dalam ayat تِلْكَ حُجَّتُنَا *dan tinggal tujuh orang.*

Bermula mereka itu Idris dan Hud dan Syu'aib dan Soleh dan demikian lagi.

Zulkifli dan Adam dan dengan mukhtar yakni Nabi Muhammad sungguhnya disudah akan mereka itu.

Para Rasul Yang Berpangkat Ulu al-'Azmi

Dan yang Ulu al-'Azmi itu lima orang, maka martabat mereka itu seperti tertib inilah iaitu Nabi Muhammad kemudian Nabi Ibrahim kemudian maka Nabi Musa kemudian maka Nabi 'Isa kemudian maka Nabi Nuh.

Dan makna Ulu al-'Azmi itu mereka yang sangat kuat sabar dan menanggungkan beberapa banyak kesusahan atau mempunyai jazam, ertinya meneguhkan segala pekerjaan.

Kitab-kitab Yang Diturunkan Kepada Para Nabi

Dan yang mempunyai kitab daripada mereka itu delapan orang iaitu Nabi Muhammad dan Musa dan 'Isa dan Adam dan Daud dan Syits dan Idris dan Ibrahim.

Maka kepada Nabi kita Qur'an dan dinamakan Furqan.

Dan kepada Nabi Musa Taurat.

Dan kepada 'Isa Injil.

Dan kepada Nabi Daud Zabur.

Dan kepada Nabi Adam sepuluh Suhuf.

Dan kepada Syits lima puluh Suhuf atau enam puluh.

Dan kepada Idris tiga puluh Suhuf atau lima puluh atas khilaf padanya.

Dan kepada Ibrahim sepuluh Suhuf atau tiga puluh pada satu riwayat.

Dan kepada Musa dahulu daripada Taurat itu sepuluh Suhuf.

Dan pada satu riwayat pada Nabi Nuh dua puluh Suhuf.

Maka jumlah kitab yang turun di langit atas riwayat ini seratus delapan puluh empat dan yang masyhurnya lagi muktamad seratus empat buah kitab jua.

Perkara-perkara Yang Wajib Bagi Rasul

Dan adapun yang wajib bagi segala Rasul yang wajib atas tiap-tiap mukallaf mengetahui dia atas jalan tafshil, maka iaitu tiga perkara seperti kata *musannif*:

وَأَمَّا الرُّسُلُ عَلَيْهِمُ الصَّلاَةُ وَالسَّلاَمُ فَيَجِبُ فِي حَقِّهِمُ الصِّدْقُ وَالأَمَانَةُ وَتَبْلِيغُ مَا أُمِرُوْا بِتَبْلِيْغِهِ لِلْخَلْقِ

Ertinya: *Dan adapun segala Rasul 'alaihimush shalatu wassalam, maka wajib pada hak mereka itu siddiq benar, ertinya muafakat khabarnya itu pada* نَفْسُ الأَمْرِ *dan amanah kepercayaan dan menyampaikan barang yang disuruh akan mereka itu dengan menyampaikan dia bagi sekalian makhluk.*

Dan ketahui olehmu, bahawasa Nabi itu tiga bahagi:

Pertama: Benar pada dakwa risalah.

Dan kedua: Benar pada segala hukum yang menyampaikan oleh mereka itu akan dia daripada Allah Ta'ala.

Dan ketiga: Benar pada perkataan yang bergantung dengan perkara dunia seperti berdiri Zaid dan duduk 'Amr dan aku makan

bagian-bagian dan aku minum bagian-bagian dan umpama yang demikian itu.

Dan *murad* benar di sini dua bahagi, yang pertama iaitu benar pada dakwa risalah dan benar pada segala hukum yang menyampaikan oleh mereka itu akan dia daripada Allah Ta'ala kerana burhan yang menyebut akan dia oleh *musannif* pada barang yang lagi akan datang itu hanyasanya menunjuk ia atas keduanya.

Dan adapun bahagi yang ketiga itu, maka iaitu masuk di dalam amanah. Maka jika dikata orang: Bermula tiap-tiap daripada dua bahagi yang pertama itu masuk pula di dalam amanah tetapi tabligh pula masuk di dalamnya, yakni di dalam amanah, maka tiada berhajat bagi ifradkan yang demikian itu daripadanya. Dijawab akan dia dengan bahawasanya telah terdahulu bicara bahawa bahaya jahil pada ilmu ini amat besar mudharatnya, maka tiada memadai padanya dengan ijmal. Dan makna amanah itu ketiadaan khianat mereka itu dengan berbuat yang haram atau yang makruh. Dan mentafsir akan dia oleh setengah mereka itu dengan bersifat mereka itu dengan memelihara Allah Ta'ala akan segala zahir mereka itu dan segala batin mereka itu daripada berpakai yang ditegah daripadanya akan sebagai tegah haram atau makruh. Dan telah berkata oleh setengah mereka itu amanah itu malakah yang tsabit pada dirinya yang menegah ia akan tuannya daripada mengerjakan segala yang ditegah.

Dan atas tiap-tiap daripada segala qaul itu, maka iaitu kembali kepada عِصْمَة, yakni pelihara yang mengibarat dengan dia oleh setengah mereka itu.

Dan kata *musannif* menyampaikan oleh mereka itu akan barang yang disuruh dengan menyampaikan akan dia bagi makhluk. Keluar dengan katanya barang yang disuruh dengan menyampaikan itu daripada barang yang disuruh akan mereka itu dengan memyembunyi akan dia daripada makhluk dan daripada barang yang diberi pilih mereka itu padanya. Maka tiada wajib atas mereka itu menyampaikan akan tiap-tiap daripada keduanya tetapi wajib atas mereka itu menyembunyikan barang yang disuruh akan mereka itu dengan menyembunyikan dia. Dan tiada wajib atas

mereka itu suatu daripada barang yang disuruh pilih akan mereka itu padanya.

Maka bermula segala bahagi itu tiga perkara:

Pertama: Barang yang disuruh akan mereka itu dengan menyampai-kan dia.

Dan yang kedua: Barang yang disuruh akan mereka itu dengan menyembunyikan dia.

Dan yang ketiga: Barang yang disuruh pilih akan mereka itu padanya dan hanyasannya tiada menyebut oleh *musannif* akan wajib menyembunyikan akan barang yang disuruh akan mereka itu dengan menyembunyikan dia kerana bahawasanya masuk ia di dalam amanah.

Faedah:

Bermula sekalian Rasul itu wajib bersifat mereka itu dengan yang lain daripada yang tiga ini daripada sekalian sifat Kamalat yang dibangsakan kepada manusia yang tiada dapat kita hingga akan dia. Dan wajib pula atas tiap-tiap mukallaf mengetahui yang demikian itu atas jalan Ijmal. *Wallahu al-Muwaffiq.*

Perkara Yang Mustahil Bagi Para Rasul

Kemudian menyebut oleh *musannif* akan yang mustahil atas mereka itu dengan katanya:

وَيَسْتَحِيْلُ فِي حَقِّهِمْ عَلَيْهِمُ الصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ أَضْدَادُ هَذِهِ الصِّفَاتِ وَهِيَ الْكَذِبُ وَالْخِيَانَةُ بِفِعْلِ شَيْءٍ مِمَّا نُهُوْا عَنْهُ نَهْيَ تَحْرِيْمٍ أَوْ كَرَاهَةٍ وَكِتْمَانُ شَيْءٍ مِمَّا أُمِرُوْا بِتَبْلِيْغِهِ لِلْخَلْقِ

Ertinya: *Dan mustahil pada hak mereka itu 'alaihimush shalatu wassalam itu segala lawan ini segala sifat yang tiga dan iaitu yang pertama dusta. Dan yang kedua khianat dengan berbuat suatu daripada barang*

yang ditegah akan mereka itu daripadanya akan sebagai tegah haram atau tegah makruh. Dan yang ketiga menyembunyikan suatu daripada barang yang disuruhkan akan mereka itu dengan menyampaikan dia bagi segala makhluk.

Dan makna dusta itu tiada muafakat khabarnya itu bagi نَفْسُ الأَمْرِ kerana barang yang diketahui daripada takrif صِدْقٌ pada barang yang telah lalu.

Dan katanya dengan berbuat yang ditegah. Bermula *murad* dengan berbuat itu barang yang melengkapi perkataan seperti mengumpat sama ada perbuatan yang ditegah itu dosa besar atau kecil. Maka tiada jatuh daripada mereka itu keduanya itu dan jikalau dengan lupa sekalipun dahulu daripada bangkitnya. Dan kemudian daripadanya tiada dikatakan barang yang ada ia lupa atau dahulu daripada bangkitnya tiada ia maksiat. Ertinya tiada harus ia jatuh jikalau tiada maksiat sekalipun kerana bahawasa kita kata jika bukan maksiat sekalipun adalah ia rupa maksiat. Dan barang yang datang daripada barang yang memberi waham jatuh yang demikian tegah itu daripada mereka itu wajib kita takwilkan dia.

Dan katanya atau tegah makruh. Bermula *murad* dengan makruh itu barang yang melengkapi Khilaf al-Aula dan tiada datang i'tiradh atas yang demikian itu bahawa Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam berkemih berdiri dan mengambil wuduk ia sekali-kali atau dua-dua kali, kerana bahawasanya ia membayankan (menerangkan) harus dan kerana mengajarkan syari'at dan yang demikian itu wajib pada hak Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam. Maka diketahui daripada barang yang ditaqrirkan ini bahawasanya tiada jatuh daripada mereka itu 'alaihimush shalatu wassalam oleh yang diharamkan dan tiada jatuh yang makruh atas wajah keadaannya makruh. Dan demikian lagi tiada jatuh daripada mereka itu yang mubah atas wajah keadaannya mubah tetapi atas wajah keadaannya qurbah, adakalanya kerana mengajar atau menguatkan atas ibadat atau umpama yang demikian itu. Maka bermula segala perbuatan mereka itu beredaran antara wajib dan sunat, maka hanyalah betapa tiada seperti demikian itu dan sungguhnya muafakat yang demikian itu bagi setengah daripada auliya'Nya. Maka dengan

terlebih aula bahawa adalah ia bagi *shafwah*nya yakni bagi pilihan Allah Ta'ala daripada segala makhlukNya. Dan katanya dan menyembunyikan suatu daripada barang yang disuruh akan mereka itu dengan menyampaikan dia, ertinya jikalau lupa sekalipun kerana bahawa lupa itu tiada harus atas mereka itu pada segala hukum yang menyampai oleh mereka itu akan dia daripada Allah Ta'ala. Dan jika harus lupa atas mereka itu pada yang lainnya sekalipun. Maka sungguhnya lupa Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam di dalam sembahyang tetapi dengan sebab *isytighal* (terlalu sibuk) hatinya dengan ta'zim akan Allah Ta'ala. Dan kepada makna ini isyarat setengah mereka itu dengan katanya:

يَا سَائِلِي عَنْ رَسُوْلِ اللهِ كَيْفَ سَهَا * وَالسَّهْوُ مِنْ كُلِّ قَلْبٍ غَافِلٍ لاَهِي
قَدْ غَابَ عَنْ كُلِّ شَيْءٍ سِرُّهُ فَسَهَا * عَمَّا سِوَى اللهِ فَالتَّعْظِيْمُ لِلّٰهِ

Ertinya: *Hai orang yang bertanya daripada Rasulullah betapa lupa ia,*

Dan bermula lupa itu daripada tiap-tiap hati yang lalai lagi lahi,

Yakni lupa sungguhnya telah ghaib daripada tiap-tiap suatu oleh sirnya,

Maka lupa ia daripada barang yang lain daripada Allah, maka ta'zimnya bagi Allah.

Perkara Yang Harus Bagi Para Rasul

Dan adapun yang harus bagi segala Rasul itu, maka iaitu kata *musannif*:

وَيَجُوْزُ فِي حَقِّهِمْ عَلَيْهِمُ الصَّلاَةُ وَالسَّلاَمُ مَا هُوَ مِنَ الأَعْرَاضِ الْبَشَرِيَّةِ الَّتِي لاَ تُؤَدِّي إِلَى نَقْصٍ فِي مَرَاتِبِهِمُ الْعَلِيَّةِ كَالْمَرَضِ وَنَحْوِهِ

Ertinya: *Dan harus pada hak mereka itu 'alaihimush shalatu wassalam barang yang ia daripada segala perangai manusia yang tiada*

membawa kepada kekurangan pada martabat mereka itu yang tinggi seperti sakit dan umpamanya.

Dan inilah bahagi yang tiga yang bergantung dengan segala Rasul iaitu barang yang harus bagi mereka itu yang wajib atas tiap-tiap mukallaf mengetahui akan dia. Dan keluar dengan qaid a'radh itu sifat ketuhanan, maka tiada harus atas mereka itu bersalahan bagi mereka yang menyesatkan akan mereka itu oleh Allah Ta'ala pada menjadi oleh mereka itu akan Saiyidina 'Isa akan Tuhan mereka itu dan hanyasanya keluar sifat ketuhanan itu dengan qaid ini kerana bahawasa a'radh itu tertentu ia dengan sifat bagi segala yang baharu. Tetapi masuk di dalamnya a'radh yang bergantung dengan malaikat, maka sebab itulah diqaidkan dengan katanya البَشَرِيَّة yakni a'radh manusia supaya keluar a'radh malaikat seperti bukan mereka itu lelaki dan bukan perempuan dan tiada makan dan tiada minum dan tiada tidur. Dan makna بَشَرِيَّة itu sifat yang bergantung dengan بَشَرٌ dan mereka itu anak Adam. Dinamakan mereka itu dengan dia kerana zahir kulit mereka itu kerana makna بَشَرٌ itu zahir kulitnya.

Maka telah lalu bahawa keluar dengan qaid ini a'radh yang bergantung dengan malaikat, maka tiada harus bagi mereka itu a'radh yang bergantung dengan malaikat khilaf bagi Ahli al-'Arab yang jahil pada sangka mereka itu bahawa Rasul itu ada ia bersifat dengan segala sifat malaikat, maka tiada makan dan tiada minum dan hendak menyampai oleh mereka itu dengan demikian itu kepada menafikan risalah daripada Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam seperti barang yang menghikayat akan dia oleh Allah Ta'ala daripada mereka itu pada firmanNya:

وَقَالُواْ مَالِ هَـٰذَا ٱلرَّسُولِ يَأۡكُلُ ٱلطَّعَامَ وَيَمۡشِي فِي ٱلۡأَسۡوَاقِ ..... ﴿٧﴾

Dan berkata mereka itu: Apalah bagi Rasul ini memakan ia akan makanan dan berjalan pada segala pekan ..... **(Surah al-Furqan: Ayat 7)**

Kata *Musannif*:

الَّتِي لاَ تُؤَدِّي فِي مَرَاتِبِهِمْ

Ertinya: *Segala perangai yang tiada membawa ia kepada kekurangan pada martabat mereka itu.*

Seperti segala perkara yang mencederakan dengan maruah dan ketiadaan selamat daripada tiap-tiap barang yang meliarkan tabiat dan tiap-tiap barang yang mencederakan dengan hikmah *bi'tsah* (kebangkitan) mereka itu dan iaitu menunaikan segala syari'at dan qabul segala umat bagi mereka itu. Dan masuk di dalam yang demikian itu makan di jalan dan pekerjaan yang hina dan tiada sempurna akal dan tiada sempurna cerdik dan tiada kuat ijtihad dan hina bapa dan perzina ibu dan kasar tabiat dan berat lidah dan penyakit sopak dan juzam (penyakit kusta) dan umpama yang demikian itu.

Kata Syeikh Suhaimi Rahimahullahu Ta'ala: Dan jangan kita berpegang kepada barang yang disebutkan akan dia oleh segala yang jahil *mu'arrakhin* dan Mufassirin daripada mensifatkan mereka itu akan setengah daripada Anbiya' itu dengan kekurangan yang tiada patut pada hak mereka itu seperti hikayat Nabi Ayyub dan kisah Nabi Allah Daud dan Nabi Ya'qub dan Syu'aib dan lainnya. Maka tiada seperti barang yang dihikayatkan yang masyhur pada orang yang jahil itu, maka tiada harus kita i'tiqadkan seperti kata mereka itu hanya adalah bala' pada Nabi Ayyub itu kudis cacar jua bukan puru besar. Dan Nabi Ya'qub itu bukan buta, sebenarnya hanya berselaput air matanya sebab lama berteriak jua. Dan Nabi Syu'aib itu demikian jua atau dikata buta itu kemudian daripada menyampaikan risalah kepada mereka itu, maka tiada mengapa jua. Adapun yang tiada membawa kepada kekurangan bagi manusia, maka tiada cedera pada hak mereka itu kerana mereka itu manusia bukan Tuhan dan bukan malaikat, maka barang yang harus bagi manusia, nescaya harus pada mereka itu.

Dan dimisal oleh musannif akan yang harus itu dengan katanya: كَالْمَرَضِ وَنَحْوِه ertinya: *Seperti sakit dan umpamanya.* Dan setengah daripada sakit itu pitam, maka iaitu harus atas mereka itu bersalahan

gila dan mabuk dan lainnya daripada segala penyakit yang memberi cedera, maka tiada harus atas mereka itu dan umpama sakit itu seperti makan dan minum dan tidur tetapi dengan mata mereka itu, tiada tidur dengan hati mereka itu. Dan demikian lagi tiada cedera dipenjarakan mereka itu dan dibunuh akan dia dan dikeji-keji akan dia dan diracun akan dia. Dan seperti makan itu berkahwin dengan perempuan yang halal bagi mereka itu. Dan adalah Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam memakan ia akan daging dan kasih ia akan dia dan memakan ia akan ayam dan kasih ia memakan halwa dan manisan madu dan suka ia meminum air tawar lagi sejuk dan benci ia meminum air panas kerana memberi penyakit akan *ma'idah* lagi tiada puas. Dan adalah dipecah-pecahkannya tamar di dalam air sejuk kemudian diminumnya akan air itu supaya lekas hancur makanan yang dimakannya. Dan dimakannya daging kuda di dalam safar dan dalam hadir, yakni di dalam negeri dan daging arnab dan daging burung yang dibawa oleh orang kepadanya. Tiada ia memburu akan dia sendiri dan kasih diburukan orang baginya dan didatangkan akan dia baginya, maka dimakannya.

Dan adalah Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam apabila memakan ia akan daging, tiada tundukkan kepalanya kepadanya tetapi diangkat kepada mulutnya kemudian digigitnya dengan giginya. Dan memakan ia akan roti dengan tamar dan memakan roti dengan cuka dan bersabda ia: Sebaik-baik lauk itu cuka. Dan memakan roti dengan lemak dan memakan roti dengan zait dan memakan roti diserta dadih dan memakan roti sya'ir dengan tiada diayakkan sekamnya. Dan ditegahkannya makan roti dengan tiada lauk tetapi ia satu jua. Dan tiada makan gulai yang bermalam melainkan dihangatkan baginya pada pagi-pagi dan tiada suka ia memakan makanan yang panas dan sabda ia: Sejukkan oleh kamu akan makanan kamu, nescaya berkatkan bagi kamu padanya.

Dan adalah Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam memakan ia akan barang yang didapatnya dan tiada memberatkan barang yang padanya. Dan apabila didatangkan makanan, tiada ditolakkan dan tiada mencela ia akan makanan sekali-kali tetapi jika suka ia, dimakannya akan dia dan jika tiada suka, ditinggalkanya.

Dan adalah Nabi pada setengah ketika tiada mendapat ia akan makanan, maka bermalam ia berlipat-lipat perutnya daripada lapar dan tiada menafikan yang demikian itu sabdanya Shallallahu 'alaihi wasallam: Bermalam aku di sisi Tuhanku, memberi makan Ia akan daku dan memberi minum Ia akan daku kerana bahawasanya ada ia hasil baginya oleh yang demikian itu satu ketika dan tiada hasil ia baginya pada ketika yang lainnya kerana mengajar dengan Nabi, yakni kerana ikutan umat dengan Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam. Dan "sisi" pada hadis yang tersebut itu majaz dan maknanya bahawasanya adalah ia bermalam dan hati bergantung dengan Tuhannya dan memandang bagi JalalNya dan 'azhamahNya atau bahawasanya adalah ia bermalam di dalam peliharaan Allah Ta'ala. Dan makna sabdanya "memberi makan Ia akan daku dan memberi minum Ia akan daku" diberi akan daku kuat orang yang makan dan minum atau memberi makan Ia akan daku dan memberi minum Ia akan daku daripada makanan syurga dan minumannya.

Dan dalil صِدْق (benar) segala Rasul itu seperti kata *musannif* Rahimahullahu Ta'ala:

وَأَمَّا بُرْهَانُ وُجُوْبِ صِدْقِهِمْ عَلَيْهِمُ الصَّلاَةُ وَالسَّلاَمُ فَلأَنَّهُمْ لَوْ لَمْ يَصْدُقُوْا لَلَزِمَ الْكَذِبُ فِيْ خَبَرِهِ تَعَالَى لِتَصْدِيْقِهِ تَعَالَى لَهُمْ بِالْمُعْجِزَةِ النَّازِلَةِ مَنْزِلَةَ قَوْلِهِ تَعَالَى صَدَقَ عَبْدِي فِيْمَا يُبَلِّغُ عَنِّي

Dan adapun tanda wajib benar mereka itu 'alaihimush shalatu wassalam maka kerana bahawasanya mereka itu jikalau tiada benar mereka itu, nescaya lazimlah dusta pada khabar Allah Ta'ala kerana membenarkan oleh Allah Ta'ala bagi mereka itu dengan mukjizat yang menempati pada tempat firman Allah Ta'ala: Telah benar hambaKu pada tiap-tiap barang yang menyampaikan ia daripada aku.

Inilah dalil benar bagi sekalian Rasul 'alaihimush shalatu wassalam pada dakwa mereka itu akan risalah dan pada barang yang menyampaikan oleh mereka itu akan dia daripada Allah Ta'ala kerana bahawasanya burhan ini hanyasanya menunjuk ia atas demikian itu seperti barang yang telah lalu.

Dan katanya "maka kerana bahawasanya mereka itu" hingga

akhirnya, bermula taqrir dalil ini bahawa engkau kata: Jikalau tiada benar mereka itu, nescaya lazimlah dusta pada khabar Allah Ta'ala tetapi dusta pada khabar Allah Ta'ala itu mustahil, maka mustahil pula tiada benar mereka itu. Dan apabila mustahil tiada benar mereka itu, tsabitlah benar mereka itu dan iaitulah yang dituntut.

Katanya: Jikalau benar mereka itu, erti bahawa berdusta oleh mereka itu kerana bahawasanya tiada wasithah antara dusta dan antara benar khilaf bagi Mu'tazilah pada kata mereka itu dengan wasithah. Dan iaitu barang yang muafakat bagi *waqi'* dan menyalahi akan i'tiqad, maka bahawasanya yang demikian itu tiada dinamakan benar dan tiada dinamakan dusta di sisi mereka itu. Dan atas qaul ini tiada lazim daripada ternafi benar itu *tsubut* dusta seperti 'akasnya, bersalahannya atas qaul yang pertama yakni lazim daripada tiada benar *tsubut* dusta.

Katanya "nescaya lazim dusta pada khabar Allah Ta'ala" yakni khabar yang menempati jua bukan hakiki kerana bahawasanya tiada dapat daripada Allah Ta'ala khabar dengan membenarkan mereka itu pada hakikat seperti bahawa berfirman ia telah benar hambaKu hingga akhirnya. Dan hanyasanya yang didapatkan mukjizat jua yang menempati ia pada tempat yang demikian itu seperti barang yang menyebut oleh *musannif* dengan katanya:

لِتَصْدِيْقِه تَعَالَى لَهُمْ بِالْمُعْجِزَةِ النَّازِلَةِ مَنْزِلَةَ قَوْلِه تَعَالَى: صَدَقَ عَبْدِي فِي كُلِّ مَا يُبَلِّغُ عَنِّي.

Kerana membenarkan oleh Allah Ta'ala bagi mereka itu dengan mukjizat yang menempati pada tempat firmanNya Ta'ala: Telah benar hambaKu pada tiap-tiap barang yang menyampaikan ia daripada aku.

Ertinya, dan membenarkan orang yang berdusta itu dusta seumpamanya. Dan makna membenarkan itu mengkhabarkan daripada benarnya, maka maknanya kerana mengkhabar oleh Allah Ta'ala daripada benar mereka itu pada segala khabar mereka itu dengan bahawa mereka itu rasul yang menyampai mereka itu daripada Allah. Dan bandingan yang demikian itu barang yang apabila mendakwa oleh seorang bagi jemaah bahawasanya ia

pesuruh daripada raja dan mengkhabarkan ia akan mereka itu dengan bahawasanya raja menyuruh akan mereka itu dengan bagian-bagian. Maka berkata oleh mereka itu baginya: Apa dalil atas benar engkau? Maka berkata ia: Bahawa raja itu berbuat atas kamu bagian-bagian atas menyalahi adatnya. Maka berbuat raja itu akan demikian itu adalah ia dalil atas benarnya. Maka berbuatnya akan yang demikian itu membenarkan baginya kerana bahawasanya menempati ia pada tempat katanya: Telah benar oleh demikian orang itu pada dakwanya bahawasanya RasulKu dan pada barang yang mengkhabar ia akan kamu dengan dia.

Mukjizat

Ketahui olehmu bahawasa yakni mukjizat itu pekerjaan yang mencarikkan bagi adat yang disertakan dengan dakwa pesuruh serta ketiadaan dapat seorang melintangi akan dia. Dan keluar dengan yang mencarikkan adat itu yang tiada mencarikkan adat. Seperti katanya: Aku Rasulullah dan tanda benarku naik matahari daripada Masyrik dan jatuhnya pada Maghrib. Maka tiada dinamakan mukjizat kerana tiada mencarikkan adat, maka bersamaan padanya yang benar dan yang dusta.

Syahdan: Tercapai pekerjaan yang mencarikkan adat itu perbuatan seperti terpancar-pancar air pada antara anak jari Nabi kita Shallallahu 'alaihi wasallam dan tercapai pula ketiadaan perbuatan seperti tiada menghangus-kan oleh api akan Nabi Allah Ibrahim 'alaihissalam tatkala ditunu oleh Namrud La'natullah 'alaih. Kata setengah ulama: Jikalau tiada diiringi oleh Allah Ta'ala dengan kataNya:

..... وَسَلَٰمًا عَلَىٰٓ إِبۡرَٰهِيمَ ﴿٦٩﴾

Ertinya: *Dan sejahtera atas Ibrahim.* **(Surah al-Anbiya': Ayat 69)**

Nescaya mati Nabi Allah Ibrahim di dalam api daripada sejuknya kerana firmanNya:

قُلْنَا يَـٰنَارُ كُونِي بَرْدًا ..... ﴿٦٩﴾

Ertinya: *Hai api! Jadikan olehmu sejuk.* **(Surah al-Anbiya': Ayat 69)**

Dan tiada khithab Allah Ta'ala akan sesuatu melainkan jadilah ia seperti kehendakNya. Dan datang riwayat bahawa tatkala jatuh Ibrahim ke dalam api itu berhimpunlah segala cicak kerana muafakat ia akan meniup api Nabi Allah Ibrahim, yakni supaya memakan oleh api itu akan Nabi Allah Ibrahim, maka sebab itulah disunatkan bagi kita membunuh akan dia seperti binatang fawasiq yang lima jua kerana sabda Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam:

إِنَّ مَنْ قَتَلَهَا فِي أَوَّلِ ضَرْبَةٍ كُتِبَ لَهُ مِائَةُ حَسَنَةٍ وَفِي الثَّانِيَةِ دُوْنَ ذَلِكَ، وَفِي الثَّالِثَةِ دُوْنَ ذَلِكَ. (رواه مسلم)

Ertinya: *Bahawa barang siapa membunuh ia akan cicak pada awal pukulnya, yakni mati ia dengan satu kali pukul, nescaya disuratkan baginya seratus kebajikan dan pada pukul yang kedua yakni tiada mati dengan yang pertama dan pukul yang kedua baharu mati kurang daripada demikian seratus itu kerana tiada baik bunuhnya dan pada pukul yang ketiga kurang daripada yang kedua itu.* **(Riwayat Muslim)**

Dan difaham daripada hadis itu, hendaklah dipukul akan dia dengan satu kali pukul biar ia mati. Maka dapatlah kebajikan yang banyak dan jikalau tiada mati ia dengan satu kali pukul tetapi mati ia dengan berbilang pukul, nescaya kurang pahalanya kerana tiada baik bunuhnya pada hal disuruh oleh Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam dengan dia seperti sabdanya: Apabila membunuh kamu, hendaklah membaikkan oleh kamu akan bunuhnya. Maka tiada dinamakan baik bunuh itu melainkan yang menyegerakan mati.

Dan keluar dengan katanya serta ketiadaan dapat seorang melintangi akan dia itu barang yang dapat dilintangi oleh orang akan dia seperti katanya: Mukjizatku itu bagian-bagian, maka dilintangi orang akan kehendaknya, maka tiada hasil kehendaknya, maka bukan dinamakan mukjizat, maka adalah mukjizat yang zahir pada Nabi kita amat banyak.

Demikian lagi segala mukjizat Rasul yang dahulu-dahulu, maka tiada dapat menghinggakan dia. Dan setengah daripada mukjizat yang jatuh pada Nabi kita Qur'an, maka iaitu mukjizat yang terlebih besar lagi berkekalan hingga akhir hari kiamat. Maka lemah segala manusia dan jin yang fasih-fasih-fasih hendak mendatangkan sepertinya dan jikalau sekurang-kurang surah sekalipun seperti: إِنَّآ أَعۡطَيۡنَٰكَ ٱلۡكَوۡثَرَ ۝١ dan قُلۡ هُوَ ٱللَّهُ أَحَدٌ ۝١ .

Maka tiada kuasa mendatangkan oleh segala kaum Quraisy yang terlebih fasih manusia umpamanya. Dan jikalau bertolong-tolong setengah akan setengahnya sekalipun, tiada kuasa mereka itu mendatangkan seumpamanya. Maka yang demikian itu menunjukkan bukan ia perkataan manusia. Dan lagi adalah ia menghimpunkan bagi segala maksud dengan sedikit huruf seperti yang disebut oleh ulama sekalian kitab yang diturunkan dari langit itu terkandung maknanya di dalam Qur'an. Dan makna Qur'an itu terhimpun di dalam Fatihah dan makna Fatihah terkandung di dalam بِسۡمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحۡمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ dan makna بِسۡمِ terkandung di dalam *ba*'nya dan makna *ba'* itu:

بِي كَانَ مَا كَانَ، وَبِي يَكُوْنُ مَا يَكُوْنُ

Ertinya: *Dengan aku ada barang yang telah ada dan dengan aku ada barang yang lagi hendak diadakan.*

Kerana inilah kata setengah ulama: Jikalau tafsirkan makna بِسۡمِ ٱللَّهِ itu nescaya tiada kuasa membawa oleh tujuh puluh ekor unta.

Dan setengah daripada mukjizatnya terpancar-pancar air antara anak jarinya seperti barang yang diriwayat oleh Syaikhan daripada Saiyidina Jabir, berkata ia: Telah dahaga manusia pada hari Hudaibiyah dan adalah Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam antara hadapannya timba air daripada kulit yang ia mengambil air sembahyang daripadanya dan datang segala manusia kepadanya dan hampir bahawa adalah mereka itu berteriak seperti kanak-kanak yang datang kepada ibunya dan sanya telah hampir bagi menangis, maka sabdanya: Apa hal kamu? Maka sembah mereka itu: Ya Rasulullah! Tiada pada kami air barang yang kami mengambil air sembahyang dengan dia dan barang yang kami minum dengan dia

melainkan barang yang antara dua tanganmu. Maka menghantar ia akan tangannya di dalam timba itu, maka jadilah air menggelegak keluar daripada antara anak jarinya seperti mata air. Maka minum kami sekalian dan kami mengambil air sembahyang. Maka kata yang bertanya itu: Berapa ada kamu? Katanya: Jikalau ada seratus ribu, nescaya memadai akan kami tetapi adalah kami seribu lima ratus.

Dan setengah daripadanya mengucap syahadah oleh biawak di hadapannya antara perhimpunan beberapa sahabat.

Dan setengah daripadanya minta lepaskan oleh kijang daripada ikatan A'rabi supaya menyusukan ia akan anaknya, maka dilepaskan oleh Nabi. Kemudian maka kembali ia, maka disuruh ikat bagi orang A'rabi itu, kemudian ia hadiahkan kepada Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam. Maka dilepaskan oleh Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam akan dia, maka mengucap dua kalimah syahadah ia sebab sukanya.

Dan setengah daripadanya terbelah bulan di atas Jabal Qubais. Dan setengah daripadanya disuruhnya orang Badwi menyeru kayu, maka datang ia tercabut daripada akarnya. Maka datang ia memberi salam akan Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam. Dan setengah daripadanya mengadu oleh unta kepadanya sebab sedikit makannya dan banyak kerjanya. Dan setengah daripadanya didoakannya atas 'Utbah anak Abu Lahab dengan sabdanya:

اللَّهُمَّ سَلِّطْهُ كَلْبًا مِنْ كِلَابِكَ

Hai Tuhanku! Kerasi olehMu akan 'Utbah itu akan satu anjing daripada segala anjing engkau.

Maka ditangkap akan dia oleh harimau. Dan setengah daripadanya menghidupkan dua anak Jabir yang sudah mati keduanya, yang seorang disembelih oleh kakaknya dan satu disembelih oleh ibunya. Maka hidup keduanya seperti bangun daripada tidur. Dan setengah daripadanya mendo'akan bagi seorang lelaki yang makan dengan tangan kirinya, maka sabdanya: Makan olehmu dengan tangan kanan. Maka katanya: Tiada kuasa aku memakan dengan dia. Maka sabdanya: Tiada kuasa engkau. Maka tiada kuasa ia mengangkatkan dia kepada mulutnya kemudian

daripada itu.

Dan setengah daripadanya, memberi berkat pada makanan yang sedikit hingga memakan cukup bagi orang yang lebih daripada seribu dan makanannya kurang daripada segantang.

Dan setengah daripadanya, mengembalikan mata Qatadah yang sudah keluar biji matanya mengalir ia pada pipinya. Maka mengambil oleh tangannya yang mulia dimasukkan kepada matanya, maka disapunya. Maka jadi baik pada ketika itu jua dan terlebih cerah daripada dahulu dan tiada sakit selama-lamanya.

Dan setengah daripadanya, menyapu Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam dengan tangannya akan betis Abi Rafi' dan sanya telah patah, maka jadi baik pada ketika itu jua seperti tiada ada patah dahulunya.

Dan setengah daripadanya, mendo'akan bagi Anas dengan panjang umurnya dan banyak hartanya dan anaknya, maka adalah seperti demikian itu.

Dan setengah daripadanya, diambil satu genggam pasir, maka dilontar pada muka seteru, maka jadi alah (kalah) seteru itu sebab masuk pasir itu kepada mata mereka itu pada hari perang Hunain.

Dan setengah daripadanya, dikarut oleh labah-labah pintu gua gunung Jabal Nur, tatkala masuk Nabi serta Abu Bakar di dalam gua itu kerana menyembunyikan dirinya daripada kafir.

Dan lain daripada yang tersebut itu beberapa banyak lagi mukjizatnya tiada dapat dihinggakan banyaknya. Maka adalah sekalian yang demikian itu menunjukkan benar dakwanya pesuruh Allah Ta'ala dan benar pula barang yang dikhabarnya itu daripada Allah Ta'ala.

Dan ketahui olehmu, bahawasa pekerjaan yang menyalahi adat itu delapan perkara:

Pertama: Mukjizat, iaitu yang nyata kemudian daripada dakwa risalah.

Kedua: *Irhash*, iaitu yang nyata dahulu daripada jadi Rasul.

Ketiga: Karamah, iaitu yang nyata pada Auliya' Allah. Dan erti Auliya' Allah itu orang yang mengerjakan suruh Allah dan menjauhkan laranganNya dan mengetahui ia akan sekalian yang

halal dan yang haram daripada perkataan dan perbuatan dan i'tiqad dan makanan dan minuman dan pakaian dan pendengaran dan penglihatan dan pencium dan penjabat dan perjalanan dan perasa dan petiduran dan lainnya daripada segala kelakuan. Dan berperangai pula dengan segala perangai yang baik-baik dan meninggalkan dunia melainkan sekira-kira hajat yang tunai dan selama-lamanya musyahadah dan muraqabah kepada Tuhannya pada siang dan malam dan pada tiap-tiap sekalian waktu dan tiada mengapa zahirnya serta makhluk, maka jikalau diperoleh segala sifat itu, maka orang itu wali Allah dan 'Arif billah.

Dan keempat: Ma'unah, iaitu yang nyata pada orang yang awam kerana melepaskan bagi mereka itu daripada kesusahan umpamanya. Dan makna ma'unah itu iaitu pertolongan daripada Allah akan orang itu supaya kuat ia berbuat ibadat dan taat kepada Tuhannya. Maka yang empat ini dipuji.

Kelima: Sihir, iaitu yang nyata pada orang yang mengamalkan ilmu sihir.

Keenam: Istidraj, iaitu yang nyata pada orang kafir dan muslim yang fasiq kerana tipu daya. Dan makna istidraj itu iaitu pekerjaan yang dilorongkan dia pada sangka orang baik, pada hal membawa taulannya itu ke dalam neraka.

Ketujuh: Sya'wadzah, iaitu yang nyata pada orang yang bermain-main balik mata iaitu satu bagi daripada sihir.

Kedelapan: Ihanah, iaitu yang nyata pada orang yang dusta seperti Musailamah al-Kazzab la'natullah 'alaihi. Dan adalah ceritanya bahawa Musailamah al-Kazzab itu satu masa dengan penghulu kita, maka didengarnya khabar penghulu kita mengembalikan akan mata Qatadah ketika kena anak panah. Maka keluar biji matanya, maka pergi ia pada penghulu kita, maka dikembalikannya akan matanya dengan tangan yang mulia, maka tiba-tiba terlebih baik daripada yang dahulu. Dan Musailamah al-Kazzab pun hendak mengembalikan mata sahabatnya yang buta sebelah, maka tiba-tiba buta kedua belahnya kerana menghinakan dia.

Maka yang empat ini yang dicela oleh syara'.

وَأَمَّا بُرْهَانُ وُجُوْبِ الأَمَانَةِ لَهُمْ عَلَيْهِمُ الصَّلاَةُ وَالسَّلاَمُ فَلأَنَّهُمْ لَوْ خَانُوْا بِفِعْلِ مُحَرَّمٍ أَوْ مَكْرُوْهٍ لاَنْقَلَبَ الْمُحَرَّمُ أَوِ الْمَكْرُوْهُ طَاعَةً فِي حَقِّهِمْ عَلَيْهِمُ الصَّلاَةُ وَالسَّلاَمُ، لأَنَّ اللهَ تَعَالَى قَدْ أَمَرَنَا بِالإِقْتِدَاءِ بِهِمْ فِي أَقْوَالِهِمْ وَأَفْعَالِهِمْ، وَلاَ يَأْمُرُ اللهُ تَعَالَى بِفِعْلِ مُحَرَّمٍ وَلاَ مَكْرُوْهٍ، وَهَذَا بِعَيْنِهِ هُوَ بُرْهَانُ وُجُوْبِ الثَّالِثِ.

Dan adapun tanda wajib amanah bagi mereka itu 'alaihimush shalatu wassalam, maka kerana bahawasanya mereka itu jikalau khianat mereka itu dengan mengerjakan yang haram atau yang makruh, nescaya bertukar yang haram atau yang makruh itu jadi taat pada hak mereka itu 'alaihimush shalatu wassalam. Kerana bahawasa Allah Ta'ala menyuruh Ia akan kita dengan mengikut mereka itu pada segala perkataan mereka itu dan segala perbuatan mereka itu dan tiada menyuruh Allah Ta'ala dengan berbuat yang haram dan tiada menyuruh Ia dengan makruh. Dan dalil ini dengan dirinya jadi dalil wajib yang ketiga, iaitu tabligh.

Yakni dalil atas wajib amanah bagi sekalian Rasul itu bahawasa jikalau khianat mereka itu dengan mengerjakan yang haram atau yang makruh, nescaya adalah kita disuruh dengan mengikut pada yang haram atau yang makruh dan keadaan kita disuruh dengan segala yang haram dan segala yang makruh itu tiada sah pada syara' kerana firman Allah Ta'ala:

..... قُلْ إِنَّ ٱللَّهَ لَا يَأْمُرُ بِٱلْفَحْشَآءِ ۖ ..... ﴿٢٨﴾

Kata olehmu, Ya Muhammad, bahawasa Allah Ta'ala itu tiada menyuruh Ia dengan yang jahat. **(Surah al-A'raf: Ayat 28)**

Iaitu yang haram dan yang makruh. Maka adalah perbuatan mereka itu seperti demikian itu tiada jatuh ia sekali-kali. Dan kata *musannif* bahawasa Allah Ta'ala menyuruh Ia akan kita, dikehendaki dengan kata "kita" itu sekalian umat bukan ini umat Muhammad jua. Maka hanyalah dan jika tiada, nescaya tiada sah katanya dengan "mengikut mereka itu" hingga akhirnya, kerana bahawasa ini umat tiada lazim akan dia oleh mengikut dengan

yang lain daripada Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi wasallam seperti Musa dan 'Isa melainkan bahawa dikatakan bahawasanya dibinakan atas bahawa syara' orang yang dahulu daripada kita itu syara' bagi kita pada barang yang tiada datang ia daripada Nabi kita padanya suatu seperti barang yang ialah Mazhab Malikiyah yang setengah daripada mereka itu *musannif* ini. Dan iaitu qaul dha'if pada Mazhab Syafie. Dan atas qaul yang pertama, maka tiap-tiap umat itu disuruh dengan mengikut RasulNya. Maka jadilah kalam *musannif* itu atas jalan hincir, yakni umat Ibrahim umpamanya mengikut akan Ibrahim dan umat Musa mengikut akan Musa dan umat 'Isa mengikut ia akan 'Isa dan seperti demikianlah.

Dan katanya "pada segala perkataan mereka itu dan segala perbuatan mereka itu" dan segala taqrir mereka itu dan diam mereka itu yang lain daripada *khushushiyah* dengan mereka itu. Adapun segala *khushushiyah* dengan mereka itu, maka tiada harus kita mengikut sekali-kali seperti berkahwin lebih daripada empat dan tidur tiada membatalkan wuduk dan lainnya. Dan diketahui daripada yang demikian itu bahawasanya tiada harus bagi kita yang mukallaf bahawa tutup pada berbuat suatu daripada barang yang tsabit daripada perbuatan Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam kerana ihtimal *khushushiyah* tetapi mengikut ia akan dia pada sekalian perkataannya dan segala perbuatannya melainkan barang yang tsabit ia bahawasanya setengah daripada *khushushiyah*nya kerana itlaq firman Allah Ta'ala:

قُلْ إِن كُنتُمْ تُحِبُّونَ ٱللَّهَ فَٱتَّبِعُونِى ..... ﴿٣١﴾

Ertinya: *Kata olehmu, ya Muhammad, jika adalah kamu kasih akan Allah, maka ikut oleh kamu akan daku.* **(Surah Ali-'Imran: Ayat 31)**

Dan lagi firmanNya:

..... وَٱتَّبِعُوهُ لَعَلَّكُمْ تَهْتَدُونَ ﴿١٥٨﴾

Ertinya: *Ikut olehmu akan dia, yakni akan Nabi Muhammad, mudah-mudahan kamu beroleh petunjuk kamu.* **(Surah al-A'raf: Ayat 158)**

Dan sungguhnya telah ijma' segala sahabat atas mengikut

Nabi 'alaihis shalatu wassalam pada segala perbuatannya dan segala perkataannya daripada ketiadaan terhenti tetapi ini dengan ditilik bagi yang ghalib. Dan jika tiada, maka terkadang jatuh daripada mereka itu terhenti pada perang Fathu Mekah sekira-kira menyuruh akan mereka itu oleh Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam dengan berbuka puasa pada Ramadhan. Maka berkekalan mereka itu atas tertegahnya, maka mencapai oleh Nabi akan qadah bejana kayu bekas minum air dan minum ia, maka meminum oleh mereka itu. Dan pada Ghazwah Hudaibiyah sekira-kira menyuruh Nabi akan mereka itu dengan menyembelih dan bercukur, maka tiada berbuat oleh mereka itu kerana menghabisi mereka itu di dalam tafakkur pada barang yang jatuh ia daripada musyaqqah dan yang demikian itu bahawasa Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam datang ia serta segala sahabatnya kerana mengerjakan umrah. Dan berhenti sekaliannya itu dengan terlebih jauh daripada Hudaibiyah, maka menegah akan mereka itu oleh musyrikun daripada masuk Mekah. Maka menyuruh oleh Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam akan Uthman bin 'Affan dengan surat kirim kepada segala yang mulia-mulia daripada Quraisy memberitahu ia akan mereka itu dengan bahawa sungguhnya datang ia kerana hendak mengerjakan umrah, tiada kerana berperang. Maka memutus oleh mereka itu atas bahawa tiada boleh ia masuk Mekah pada tahun ini. Kemudian melontar oleh seorang lelaki daripada salah seorang daripada dua firqah itu atas satu firqah yang lain. Maka jadilah antara kedua itu berperang-perang lontar dengan anak panah dan dengan batu. Maka memegang oleh Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam akan setengah kuffar dan memegang oleh mereka itu akan Uthman Radhiyallahu 'anhu dan dimasyhur oleh iblis bahawasanya membunuh oleh mereka itu akan Uthman. Maka bersabda Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam: Sentiasa kami pada tempat ini hingga kami tunaikan akan mereka itu perang. Dan menyeru ia akan manusia di sisi pohon kayu kerana hendak mubaya'ah, yakni berjanji atas sabar bagi berperang hingga mati atau atas bahawa tiada lari mereka itu. Maka mubaya'ah oleh mereka itu akan dia atas demikian itu. Maka tatkala mendengar oleh kuffar dengan mubaya'ah Nabi itu, turun dengan mereka itu oleh ketakutan dan menyuruh oleh mereka itu akan seorang lelaki

daripada mereka itu meminta uzur ia dengan bahawasa perang itu tiada jatuh ia melainkan daripada segala orang yang safih-safih daripada mereka itu dan meminta lepas ia akan orang yang kena tawan daripada mereka itu. Maka bersabda Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam bahawasanya: Aku tiada aku lepas mereka itu hingga kamu lepaskan sahabatku. Maka berkata oleh demikian lelaki: Engkau insaf akan kami, yakni engkau mengadilkan akan kami. Maka bangkit ia kepada mereka itu, maka melepas oleh mereka itu akan Saiyidina Uthman dan jamaah daripada muslimin.

Dan telah jatuh *sulh* (perdamaian) antara Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam dan antara demikian lelaki itu atas syarat bahawa dihentikan perang antara mereka itu sepuluh tahun dan bahawa mengamankan setengah mereka itu akan setengahnya dan bahawa kembali ia daripada mereka itu pada tahun mereka itu dan datang ia mengerjakan umrah pada tahun hadapan dan dikembalikan kepada mereka itu akan orang yang datang ia daripada mereka itu pada hal Islam dan bahawa tiada dikembalikan oleh mereka itu kepada Nabi akan orang yang datang ia kepada mereka itu daripada orang yang mengikut ia akan mereka itu, yakni segala yang murtad daripada muslimin. Dan menyuruh bagi mereka itu oleh Saiyidina 'Ali bin Abi Thalib dengan demikian itu akan satu kitab.

Maka benci oleh muslimun akan segala syarat ini dan berkata mereka itu: Ya Rasulullah, bahawa kami kembali akan mereka itu dan tiada dikembalikan oleh mereka itu akan kami. Maka sabdanya: Bahkan. Adapun orang yang lari daripada kita kepada mereka itu, maka telah menjauh akan dia oleh Allah Ta'ala dan orang yang datang daripada mereka itu kepada kita, maka lagi akan dijadikan oleh Allah Ta'ala baginya akan kelepasan dan tempat keluar. Kemudian bersabda Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam bagi segala sahabatnya: Berdiri oleh kamu, maka menyembelih oleh kamu dan bercukur oleh kamu. Telah berkata rawi: Demi Allah, tiada berdiri daripada mereka itu seorang hingga bersabda ia akan yang demikian itu tiga kali. Maka tatkala tiada berbuat oleh mereka itu, masuk oleh Nabi atas Ummu Salamah dan bersabda ia: Telah binasa segala muslimun, aku suruh akan mereka itu bahawa bercukur mereka itu dan menyembelih oleh mereka itu, maka tiada berbuat oleh mereka itu. Maka berkata Ummu Salamah: Ya Rasulullah, jangan engkau

cerca akan mereka itu, maka bahawasanya masyaqqah atas mereka itu oleh *sulh* ini. Keluar olehmu dan jangan engkau berkata-kata akan seorang hingga engkau berbuat akan yang demikian itu. Maka keluar ia, maka menyembelih ia dengan tangannya dan menyeru ia akan tukang cukurnya. Maka tatkala melihat oleh mereka itu akan demikian itu, berdiri oleh mereka itu dan menyembelih mereka itu dan jadilah setengah mereka itu mencukur akan setengahnya hingga hampir berbunuh-bunuhan oleh setengah mereka itu akan setengahnya seperti barang yang tersebut di dalam Hadis Bukhari. Dan kata musannif: Dan dalil ini dengan dirinya jadi dalil bagi wajib yang ketika taqrirnya bahawa engkau kata: Jikalau khianat oleh mereka itu dengan menyembunyikan sesuatu daripada barang yang disuruh akan mereka itu dengan menyampaikan dia bagi makhluk, nescaya bertukarlah كِتْمَانٌ itu jadi taat pada hak mereka itu 'alaihimush shalatu wassalam kerana bahawasa kita disuruh akan kita dengan mengikut akan mereka itu pada أَقْوَالٌ (perkataan) mereka itu dan segala perbuatan mereka itu dan tiada menyuruh Allah Ta'ala dengan berbuat yang haram dan tiada menyuruh Ia dengan berbuat yang makruh tetapi bertukar كِتْمَانٌ jadi taat itu batil kerana bahawasanya ia diharamkan dengan ijma' lagi dilaknat orang yang berbuat dia.

Dalil Harus A'radh Basyariyah Atas Segala Rasul

وَأَمَّا دَلِيْلُ جَوَازِ الأَعْرَاضِ الْبَشَرِيَّةِ عَلَيْهِمْ فَمُشَاهَدَةُ وُقُوْعِهَا بِهِمْ إِمَّا لِتَعْظِيْمِ أُجُوْرِهِمْ أَوْ لِلتَّشْرِيْعِ أَوْ لِلتَّسَلِّي عَنِ الدُّنْيَا أَوْ لِلتَّنْبِيْهِ لِخِسَّةِ قَدْرِهَا عِنْدَ اللهِ تَعَالَى وَعَدَمِ رِضَاهُ بِهَا دَارَ جَزَاءٍ لِأَنْبِيَائِهِ وَأَوْلِيَائِهِ بِإِعْتِبَارِ أَحْوَالِهِمْ فِيْهَا عَلَيْهِمُ الصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ.

Dan adapun dalil harus a'radh basyariyah atas mereka itu maka iaitu nyata dipandang jatuhnya dengan mereka itu, adakalanya kerana membesarkan pahala mereka itu atau kerana mengajarkan syari'at atau kerana sabar daripada dunia atau kerana menjagakan bagi kekurangan kadarnya pada Allah Ta'ala dan ketiadaan reda Allah Ta'ala dengan dunia

ini akan negeri tempat balasan bagi segala Anbiya'Nya dan Auliya'nya dengan dii'tibarkan ahwal mereka itu di dalamnya 'alaihimush shalatu wassalam.

Ertinya, bahawa dalil harus *a'radh basyariyah* atas segala Rasul 'alaihimush shalatu wassalam itu dilihat jatuhnya dengan mereka itu bagi orang yang semasa ia dengan mereka itu. Dan sampai khabar yang demikian itu dengan khabar mutawatir kepada orang yang tiada semasa dengan mereka itu dan tiada berkehendak kemudian daripada dilihat atau kemudian daripada sampai khabar yang mutawatir itu kepada kenyataan lagi kerana bahawasa sekalian mereka itu sakit mereka itu dan makan mereka itu dan minum mereka itu dan berkahwin mereka itu.

Kemudian menyata oleh *musannif* akan beberapa faedah jatuh *a'radh basyariyah* dengan mereka itu. Maka setengah daripada yang demikian itu membesarkan pahala mereka itu dengan sebab sabar atas umpama sakit mereka itu dan menyakiti makhluk bagi mereka itu dan lapar mereka itu. Dan tersebut di dalam hadis, bermula sabar itu tiga:

Pertama: Sabar atas maksiat dengan menjauh akan dia.

Kedua: Sabar atas taat dengan mengerjakan dia dan jikalau ber-sangatan sakitnya dan malasnya sekalipun.

Dan ketiga: Sabar atas bala dengan meninggalkan keluh kesah dan meninggalkan mengaduh-aduh.

Maka barang siapa sabar atas maksiat hingga dikembalikan dia dengan baik sabarnya, disuratkan oleh Allah Ta'ala baginya pahala tiga ratus darjah, antara satu darjah kepada satu darjah itu seperti antara langit dan bumi. Dan barang siapa sabar atas taat, disurat oleh Allah Ta'ala baginya pahala enam ratus darjat, antara satu darjat kepada satu darjat itu daripada bawah bumi yang ketujuh hingga di atas Arasy'. Dan barang siapa sabar atas bala, disuratkan Allah Ta'ala baginya pahala sembilan ratus darjah, antara satu darjah kepada satu darjah itu daripada bawah bumi yang ketujuh hingga kepada puncak 'Arasy dua kali. Dan sabda Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam:

أَشَدُّكُمْ بَلاَءً الأَنْبِيَاءُ ثُمَّ الأَوْلِيَاءُ ثُمَّ الأَمْثَل فَالأَمْثَل

Ertinya: Yang terlebih sangat bala daripada kamu itu 'anbiya' kemudian auliya' kemudian yang seumpama auliya' daripada mereka yang soleh-soleh kemudian maka yang mengiringi mereka itu yang terkebawah daripada mereka itu.

Dan telah berkata Imam Qusyairi: Tiada tiap-tiap seorang itu ahli bagi bala kerana bala itu bagi Auliya'. Dan adapun segala ajnabi yakni orang yang bukan hampir dengan darjat wali, maka melampaui ia daripada mereka itu dan dilepaskan jalan bagi mereka itu.

Dan diriwayatkan bahawasa Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam berkehendak ia akan bahawa berkahwin dengan perempuan yang elok. Maka dikata orang baginya bahawasa perempuan itu tiada mengena sakit ia, maka berpaling ia daripadanya, yakni meninggal ia daripada berkahwin dengan dia. Dan dihikayatkan bahawasa 'Ammar anak Yasir berkahwin ia akan perempuan yang tiada sakit sekali-kali, maka mentalak ia akan dia.

Maka jika dikata orang bahawasa membesarkan pahala mereka itu tiada terhenti ia atas jatuh demikian bala sakit dengan mereka itu kerana harus bahawa Allah Ta'ala membesarkan pahala mereka itu dengan ketiadaan yang demikian itu. Dijawab akan dia dengan bahawa Allah Ta'ala:

لَا يُسْـَٔلُ عَمَّا يَفْعَلُ ..... ﴿٢٣﴾

Ertinya: *Tiada ditanyakan daripada barang yang berbuat ia.* **(Surah al-Anbiya': Ayat 23)**

Dan lagi jatuh sakit dan menyakiti makhluk itu dengan ikhtiarNya dan dengan adilNya. Dan jikalau tiada, maka Allah Ta'ala itu kuasa Ia atas menyampaikan pahala yang amat besar kepada mereka itu dengan tiada mengenakan bala pada mereka itu.

Dan setengah daripada beberapa faedah itu mengajarkan segala hukum bagi kita supaya kita ketahui akan dia seperti barang yang kita ketahui akan hukum sujud sahwi di dalam sembahyang daripada lupa penghulu kita Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi wasallam di dalamnya dan betapa menunaikan sembahyang di

dalam ketakutan dan di dalam kesakitan daripada perbuatan Nabi kita Muhammad Shallallahu 'alaihi wasallam dan tiada dikatakan bahawasanya yang demikian itu hasil dengan perkataan Nabi. Ertinya, maka tiada faedah pada jatuh demikian itu a'radh dengan mereka itu kerana bahawasanya kita kata: Bermula dilalah fi'il itu terlebih kuat daripada dilalah qaul kerana bahawasanya terkadang mengi'tiqad oleh mukallaf pada perkataan itu bahawasanya ia hendak memudahkan bagi kita. Maka menyalahi ia akan dia seperti bahawa mengembali oleh orang yang lupa akan sembahyangnya daripada awalnya dan tiada ia sampaikan atas sujud sahwi dan disembahyangkan oleh orang yang sakit itu dengan berdiri. Dan jikalau hasil baginya musyaqqah yang sangat sekalipun kerana mengambil dalil ia dengan bahawasanya jikalau tiada ia hendak memudahkan akan kita, nescaya berbuat ia akan dia.

Dan adapun perbuatan, maka tiada dapat padanya oleh yang demikian itu kerana bahawasanya tiada berpaling oleh seorang daripada fi'il Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam kemudian daripada sudah melihat oleh seorang itu kemudian daripada tsubut dari kerana tiada berbuat Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam bagi dirinya melainkan yang terlebih afdhal. Maka jadilah dalil fi'il itu terlebih kuat daripada dalil qaul seperti hikayat yang telah lalu sebutnya pada tahun Fathu Mekah, Nabi menyuruh berbuka puasa Ramadhan dan pada tahun Hudaibiyah Nabi menyuruh bercukur, maka tiada dikerjakan oleh seorang, maka tatkala melihat oleh mereka itu akan Nabi berbuat akan yang demikian itu, maka bersesak-sesak mereka itu berbuat yang demikian itu.

Dan setengah daripada beberapa faedah itu tersabar daripada dunia. Ertinya tersabar bagi orang lain daripada mereka itu daripada dunia. Bermula yang demikian itu bahawasanya apabila melihat oleh manusia akan maqam segala penghulu yang amat mulia yang bermula mereka itu pilihan Allah Ta'ala daripada segala makhlukNya dan pilihanNya daripada segala hambaNya serta barang yang jatuh bagi mereka itu daripada demikian itu a'radh, nescaya senanglah hatinya dan tersabarlah ia daripada dunia.



Ta'rif Dunia Dan Kaitannya Dengan Akhirat

Syahdan: *Murad* dengan dunia di sini segala harta dan segala yang mengikut baginya seperti kemegahan dan kesenangan dan segala yang lazat-lazat. Dan adapun dunia pada kata *musannif*.

وَعَدَمِ رِضَاهُ بِهَا دَارَ جَزَاءٍ لأَنْبِيَائِهِ وَأَوْلِيَائِهِ

Itu maka *murad* dengan dia barang yang antara langit dan bumi atau jumlah alam. Dan setengah daripada beberapa faedah itu menjagakan bagi kekejian kadar dunia ini pada Allah Ta'ala. Ertinya, kerana mengingatkan akan orang yang lain bagi kekurangan kadarnya pada Allah Ta'ala. Dan bermula yang demikian itu kerana bahawasanya apabila melihat oleh umat akan mereka itu, berpaling mereka itu daripada dunia akan sebagai berpaling orang yang berakal daripada bangkai, nescaya teringat dan terjaga oleh mereka tu bagi kekejian kadarnya pada Allah Ta'ala. Dan kerana inilah berpaling Nabi daripada dunia itu serta kuasa ia meluaskan di dalamnya. Maka adalah ia memakai kain yang bertampung dan kain bulu dan memakan ia akan makanan yang kurang-kurang dan duduk ia di atas tanah dengan tiada lapik dan makan ia di atas tanah. Dan bersabda ia: Aku hamba, makan aku seperti barang yang memakan hamba dan duduk aku seperti duduk hamba. Dan duduk ia di atas tikar dan atas kulit yang disamak dan terkadang tidur ia atas tikar daun tamar yang kasar-kasar. Maka berbekas pada tubuhnya yang mulia yakni pada lambungnya dan masuk Saiyidina 'Umar kepada Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam dan ia berguling di atas tikar daun tamar. Dan sanya telah berbekas pada lambungnya dan bertelekan ia di atas bantal daripada kulit kambing yang diisi dengan sabut pohon tamar. Maka menangis Saiyidina 'Umar, maka sabdanya: Apa yang menangis akan dikau, ya 'Umar? Sembahnya: Teringat aku akan Kisra dan Qaisar yakni raja Farsi dan raja Rom, pada hal mereka itu seteru Allah di dalam kain sutera dan engkau Rasulullah dan pilihanNya daripada segala makhluk di atas tikar tamar ini. Maka sabda Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam: Adakah padaku ini syak engkau, ya 'Umar. Tiadakah engkau reda bahawa adalah bagi mereka itu dunia dan bagi kita akhirat. Maka sembahnya: Bahkan. Maka sabdanya: Maka iaitu seperti demikian

inilah.

Dan adalah Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam lalu atasnya dua bulan tiada dinyalakan pelita pada rumahnya dan tiada api bagi masak kerana tiada suatu yang hendak dimasakkan dia seperti barang yang berkata 'A'isyah, maka bertanya 'Urwah anak Zubair: Hai saudara ibuku, apa ada kehidupanmu. Maka katanya: Dua yang hitam. Yakni air dan tamar melainkan adalah bagi Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam jiran, bahawasanya bagi mereka itu ibu kambing. Maka adalah mereka itu menghantarkan kepada Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam daripada susunya, maka meminum kami daripadanya. Dan adalah ia bermalam dan isi rumahnya beberapa malam yang berturut-turut berlipat-lipat perutnya, yakni kempih (kempis) kerana tiada makan sebab tiada suatu yang hendak dimakan pada malam itu.

Dan cerita daripada Ibnu Abbas Radhiyallahu 'anhuma katanya: Adalah Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam pada suatu hari dan Jibril di bukit Shafa. Maka bersabda ia: Demi Tuhan yang membangkitkan dikau dengan sebenar, tiada berpetang-petang bagi isi rumah Muhammad segenggam daripada tepung dan tiada setapak tangan daripada sawiq, yakni sagun. Maka tiada sempurna berkata-kata dengan Jibril hingga didengar suara yang amat keras daripada langit yang mengejutkan dia. Maka sabda Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasalam: Adakah menyuruh Allah Ta'ala akan kiamat bahawa berdiri ia? Maka sembahnya: Tiada. Dan tetapi Allah Ta'ala menyuruh Ia akan Israfil turun, maka turun ia dengan suruh Allah mendirikan kepada tuan hamba tatkala mendengar Allah Ta'ala akan kalam tuan hamba. Maka mendatang akan dia oleh Israfil, maka berkata ia: Bahawasanya Allah Ta'ala telah mendengar akan barang yang tuan hamba sebut itu. Maka menyuruh Ia akan daku kepadamu dengan beberapa anak kunci bendaharaan bumi dan menyuruh Ia akan daku bahawa melintangkan atasmu. Aku menjalankan sertamu akan segala bukit Tihamah jadi permata zamrud dan yaqut dan emas dan perak. Jikalau engkau kehendak Nabi lagi raja, maka ambil olehmu dan jikalau engkau kehendak Nabi lagi hamba, maka ambil olehmu. Maka mengisyarat kepadanya oleh Jibril bahawa engkau tawadhu'. Maka lalu bersabda ia: Tetapi Nabi lagi hamba. Dan pada **Syifa'**



(nama kitab) bahawasa Jibril berkata ia baginya: Bahawasa Allah Ta'ala berfirman Ia bagi engkau: Adakah kasih engkau bahawa Aku jadikan bagi engkau akan ini segala bukit emas? Dan adalah ia serta engkau di mana tempat ada engkau. Maka tunduk Nabi satu saat, kemudian maka sabda ia: Hai Jibril, tiada bagiku dan bagi dunia.

Bermula dunia itu negeri bagi orang yang tiada negeri baginya dan harta bagi orang yang tiada harta baginya. Dan sanya yang menghimpunkan dia itu orang yang tiada akal baginya. Maka kata Jibril baginya: Telah menetapkan oleh Allah Ta'ala akan dikau dengan perkataan yang tetap. Dan pada satu riwayat bahawa aku berlapar satu hari, maka aku sabar dan aku kenyang satu hari, maka aku syukur. Maka apabila tilik oleh orang yang berakal pada barang yang hasil bagi Anbiya' daripada kesakitan dan kesusahan dan bala, nescaya hasil baginya pengetahuan dengan bahawasanya tiada reda Ia bahawa menjadikan dunia itu negeri tempat balas bagi Anbiya'Nya dan Auliya'Nya kerana fananya dan hinanya dan picitnya daripada barang yang memberi ia akan mereka itu daripada nikmat. Dan jikalau ada ia negeri tempat balasan, nescaya menjadi ia akan dia bagi mereka itu kerana bahawasa mereka itu terlebih banyak ibadat daripada makhluk dan terlebih sangat taat dan kerana inilah bersabda Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam:

الدُّنْيَا جِيْفَةٌ قَذِرَةٌ

Ertinya: *Bermula dunia itu bangkai lagi luat.*

Dan tiada mengambil oleh mereka itu 'alaihimush shalatu wassalam daripadanya melainkan sekira-kira bekal orang yang hendak bersegera berjalan. Dan lagi sabdanya Shallallahu 'alaihi wasallam:

كُنْ فِي الدُّنْيَا كَأَنَّكَ غَرِيْبٌ أَوْ عَابِرُ سَبِيْلٍ

Ertinya: *Jadikan olehmu akan dirimu di dalam dunia ini seolah-olah engkau orang yang dagang tetapi seolah-olah orang yang lalu pada jalan.*

Dan lagi sabda Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam:

لَوْ كَانَتِ الدُّنْيَا تَزِنُ عِنْدَ اللهِ جَنَاحَ بَعُوْضَةٍ مَا سَقَى الْكَافِرَ مِنْهَا

جَرْعَةَ مَاءٍ

Ertinya: *Jikalau adalah dunia itu berguna setimbang sayap nyamuk pada Allah Ta'ala, nescaya tiada diberi minum akan orang yang kafir daripadanya satu teguk air.*

Dan sungguhnya telah sampai akan Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam oleh bahawa Usamah anak Zaid membeli ia akan jariyah, yakni hamba perempuan bertangguh harganya sebulan. Maka bersabda Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam: Bahawasa Usamah, demi Allah panjang angan-angan. Kemudian bersabda ia: Tiadaku angkatkan tapak kakiku dan aku sangka bahawa aku hantarkan akan dia hingga diambil akan nyawaku dan tiada aku bukakan mataku dan aku sangkakan bahawa aku pejam akan dia hingga diambil akan nyawaku dan tiada aku mamahkan akan suatu mamah dan aku sangkakan bahawa aku telam (telan) akan dia hingga diambil akan nyawaku. Dan demi diri Muhammad dalam tangan QudratNya bahawasa barang yang dijanji akan kamu itu lagi akan datang. Dan tiada kamu luput daripada perintah Allah Ta'ala dan telah mengeluarkan oleh Abu Nu'aim daripada Abi Hurairah berkata ia: Telah datang oleh seorang lelaki kepada Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam. Maka sembahnya: Ya Rasulullah, apalah bagiku, tiada aku kasih akan mati. Maka sabdanya: Adakah bagi engkau itu harta? Maka sembahnya: Bahkan. Maka sabda Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam: Dahulukan olehmu akan dia. Maka bahawasanya hati orang yang mukmin serta hartanya jika mendahulu ia akan dia, nescaya kasih ia bahawa menghubungi ia akan dia dan jika dita'khir akan dia, nescaya kasih ia akan bahawa ta'khir ia daripadanya.

Dan ketahui olehmu, bahawasa cela yang warid daripada dunia itu hanyasanya ia pada dunia yang berbimbang daripada Allah, yakni yang menyampaikan daripada ibadat akan Allah dan atas dunia ini ditanggungkan sabda Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam:

الدُّنْيَا مَلْعُوْنَةٌ، مَلْعُوْنٌ مَا فِيْهَا إِلاَّ ذِكْرُ اللهِ وَمَا وَالاَهُ

Ertinya: *Bermula dunia itu kena laknat lagi kena laknat barang yang di dalamnya melainkan zikrullah dan barang yang mengiringi ia akan dia.*



Ertinya daripada tasbih dan tahmid dan lainnya daripada segala bagai ibadat. Adapun dunia yang tiada membimbang ia daripada zikrullah, maka tiada cerca padanya tetapi ia dipuji dan atasnya ditanggungkan sabda Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam: Sebaik-baik dunia itu kenderaan bagi orang yang mukmin dengan dia sampai ia kepada kebajikan. Dan dengan dia lepas ia daripada kejahatan dan dengan demikian itu diketahui akan bahawasa dunia itu tiada ia kepujian bagi zatnya dan cerca bagi zatnya.

Kelebihan Kalimah Tauhid

Dan tatkala selesai oleh *musannif* daripada berkata-kata atas barang yang wajib atas tiap-tiap mukallaf mengenalkan dia men*tamam* ia akan faedah dengan menyatakan kelebihan kalimah yang *musyarrafah* yang ia kalimah tauhid. Maka berkata ia:

وَيَجْمَعُ مَعَانِي هَذِهِ الْعَقَائِدِ كُلِّهَا قَوْلُ "لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ مُحَمَّدٌ رَسُوْلُ اللهِ" إِذْ مَعْنَى الأُلُوْهِيَّةِ اسْتِغْنَاءُ الإِلَهِ عَنْ كُلِّ مَا سِوَاهُ، وَافْتِقَارُ كُلِّ مَا سِوَاهُ إِلَيْهِ، فَمَعْنَى "لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ" لاَ مُسْتَغْنًى عَنْ كُلِّ مَا سِوَاهُ وَمُفْتَقِرًا إِلَيْهِ كُلُّ مَا عَدَاهُ إِلاَّ اللهُ تَعَالَى.

Dan menghimpunkan akan segala makna ini 'aqa'id sekaliannya oleh kata لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ مُحَمَّدٌ رَسُوْلُ اللهِ *kerana makna ketuhanan itu terkaya Tuhan daripada tiap-tiap barang yang lainnya. Dan berkehendak oleh tiap-tiap barang yang lainnya itu kepadaNya. Maka makna* لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ *itu tiada yang terkaya daripada tiap-tiap barang yang lainnya dan tiada yang berkehendak kepadaNya oleh tiap-tiap barang yang lainnya melainkan Allah Ta'ala.*

Ertinya, bahawasanya makna sekalian 'aqa'id ini masuk ia di dalam makna لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ. Dan menyata oleh *musannif* akan demikian termasuk itu dengan ditafsirkan makna ketuhanan pada hal tiada bersusunan, yakni tiada dihimpunkan kepadanya أَدَاةُ nafi dan bahawasa maknanya terkaya Tuhan daripada tiap-tiap barang yang lainnya dan berkehendak tiap-tiap barang yang lain kepadaNya.

Kemudian menyata ia akan maknanya pada hal bersusun yakni dihimpunkan kepadanya أَدَاةٌ nafi dengan katanya: Maka makna لا إِلَهَ إِلاَّ اللهُ itu tiada yang terkaya daripada tiap-tiap barang yang lainnya dan tiada yang berkehendak kepadaNya oleh tiap-tiap barang yang lainnya melainkan Allah Ta'ala dan seumpama makna yang bersusun ini:

لاَ مَعْبُوْدَ بِحَقٍّ فِي الْوُجُوْدِ إِلاَّ اللهُ

Ertinya: *Tiada yang disembah dengan sebenar pada wujud melainkan Allah.*

Maka erti Allah itu nama bagi zat Tuhan kita yang wajib al-Wujud yang bersifat Ia dengan segala sifat Kamalat dan Maha Suci daripada segala sifat kekurangan dan Maha Suci daripada dapat dirupakan dengan suatu rupa. Dan makna inilah yang diamalkan tatkala menyebut لا إِلَهَ إِلاَّ اللهُ pada segala negeri yang besar-besar pada sekalian masa kerana mudah menghadirkan dia sebab pendeknya, lagi pula terkandung di dalamnya oleh barang yang terkandung pada: لاَ مُسْتَغْنِيًا عَنْ كُلِّ مَا سِوَاهُ، وَمُفْتَقِرًا إِلَيْهِ كُلُّ مَا عَدَاهُ إِلاَّ اللهُ daripada yang wajib dan yang mustahil dan yang harus.

Ketahui olehmu, hai *Thalib* (pelajar)! Bahawasa menghadirkan segala makna 'aqa'id al-Iman tatkala menyebut لا إِلَهَ إِلاَّ اللهُ itu bukan atas jalan tafshil satu-satu kerana yang demikian itu telah lemah oleh kuasa anak Adam menghadirkan dia dan bandingannya itu seperti Takbiratul-Ihram. Maka bahawasanya lemah kuasa anak Adam menghadirkan sekalian rukun sembahyang yang tiga belas dengan tafshil satu-satu tatkala mengata اللهُ أَكْبَرُ itu dan hanya memadai menghadirkan dia dengan ijmal jua.

Bermula إِلَهٌ itu kalimah bahasa Arab dan maknanya dengan bahasa melayu: "Tuhan yang disembah dengan sebenar" dan madlulnya itu zat yang bersifat dengan sekalian sifat Kamalat, kemudian maka dipakaikan pada مُسْتَغْنَى atau مَعْبُوْدٌ. Dan مُسْتَغْنَى itu zat yang bersifat dengan kaya dan makna مَعْبُوْدٌ itu zat yang bersifat dengan disembah. Maka inilah istilah Ahli al-Nahu yang membicarakan mereka itu akan ilmu Arab. Dan lafaz إِلَهٌ itu daripada kalam Arab.

Adapun kata setengah orang yang mendakwa dirinya itu alim yang berkata ia bahawa إِلَه itu bukan makna Tuhan dengan bahasa Melayu dan hanyasanya makna إِلَه itu yang kaya. Maka jangan engkau hiraukan bicaranya dan jangan engkau dengarkan katanya kerana ia tiada mengetahui bahasa Arab. Dan Tuhan tiada Ia mengetahui bahasa Melayu kerana erti yang itu dengan bahasa Melayu zat dan erti kaya itu sifat. Maka hendaklah engkau kembali kepada bicara yang dahulu itu jua dan betapa ia menyalahi daripada yang sebenarnya, maka jadilah ia tiada mengetahui akan barang yang dikatanya. Inilah ahwal kebanyakan daripada orang jawi yang mendakwa dirinya alim. Subhanallah, orang yang mengetahui dirinya alim pada hal ia bersangatan jahil.

Kelebihan Orang Yang Berilmu

Ketahui olehmu, hai *Thalib*! Bahawasanya orang yang mengamalkan ilmunya lagi kerana Allah semata-mata seperti qasadnya kerana hendak keluar daripada kelam jahil kepada terang ilmu supaya sah i'tiqad dan ibadat. Maka ialah yang terlebih martabatnya pada Allah Ta'ala seperti sabda Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam:

فَضْلُ الْعَالِمِ عَلَى الْعَابِدِ كَفَضْلِي عَلَى أُمَّتِي

Bermula kelebihan orang yang alim atas orang yang 'abid yang tiada alim itu seperti kelebihan aku atas umatku.

Dan *murad* dengan alim pada sabda Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam itu iaitu alim yang mengamalkan ilmunya dengan semata-mata kerana Allah dengan dalil sabdanya pula:

الْعُلَمَاءُ وَرَثَةُ الأَنْبِيَاءِ

Ertinya: *Ulama itu mewaris mereka itu akan Anbiya'.*

Yakni tiada dibilangkan alim melainkan alim yang mengambil pusaka daripada Anbiya'. Dan *murad* mengambil pusaka akan Anbiya' itu iaitu mengambil ilmu itu kerana hendak diamal akan

dia dan hendak mengajar orang yang jahil akan dia. Dan dengan demikian itulah dinamakan dia dengan membaik oleh mereka itu akan agama dan mempusakakan ilmu itu daripada Anbiya'.

Adapun orang yang alim yang tiada mengamalkan ilmunya atau dituntut ilmu itu bukan kerana Allah seperti qasad akan bersedap-sedap dan bermegah-megah dan terdahulu atas orang yang semasa dengan dia dan supaya cenderung muka manusia kepadanya dan supaya menghimpunkan kekayaan dunia. Maka bukan ia mengambil pusaka daripada Anbiya' jika dikekalkan qasadnya itu tetapi ia mengusahai meruntuhkan agama dan membinasakan dirinya. Dan sebab besar martabat orang alim pada Allah Ta'ala dan pada dunianya itu, maka jadilah kebanyakan daripada manusia yang jahil mendakwa dirinya alim seperti kata Syeikh Abdullah Syansyuri di dalam Syarah Nazhm al-Rahbiyah:

وَكَفَى بِالْعِلْمِ شَرَفًا أَنَّ كُلَّ أَحَدٍ يَدَّعِيهِ وَبِالْجَهْلِ قُبْحًا أَنَّ كُلَّ أَحَدٍ يُنْكِرُهُ

Ertinya: *Dan memadalah ilmu itu kemuliaannya bahawa tiap-tiap seorang itu mendakwa dirinya berilmu dan memadalah jahil itu kecelaan bahawa tiap-tiap seorang itu enggan ia akan dirinya daripada jahil, yakni benci ia jikalau dibangsakan orang akan dia itu jahil.*

Faedah:

Ini suatu faedah pada menyatakan kelebihan ilmu riwayat daripada Dailami daripada Ibnu Umar akan sabda Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam dikatakan bagi orang yang alim itu pada hari kiamat: Syafaatkan olehmu daripada muridmu dan jikalau sampai bilangannya seperti bintang di langit sekalipun.

Dan riwayat daripada Malik Ibnu Dinar: Barang siapa menolong ia akan orang yang menuntut ilmu, diberikan dia oleh Allah Ta'ala suratnya dengan tangan kanannya. Dan barang siapa kasih ia akan orang yang menuntut ilmu, sungguhnya kasih ia akan Anbiya'. Dan barang siapa kasih ia akan Anbiya' adalah ia

sertanya di dalam syurga. Dan baran gsiapa benci ia akan orang yang menuntut ilmu, maka sanya benci ia akan Anbiya', maka balasnya neraka Jahannam.

Dan bahawasanya bagi Thalib al-'Ilmi itu syafa'at seumpama syafa'at Anbiya'. Dan baginya pada syurga Jannah al-Firdaus sepuluh ribu mahligai dan pada syurga Jannah al-Khuld seratus ribu dusun daripada nur dan pada syurga Jannah al-Ma'wa tiga puluh ribu darjat daripada yaqut yang merah dan baginya dengan tiap-tiap dirham yang ia nafkahkan di dalam menuntut ilmu itu dibalaskan anak bidadari sebilang-bilang bintang di langit dunia dan sebilang-bilang malaikat. Dan barang siapa berjabat tangan akan orang yang menuntut ilmu, nescaya diharamkan oleh Allah Ta'ala akan jasadnya atas api neraka. Dan barang siapa menolong ia akan orang yang menuntut ilmu, disurat oleh Allah Ta'ala baginya akan kelepasan daripada api neraka.

Ketahui olehmu, dan bahawasa orang yang menuntut ilmu itu apabila mati ia, diampun oleh Allah Ta'ala bagi orang yang hadir jenazahnya.

Dan ketahui olehmu, bahawasa hilang ulama itu, hilanglah ilmu.

Dan barang siapa menyakiti akan Thalib al-Ilmi, dilaknat oleh malaikat akan dia dan berjumpa ia akan Allah Ta'ala pada hari kiamat dan iaitu atasnya marah Allah Ta'ala.

Ketahui olehmu, bahawasa barang siapa menolong akan orang yang menuntut ilmu dengan satu dirham, menyuka akan dia oleh malaikat tatkala hendak keluar nyawanya dengan syurga dan dibukakan pintu daripada nur pada kuburnya.

Dan sabda Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam:

مَنْ تَعَلَّمَ بَابًا مِنَ الْعِلْمِ يَعْمَلُ بِهِ وَيُعَلِّمُهُ غَيْرَهُ، كَانَ خَيْرًا لَهُ مِنْ خَمْسِمِائَةِ رَكْعَةٍ رَكَعَهَا

Ertinya: *Barang siapa belajarkan satu bab daripada ilmu supaya diamalkan dengan dia dan ia hendak mengajar akan orang lain, adalah ia terlebih baik daripada sembahyang lima*

ratus rakaat yang dirukuknya.

Dan pada satu riwayat:

مَنْ تَعَلَّمَ بَابًا مِنَ الْعِلْمِ يَعْمَلُ بِهِ وَيُعَلِّمُ غَيْرَهُ، كَانَ خَيْرًا لَهُ مِنْ أَلْفِ رَكْعَةٍ رَكَعَهَا

Ertinya: *Barang siapa belajar satu bab daripada ilmu supaya hendak beramal ia dengan dia dan mengajar ia akan yang lainnya, nescaya adalah ia terlebih baik baginya daripada seribu rakaat sembahyang yang dirukuknya akan dia.*

Dan cerita daripada Anas Radhiyallahu 'anhu, sabda Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam:

مَنْ أَحَبَّ أَنْ يَنْظُرَ إِلَى عُتَقَاءِ اللهِ مِنَ النَّارِ فَلْيَنْظُرْ إِلَى الْمُتَعَلِّمِيْنَ وَالْمُسْتَمِعِيْنَ، فَوَالَّذِي نَفْسُ مُحَمَّدٍ بِيَدِهِ مَا مِنْ مُتَعَلِّمٍ وَمُسْتَمِعٍ يَمْشِي إِلَى بَابِ الْعِلْمِ إِلاَّ كَتَبَ اللهُ لَهُ بِكُلِّ قَدَمٍ عِبَادَةَ سَنَةٍ وَبَنَى لَهُ بِكُلِّ قَدَمٍ مَدِيْنَةً فِي الْجَنَّةِ، وَمَا دَامَ يَمْشِي عَلَى الأَرْضِ فَالأَرْضُ تَسْتَغْفِرُ لَهُ، وَيُمْسِي وَيُصْبِحُ مَغْفُوْرًا لَهُ وَشَهِدَتِ الْمَلاَئِكَةُ لَهُمْ أَنَّهُمْ عُتَقَاءُ اللهِ مِنَ النَّارِ.

Ertinya: *Barang siapa kasih bahawa hendak memandang kepada permerdekaan Allah daripada api neraka, maka hendaklah ia menilik kepada orang yang belajar ilmu dan kepada orang yang mendengar. Maka demi Tuhan yang diri Muhammad itu di dalam tanganNya, tiada daripada orang yang belajar dan orang yang mendengar yang berjalan ia kepada pintu ilmu melainkan disurat oleh Allah baginya dengan tiap-tiap satu langkah itu ibadat setahun dan diperbuat baginya dengan tiap-tiap qadam, yakni tiap-tiap langkah satu dusun di dalam syurga dan selama berjalan ia di atas bumi. Maka bumi itu mengucap istighfar baginya dan berpetang-petang dan berpagi-pagi diampunkan dosanya dan disaksikan oleh*

malaikat bagi mereka itu bahawasanya permerdekaan Allah Ta'ala daripada api neraka.

Dan lagi sabdanya:

إِنَّ مِنَ النَّاسِ أُنَاسًا يَدْخُلُوْنَ الْجَنَّةَ مَجَّانًا، قَالُوْا: يَا رَسُوْلَ اللهِ! مَنْ هُمْ؟ قَالَ: مَنْ كَانَ فِيْ قَلْبِهِ مِنْ حُبِّ الْعُلَمَاءِ مِثْقَالُ ذَرَّةٍ وَإِنَّ مِنَ النَّاسِ أُنَاسًا يَدْخُلُوْنَ النَّارَ مَجَّانًا، قَالُوْا: يَا رَسُوْلَ اللهِ! مَنْ هُمْ؟ قَالَ: مَنْ كَانَ فِي قَلْبِهِ مِنْ بُغْضِ الْعُلَمَاءِ مِثْقَالُ ذَرَّةٍ.

Ertinya: *Bahawasa setengah daripada manusia itu beberapa orang yang masuk mereka itu ke syurga semata-mata, maka sembah mereka itu: Siapa ia, ya Rasulullah? Maka sabdanya: Iaitu mereka yang ada pada hatinya kasih akan ulama satu misqal zarrah (sebutir debu). Dan bahawasa setengah daripada manusia beberapa orang yang masuk mereka itu akan neraka semata-mata. Maka sembah mereka itu: Siapa ia, ya Rasulullah? Maka sabdanya: Iaitu orang yang ada pada hatinya benci akan ulama satu misqal zarrah.*

Dan lagi sabda Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam:

مَنْ أَحَبَّ الْعُلَمَاءَ لَمْ يُكْتَبْ عَلَيْهِ خَطِيْئَةٌ أَيَّامَ حَيَاتِهِ

Ertinya: *Barang siapa kasih akan ulama, tiada disurat atasnya segala kesalahannya selama hari hidupnya.*

Dan lagi sabda Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam:

مَنْ أَعَانَ عَالِمًا أَوْ مُتَعَلِّمًا وَلَوْ بِشَرْبَةِ مَاءٍ فَكَأَنَّمَا بَنَى الْكَعْبَةَ سَبْعِيْنَ مَرَّةً

Ertinya: *Barang siapa menolong akan orang yang alim atau orang yang belajar ilmu dan jikalau dengan satu teguk air sekalipun, maka seperti memperbuat ia akan Ka'bah Allah tujuh puluh kali.*

Dan lagi sabda Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam:

إِذَا مَرَّ مُتَعَلِّمٌ عَلَى قَرْيَةٍ رَفَعَ اللهُ الْعَذَابَ أَرْبَعِيْنَ يَوْمًا مِنْ مَقَابِرِ تِلْكَ الْقَرْيَةِ

Ertinya: *Apabila lalu orang yang belajar ilmu atas suatu dusun (kampung), diangkatkan Allah Ta'ala siksanya empat puluh hari daripada isi kubur demikian qaryah (kampung) itu.*

Dan cerita daripada Hasan al-Basri Radhiyallahu 'anhu katanya: Tiada aku ketahui suatu afdhal daripada berperang sabilillah melainkan bahawa adalah orang yang menuntut ilmu, maka bahawasanya afdhal daripada perang sabilillah. Dan barang siapa keluar daripada rumahnya kerana menuntut satu bab daripada ilmu, dikeliling akan dia oleh malaikat dengan sayapnya dan menselawat atasnya segala burung pada hawa dan binatang di padang dan ikan di dalam laut dan diberi pahala baginya dua puluh tujuh siddiq.

Dan tersebut di dalam kitab al-Barakah bahawasa Allah Ta'ala menghisab akan seorang hambaNya pada hari kiamat. Maka berat kejahatannya daripada kebajikannya. Maka disuruh dengan dia kepada neraka, maka apabila dibawanya dengan dia, maka firman Allah Ta'ala bagi Jibril: Dapatkan olehmu akan hambaKu dan tanyakan olehmu akan dia, adakah ia duduk pada tempat orang yang alim di dalam dunia. Maka Aku ampun akan dia dengan syafa'atnya. Maka bertanya Jibril akan dia, maka berkata ia: Tiada. Dan berkata Jibril: Hai Tuhanku, Engkau yang terlebih mengetahui akan hal hambaMu. Maka firmanNya: Tanyakan olehmu akan dia, adakah ia kasih akan orang yang alim. Maka ditanya akan dia. Maka berkata ia: Tiada. Maka firmanNya: Tanya olehmu, hai Jibril, adakah ia duduk bersama-sama dengan orang yang alim di dalam hidangan sekali. Maka ditanyanya. Maka katanya: Tiada. Maka firmanNya: Tanya olehmu, adakah namanya dan bangsanya muafakat dengan orang alim? Maka jika muafakat namanya atau bangsanya dengan orang yang alim, Aku ampun akan dia. Maka ditanyanya, maka tiada muafakat dengan dia. Maka firmanNya:

Hai Jibril! Ambil olehmu akan dia dengan tangannya dan masukkan olehmu akan dia ke dalam syurga. Maka bahawasanya adalah ia kasih akan seorang lelaki dan adalah lelaki itu kasih ia akan orang yang alim. Maka Aku ampun akan dia dengan berkatnya.

Dan riwayat daripada Abi Hurairah Radhiyallahu 'anhu katanya sabda Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam:

إِنَّ الْعُلَمَاءَ مَصَابِيْحُ الأَرْضِ، يَا أَبَا هُرَيْرَةَ أَمَا تَرَى النُّجُوْمَ فِي السَّمَاءِ؟ فَقُلْتُ: نَعَمْ. فَقَالَ: هَكَذَا أَهْلُ السَّمَاءِ يَرَوْنَ الأَرْضَ فَيَنْظُرُوْنَ الْعُلَمَاءَ فِيْهَا كَالنُّجُوْمِ، فَإِذَا مَاتَ الْعَالِمُ كَالنُّجُوْمِ إِذَا أَفَلَتْ.

Ertinya: *Bahawasanya segala orang yang alim itu seperti pelita bagi isi bumi. Hai Abu Hurairah, tiadakah engkau lihat akan bintang pada langit? Maka sembahku: Bahkan. Maka sabdanya: Demikianlah isi langit melihat ia akan isi bumi, maka melihat mereka itu akan ulama padanya seperti bintang, maka apabila mati orang yang alim adalah seperti bintang, apabila ghaib ia, yakni jatuh ia, maka kelam tiada nyata lagi.*

Dan lagi sabda Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam:

أَقْرَبُ النَّاسِ مِنْ دَرَجَةِ الأَنْبِيَاءِ أَهْلُ الْعِلْمِ

Ertinya: *Yang terlebih hampir manusia daripada pangkat Anbiya' itu iaitu Ahli al-Ilmi.*

Dan beberapa banyak lagi hadis yang menunjukkan atas kelebihan Ahli al-Ilmi itu. Maka barang yang tersebut itu memadalah bagi orang yang cerdik. Wallahu a'lam.

Dan kata *musannif*:

..... إِذْ مَعْنَى الأُلُوْهِيَّةِ اسْتِغْنَاءُ الإِلَهِ

hingga akhirnya seperti yang telah lalu sebutnya itu bahawasa makna ketuhanan itu dua makna:

Pertama: اسْتِغْنَاءُ الإِلَه عَنْ كُلِّ مَا سِوَاهُ ertinya: Terkaya Tuhan daripada tiap-tiap barang yang lainnya.

Dan yang kedua: افْتِقَارُ كُلِّ مَا سِوَاهُ إِلَيْه ertinya: Berkehendak oleh tiap-tiap barang yang lainnya itu kepadaNya.

Ketahui olehmu, bahawasanya adalah pada kalimah لاَ إِلَهَ إِلاَّ الله itu meliputi atasnya nafi dan itsbat. Maka yang dinafikan itu tiap-tiap hakikat ketuhanan yang lain daripada Allah Ta'ala. Maka yang dinafikan itu tiada wujud pada hakikatnya, tiada pada akal dan tiada pada syara' tetapi tatkala adalah makna إِلَهَ itu كُلِّي , maka ditakdirkan wujudnya kemudian, maka dinafikan akan dia. Maka dengan sebab itulah sah kita itsbatkan dengan kata إِلاَّ الله itu. Dan tatkala adalah Allah itu جُزْئِيٌّ yakni فَرْدٌ yang khas, sahlah kita اسْتِثْنَاءٌ جُزْئِيٌّ itu daripada كُلِّي dan yang diitsbatkan daripada hakikat ketuhanan itu iaitu الْمُسْتَغْنَى عَنْ كُلِّ مَا سِوَاهُ وَالْمُفْتَقِرُ إِلَيْه كُلُّ مَاعَدَاهُ iaitu zat yang satu iaitu zat Allah Ta'ala yang Wajib al-Wujud yang bersifat ia dengan sekalian sifat Kamalat dan Maha Suci daripada sekalian kekurangan. Maka adalah atas qaul yang shahihnya dinamakan اسْتِثْنَاءٌ itu muttasil kerana makna إِلَهَ itu الْمَعْبُوْدُ بِحَقٍّ menerima berbilang dengan sekira-kira kita tilik pada maknanya dan patut pula dikatakan atas yang banyak tetapi burhan akal dan dalil syara' memutuskan atas mustahil ada berbilang. Maka maknanya atas kata ini tiada yang Wajib al-Wujud yang mustahak bagi ibadat melainkan Allah. Maka الله yang kemudian daripada إِلاَّ itu bukan seperti makna إِلَهَ tetapi adalah ia جُزْئِيٌّ iaitu ilmu atas zat Tuhan kita, tiada dapat menerima maknanya itu berbilang tiada pada zihin dan tiada pada *shurah* (gambaran) dan tiada pada *kharij* kerana berdiri dalil aqal dan dalil naqal.

Dan kata setengah ulama adalah اسْتِثْنَاءٌ itu مُنْقَطِعٌ kerana Allah yang di*istisna'*kan (dikecualikan) itu bukan jenis daripada إِلَهَ yang dinafikan itu. Maka atas kata ini hanya yang dinafikan dengan lafaz لا itu dikerasi atas إِلَهٌ مَعْبُوْدٌ بِبَاطِل ditempatkan dia akan menempati 'adam. Maka qaul ini dha'if tiada dapat kita pegang akan dia. Dan hasil yang kita nafikan itu mustahil wujudnya pada akal dan pada syara' tetapi tatkala adalah lafaz إِلَهَ itu menerima banyak wujudnya kerana adalah maknanya: كُلُّ مُسْتَغْنٍ عَنْ كُلِّ مَا سِوَاهُ وَمُفْتَقِرٌ إِلَيْه كُلُّ مَا عَدَاهُ ertinya: Tiap-tiap yang kaya daripada tiap-tiap barang yang lain

dan yang berkehendak kepadaNya oleh tiap-tiap barang yang lainnya. Atau dikatakan: كُلُّ مُسْتَحِقٍّ لِلْعِبَادَةِ ertinya: Tiap-tiap yang mustahak bagi ibadat. Atau dikatakan: كُلُّ مَعْبُوْدٍ بِحَقٍّ ertinya: Tiap-tiap yang disembah dengan sebenar. Atau: كُلُّ وَاجِبِ الْوُجُوْدِ الْمُسْتَحِقِّ لِلْعِبَادَةِ ertinya: Tiap-tiap yang wajib wujud yang sebenar bagi ibadat. Maka sekalian itu satu maksudnya.

Maka manakala adalah makna إِلَهَ itu menunjukkan atas كُلِّي yakni melengkapi banyak lagi tasawwur wujudnya dengan kita tilik kepada mafhum lafaznya dan mustahil berbilang itu dengan sekira-kira dalil aqal dan dalil naqal wajib bagi Allah itu bersifat dengan Wahdaniyah. Maka tatkala itu difardukan dan ditakdirkan wujudNya jua, maka sahlah kita nafikan yang mustahil wujudNya dengan jalan takdir itu.

Dan demikian lagi itsbat itu bukan kita mengitsbatkan yang sudah tsabit dan hanya kita menyampaikan hakikat ketuhanan itu bagi Allah jua. Maka tiada ada hakikat itu bagi yang lain daripada Allah Ta'ala dan lagi kerana menyalahi akan i'tiqad orang yang kafir yang berkata mereka itu boleh berbilang-bilang Tuhan pada i'tiqad mereka itu. Dan kata Ahli al-Islam: Tuhan itu tiada diterima melainkan Esa jua iaitu Tuhan kita Jalla wa 'Azza, maka adalah yang kita nafikan dengan kata لا itu atas qaul yang muktamad zat yang bersifat dengan segala sifat ketuhanan dan yang kita sifat itsbatkan dengan إِلاَّ itu zat yang bersifat dengan segala Kamalat lagi Maha Suci daripada segala sifat kekurangan iaitu Allah Ta'ala. Maka nyatalah daripada kata ini bukan yang kita nafikan itu Tuhan yang disembah oleh kafir seperti matahari dan bulan dan api dan berhala dan lainnya daripada segala alam kerana adalah yang demikian itu tiada dinamakan hakikat إِلَه yakni Tuhan dan jika adalah ia Tuhan di dalam i'tiqad mereka itu sekalipun. Seperti yang telah lalu sebut makna Tuhan itu hampir lagi dan hanya dinamakan dia الإِلَهُ البَاطِل dan lagi tiada pula kita nafikan dia kerana ia maujud. Maka tiap-tiap yang maujud itu tiada dapat kita nafikan akan dia, maka jika dinafikan jua jadi dusta.

Dan demikian lagi tiada masuk di dalam إِلَه itu ibu dan bapa dan raja dan Nabi yang disangka oleh orang yang bebal akan dia الإِلَهُ الحَقُّ dan jika ada ia pada i'tiqad orang yang jahil itu ia Tuhan

sekalipun. Maka adalah إِلَهٌ itu terbahagi atas dua bahagi:

Pertama: الإِلَهُ الْبَاطِلُ iaitu yang disembah oleh orang yang kafir yang lain daripada Allah.

Dan kedua: الإِلَهُ الْحَقُّ dan الإِلَهُ الْمُطْلَقُ pun namanya.

Maka kedua-duanya itu satu makna. Iaitu dikatakan bagi Allah Ta'ala jua الإِلَهُ الْحَقُّ dan الإِلَهُ الْمُطْلَقُ dan yang lain daripada Allah tiada dinamakan الإِلَهُ الْحَقُّ atau الإِلَهُ الْمُطْلَقُ.

Syahdan: Ketahui olehmu, bahawasanya jika kita iktibarkan lafaz مُسْتَثْنَى dan مُسْتَثْنَى مِنْهُ itu terbahagi atas empat bahagi. Dan tiga yang awalnya itu batil dan yang keempat itu terbahagi pula atas dua bahagi: Satu batil dan satu Shahih.

Dan tiga yang batil itu كُلِّي keduanya, yakni tiada Tuhan melainkan Tuhan. Dan yang kedua جُزْئِيٌّ keduanya, ertinya tiada Allah melainan Allah. Dan yang ketiga awalnya جُزْئِيٌّ dan akhirnya كُلِّي, ertinya tiada Allah melainkan Tuhan. Dan yang keempat awalnya كُلِّي dan yang keduanya جُزْئِيٌّ, maka terbahagi ia pula atas dua bahagi:

Yang pertamanya: Jika kita kehendak dengan yang pertama yang kita nafikan itu jenis إِلَهٌ sama ada yang hak atau yang batil, maka batil pula ia.

Dan yang keduanya: Yang dinafikan itu hakikat Wajib al-Wujud maka iaitu yang shahih. Maka maknanya, tiada Tuhan yang Wajib al-Wujud yang sebenarnya bagi ibadat melainkan Allah. Maka difaham daripada perkataan ini dikeluarkan Allah daripada إِلَهٌ yang dinafikan dengan لا itu adalah dikeluarkan zat yang mustahak bagi disembah seperti kata Jumhur Ulama dan iaitu qaul yang muktamad. Maka atas kata ini bahawa yang dinafikan dengan لا itu tiap-tiap zat yang bersifat dengan segala sifat ketuhanan dan yang diitsbatkan dengan إلَّا itu iaitu zat yang satu lagi yang terhimpun atasnya oleh segala sifat ketuhanan tiada atas yang lainnya.

Dan kata setengah mereka itu bahawasa yang dikeluarkan itu sifat daripada segala sifat. Maka atas kata ini bahawa yang dinafikan dengan لا itu iaitu tiap-tiap sifat ketuhanan yang berdiri pada zat yang lain daripada zat Allah Ta'ala dan yang diitsbatkan dengan إلَّا

itu iaitu segala sifat ketuhanan yang berdiri pada zat Allah Ta'ala jua dan tertentu kepadaNya tiada kepada lainnya dan iaitu qaul dha'if, tiada boleh dipegang akan dia. Maka apabila kita ketahui akan yang demikian itu, maka betapa mengkufurkan setengah akan setengahnya, maka inilah setengah daripada alamat kebanyakan jahil di dalam negeri itu.

Faedah:

Ini suatu faedah adalah setengah daripada negeri Jawi banyak kedatangan bala dan fitnah yang amat besar pada membinasakan agama Islam dan beberapa manusia yang sudah murtad masuk agama kafir. Istimewa pula kebanyakan orang yang jahil yang mendakwa dirinya alim lagi sufi yang mengajar ia akan manusia akan ilmu batin, maka yang benarnya tiada yang dinamakan dia sufi, hanya dinamakan kafir dan mulhid. Maka *murad* daripada jahil itu orang yang tiada mengenal ia akan i'tiqad yang sebenar seperti tiada dapat dibezakannya i'tiqad Ahli al-Sunnah dan antara i'tiqad Jabariyah dan Qadariyah, istimewa pula jahil ia akan barang yang wajib bagi Allah dan barang yang mustahil atasNya dan barang yang harus bagiNya. Dan jika tiada ia mengenal akan sifat ketuhanan, maka betapa boleh ia *tawajjuh* kepada Tuhan yang ia tiada kenalnya sekali-kali.

Maka setengah daripada mereka itu yang mendakwa akan sekalian makhluk ini sifat Allah, maka tiadakah ia masuk kepada kufur dan meninggalkan yang sebenarnya. Dan jikalau benar pada takwil mereka itu sekalipun tiada sunyi daripada jatuh di dalam bid'ah yang haram lagi dosa besar kerana perkataan yang demikian itu syubhah. Dan banyaklah pengajaran yang *mukhalif* (bertentangan) dengan Syari'at Muhammadiyah. Maka jangan kamu ikut akan pengajaran mereka itu kerana mereka itu sesat lagi menyesat akan manusia dan setengahnya menegahkan orang yang menyebut nama Allah kerana berpegang pada perkataan setengah Ahli al-Sufi:

أَنَا تُبْتُ مِنْ قَوْلِ لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ

Ertinya: *Aku bertaubat dengan perkataan* لَا إِلَهَ إِلاَّ اللهُ .

Pada hal berpegang mereka itu atas zahirnya semata-mata dan tiada mengetahui mereka itu akan makna yang dikehendak oleh Sufi itu. Dan setengahnya mengkufurkan orang yang menafikan dengan لَا إِلَهَ itu akan الإِلَهُ البَاطِل. Dan setengahnya mengkufurkan orang yang menafikan dengan لَا إِلَهَ itu sekalian alam dan lainnya daripada perkara yang mungkar.

Alamat Kiamat

Dan inilah setengah daripada alamat kiamat. Dan setengah daripada alamat kiamat itu alamat yang jauh dan setengah daripada alamat yang hampir. Dan setengahnya alamat yang telah lalu seperti wafat Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam dan zahir fitnah dan zalim dan berbunuh- bunuhan dan zahir umpama Dajajil (dajal-dajal) yang dusta dan mendakwa dirinya alim menyesatkan atas orang yang awam dan datang api yang nyata di Madinah pada tahun enam ratus lima puluh empat dan berperang Turki dan keluar pekerjaan itu daripada ahlinya, yakni orang besar jadi kecil lagi hina, lagi papa dan orang yang hina jadi mulia dan jadi raja seperti sabda Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam tatkala ditanyai oleh Jibril 'alaihissalam akan alamat kiamat, maka sabdanya:

أَنْ تَلِدَ الأَمَةُ رَبَّتَهَا وَأَنْ تَرَى الْحُفَاةَ الْعُرَاةَ الْعَالَةَ رِعَاءَ الشَّاةِ يَتَطَاوَلُوْنَ فِي الْبُنْيَانِ

Ertinya: *Alamat kiamat itu bahawa beranak hamba perempuan akan penghulunya dan bahawa engkau lihat akan orang tiada pada kakinya kaus lagi bertelanjang, lagi papa, lagi gembala kambing melampui mereka itu pada meninggikan bina-binaan mereka itu.*

Yakni berubah-ubah kelakuan mereka itu, maka mereka yang papa itu jadi kaya dan yang hina itu jadi mulia. Maka berhadap mereka itu kepada perhiasan dunia dan meninggi mereka itu akan segala mahligai-mahligai daripada rumah-rumah mereka itu tiada perduli mereka itu dengan agamanya.

Dan lagi sabda Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam:

لَا تَقُوْمُ السَّاعَةُ حَتَّى يَكُوْنَ أَسْعَدُ النَّاسِ بِالدُّنْيَا لُكَعَ بْنَ لُكَعَ

Ertinya: *Tiada berdiri kiamat hingga adalah orang yang baik dahulunya jadi sejahat-jahat daripada anak sejahat-jahat manusia.*

Kata Syeikh Ibnu Hajar di dalam Syarah Hadis Arba'in dan adalah mereka itu meruntuhkan agama dengan sebab tiada mengamalkan dia dan istimewa pula menegahkan ia akan orang yang berbuat ibadat.

Dan lagi sabda Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam:

مِنْ أَشْرَاطِ السَّاعَةِ أَنْ تُوْضَعَ الأَخْيَارُ وَتُرْفَعَ الأَشْرَارُ

Ertinya: *Setengah daripada alamat kiamat itu bahawa dihinakan akan segala yang baik-baik dan dimuliakan segala yang jahat-jahat.*

Dan dari kerana inilah bersungguh-sungguh penghulu kita Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi wasallam pada mencelakan mereka itu dan menghinakan mereka itu dengan sabdanya:

إِنَّهُمْ صُمٌّ بُكْمٌ

Bahawasanya mereka itu tuli lagi kelu.

Ertinya tuli daripada mendengar yang sebenarnya dan kelu daripada berkata-kata yang benar yang muafakat dengan keredaan syara', maka jadilah mereka itu meruntuhkan agama. Dan setengah daripada alamat kiamat itu berkekalan hingga sekarang ini seperti dagang agama, yakni sedikit orang yang menolong akan agama dan sedikit amanah dan banyak khianat dan menegahkan zakat dan menderhakakan dua ibu bapa dan memutuskan rahim dan menaruhkan orang bermain joki dan minum arak dan menzahirkan berbuat zina dan menyatakan memakan riba.

Dan setengah daripada alamatnya itu barang yang lagi akan datang daripada beberapa tanda yang besar-besar seperti zahir Mahadi iaitu Imam yang bangsa anak cucu Siti Fatimah, namanya

Muhammad anak Abdullah dan ialah wali Allah lagi terpelihara ia sepanjang umurnya daripada mengerjakan dosa. Maka adalah pekerjaannya itu muafakat bagi agama Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam, yakni beramal ia dengan syari'at Nabi dan ialah mengalahkan tentera yang zalim yang sesat dan menghilang ia akan raja-raja yang zalim. Maka memerintahkan ia dengan adil pada muka bumi dan mengalahkan beberapa negeri yang besar-besar dan memecahkan kota negeri Rom. Maka didapat beberapa banyak tawanan hingga apabila memberi ia akan orang akan harta itu diraupkan dengan tangan, tiada dengan bilang dan tiada dengan sukat dan tiada dengan timbang.

Dan setengah daripada alamatnya, turun Nabi 'Isa anak Maryam dan keluar Dajjal yang telah lalu kisahnya dan ialah yang sangat besar fitnah. Maka yang membunuh akan dia Nabi 'Isa, maka duduklah Nabi 'Isa pada muka bumi menghukumkan dengan syari'at Nabi kita Shallallahu 'alaihi wasallam, maka menggugur ia akan jizyah daripada kafir zimmi, maka tiada diterimanya melainkan Islam dan jika tiada, maka dibunuhnya. Dan membunuh ia akan babi dan memecah ia akan berhala Nasrani dan berhala yang lainnya. Maka zahirlah Islam atas tiap-tiap agama dan tiada tinggal melainkan agama Islam jua.

Dan setengah daripadanya, keluar Ya'juj wa Ma'juj iaitu jenis daripada anak Adam tetapi rupanya itu berlain-lainan setengah dengan setengahnya dan keluar دَابَّةُ الأَرْض iaitu binatang kepalanya umpama kepala unta. Maka tempat keluarnya di dalam negeri Mekah antara Shafa dan Marwah iaitu tempat orang Sa'i pada haji dan tertutup pintu taubat, yakni tiada diterima taubat kemudian daripada keluar دَابَّةُ الأَرْض itu dan diangkatkan Qur'an yakni dihilangkan suratannya daripada kertas dan dilupakan daripada hati orang yang hafaz dan keluar asap pada bumi hingga memenuhkan sekalian bumi dan keluar kafir Habsyi berhadap kepada meruntuhkan Baitullah dan akhirnya keluar api daripada negeri 'Adn atau daripada negeri Hadhramaut menghalau ia akan manusia sekaliannya kepada negeri Syam.

Maka apabila engkau ketahui akan fitnah alamat kiamat itu amat besar, maka pelihara olehmu akan dirimu daripada sebesar-

besar fitnah ini. Dan adalah pada masa ini orang yang baharu mengaji antara dua tiga tahun, maka ia mengkufurkan beberapa *'Arif Billah Qutb al-Dunya wa al-Din* seperti Syeikh Muhammad Samman dan Ahmad al-Qasyasyi kedua itu *Quthub* negeri Madinah al-Munawwarah dan setengah daripada muridnya wali Allah dengan tiada diperintahkan iaitu Mulla Ibrahim daripada orang Kurdi dan Syeikh Abdul Rauf Fanshuri daripada orang Jawi.

Ilmu Tasawwuf

Ketahui olehmu, bahawasanya ilmu Tasawwuf itu suatu bahagi daripada ilmu syari'at Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi wasallam kerana ilmu syari'at itu tiga bahagi:

Pertama: Ilmu zahir, iaitu ilmu Fiqah.

Yang kedua: Ilmu Usuluddin.

Yang ketiga: Ilmu Tasawwuf dan Thariqat.

Dan ketiga-tiganya itu dikeluarkan daripada Qur'an dan daripada Hadis Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam.

Maka yang mengeluarkan ilmu Fiqah mazhab kita itu Imam Muhammad anak Idris al-Syafie.

Dan yang mengeluar akan ilmu Usuluddin itu Imam Abu al-Hasan al- Asy'ari.

Dan yang mengeluarkan ilmu Tasawwuf itu Imam Abu al-Qasim al-Junaid al-Baghdadi.

Dan ilmu Thariqat itu ilmu yang dahulu pada masa sahabat mengambil mereka itu daripada penghulu kita Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi wasallam dan mereka itu Radhiyallahu 'anhum mengajar mereka itu kepada mereka yang kemudian hingga sampai sekarang ini dengan silsilah yang *masyhurah.* Dan zikir daripada orang yang mempunyai thariqat itu berlain-lainan atas sekira-kira pengambilan daripada gurunya yang dahulu dan orang yang dahulu mengambil daripada orang yang dahulu pula hingga sampai kepada penghulu kita Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi wasallam tetapi zikir itu jikalau tiada diketahui akan maknanya, maka tiada diberi pahalanya yakni tiada diberi pahala yang *kamil.* Kerana inilah kata

Syeikh Ibrahim di dalam Syarah Jauharah al-Tauhid: Barang siapa berzikir الله الله, maka iaitu bid'ah.

Dan kata Syeikh Ajhuri di dalam Hasyiyahnya bahawasanya zikir الله الله itu jikalau diniatnya di dalam hatinya tatkala menyebut lafaz Allah itu di dalam hatinya مَعْبُوْدٌ ertinya yang disembah, maka diberi pahala. Dan apabila engkau ketahui akan yang demikian itu, maka tiada boleh kita ingkarkan segala zikir orang yang mempunyai thariqat itu kerana tiada boleh diingkarkan melainkan pada mengerjakan yang haram dan meninggalkan yang wajib dengan syarat jikalau perkara itu ittifaq ulama pada haramnya atau ittifaq pada wajibnya atau berbuat ibadat dengan meninggalkan syaratnya atau rukunnya, maka hendaklah ingkar orang yang alim itu.

Hubaya-hubaya! Hai segala saudara yang muslim, hendaklah kamu belajar i'tiqad yang sebenar-benar kepada Allah dan kepada Rasul supaya jangan jatuh kamu di dalam i'tiqad yang sesat dan bid'ah dan kufur. Maka jadi binasa segala ibadat kamu kerana tiada sah segala amal itu melainkan dengan sah i'tiqad. Maka hendaklah kamu belajar i'tiqad itu daripada orang yang terbilang ilmunya seperti bahawa adalah ilmu orang yang kita ambil daripadanya itu muafakat segala ulama mengatakan ilmunya itu sebenarnya. Dan lagi pula hendaklah ada ilmu yang kita amalkan dengan dia itu dengan belajar daripada guru, jangan dengan *muthala'ah* kitab semata-mata kerana tiada hasil ilmu itu melainkan dengan pengambilan daripada guru yang mursyid. Dan lagi pula hendak ada orang yang mengarang akan kitab yang kita baca akan dia itu orang terbilang ilmunya dengan sekira-kira barang mana negeri yang dimasuknya. Maka tiada disalahkan oleh orang akan ilmunya dan jikalau tiada dapat di dalam negeri kita itu orang yang dapat mengajar yang sebenarnya. Maka hendaklah musafir kepada negeri yang ada ulama di dalamnya dan jikalau jauh sekalipun seperti Mekah dan Madinah dan lainnya.

Dan lagi pula hendaklah ada i'tiqad kita itu dengan musyawarah pada segala ulama dan jikalau sudah ditetapkan oleh ulama, yakni muafakat sekalian mereka itu berkata sebenarnya, maka janganlah kita ubah lagi. Bahkan jikalau adalah i'tiqad kita itu banyak ulama mengatakan salah, maka wajib kita ubahkan dia tetapi dengan musyawarah pada segala ulama jikalau ada pada negeri itu ulama

dan jikalau tiada, maka hendaklah pergi kepada negeri yang ada negeri di dalamnya ulama dengan sendirinya atau *ma'dzun*nya dan jikalau jauh sekalipun kerana pekerjaan agama itu sangat besar hajat kepadanya istimewa pula pekerjaan i'tiqad.

Syahdan: Tiada wajib belajar martabat tujuh kerana tiada ada ahlinya pada masa sekarang ini, maka sayugianya ditinggalkan dia kerana sangat dalam mafhumnya, maka tiada kita ketahui akan maksudnya. Dan terkadang zahirnya menyalahi ia akan syari'at, maka pada batin tiada bersalahan. Tetapi tiada kita faham akan batinnya itu, maka kita faham zahir jua. Maka jadi membawa kepada binasa kerana beberapa kitab orang yang dahulu-dahulu ditinggalkan kerana tiada ahlinya yang mengajar akan dia dan menghuraikan maknanya di dalam Tanah Arab seperti Mekah dan Madinah, istimewa pula Tanah Jawi sebab ilmu itu seolah-olah sudah mati. *Wallahu a'lam.*

Maka kembali pula faqir kepada masalah yang dahulu iaitu makna ketuhanan itu dua perkara. Maka sekarang masuk menyatakan segala 'aqa'id yang masuk di bawah makna yang pertama dan yang masuk di bawah makna yang kedua.

Bermula yang masuk pada makna yang pertama itu dua puluh enam yang terhimpun di dalam kata *musannif*:

وَأَمَّا اسْتِغْنَاؤُهُ جَلَّ وَعَزَّ عَنْ كُلِّ مَا سِوَاهُ فَهُوَ يُوْجِبُ لَهُ تَعَالَى الْوُجُوْدَ وَالْقِدَمَ وَالْبَقَاءَ وَمُخَالَفَتَهُ لِلْحَوَادِثِ وَقِيَامَهُ بِنَفْسِهِ وَالتَّنَزُّهَ عَنِ النَّقَائِصِ وَيَدْخُلُ فِي ذَلِكَ وُجُوْبُ السَّمْعِ لَهُ تَعَالَى وَالْبَصَرِ وَالْكَلَامِ إِذْ لَوْ لَمْ تَجِبْ لَهُ تَعَالَى هَذِهِ الصِّفَاتُ لَكَانَ مُحْتَاجًا إِلَى الْمُحْدِثِ أَوِ الْمَحَلِّ أَوْ مَنْ يَدْفَعُ عَنْهُ النَّقَائِصَ.

Ertinya: *Dan ada pun terkaya Allah Jalla wa 'Azza daripada tiap-tiap barang yang lainnya, maka iaitu mewajibkan ia bagiNya Ta'ala akan Wujud dan Qidam dan Baqa' dan Mukhalafatahu lil Hawadith dan Qiyamuhu Binafsihi dan tersuci daripada segala kekurangan. Dan masuk pada demikian itu wajib Sama' bagiNya Ta'ala dan Basar dan Kalam kerana jikalau tiada wajib bagiNya Ta'ala segala sifat ini, nescaya adalah*

Ia berkehendak kepada yang membaharukan Dia atau kepada zat atau kepada orang yang menolakkan daripadaNya kekurangan.

Tatkala menyebut oleh *musannif* akan bahawa makna ketuhanan yang tertunggal dengan dia oleh Tuhan kita Subhanahu wa Ta'ala itu terkayaNya daripada tiap-tiap barang yang lainnya. Dan berkehendak tiap-tiap barang yang lainnya kepadaNya, nescaya mengambil ia menyatakan akan barang yang masuk di bawah tiap-tiap kedua makna itu daripada 'aqa'id yang terdahulu sebutnya.

Maka yang masuk pada اسْتِغْنَاء itu sebelas sifat daripada segala sifat yang wajib, satu sifat Nafsiyah iaitu Wujud dan empat sifat Salbiyah iaitu Qidam dan Baqa' dan Mukhalafatuhu lil Hawadith dan Qiyamuhu Binafsihi dan tiga daripada sifat Ma'ani iaitu Sama' dan Basar dan Kalam dan tiga daripada sifat Ma'nawiyah iaitu كَوْنُهُ تَعَالَى سَمِيْعًا وَبَصِيْرًا وَمُتَكَلِّمًا dan jikalau tiada disebut akan dia oleh *musannif* sekalipun kerana bahawasanya melazim ia akan tiga sifat Ma'ani yang tersebut dan lawannya sebelas pula daripada sifat yang mustahil. Maka jadi perhimpunannya dua puluh dua dan masuk pula empat lagi, jadi tamam dua puluh enam yang masuk di bawah اسْتِغْنَاء .

Kemudian menyatakan pula oleh *musannif* akan jalan yang melazimkan terkaya Allah Ta'ala daripada tiap-tiap barang yang lainnya dengan katanya: "Kerana jikalau tiada wajib bagi Allah Ta'ala segala sifat ini" hingga akhirnya dan kenyataan tafshil yang demikian itu bahawa engkau kata jikalau tiada wajib bagi Allah itu Wujud, nescaya jadi wujudNya itu harus yang berkehendak kepada orang yang menjadikan Dia dan berkehendak itu menafikan kaya. Dan jikalau tiada wajib bagi Allah itu Qidam, nescaya berkehendak Ia kepada orang yang membaharukan Dia dan berkehendak itu menafikan kaya. Dan jikalau tiada wajib bagi Allah itu Baqa', nescaya berkehendak Ia kepada orang yang membaharukan Dia dan berkehendak itu menafikan kaya. Dan jikalau tiada wajib bagi Allah itu Mukhalafatuhu lil Hawadith, nescaya berkehendak kepada orang yang membaharukan Dia dan berkehendak itu menafikan kaya. Dan jikalau tiada wajib bagi Allah itu Qiyamuhu Binafsihi dengan makna yang pertama iaitu kaya daripada *fa'il* (pembuat) yang menjadikan Dia, nescaya berkehendak Ia kepada orang yang menjadikan Dia dan berkehendak itu menafikan kaya. Dan jika

tiada wajib bagi Allah itu Qiyamuhu Binafsihi dengan makna yang kedua iaitu kaya daripada zat, nescaya berkehendak Ia kepada zat dan berkehendak kepada zat itu menafikan kaya. Dan jikalau tiada wajib bagi Allah itu tersuci daripada kekurangan yang masuk di dalamnya enam sifat, nescaya berkehendak Ia kepada orang yang menolakkan kekuranganNya dan berkehendak itu menafikan kaya.

Dan diketahui daripada tafshil ini bahawasa kata *musannif*: Jikalau tiada wajib bagi Allah Ta'ala segala sifat ini, nescaya adalah Ia berkehendak kepada orang yang membaharukan Dia atau kepada zat atau kepada orang yang menolakkan kekurangan daripadaNya itu atas تَوْزِيْعٌ dan berbahagi-bahagi. Maka berkehendak kepada orang yang membaharukan Dia itu dengan nisbah bagi Wujud dan Qidam dan Baqa' dan Mukhalafatuhu lil Hawadith dan salah suatu daripada dua makna Qiyamuhu Binafsihi. Dan berkehendak kepada zat itu dengan nisbah bagi yang satu lagi daripada makna Qiyamuhu Binafsihi. Dan berkehendak kepada orang yang menolakkan kekurangan daripadaNya iaitu dengan nisbah bagi tersuci daripada kekurangan.

Maka membahagi oleh *musannif* akan berhajat dan berkehendak itu dengan bahawasanya terkadang ada ia kepada yang membaharukan Dia. Dan ini istidlal atas wajib Wujud dan Qidam dan Baqa' dan Mukhalafatuhu Ta'ala lil Hawadith dan salah suatu daripada dua juzu' tafsir Qiyamuhu Binafsihi dan iaitu kaya daripada مُخَصِّصٌ dan terkadang ada ia kepada zat. Dan ini istidlal atas wajib juzu' yang satu lagi dan iaitu kaya daripada zat dan terkadang ada ia kepada orang yang menolakkan daripadaNya segala kekurangan dan ini istidlal atas wajib tersuciNya Ta'ala daripadanya.

Dan ketahui yang demikian itu bahawasanya mustahil atas Allah Ta'ala berkehendak kepada orang yang menjadikan Dia. Dan mustahil Ia berkehendak kepada zat tempat Ia berdiri dan mustahil Ia berkehendak kepada orang yang menolakkan kekurangan daripadaNya kerana jikalau berkehendak Ia kepada salah suatu daripada tiga perkara itu, nescaya tiada Ia kaya. Betapa tiada Ia kaya dan iaitu Allah Ta'ala itu kaya Ia daripada tiap-tiap barang

yang lainnya. *Wallahu a'lam.*

وَيُؤْخَذُ مِنْهُ تَنَزُّهُهُ تَعَالَى عَنِ الأَغْرَاضِ فِي أَفْعَالِهِ وَأَحْكَامِهِ وَإِلاَّ لَزِمَ افْتِقَارُهُ تَعَالَى إِلَى مَا يَحْصُلُ غَرَضُهُ كَيْفَ وَهُوَ تَعَالَى الْغَنِيُّ عَنْ كُلِّ مَا سِوَاهُ.

Ertinya: *Dan diambil daripadanya erti daripada terkaya Allah Ta'ala daripada tiap-tiap barang yang lainnya itu, tersuci Allah Ta'ala daripada mengambil faedah pada segala perbuatanNya dan segala hukumNya. Dan jika tiada tersuci Allah daripada yang demikian itu, nescaya lazimlah berkehendak Allah Ta'ala kepada barang yang menghasilkan kehendakNya betapa dan iaitu Allah Ta'ala kaya Ia daripada tiap-tiap barang yang lainnya.*

Dan tiada tersembunyi bahawa katanya tersuci Allah Ta'ala daripada mengambil faedah pada segala perbuatan dan pada segala hukum itu setengah daripada barang yang masuk di bawah Mukhalafatuhu lil Hawadith dan sungguhnya telah lalu sebutnya. Dan hanyasanya ditentukan atasnya oleh *musannif* serta masuk yang tersebut itu kerana bertambah-tambah *ihtimam* (perhatian berat) dengan dia kerana hendak menolakkan waham ketiadaan masuk yang demikian itu di dalam kalimah tauhid. Dan apabila kita ketahui kaya Allah Ta'ala daripada mengambil faedah, nescaya tiada berkehendak bagiNya pada suatu perbuatan daripada segala perbuatan dan tiada berkehendak bagiNya pada suatu hukum daripada segala hukum syara' yang lima dan iaitu wajib dan sunat dan haram dan makruh dan harus.

Dan bermula *gharad* (tujuan) yang tersuci Allah Ta'ala daripadanya itu iaitu ibarat daripada cita-cita yang membangkitkan ia akan Allah Ta'ala atas menjadikan satu perbuatan daripada segala perbuatan atau satu hukum daripada segala hukum syara' daripada memeliharakan maslahah yang kembali ia atas diriNya atau atas makhluk dan kedua-duanya itu mustahil pada hak Allah Ta'ala. Adapun mustahil kembali maslahat atasNya Ta'ala itu, maka mengisyarat oleh *musannif* kepadanya dengan katanya jikalau tiada tersuci Allah daripada mengambil faedah pada segala perbuatanNya dan segala hukumNya, nescaya lazim berkehendakNya Ta'ala kepada barang yang menghasilkan *gharad*Nya. Maka tiada ada Ia terkaya daripada tiap-tiap barang yang lainnya, Maha suci Ia

daripada demikian itu.

Dan makna maslahat yang kembali atas diriNya itu iaitu faedah yang dapat bagiNya Subhanahu wa Ta'ala daripada perbuatanNya atau hukumNya iaitu seperti membesar manusia bagiNya. Ertinya jadi besar Ia pada segala manusia, maka adalah maslahat itu sifat bagiNya dan sifatNya itu *Kamal* (kesempurnaan).

Maka ada ia berkehendak pada bersifat dengan ini *kamal* kepada segala perbuatanNya atau segala hukumNya yang menghasil ia baginya akan ini *kamal*. Dan makna maslahat yang kembali atas makhluk itu iaitu faedah yang dapat bagi makhluk daripada perbuatan Allah Ta'ala dan hukumNya seperti makan dan pakai dan lainnya pada dunia dan berlazat-lazat mereka itu dengan demikian itu dan lainnya pada akhirat. Maka iaitu sifat mereka itu dan iaitu daripada segala kejadianNya Ta'ala kerana bahawasa Allah Ta'ala itu Khaliq bagi mereka itu dan bagi segala sifat mereka itu. Maka jikalau adalah maslahat itu membawa ia atas perbuatan atau atas hukum, nescaya lazimlah bahawa sempurna ia dengan demikian perbuatan atau hukum itu. Maka lazim bahawa adalah perbuatan itu atau hukum itu jadi sifat bagi Allah Ta'ala hingga sempurna ia dengan dia kerana bahawasanya tiada sempurna ia melainkan dengan barang yang ia sifatNya Ta'ala. Maka adalah Ia berkehendak kepada demikian itu hingga menghasil ia bagiNya akan *kamal*. Betapa dan pada hal Ia yang kaya daripada tiap-tiap barang yang lainnya. *Wallahu a'lam.*

وَكَذَا يُؤْخَذُ مِنْهُ أَيْضًا أَنْ لاَ يَجِبُ عَلَيْهِ تَعَالَى فِعْلُ شَيْءٍ مِنَ الْمُمْكِنَاتِ وَلاَ تَرْكُهُ، إِذْ لَوْ وَجَبَ عَلَيْهِ تَعَالَى شَيْءٌ مِنْهَا عَقْلاً كَالثَّوَابِ مَثَلاً لَكَانَ جَلَّ وَعَزَّ مُفْتَقِرًا إِلَى ذَلِكَ الشَّيْءِ لِيَتَكَمَّلَ بِهِ إِذْ لاَ يَجِبُ فِي حَقِّهِ تَعَالَى إِلاَّ مَا هُوَ كَمَالٌ لَهُ، وَهُوَ جَلَّ وَعَزَّ الْغَنِيُّ عَنْ كُلِّ مَا سِوَاهُ.

Ertinya: *Dan demikian lagi diambil daripada* اسْتِغْنَاءٌ *pula bahawasanya tiada wajib atas Allah Ta'ala berbuat suatu daripada mumkinat dan tiada wajib meninggalkan dia kerana jikalau wajib atas Allah Ta'ala suatu daripadanya pada akal seperti pahala umpamanya, nescaya adalah Allah Ta'ala berkehendak kepada suatu itu supaya sempurna ia dengan dia*

kerana tiada wajib bagi Allah Ta'ala itu suatu melainkan barang yang ia kamal baginya. Dan Allah Jalla wa 'Azza itu kaya Ia daripada tiap-tiap barang yang lainNya.

Ini bahagi yang kedua daripada dua bahagi *gharad* dan iaitu yang kembali ia atas makhlukNya dan مُوَضِّحٌ ia akan tersuciNya Ta'ala daripada *gharad* dengan katanya: "Kerana jikalau wajib atas Allah Ta'ala suatu daripada mumkinat pada akal hingga akhirnya", ertinya jikalau tiada tersuci Ia daripada أَغْرَاض tetapi ada ia wajib atasNya Ta'ala berbuat suatu daripada mumkinat atau meninggalnya, nescaya lazim berkehendakNya kepada orang yang menolak ia daripadaNya akan kekurangan. Dan iaitu demikian maslahat itu, maka sempurna ia dengan dia dan iaitu مُحَال (mustahil) pada hakNya Ta'ala. Dan ini bahagi yang ketiga pada akidah dan iaitu barang yang pada hakNya Ta'ala kata al-Syeikh al-Bajuri.

Bermula kata *musannif* bahawa "tiada wajib atas Allah Ta'ala berbuat suatu hingga akhirnya ....." itu tiada tersembunyi bahawasaya isyarat kepada aqidah yang harus pada hak Ta'ala. Dan zahir perbuatan *musannif* itu bahawasanya qasadnya dengan demikian itu membatalkan wajib atas Allah Ta'ala berbuat suatu atau meninggalkan dia daripada ketiadaan berpaling kepada keadaan yang demikian itu *gharad* atau tiada. Dan iaitu yang bersegera pada faham tetapi men*sharih* oleh *musannif* pada syarahnya dengan bahawa *gharad* daripada yang demikian, tiada wajib atas Allah Ta'ala perbuat suatu itu membatalkan akan salah suatu daripada dua bahagi *gharad* itu. Dan kenyataan yang demikian itu bahawa *gharad* itu dua bahagi, salah suatu daripada keduanya maslahat yang kembali ia atas Allah Ta'ala. Dan yang kedua, maslahat yang kembali ia atas makhluk seperti yang telah lalu sebutnya. Dan tiap-tiap daripada keduanya itu mustahil.

Dan sungguhnya telah lalu sebutnya membatalkan yang pertama pada katanya dan diambil daripadanya pula tersuci Allah daripada أَغْرَاضٌ hingga akhirnya. Dan bermula qarinah atas bahawasanya menghendaki ia akan khusus أَغْرَاضٌ yang kembali atasNya Ta'ala itu iaitu *idhafah* (sandaran) kepada *dhamir* pada katanya kepada barang yang menghasil ia akan *gharad*nya. Dan demikian lagi mengisyarat ia kepada membatalkan yang keduanya

dengan katanya. Dan diambil daripadanya pula bahawa "tiada wajib berbuat suatu daripada mumkinat hingga akhirnya" atas barang yang men*sharih* dengan dia oleh *musannif* di dalam syarahnya.

Dan lagi katanya إِذْ لَوْ وَجَبَ hingga akhirnya itu isyarat dengan demikian itu kepada اسْتِثْنَائِيٌّ قِيَاسٌ. Bermula aturannya seperti demikian itulah jikalau wajib atas Allah Ta'ala suatu daripadanya, nescaya adalah Allah 'Azza wa Jalla itu berkehendak kepada demikian suatu itu supaya sempurna ia dengan dia tetapi berkehendak itu batal dan apabila batal berkehendak, nescaya tiada wajib menjadikan suatu daripada mumkin itu dan tsabit lawannya dan iaitu tiada wajib berbuat mumkin dan iaitu yang dituntut.

Bermula Maha Suci Allah Ta'ala daripada *gharad* itu satu dan tiada wajib atas Allah Ta'ala berbuat suatu daripada segala mumkinat atau meninggalkan dia satu pula, jadi dua dan lawan bagi dua ini dua pula, maka jadi empat. Dan himpunkan olehmu kepada dua puluh dua yang dahulu itu, maka jadilah perhimpunannya dua puluh enam aqidah. Setengahnya daripada yang wajib dan setengah daripada yang mustahil dan setengah daripada yang harus seperti barang yang telah engkau ketahui. Maka inilah yang terkandung di dalam اسْتِغْنَاءٌ.

وَأَمَّا افْتِقَارُ كُلِّ مَا سِوَاهُ إِلَيْهِ جَلَّ وَعَزَّ فَهُوَ يُوْجِبُ لَهُ تَعَالَى الْحَيَاةَ وَعُمُوْمَ الْقُدْرَةِ وَالإِرَادَةِ، وَالْعِلْمِ إِذْ لَوِ انْتَفَى شَيْءٌ مِنْهَا لَمَا أَمْكَنَ أَنْ يُوْجَدَ شَيْءٌ مِنَ الْحَوَادِثِ، فَلاَ يَفْتَقِرُ إِلَيْهِ شَيْءٌ، كَيْفَ وَهُوَ الَّذِي يَفْتَقِرُ إِلَيْهِ كُلُّ مَا سِوَاهُ.

Ertinya: *Dan adapun berkehendak oleh tiap-tiap barang yang lainnya kepada Allah Jalla wa 'Azza, maka iaitu mewajibkan ia bagi Allah Ta'ala akan Hayat dan umum QudratNya dan IradatNya dan IlmuNya kerana jikalau ternafi suatu daripadanya, nescaya tiada mumkin bahawa didapat akan suatu daripada segala yang baharu, maka tiada berkehendak kepadaNya oleh suatu. Betapa tiada berkehendak kepadaNya oleh suatu dan pada hal Allah Ta'ala jua yang berkehendak kepadaNya oleh tiap-tiap barang yang lainnya.*

Ini masuk daripada *musannif* pada menyatakan barang yang masuk di bawah bahagi yang kedua yang mengandung akan dia oleh makna ketuhanan dan tiada syak bahawasa wajib افْتِقَارٌ tiap-tiap barang yang lain kepadaNya Jalla wa 'Azza melazim ia akan QudratNya dan barang yang disebutkan sertanya kerana jikalau ternafi suatu daripadanya, nescaya tiada dapat baginya mengadakan dan meniadakan seperti barang yang telah terdahulu, maka tiada berkehendak kepadaNya sesuatu daripadanya. Dan wajib bahawa ada QudratNya dan IradatNya dan IlmuNya umum ta'alluq pada barang yang ta'alluq ia dengan dia. Dan jika tiada, nescaya lazim bahawa tiada berkehendak kepadaNya tiap-tiap barang yang lain, tetapi setengahnya dan iaitu setengah barang yang ta'alluq dengan dia oleh Qudrat dan Iradat. Dan masuk di sini daripada sifat Ma'ani empat iaitu Qudrat dan Iradat dan Ilmu dan Hayat dan daripada segala *lawazim*nya daripada sifat Ma'nawiyah empat iaitu Kaunuhu Hayyan dan Qadiran dan Muridan dan 'Aliman dan lagi akan datang menyebut ia bahawasanya mewajib ia bagi Allah Ta'ala akan Wahdaniyah. Maka jumlahnya sembilan. Dan apabila wajib segala sifat ini, nescaya mustahillah segala lawannya iaitu sembilan pula. Maka apabila dihimpunkan sembilan yang pertama kepada sebelas yang wajib yang mengandung akan dia oleh اسْتِغْنَاءٌ, nescaya sempurnalah segala *wajibat* yang menyebut akan dia *musannif.*

Dan apabila dihimpunkan sembilan yang kedua kepada sebelas yang mustahil yang mengandung akan dia oleh اسْتِغْنَاءٌ, nescaya sempurnalah segala yang mustahil yang menyebut akan dia oleh *musannif.*

Dan sungguhnya mengisyarat ia kepada yang harus pada barang yang telah terdahulu dengan katanya, dan diambil daripadanya pula bahawasanya "tiada wajib atasNya Ta'ala hingga akhirnya". Maka sempurnalah yang wajib pada hakNya Ta'ala dan yang mustahil dan yang harus.

Ketahui olehmu, bahawasa tiada tersembunyi bahawa wajib umum segala sifat ini furu' daripada wajib diri sifat itu. Dan pada ketika itu maka pada kalam *musannif* itu dua dakwa:

Yang pertama: Bahawasa berkehendak oleh tiap-tiap barang yang lainnya kepadaNya itu mewajibkan bagi Allah Ta'ala bersifat dengan diri segala sifat ini.

Dan kedua: Bahawasanya mewajibkan umumnya bagi sekalian tempat ta'alluqnya dan iaitu mumkinat dengan nisbah bagi Qudrat dan Iradat dan pada sekalian yang *wajibat* dan sekalian yang *ja'izat* dan sekalian yang *mustahilat* dengan nisbah bagi ilmu.

Tetapi dalil yang telah menyebut akan dia oleh *musannif* dengan katanya "kerana jikalau ternafi daripadaNya suatu hingga akhirnya" itu hanyasanya keluar natijahnya bagi dakwa yang pertama jua kerana yang lazim atas ternafi umumnya itu ketiadaan wujud setengah daripada segala yang baharu. Dan bermula yang demikian setengah itu iaitu yang tiada ta'alluq dengan dia oleh segala sifat ini. Dan adapun setengah yang ta'alluq dengan dia oleh sifat ini, maka tiada menegah daripada wujudnya melainkan bahawa dikatakan bermula fardhu itu bersamaan sekalian yang dita'alluq. Maka ta'alluq dengan setengah tiada dengan setengah yang lainnya itu tarjih dengan tiada dalil yang menguatkan dia. Maka lazim atas ternafi umumnya itu ketiadaan wujud suatu daripada segala yang baharu ini, maka hendaklah *ta'ammul.*

Dan katanya "kerana jikalau ternafi suatu daripadanya hingga akhirnya" isyarat dengan demikian itu kepada dua qiyas: Bermula aturan keduanya seperti inilah: Jikalau ternafi suatu daripada segala sifat ini, nescaya tiada dapat wujud suatu daripada segala yang baharu ini, tetapi tiada dapat wujud suatu daripada segala yang baharu ini batil, kerana jikalau tiada dapat wujud suatu daripada segala yang baharu ini, nescaya tiada berkehendak kepadaNya oleh sesuatu. Tetapi ketiadaan berkehendak oleh sesuatu kepadaNya itu batil. Betapa ia, dan pada hal ialah yang berkehendak kepadaNya oleh tiap-tiap barang yang lainnya.

Dan ketahui olehmu, bermula wajah lazim ketiadaan dapat wujud sesuatu daripada segala yang baharu ini kerana ternafi suatu daripada segala sifat ini bahawasanya:

Jikalau ternafi Hayat, nescaya ternafilah yang tinggal lagi itu, tetapi sekalian sifat itu pun ternafi kerana bahawa Hayat itu syarat padanya. Dan apabila ternafi segala yang tinggal daripada sifat, nescaya lazimlah lemah. Maka tiada dapat wujud suatu daripada segala yang baharu ini.

Dan jikalau ternafi Qudrat atau umumnya, nescaya lazimlah

lemah. Maka tiada mumkin bahawa dapat mengadakan sesuatu daripada segala yang baharu ini atas barang yang telah lalu sebutnya.

Dan jikalau ternafi Iradat atau umumnya, nescaya ternafi Qudrat atas Iradat, maka seolah-olah Qudrat itu furu' daripada Iradat pada akal dan jikalau ternafi Qudrat, nescaya lazim lemah. Maka tiada dapat mengadakan suatu daripada segala yang baharu ini.

Dan jikalau ternafi ilmu atau umumnya, nescaya ternafi Iradat kerana bahawasanya tiada tasawwur pada akal wujud Iradat dengan ketiadaan ilmu. Dan apabila ternafi Iradat, nescaya ternafi Qudrat hingga akhir barang yang telah lalu sebutnya.

Dan kata *musannif*:

وَيُوْجِبُ لَهُ تَعَالَى أَيْضًا الْوَحْدَانِيَّةُ، إِذْ لَوْ كَانَ مَعَهُ ثَانٍ فِي الأُلُوْهِيَّةِ لَمَا افْتَقَرَ إِلَيْهِ شَيْءٌ لِلُزُوْمِ عَجْزِهِمَا حِيْنَئِذٍ كَيْفَ وَهُوَ الَّذِي يَفْتَقِرُ إِلَيْهِ كُلُّ مَا سِوَاهُ.

Ertinya: *Dan mewajib ia bagi Allah Ta'ala pula akan Wahdaniyah kerana jikalau ada sertaNya yang menduai pada ketuhanan, nescaya tiada berkehendak kepadaNya oleh sesuatu kerana lazim lemah keduanya. Betapa dan pada hal Ia yang berkehendak kepadaNya oleh tiap-tiap barang yang lainnya.*

Telah mengisyarat ia dengan demikian itu kepada اسْتِثْنَائِيٌّ قِيَاسٌ. Bermula aturannya jikalau adalah sertanya yang menduai pada ketuhanan, nescaya tiada berkehendak kepadaNya oleh sesuatu, tetapi tiada berkehendak suatu kepadaNya itu batil. Betapa dan iaitu yang berkehendak kepadaNya oleh tiap-tiap barang yang lainnya. Dan tiada tersembunyi barang yang tsabit pada dalil ini daripada tasawwur kerana ketiadaan mendatang padanya yang tinggal daripada segala كَمْ.

Dan bermula wajah lazim lemah keduanya pada ketika itu yakni ketika ada sertanya yang menduai pada ketuhanan itu tiada sunyi, adakalanya bahawa muafakat keduanya dan adakalanya

bersalahan keduanya. Dan atas tiap-tiap daripada dua takdir ini, lazim lemah keduanya.

Adapun yang pertama, maka kerana bahawasanya lazim atasnya berhimpun dua yang memberi bekas atas bekas yang satu, jika mengada keduanya akan dia pada hal beserta. Dan jadi Tahsil al-Hasil jika mengada oleh keduanya akan dia pada hal bertertib.

Dan adapun yang kedua, maka kerana bahawasanya lazim atasnya berhimpun dua yang berlawanan, jika lulus kehendak keduanya. Dan jika lulus kehendak salah suatu daripada keduanya dan tiada lulus kehendak taulannya, nescaya adalah yang tiada lulus kehendaknya itu lemah ia. Maka jadilah yang satu lagi itu seperti demikian itu jua kerana terjadi seumpama antara keduanya. Dan pada ketika itu tsabitlah lemah bagi keduanya. Dan demikian lagi jika tiada lulus kehendak tiap-tiap daripada keduanya seperti barang yang ia yang zahir.

وَيُؤْخَذُ مِنْهُ أَيْضًا حُدُوْثُ الْعَالَمِ بِأَسْرِهِ، إِذْ لَوْ كَانَ شَيْءٌ مِنْهُ قَدِيْمًا لَكَانَ ذَلِكَ الشَّيْءُ مُسْتَغْنِيًا عَنْهُ تَعَالَى، كَيْفَ وَهُوَ الَّذِي يَجِبُ أَنْ يَفْتَقِرَ إِلَيْهِ كُلُّ مَا سِوَاهُ.

Ertinya: *Dan diambil daripada* افتقار *pula baharu alam dengan sekaliannya kerana jikalau ada suatu daripadanya Qadim, nescaya adalah demikian suatu itu terkaya daripada Allah Ta'ala. Betapa dan iaitu Allah Ta'ala yang wajib bahawa berkehendak kepadaNya oleh tiap-tiap barang yang lainnya.*

Dan tiada tersembunyi bahawa ini lebih atas 'aqa'id tetapinya setengah daripada barang yang bergantung dengan dia, yakni dengan 'aqa'id. Dan bermula *gharad* daripada yang demikian itu hendak menolakkan i'tiqad Falasifah. Bermula mereka itu kuffar daripada Rom, adalah mereka itu daripada Ahli Negeri Yunan (Greek). Dan adalah mereka itu Ahli Hikmah dan Aqal dan mengambil oleh mereka itu di dalam Riyadhah, yakni mengajar akan nafsunya dan berbuat-buat zuhud yakni rupa-rupa mengajar nafsu bukan yang sebenar-benarnya dan berbuat-buat rupa zuhud bukan hakikat. Dan adalah kepala mereka itu Failasuf. Telah berkata Ibnu al-

Shalah dan tiada ada mereka itu alim. Dan tatkala dibangkitkan Nabi Musa 'alaihissalam pada zaman mereka itu menyeru oleh Musa akan mereka itu kepada syari'atnya, maka enggan mereka itu dan takabbur mereka itu dan berkata mereka itu: Bermula kami ini di dalam kaya daripada barang yang pada engkau. Maka bahawasa kami berkata dengan barang yang engkau kata dan lebih lagi. Dan sungguhnya telah berkata mereka itu dengan Qidam alam, tetapi hanyasanya yang dikata oleh mereka itu dengan Qidam usulnya dan iaitu anasir yang empat iaitu air dan tanah dan angin dan api, tiada أَشْخَاصٌ nya. Dan demikian lagi berkata mereka itu dengan Qidam أَفْلاَكٌ yakni cakerawala.

Dan kata *musannif*: إِذْ لَوْ كَانَ شَيْءٌ مِنْهُ قَدِيْمًا hingga akhirnya mengisyarat ia dengan demikian itu kepada اسْتِثْنَائِيٌّ قِيَاسٌ . Bermula aturannya jikalau ada suatu daripadanya itu Qadim, nescaya adalah demikian suatu itu kaya daripada Allah Ta'ala tetapi keadaan demikian suatu itu kaya daripada Allah Ta'ala itu batil dan batal pula keadaan suatu itu Qadim. Betapa dan pada hal Allah Ta'ala itu wajib bahawa berkehendak kepadaNya oleh tiap-tiap barang yang lainnya. Maka wajib baharu bagi tiap-tiap barang yang lain daripada Allah Subhanahu wa Ta'ala.

وَيُؤْخَذُ مِنْهُ أَيْضًا أَنْ لاَ تَأْثِيرَ لِشَيْءٍ مِنَ الْكَائِنَاتِ فِي أَثَرٍ مَا، وَإِلاَّ لَزِمَ أَنْ يَسْتَغْنِيَ ذَلِكَ الأَثَرُ عَنْ مَوْلاَنَا جَلَّ وَعَزَّ، كَيْفَ وَهُوَ الَّذِي يَفْتَقِرُ إِلَيْهِ كُلُّ مَا سِوَاهُ عُمُوْمًا وَعَلَى كُلِّ حَالٍ، هَذَا إِنْ قَدَّرْتَ أَنَّ شَيْئًا مِنَ الْكَائِنَاتِ يُؤَثِّرُ بِطَبْعِهِ. وَأَمَّا إِنْ قَدَّرْتَهُ مُؤَثِّرًا بِقُوَّةٍ جَعَلَهَا اللهُ تَعَالَى فِيْهِ كَمَا يَزْعُمُهُ كَثِيْرٌ مِنَ الْجَهَلَةِ، فَذَلِكَ مُحَالٌ أَيْضًا لأَنَّهُ يَصِيْرُ حِيْنَئِذٍ مَوْلاَنَا جَلَّ وَعَزَّ مُفْتَقِرًا فِي إِيْجَادِ بَعْضِ الأَفْعَالِ إِلَى وَاسِطَةٍ، وَذَلِكَ بَاطِلٌ لِمَا عَرَفْتَ مِنْ وُجُوْبِ اسْتِغْنَائِهِ جَلَّ وَعَزَّ عَنْ كُلِّ مَا سِوَاهُ.

Ertinya: *Dan diambil daripada* افْتِقَارٌ *pula bahawa tiada memberi bekas bagi sesuatu daripada* كَائِنَاتٌ *(makhluk) pada barang mana bekas ada ia. Dan jika memberi bekas bagi sesuatu daripada* كَائِنَاتٌ*, nescaya*

lazimlah bahawa kaya oleh demikian bekas itu daripada Tuhan kita Jalla wa 'Azza. Betapa dan iaitu Allah Ta'ala yang berkehendak kepadaNya oleh tiap-tiap barang yang lainnya atas jalan umum dan atas tiap-tiap hal. Ini jika engkau takdirkan bahawasanya suatu daripada كائنات *itu memberi bekas dengan tabiatnya. Dan adapun jikalau engkau takdir akan dia bahawa memberi bekas dengan kuat yang menjadikan Allah Ta'ala pada suatu daripada* كائنات *itu seperti barang yang menyangka akan dia oleh kebanyakan daripada segala orang yang jahil. Maka yang demikian itu mustahil jua kerana bahawasanya jadilah ketika itu Tuhan kita Jalla wa 'Azza berkehendak Ia pada menjadikan setengah perbuatan kepada yang menengahi. Dan yang demikian itu batil kerana barang yang telah engkau ketahui daripada wajib kaya Allah Jalla wa 'Azza daripada tiap-tiap barang yang lainnya.*

Dan tiada tersembunyi bahawa tiada memberi bekas segala كائنات itu diambil daripada Wahdaniyah seperti barang yang terdahulu menjagakan atasnya pada perkataan atasnya, yakni atas Wahdaniyah. Dan sungguhnya men*sharih*kan dengan dia oleh *musannif* kerana menolakkan dengan *sharih* atas firqah yang sesat telah mengkejikan akan mereka itu oleh Allah Ta'ala.

Dan sungguhnya telah terdahulu bahawa manusia pada yang demikian itu atas empat firqah:

Yang pertama: I'tiqad ia akan bahawa api dan sekalian itu umpamanya memberi bekas dengan tabiatnya, yakni dengan zatnya. Dan firqah ini tiada khilaf ulama pada kufurnya.

Dan yang kedua: I'tiqad ia akan bahawa api dan sikkin itu umpamanya memberi bekas ia dengan kuat yang menjadikan Allah Ta'ala padanya, yakni tiada memberi bekas ia dengan zatnya. Dan firqah ini bersalahan ulama pada kufurnya. Dan qaul yang ashahnya tiada kufur seperti barang yang dikata orang pada Mu'tazilah yang berkata mereka itu dengan bahawa hamba itu menjadikan ia akan segala perbuatannya yang ikhtiariyah dengan Qudrat yang telah menjadi oleh Allah Ta'ala akan dia padanya.

Dan firqah yang ketiga: I'tiqad ia akan bahawa tiada memberi bekas melainkan Allah Ta'ala tetapi i'tiqad ia akan berlazim-laziman antara api dan sikkin umpamanya. Dan antara segala bekasnya dan firqah ini tiada jadi kafir tetapi terkadang menghelakan dia oleh

demikian i'tiqad itu kepada kufur kerana bahawasanya terkadang membawa ia akan dia kepada ingkar akan beberapa perkara yang mencarikkan bagi adat seperti mukjizat Anbiya' 'alaihimush shalatu wassalam dan seperti bangkit segala jasad.

Dan firqah yang keempat: I'tiqad ia bahawa yang memberi bekas itu tiada yang lain melainkan Allah dan i'tiqad ia dapat bersalahan antara api dan *sikkin* (pisau) umpamanya dan antara bekas keduanya. Dan firqah inilah yang lepas daripada segala bahaya, Insya' Allah Ta'ala.

Maka bermula i'tiqad yang shahih bahawa tiada memberi bekas bagi suatu daripada segala sebab yang beradat. Demikian lagi segala *fi'il* yang baharu yang ikhtiariyah, maka terkadang didapat bersentuh dengan api dengan tiada *mani'* dan tiada dapat hangus seperti barang yang jatuh bagi Saiyidina Ibrahim ketika dilontarkan akan dia dengan manjanik ke dalam api dan memelihara akan dia oleh Allah Ta'ala daripadanya. Dan sungguhnya telah turun baginya oleh Jibril pada demikian hal itu dan berkata Jibril baginya: Adakah bagi engkau hajat? Maka menjawab Ibrahim: Adapun kepada engkau, maka tiada berhajat. Maka menyuruh ia akan dia dengan doa kepada Allah Ta'ala. Maka berkata Ibrahim: Bermula pengetahuan Allah dengan hal aku ini terkaya daripada mintaku. Dan inilah hal Ibrahim seperti yang tersebut itu hanyasanya adalah ia pada ketika itu ghalib hakikat atasnya, maka tiada menafi ia akan disyara'kan doa seperti barang yang tsabit pada beberapa tempat yang banyak daripada kitab Allah Ta'ala dan Sunnah Rasulullah.

Bermula kenyataan yang demikian itu bahawa orang yang memilih akan dia oleh Allah Ta'ala terkadang ghalib atasnya oleh hakikat, maka memadai ia dengan pengetahuan Allah Ta'ala daripada doa dan lainnya. Dan terkadang ghalib atasnya oleh syari'at, maka mendoa ia akan Allah Ta'ala. Dan terkadang didapat akan *sikkin* dan tiada dapat memutuskan seperti barang yang tsabit pada kisah Isma'il kerana dibinakan atas qaul yang dha'if bahawa bapanya melalu ia akan *sikkin* atas tempat sembelihnya. Dan bermula qaul yang shahih bahawasanya tiada jatuh daripadanya melainkan semata-mata cita-cita atas demikian itu.

Dan kata *musannif*: عُمُوْمًا وَعَلَى كُلِّ حَال erti atas jalan umum dan atas tiap-tiap hal tiada mendatang oleh *musannif* bagi demikian

makna عُمُوْمًا dan makna عَلَى كُلِّ حَالٍ itu di dalam syarahnya tetapi ditanya akan dia daripada yang demikian itu. Maka dikata orang baginya: Apa engkau kehendak dengan kata engkau عُمُوْمًا dan عَلَى كُلِّ حَالٍ itu? Maka berkata ia: عُمُوْمًا itu pada sekalian ذَوَاتٌ (zat) dan عَلَى كُلِّ حَالٍ itu pada sekalian sifat.

Dan pada ketika itu, maka ditanggungkan keduanya atas demikian itu aula kerana keadaan menghendaki oleh *musannif* akan dia. Dan jikalau dapat ditafsirkan keduanya dengan yang lain daripada demikian itu sekalipun seperti bahawa dikatakan makna عُمُوْمًا itu sama ada daripada barang yang berserta akan dia oleh sebab yang beradat seperti kenyang dan puas dahaga atau tiada berserta sebab yang beradat seperti menjadikan langit dan bumi.

Dan makna atas tiap-tiap hal itu daripada hal wujud dan hal *'adam*. Maka bermula mumkin itu berkehendak ia kepada Allah Ta'ala pada kedua hal itu. Adapun pada hal *'adam*, maka kerana bahawasanya berkehendak ia kepada Allah Ta'ala pada mengada akan dia. Dan adapun pada hal wujudnya, maka kerana bahawasanya jika kita kata dengan bahawa *'aradh* itu tiada kekal ia dua zaman, nescaya berkehendak mumkin itu kepada Allah Ta'ala pada menolong zatnya itu dengan *a'radh* yang jikalau tiada berganti-ganti *'aradh* itu atas zat, nescaya fana ia. Dan jika kita kata dengan bahawa *'aradh* itu kekal ia dua zaman, maka terlebih banyaknya dan iaitu qaul yang rajih, nescaya berkehendak mumkin itu kepada Allah pula pada berkekalan wujudnya kerana dibinakan atas yang *mukhtar* (dipilih) daripada tempat jadi *iftiqar* mumkin itu *imkan* erti bersamaan dua nisbah wujud dan *'adam* kepadanya dengan ditilik bagi zatnya kerana bahawasa sifat ini tiada bercerai ia akan dia, maka adalah ia berkehendak kepada Allah pada tiap-tiap lahzah pada merajihkan wujudnya atas *'adam*nya. Dan adapun atas qaul *muqabil*nya (bertentangan) daripada bahawasa tempat jadi berkehendaknya itu baharunya, ertinya wujud kemudian daripada *'adam*nya, maka tiada berkehendak ia kepada Allah pada berkekalan wujudnya dengan dharurah. Bahawasanya sifat ini, ertinya wujud kemudian daripada *'adam* itu telah hasil ia, maka jikalau berkehendak ia kepada Allah kemudian daripada hasilnya,

nescaya lazimlah تَحْصِيْلُ الْحَاصِلِ.

Dan hasilnya segala 'aqa'id yang terkandung di dalam *iftiqar* itu telah lalu delapan belas daripada yang wajib dan yang mustahil. Dan baharu alam dengan sekaliannya satu dan tiada memberi bekas sekalian كَائنَاتٌ satu jadi dua dan lawannya dua jadi empat. Dan himpunkan yang empat ini kepada delapan belas itu, maka jadilah perhimpunannya dua puluh dua. Dan barang yang masuk pada اسْتِغْنَاءٌ itu dua puluh enam, maka adalah perhimpunannya empat puluh delapan 'aqidah dan sekaliannya itu masuk pada kata: لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ. Dan jikalau kita bilang kuat yang dihantarkan pada كَائنَاتٌ itu tiada memberi bekas itu satu pula dan lawannya satu jadi dua. Maka tambahkan kepada bilangan yang tersebut itu jadi lima puluh 'aqidah yang masuk dalam kalimah لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ seperti kata *musannif*:

فَقَدْ بَانَ لَكَ تَضَمُّنُ قَوْلِ لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ لِلأَقْسَامِ الثَّلاَثَةِ الَّتِي تَجِبُ عَلَى الْمُكَلَّفِ مَعْرِفَتُهَا فِي حَقِّ مَوْلاَنَا جَلَّ وَعَزَّ وَهِيَ مَا يَجِبُ وَمَا يَسْتَحِيْلُ وَمَا يَجُوْزُ.

Ertinya: *Maka sungguhnya telah nyatalah bagimu oleh terkandung kata* لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ *itu bagi segala bahagi yang tiga yang wajib atas mukallaf mengenal akan dia bagi zat Tuhan kita Jalla wa 'Azza. Dan iaitu barang yang wajib dan barang yang mustahil dan barang yang harus.*

Maka kata *musannif* فَقَدْ بَانَ لَكَ hingga akhirnya ditakrifkan atas menyata yang telah lalu daripada katanya: أَمَّا اسْتِغْنَاؤُهُ جَلَّ وَعَزَّ عَنْ كُلِّ مَا سِوَاهُ hingga sampai kepada sini, ertinya terkandung makna kata لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ. Maka adalah kalam *musannif* itu atas takdir مُضَافٌ kerana bahawa yang mengandung bagi demikian segala bahagi yang tiga itu hanyasanya ialah makna لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ jua bukan lafaz لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ yang mengandungnya seperti yang diketahui pada barang yang telah lalu.

Dan bermula *murad* dengan mengandung makna bagi demikian itu keadaannya dengan sekira-kira diambil akan dia daripadanya

atas barang yang telah lalu kenyataannya dan bukan *murad* dengan dia dilalah تَضَمُّنٌ yang ia dilalah lafaz atas juzu' makna seperti barang yang tiada tersembunyi katanya bagi segala bahagi yang tiga itu. Ertinya kerana bahawa sungguhnya masuk di bawah اسْتِغْنَاءُ الله daripada tiap-tiap barang yang lain itu sebelas daripada segala yang wajib dan iaitu Wujud dan Qidam dan Baqa' dan Mukhalafatuhu lil Hawadith dan Qiyamuhu Binafsihi dan Sama' dan Bashar dan Kalam dan *lawazim*nya (yang melaziminya). Dan sungguhnya masuk di bawah: افْتِقَارُ كُلِّ مَا سِوَاهُ إِلَيْهِ itu segala yang tinggalnya seperti barang yang mengisyarat ia kepadanya pada barang yang telah terdahulu dengan katanya: Dan adapun berkehendak tiap-tiap barang yang lain kepadaNya Jalla wa 'Azza, maka iaitu mewajibkan bagi Allah Ta'ala Hayat hingga akhirnya. Dan maklum bahawasanya apabila wajib segala sifat ini, nescaya mustahil segala lawannya.

Dan sungguhnya masuk di bawah اسْتِغْنَاءٌ pula yang harus seperti barang yang mengisyarat ia kepadanya pada barang yang telah terdahulu dengan katanya: Dan diambil daripadanya pula bahawasanya tiada wajib atasNya Ta'ala perbuat sesuatu daripada mumkinat hingga akhirnya.

Syahdan: Manakala kita ketahui segala 'aqa'id itu terkandung di dalam makna لاَ إِلَهَ إِلاَّ الله , maka sebab itulah diterimakan Islam orang kafir dengan mengucap: أَشْهَدُ أَنْ لاَ إِلَهَ إِلاَّ الله وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا رَسُوْلُ الله dengan beberapa syarat yang sepuluh yang lagi akan datang sebutnya.

Maka mengucap dua kalimah syahadah ini menempati ia iqrar akan sifat yang dua puluh yang wajib bagi Allah dan menempati ia menafikan segala lawannya yang mustahil yang dua puluh itu dan mengharuskan barang yang harus baginya dan jikalau tiada tahu akan jalan masuknya di bawah kalimah itu sekalipun kerana makna bagi lafaz itu melazimkan akan segala perkara yang tersebut itu. Demikian lagi pada makna وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا رَسُوْلُ الله masuk pula enam belas 'aqidah di bawahnya seperti kata *musannif*.

وَأَمَّا قَوْلُنَا مُحَمَّدٌ رَسُوْلُ الله فَيَدْخُلُ فِيْهِ الإِيْمَانُ بِسَائِرِ الأَنْبِيَاءِ الْمَلاَئِكَةِ

عَلَيْهِمُ الصَّلاَةُ وَالسَّلاَمُ وَالْكُتُبِ السَّمَاوِيَّةِ وَالْيَوْمِ الآخِرِ لأَنَّهُ عَلَيْهِ الصَّلاَةُ وَالسَّلاَمُ جَاءَ بِتَصْدِيْقِ ذَلِكَ كُلِّهِ.

Ertinya: *Adapun kata kita* لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ *itu, maka masuk di dalam barang yang telah lalu sebutnya. Dan adapun kata kita Muhammad Rasulullah, maka masuk di dalamnya beriman dengan sekalian Anbiya' dan Malaikat 'alaihimush shalatu wassalam dan sekalian kitab yang turun dari langit dan hari kiamat kerana bahawasa Nabi 'alaihimush shalatu wassalam datang ia membenarkan yang demikian itu sekaliannya.*

Inilah empat dan lagi akan datang yang wajib bagi Rasul itu tiga dan harus satu, jadi empat pula. Dan dihimpunkan dengan yang empat dahulu itu jadi delapan dan lawannya delapan pula, jadi enam belas. Inilah yang masuk di bawah makna Muhammad Rasulullah, maka kata *musannif*: فَيَدْخُلُ فِيْهِ الإِيْمَانُ.

Bermula makna iman itu tashdiq hati dengan demikian itu dan tiada tersembunyi bahawa yang demikian itu lebih atas maksud daripada menyatakan termasuk 'aqa'id yang tersebut pada barang yang telah lalu di bawah demikian yang dimaksud pada hakikat itu iaitu kata *musannif*: وَيُؤْخَذُ مِنْهُ وُجُوبُ صدق الرُّسُلِ hingga akhirnya. Dan tiada syak bahawa membenarkan penghulu kita Muhammad Shallallahu 'alaihi wasallam pada bahawasanya Rasulullah dengan sebab barang yang menunjukkan atasnya oleh mukjizatnya yang tiada dapat kita hinggakan dia itu melazimkan ia membenarkan dengan tiap-tiap barang yang mendatangkan ia dengan dia seperti sekalian Anbiya' 'alaihimush shalatu wassalam.

Para Anbiya' Dan Para Rasul

Dan telah terdahulu bahawasanya bersalah-salahan beberapa riwayat pada bilang-bilangan mereka itu, maka pada satu riwayat bahawasa mereka itu sakti dua laksa empat ribu. Dan pada satu riwayat dua ribu ribu dan dua ratus ribu. Dan pada satu riwayat seribu ribu dan empat ratus ribu dan dua puluh empat ribu.

Dan bermula qaul yang shahih menahankan daripada

menghinggakan bilang-bilangan mereka itu kerana bahawasanya terkadang membawa *itsbat*kan nubuwwah bagi orang yang tiada Nabi atau menafikan nubuwwah daripada orang yang ia Nabi. Maka yang jadi Rasul daripada sekalian mereka itu tiga ratus tiga belas orang dan kata setengah empat belas orang dan kata setengah lima belas orang seperti barang yang telah lalu sebutnya. Maka wajib atas kita beriman dengan bahawa bagi Allah beberapa Anbiya' atas jalan ijmal melainkan dua puluh lima yang tersebut di dalam Qur'an, maka wajib mengenal mereka itu atas jalan tafshil akan nama mereka itu yang tersebut di dalam ayat: تِلْكَ حُجَّتُنَا delapan belas dan tujuh lagi di dalam ayat yang lain pula seperti barang yang diisyarat bagi yang demikian itu oleh setengah mereka itu dengan katanya:

حَتْمٌ عَلَى كُلِّ ذِي التَّكْلِيفِ مَعْرِفَةٌ * بِأَنْبِيَاءَ عَلَى التَّفْصِيلِ قَدْ عُلِمُوْا

فِيْ تِلْكَ حُجَّتُنَا مِنْهُمْ ثَمَانِيَةٌ * مِنْ بَعْدِ عَشْرٍ وَيَبْقَى سَبْعَةٌ وَهُمُوا

إِدْرِيْسُ هُوْدٌ شُعَيْبٌ صَالِحٌ وَكَذَا * ذُو الْكِفْلِ آدَمُ بِالْمُخْتَارِ قَدْ خُتِمُوْا

Ertinya: *Wajib atas tiap-tiap yang mempunyai taklif itu mengenal*

Dengan Anbiya' atas jalan tafshil sungguhnya diketahui akan mereka itu

Di dalam ayat تِلْكَ حُجَّتُنَا *setengah daripada mereka itu delapan orang*

Kemudian daripada sepuluh dan tinggal lagi tujuh

Bermula mereka itu Idris dan Hud dan Syu'aib dan Soleh

Dan demikian lagi Zulkifli dan Adam dan dengan Nabi yang mukhtar iaitu Muhammad, sungguhnya disudah akan mereka itu yakni Muhammad itu disudahkan dia daripada segala Rasul.

Dan wajib kita i'tiqadkan bahawasanya Nabi kita itu daripada bangsa Arab lagi bangsa Quraisy dan bahawasa namanya Muhammad, bapanya Saiyidina Abdullah anak Abdul Muththalib anak Hasyim anak Abdu Manaf anak Qushai anak Kilab anak Murrah anak Ka'ab anak Lu'ai anak Ghalib anak Fihr anak Malik

anak al-Nadhr anak Kinanah anak Khuzaimah anak Mudrikah anak Ilyas anak Mudhar anak Nizar anak Ma'ad anak Adnan.

Dan bahawasa ibunya Saiyidatina Aminah anak Wahab anak Abdu Manaf anak Zuhrah anak Kilab. Dan Abdul Manaf ini lain daripada Abdu Manaf yang pada pihak bapanya Shallallahu 'alaihi wasallam.

Dan bahawasa warna tubuhnya Shallallahu 'alaihi wasallam putih cenderung kepada merah. Dan bahawasanya ialah kesudahan Anbiya' dan Mursalin, maka barang siapa mendakwa akan jadi Nabi kemudian daripadanya, nescaya kafir ia. *Wal'iyyazu billah Ta'ala*.

Dan bahawasanya diperanakkan dia pada negeri Mekah dan dibangkitkan dia jadi Rasul padanya, pada hal umurnya empat puluh tahun dan diam ia pada Mekah kemudian daripada demikian itu tiga belas tahun, maka berpindah ia ke Madinah dan diam ia pada Madinah sepuluh tahun. Dan wafat ia padanya dan dikuburkan dia pada tempat wafatnya iaitu rumah Saiyidatina 'A'isyah Radhiyallahu 'anha dan adalah umurnya enam puluh tiga tahun.

Faedah:

Maka wajib kita i'tiqadkan yang terlebih afdhal daripada segala makhluk atas *itlaq* itu Nabi kita Muhammad Shallallahu 'alaihi wasallam. Dan *murad itlaq* itu iaitu umum yang melengkapi bagi alam *'ulwi* (tinggi) dan *sufli* (rendah) daripada manusia dan jin dan malaikat di dalam dunia dan akhirat pada segala perkara kebajikan dan sekalian sifat kesempurnaan. Dan telah ijma' muslimun atas bahawasa Nabi kita Muhammad Shallallahu 'alaihi wasallam afdhal daripada sekalian makhluk dan barang yang datang ia daripada tegah melebihkan dia Shallallahu 'alaihi wasallam seperti sabdanya:

لاَ تُفَضِّلُوْنِي عَلَى الأَنْبِيَاء

Erti: *Jangan melebih oleh kamu akan daku atas Anbiya'.*

Dan sabdanya:



لَا تُفَضِّلُوْنِي عَلَى يُوْنُسَ بْنِ مَتَّى

Erti: *Jangan melebih oleh kamu akan daku atas Yunus anak Matta.*

Dan sabdanya:

لَا تُخَيِّرُوْنِي عَلَى مُوْسَى

Erti: *Jangan kamu pilih akan daku atas Musa.*

Dan umpama demikian itu, maka ditanggungkan atas melebih yang membawa ia kepada mengurangkan orang lain daripada Anbiya' atau berkata ia akan demikian itu sebelum lagi ia tahu bahawasanya ia afdhal dan *ihtimal* bahawasanya berkata ia akan demikian itu kerana beradab dan tawadhu'.

Dan bersalah-salahan ulama adakah afdhalnya Shallallahu 'alaihi wasallam itu kerana مَزَايَا nya, yakni kamalatnya yang ditentukan dengan dia atau kerana melebih daripada Allah Ta'ala. Dan bermula tahqiq bahawasanya dengan melebih daripada Allah Ta'ala.

Dan mengiringi akan Nabi kita itu kelebihannya Nabi Ibrahim kemudian Nabi Musa kemudian Nabi 'Isa kemudian Nabi Nuh kemudian maka segala Rasul yang tinggal lagi dan mereka itu afdhal setengah atas setengahnya, tetapi tiada kita ketahui akan 'ainnya kerana tiada di*ta'yin* (ditentukan) oleh syara' bagi kita dengan مُعَيَّنٌ (tertentu) melainkan yang lima dahulu jua.

Dan kemudian daripada segala Rasul itu sekalian Anbiya' yang bukan Rasul serta berlebih kurang martabat mereka itu pada Allah Ta'ala. Dan kemudian daripada Anbiya' itu kepala-kepala malaikat seperti Jibril dan Mika'il dan Israfil dan 'Izra'il, kemudian yang tinggal daripada segala malaikat. Dan ittifaq mereka itu atas bahawasa Jibril dan Mika'il afdhal daripada sekalian malaikat. Kemudian bersalah-salahan mereka itu pada afdhal daripada keduanya. Maka kata qil: Jibril afdhal. Dan kata qil: Mika'il afdhal. Dan yang pertama itu yang masyhur.

Kemudian maka segala sahabat dan mereka itu berlebih

kurang pula segala martabat mereka itu pada Allah Ta'ala, maka afdhal mereka itu Abu Bakar, maka 'Umar, maka 'Uthman maka 'Ali, kemudian maka enam orang yang mencukupkan sepuluh yang dijanjikan dengan syurga dengan khusus dan mereka itu Talhah bin Abdullah dan Zubair bin al-Awwam dan Abdul Rahman bin 'Auf dan Sa'ad bin Abi Waqqash dan Sa'ad bin Zaid dan Abu 'Ubaidah bin al-Jarrah.

Kemudian maka ahli yang hadir perang Badar, kemudian maka ahli Uhud, kemudian maka ahli Bai'ah al-Ridhwan di Hudaibiyah dan sekalian itu afdhal daripada awam malaikat. Dan kemudian daripada mereka itu segala awam malaikat, kemudian maka segala awam muslimin.

Para Malaikat Dan Alam Akhirat

Dan wajib atas kita percaya dengan ada bagi Allah Ta'ala beberapa malaikat yang tiada diketahui akan hingganya melainkan Allah Ta'ala dan mereka itu *ajsam* (jisim-jisim) yang Nuraniyah yang lathifah yang sampailah banyak mereka itu kepada had yang tiada mengetahui akan dia melainkan Allah Ta'ala jua lagi sufara' Allah erti wasithah antaranya dan antara makhluk lagi benar mereka itu pada barang yang mengkhabarkan oleh mereka itu dengan dia daripada Allah Ta'ala, tiada makan mereka itu dan tiada minum mereka itu dan tiada berkahwin mereka itu dan tiada beranak mereka itu dan tiada tidur mereka itu dan tiada disuratkan akan segala amal mereka itu dan tiada dihisab akan mereka itu dan di*hasyar*kan (dihimpunkan) mereka itu serta manusia dan jin dan masuk mereka itu akan syurga. Dan berlazat-lazat mereka itu di dalamnya dengan barang yang dikehendak Allah.

Dan kata qil: Adalah mereka itu di dalam syurga itu seperti hal mereka itu di dalam dunia. Maka tiada makan dan minum mereka itu tetapi diilham akan mereka itu tasbih dan *taqdis*, maka mendapat oleh mereka itu padanya akan lazat seperti barang yang mendapat oleh ahli syurga daripada lazat makan dan minum dan harus atas mereka itu mati, tetapi tiada seorang mati daripada mereka itu dahulu daripada *nafkhah* (tiupan) yang pertama, tetapi mati mereka itu dengan tiup yang pertama melainkan malaikat yang menanggung

'Arasy dan segala kepala yang empat. Maka bahawasanya mati mereka itu kemudian daripada tiup sangkakala yang pertama. Dan akhir orang yang mati itu Malik al-Maut lagi tiada derhaka mereka itu akan Allah barang yang menyuruh Ia akan mereka itu dan berbuat mereka itu akan barang yang disuruhkan mereka itu. Dan tiada menafikan yang demikian itu oleh barang yang dinaqalkan daripada Harut wa Marut kerana bahawa sungguhnya menaqal akan dia oleh *Mu'arrikhun* (para ahli sejarah) daripada Isra'iliat erti segala kitab Yahudi dan Nasara dan tiada sah padanya oleh khabar seperti barang yang berkata akan dia oleh Mufassirun.

Dan bermula barang yang menyebut akan dia oleh dusta *Mu'arrikhin* daripada bahawasa kedua itu diazab akan keduanya dan dipalingkan rupa keduanya itu dusta dan زُوْرٌ dan tiada harus dii'tiqadkan dia tetapi yang wajib i'tiqadnya bahawasa mengajar keduanya akan ilmu sihir itu tiada ada ia kerana diamal dengan dia tetapi kerana menakut daripadanya dan supaya zahir faraq antara sihir dan antara mukjizat, maka bahawa sungguhnya telah jatuh bahawasa tukang sihir itu banyak mereka itu dengan sebab mencuri oleh syayathin akan mendengar dan mengajar oleh syayathin itu akan mereka itu tukang sihir. Maka menyangka oleh segala orang yang jahil akan bahawa mukjizat Anbiya' itu sihir, maka menurun akan keduanya oleh Allah supaya mengajar oleh keduanya akan manusia akan kaifiat sihir supaya zahir bagi mereka itu faraq antara sihir dan antara mukjizat ini sekaliannya ditanyakan atas bahawa keduanya itu dua malaikat. Dan kata qil: Adalah keduanya itu dua orang lelaki yang soleh keduanya. Dan dinamakan keduanya itu dua malaikat kerana soleh keduanya. Dan telah engkau ketahui bahawa malaikat itu sampai banyak mereka itu kepada had yang tiada mengetahui akan dia melainkan Allah Ta'ala, maka wajib beriman dengan mereka itu atas jalan tafshil sepuluh iaitu Jibril dan Mika'il dan Israfil dan Izra'il dan Munkar dan Nakir dan Ridhwan dan Malik dan Raqib dan Atid dan yang lain daripada sepuluh itu wajib beriman dengan mereka itu atas jalan ijmal jua seperti malaikat yang menanggung 'Arasy dan malaikat Hafazah dan mereka itu malaikat yang diwakilkan mereka itu dengan memeliharakan hamba seperti firman Allah Ta'ala:

لَهُۥ مُعَقِّبَٰتٌ مِّنۢ بَيۡنِ يَدَيۡهِ وَمِنۡ خَلۡفِهِۦ يَحۡفَظُونَهُۥ مِنۡ أَمۡرِ

ٱللَّهِ ..... ﴿١١﴾

Ertinya: *Bagi seorang anak Adam itu beberapa malaikat yang berganti-ganti siang dan malam daripada antara hadapannya dan pada belakangnya yang memeliharakan oleh mereka itu daripada pekerjaan Allah Ta'ala.* **(Surah al-Ra'd: Ayat 11)**

Dan telah menyebut oleh Ubai bahawasanya hafaz ia bagi Ibnu 'Athiyah bahawa tiap-tiap anak Adam diwakilkan dengan dia daripada ketika jatuh nutfah di dalam rahim hingga matinya akan empat ratus malaikat. Dan telah *taraddud* oleh Jazwali adakah bagi jin dan malaikat itu malaikat Hafazah atau tiada. Kemudian menjazam ia dengan bahawasa ada bagi jin itu malaikat Hafazah. Dan telah menjauh ia akan perkataan dengan demikian itu pada malaikat.

Telah berkata Ajhuri: Tiada aku ketahui atasnya pada jin bagi yang lain daripada Jazwali.

Dan seperti malaikat Katabah dan mereka itu malaikat yang diwakilkan akan mereka itu dengan menyurat akan barang yang keluar daripada mukallaf perkataan atau perbuatan atau i'tiqad atau cita-cita atau azam atau taqrir kebajikan atau kejahatan. Dan bermula bercerai mereka itu akan dia pada tatkala umpama jima' itu tiada menegah ia daripada menyurat mereka itu akan barang yang keluar daripadanya pada ketika itu. Dan bermula yang masyhur bahawa bagi tiap-tiap hari dan malam itu dua malaikat. Dan kata qil: Bermula keduanya itu dua orang malaikat jua. Maka hanyalah dan melazim oleh keduanya akan dia selama hidupnya, maka apabila mati ia berdiri keduanya atas kuburnya mengucap tasbih keduanya dan mengucap tahlil keduanya dan mengucap takbir keduanya hingga hari kiamat jika adalah mayat itu mukmin. Dan melaknat keduanya akan dia hingga hari kiamat jika ada ia kafir. Dan bersalahan ulama pada tempat keduanya daripada mukallaf atas lima qaul: Maka kata qil: Duduk pada tengkuknya. Dan kata qil: Pada dagunya. Dan kata qil: Pada dua bibir mulutnya. Dan kata qil: Di bawah bibir mulut bawah. Dan kata qil: Pada dua

taringnya.

Dan kata setengah seorang pada pihak kanan dan seorang pada pihak kiri jika duduk dan jikalau berjalan seorang pada pihak hadapan dan seorang pada pihak belakang. Dan jikalau tidur ia seorang di kepala dan seorang di kaki. Dan telah datang warid pada setengah atsar seperti barang yang berkata al-'Allamah al-Laqqani bahawa setengah daripada kebajikan itu menyurat akan dia oleh yang lain daripada dua malaikat ini.

Dan adalah malaikat itu berlebih kurang besar kecilnya. Setengah daripada mereka itu jikalau disuruh telan tujuh petala langit itu, nescaya ditelannya. Dan lagi pula, ada bagi Allah Ta'ala malaikat yang memenuh setengah kaun dan ada malaikat yang memenuh dua sulus kaun dan ada malaikat yang memenuh kaun ini. Dan beberapa malaikat yang sudah selesai ia daripada pekerjaannya, masuk ia di dalam Bait al-Ma'mur pada tiap-tiap hari tujuh puluh ribu. Maka tiada kembali, masuk kembali, masuk lagi kemudian daripada keluarnya, yakni sekali seorang jua. Maka tiada masuk kali yang kedua kemudian daripada keluar itu. Maka pada tiap-tiap hari itu tujuh puluh ribu malaikat yang lain pula. Demikianlah hingga hari kiamat.

Dan lagi pula adalah pekerjaan malaikat itu berlainan-lainan dengan titah Allah Ta'ala. Dan setengah mereka itu berdiri selama-lamanya dan setengahnya rukuk selama-lamanya dan setengah sujud selama-lamanya dan setengah duduk selama-lamanya dan setengah mengucap tasbih dan setengah mengucap takbir dan setengahnya mengucap taqdis dan lainnya. Dan Jibril itu kerjanya menurunkan wahyu kepada Anbiya'. Dan Israfil meniup sangkakala. Dan Mika'il menurunkan rezeki dan menurunkan hujan daripada langit. Dan Izra'il kerjanya mengambil nyawa.

Kata setengah ulama turun Jibril pada Nabi Adam dua belas kali. Dan pada Nabi Idris empat kali. Dan pada Nabi Nuh lima kali. Dan pada Nabi Ya'qub empat kali. Dan pada Nabi Ibrahim empat puluh kali. Dan pada Nabi Musa empat ratus kali. Dan pada Nabi Ayyub tiga kali. Dan pada Nabi 'Isa sepuluh kali. Dan pada Nabi Daud sepuluh kali. Dan pada penghulu kita Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi wasallam dua puluh empat ribu kali. Dan kata setengah ulama seratus ribu dan dua puluh empat ribu kali.

Wajib Beriman Dengan Segala Kitab Allah

Dan wajib atas kita percaya akan segala kitab yang turun dari langit diambil daripada Lauh Mahfuz atau atas lidah seorang daripada malaikat. Bermula *murad* dengan dia barang yang melengkapi akan suhuf. Dan sungguhnya telah masyhur bahawa sekalian kitab Samawiyah itu seratus dan empat buah. Enam puluh suhuf bagi Nabi Syits. Dan tiga puluh suhuf bagi Nabi Ibrahim. Dan sepuluh suhuf bagi Nabi Musa dahulu daripada Taurat. Dan kitab yang empat iaitu Taurat bagi Nabi Musa dan Zabur bagi Nabi Daud dan Injil bagi Nabi 'Isa dan Furqan bagi penghulu kita Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi wasallam. Seperti demikian itulah telah menaqal oleh setengah daripada Syarah Arba'in daripada Khatib.

Dan kata qil: Bagi Nabi Syits lima puluh suhuf dan bagi Nabi Idris tiga puluh suhuf dan bagi Nabi Ibrahim sepuluh dan bagi Nabi Musa sepuluh dan segala kitab yang empat. Dan kata qil: Bahawa segala kitab yang Samawiyah itu seratus empat belas buah. Lima puluh suhuf bagi Nabi Syits dan tiga puluh bagi Nabi Idris dan bagi Nabi Ibrahim dua puluh. Dan bersalahan pada yang sepuluh itu, maka kata qil: Bagi Adam. Dan kata qil: Bagi Nabi Musa dan segala kitab yang empat. Bermula qaul ini barang yang dinash atasnya oleh al-Tsuna'i di dalam Syarah Risalah sekira-kira berkata ia.

Faedah:

Bermula segala kitab yang turun daripada langit itu seratus empat belas hingga akhir barang yang telah terdahulu. Fahamkan olehmu, akan ini. Bermula qaul yang tahqiq menahankan daripada menghinggakan dia pada bilangannya. Maka wajib i'tiqadkan bahawasa Allah Ta'ala telah menurun Ia akan beberapa kitab dari langit atas jalan ijmal, bahkan kutub yang empat itu wajib mengetahui akan dia dengan tafshil iaitu Taurat bagi Nabi Musa dan bacaannya dengan bahasa Ibrani. Dan Injil bagi Nabi 'Isa dan

bacaannya dengan bahasa Suryani. Dan Zabur bagi Nabi Daud dan bacaannya dengan bahasa Qibthi. Dan Qur'an bagi Nabi kita Muhammad dan dinamakan dia pula Furqan dan bacaannya dengan bahasa Arab. Maka yang tiga kitab ini iaitu Qur'an dan Taurat dan Injil. Ada di dalamnya hukum dan pengajaran dan kisah. Dan yang berpegang dengan Injil itu dinamai akan dia Nasrani. Dan yang berpegang dengan Taurat itu dinamai akan dia Yahudi dan keduanya itu dinamai akan dia ahli al-Kitab. Dan yang berpegang dengan Zabur dan segala suhuf itu dinamai akan dia Syibhu Kitab. Dan yang berpegang dengan Qur'an itu dinamai akan dia mukmin dan muslim dan Madin.

Faedah:

Telah menyebut Imam Kharasyi menaqal ia daripada Abi al-Hasan perhimpunan barang yang di dalam Qur'an itu daripada ayat enam ribu dan enam ratus enam puluh enam puluh enam ayat, seribu daripadanya أَمْرٌ (ayat perintah) dan seribu daripadanya نَهْيٌ (ayat larangan) dan seribu daripadanya وَعْدٌ ertinya janji memberi pahala dan seribu daripadanya وَعِيْدٌ ertinya janji dengan menyiksakan dan seribu daripadanya ibarat الأَمْثَالُ ertinya membandingkan suatu dengan suatu seperti firmanNya:

مَثَلُهُمْ كَمَثَلِ ٱلَّذِى ٱسْتَوْقَدَ نَارًا..... ﴿١٧﴾

hingga akhir. Dan seribu daripadanya kisah dan khabar dan lima ratus daripadanya halal dan haram dan seratus daripadanya doa dan tasbih dan enam puluh enam daripadanya *nasikh* dan *mansukh* katanya.

Wajib Beriman Dengan Hari Kiamat

Dan wajib atas kita percaya akan Hari Kiamat dan awalnya daripada tiup sangkakala yang kedua. Dan kata qil: Daripada حَشْرٌ, yakni berhimpun pada Padang Mahsyar. Dan kata qil: Daripada mati dan tiada kesudahan baginya. Dan kata qil: Berkesudahan ia dengan masuk ahli Syurga ke dalam syurga dan masuk ahli neraka ke dalam neraka. Dan dikehendaki dengan tiup sangkakala

yang kedua itu tiup bangkit dan iaitu menghidupkan segala badan daripada kubur. Dan demikian itu kemudian daripada mati segala makhluk dengan *nafkhah* (tiupan) yang pertama dan antara dua *nafkhah* itu empat puluh tahun.

Alam Barzakh

Dan ketahui olehmu, bahawasanya daripada waktu mati hingga kepada bangkit itu dinamakan Barzakh. Dan makna Barzakh itu yang mendinding antara dua شَيْءٌ (perkara) atau barang yang antara dunia dan akhirat. Maka orang yang mati, maka sungguhnya masuk ia di dalam alam Barzakh.

Dan wajib kita i'tiqadkan azab kubur dan nikmatnya dan sungguhnya disandarkan azab dan nikmat kepada kubur itu kerana bahawasanya ialah yang ghalib. Dan jika tiada, maka tiap-tiap mayat yang menghendaki Allah akan siksanya, menyiksa ia akan dia dikuburkan dia atau tiada dan jikalau disulakan dia atau terkaram ia di dalam laut atau memakan akan dia oleh segala binatang atau terbakar ia hingga jadi ia abu dan bertabur ia pada angin sekalipun.

Munkar Dan Nakir

Dan wajib kita i'tiqadkan soal Munkar dan Nakir akan segala mayat sama ada ia mukmin atau kafir atau munafik. Dan hanyasanya dinamakan ini dua malaikat dengan Munkar dan Nakir kerana datang keduanya akan mayat itu dengan rupa Munkar tiada pernah dilihat sekali-kali segala makhluk seumpama keduanya. Maka bahawasanya sifat keduanya seperti barang yang tersebut di dalam hadis bahawasa keduanya hitam lagi biru keduanya. Mata keduanya seperti periuk tembaga. Dan pada suatu riwayat seperti kilat yang menyambar. Dan suara keduanya seperti guruh. Apabila berkata-kata keduanya akan mayat yang derhaka, keluar daripada mulut keduanya seperti api. Di dalam tangan tiap-tiap seorang daripada keduanya pemukul daripada besi, jikalau dipukul dengan dia akan segala bukit, nescaya hancur ia. Dan pada suatu riwayat

di dalam tangan salah seorang daripada keduanya tongkat, jikalau berhimpun ahli Mina atasnya, nescaya tiada kuasa oleh mereka itu mengangkatkan dia.

Bermula kedua malaikat itu bertanya bagi segala mukmin yang taat dan yang *'ashi* (maksiat) atas qaul yang shahih. Tetapi berlemah-lembut keduanya dengan mukmin dan berkata keduanya baginya: Apabila betul jawabnya, tidur olehmu akan sebagai tidur pengantin. Dan menjerkah keduanya akan munafik dan kafir. Dan kata qil: Bermula mukmin yang diberi taufiq baginya Mubasysyir dan Basyir. Dan adapun kafir dan mukmin yang *'ashi*, maka bagi keduanya Munkar dan Nakir. Kata qil: Dan serta keduanya seorang malaikat yang lain dikatakan baginya Nakur. Dan bermula barang yang dikata orang daripada bahawasanya datang dahulu daripada keduanya seorang malaikat dikatakan baginya Ruman, maka hadisnya itu Maudhu'. Dan kata qil: Padanya لَيِّنٌ yakni dha'if.

Dan adalah soal itu kemudian daripada tamam tanamnya pada ketika berpaling manusia dan tersebut di dalam hadis bahawasanya mendengar oleh mayat akan suara kertak kaus orang yang berjalan pada sisi kubur itu. Maka dikembalikan Allah Ta'ala akan roh mayat itu kepada sekalian badannya seperti barang yang telah menjalankan kepadanya oleh jumhur dan iaitu yang zahir pada beberapa hadis.

Dan kata Syeikh Ibnu Hajar: Dikembalikan roh itu kepada setengah badannya yang sebelah atas jua, maka hanyalah tetapi dan jika dikembali roh baginya sekalipun, tiada ternafi diitlaq nama mayat atasnya kerana hidupnya pada ketika itu tiada hidup yang sempurna tetapi pekerjaan مُتَوَسِّطٌ antara mati dan hidup seperti تَوَسَّطَ tidur antara keduanya. Dan dikembalikan kepadanya daripada pancaindera dan akal dan ilmu barang yang terhenti atasnya faham *khitab* dan dapat sertanya mengembalikan jawab hingga ditanya akan dia.

Dan ahwal segala orang yang ditanyakan itu bersalah-salahan. Maka setengah daripada mereka itu orang yang ditanya akan dia oleh dua malaikat itu tiap-tiap daripada keduanya kerana bersangatan atasnya. Dan setengah mereka itu ditanya akan dia oleh salah seorang daripada keduanya kerana *takhfif* atasnya. Dan

adalah salah seorang daripada keduanya di bawah kakinya dan seorang lagi pada kepalanya dan ditanyakan satu kali jua. Dan pada hadis Asma' bahawasanya ditanyakan dia tiga kali, dua. Daripada Jalal bahawasa orang yang mukmin diulang-ulang tanya hingga tujuh hari dan segala kafir diulang-ulangkan tanya hingga empat puluh hari. Dan bertanya keduanya akan tiap-tiap seorang dengan lughahnya atas qaul yang shahih, khilaf bagi orang yang berkata dengan bahasa Suryani. Dan ditanyakan mayat dan jikalau bercerai-cerai segala anggotanya sekalipun dan jikalau adalah mayat itu di dalam perut binatang sekalipun kerana tiada jauh. Bahawasa Allah Ta'ala mengembalikan baginya roh pada segala anggotanya yang ada dahulunya.

Dan apabila mati beberapa jemaah di dalam satu waktu pada beberapa negeri yang berjauh-jauhan ditanyakan sekaliannya di dalam satu waktu itu jua. Telah berkata al-Qurtubi: Telah bersalah-salahan beberapa hadis pada kaifiat soal dan jawab. Maka setengah daripada mereka itu orang yang ditanyakan daripada setengah i'tiqadnya dan setengah mereka itu orang yang ditanyakan daripada sekaliannya dan ditanyakan daripada syahadah dan ditanya daripada iman dengan Muhammad Shallallahu 'alaihi wasallam dan pekerjaan tauhid. Maka menjawab ia dengan barang yang muafakat barang yang mati ia atasnya daripada iman dan kufur atau syak.

Dan telah datang warid dengan tiada ditanyakan Anbiya'. Dan kata setengah: Tiada ditanyakan orang yang *Shiddiqin* dan segala orang yang mati syahid Ma'rikah dan orang yang Murabithin, yakni orang yang menunggu pada tempat yang ditakuti seperti tempat antara muslimin dengan harbiyyin (kafir harbi) dan orang yang melazimkan bagi membaca:

تَبَٰرَكَ ٱلَّذِى بِيَدِهِ ٱلْمُلْكُ وَهُوَ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ قَدِيرٌ ۝١

pada tiap-tiap malam daripada ketika sampai khabar bagi mereka itu sama ada membaca akan dia pada ketika hendak tidur atau dahulu daripadanya dan seperti demikian itu surah Sajadah. Dan demikian lagi orang yang membaca:

قُلْ هُوَ ٱللَّهُ أَحَدٌ ۝١

di dalam sakit matinya dan orang yang mati sakit perut dan orang yang mati kena penyakit taun atau orang yang mati dengan lainnya di dalam zaman taun, pada hal sabar ia lagi mengira-girakan pahalanya dan orang yang mati malam Jumaat atau harinya dan lain daripada yang tersebut itu ada lagi yang tiada ditanya. Inilah pada mukallaf atau orang yang tiada mukallaf seperti mati di dalam kanak-kanak atau mati dalam gila pada waktu awal gila itu di dalam masa kanak-kanak kekal gilanya hingga mati, maka tiada ditanya keduanya itu.

Mentalkinkan Mayat

Dan setengah ditalkin akan mayat yang mukallaf. Maka sanya telah datang warid daripada Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam bahawasanya orang yang mati apabila ditalkin akan dia, maka berkata salah seorang daripada dua malaikat itu akan taulannya: Keluarlah kamu daripada mayat ini. Maka apa kita kerjakan dengan seorang lelaki yang telah diajar akan dia akan hujahnya, maka sekurang-kurang talkin itu seperti dikata:

يَا عَبْدَ اللهِ ابْنَ أَمَةِ اللهِ! اذْكُرِ الْعَهْدَ الَّذِي خَرَجْتَ عَلَيْهِ مِنَ الدُّنْيَا، وَهِيَ شَهَادَةُ أَنْ لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُوْلُ اللهِ، وَأَنَّ الْمَوْتَ حَقٌّ، وَأَنَّ الْجَنَّةَ حَقٌّ، وَأَنَّ النَّارَ حَقٌّ، وَأَنَّ الْقَبْرَ حَقٌّ، وَأَنَّ سُؤَالَ مُنْكَرٍ وَنَكِيْرٍ فِيْهِ حَقٌّ، وَأَنَّ السَّاعَةَ آتِيَةٌ لاَ رَيْبَ فِيْهِ فِيْهَا، وَأَنَّ اللهَ يَبْعَثُ مَنْ فِي الْقُبُوْرِ، وَأَنَّكَ رَضِيْتَ بِاللهِ رَبًّا، وَبِالإِسْلاَمِ دِيْنًا، وَبِمُحَمَّدٍ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نَبِيًّا وَرَسُوْلاً، وَبِالْقُرْآنِ إِمَامًا، وَبِالْكَعْبَةِ قِبْلَةً وَبِالْمُؤْمِنِيْنَ إِخْوَانًا.

Dan sunat duduk orang yang mentalkinkan itu pada pihak kepala mayat serta berhadap kepada muka mayat dan membelakang akan kiblat sama ada mayat lelaki atau perempuan.

Azab Atau Siksaan Kubur

Dan wajib kita percaya akan azab kubur dan yang kena azab itu badan dan roh sekaliannya dengan ittifaq ahli al-Haq. Itulah yang muktamad. Dan adalah azab itu bagi kafir dan munafik dan bagi orang yang derhaka daripada segala mukmin. Dan kekal azab itu atas kafir dan munafik dan putus ia daripada setengah orang yang derhaka daripada orang yang mukmin dan iaitu orang yang ringan dosa mereka itu daripada orang yang derhaka. Maka bahawasanya diazabkan mereka itu dengan sekira-kira dosanya dan terkadang diangkatkan azab daripada mereka itu dengan sebab doa atau sedekah apabila diqasad pahalanya baginya atau lain daripada yang demikian itu seperti qira'ah seperti barang yang berkata akan dia oleh Ibnu al-Qaiyim: Bermula tiap-tiap orang yang adalah ia tiada ditanya akan dia di dalam kuburnya tiada disiksa akan dia di dalam kubur pula.

Dan setengah daripada azab kubur itu barang yang diriwayat daripada Abi Sa'id al-Khudri Radhiyallahu 'anhu berkata ia: Aku dengar akan Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam bersabda ia:

يُسَلِّطُ اللهُ عَلَى الْكَافِرِ فِي قَبْرِه تِسْعَةً وَتِسْعِيْنَ تِنِّيْنًا، تَنْهَشُهُ وَتَلْدَغُهُ حَتَّى تَقُوْمَ السَّاعَةُ لَوْ أَنَّ تِنِّيْنًا نَفَخَ عَلَى الْأَرْضِ مَا أَنْبَتَتْ خَضْرَاءَ.

Ertinya: *Mengerasi Allah Ta'ala atas kafir di dalam kubur itu akan sembilan puluh sembilan ular yang besar-besar menggigit ia akan dia dan mengetik ia dengan bisanya akan dia hingga hari kiamat. Jikalau bahawa satu ular daripadanya meniup ia atas bumi ini, nescaya tiada tambah suatu yang hijau.*

Dan setengah daripada azab kubur itu pula himpit kubur. Dan datang warid daripada hadis bahawasa bumi itu menghimpit ia akan dia hingga berselisih tulang rusuknya. Dan tiada lepas daripadanya oleh seorang dan jikalau kecil sekalipun sama ada ia soleh atau *thalih* dan *thalih* itu lawan soleh melainkan Anbiya' dan melainkan Siti Fatimah binti Asad dan melainkan orang yang membaca surah

al-Ikhlas di dalam sakitnya. Dan jikalau lepas seorang daripadanya, nescaya lepaslah daripadanya Sa'ad bin Mu'azd yang gementar 'Arasy al-Rahman kerana matinya.

Dan setengah daripada azab itu sangat picit (sempit) kuburnya dan dibukakan satu pintu daripada beberapa pintu neraka dan masuk api ke dalam kubur itu pagi dan petang dan lainnya daripada bagai-bagai azab.

Dan datang warid daripada hadis pula bahawa diringankan azab bagi orang yang *'ashi* dan diangkatkan dia pada malam Jumaat dan pada bulan Ramadhan. Dan datang pula warid orang yang mati malam Jumaat atau harinya diazab akan dia satu saat (seketika) jua kemudian diangkatkan dia dan tiada dikembalikan kepadanya hingga hari kiamat.

Nikmat Kubur

Dan demikian lagi wajib kita i'tiqadkan nikmat kubur dan tiada tertentu ia dengan orang yang mukminin umat ini dan tiada tertentu ia dengan mukallaf. Dan setengah daripada nikmatnya itu diluaskan kuburnya tujuh puluh hasta lintangnya dan demikian lagi panjangnya. Dan setengah daripadanya pula, dibuka satu pintu pada kubur itu daripada syurga, maka masuk nikmat syurga ke dalam kuburnya dan dipenuhkan dengan selasih dan dijadikan pada kuburnya itu satu kebun daripada beberapa kebun syurga dan dijadikan qandil padanya, maka menerangkan bagi kuburnya itu seperti bulan purnama empat belas hari.

Dan sungguhnya datang warid bahawa Allah Ta'ala mewahyu kepada Nabi Musa: Belajar olehmu akan kebajikan dan mengajar olehmu akan dia akan manusia. Maka bahawa Aku menerangkan bagi orang yang mengajarkan ilmu dan orang yang belajarnya akan kubur mereka itu hingga tiada liar dan takut oleh mereka itu bagi tempat mereka itu.

Dan cerita daripada Umar hadis marfu': Barang siapa menerang di dalam segala masajid (masjid) Allah, yakni memasang pelita, nescaya diterangkan oleh Allah baginya di dalam kuburnya.

Dan tiap-tiap daripada ini ditanggungkan atas hakikatnya pada ulama.

Wajib Beriman Dengan Kejadian Hari Kiamat

Dan demikian lagi wajib kita percaya dengan berdiri Kiamat. Dan ditiup sangkakala yang pertama, maka mati segala makhluk isi langit dan isi bumi sebab terkejut yang sangat, yakni orang yang tinggal lagi belum mati itu. Dan tiada tinggal melainkan wajhullah yang Karim dan melainkan orang yang dikehendak Allah Ta'ala daripada isi syurga seperti anak bidadari dan malaikat yang empat yang رُؤُسْ daripada mereka itu. Dan akhir orang yang mati itu Izra'il. Dan awal orang yang bangkit itu Israfil kerana meniup ia akan sangkakala yang kedua yang menghidupkan segala yang mati dan dikembalikan tiap-tiap roh itu kepada jasadnya.

Dan adalah antara dua tiup itu, empat puluh tahun, maka firman Allah Ta'ala tatkala itu:

..... لِّمَنِ ٱلۡمُلۡكُ ٱلۡيَوۡمَ ..... ﴿١٦﴾

Ertinya: *Bagi siapalah kerajaan pada hari ini?* **(Surah al-Mu'min: Ayat 16)**

Maka tiada siapa yang menjawab akan dia, kemudian maka ia jawab dengan sendirinya:

..... لِلَّهِ ٱلۡوَٰحِدِ ٱلۡقَهَّارِ ﴿١٦﴾

Ertinya: *Bagi Allah yang Esa lagi yang keras.* **(Surah al-Mu'min: Ayat 16)**

Kemudian dibangkitkan Israfil, maka menyuruh ia akan Israfil meniup akan sangkakala akan sebagai tiup yang keduanya. Maka hidup segala yang mati itu, maka dikembalikan tiap-tiap yang mempunyai roh itu akan badannya dan dikembalikan tiap-tiap anggota yang bercerai-cerai pada ketika hidupnya dan segala bulunya hingga kulit yang dikhatannya dan lainnya.

Maka awal-awal orang yang bangkit daripada kuburnya

itu Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi wasallam. Kemudian yang sama ada dengan dia. Kemudian maka sekalian makhluk. Kemudian maka dihalaukan kepada bumi Mauqif. Maka sekalian manusia dan malaikat dan jin di sanalah berhimpunnya.

Bermula martabat manusia pada berjalan ke Padang Mahsyar itu تَفَاوُتٌ. Maka setengah daripada mereka itu yang berkenderaan dan iaitu yang *muttaqi*. Dan setengah daripada mereka itu berjalan atas dua kakinya dan iaitu yang sedikit amalnya. Dan setengah daripada mereka itu berjalan atas mukanya dan iaitu segala kafir.

Dan setengah riwayat bahawasanya manusia pada berjalan kepada Padang Mahsyar itu تَفَاوُتٌ. Maka setengah daripada mereka itu berkenderaan. Dan setengah daripada mereka itu berjalan kaki. Dan setengah daripada mereka itu orang yang berjalan atas muka. Dan setengah daripada mereka itu orang yang ia atas rupa kera, bermula mereka itu orang yang berzina. Dan setengah daripada mereka itu orang yang ia atas rupa babi, bermula mereka itu adalah mereka itu memakan akan yang haram dan cukai. Dan setengah daripada mereka itu buta, bermula mereka itu yang zalim pada hukum. Dan setengah daripada mereka itu tuli dan kelu dan iaitu orang yang 'ajaib dengan ilmunya. Dan setengah daripada mereka itu orang yang memamah ia akan lidahnya dan mengalir nanah daripada mulutnya, bermula mereka itu orang yang berwa'azh yang bersalahan segala amal mereka itu akan perkataan mereka itu. Dan setengah daripada mereka itu orang yang terpotong dua tangannya dan kakinya, bermula mereka itu orang yang menyakiti jirannya. Dan setengah daripada mereka itu disula atas pohon kayu daripada neraka, bermula mereka itu orang yang mengadukan manusia kepada sultan. Setengah daripada mereka itu orang yang terlebih sangat busuk daripada bangkai, bermula mereka itu yang berhadap oleh mereka itu atas lazat dan syahwat dan menegahkan oleh mereka itu akan hak Allah Ta'ala daripada harta mereka itu. Dan setengah mereka itu orang yang memakai jubah yang berlumur dengan minyak tanah, bermula mereka itu ahli *takbir* (takabbur) dan ta'jub dan bermegah-megah. Dan ini *Hasyr* yang disebut di sini ialah salah suatu daripada أَنْوَاعُ *Hasyr* daripada sekira-kira ia.

Dan keduanya: Berpaling manusia daripada tempat Mauqif

kepada syurga atau ke neraka. Bermula dua bahagi ini di dalam akhirat.

Dan ketiganya: Dikeluarkan Yahudi daripada Jazirah Arab kepada Syam dan iaitu yang tersebut di dalam firman Allah Ta'ala:

هُوَ ٱلَّذِىٓ أَخۡرَجَ ٱلَّذِينَ كَفَرُواْ مِنۡ أَهۡلِ ٱلۡكِتَٰبِ مِن دِيَٰرِهِمۡ لِأَوَّلِ ٱلۡحَشۡرِ ..... ﴿٢﴾

Ertinya: *Ialah yang mengeluarkan akan segala yang kafir mereka itu daripada ahli al-Kitab daripada kampung mereka itu bagi awal Hasyr.* **(Surah al-Hasyr: Ayat 2)**

Dan keempatnya: Menghalau oleh api yang keluar ia daripada bumi 'Adn bandar negeri Yaman bagi segala kuffar dan lain daripada mereka itu daripada tiap-tiap yang hidup hampir kiamat kepada tempat berhimpun iaitu bumi Syam. Maka bermalam ia serta mereka itu pada tempat bermalam mereka itu dan berpindah ia serta mereka itu pada tempat berpindah mereka itu. Maka berkeliling ia akan dunia sekaliannya dan terbang ia dan baginya suara seperti suara guruh yang tangkas. Bermula hikmahnya mencuba dan ikhtiar. Maka barang siapa mengetahui bahawasanya suruh daripada sisi Allah dan berjalan sertanya, nesscaya sejahtera ia daripadanya. Dan barang siapa tiada mengetahui seperti demikian itu, nescaya menghangus ia akan dia dan memakan ia akan dia. Dan kemudian daripada dihalaunya bagi mereka itu kepada tempat perhimpunan itu, mati mereka itu dengan tiup yang pertama kemudian daripada satu masa. Bermula yang dua bagi ini di dalam dunia.

Maka bermula segala نَوْعٌ (jenis) Hasyr itu empat dan menjadikan akan dia oleh Syeikh Muhyiddin sangat banyak dan membilang ia setengah daripadanya Hasyr Zuriyat pada hari firmanNya: أَلَسْتُ بِرَبِّكُمْ dan lain daripada yang demikian itu.

Dan demikian lagi wajib kita i'tiqad adakan huru-hara Mauqif yang amat sangat barang yang menghancurkan hati dan melupakan oleh yang menyusu akan anaknya sebenarnya kerana firman Allah Ta'ala:

يَـٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ ٱتَّقُوا۟ رَبَّكُمْ ۚ إِنَّ زَلْزَلَةَ ٱلسَّاعَةِ شَىْءٌ عَظِيمٌ ﴿١﴾

يَوْمَ تَرَوْنَهَا تَذْهَلُ كُلُّ مُرْضِعَةٍ عَمَّآ أَرْضَعَتْ وَتَضَعُ كُلُّ

ذَاتِ حَمْلٍ حَمْلَهَا وَتَرَى ٱلنَّاسَ سُكَـٰرَىٰ وَمَا هُم بِسُكَـٰرَىٰ

وَلَـٰكِنَّ عَذَابَ ٱللَّهِ شَدِيدٌ ﴿٢﴾

Ertinya: *Hai segala manusia! Takut oleh kamu akan Tuhan kamu bahawa gempa kiamat itu suatu yang amat besar hari yang engkau lihat akan dia lupa oleh tiap-tiap perempuan yang menyusu daripada barang yang memberi susu ia akan dia dan gugur tiap-tiap yang mempunyai bunting akan buntingnya dan engkau lihat akan segala manusia itu mabuk dan tiada mereka itu mabuk dan betapa azab Allah itu amat sangat.* **(Surah al-Haj: Ayat 1-2)**

Dan cerita daripada atsar bahawasa Allah Ta'ala menghimpunkan segala umat daripada jin dan manusia, pada hal bertelanjang sekaliannya lagi hina. Dan telah ditanggal kerajaan daripada raja-raja dan lazimkan mereka itu kehinaan dan kecelaan kemudian daripada adalah dahulu itu mengerasi akan hamba Allah pada bumi. Kemudian maka berhadap segala binatang yang liar daripada tempatnya merendahkan kepalanya kemudian daripada adalah dahulu itu liar daripada makhluk dan asing ia pada barang hina ia lagi rendah dirinya daripada huru-hara demikian hari itu serta bahawasanya tiada atasnya dosa dan tiada jatuh pada tempat yang membawa kepada dosa. Kemudian maka berhadap segala Syayathin. Kemudian daripada adalah dahulunya *takbir* (takabbur) hal keadaan merendahkan dirinya lagi hina kerana melintangkan atas Malik al-Daiyan.

Maka apabila sempurnalah bilang-bilangan isi bumi daripada manusia dan jin dan syayathin dan binatang yang liar dan binatang yang jinak dan segala yang melata pada bumi dan sekalian malaikat tujuh lapis langit itu berlingkung di luar daripada ahli bumi itu tujuh lapis. Maka bertaburan segala bintang yang di langit di atas kepala

mereka itu. Dan hapuskan matahari dan bulan daripada cahayanya, maka jadi kelam keduanya atas mereka itu. Dan jadilah langit dunia itu di atas mereka itu berkisar-kisar ia dengan sebesar-besarnya di atas kepala mereka itu. Dan segala makhluk menilik kepada demikian huru-hara itu, maka antara mereka itu demikian itu tiba-tiba pecah langit dengan setebal-tebalnya di atas kepala mereka itu dan adalah tebalnya lima ratus tahun. Maka apalah huru-hara tatkala mendengar suara pecah langit itu pada pendengar mereka itu. Kemudian maka turun malaikat daripada tepi langit kepada bumi dengan mengucap *taqdis* bagi Tuhannya. Maka terkejut segala makhluk daripada sangat besar tubuhnya dan huru-hara suaranya takut bahawa ada mereka itu menyuruh mengambil segala makhluk kepada neraka.

Maka apabila hadir mereka itu sekaliannya pada Mauqif dan berhimpun isi tujuh petala langit dan isi bumi yang ketujuhnya. Maka ditambahkan panas matahari kadar dua puluh tahun, kemudian maka dihampirkan kepada segala makhluk seperti hampir anak panah dengan busurannya. Dan tiada pada hari itu bayang-bayang melainkan bayang-bayang 'Arasy al-Rahman. Dan setengah daripada manusia itu mereka yang ada mereka itu pada naung 'Arasy iaitu segala mereka yang tujuh puak yang tersebut pada hadis. Dan setengah mereka itu di dalam panas matahari dan panas bersesak dengan makhluk. Dan kata setengah Salaf, jikalau naik matahari di atas bumi seperti kelakuan naik pada hari kiamat itu, nescaya terbakar bumi dan hancur segala bukit dan kering segala sungai.

Maka bersesak segala umat dan piciknya (sempitnya) dan bertolak-tolak setengah dengan setengahnya dan jatuh tapak kaki setengah atas setengahnya dan hampir putus batang leher daripada sangat dahaganya. Maka limpah peluh mereka itu di atas muka bumi atas kadar martabat mereka itu dan darjat mereka itu pada Tuhannya daripada bahagia dan celaka dan sedikit dosa dan banyak dosa. Maka peluh pun kadar itulah, maka setengah daripada mereka itu sampai peluhnya kepada dua belikatnya dan setengahnya sampai kepada telinganya. Dan setengahnya sampai kepada mulutnya dan hampir terkelam (tenggelam) padanya.

Dan satu riwayat daripada Dhahhak: Dan bersesak-sesak

segala makhluk, maka bertolak-tolak mereka itu setengah akan setengahnya hingga adalah di atas kaki itu seribu kaki hingga masuk manusia di dalam peluh.

Dan pada suatu hadis, jikalau dilepas perahu di dalam peluh segala makhluk pada demikian hari itu, nescaya berjalan ia.

Kata setengah ulama: Dan apabila berpeluh segala makhluk pada demikian hari itu daripada sangat panas matahari itu, adalah tiap-tiap seorang terkelam di dalam peluh dirinya tiada mencapai ia akan orang lain pada tepinya seperti tiada dapat berjalan seorang pada hari Kiamat di dalam nur orang lain, hanya adalah nur seorang itu atas kadar dirinya jua. Maka sentiasa mereka itu di dalam hal yang demikian itu seribu tahun hingga mendengar mereka itu akan suara memukul Naqur, yakni seperti gendang dan takut segala hati mereka itu dan khusyuk segala mata mereka itu sebab besar suara pukul pada Naqur itu dan pada hal sangka mereka itu turun azab dengan mereka itu. Maka tiba-tiba antara demikian itu, nyata bagi mereka itu 'Arasy al-Rahman menanggung akan dia oleh delapan malaikat perjalanan dua puluh ribu tahun. Dan baginya suara yang amat besar dengan tasbih, tiada kuasa segala ma'qul hendak mendengar akan dia hingga tetaplah 'Arasy itu pada bumi yang putih yang dijadikan Allah Ta'ala seperti firmanNya:

يَوْمَ تُبَدَّلُ ٱلْأَرْضُ غَيْرَ ٱلْأَرْضِ..... ﴿٤٨﴾

Ertinya: *Hari yang ditukar akan bumi yang lain daripada bumi yang dahulu* ..... **(Surah Ibrahim: Ayat 48)**

..... وَٱلسَّمَـٰوَٰتُ مَطْوِيَّـٰتٌۢ بِيَمِينِهِۦ ۚ ..... ﴿٦٧﴾

..... *dan tujuh petala langit dilipatnya dengan tangan qudratNya.* **(Surah al-Zumar: Ayat 67)**

Dan ketika itu tunduk segala manusia akan kepala mereka itu berombak-ombak setengah mereka itu di dalam setengahnya seribu tahun. Dan Tuhan yang Jalil tiada memandang kepada mereka itu. Dan ketika itu dihisab akan barang yang dikerjakan oleh mereka itu di dalam dunia dan menaik saksi akan dia oleh segala anggotanya dan dimaterikan mulutnya. Dan barang siapa banyak hisabnya,

memadalah seksanya. Dan warid daripada hadis pula orang fuqara' itu masuk mereka itu ke dalam syurga dahulu daripada orang yang kaya dengan lima ratus tahun. Dan demikian lagi warid daripada hadis diringankan hisab bagi setengah daripada orang yang mukmin seperti dua rakaat sembahyang.

Dan tatkala berhenti mereka itu pada bumi *Mauqif* itu, berkata setengah manusia bagi setengahnya: Tiadakah kamu lihat barang yang ada kamu padanya dan barang yang sampai kamu daripada bersangatan huru-hara ini? Tiadakah kamu cari orang yang mensyafa'at bagi kamu kepada Tuhan kamu? Ertinya supaya berpaling kamu daripada huru-hara ini dan jikalau kepada neraka sekalipun. Dan berkata setengah mereka itu: Inilah terhenti segala makhluk tiga ribu tahun. Maka berkata setengah manusia bagi setengahnya: Pergi oleh kamu kepada Adam, yakni kepala-kepala daripada segala manusia yang mengikut mereka itu akan Rasul yang dahulu-dahulu daripada Nabi kita yang tiada sampai bagi mereka itu khabar Nabi kita penghulu bagi Anbiya'. Maka berjalan mereka itu kepada Adam seribu tahun dan sampai kepada Adam, berkata mereka itu: Ya Adam, engkaulah bapa segala manusia. Telah menjadikan Allah Ta'ala dengan QudratNya dan ditiup padamu daripada rohNya. Dan menyuruh bagi malaikat sujud kepadamu, maka sujud mereka itu bagimu. Syafa'atkan olehmu bagi kami kepada Tuhan kamu. Tiadakah engkau lihat barang yang ada kami padanya dan tiadakah engkau lihat barang yang sampai kami kepadanya. Dan *murad* daripada barang yang sampai itu daripada sehabis-habis *masyaqqah* daripada menanggung huru-hara dan seksa *Mauqif* itu.

Maka berkata Adam bahawasanya: Tuhanku marah pada hari ini akan sebagai marah yang tiada marah dahulunya seumpamanya dan tiada kemudiannya. Dan ditegahkan Dia, aku daripada memakan buah kayu khuldi di dalam syurga, maka aku salahi akan Dia. Maka sekarang ini nafsi-nafsi, yakni diriku-diriku jua. Pergi oleh kamu kepada Nuh.

Maka pergi mereka itu mencari Nabi Nuh hingga berjumpa, maka berkata mereka itu: Ya Nuh! Engkaulah awal pesuruh kepada isi bumi dan dinamakan Allah akan dikau Abdu al-Syakur. Maka syafa'atkan olehmu bagi kami kepada Tuhanmu! Tiadakah engkau

lihat barang yang ada kami padanya. Tiadakah engkau lihat barang yang sampai kami kepadanya. Maka berkata ia: Tuhanku marah pada hari ini akan sebagai marah yang tiada dahulunya dan tiada kemudiannya seumpamanya. Dan bahawasanya adalah bagiku dosa aku doakan atas kaumku. Maka dibinasakan oleh Allah Ta'ala akan mereka itu. Maka pada hari ini nafsi-nafsi. Pergi oleh kamu kepada Ibrahim.

Maka datang mereka itu akan Ibrahim, maka berkata mereka itu: Ya Ibrahim! Engkaulah Nabi Allah dan Khalil Allah pada isi bumi. Syafa'atkan olehmu bagi kami kepada Tuhanmu. Tiadakah engkau lihat barang yang ada kami padanya. Tiadakah engkau lihat barang yang sampai kami kepadanya. Maka berkata ia: Bahawasanya Tuhanku marah pada hari ini akan sebagai marah yang tiada marah dahulunya dan kemudiannya seumpama ini. Maka adalah aku berdusta beberapa dusta akan kaumku, yakni rupa dusta jua, bukan hakikat dusta. Maka adalah pada hari ini nafsi-nafsi. Pergi olehmu kepada yang lain daripada aku. Pergi olehmu kepada Musa.

Maka datang mereka itu kepada Musa, maka berkata mereka itu: Ya Musa! Engkau Rasulullah dan dipilih akan dikau bagi risalahNya dan dengan kalamNya atas segala manusia. Syafa'atkan olehmu bagi kami kepada Tuhanmu. Tiadakah engkau lihat barang yang ada kami padanya dan tiadakah engkau lihat barang yang sampai kami kepadanya. Maka berkata ia: Bahawasa Tuhanku marah pada hari ini, tiada marah dahulunya dan kemudiannya seumpama ini. Dan bahawasanya telah aku bunuh seorang yang disuruh membunuh akan dia. Maka adalah pada hari ini nafsi-nafsi. Pergi oleh kamu kepada 'Isa.

Maka datang mereka itu kepada 'Isa, maka berkata mereka itu: Ya 'Isa! Engkau pesuruh Allah dan kalimahNya yang dijatuhkan kepada Maryam dan Roh Allah dan berkata engkau akan manusia di dalam buai, maka syafa'atkan olehmu bagi kami kepada Tuhamu. Tiadakah engkau lihat barang yang ada kami padanya. Dan tiadakah engkau lihat barang yang sampai kami kepadanya. Maka berkata ia bagi mereka itu: Bahawasanya Tuhanku marah pada hari ini, tiada marah dahulunya dan kemudiannya seumpama ini. Maka adalah aku disembah akan daku oleh kaumku akan yang lain daripada Allah Ta'ala. Maka adalah pada hari ini nafsi-nafsi.

Pergi oleh kamu kepada Muhammad.

Dan adalah antara satu Nabi kepada satu Nabi seribu tahun perjalanan, maka datang mereka itu kepada Muhammad dan berkata mereka itu: Ya Muhammad! Engkaulah Rasulullah dan kesudahan Anbiya', maka syafa'atkan olehmu bagi kami kepada Tuhan kamu. Tiadakah engkau lihat barang yang ada kami padanya dan tiadakah engkau lihat barang yang sampai kami kepadanya. Maka sabdanya: Aku baginya, yakni aku syafa'atkan bagi kamu. Maka berdiri ia, lalu berjalan hingga sampai di bawah 'Arasy.

Dan pada suatu riwayat, maka mengambil ia dengan halaqah pintu syurga, maka dipukulnya akan dia. Maka ditanya orang akan dia: Siapa ini? Maka sabdanya: Ana Muhammad. Maka dibukakan akan dia dan di*tarhib* akan dia, maka lalu tunduk sujud bagi Tuhannya. Kemudian maka memulai dengan diilhamkan kepadanya memuji akan Tuhannya dan mengelokkan sebutannya atas barang yang tiada kuasa seorang memuji seumpamanya daripada Anbiya' yang dahulu-dahulunya. Maka adalah lama sujudnya kadar satu Jumaat daripada hari dunia. Maka firman Allah Ta'ala: Ya Muhammad! Angkatkan kepalamu. Engkau minta, Aku beri pintamu dan syafa'atkan olehmu, Aku terima syafa'atmu. Maka sembahnya: Hai Tuhanku! Umatku! Umatku. FirmanNya: Ya Muhammad! Masukkan olehmu akan syurga daripada umatmu, mereka yang tiada hisab atasnya daripada pintu yang pihak kanan dan bersekutu mereka itu segala manusia pada barang yang lain daripada yang demikian itu daripada segala pintu. Dan demi Tuhan diri Muhammad di dalam tangan QudratNya, bahawasanya barang yang antara dua keeping pintu itu seperti barang yang antara Mekah dan Hijir iaitu satu dusun hampir negeri Madinah. Dan pada satu riwayat antara dua keping pintu syurga itu perjalanan empat puluh tahun.

Setiap Hamba Mengambil Shahifahnya Masing-Masing

Dan lagi wajib kita i'tiqadkan mengambil oleh segala hamba akan suhuf, erti segala suratan amalnya. Dan sungguhnya telah

datang warid bahawa angin menerbangkan ia akan dia daripada khazanah di bawah 'Arasy, maka tiada tersalah segala suhuf itu akan tengkuk tuannya. Dan sungguhnya telah datang pula bahawasa tiap-tiap seorang mendakwa ia, maka diberikan dia akan suratnya. Maka hasil berlawanan antara dua riwayat itu. Dan dihimpunkan antara keduanya dengan bahawasa angin menerbangkan dia dahulu daripada khazanah, maka bergantung tiap-tiap shahifah dengan tengkuk empunyanya. Kemudian menyeru oleh malaikat akan mereka itu, maka mengambil ia akan dia daripada tengkuk mereka itu dan memberi ia akan dia bagi mereka itu pada tangan mereka itu. Maka bermula orang yang mukmin yang taat, mengambil ia akan kitabnya dengan tangan kanannya. Dan kafir mengambil ia akan dia dengan tangan kirinya daripada pihak belakangnya. Dan adapun mukmin yang fasik, maka telah menjazam oleh Mawardi dengan bahawasanya mengambil ia dengan tangan kanannya. Telah berkata ia dan iaitu yang masyhur. Dan pada kalam setengah mereka itu bahawasa di sana satu qaul dengan bahawasa mengambil ia dengan tangan kirinya. Dan bersalahan ulama, maka kata qil: Mengambil ia akan dia dahulu daripada masuk neraka. Dan kata qil: Kemudian daripada keluarnya daripada neraka.

Bermula awal-awal orang yang diberi akan dia surat dengan tangan kanan itu Saiyidina 'Umar bin al-Khaththab Radhiyallahu 'anhu dan kemudian daripada Saiyidina 'Umar itu Abu Salamah Abdullah bin Abdu al-Asad. Dan awal orang yang mengambil ia akan dia dengan tangan kirinya itu saudaranya al-Aswad bin Abdu al-Asad kerana bahawasanya ia awal-awal orang yang *mubadarah* akan Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam dengan berperang pada hari Badar.

Dan sungguhnya diriwayatkan bahawasanya menghulur ia akan tangannya supaya mengambil ia akan dia dengan tangan kanannya, maka menghela akan dia oleh seorang malaikat, maka menjabat ia akan tangannya. Maka mengambil ia akan dia dengan tangan kirinya daripada pihak belakangnya.

Maka dibaca oleh tiap-tiap seorang itu akan suratannya atau diberi ilham kepadanya, diketahuinya akan barang yang di dalamnya daripada kebajikan dan kejahatan. Maka orang yang mengambil dengan tangan kanan itu isi syurga, maka dihisab akan dia akan

sebagai hisab yang sedikit. Dan yang mengambil dengan tangan kiri itu isi neraka, kekal selama-lamanya, maka dihisab akan dia sebagai hisab yang sangat.

Neraca Timbangan

Dan demikian lagi wajib kita i'tiqadkan menimbang dan timbangan. Maka adalah ia seperti kaifiat neraca dunia jua pada kelakuannya dan bahagian lidah dan tiang dan dua daunnya. Tiap-tiap satu daripada keduanya terlebih luas daripada segala lepasan tujuh pelata langit dan bumi. Dan Jibril memegang ia dengan tiangnya lagi menilik ia kepada lidahnya. Dan Mika'il amin atasnya dan tempatnya itu kemudian daripada hisab dan ditimbang akan segala manusia itu dengan timbangan yang satu.

Dan kata qil: Bagi tiap-tiap orang yang beramal itu beberapa timbangan yang ditimbangkan dengan tiap-tiap daripadanya akan satu bagi daripada amalnya dan yang menunjukkan timbangan itu, firman Allah Ta'ala:

وَٱلْوَزْنُ يَوْمَئِذٍ ٱلْحَقُّ ..... ﴿٨﴾

Dan bermula menimbang pada hari itu sebenarnya. **(Surah al-A'raf: Ayat 8)**

Dan satu daunnya daripada nur iaitu tempat taruh amal yang kebajikan dan satu daunnya *zulumah* iaitu tempat taruh amal kejahatan dan misqalnya itu zarrah supaya nyata adilnya. Maka yang ditimbang itu *surah* (gambaran) kebajikan dan kejahatan yang disurat oleh Hafazah. Kata qil: Amalnya itu tetapi dijadikan berupa, lagi berjisim, maka ditimbang akan dia, maka jikalau berat kebajikan daripada kejahatan, dimasukkan ke dalam syurga dan yang berat kejahatannya daripada kebajikannya dimasukkan kepada neraka kadar lebihnya itu jua. Dan jikalau bersamaan beratnya dimasukkan ke dalam syurga jua dengan kurniaNya.

Dan hadir pada timbangan itu Nabi kita Muhammad Shallallahu 'alaihi wasallam. Demikian lagi segala a'immah yang empat melihat mereka itu pada segala orang yang mengikut

mazhabnya. Dan *warid* daripada hadis اسْتِثْنَاءٌ orang yang tujuh puluh ribu itu tiada dihisab atasnya mereka itu dan tiada ditimbang akan orang yang tujuh puluh ribu itu dan mensyafa'atkan pula tujuh puluh ribu, tiap-tiap seorang daripada mereka itu. Maka mereka itu tiada diberi surat lagi tiada ditimbang amalnya kerana adalah pada hisab dan timbang itu jadi masyaqqah keduanya bagi setengah orang yang 'ashi dan dimudahkan bagi setengah orang mukmin, maka keduanya itu ibarat daripada lintangkan kepada Allah Ta'ala.

Dan adalah pada ketika itu yang memberi syafa'at itu iaitu segala Rasul dan orang yang *khawash* yang mengikut bagi mereka itu. Maka pertama-tama orang yang memberi syafa'at itu Nabi kita. Maka syafa'at yang besar itu iaitu kesenangan daripada panjang wuquf dan memasukkan ke dalam syurga dengan tiada hisab dan mengeluarkan orang yang ada pada hatinya satu misqal zarrah daripada iman itu tertentu bagi Nabi kita Muhammad Shallallahu 'alaihi wasallam. Dan bersekutu bagi orang yang lain pula pada mensyafa'atkan seperti mengeluarkan orang ahli al-Tauhid daripada api neraka dan beberapa jemaah orang yang mukmin dilepaskan daripada maksiatnya. Maka adalah syafa'at seorang itu kadar darjatnya pada Allah Ta'ala.

Shirath al-Mustaqim

Dan wajib pula kita i'tiqadkan Shirath al-Mustaqim iaitu titian yang dibentangkan di atas mulut neraka Jahannam, maka lalu segala umat atasnya yang dahulu dan yang kemudian hingga kafir sekalipun. Bersalahan bagi Halimi sekira-kira menjalani ia kepada bahawasa mereka itu tiada lalu oleh mereka itu atasnya. Dan mudah-mudahan menghendaki ia akan tha'ifah yang dilontar akan dia pada Jahannam dengan tiada Shirath. Dan titian yang dibentangkan di atas mulut neraka Jahannam itu awalnya pada bumi mauqif dan akhirnya atas pintu syurga. Dan panjangnya perjalanan tiga ribu tahun, seribu naik dan seribu turun dan seribu rata. Dan seperti demikian itu berkata Mujahid dan Dhahhak. Dan telah berkata Fudhail bin 'Iyadh: Telah sampai akan kami bahawa Shirath itu perjalanan lima belas ribu tahun, lima ribu naik dan lima ribu turun dan lima ribu rata.

Dan telah berkata Sidi Muhyiddin Ibnu al-'Arabi: Iaitu tujuh 'Aqabah dan tiap-tiap 'Aqabah itu perjalanan tiga ribu tahun, seribu naik dan seribu tahun turun dan seribu bersamaan. Maka ditanyakan hamba daripada iman atas 'Aqabah yang pertama, maka apabila datang akan dia dengan sempurna, lalu ia kepada 'Aqabah yang kedua. Maka ditanya daripada sembahyang, maka apabila datang akan dia dengan sempurna, lalu ia kepada 'Aqabah yang ketiga. Maka ditanya daripada zakat, maka jika datang ia dengan sempurnanya, lalu ia kepada 'Aqabah yang keempat. Maka ditanya daripada puasa, maka jika datang ia dengan sempurna, lalu ia kepada 'Aqabah yang kelima. Maka ditanya daripada hajinya dan umrahnya, maka jika datang ia dengan sempurna keduanya, lalu ia kepada 'Aqabah yang keenam. Maka ditanya daripada thaharah, maka jika datang ia dengan sempurna, lalu ia kepada 'Aqabah yang ketujuh. Maka ditanya daripada menzalim, maka jika tiada berbuat zalim ia akan seorang, maka lalu ia kepada syurga. Dan jika taqsir (kekurangan) ia pada suatu daripada segala perkara itu, di*habas* (dikurung) akan dia di sisi tiap-tiap 'Aqabah daripadanya seribu tahun hingga menghukum oleh Allah Ta'ala dengan barang yang menghendaki Ia.

Dan tersebut di dalam setengah atsar bahawa ditanyakan pada 'Aqabah yang ketiga daripada puasa Ramadhan dan pada 'Aqabah yang keempat daripada zakat. Dan Jibril pada awalnya dan Mika'il pada pertengahannya, bertanya keduanya akan segala manusia daripada umur mereka itu pada barang yang memfanakan oleh mereka itu akan dia di dalam taat Allah Ta'ala atau maksiatnya dan daripada muda mereka itu pada barang yang memfana oleh mereka itu akan dia dan daripada amal mereka itu apalah yang beramal mereka itu dengan dia dan harta mereka itu daripada mana berusaha mereka itu akan dia dan di mana menafkahkan oleh mereka itu?

Bermula segala malaikat itu berdiri mereka itu pada pihak kanan dan pihak kiri menyambar oleh mereka itu akan makhluk dengan pengait. Dan iaitu syahwat dunia menyerupai dengan rupa pengait seumpama duri kiak-kiak seperti barang yang tersebut pada hadis. Dan تَفَاوُتٌ oleh mereka itu pada bersegera lalu atas Shirath itu dan setengahnya lambat atas sekira-kira luas nurnya dan piciknya. Maka lebar Shirath itu atas tiap-tiap seorang dengan kadar luas



nurnya. Maka tiada berjalan seorang di dalam nur seorang yang lain. Maka dari kerana inilah halus ia pada hak satu kaum dengan bahawa tiada ada nur bagi mereka itu dan iaitu segala mereka yang kafir, maka gugur mereka itu ke dalam neraka hingga berkekalan selama-lamanya kerana tiada diampun daripadanya. Dan adalah segala orang yang lalu atas shirath itu tiada berkata-kata mereka itu melainkan Anbiya', maka berkata mereka itu:

اَللّٰهُمَّ سَلِّمْ سَلِّمْ

Ertinya: *Ya Allah! Selamatkanlah, Selamatkanlah.*

Maka tatkala bersalahan mereka itu, maka setengahnya seperti kilat yang menyambar dan setengahnya seperti angin dan setengahnya seperti burung terbang dan setengahnya seperti kuda yang berlari. Maka ada yang berjalan, maka ada yang mengesot dan setengahnya orang yang gugur kakinya ke dalam neraka iaitu kafir dan munafik dan عصْيَانٌ (orang yang bermaksiat). Maka adalah Shirath itu titian yang sangat halus daripada rambut dan terlebih tajam daripada pedang, dibentangkan di atas mulut neraka Jahannam sekira-kira kepala api Jahannam itu lalu di atas Shirath kadar satu mil yakni nisbah kepada orang yang kafir dan orang yang *'ashi*. Bersalahan orang mukmin yang kamil, maka luas ia atas kadar nurnya.

Haudh (Telaga) Nabi Shallallahu 'Alaihi Wasallam

Dan demikian lagi wajib pula kita percaya akan Haudh Nabi kita Muhammad Shallallahu 'alaihi wasallam. Dan makna Haudh itu kolam yang ada ia pada bumi yang ditukar dan iaitu bumi yang putih seperti perak dan iaitu empat persegi panjangnya seperti lintangnya dan iaitu perjalanan sebulan. Baunya sangat harum daripada kasturi dan baginya warna tiap-tiap minuman yang di dalam syurga dan adalah baginya rasa tiap-tiap buah kayu di dalam syurga. Dan kata setengah terlebih harum baunya daripada kasturi. Dan putih daripada laban dan sejuk daripada embun. Maka adalah baginya dua saluran yang memancur daripada sungai syurga dan

gayungnya terlebih banyak daripada bintang di langit, maka adalah ia daripada emas dan dan perak. Dan barang siapa minum akan dia, tiada dahaga kemudian daripadanya selama-lamanya.

Maka pertama-tama orang yang meminum kemudian daripada Nabi, segala Muhajirin, kemudian sekalian yang lain. Maka minum segala umat ini sekaliannya tetapi terbahagi mereka itu atas dua bahagi, satu tiada ditolakkan mereka itu dan iaitu orang yang *muttaqun*, yakni orang yang takut dan satu bahagi ditolakkan. Dan yang ditolak itu terbahagi pula atas dua bahagi, satu daripadanya ditolakkan sekali-kali dan iaitu orang kafir dan yang kedua ditolak kerana siksa baginya. Kemudian diberi minum dan iaitu segala orang yang *'ashi* daripada mukminin, maka minum mereka itu dahulu daripada masuk mereka itu kepada neraka atas qaul yang shahih. Maka jadilah minum mereka itu dahulu daripada masuk neraka itu supaya sentosa rongganya daripada terbakar dan supaya jangan lapar dan dahaga di dalam neraka.

Dan qaul yang shahih adalah Haudh itu dahulu daripada Shirath dan dahulu daripada timbang seperti kata Jumhur Ulama kerana bahawasanya segala manusia keluar daripada kubur mereka itu sangat dahaganya dan supaya mungkin minum satu kaum dan ditolakkan yang lain kerana bahawasanya jikalau ada ia kemudian daripada Shirath, nescaya tiada sah ditolak seseorang daripadanya kepada neraka. Maka bahawasanya orang yang melampaui akan Shirath itu tiada kembali lagi kepada neraka selama-lama.

Dan telah berkata Ghazzali: Telah tersalah oleh setengah Salaf pada katanya, bermula Haudh itu kemudian daripada Shirath. Dan berkata al-Syeikh al-Suhaimi: Tiada tersalah kerana kata setengah mereka itu bagi Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam dua Haudh, satu Haudh dahulu daripada Shirath pada Mauqif dan satu Haudh kemudian daripadanya. Dan sungguhnya telah datang warid bahawasa bagi tiap-tiap seorang Nabi satu Haudh yang datang akan dia oleh umatnya. Dan riwayat daripada Abi al-Dunya daripada hadis sabda Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam:

إِنَّ لِكُلِّ نَبِيٍّ حَوْضًا وَهُوَ قَائِمٌ عَلَى حَوْضِه وَبِيَدِه عَصًا يَدْعُو مَنْ عَرَفَهُ مِنْ أُمَّتِه أَلَا وَإِنَّهُمْ يَتَبَاهَوْنَ أَيُّهُمْ أَكْثَرُ تَبَعًا وَإِنِّي أَرْجُو

أَنْ أَكُوْنَ أَكْثَرَهُمْ تَبَعًا.

Ertinya: *Bahawa bagi tiap-tiap Nabi itu Haudh dan berdiri ia atas Haudhnya dan pada tangannya tongkat menyeru ia akan orang yang diketahuinya daripada umatnya. Ketahui olehmu bahawasanya mereka itu bermegah-megah mereka itu siapa yang terlebih banyak ikutannya. Dan bahawasanya aku harap bahawa adalah aku terlebih banyak ikutan daripada mereka itu.*

'Arasy al-Rahman

Dan demikian lagi wajib kita i'tiqadkan 'Arasy al-Rahman dan iaitu jisim yang amat besar yang nurani lagi 'ulwi. Kata qil: Daripada nur. Dan kata qil: Daripada Zabarjad yang hijau. Dan kata qil: Daripada Yaqut yang merah. Bermula yang terlebih aula itu menahankan daripada memutuskan dengan ta'yin akan hakikatnya kerana ketiadaan ada pengetahuan dengan dia. Bermula qaul yang tahqiq bahawasanya tiada Kursi tetapi ia Qubah di atas alam yang mempunyai empat tiang yang menanggung akan dia empat malaikat pada sekarang ini, yakni dahulu daripada Kiamat. Dan pada hari Kiamat delapan orang malaikat menanggungnya. Adalah ia di atas langit yang ketujuh. Maka diriwayat daripada Ibnu Abbas berkata ia, daripada langit yang ketujuh kepada 'Arasy, perjalanan tiga puluh enam ribu tahun.

Kursi

Dan wajib pula kita i'tiqadkan Kursi dan iaitu jisim daripada Yaqut yang putih yang amat besar. Dan pada satu riwayat, daripada lu'lu' yang putih yang amat besar lagi nurani. Tempatnya di hadapan 'Arasy. Dan yang menanggung akan dia empat orang malaikat. Maka adalah kaki mereka itu sampai kepada tujuh petala bumi yang di bawah dengan perjalanan lima ratus tahun. Dan antaranya dan antara malaikat yang menanggung 'Arasy itu tujuh puluh hijab daripada embun dan tujuh puluh hijab daripada nur yang tebal.

Dan tiap-tiap hijab daripadanya perjalanan lima ratus tahun. Dan daripada satu hijab kepada satunya perjalanan lima ratus tahun. Dan jikalau tiada demikian itu, nescaya terbakar malaikat yang menanggung Kursi itu daripada nur malaikat yang menanggung 'Arasy. Dan kelebihan besar Kursi atas tujuh petala langit seperti kelebihan padang atas halaqah (bulatan) cincin. Dan kelebihan 'Arasy atas Kursi seperti kelebihan padang atas halaqah cincin.

Kata Wahab bin Munabbih bahawasa Allah Ta'ala menjadikan 'Arasy daripada nurNya. Dan Kursi dengan 'Arasy berlekat ia. Dan air sekaliannya di dalam Kursi dan air atas angin, yakni menanggung akan air itu oleh angin. Dan keliling 'Arasy itu empat sungai, satu sungai daripada nur yang cemerlang dan satu sungai daripada api yang bernyala-nyala dan satu sungai daripada embun yang berlikat-kilat ia pada penglihatan mata dan satu sungai daripada air tawar.

Dan beberapa malaikat berdiri di dalam demikian sungai itu mengucap tasbih mereka itu akan Allah Ta'ala. Dan bagi Arasy itu beberapa pula lidah dengan sebilang-bilang lidah sekalian makhluk. Maka ia mengucap tasbih akan Allah dan menyebutkan dia dengan demikian lidahnya itu.

Qalam

Dan demikian lagi wajib kita i'tiqadkan Qalam iaitu jisim yang amat besar yang nurani yang telah menjadikan dia oleh Allah Ta'ala dan menyuruh ia akan dia dengan menyuruh barang yang telah ada ia dan barang yang lagi akan diadakan akan dia hingga hari Kiamat. Kata setengah ulama, panjang Qalam itu lima ratus tahun perjalanan dan lebarnya demikian jua.

Malaikat Pencatit

Dan demikian lagi wajib kita i'tiqadkan beberapa malaikat yang diwakilkan dengan menyurat. Bermula mereka itu tiga bahagi:

Yang pertama: Yang menyuratkan atas segala amal hambaNya di dalam dunia.

Dan yang kedua: Yang menyurat daripada Lauh Mahfuz akan barang yang di dalam Suhuf Malaikat yang diwakilkan dengan *tasarruf* (tugas) pada alam pada tiap-tiap tahun.

Dan yang ketiga: Yang menyurat pada Suhuf Malaikat akan kitab yang dihantarkan di bawah 'Arasy.

Maka malaikat yang kedua itu ialah yang menyalin daripada Lauh Mahfuz akan kadar segala pekerjaan yang hendak dikerjakan oleh hamba kepada suhuf mereka itu, kemudian maka diberikan kepada malaikat Hafazah. Maka dikerjakan oleh hamba atas kadar yang di dalam surat itu jua tiap-tiap hari. Demikianlah adanya tiada dikerjakan oleh seorang itu lebih daripadanya dan tiada kurang daripadanya seperti barang yang di dalam surat itu.

Kata Ibnu Abbas, maka apabila habis rezeki seorang dan putuslah segala pekerjaannya dan habislah ajalnya, maka datang malaikat Khazanah menuntut surat yang hendak diamalkannya pada demikian hari itu. Maka berkata ia bagi mereka itu: Tiada kamu dapat bagi taulan kamu pada kami suatu. Maka kembali ia, maka didapatnya sudah mati. Dan faham daripada kata ini bahawasanya adalah malaikat Hafazah itu telah diketahuinya akan barang yang hendak dikerjakan oleh seorang di dalam harinya itu.

Lauh Mahfuz

Dan demikian lagi wajib kita i'tiqadkan Lauh. Tersebut di dalam setengah atsar bahawasanya bagi Allah Ta'ala itu Lauh, sebelahnya daripada Yaqut yang merah dan sebelah yang lain daripada Zamrud yang hijau. Qalamnya daripada nur. Adalah tersurat di dalamnya hendak beri rezeki. Dan ada padanya menghidupkan dan mematikan. Dan ada padanya membesarkan dan menghinakan. Dan ada padanya yang hendak dikerjakan barang yang dikehendaknya pada tiap-tiap hari dan malam.

Bermula tiap-tiap daripada perkara yang tersebut itu mempunyai hikmah yang mengetahui akan dia oleh Allah Subhanahu wa Ta'ala dan jikalau tiada sampai akal kita daripada

mengetahui atasnya sekalipun. Bermula hikmah itu iaitu pekerjaan yang betul dan iaitu rahsia perbuatan. Dan faedahnya yang ditertib akan dia atasnya tiada kerana berkehendak Allah Ta'ala kepada suatu daripadanya. Maka tiada menjadikan 'Arasy kerana hendak memeliharakan daripada suatu dan tiada menjadikan akan Kursi kerana berkehendak duduk dan tiada menjadikan akan Qalam kerana hendak menghadirkan akan barang yang ghaib daripada ilmuNya Ta'ala. Dan tiada menjadikan akan segala malaikat yang menyurat dan tiada menjadikan akan Lauh itu kerana hendak men*dhabith*kan (mencatit) akan barang yang takut lupanya.

Syurga

Dan demikian lagi wajib kita i'tiqadkan akan Syurga iaitu negeri nikmat yang disediakan bagi hambaNya yang dikasihi iaitu segala yang shalihin. Dan adalah di dalamnya berbagai-bagai nikmatnya barang yang tiada pernah dilihat oleh mata dan tiada pernah didengar oleh telinga dan tiada pernah dilintas oleh hati. Dan tempatnya itu di atas tujuh petala langit yang di atas di bawah 'Arasy. Dijadikan Allah Ta'ala syurga itu dahulu daripada neraka. Maka kedua-duanya itu dijadikan pada hari Jumaat seperti dijadikan rahmatNya dahulu daripada *ghadhab*nya (kemurkaanNya), maka adalah syurga dan neraka itu sudah maujud pada masa sekarang.

Maka adalah syurga itu delapan yang berhampiran. Bermula yang terlebih afdhalnya dan yang pertengahannya Firdaus dijadikan dia daripada emas dan iaitu yang terlebih tinggi. Dan bermula *jiran* itu tiada bernafi-nafinya akan tinggi. Dan di atasnya 'Arasy dan daripadanya terpancar-pancar segala sungai syurga. Dan mengiringi akan dia pada afdhalnya Jannah 'Adn iaitu dijadikan daripada *qashab* Syurga. Kemudian Jannah al-Khuldi ada ia daripada Marjan, kemudian Jannah al-Na'im daripada perak, kemudian Jannah Dar al-Salam daripada yaqut yang merah, kemudian Jannah al-Ma'wa daripada zabarjad yang hijau, kemudian Jannah al-Jalal daripada lu'lu' yang putih, kemudian Jannah al-Maqam wa al-Qarar daripada kasturi yang sangat harum.



Dan bermula sekalian syurga itu berhimpun dengan Maqam al-Wasilah supaya berlazat-lazat oleh ahli syurga itu dengan melihat akan Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam kerana zahirnya Shallallahu 'alaihi wasallam daripadanya bagi mereka itu kerana bahawasanya menerang ia atas ahli al-Jannah seperti menerang matahari atas ahli al-Dunya.

Dan warid daripada Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam padanya beberapa nikmatnya dan mahligainya. Dan kanak-kanak jadi khadam dan bidadarinya. Dan sungainya dan pohon kayunya dan buah-buahan barang yang tiada meliputi dengan dia oleh peri orang yang memperikan dia dan tiada dapat menghinggakan dia oleh orang yang mengira-girakan dia seperti firman Allah Ta'ala:

فَلَا تَعْلَمُ نَفْسٌ مَّآ أُخْفِىَ لَهُم مِّن قُرَّةِ أَعْيُنٍ ..... ﴿١٧﴾

Ertinya: *Maka tiada mengetahui oleh seorang akan barang yang disembunyikan bagi mereka itu daripada ketetapan segala mata mereka itu.* **(Surah al-Sajadah: Ayat 17)**

Maka sentiasalah orang yang di dalam syurga itu dengan bagai-bagai nikmat, tiada mendengar mereka itu di dalam itu suatu yang sia-sia dan yang keji-keji melainkan salam daripada malaikat dan daripada Tuhan. Dan bagi mereka itu hampir dengan Tuhan yang mempunyai Jalal dengan memandang bagi Allah Ta'ala iaitu sempurna nikmat syurga, dipandang dengan mata dengan tiada dapat meliputi akan dia oleh akal dan tiada dengan kaifiat dan tiada dengan kadar dan tiada seperti memandang kepada *makhluqat* yang baharu ini. Maha Suci Allah Ta'ala daripada yang demikian itu.

Dan kata Syeikh Abdu al-Mu'thi al-Samalawi Rahimahullahu Ta'ala, maka betapa bertanya seorang daripada negeri yang telah dijadikan Allah dengan tanganNya yakni dengan QudratNya dan menjadikan ia akan dia tempat ketetapan bagi segala kekasihNya. Dan dipenuhkan di dalamnya daripada segala keramatNya dan rahmatNya dan keredaanNya. Dan disifatkan nikmatNya itu dengan kemenangan yang amat besar dan diberi kerajaan dengan kerajaan yang amat besar. Dan ditaruhkan di dalamnya segala kebajikan sekaliannya dan disucikan dia daripada tiap-tiap yang cela dan kebinasaan dan kekurangan. Maka jika engkau tanya

daripada buminya dan tanahnya, maka iaitu kasturi dan za'faran, yakni kumkuma (kuma-kuma) dan atapnya 'Arasy al-Rahman dan anak batunya lu'lu' dan permata delima dan bata buat bina mahligainya atau kotanya emas dan perak dan pohon kayunya, maka tiada padanya daripada pohon kayu melainkan batangnya itu daripada emas atau daripada perak, tiada daripada kayu dan خَشَبٌ. Dan buah kayunya besar umpama *qirbah* (kantung air dari kulit) yang terlebih lembut daripada dadih dan terlebih manis daripada madu. Dan daunnya terlebih halus dan terlebih lembut daripada kain pakaian.

Dan lagi adalah di dalam syurga itu beberapa sungai daripada susu yang tiada berubah rasanya dan beberapa sungai daripada arak yang amat lazat bagi orang yang meminum akan dia dan beberapa sungai daripada madu yang bersih daripada lilin dan beberapa sungai daripada air tawar yang tiada berubah. Dan beberapa buah kayu barang yang disukai oleh nafsu dan yang dipilih hingga buah pedanang sekalipun tetapi terlebih manis daripada sugar (gula) batu dan daging burung yang engkau berahi kepadanya pada hal sudah masak. Dan beberapa minuman daripada sungai Tasnim dan Zanjabil dan Kafur. Dan bejananya daripada emas dan perak yang jernihnya terlebih daripada gelas. Dan pintu syurga itu luasnya, kata setengah empat puluh tahun perjalanan dan kata setengah seperti antara Mekah dan Madinah.

Dan adalah anginnya yang bertiup pada pohon kayunya terlebih elok bunyinya dan terlebih merindukan bagi hati daripada serunai dan gendang yang sangat lazat bunyinya bagi orang yang mendengar akan dia. Dan adalah naung pada satu pohon kayunya perjalanan kuda yang sangat pantas larinya seratus tahun, tiada dapat diputuskan akan dia. Dan adalah luas di dalam milik seorang mukmin daripada mahligainya dan kebunnya perjalanan seribu tahun.

Dan lagi ada beberapa khemahnya dan beberapa kubahnya. Dan satu-satu khemah itu daripada دُرٌّ (permata) yang berongga dan panjangnya enam puluh mil dan tingginya beberapa bilik yang dari atasnya bilik yang dibinakan dia berlari air di bawahnya beberapa sungai dan jauh tingginya. Maka tilik olehmu kepada bintang pada tempat naik matahari atau tempat jatuh matahari pada langit yang

tiada hampir memandang oleh mata dan beberapa hamparannya daripada *istabraq*, yakni sutera yang halus yang terhampar pada martabatnya yakni atas pangkatnya.

Dan elok muka ahli syurga itu seperti bulan penuh purnama empat belas hari. Dan adalah umur mereka itu pertengahan muda iaitu anak tiga puluh tiga tahun. Dan besarnya atas kadar kejadian Adam bapa segala manusia. Dan adalah nyanyi anak bidadari tatkala mengulitkan suaminya terlebih rindu bagi yang mendengar akan dia. Apalah yang terlebih elok suaranya. Dan yang terlebih utamanya itu mendengar khithab Tuhan sekalian alam. Dan lagi pula ada padanya kenderaan yang menunggang mereka itu pergi ziarah keluarganya dan sahabatnya. Maka iaitu kuda yang dijadikan oleh Allah Ta'ala daripada barang yang dikehendakNya. Maka terbanglah kuda itu kepada tempat yang dikehendakinya di dalam beberapa syurga.

Dan jika engkau hendak tahu pada pakaiannya, maka iaitu beberapa gelang emas dan beberapa lu'lu' di atas kepala mereka itu seperti memakai mahkota kerajaan.

Khadam Dan Bidadari Syurga

Dan lagi pula ada padanya beberapa khadim bagi mereka itu, maka iaitu: وِلْدَانٌ مُخَلَّدُوْنَ ertinya, beberapa kanak-kanak yang kekal. Maka adalah rupanya seperti lu'lu' yang مَكْنُوْنٌ, yakni yang disimpan di dalam صَدَفٌ nya (gewangnya). Dan inang dayang-dayangnya anak dara yang bulat susunya lagi bersamaan umurnya, berlari air mudanya pada segala anggotanya. Ertinya, rupa mudanya itu sangat nyata dipandang pada segala anggotanya. Dan pipinya seumpama bunga mawar dan buah tuffah. Dan susunya seumpama buah delima. Dan giginya seperti lu'lu' yang dikarang. Dan apabila keluar ia, maka berlarilah matahari di dalam keelokkannya. Dan apabila tersenyum ia, terang seperti kilat keluar daripada giginya. Dan apabila berkhabar ia akan suaminya, maka apa sangka kamu dengan cerita orang yang amat kasih. Dan dilihat akan lemak di dalam sir betisnya dari luar kulitnya dan dari luar dagingnya dan tiada menutupi akan dia oleh kulit dan tulangnya dan tiada

menutupi oleh pakaiannya. Dan jikalau menilik ia kepada dunia yang kelam ini, nescaya terlebih terang daripada matahari dan penuh dunia ini harum baunya dan mengucap tasbih dan tahlil dan takbir oleh segala lidah makhluk, pada hal menyangka oleh mereka itu akan tajalli Tuhan. Dan berhiasan pada segala tepi langit sekaliannya dan tiada dapat terpejam segala mata. Dan padam cahaya matahari dan bulan seperti hilang cahaya bintang tatkala nyata matahari. Dan kain tudung kepala itu terlebih baik daripada dunia dan barang yang di dalamnya. Dan tiada bertambah tua ia sebab lalu masa yang panjang dan lalu tahun tetapi tiada lalu tahun melainkan bertambah eloknya. Dan suci ia daripada bunting dan beranak dan haid dan nifas dan suci pula daripada hingus dan air liur dan kahak dan kencing dan berak dan segala yang luat-luat. Dan tiada binasa mudanya dan tiada buruk kainnya dan tiada cemburu, baik perhubungannya.

Dan tersimpan pandangannya atas suaminya, maka tiada gemar kepada seorang yang lain daripada suaminya. Maka adalah suaminya itu sangat sukacita akan dia. Dan jika menyuruh oleh suaminya akan dia, nescaya mengikut ia akan suruhannya. Dan jika memandang ia akan dia, nescaya menyukakan akan pandangan. Dan jika ghaib suaminya, nescaya sangat memeliharakan dirinya. Maka adalah suaminya itu sertanya sangat kesukaan. Dan tiada menyentuh akan dia oleh manusia dahulu daripada suaminya. Dan tiada menyentuh akan dia oleh manusia dan jin dahulu daripada suaminya. Tiap-tiap memandang ia kepada suaminya memenuhkan kesukaan hati suaminya. Dan apabila keluar ia, maka penuh mahligai dan غُرَفٌ nya (biliknya) itu nurnya. Dan adalah umurnya itu satu rupa yang bersamaan di dalam pertengahan umur mudanya dan eloknya seperti bulan penuh purnama. Dan elok matanya apalah terlebih elok hitam di dalam jernih putih yang sangat jilah. Dan warnanya seperti yaqut dan marjan. Dan kejadiannya خَيْرَاتٌ حِسَانٌ, yakni beberapa perempuan yang baik lagi elok. Dan jika tertawa ia pada suaminya, telah teranglah syurga daripada cahaya tertawanya. Dan jika hadir ia akan suaminya, maka apalah yang terlebih elok demikian hadir itu. Dan jika dipeluknya akan dia, maka apalah yang terlebih lazat demikian peluk itu. Dan jika menyanyi ia, maka apalah yang terlebih lazat bagi telinga mendengar akan nyanyinya.

Dan jika engkau kucup akan dia, maka tiadalah yang terlebih berahi kepadanya daripada demikian kucupnya itu.

Maka adalah syurga itu bagi orang yang سَعِيْدٌ dan iaitu orang yang mati atas agama Islam, kekal selama-lama. Demikian lagi neraka bagi orang yang شَقِيٌّ kekal selama-lamanya. Dan erti شَقِيٌّ itu orang yang mati atas kufur dan jikalau hidup ia sepanjang umurnya atas Islam sekalipun.

Neraka

Dan demikian lagi wajib kita i'tiqadkan neraka itu maujud ia sekarang ini. Dan tempatnya di bawah bumi yang ketujuh. Dan kata qil: Di bawah laut. Dan iaitu jisim yang halus lagi menghanguskan. Dan iaitu negeri siksa bagi hambaNya yang kafir dan yang 'ashi daripada orang yang muslimin. Maka tiada ada di dalamnya itu melainkan bagai-bagai azab daripada ular dan kala dan buah zaqqum dan hamim, ertinya tembaga hancur yang sangat hangat. Dan صَدِيْدٌ ertinya air danur yang sangat busuk. Dan kayunya yang menyalakan neraka itu tubuh manusia dan batu dan kayu yang disembah oleh kafir daripada berhala dan lainnya.

Bermula segala lapisan neraka itu tujuh lapis. Yang terkeatas sekali neraka Jahannam dan iaitu bagi orang yang mukmin yang diazab atas kadar dosanya dan jadilah ia runtuh dengan sebab keluar mereka itu daripadanya. Dan yang di bawahnya Ladza dan iaitu tempat Yahudi, kemudiannya Huthamah iaitu bagi Nasara kemudiannya Sa'ir dan iaitu bagi Shabi'in. Bermula mereka itu satu firqah daripada Yahudi yang *mukhalafah* i'tiqadnya bagi Yahudi. Kemudian Saqar dan iaitu bagi Majusi. Kemudian Jahim dan iaitu bagi yang menyembah berhala. Kemudian Hawiyah dan iaitu bagi munafiqin.

Dan telah menyebut oleh Ibnu al-'Arabi bahawasa api dunia ini tiada dikeluarkan akan dia oleh Allah Ta'ala kepada manusia daripada api neraka Jahannam hingga diselamkan akan dia ke dalam laut dua kali. Dan jikalau tiada demikian itu, nescaya tiada boleh mengambil manfaat dengan dia oleh seorang daripada sebab panasnya. Dan memadalah dengan dia menakuti. Dan kemudian

daripada diambil akan api dunia daripadanya, dipernyalakan atasnya seribu tahun hingga jadi putih, kemudian dinyalakan seribu tahun pula hingga jadi merah ia, kemudian dinyalakan pula seribu tahun hingga hitam ia, maka iaitu yang hitam, lagi yang kelam dan panasnya itulah hawa yang menghanguskan dan tiada bara baginya yang lain daripada anak Adam dan batu yang disembah oleh kafir yang diambil buat Tuhan yang lain daripada Allah. Firman Allah Ta'ala:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ قُوٓا۟ أَنفُسَكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا ..... ﴿٦﴾

Ertinya: *Hai segala mereka yang beriman mereka itu, peliharakan oleh kamu akan diri kamu dan ahli kamu akan neraka.* **(Surah al-Tahrim: Ayat 6)**

Bermula kayu apinya itu manusia dan batu. Dan adalah pintu tiap-tiap satu neraka itu di tengah neraka yang di atasnya. Maka adalah padanya beberapa belenggu dan rantai dan dusun dan bukit daripada api neraka jua dan malaikat Zabaniyah. Dan adalah neraka yang di bawah sekali itu amat sejuk dan adalah ia terlebih sangat azabnya daripada neraka yang panas dan iaitu Zamharir. Dan sejuk dan panas di dalam dunia ini dua nafas daripada nafas keduanya. Dan telah lalu sebutnya bahawa api dunia ini sudah diselamkan ke dalam laut dua kali. Kata setengah, tujuh puluh kali atau sembilan puluh kali. Dan jika terbang bunga apinya ke dalam dunia ini, nescaya terbakar sekaliannya jadi abu, tiada lagi tumbuh tanamannya seperti firmanNya:

لَهَا سَبْعَةُ أَبْوَٰبٍ ..... ﴿٤٤﴾

Bagi neraka itu tujuh pintu. **(Surah al-Hijr: Ayat 44)**

Kata *mufassirun*, satu pintu bagi Yahudi dan satu pintu bagi Nasara dan satu pintu bagi Shabi'in dan satu pintu bagi Majusi dan satu pintu bagi segala musyrik dan iaitu segala kuffar Quraisy dan satu pintu bagi munafiqin dan satu pintu bagi ahli al-Tauhid. Maka ahli al-Tauhid diharap akan keluarnya dan yang lain itu tiada diharap keluarnya selama-lamanya. Maka *warid* daripada hadis adalah seorang kafir satu giginya seperti Jabal Uhud dan antara

telinganya kepada tengkuknya perjalanan kuda yang deras tujuh hari. Dan adalah mereka itu di dalam neraka tiada hidup dan tiada mati, maka azabnya bertambah-tambah tiada kurang. نَعُوْذُ بِاللهِ مِنْ غَضَبِ اللهِ

Dan *warid* pula bulan dan matahari dimasukkan keduanya ke dalam neraka seperti dua lembu jantan yang menanduk keduanya akan orang yang menyembah akan dia. Dan dimasukkan keduanya ke dalam neraka bukan kerana menyiksa akan keduanya dan hanya keduanya menyiksa akan isi neraka jua.

Maka adalah syurga itu setengah daripada manusia masukkan dia pada mula bangkit daripada kuburnya seperti orang yang tujuh puluh ribu. Dan tiap-tiap satu daripadanya mensyafa'atkan bagi tujuh puluh ribu pula. Dan setengah daripadanya masuk syurga kemudian daripada hadir pada Mauqif dan hisab dan mengambil suratan amalnya dan ditimbang dan meniti. Dan setengahnya masuk syurga kemudian daripada masuk neraka.

Dan segala anak musyirikin yang mati belum baligh itu atas qaul yang muktamad, dimasukkan ke syurga, maka ia daripada isi syurga jua dan jadi khadam bagi isi syurga. Dan ahli al-Fatrah yakni mereka yang antara dua Nabi yang tiada sampai suruhnya kepadanya iaitu mauquf pekerjaan mereka itu kepada Allah. Tetapi ada qaul yang berkata daripada ahli Syurga jua mereka itu, kerana inilah dua ibu bapa Nabi daripada ahli syurga keduanya, kerana keduanya daripada ahli al-Fatrah kerana keduanya wafat dahulu daripada *Bi'tsah* (Kebangkitan Nabi Muhammad menjadi Rasul). Inilah setengah daripada yang wajib kita i'tiqadkan, maka ialah setengah daripada sam'iyyat, yakni segala perkara yang didengar daripada Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam. Dan ialah yang mempunyai syafa'at yang عُظْمَى (yang terbesar). Kemudian hendaklah kita ketahui pula adalah dimasukkan segala mukallaf ke dalam neraka pada hukum syara' itu dengan sebab mengerjakan maksiat, pada hal mati ia dengan tiada taubat daripada dosanya.

Dosa Besar Dan Dosa Kecil

Dan lagi wajib kita i'tiqadkan dosa itu terbahagi atas dua

bahagi, suatu dosa besar dan kedua dosa kecil.

Maka dosa besar itu barang yang ada baginya had atau janji siksa bagi orang yang mengerjakan dia pada Qur'an atau hadis seperti syirik dan membunuh orang dengan tiada sebenar dan berzina dan meminum arak dan mencuri dan lainnya.

Dan dosa kecil itu barang yang tiada had padanya dan tiada janji hendak menyiksa bagi orang yang mengerjakan dia seperti kucup perempuan yang hilat atau budak muda belia yang elok rupanya dan melihat dengan keinginan dan melaknat akan makhluk yang مُعَيَّنْ dan jikalau binatang sekalipun. Bersalahan melaknat akan yang umum seperti dikatanya: Laknat Allah atas sekalian orang yang dusta atau atas segala orang yang kafirin atau segala orang yang fasik. Dan setengah daripadanya mendustakan manusia yang bukan Nabi dan bukan menuduh zina. Adapun menuduh berzina dengan dusta, dosa besar. Dan mendustakan Nabi, jadi kufur. Maka dosa besar itu wajib taubat dengan bersegera.

Rukun Taubat

Dan rukun taubat itu tiga perkara jika dosa itu tiada bergantung dengan anak Adam.

Pertama: Meninggalkan dosa yang ia kerjakan itu dengan ikhtiarnya.

Kedua: Menyesal atas perbuatannya yang telah dikerjakan itu.

Ketiga: Jazam yang putus, tiada kembali ia kepada seumpamanya sekali-kali.

Dan jika adalah dosa itu antaranya dan antara makhluk ditambahi pula dikembalikan *mazhlum*nya (haknya yang dizalimi) atau minta halalkan daripadanya. Dan kita ketahui orang yang taubat itu jika kembali ia kepada dosa itu pula tiada membinasakan taubat yang dahulu itu. Dan jika kembali ia dengan bersegera pada ketika itu sekalipun, tetapi hendaklah ia membaharukan taubat pula. Maka demikianlah diperbuat seperti ia menjadikan pada mengerjakan dosa itu seperti adat, maka dijadikan pula taubat itu

adat. Dan jikalau di dalam sehari semalam itu tujuh puluh kali sekalipun, maka jangan engkau jadikan taubat itu lemah dengan sebab banyak mengerjakan maksiat. Maka tiap-tiap taubat itu makbul selama belum lagi naik matahari daripada Maghrib (Barat) dan belum lagi sampai kepada *ghargharah* ertinya tatkala roh sampai kepada hampir halkum.

Dan hendaklah kita ketahui bahawa orang yang mengerjakan dosa besar, pada hal mati ia tiada taubat daripada dosanya, maka adalah pekerjaannya itu diserahkan kepada Tuhannya. Maka tiada dapat kita putuskan dengan ampun daripadanya supaya tiada ada dosa itu hukum mubah dan tiada dapat kita putuskan dengan siksa kerana bahawasa Allah Ta'ala harus atasNya bahawa mengampun akan dosa yang lain daripada kufur. Dan atas takdir jatuh azabnya, nescaya kita putuskan baginya dengan ketiadaan kekal di dalam neraka.

Manusia Terbahagi Dua

Dan kita ketahui pula bahawa manusia itu atas dua bahagi: **Pertama:** Mukmin. **Kedua:** Kafir, yakni iktibar akhir umurnya. Maka kafir itu kekal di dalam neraka dengan ijma' segala ulama.

Bermula mukmin itu dua bahagi: **Pertama:** Yang taat. **Dan kedua:** Yang *'ashi*. Maka yang taat itu di dalam syurga dengan ijma' kekal selama-lamanya. Dan yang 'ashi itu atas dua bahagi: **Pertama:** Yang taubat. **Kedua:** Yang tiada taubat. Maka yang taubat itu di dalam syurga dengan ijma'. Dan yang tiada taubat itu di dalam kehendak Allah Ta'ala. Tetapi daripada Imam Maturidi, tsabit disiksakan jikalau seorang sekalipun di dalam suatu bagi daripada maksiat. Dan atas takdir kena azab, tiada kekal di dalam neraka.

Syahdan. Wajib atas tiap-tiap muslim yang mukallaf bahawa ia memeliharakan Kulliyyat yang enam. Dan sebab dinamakan dia Kulliyyat kerana tercawang daripadanya beberapa hukum yang banyak:

Yang pertama: Din, yakni agama dan iaitu barang yang disyara' oleh Allah Ta'ala bagi segala hambaNya daripada segala hukum, maka wajib atas tiap-tiap mukallaf memeliharakan

agamanya dengan peliharakan daripada jatuh pada kufur dan daripada mencederakan segala yang wajib dan segala yang haram kerana memeliharakan agama itu disuruh kita perang akan orang kafir harbi atau lainnya dan dibunuh orang yang murtad dan dihadkan atas orang yang mengerjakan maksiat yang mewajibkan had seperti berzina atau mencuri dan minum arak dan lainnya.

Dan yang kedua: Diri seorang, dan memeliharakan dia itu dengan dipeliharakan daripada yang membinasakan dia atau yang mudaratkan dia. Maka tiada harus kita bunuh akan dia dengan tiada sebenar dan jikalau diri kita sekalipun. Dan tiada harus kita kerat akan anggotanya dengan tiada sebenar. Dan sebab inilah dituntut Qishash pada dirinya dan pada anggotanya.

Dan ketiga: Harta, dan iaitu tiap-tiap barang yang halal milik akan dia pada syara' dan jikalau sedikit sekalipun dan memeliharakan dia dengan ketiadaan memperbuat dengan dia akan barang yang tiada mengizin oleh syara' padanya. Maka tiada harus kita curi dan rampas akan harta orang. Dan kerana inilah dituntut kerat tangan orang yang mencuri dan kerat tangan dan kaki bagi orang penyamun di jalan.

Dan keempat: Nasab, dan *murad* dengan nasab itu pertambatan yang antara bapa dan anaknya. Dan memeliharakan dia dengan tertahan daripada zina. Dan kerana memeliharakan dia itulah dituntut rejam akan *Zani* (penzina) muhshan dan diderakan dengan seratus pukul akan yang bukan muhshan lelaki dan perempuan.

Dan yang kelima: Akal, dan memeliharakan dia dengan diperlihara-kan daripada yang menghilangkan dia atau yang mencederakan dia, maka tiada harus kita makan atau minum akan sesuatu yang menghilangkan akal. Dan kerana inilah dituntut had akan orang yang meminum arak. Dan wajib Qishash atau Diat akan orang yang menghilangkan akal orang dengan jenayah.

Dan keenam: Kemaluan, dan iaitu tempat kepujian dan kecelaan daripada manusia dan memeliharakan dia dengan tertegah daripada umpama tuduh. Maka tiada harus kita tuduh orang dengan zina dan tiada harus kita maki akan dia. Dan kerana inilah dituntut had bagi orang yang menuduh zina akan orang yang terpelihara daripada zina dan dita'zirkan yang lainnya, yakni orang yang tiada

terpelihara daripada zina.

Dan barang siapa ingkar ia akan suatu pekerjaan yang maklum daripada beberapa dalil agama kita yang menyerupai maklum itu dengan dharurat dengan sekira-kira tahu akan dia oleh Khawash al-Muslimin dan orang yang awam mereka itu seperti wajib sembahyang lima waktu dan puasa bulan Ramadhan dan haram berzina dan minum arak dan umpamanya dibunuh akan dia kerana kufurnya, kerana ingkarnya bagi yang demikian itu melazimkan ia mendustakan Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam dan bukan bunuhnya itu had dan kifarat bagi dosanya.

Dan demikian lagi orang yang ingkar akan hukum yang diijma'kan atasnya akan sebagai ijma' yang qath'i dan iaitu barang yang muafakat oleh segala yang muktabar atas pekerjaan agama yang maklum dengan dharurat seperti ijma' mereka itu akan wajibnya atau akan haramnya atau i'tiqad ia akan harus yang haram dengan ijma' lagi yang maklum daripada agama dengan dharurat seperti zina dan puasa hari raya, maka jadi kufur ia dibunuh akan dia kemudian daripada dituntut akan dia suruh taubat. Maka tiada mahu taubatnya tetapi tiada harus bagi seorang daripada manusia itu membunuh akan dia kerana membawa kepada fitnah amat besar, hanya wajib atas raja-raja jua memerintahkan akan yang demikian itu. Maka sebab itulah wajib atas ulama-ulama dan رُؤُوسٌ muslimin mendirikan imam yang adil pada ketika tiada nash daripada Allah atau rasulNya atas orang yang مَعَيَّنٌ seperti firmanNya:

يَٰدَاوُۥدُ إِنَّا جَعَلْنَٰكَ خَلِيفَةً فِى ٱلْأَرْضِ..... ﴿٢٦﴾

Ertinya: *Hai Daud, sesungguhnya Kami menjadikan kamu khalifah di muka bumi .....* **(Surah Shad: Ayat 26)**

Dan tiada *farq* (beza) pada wajib mendirikan imam itu antara masa fitnah dan lainnya. Dan kata qil: Wajib ia kerana mendiamkan fitnah. Dan kata qil: Tiada wajib sekali-kali. Dan bermula *murad* dengan adil itu, adil Syahadah iaitu bahawa ada ia Islam dan baligh dan berakal dan merdeka dan tiada fasik. Dan wajib mendirikan dia itu dengan syara' di sisi ahli al-Sunnah bukan dengan hukum aqal. Maka tiada jadi ia rukun yang dii'tiqadkan pada agama. Dan wajib pula atas sekalian mukallaf taat akan dia bagi suruhnya dan

tegahnya zahir dan batin, tetapi tiada ditaatkan dia pada yang haram dan yang makruh dan tiada harus kita keluar daripada imtisal suruhnya yang وَاضِحٌ (jelas) yang berlaku atas Qawa'id al-Syari'ah melainkan apabila ia menyuruh berbuat derhaka kepada Allah seperti menyuruh ia dengan kufur. Maka campakkan olehmu bai'ahnya, pada hal dengan nyata-nyata. Maka jikalau tiada kuasa engkau atas menyata, maka campak olehmu akan dia dengan sir (rahsia). Maka Allah Ta'ala memadai akan kita akan menyakiti dia.

Dan demikian lagi kita ketahui akan شَيْءٌ yakni suatu, tiada dikatakan suatu melainkan yang maujud, maka yang *ma'dum* itu tiada dinamakan شَيْءٌ. Dan yang dinamakan maujud suatu, yang tsabit pada kharij (luaran). Dan wujud sesuatu itu ialah 'ainnya yakni diri zatnya.

Dan wajib kita i'tiqadkan orang yang mati itu dengan sampai ajalnya jikalau terbunuh atau makan oleh binatang sekalipun. Khilaf bagi Mu'tazilah yang berkata oleh mereka itu bahawa orang yang membunuh itu memutuskan ajalnya dan jikalau tiada, nescaya hidup ia hingga sampai ajalnya. Maka iaitu i'tiqad yang batil, tiada harus mengikut i'tiqad mereka itu sekali-kali.

Orang Yang Mati Syahid Itu Hidup

Dan wajib kita i'tiqadkan bersifat barang yang mati syahid Ma'rikah dengan hidup yang kamil dan jikalau adalah kaifiatnya tiada maklum bagi kita sekalipun. Dan segala orang mati dan jikalau adalah mereka itu sekaliannya hidup sekalipun, kerana berhubung arwah (roh-roh) mereka itu dengan segala jasad mereka itu, tetapi segala syahid itu terlebih *akmal* (sempurna) hidupnya daripada yang lain daripada mereka itu. Dan Anbiya' itu terlebih akmal hidupnya daripada syahid dan iaitu tsabit bagi zat dan roh sekaliannya, maka ialah hidup yang hakiki. Dan tiada lazim daripada keadaannya hakikat bahawa ada segala badan itu sertanya seperti barang yang ada ia pada dunia daripada berhajat ia bagi makanan dan minuman dan lain daripada keduanya daripada segala sifat jisim bangkit pandang akan dia di dalam dunia tetapi adalah baginya hukum akhirat. Maka makan dan minum mereka itu kerana berlazat-lazat,

tiada kerana berkehendak sebab lapar dan dahaga. Maka jikalau dikata orang betapa tasawwur akal hidup mereka itu serta barang yang datang *warid* daripada bahawasa roh mereka itu di dalam tembolok burung yang hijau. Dijawab akan dia dengan bahawa segala roh mereka itu berhubung dengan jasad mereka itu akan sebagai berhubung yang kuat dan jikalau adalah tempat tetapnya itu di dalam tembolok burung sekalipun atas bahawasanya perkara yang mencarik bagi adat, maka tiada boleh diqiyaskan atasnya akan yang lainnya. Dan diberi rezeki akan dia oleh Allah Ta'ala daripada yang dikasihNya daripada nikmat syurga daripada makanan dan minuman dan pakaian dan yang lain daripadanya.

Dan bermula *murad* dengan syahid yang dapat martabat seperti yang tersebut itu iaitu syahid dunia dan akhirat dan iaitu mereka yang berperang kerana hendak meninggikan agama Allah Ta'ala, maka mati ia dengan sebab perang itu. Bersalahan syahid dunia iaitu mereka yang berperang ia kerana berkehendak kepada ghanimah, maka bahawasanya tiada pahala baginya yang kamil dan jikalau diperlakukan atasnya segala hukum syahid sekalipun di dalam dunia ini daripada haram mandi dan disembahyangkan atasnya.

Dan adapun syahid akhirat jua seperti mati kena thaun dan cirit perut dan umpama keduanya. Maka ia seperti yang pertama jua pada pahalanya tetapi kurangnya pada hidupnya dan rezekinya jua. Dan tiada diperlakukan akan dia di dalam dunia ini hukum syahid Ma'rikah.

Rezeki Menurut Ahli al-Sunnah

Dan bermula rezeki daripada ahli al-Sunnah itu barang yang dihela akan dia oleh Allah kepada segala haiwan, maka mengambil manfaat ia dengan dia dengan *fi'il* (perbuatan), maka masuk rezeki manusia dan segala binatang dan lain daripada keduanya dan melengkapi akan yang dimakan dan lainnya daripada barang yang mengambil *intifa'* (manfaat) ia dengan dia. Maka barang siapa milik ia akan suatu dan mungkin ia daripada mengambil *intifa'* dengan dia dan tiada mengambil *intifa'* ia dengan dia dengan *fi'il*, maka tiada demikian sesuatu itu rezeki baginya. Dan tertentulah yang

dinamakan rezeki itu bagi orang yang mengambil manfaat ia dengan dia dengan *fi'il.* Maka apabila kita ketahui akan makna rezeki itu seperti yang tersebut itu, maka wajib i'tiqadkan bahawasa Allah Subhanahu wa Ta'ala merezekikan yang halal dan yang makruh dan yang haram seperti kata Ibrahim al-Laqqani:

فَيَرْزُقُ اللهُ الْحَلَالَ فَاعْلَمَا * وَيَرْزُقُ الْمَكْرُوْهَ وَالْمُحَرَّمَا

Ertinya: *Maka memberi rezeki oleh Allah akan yang halal, maka ketahui olehmu,*

Dan memberi rezeki Ia akan yang makruh dan akan yang haram.

Faedah:

Bermula rezeki itu dua bahagi:

Pertama: Zahir bagi badan seperti makanan yang mengenyangkan.

Dan kedua: Batin bagi hati seperti ilmu dan ma'rifah.

'Aqa'id al-Iman Yang Terkandung Dalam Kalimah مُحَمَّدٌ رَسُوْلُ اللهِ

Kemudian kembali hamba pada menyebut yang tinggal daripada 'aqa'id al-Iman yang terkandung di dalam مُحَمَّدٌ رَسُوْلُ اللهِ. Dan telah lalu masuk di dalamnya rukun iman yang empat dan lawannya empat. Maka kata *Musannif.*

وَيُؤْخَذُ مِنْهُ وُجُوْبُ صِدْقِ الرُّسُلِ عَلَيْهِمُ الصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ، وَاسْتِحَالَةُ الْكَذِبِ عَلَيْهِمْ وَإِلَّا لَمْ يَكُوْنُوْا رُسُلًا أُمَنَاءَ لِمَوْلَانَا الْعَالِمِ بِالْخَفِيَّاتِ جَلَّ وَعَزَّ، وَاسْتِحَالَةُ فِعْلِ الْمَنْهِيَّاتِ كُلِّهَا لِأَنَّهُمْ عَلَيْهِمُ الصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ أُرْسِلُوْا لِيُعَلِّمُوْا الْخَلْقَ بِأَقْوَالِهِمْ وَأَفْعَالِهِمْ وَسُكُوْتِهِمْ، فَيَلْزَمُ أَنْ لَا يَكُوْنَ

فِي جَمِيْعِهَا مُخَالِفَةً لِأَمْرِ مَوْلَانَا جَلَّ وَعَزَّ الَّذِي اخْتَارَهُمْ عَلَى جَمِيْعِ الْخَلْقِ وَآمَنَهُمْ عَلَى سِرِّ وَحْيِهِ.

Ertinya: *Dan diambil daripada* مُحَمَّدٌ رَسُوْلُ الله *itu wajib benar sekalian Rasul 'alaihimush shalatu wassalam dan istihalah (mustahil) dusta atas mereka itu dan jika tiada wajib benar bagi mereka itu dan istihalah dusta atas mereka itu, nescaya tiada ada mereka itu jadi pesuruh yang kepercayaan bagi Tuhan kita yang mengetahui Ia dengan sekalian yang tersembunyi dan istihalah mereka itu mengerjakan pekerjaan yang ditegah sekaliannya kerana bahawasa mereka itu 'alaihimush shalatu wassalam disuruh mereka itu supaya mengajar mereka itu akan makhluk dengan segala perkataan mereka itu dan perbuatan mereka itu dan diam mereka itu. Maka lazimlah bahawa tiada pada sekaliannya itu bersalahan bagi suruh Tuhan kita Jalla wa 'Azza yang telah memilih Ia akan mereka itu atas sekalian makhlukNya dan mempercaya ia akan mereka itu atas rahsia wahyuNya.*

Dan makna rahsia itu iaitu wahyu. Dan tiada syak bahawasa di*idhafat*kan (disandarkan) رَسُوْل kepada الله 'Azza wa Jalla itu menghendaki Ia akan bahawasanya memilih Ia akan dia bagi risalah seperti memilih Ia akan segala saudaranya yang Mursalin bagi demikian itu. Dan sungguhnya telah engkau ketahui bahawasa ilmuNya meliputi dengan barang yang tiada terhingga baginya dan jahil dan barang yang pada maknanya mustahil atasNya Ta'ala. Maka lazim bahawasa membenarNya Ta'ala bagi mereka itu *muthabiq* (selaras) bagi barang yang pada ilmuNya Ta'ala daripada mereka itu daripada benar dan amanah. Maka mustahil bahawa ada mereka itu pada نَفْسُ الأَمْر atas bersalahan barang yang mengetahui Allah Ta'ala daripada mereka itu. Dan sungguhnya telah menyuruh Allah Ta'ala dengan mengikut akan mereka itu 'alaihimush shalatu wassalam pada segala perkataan mereka itu dan perbuatan mereka itu dan diam mereka itu. Maka lazimlah bahawa ada sekaliannya itu atas berbetulan dengan barang yang diredakan dia oleh Tuhan kita 'Azza wa Jalla dan iaitulah yang dituntut. Maka tiada jatuh daripada mereka itu bersalahan dengan barang yang direda oleh Tuhan sekali-kali.

Dan telah menambah oleh *musannif* di sini akan mengikut dengan diam mereka itu dan maknanya bahawa Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam apabila mengerjakan oleh seorang manusia akan suatu pekerjaan dan mengetahui ia akan dia dan diam ia daripadanya dan tiada ingkar ia atas yang mengerjakan dia dan jikalau orang yang mengerjakan dia itu tiada mukallaf sekalipun, maka diambil dalil dengan diamnya itu atas bahawasanya tiada mengapa bagi kita bahawa kita kerjakan dia, tetapi jika adalah pekerjaan itu daripada jenis ibadah, maka iaitu *mathlub.* Dan jika adalah pekerjaan itu tiada daripada jenis ibadah, maka iaitu harus misalnya seperti diam Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam daripada perkataan Ibnu 'Umar tatkala berkata ia di hadapan Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam:

أُحِلَّتْ لَنَا مَيْتَتَانِ وَدَمَانِ: السَّمَكُ وَالْجَرَادُ وَالْكَبِدُ وَالطِّحَالُ

Ertinya: *Dihalalkan bagi kita dua bangkai dan dua darah: pertama ikan dan kedua belalang.*

Dan dua darah itu pertamanya hati dan kedua limpa. Maka menetapkan akan dia oleh Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam dan pada hal Nabi tiada menetapkan ia atas tersalah dan jika keluar tersalah itu daripada yang lain daripada mukallaf sekalipun dari kerana bahawasa diam atasnya itu, dan jika tiada berdosa ia dengan dia sekalipun memberi waham ia akan orang yang jahil ia akan hukum yang demikian itu akan harusnya. Bahkan jikalau keluar yang demikian itu daripada kafir yang diketahui akan *'inad*nya (kedegilannya) bagi Nabi, nescaya tiadalah diam Nabi itu menunjukkan atas harusnya.

Dan katanya, dan mustahil mereka itu mengerjakan segala pekerjaan yang ditegah sekaliannya melengkapi bagi khianat disembunyi. Dan lazim daripada mustahil khianat, wajib amanah dan mustahil sembunyikan, wajib *tabligh*. Dan telah men*sharih*kan ia dahulu dengan wajib benar dan mustahil dusta atas mereka itu dan masuk yang harus bagi mereka itu di dalamnya pula seperti kata *musannif*:

وَيُؤْخَذُ مِنْهُ أَيْضًا جَوَازُ الأَعْرَاضِ الْبَشَرِيَّةِ عَلَيْهِمُ الصَّلاَةُ وَالسَّلاَمُ، إِذْ

ذَاكَ لَا يَقْدَحُ فِي رِسَالَتِهِمْ وَعُلُوِّ مَنْزِلَتِهِمْ عِنْدَ اللهِ تَعَالَى، بَلْ ذَلِكَ مِمَّا يَزِيْدُ فِيْهَا.

Ertinya: *Dan diambil daripada kata kita* مُحَمَّدٌ رَسُوْلُ اللهِ *itu pula harus segala 'aradh basyariyah atas mereka itu 'alaihimush shalatu wassalam kerana yang demikian itu tiada memberi cedera pada risalah mereka itu dan ketinggian martabat mereka itu pada Allah Ta'ala, tetapi yang demikian itu setengah daripada barang yang menambahi pada martabat mereka itu.*

Dan diambil akan harus segala *'aradh basyariyah* (perangai kemanusiaan) daripada kalimah مُحَمَّدٌ رَسُوْلُ اللهِ itu kerana bahawasanya ia mentsabitkan baginya risalah jua, tiada mentsabitkan ketuhanan dan tiada mentsabitkan keadaannya malaikat.

Dan demikian lagi segala saudaranya yang Mursalun dan ketika itu tiada tertegah pada hak mereka itu melainkan barang yang mencederakan pada martabat risalah mereka itu. Dan bermula demikian *a'radh* itu tiada memberi cedera padanya seperti barang yang mengisyarat oleh *musannif* bagi yang demikian itu dengan katanya kerana yang demikian itu tiada memberi cedera pada risalah mereka itu. Dan tiap-tiap barang yang tiada memberi cedera padanya, maka iaitu harus.

Dan tiada tersembunyi bahawa *a'radh basyariyah* itu seperti sakit dan makan dan minum dan berkahwin dan lainnya tiada memberi cedera sedikit jua pun pada martabat mereka itu 'alaihimush shalatu wassalam, tetapi adalah yang demikian itu daripada menambahi padanya dengan iktibar membesarkan pahala bagi mereka itu daripada pihak barang yang menyertai akan dia daripada taat, sabar dan lainnya seperti yang telah lalu sebutnya. Wallahu 'alam.

Kemudian kata *Musannif*:

فَقَدِ اتَّضَحَ لَكَ تَضَمُّنُ كَلِمَتَيِ الشَّهَادَةِ مَعَ قِلَّةِ حُرُوْفِهَا لِجَمِيْعِ مَا يَجِبُ عَلَى الْمُكَلَّفِ مَعْرِفَتُهُ مِنْ عَقَائِدِ الْإِيْمَانِ فِي حَقِّهِ تَعَالَى وَفِي حَقِّ رُسُلِهِ عَلَيْهِمُ الصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ.

Ertinya: *Maka sungguhnya telah nyatalah bagimu terkandung dua kalimah Syahadah itu serta sedikit hurufnya bagi sekalian barang yang wajib atas mukallaf mengenal akan dia daripada 'aqa'id al-Iman pada hak Allah Ta'ala dan pada hak segala rasulNya 'alaihimush shalatu wassalam.*

Bermula *murad* terkandung dua kalimah itu bagi demikian itu terkandung makna keduanya kerana bahawasa yang mengandung bagi sekalian 'aqa'id yang tersebut hanyasanya makna keduanya bukan kedua kalimah itu seperti barang yang tersebut dahulu.

Dan telah men*sharih* oleh *musannif* pula dengan sifat صِدْقٌ yang wajib pada hak mereka itu. Dan tiada men*sharih* ia dengan wajib amanah dan tabligh dan hanyasanya men*sharih* ia dengan lawan keduanya dan iaitu mengerjakan segala yang ditegah akan dia, maka diambil akan keduanya daripadanya dengan jalan luzum.

Ketahuiolehmubahawasanyahukumpesuruhitukesudahannya hingga masuk isi syurga ke dalam syurga dan isi neraka ke dalam neraka. Dan adapun hukum Nubuwwah, maka iaitu berkekalan hingga di dalam syurga, tiada baginya kesudahan.

Tanbih: Adalah *musannif* menyebutkan dua kalimah yang mulia ini dengan tiada lafaz أَشْهَدُ, tiada pada kalimah yang pertama dan tiada pada kalimah yang kedua seperti yang sudah engkau lihat, maka iaitu pada hak orang Islam. Adapun pada hak orang kafir dan murtad yang hendak masuk Islam, maka tidak dapat tiada pada sah Islam keduanya daripada lafaz أَشْهَدُ . Dan jikalau pada kalimah yang pertama jua sekalipun hanyalah tetapi dengan syarat disebutkan "و" pada kalimah yang kedua itu. Dan tidak dapat tiada daripada tertib pada dua kalimah Syahadah itu, yakni didahulukan kalimah tauhid kemudian kalimah risalah seperti dikatanya: أَشْهَدُ أَنْ لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُوْلُ اللهِ. Dan lagi disyaratkan *muwalat* ertinya berturut-turut dua kalimah itu jangan di*fashal*kan (dipisahkan) antara dua kalimah itu dengan kalam ajnabi atau dengan diam yang panjang. Dan lagi disyaratkan tahu akan maknanya dan jikalau dengan ijmal sekalipun seperti diketahuinya makna kalimah yang pertama itu hendak mengesakan Allah dan kalimah yang kedua itu hendak mentsabitkan risalah bagi Muhammad. Dan jika ada i'tiqadnya bahawasanya Nabi Muhammad itu pesuruh kepada

kaum Arab jua tiada kepada 'ajam, nescaya disyaratkan menambah iqrar dengan umum risalahnya kepada Arab dan kepada lainnya seperti dikatanya: Naik saksi aku bahawasanya Nabi Muhammad itu pesuruh Allah kepada sekalian makhluk dan lepas aku daripada tiap-tiap agama yang menyalahi agama Islam.

Ketahui olehmu, bahawasa bahasa Arab itu tiada syarat pada dua kalimah itu yakni tiada jadi syarat bagi sah Islam kafir itu bahawa mengucap dua kalimah syahadah itu dengan bahasa Arab, tetapi orang yang mengucap dengan bahasa dirinya ia terjemah daripada dua kalimah itu, nescaya sah ia dan jikalau ada ia ketahui bahasa Arab sekalipun. Inilah qaul yang muktamad pada ulama muta'akhirin.

Ketahui olehmu, bahawasa lafaz أَشْهَدُ dan أَعْلَمُ dan أَذْعَنُ dan أَتَيَقَّنُ itu satu makna jua pada bahasa Arab, tetapi tidak dapat tiada pada sah Islam kafir itu daripada lafaz أَشْهَدُ seperti yang telah lalu sebutnya kerana disimpankan atas yang datang daripada lidah penghulu kita tatkala ditanya oleh Jibril akan dia. Maka sebab itulah tiada memadai lafaz yang lain daripadanya dan kerana bahawasa lafaz أَشْهَدُ itu khas dan lafaz yang lain itu am dan bersungguh-sungguh dengan lafaz yang khas itu terlebih utama daripada lafaz yang am.

Ketahui olehmu, adalah Nabi kita itu dibangkitkan dia dengan جَوَامِعُ الْكَلِم, yakni perkataan yang sedikit dan maknanya sangat banyak seperti kata Ibnu 'Atha'illah: Jikalau menta'bir oleh Ulama Billah selama-lamanya daripada *asrar* (rahsia) kalimah yang satu daripada perkataan Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam tiada dapat meliputi oleh mereka itu dengan dia pengetahuan dan tiada kuasa mereka itu faham hingga berkata setengah ulama telah menghurai oleh aku akan makna hadis: مِنْ حُسْنِ إِسْلَامِ الْمَرْءِ تَرْكُهُ مَا لَا يَعْنِيْهِ ertinya: *"Sebahagian dari keelokkan Islam seseorang itu ialah meninggalkan apa yang tidak perlu"*, tujuh puluh tahun dan tiada selesai aku daripadanya. Dan kata setengah, dan jikalau berhenti umur dunia sekaliannya selama-lamanya tiada selesai daripada huquq satu hadis ini. Maka setengah daripadanya pula dua kalimah syahadah ini, maka adalah melengkapi padanya segala 'aqa'id al-Tauhid dan segala rukun Islam yang lima dan segala rukun iman yang enam sekaliannya itu

terkandung di dalam keduanya. Maka dengan kerana inilah telah menjadikan dia oleh syara' akan rukun Islam, yakni tiada diterima Islam orang yang kafir melainkan dengan mengucap dua kalimah syahadah ini dan tiada diterima dengan kalimah yang lainnya seperti kata *musannif.*

وَلَعَلَّهَا لاخْتِصَارِهَا مَعَ اشْتِمَالِهَا عَلَى مَا ذَكَرْنَاهُ، جَعَلَهَا الشَّرْعُ تَرْجُمَةً عَلَى مَا فِي الْقَلْبِ مِنَ الإِسْلامِ وَلَمْ يُقْبَلْ مِنْ أَحَدٍ الإِيْمَانُ إِلاَّ بِهَا.

Ertinya: *Dan mudah-mudahannya, yakni kalimah Syahadah itu kerana pendeknya iaitu dua puluh empat huruf dengan tiada lafaz* أَشْهَدُ *serta melengkapinya atas barang yang kami sebutkan akan dia daripada segala 'aqa'id itu telah menjadikan akan dia oleh syara' akan juru bahasa atas barang yang di dalam hatinya daripada Islam dan tiada diterima daripada seorang akan iman melainkan dengan dia.*

Bermula *murad* dengan kalimah syahadah itu dua jumlah serta iaitu: لا إِلَهَ إِلاَّ الله مُحَمَّدٌ رَسُوْلُ الله dengan takwil yang demikian itu dengan kalimah daripada bab menamakan كُلّ dengan nama جُزْءٌ nya. Dan hanyasanya di*ifrad*kan dhamir di sini dengan takwil akan *mazkur* kerana ditilik kepada bahawasanya terjemah daripada barang yang di dalam hati iaitu *majmu'* (himpunan) dua kalimah itu kerana tiada hasil iman melainkan dengan *majmu'* keduanya dan tiada memberi manfaat padanya dengan salah suatu daripada keduanya tiada yang satu lagi itu. Maka jadi kedua dengan ini iktibar seperti kalimah yang satu.

Dan hanyasanya tiada memutus oleh *musannif* dengan hikmah itu tetapi mendatangkan ia dengan lafaz لعَلَّ yang menunjuk bagi harap-harap dan *taraddud* kerana beradab serta Tuhan dengan ketiadaan dakwa yang ghaib dan beradab serta Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam kerana tiada dapat meliputi dengan *asrar* (rahsia) segala kalimahnya itu. Maka harus bahawa adalah rahsia pada ikhtiar keadaannya terjemah bagi suatu yang lain daripada barang yang disebut itu atau barang yang disebut itu pada hal beserta dengan yang lainnya.

Ertinya, mudah-mudahan rahsia Tuhan kita pada memilih Ia akan kalimah yang mulia ini pada menerima iman dengan dia,

tiada dengan yang lainnya daripada yang menunjukkan atas tsabit Wahdaniyah bagi Allah Ta'ala seperti اللهُ وَاحِدٌ, ertinya Allah Ta'ala itu Esa dan atas tsabit pesuruh bagi Muhammad seperti مُحَمَّدٌ رَسُوْلٌ kerana bahawasanya melengkapi atas dua pekerjaan yang besar-besar keduanya, pertama sedikit hurufnya iaitu dua puluh empat huruf jadi mudah bagi orang yang hendak masuk agama Islam mengucap dengan dia.

Dan hikmah ini bilangan bahawasa malam dan siang dua puluh empat *sa'ah* (jam). Maka tiap-tiap satu huruf mengkifarah ia akan dosa satu *sa'ah*. Dan adalah hurufnya sekaliannya *Jaufiyah* dan tiada padanya huruf S*yafawiyah* kerana isyarat kepada bahawasanya sayugia mendatang dengan dia daripada *khalis* rongga dan iaitu hati tiada daripada dua bibir mulut jua. Dan tiada padanya satu huruf yang bertitik tetapi sekaliannya sunyi daripada titik kerana isyarat kepada bahawasanya sayugia bagi orang yang mengucap dengan dia bahawa sunyi ia daripada مَا سِوَى اللهِ تَعَالَى . Telah berkata al-Fakhru al-Razi: Dan hanyasanya adalah ia tujuh kalimah kerana bahawasa maksiat tiada ada ia melainkan daripada segala anggota yang tujuh, dua telinga dan dua mata dan lidah dan dua tangan dan perut dan faraj dan dua kaki dan pintu neraka Jahannam tujuh. Maka tiap-tiap satu kalimah daripadanya mengkifarah ia akan maksiat satu anggota dan menutup ia akan satu pintu daripada segala pintu Jahannam. بِفَضْلِ اللهِ وَرَحْمَتِهِ

Dan yang kedua: Melengkapi atas sekalian makna 'aqa'id al-Tauhid dan yang demikian itu setengah daripada barang yang dituntut dengan dia akan Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam daripada جَوَامِعُ الْكَلِم yang tiada terhingga segala maknanya.

Dan bermula ketiadaan memada lain daripada kalimah yang mulia pada masuk Islam itu iaitu qaul dha'if di sisi Malikiyah. Dan dibangsakan dia bagi Ibnu 'Arafah daripada Maliki dan mengi'timad akan dia oleh Ramli daripada Syafi'iyyah dan telah menjalani oleh Ibnu Hajar dan Hanafiyah. Dan yang tinggal daripada Malikiyah memada dengan tiap-tiap *shighah* yang menunjuk atas masuk pada Islam seperti آمَنْتُ atau آمَنَ بِاللهِ .

Maka kata *musannif* مِنَ الإِسْلَامِ itu bayan bagi barang yang di dalam hati. Dan *muqtadha* menjadi oleh *musannif* akan Islam

di dalam hati itu bahawasanya nama bagi تَصْدِيْقٌ maka jadi ia bersamaan bagi iman. Maka tiap-tiap daripada keduanya nama bagi تَصْدِيْقٌ, ertinya إِذْعَانٌ bagi sekalian barang yang datang dengan dia oleh Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam daripada yang diketahui daripada agama dengan mudah.

Maka makna Islam pada lughah, menyerah dan mengikut dan khudhu' dengan hati atau dengan lidah atau dengan anggota. Dan pada syara', qabul hati dan إِذْعَانٌnya bagi barang yang datang dengan dia oleh Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam dan mengikut kepadanya.

Dan bermula iman pada lughah, tashdiq dengan hati atau dengan lainnya. Dan pada syara', tashdiq hati dan إِذْعَانٌnya bagi barang yang diketahui daripada agama Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam dan إِنْقِيَادٌ kepadanya.

Bermula qaul ini yang memilih oleh *musannif* akan dia daripada bahawasa keduanya bersamaan keduanya pada syara' itu qaul dha'if. Dan qaul yang muktamad, berlainan keduanya dan jikalau berlazim-laziman antara keduanya sekalipun. Dan tiap-tiap daripada keduanya itu dua bahagi: **Pertama:** Yang melepas pada Allah dan pada manusia. **Dan yang keduanya:** Yang melepas pada manusia jua, maka hanyalah.

Maka Islam yang melepas pada Allah dan pada manusia itu iaitu mengikut suruh yang zahir yang berserta إِذْعَانٌ yang batin yang ia khabaran hati yang diibarat daripadanya dengan Iman.

Dan Islam yang melepas pada manusia jua, maka hanyalah iaitu *imtitsal* yang zahir jua, maka hanyalah seperti bahawa diperlihatkan akan orang daripadanya bahawasanya ia muslim seperti mengucap ia dengan dua kalimah Syahadah dan mendatang ia dengan segala amal yang zahir daripada sembahyang dan lainnya dan masuk ia akan masjid dan sekedudukan ia akan orang muslimin dan memakai ia dengan pakaian muslimin seperti memakai ia akan serban putih serta keadaannya tiada tashdiq pada batinnya.

Dan kepada inilah mengisyarat oleh sabda Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam: Bermula Islam itu bahawa naik saksi engkau bahawasa tiada Tuhan yang disembah dengan sebenar melainkan Allah hingga akhir hadis.

Dan bermula iman yang melepas pada Allah dan yang melepas pada manusia itu tashdiq hati erti إِذْعَانٌ nya dan qabulnya yang berserta bagi *imtitsal* yang zahir.

Dan yang melepas pada Allah jua, maka hanyalah iaitu tashdiq hati dan إِذْعَانٌ nya daripada ketiadaan menyerta *imtitsal* yang zahir seperti tiada berkata-kata dengan dua kalimah Syahadah dan tiada sembahyang dan umpamanya, tetapi dengan sekira-kira jikalau dituntut daripadanya akan yang demikian itu, nescaya tiada enggan ia.

Bermula Islam dan iman dengan makna yang pertama itu berlazim-laziman keduanya pada syara', maka tiada *tahaqquq* salah suatu daripada keduanya dengan tiada yang satu lagi itu.

Mengucap Dua Kalimah Syahadah Sebagai Syarat Pelaksanaan Hukum Islam

Ketahui olehmu, bahawasa mengucap dengan dua kalimah syahadah itu kata qil bahawasanya syarat bagi diperlakukan segala hukum dunia jua. Maka hanyalah maka iaitu syarat kamal pada iman atas tahqiq. Maka barang siapa إِذْعَانٌ (tunduk) ia dengan hatinya dan tiada berkata ia dengan dua kalimah itu dengan lidahnya, tiada kerana ingkarnya tetapi *ittifaq* baginya yang demikian itu dan adalah ia dengan sekira-kira jikalau dituntut daripadanya akan yang demikian itu, nescaya tiada tertegah ia, maka iaitu mukmin yang lepas daripada kekal di dalam neraka, tetapi tiada diperlakukan atasnya segala hukum Islam di dalam dunia seperti berkahwin dengan orang yang Islam dan sah jadi Imam dan halal makan sembelihannya dan dipusaka oleh waris muslim dan ditanam pada Maqabir al-Muslimin (perkuburan Islam) dan disembahyangkan atas jenazahnya.

Dan kata qil bahawasa mengucap dengan dua kalimah itu syarat pada sah iman. Dan kata qil, satu juzu' daripada hakikat iman kerana bahawasa iman itu qaul dan amal. Dan farq (beza) antara dua qaul ini bahawasanya atas qaul yang pertama, keluar ia daripada hakikat iman dan atas qaul yang kedua, ia juzu' daripadanya. Dan jika adalah ia tiada hasil iman itu melainkan dengan dia atas tiap-

tiap daripada keduanya sekalipun.

Bermula yang shahihnya bahawasanya tidak dapat tiada daripada kuasa tiap-tiap daripada dua qaul itu adapun serta lemah. Maka tiada ia syarat dan tiada juzu' daripada iman. Apabila engkau ketahui akan yang tersebut itu, maka *ihtimal takhrij* kalam *musannif* itu atas qaul yang pertama, maka jadilah maknanya dan tiada diterimanya akan iman daripada seorang, ertinya tiada terima dakwanya beriman melainkan dengan dia, tiada dengan yang lainnya seperti *Subhanallah* dan *Alhamdullilah* dan *Allahu Akbar*.

Maka apabila mendakwa seorang akan ia beriman, tetapi tiada berkata ia dengan dua kalimah syahadah, nescaya tiada diterima daripadanya akan yang demikian itu pada manusia kerana bahawasanya mengucap dua kalimah itu syarat bagi diperlakukan bagi segala hukum Islam di dalam dunia seperti barang yang telah lalu sebutnya. Dan ihtimal *takhrij*nya atas dua qaul yang akhir itu. Dan maknanya dan tiada diterima oleh Allah Ta'ala daripada seorang akan imannya di dalam akhirat melainkan dengan mengucap dua kalimah syahadah tiada dengan kalimah yang lain, yakni tiada diterima iman dengan berlafaz dengan yang lain daripada dua kalimah itu daripada segala lafaz yang telah lalu sebutnya kerana keadaan dua kalimah itu syarat pada sah iman atau juzu' daripadanya.

Dan atas dua qaul ini, maka tidak dapat tiada pada sah iman itu daripada nafi dan itsbat dan ditertibkan dan mendatangkan dengan lafaz أَشْهَدُ dan lain daripada yang demikian itu daripada yang tinggal daripada segala syarat yang lagi akan datang. Maka tiada memadai mengucap اللهُ وَاحِدٌ وَمُحَمَّدٌ رَسُوْلٌ umpamanya dan iaitu qaul kebanyakan ulama. Dan zahir kalam *musannif* dan atasnya telah menjalani oleh Syafi'iyyah dan pada ketika itu, maka kata *musannif* "melainkan dengan dia" erti tiada dengan yang lainnya dan tiada dengan dia pada hal tiada menghimpun ia bagi segala syarat. Dan kata qil: Tiada syarat yang demikian itu tetapi tempat peredaran itu barang yang menunjukkan atas iqrar dengan keesaan Allah Ta'ala dan bagi Muhammad dengan risalah dengan syarat ketiadaan i'tiqad yang jadi kafir seperti menyangka ia tiada umum risalah Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi wasallam, tetapi ia tertentu bagi kaum Arab jua dan ketiadaan perbuatan atau perkataan yang

mengkufurkan dan iaitu qaul yang muktamad pada Malikiyah.

Dan mungkin di*takhrij*kan kalam *musannif* itu atasnya, maka adalah makna kata *musannif* "melainkan dengan dia" itu ertinya dengan barang yang memberi faedah *madlul*nya seperti Allah itu Esa dan Muhammad Rasul. Dan jika tiada menghimpun ia bagi segala syarat sekalipun tiada diterimakan iman dengan yang lainnya daripada barang yang tiada memberi faedah ia akan yang demikian itu atau *murad*nya melainkan dengan berlafaz dengan dia dengan sekira-kira tiada memadai dengan iman hati tetapi tidak dapat tiada daripada berlafaz serta kuasaNya sama ada dengan lafaz dua kalimah syahadah itu atau lainnya.

Dan ketahui olehmu, bahawasa khilaf yang tersebut itu hanyasanya ia pada orang kafir. Adapun anak orang yang mukmin, maka mukmin ia dengan ittifaq sekalian ulama daripada ketiadaan bahawa berkata-kata ia dengan dua kalimah itu seperti mereka yang baginya uzur pada ketiadaan berkata-kata dengan keduanya.

Dan sunat bagi orang yang muslimin itu mengucap dengan keduanya dan tiada wajib ia melainkan di dalam tiap-tiap sembahyang. Bersalahan bagi qaul Malik, wajib mengucap keduanya itu pada seumur hidup sekali seperti mengucap الْحَمْدُ لله dan selawat dan salam atas penghulu kita Nabi Muhammad dan Istighfar bagi sahabat dan doa bagi dua ibu bapa dan berniat ia dengan demikian itu akan menunaikan yang wajib pada ketika mendatangkan dengan dia dan yang lebih daripada satu kali itu sunat.

Syahdan: Telah lalu bahawa qaul tidak dapat tiada pada sah Islam bagi kafir dan murtad itu daripada lafaz أَشْهَدُ seperti bahawa berkata ia: أَشْهَدُ أَنْ لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا رَسُوْلُ اللهِ dan jikalau dengan bahasa 'Ajam sekalipun. Dan jikalau tahu bahasa Arab sekalipun dengan syarat diterjemah daripada dua kalimah Syahadah itu, maka jika diganti satu lafaz dengan lafaz yang lain seperti bahawa mendatang ia dengan lafaz أَعْلَمُ ganti daripada lafaz أَشْهَدُ atau ia menggugurkan lafaz أَشْهَدُ seperti bahawa berkata ia: لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ مُحَمَّدٌ رَسُوْلُ اللهِ nescaya tiada memadai kerana bahawasa syari' beribadah ia akan kita dengan lafaz أَشْهَدُ pada menunaikan syahadah.

Bermula tempat disyaratkan lafaz أَشْهَدُ pada kalimah yang

kedua itu apabila tiada mendatangkan ia dengan "و", maka jika mendatangkan ia dengan dia seperti berkata ia: وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُوْلُ الله nescaya memadai seperti barang yang berkata akan dia oleh Ziyyadi daripada ulama Syafi'iyyah dan mengikut akan dia oleh 'Ali al-Syibramallisi. Dan ini tasyahhud yang bukan di dalam sembahyang. Adapun tasyahhud di dalam sembahyang, maka bahawasanya tidak dapat tiada padanya daripada menyebut "و" antara dua syahadah itu. Dan tiada syarat lafaz أَشْهَدُ pada kalimah yang kedua, tetapi dihimpunkan أَشْهَدُ dengan "و" itu daripada akmal jua. Dan hanyasanya tiada sunat mendatangkan dengan "و" pada bang kerana bahawasanya dituntut pada bang itu menunggalkan tiap-tiap kalimah dengan dirinya, yakni asing-asing dan yang demikian itu munasabah meninggalkan "و" *'athaf*.

Dan lagi tidak dapat tiada bahawa mengetahui ia akan makna dua kalimah itu dan jikalau dengan ijmal sekalipun dengan bahawa mengetahui ia bahawasa Allah Ta'ala itu Esa dan Nabi Muhammad itu pesuruh Allah dan jika tiada mengetahui ia akan yang demikian itu makna keduanya sekalipun. Maka jikalau mengajar ia akan orang kafir yang 'ajami akan dua kalimah syahadah dengan bahasa Arab. Maka berlafaz ia dengan keduanya dan tiada mengetahui ia akan makna keduanya, nescaya tiada dihukumkan dengan Islamnya.

Dan lagi disyaratkan bahawa ditertibkan antara dua kalimah itu, maka jika *'akas* ia pada dua kalimah syahadah itu, nescaya tiada sah Islamnya atas qaul yang muktamad.

Dan lagi disyaratkan berturut-turut antara keduanya seperti bahawa tiada panjang فَصْلٌ (perceraian) antara dua kalimah itu. Maka jika *ta'khir* kalimah yang kedua itu daripada yang pertama pada masa yang panjang, nescaya tiada sah Islamnya atas qaul yang muktamad. Dan lagi disyaratkan bulugh dan berakal orang yang mengucap itu. Maka tiada sah Islam kanak-kanak dan orang gila melainkan kerana mengikut asalnya, tetapi apabila bersifat kanak-kanak yang kafir itu dengan Islam seperti mengucap ia dua kalimah, sunat ditinggalkan dia daripada ahlinya yang kuffar supaya tiada memberi fitnah oleh mereka itu akan dia. Maka hendaklah berlemah-lembut ia dengan mereka itu, yakni dipujuknya akan mereka itu hingga diambil akan dia daripada mereka itu. Maka

jika menegah oleh mereka itu, ditinggal akan dia di sisi mereka itu. Khilaf bagi Abi Hanafiah pada katanya dengan sah Islamnya.

Dan lagi disyaratkan bahawa tiada zahir daripadanya barang yang menafikan إِنْقِيَادٌ, maka tiada sah Islam orang yang sujud bagi berhala pada ketika sujudnya.

Dan lagi disyaratkan dengan ikhtiarnya, maka tiada sah Islam orang yang digagahi (dipaksa) melainkan apabila ada ia Harbi atau murtad kerana bahawa إِكْرَاهٌ (paksa) akan keduanya itu dengan sebenar. Dan lagi disyaratkan iqrar ia dengan barang yang ingkar ia akan dia. Dan lagi disyaratkan rujuk ia daripada barang yang mengharus ia akan dia itu serta mengucap dengan dua kalimah itu jika adalah kufurnya dengan ingkar akan fardhu umpamanya atau mengharuskan yang diharamkan, maka hendaklah ia rujuk daripada ingkar-nya serta mengucap dua kalimah itu.

Dan jika adalah kafir itu *'Isawiyyan,* maka tidak dapat tiada bahawa berkata ia: وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُوْلُ الله disuruh akan dia kepada sekalian makhluk dan barang yang menjalani atasnya oleh empunya Syarah Hudhudi daripada bahawasa-nya tiada memadai yang lain daripada kalimah yang *musyarrafah* ini pada masuk di dalam Islam itu qaul dha'if pada Malikiyah seperti barang yang telah lalu menjagakan atasnya dan dibangsakan qaul itu bagi Ibnu 'Arafah dan mengi'timadkan dia oleh Ramli daripada Syafi'iyyah dan menjalani oleh Ibnu Hajar dan Abi Hanafiyah dan yang tinggal lagi daripada Malikiyah kepada memadai dengan tiap-tiap shighah yang menunjukkan ia atas masuk di dalam agama Islam seperti: آمَنْتُ بالله jika tiada dikehendaki dengan dia janji atau: أَسْلَمْتُ لله atau Allah Ta'ala menjadikan akan daku atau Allah Tuhanku kerana *ihtiyath* (berhati-hati) bagi عِصْمَةٌ (perlindungan) yang ingin baginya oleh syara'.

Faedah:

Bermula iman itu ada kalanya bertambah ia dengan sebab bertambah taat manusia dengan mengerjakan segala titah Allah Ta'ala dan menjauhkan segala larangannya. Dan adakalanya kurang ia dengan sebab kurang taatnya kerana mengerja ia akan maksiat

ini iman yang lain daripada iman Anbiya' dan lain daripada iman malaikat 'alaihimush shalatu wassalam.

Dan adapun iman Anbiya', maka sentiasa bertambah ia selama-lamanya, tiada harus iman mereka itu kurang. Dan adapun iman malaikat, maka tiada lebih dan tiada kurang selama-lamanya seperti barang yang menyebut akan dia oleh *musannif* di dalam Syarah Jauharah yang besar, pada hal menaqal ia daripada Ibnu al-Qaiyim. Dan telah menyebut oleh al-Syeikh Abdu al-Barr al-Ajhuri bahawasa iman malaikat itu bertambah ia dan tiada kurang ia seperti iman Anbiya'.

Bertambah Dan Berkurangnya Iman

Maka hasil bahawasa iman itu dengan sekira-kira tempat berdiri terbahagi atas tiga bahagi:

Bahagi yang pertama: Selama-lamanya lebih ia, tiada kurang iaitu iman sekalian Anbiya' 'alaihimush shalatu wassalam.

Dan bahagi yang kedua: Tiada lebih dan tiada kurang iaitu iman sekalian malaikat 'alaihimush shalatu wassalam.

Dan bahagi yang ketiga: Adakalanya lebih pada suatu waktu dengan sebab lebih taatnya. Dan adakalanya kurang ia pada waktu yang lainnya dengan sebab kurang taatnya seperti mengerja ia akan maksiat.

Ketahui olehmu, bahawa iman itu terbahagi ia atas lima bahagi:

Pertama: Iman daripada taqlid dan iaitu iman yang jadi daripada mengambil dengan kata orang lain seperti mengambil ia daripada gurunya daripada ketiadaan dalil.

Dan kedua: Iman daripada ilmu yang yakin dan iaitu iman yang jadi daripada ma'rifah pada segala 'aqa'id dengan segala dalilnya.

Dan ketiga: Iman daripada *'ayan* dan iaitu iman yang jadi daripada muraqabah hati bagi Allah dengan sekira-kira tiada ghaib daripada hatinya dengan sekejap mata jua pun.

Dan keempat: Iman daripada hak dan iaitu iman yang jadi

daripada musyahadahkan Allah dengan hati.

Dan kelima: Iman daripada hakikat dan iaitu iman yang jadi daripada keadaannya tiada pandang ia melainkan Allah Subhanahu wa Ta'ala, maka adalah iman taqlid itu bagi orang yang awam.

Dan iman daripada ilmu itu bagi orang yang mempunyai dalil dan burhan. Dan iman daripada *'ayan* itu bagi ahli al-Muraqabah dan dinamakan Maqam Muraqabah. Dan iman daripada hak itu bagi orang yang 'arif dan dinamakan Maqam Musyahadah. Dan iman daripada hakikat itu bagi orang yang *waqifin*, dinamakan Maqam Fana' kerana bahawasanya fana' mereka itu daripada yang lain daripada Allah Ta'ala dan tiada memandang oleh mereka itu melainkan akan Allah Ta'ala.

Tanbih: Bermula orang yang mukmin apabila tidur ia atau lalai ia atau gila ia atau pitam ia atau mati ia, nescaya bersifat ia dengan iman جَزْمًا, yakni muafakat sekalian ulama, maka dilakukan atasnya hukum iman pada segala ahwal ini seperti barang yang memberi faedah akan dia oleh 'Allamah al-Syinwani.

Dan telah lalu sebutnya bahawa hasil qaul ulama bagi iman itu tiga qaul, dua qaul bagi ahli al-Sunnah dan qaul yang ketiga bagi Mu'tazilah.

Maka **qaul yang pertama** itu *mufrad*, yakni tunggal tiada bersusun iaitu tashdiq jua dan iaitu tashdiq hati akan Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam pada tiap-tiap barang yang datang ia dengan dia. Dan diketahui daripada agama dengan dharurah, ertinya diketahui daripada segala dalil agama yang menyerupai dharurah. Dan adapun iqrar dengan dua kalimah itu, maka bukan hakikat iman hanya syarat yang keluar daripada مَاهِيَة. Bermula qaul ini bagi ulama yang muhaqqiqin daripada Asya'irah dan Maturidiyah dan bagi yang lain daripada mereka itu. Dan sungguhnya telah faham oleh Jumhur bahawa *murad* mereka itu bahawasanya syarat bagi hendak diperlakukan segala hukum mukmin atas mereka itu daripada berwaris-waris dan daripada nikah-nikah dan sah sembahyang di belakang mereka itu, yakni jadi Imam sembahyang dan disembahyangkan atas mayatnya dan ditanam pada tempat kuburan orang Islam dan dituntut akan dia suruh sembahyang lima waktu dan zakat dan puasa dan lain daripada yang demikian itu

kerana tashdiq hati itu dan jika ada ia iman sekalipun adalah ia batin lagi tersembunyi. Maka tidak dapat tiada baginya alamat yang zahir yang menunjukkan atasnya supaya bergantung dengan dia oleh segala hukum itu. Maka barang siapa baginya tashdiq dengan hatinya dan tiada iqrar dengan lidahnya tetapi bukan kerana uzur yang menegah ia akan dia dan bukan kerana enggan ia, tetapi *ittifaq* baginya oleh yang demikian itu, maka iaitu mukmin pada Allah tiada mukmin pada segala hukum dunia. Inilah hukum orang yang tiada uzur seperti tiada ia bisu. Adapun orang yang ma'zur apabila berdiri qarinah atas Islamnya dengan tiada berkata-kata dengan dua kalimah seperti isyarat ia, maka iaitu mukmin pada keduanya, yakni pada Allah dan pada segala hukum dunia.

Dan adapun orang yang enggan seperti dituntut daripadanya akan berkata dengan dua kalimah, maka enggan ia, maka iaitu kafir pada keduanya dan jikalau إِذْعَانٌ di dalam hatinya sekalipun, maka tiada memberi manfaat akan dia oleh demikian itu dan jikalau di dalam akhirat sekalipun.

Dan barang siapa iqrar dengan lidahnya dan tiada membenarkan ia dengan hatinya seperti orang munafik, maka iaitu mukmin ia pada segala hukum dunia, tiada mukmin pada Allah Ta'ala. Bermula tempat keadaannya mukmin pada segala hukum dunia itu selama tiada zahir atasnya kufur dengan alamat seperti sujud bagi berhala. Dan jika zahir atasnya kufurnya, nescaya diperlakukan atasnya segala hukum kufur.

Dan telah faham oleh lain daripada jumhur iaitu yang terlebih kurang bahawasa *murad* mereka itu bahawasanya syarat pada sah iman. Dan ini qaul seperti qaul dengan juzu' pada hukum. Dan sungguhnya khilaf antara keduanya pada ibarat jua.

Dan qaul yang pertama, ia yang rajih dan segala *nushush* (nash) dengan sekira-kira *mutabadir* daripadanya menguatkan bagi qaul dengan syarat tiada juzu'.

Dan qaul yang kedua: Iman itu bersusun daripada dua perkara: pertama, tashdiq hati dan kedua, iqrar dengan dua kalimah syahadah. Maka atas qaul ini iqrar dengan dua kalimah itu bukan syarat tetapi juzu' daripada iman. Maka telah menjalani akan qaul ini oleh ulama muhaqqiqun seperti imam Abi Hanifah dan beberapa

jemaah daripada Asya'irah. Dan bahawasa yang dipilih di sisi ahli al-Sunnah bahawasa amal soleh itu bukan juzu' iman tetapi adalah ia syarat bagi *kamal* (kesempurnaan) iman.

Maka barang siapa mendatangkan ia dengan amal, maka sungguhnya hasil *kamal* imannya. Dan barang siapa meninggal ia akan dia, maka ia mukmin tetapinya meluput ia atas dirinya akan *kamal* apabila tiada ada serta demikian itu menghalalkan atau ingkar ia akan syari' atau syak pada dituntutnya.

Dan jika ada serta demikian itu, nescaya kufur ia pada barang yang diketahui daripada agama dengan dharurat.

Dan qaul yang ketiga: Iaitu qaul Mu'tazilah adalah iman itu bersusun daripada tiga perkara: **Pertama:** Tashdiq hati. **Kedua:** Iqrar dengan lidah. **Dan ketiga:** Amal soleh.

Maka atas qaul ini adalah amal itu juzu' iman kerana bahawasanya berkata mereka itu, iman itu tiga iaitu amal dan berkata dengan lidah dan i'tiqad dengan hati. Maka barang siapa meninggalkan ia akan amal, maka tiada ia mukmin kerana ketiadaan satu juzu' daripada iman dan iaitu amal dan tiada ia kafir kerana wujud tashdiq. Maka ia pada sisi mereka itu ditempati antara dua tempat ertinya mukmin dan kafir dan kekal ia di dalam neraka dan diazab akan dia terkurang daripada azab kafir. Bermula kaum Khawarij, mengkufurkan oleh mereka itu akan orang yang mengerjakan dosa besar.

Maka qaul yang pertama daripada tiga qaul itu *mukhtar* (menjadi pilihan) kerana iman itu ibarat daripada amal hati jua iaitu tashdiq seperti yang telah lalu sebutnya. Dan qaul yang kedua itu dha'if. Dan tiada dalil atas naqalnya bagi yang ketiga seperti barang yang menyangka akan dia oleh Mu'tazilah. Dan sungguhnya telah menunjuk oleh nushush atas tsabit iman dahulu daripada أَوَامِرٌ dan نَوَاهِي seperti firmanNya Ta'ala:

يَـٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ كُتِبَ عَلَيْكُمُ ٱلصِّيَامُ...... ﴿١٨٣﴾

Ertinya: *Hai orang-orang yang beriman, diwajibkan atas kamu berpuasa.....* **(Surah al-Baqarah: Ayat 183)**

Maka bahawasanya memberi faedah tsabit iman dahulu

daripada sudah puasa.

Faedah:

Bermula qaul yang sebenar bahawasa iman itu makhluk kerana bahawasanya ada kalanya tashdiq dengan hati seperti barang yang dijalankan oleh qaul yang pertama atau tashdiq serta iqrar dengan lidah seperti barang yang dijalankan oleh qaul yang kedua, maka tiap-tiap daripada keduanya itu makhluk. Dan barang yang dikata orang daripada bahawasanya Qadim dengan iktibar hidayah, maka iaitu keluar daripada hakikat iman hanya atas bahawasa hidayah itu pun baharu jua, kerana ia ibarat daripada ta'alluq Qudrat akan sebagai Ta'alluq Tanjizi Hadis, bahkan jikalau kita kata kehendak Allah yang azali bagi hidayah, maka jadilah hidayah itu Qadim tetapi bukan hakikat iman.

Pengertian Islam

Ketahui olehmu, bermula makna Islam pada lughah itu maka iaitu *mutlaq imtitsal* dan إِنْقِيَادٌ. Dan pada syara' mengikut dan إِنْقِيَادٌ bagi barang yang datang dengan dia oleh Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam daripada barang yang diketahui daripada pekerjaan agama dengan dharurah.

Dan atas ini, maka adalah Iman dan Islam itu berlainan-lainan keduanya pada mafhum, ertinya pada maknanya dan jika berlazim-laziman keduanya pada syara' sekalipun dengan iktibar tempatnya kemudian daripada *ittihad jihah* yang diiktibarkan dia itu, maka tiada didapat akan mukmin yang tiada muslim dan tiada dapat muslim yang tiada mukmin. Dan tiada datang *i'tiradh* akan orang yang tashdiq ia dan menyambar akan dia oleh maut umpamanya, kerana bahawasanya pada Allah mukmin dan muslim ia dan pada kita tiada muslim dan tiada mukmin ia.

Bermula kalam kita pada iman yang melepas dan Islam yang melepas. Dan jika tiada, maka tiada berlazim-laziman tetapi antara keduanya umum dan khusus yang وَجْهِيٌّ berhimpun keduanya pada orang yang membenarkan dengan hatinya dan mengikut ia dengan



zahirnya. Dan tertunggal iman itu pada orang yang membenarkan ia dengan hatinya jua, maka hanyalah. Dan tertunggal Islam pada orang yang mengikut pada zahir jua, maka hanyalah.

Dan ketahuilah olehmu, bahawasa peredaran pada Islam itu atas إِذْعَانٌ yang zahir bagi demikian segala hukum itu dan jikalau tiada dikerjakannya sekalipun. Dan ini zahir pada lain daripada mengucap dua kalimah syahadah. Adapun mengucap dua kalimah syahadah itu, maka tidak dapat tiada daripada hasilnya dengan *fi'il* bagi orang yang tiada lemah, kemudian ia memberi faedah إِذْعَانٌ baginya dan bagi yang lainnya dengan dharurah. Bahawasa yang demikian itu tiada keluar ia daripada إِذْعَانٌ dengan risalah penghulu kita Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi wasallam. Maka dengan hasil bermula dua kalimah syahadah itu memadai ia baginya dan bagi yang lainnya, maka ia seperti seekor kambing daripada empat puluh kambing yang dikeluarkan zakatnya menyucikan ia bagi dirinya dan bagi yang lainnya.

Kata *Musannif*:

فَعَلَى الْعَاقِلِ أَنْ يُكْثِرَ مِنْ ذِكْرِهَا مُسْتَحْضِرًا لِمَا احْتَوَتْ عَلَيْهِ مِنْ عَقَائِدِ الإِيْمَانِ حَتَّى تَمْتَزِجَ مَعْنَاهَا بِلَحْمِهِ وَدَمِهِ، فَإِنَّهُ يَرَى لَهَا مِنَ الأَسْرَارِ وَالْعَجَائِبِ إِنْ شَاءَ اللهُ تَعَالَى مَا لاَ يَدْخُلُ تَحْتَ حَصْرٍ وَبِاللهِ التَّوْفِيْقُ لاَ رَبَّ غَيْرُهُ.

Ertinya: *Maka sayugianya atas orang yang berakal itu bahawa membanyak ia pada menyebutkan dia, pada hal menghadir ia dengan hatinya bagi barang yang meliputi ia atasnya daripada 'aqa'id al-Iman hingga bercampur ia serta maknanya dengan dagingnya dan darahnya. Maka bahawasanya melihat ia baginya daripada beberapa ajaib, Insya' Allah Ta'ala akan barang yang tiada masuk di bawah kira-kira. Dan dengan Allah beroleh taufik yang tiada Tuhan yang lainnya.*

Memperbanyakkan Menyebut Kalimah لَا إِلَٰهَ إِلَّا اللهُ

Ertinya, apabila kita ketahui bahawasa kadar kalimah yang mulia ini daripada yang terlebih besar segala pekerjaan yang besar-besar, sayugianya atas orang yang mempunyai akal yang berkehendak ia akan kemenangan dengan barang yang tiada dapat dihinggakan daripada pahalanya bahawa membanyakkan menyebutkan kalimah yang mulia ini pada tiap-tiap waktu dan tiap-tiap hal. Dan sekurang-kurang banyak pada fuqaha' itu tiga ratus di dalam sehari semalam. Dan pada ahli al-Sufi sekurang banyak itu dua belas ribu di dalam sehari semalam.

Dan bermula *murad* membanyak di sini, menghabiskan segala waktu dan segala ahwal. Bermula yang terlebih afdhal itu meninggalkan *mad* pada hak orang yang kafir supaya berpindah ia daripada kufur kepada iman dengan bersegera. Bersalahan pada hak orang mukmin, maka yang afdhal baginya di*mad*kan dia supaya menghadir ia di dalam zihinnya segala yang ma'bud yang batil dan menafi ia akan dia melainkan bahawa menyuruh akan dia oleh Syeikhnya dengan thariqat, maka hendaklah mengikut ia akan dia.

Dan sungguhnya telah datang *warid* bahawa orang yang berkata: لَا إِلَٰهَ إِلَّا اللهُ dan *mad* ia akan dia, nescaya digugurkan baginya empat ribu dosa yang besar-besar. Maka sembah mereka itu: Ya Rasulullah! Maka jika tiada ada baginya suatu daripada dosa yang besar, apalah balasnya? Maka sabdanya: Diampun bagi ahlinya dan bagi jirannya. **(Riwayat Bukhari daripada Anas)**.

Dan menyata oleh Masyayeikhuna(guru-guru kami) akan *mad* yang tersebut itu dengan *mad* yang munfashil pada لَا إِلَٰهَ itu dengan kadar tujuh alif. Bermula yang demikian itu empat belas harakat dengan anak jari kerana bahawasa tiap-tiap satu alif itu dua harakat dan dengan di*mad*kan اللهُ dengan kadar tiga alif. Dan telah berkata setengah mereka itu, bermula *murad* daripada *mad* itu Mad Thabi'i dan iaitu bersalahan bagi manqul daripada Masyayeikh al-Thariq al-'Arifin.

Dan sekurang-kurang *mad* itu jangan dikurangkan daripada Mad Thabi'i pada لَا dan إِلَٰهَ dan pada اللهُ, yakni pada tiga tempat *lam*

itu iaitu dua-dua harakat ertinya satu alif.

Dan sayugia kita membanyakkan menyebutkan dia kerana ia sangat ringan pada lidah dan sangat berat pada timbangan seperti yang diceritakan pada hadis sabda Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam:

يُصَاحُ بِرَجُلٍ مِنْ أُمَّتِي عَلَى رُؤُوْسِ الْخَلاَئِقِ فَيُخْرَجُ لَهُ بِطَاقَةٌ كَالأَنْمُلَةِ فِيْهَا: أَشْهَدُ أَنْ لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُوْلُهُ. فَيَقُوْلُ: يَا رَبِّ مَا هَذِهِ الْبِطَاقَةُ مَعَ هَذِهِ السِّجِلاَّتِ؟ فَيَقُوْلُ: إِنَّكَ لاَ تُظْلَمُ، فَتُوْضَعُ السِّجِلاَّتُ فِي كِفَّةٍ وَالْبِطَاقَةُ فِي كِفَّةٍ أُخْرَى، فَتَطِيْشُ السِّجِلاَّتُ.

Ertinya: *Dijeritkan dengan seorang lelaki daripada umatku atas perhimpunan segala makhluk, maka dikeluarkan baginya suatu surat yang kecil seperti kadar seruas anak jari ada tersurat di dalamnya* أَشْهَدُ أَنْ لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا رَسُوْلُ اللهِ *. Maka sembah ia, yakni yang empunya surat itu: Hai Tuhanku, apa surat yang kecil ini hendak ditimbangkan dengan beberapa banyak sijillat yang satu-satunya itu seperti bukit. Maka firmanNya: Bahawasanya engkau tiada dizalim akan dikau, maka dihantarkan segala sijillat yang banyak pada satu daun dan surat yang kecil itu pada satu daun yang lain. Maka diberatkan oleh daun surat yang kecil itu akan daun yang ada padanya beberapa sijillat yang besar-besar itu dan tiada memberatkan serta nama Allah oleh suatu yang lainnya sekali-kali.*

Maka sayugia atas orang yang mempunyai akal yang berkehendak ia akan kemenangan dengan barang yang tiada dapat dikira-kira nikmat daripada balasannya, hendaklah ia membanyakkan daripada menyebut akan dia pada tiap-tiap waktu dan pada tiap-tiap kelakuan, pada hal berdiri dan pada hal duduk dan tidur dan berjalan pada ketika sihat dan sakit dan pada ketika suka dan pada waktu duka.

Dan makna menghadirkan bagi barang yang mengandung ia atasnya itu ertinya memandang akan yang demikian itu dengan mata hatinya dan jikalau dengan ijmal sekalipun seperti bahawa menghadirkan ia pada hatinya tatkala menyebut lafaznya akan maknanya tiada yang disembah dengan sebenarnya melainkan Allah atau tiada yang kaya daripada tiap-tiap barang yang lainnya dan tiada yang berkehendak kepadanya oleh tiap-tiap barang yang lainnya melainkan Allah.

Dan inilah satu adab daripada beberapa adab zikir yang ditetap pada tempatnya. Maka *istihdhar* (menghadirkan) akan maknanya itu tiada jadi syarat pada حُصُوْلٌ (hasil) pahalanya kerana bahawasa zikir yang *qauli* itu dihantarkan bagi ibadat, bahkan disyaratkan bahawa tiada diqasadkan dengan dia akan yang lainnya dan jika tiada, maka tiada pahalanya baginya seperti berkata ia سُبْحَانَ اللهِ dengan qasad ta'jub.

Telah berkata Ibnu Atha'illah: Jangan engkau tinggalkan zikir kerana ketiadaan *hudhur* (hadir) hati engkau serta Allah di dalamnya. Maka jika lalai engkau serta wujud zikir, maka mudah-mudahan bahawa diangkatkan akan dikau daripada zikir serta wujud lalai kepada zikir serta wujud *hudhur*. Dan tetapi dan daripada zikir serta wujud *hudhur* kepada zikir serta wujud ghaib daripada barang yang lain daripada yang tersebut dan tiada yang demikian itu atas Allah Ta'ala payah.

Dan katanya, hingga bercampur ia dengan dagingnya dan darahnya itu *ghayah* (matlamat) pada banyak yang telah lalu sebutnya dan iaitu kinayah daripada bersangatan تَمَكُّنٌ nya dengan sekira-kira apabila ia tinggalkan dia, nescaya berlaku atas lidahnya dan hatinya dengan tiada ikhtiarnya. Dan *ihtimal* bahawa *murad* dengan demikian itu bercampur dan mesra yang bathini kerana bahawasanya apabila membanyakkan ia akan zikir, nescaya bercampur ia dengan dagingnya dan darahnya. Dan mesra ia pada demikian daging dan darah itu dari kerana membanyakkan daripada melakukan suatu atas lidahnya melazimkan *hudhur*nya di dalam hati yang ia kepala segala anggota. Dan menunjukkan bagi demikian itu barang yang menghikayat akan dia daripada setengah mereka itu

daripada tahlil darahnya pada ketika dipotong akan kepalanya dan daripada setengah mereka itu daripada tahlil lidahnya pada ketika tidurnya. Dan sungguhnya adalah setengah mereka itu berkata ia الله الله selama-lamanya. Maka gementar ia, maka terkena kepalanya ke batu, maka luka ia dan mengalir darahnya atas bumi, maka tersurat الله الله. Maka iaitulah zikir yang bercampur dan mesra dengan darah dan daging seperti mesra air di dalam kayu hidup, tiada bercampur bersentuh seperti bercampur jisim dengan yang lainnya. Maka tertolak barang yang dikata orang bercampur itu setengah daripada ketentuan bagi jisim seperti bercampur air dengan manisan madu.

Dan katanya: فَإِنَّهُ يَرَى لَهَا hingga akhirnya 'illat bagi katanya: فَعَلَى الْعَاقِلِ أَنْ يُكْثِرَ ...

Dan makna أَسْرَارٌ itu segala *ma'arif* dan segala sifat yang kepujian yang menerangkan oleh Allah Ta'ala dengan dia akan batinnya. Maka setengah daripadanya bersifat dengan zuhud, kata Imam Ghazzali di dalam Ihya' 'Ulumiddin.

Pembahagian Zuhud

Bermula zuhud itu terbahagi atas dua bahagi:

Yang pertama: Zuhud fardhu, iaitu meninggalkan segala yang haram.

Dan yang kedua: Zuhud yang sunat, iaitu meninggalkan sekalian yang halal yang lebih daripada kadar hajat yang tunai.

Dan erti zuhud itu sunyi batinnya daripada cenderung kepada yang fana dan sunyi hati daripada berpegang dengan yang hilang. Dan jika adalah tangannya dipenuhkan dengan harta yang halal, maka memandang ia bahawasa yang demikian itu atas jalan pinjaman semata-mata dan bahawasa membelanjakan harta itu dengan izin syara' seperti *tasarruf wakalah* yang *khashah* hal keadaannya menanti-nanti ia kepada dijatuhkan akan dia daripada memerintahkan harta itu dengan mati dan kehilangan harta dan lainnya serta tiap-tiap nafsu. Dan demikian itu menafi ia daripada nafsu akan bergantung dengan barang yang tidak dapat tiada daripada hilangnya.

Dan setengah daripadanya tawakkal dan iaitu menyerahkan dirinya serta percaya hatinya dengan wakil yang sebenar dan iaitu Allah Ta'ala dengan sekira-kira diam daripada keluh-kesah tatkala teruzur asbab kerana berpegang ia dengan مُسَبِّبُ الأَسْبَابِ iaitu orang yang menjadikan segala sebab iaitu Allah Ta'ala. Dan tiada memberi cedera pada tawakkalnya itu mencari dan bersepakai (bersifat) zahirnya dengan asbab seperti berkerja dan berniaga dan mendatangkan ubat bagi sihat apabila adalah hatinya tiada berpegang ia kepada asbab itu serta adalah padanya bersamaan pada wujudnya dan *'adam*nya.

Dan bersalahan ulama pada afdhal berusaha dan afdhal tawakkal. Kata setengah, tawakkal afhdal kerana ada pada tawakkal itu memecahkan hawa nafsu dan ada padanya meninggalkan akan barang yang berbimbang daripada Allah Ta'ala. Dan kata setengah, berusaha itu afhdal kerana ada padanya itu memutuskan tamak daripada barang yang di dalam tangan manusia dan menegahkan daripada menghinakan diri kepada mereka itu serta qasad ia hendak meluaskan atas hamba Allah picit (sempit).

Bermula qaul yang rajihnya tafshil bahawasa keduanya itu bersalah-salahan dengan sebab bersalahan ahwal manusia. Maka barang siapa sabar ia kepicitkan (kesempitan) kehidupannya dengan sekira-kira tiada marah ia dan tiada menilik ia bagi meminta akan seorang jua pun serta tiada bergantung nafkah yang wajib atasnya bagi mereka yang tiada sabar atas kepicitkan rezeki, maka tawakkal pada haknya afdhal kerana barang yang tsabit pada tawakkalnya itu daripada mujahadahkan nafsunya atas meninggalkan syahwatnya dan lazatnya dan sabar ia atas kepayahannya. Dan barang siapa tiada ada ia seperti demikian itu, maka berusaha pada haknya itu afdhal kerana takut daripada marah dan ketiadaan sabar tetapi terkadang wajib berusaha pada haknya.

Dan ini sekaliannya sungguhnya menjalankan atas qaul yang berkata bahawa tawakkal itu menafikan berusaha seperti barang yang ia thariqat Abi Ja'far al-Thabari dan orang yang muafakat akan dia. Bersalahan atas thariqat Jumhur, dan iaitu bahawasa tawakkal itu tiada menafikan ia akan usaha. Maka terkadang adalah ia orang mutawakkal dan pada hal ia berusaha kerana bahawasa hakikat tawakkal atas ini thariqat percaya dengan Allah dan

berpegang atasNya. Dan i'tiqadkan bahawasa sekalian pekerjaan itu daripada Allah dan kepada Allah dan jikalau serta *mubasyarah* (secara langsung) akan asbab sekalipun seperti barang yang adalah ia perbuat akan dia oleh Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam.

Faedah

Telah berkata Imam Ghazzali: Bermula membawa bekal di dalam safar dengan niat menolong akan muslim itu afdhal dan meninggalkan akan dia afdhal bagi orang yang tunggal seorang diri yang kuat hatinya dan yang membimbang akan dia oleh bekal itu daripada ibadat akan Allah. Dan adalah Nabi Musthafa Shallallahu 'alaihi wasallam dan sahabatnya dan segala Salaf yang soleh-soleh, menanggung oleh mereka itu akan bekal dengan niat kebajikan tiada kerana cenderung hati mereka itu kepada bekal daripada Allah Ta'ala. Bermula yang dii'tibarkan itu qasadnya, maka beberapa banyak orang yang menanggung bekal dan hatinya مَعَ الله dan beberapa banyak orang yang meninggalkan bekal dan hatinya serta bekal.

Bermula masuk ke dalam hutan dengan tiada bekal kerana ia tawakkal itu bid'ah tiada naqal daripada seorang Salaf kerana bahawasanya membahaya-kan dengan roh dan pada hal sungguhnya telah berfirman Allah Ta'ala:

..... وَلَا تُلْقُوا۟ بِأَيْدِيكُمْ إِلَى ٱلتَّهْلُكَةِ ..... ﴿١٩٥﴾

Ertinya: *Dan jangan kamu campakkan dengan segala tangan kamu kepada kebinasaan.* **(Surah al-Baqarah: Ayat 195)**

Dan setengah daripadanya malu dan iaitu perangai yang membangkitkan atas meninggal yang keji-keji dan perbuat yang elok-elok. Dan demikian itu dengan membesarkan Allah 'Azza wa Jalla dengan berkekalan menyebutkan Dia dan menjunjung titahNya dan meninggalkan yang ditegahNya dengan menahani dirinya daripada mengadu kepada makhluk.

Dan setengah daripadanya غنى, yakni kaya hati daripada yang lain daripada Allah dan tiada cenderung kepada asbab, maka tiada

ia ta'liqkan pada suatu pekerjaan dengan jikalau atau mudah-mudahan kerana diketahuinya bahawasanya sekalian perkara itu datang daripada Allah Ta'ala pada hal tunggal ia pada menjadikan suatu.

Dan setengah daripadanya, فَقْرٌ dan iaitu *iftiqar* (berkehendak) kepada Allah selama-lama tiada berkehendak kepada dunia daripada perhiasannya dan kemuliaannya dan kebesarannya kerana memelihara ia daripada cedera suluknya. Dan bersungguh-sungguh ia memutuskan dunia dengan bahawasa hajatnya itu bukannya pada suatu daripada dunia tetapi adalah qasadnya itu wushul kepada Allah semata-mata. Dan diam lidahnya daripada memuji dan mencela kerana dipandangnya sekalian itu daripada Allah melainkan syara' menyuruh mencela, maka tatkala itu diperbuatnya kerana syara'.

Kata setengah Hukama': Bermula dunia itu di belakang, yakni lagi akan ditinggalkan dia dan akhirat itu di hadapan, yakni lagi akan bertemu dengan dia daripada segala ahwalnya. Maka 'ajaib bagi orang yang berhadap ia kepada belakang, yakni orang yang mengambil dunia dan membelakangkan yang di hadapan yakni meninggalkan ia akan amal dan ibadat yang membaikkan kepada akhirat.

Dan setengah daripadanya, tawadhu'kan dirinya dengan barang yang tiada mencela akan dia oleh syara'.

Dan setengah daripadanya فُتُوَّة dan iaitu menjauhkan diri daripada menuntut daripada makhluk dengan sebab ia berbuat baik kepada mereka itu kerana ia ketahui dengan bahawasanya kebajikan dan kejahatan itu makhluk bagi Allah Ta'ala seperti firmanNya:

وَٱللَّهُ خَلَقَكُمْ وَمَا تَعْمَلُونَ ﴿٩٦﴾

Dan bermula Allah Ta'ala menjadi ia akan kamu dan menjadi ia akan barang yang kamu perbuat daripada baik dan jahat. **(Surah al-Shaffat: Ayat 96)**

Maka tiada melihat ia bagi dirinya kebajikan hingga menuntut ia akan balas. Dan tiada melihat ia bagi mereka itu kejahatan hingga mencela ia akan mereka itu atasnya melainkan bahawa adalah syara'

menyuruh dengan mencela akan mereka itu. Maka pada ketika itu dikerjakannyalah akan barang yang disuruh oleh syara'.

Dan setengah daripadanya syukur dan iaitu menunggalkan hatinya dengan memuji akan Allah Ta'ala dan melihat akan segala nikmat di dalam lipatan bala' dan beberapa banyak lagi rahsia barang yang ditaruhkan pada hati orang yang suci daripada karat dengan sebab diumpan hatinya itu dengan zikrullah.

Dan makna 'ajaib itu karamat yang memuliakan oleh Allah akan hambaNya dengan dia seperti dihantarkan berkat pada hartanya hingga banyak yang sedikit dan memadai bagi orang yang banyak dan memudahkan dirham atau dinar atau tiap-tiap daripada keduanya atau lain daripada yang demikian itu daripada barang yang menyeru hajat kepadanya tetapi tiada sayugia bagi seorang bahawa mengqasad ia akan yang demikian itu dengan berbuat suatu daripada taat. Dan jikalau qasad ia akan suatu daripada yang demikian itu, nescaya masuk atasnya syirik khafi dan ditipu daya dengan dia. وَالْعِيَاذُ بِاللهِ

Maka wajib atas murid itu bahawa menyucikan ia akan batinnya daripada yang demikian itu pada ketika berzikir itu. Maka jangan ia qasadkan dengan zikirnya itu melainkan dengan keredaan Tuhan dan membukakan hijab daripada hatinya. Maka yang dituntut atas hamba itu hanyasanya mendirikan dengan ibadat dan menyerah ia akan segala perkara bagi Allah Ta'ala pada hal tawakkal ia atas bahagiannya pada segala rezeki rohnya seperti barang yang menyerah ia atas Allah Ta'ala pada sekalian rezeki jasadnya.

Dan katanya: مَا لاَ يَدْخُلُ تَحْتَ حَصْرٍ , ertinya: Barang yang tiada masuk ia di bawah bilangan-bilangan yang di حَصْرٌ akan dia. Dan ini kinayah daripada mubalaghah pada banyak.

Dan makna taufiq itu menjadikan oleh Allah Ta'ala pada hamba akan kuasa pada berbuat ibadat dan taat kepada Allah Ta'ala.

Dan katanya:

نَسْأَلُهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى أَنْ يَجْعَلَنَا وَأَحِبَّتَنَا عِنْدَ الْمَوْتِ نَاطِقِيْنَ بِكَلِمَتِي

الشَّهَادَة عَالِمِيْنَ بِهَا.

Kami pohonkan akan Allah Ta'ala bahawa menjadikan Ia akan kami dan kekasih kami pada ketika hendak mati, menyebut oleh kami dengan dua kalimah syahadah itu lagi mengetahui kami dengan dia.

Ertinya, memohonkan oleh *musannif* daripada Allah minta memberi taufiq menyebutkan kalimah yang mulia ini tatkala hampir mati kerana ghalib pada ketika itu lupa dan lalai ia sebab kesakitan dan ketika mabuk lagi pada ketika itu hadir syaitan hendak menyesatkan orang yang mukmin dengan didatangkan bagai-bagai rupa ibu bapanya dan kekasihnya yang sudah mati dahulu-dahulu itu. Maka berkata tiap-tiap daripada mereka itu: Telah kami dapat yang makbul pada Allah Ta'ala itu agama bagian-bagian, maka mati olehmu atas agama itu. Maka orang yang dikehendaki Allah akan mati atas agama Islam, tiada ia ikut sekali-kali pengajaran yang sesat itu hanya ditetapkannya atas agama Islam. Kemudian daripada itu disuruh Jibril datang kepadanya, maka datang Jibril menyapukan debu pada mukanya, maka jadi tersenyumlah ia pada ketika itu. Dan berkata Jibril: Hai si anu, tidakah engkau kenal akan daku bahawa akulah Jibril. Dan sekalian yang datang kepada kamu itu seteru kamu daripada syayathin. Mati olehmu atas agama yang Hanifah dan atas syari'at yang *jaliyah*. Maka tiadalah yang terlebih kasih kepada orang hendak mati itu seperti datang Jibril ini. Dan lagi sabda Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam, ia menceritakan daripada firman Allah Ta'ala:

لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ حِصْنِي وَمَنْ دَخَلَ حِصْنِي أَمِنَ مِنْ عَذَابِي

Ertinya: *Bermula* لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ *itu kotaKu dan barang siapa masuk ia di dalam kotaKu, nescaya sentosa ia daripada azabKu.*

Dan lagi sabda Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam:

مَنْ كَانَ آخِرُ كَلاَمِهِ مِنَ الدُّنْيَا لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ دَخَلَ الْجَنَّةَ

Ertinya: *Barang siapa ada akhir kalamnya daripada*

dunia لَا إِلَهَ إِلَّا اللهُ *nescaya masuk ia syurga.*

Ertinya, masuk serta orang yang dapat kemenangan dengan ketiadaan men-dahulukan siksa. Dan tersebut di dalam hadis yang lain pula:

مَنْ كَانَ آخِرُ كَلَامِهِ لَا إِلَهَ إِلَّا اللهُ حَرَّمَهُ اللهُ عَلَى النَّارِ

Ertinya: *Barang siapa adalah akhir kalamnya itu* لَا إِلَهَ إِلَّا اللهُ *diharamkan Allah akan dia atas api neraka.*

Dan lagi sabda Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam:

لَقِّنُوْا مَوْتَاكُمْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللهُ فَإِنَّهُ لَيْسَ مُسْلِمٌ يَقُوْلُهَا عِنْدَ الْمَوْتِ إِلَّا أَنْجَتْهُ مِنَ النَّارِ

Ertinya: *Ajarkan oleh kamu akan orang yang hendak mati daripada kamu akan* لَا إِلَهَ إِلَّا اللهُ *maka bahawasanya tiada berkata-kata seorang muslim akan dia tatkala hampir mati melainkan melepaskan ia akan dia daripada neraka.*

Maka sunat dikatakan pada orang yang hampir mati itu dan jikalau kanak-kanak yang mumaiyiz sekalipun akan لَا إِلَهَ إِلَّا اللهُ tetapi jangan digagahi menyuruh kata dengan dia kerana bahawasanya ia di dalam sangat kesusahan dan kesakitan.

Maka terkadang berkata ia, tiada jawab bagi syaitan, maka disangkakan dengan dia kejahatan serta bahawasanya apabila nyata daripadanya barang yang mewajibkan kufurnya, tiada dihukumkan dengan kufurnya kerana ditanggungkan atas hilang akalnya. Dan jangan ditalkinkan sertanya مُحَمَّدٌ رَسُوْلُ اللهِ . Tetapi jikalau berkata oleh orang yang hampir mati itu لَا إِلَهَ إِلَّا اللهُ مُحَمَّدٌ رَسُوْلُ اللهِ nescaya tiada keluar ia daripada keadaan tauhid itu akhir kalamnya kerana ia daripada tamam (kesempurnaan) Syahadah.

Dan jikalau adalah orang yang hampir mati itu orang kafir yang kita harap akan Islamnya, wajib kita talkinkan akan dia

dengan dua kalimah Syahadah serta dibawa lafaz أَشْهَدُ. Dan jikalau tiada diharap akan dia, sunat jua ditalkinkan dia seperti berkata ia: Kata olehmu: أَشْهَدُ أَنْ لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُوْلُ اللهِ dan jikalau hampir kepada *ghargharah* sekalipun kerana ihtimal hadir akalnya lagi. Dan jikalau tiada, kita hukumkan pada zahirnya itu Islam sekalipun, mudah-mudahan pada Allah Ta'ala ia Islam:

وَصَلَّى اللهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَسَلَّمَ كُلَّمَا ذَكَرَهُ الذَّاكِرُوْنَ وَغَفَلَ عَنْ ذِكْرِهِ الْغَافِلُوْنَ

Ertinya: *Dan telah memberi rahmat oleh Allah Ta'ala atas penghulu kita Nabi Muhammad dan telah mensejahterakan ia atas tiap-tiap menyebut akan dia oleh segala orang yang menyebut dan lalai daripada menyebut akan dia oleh segala mereka yang lalai.*

Dan *murad* daripada orang yang menyebut akan dia itu orang mukmin. Dan *murad* daripada orang yang lalai daripada menyebut akan dia itu orang kafir:

وَرَضِيَ اللهُ تَعَالَى عَنْ أَصْحَابِ رَسُوْلِ اللهِ أَجْمَعِيْنَ، وَعَنِ التَّابِعِيْنَ وَتَابِعِي التَّابِعِيْنَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّيْنِ، وَسَلاَمٌ عَلَى جَمِيْعِ الأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِيْنَ، وَالْحَمْدُ لِلهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ.

Ertinya: *Dan telah reda Allah Ta'ala daripada sahabat Rasulullah sekaliannya dan sekalian tabi'in dan tabi' al-Tabi'in bagi mereka itu dengan kebajikan hingga hari kiamat. Bermula sejahtera atas sekalian Anbiya' dan sekalian Mursalin, bermula segala puji itu tertentu bagi Allah Tuhan sekalian alam.*

Dan makna reda pada hak Allah Ta'ala itu memberi nikmat atau berkehendak memberi nikmat. Dan *murad* mengikut dengan kebajikan itu dan jikalau dengan semata-mata iman sekalipun, maka masuk orang yang derhaka daripada muslimin di dalam doa *musannif* itu. Wallahu a'lam.

Ketahui olehmu, bahawasa agama itu dua perkara:

Pertama: Mendirikan segala yang disuruh.

Kedua: Meninggalkan segala yang ditegah.

Maka mengerjakan yang disuruh itu mudah atas tiap-tiap orang khas dan yang am kerana ada padanya bahagian nafsu. Dan meninggalkan yang ditegah itu tiada kuasa atas tiap-tiap orang melainkan orang yang khas. Maka apabila kita ketahui akan pekerjaan agama itu dua perkara, maka wajib atas kita menyuruh dengan makruf, ertinya dengan mengerjakan kebajikan dan menegah daripada mungkar akan sebagai wajib kifayah. Maka apabila mendirikan dengan dia oleh setengah manusia, nescaya gugurlah tuntut daripada yang tinggal lagi.

Dan bermula dalil atas wajib menyuruh dengan makruf dan menegah daripada mungkar itu firman Allah Ta'ala:

وَلْتَكُن مِّنكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى ٱلْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِٱلْمَعْرُوفِ

وَيَنْهَوْنَ عَنِ ٱلْمُنكَرِ ..... ﴿١٠٤﴾

Ertinya: *Dan hendaklah ada daripada kamu satu Jemaah yang menyeru mereka itu kepada kebajikan dan menyuruh mereka itu dengan makruf dan menegahkan oleh mereka itu daripada kejahatan.* **(Surah Ali-'Imran: Ayat 104)**

Dan hadis yang diriwayatkan daripada Abi Sa'id al-Khudri Radhiyallahu 'anhu, aku dengar akan Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam bersabda ia:

مَنْ رَأَى منكم مُنْكَرًا فَلْيُغَيِّرْهُ بيده، فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَبِلِسَانه، فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَبِقَلْبِهِ وَذَلِكَ أَضْعَفُ الإِيْمَان.

Ertinya: *Barang siapa melihat ia daripada kamu akan yang mungkar, maka hendaklah mengubah ia akan dia dengan tangannya. Maka jika tiada kuasa ia, maka dengan lidahnya.*

Maka jika tiada kuasa ia, maka dengan hatinya. Dan demikian itu terlebih dha'if iman, yakni terlebih kurang ثَمَرَةٌ *nya.*

Menyuruh Dengan Makruf Dan Mencegah Daripada Mungkar

Ketahuilah olehmu, bahawasa bagi wajib menyuruh dengan makruf dan mencegah daripada mungkar itu beberapa syarat:

Yang pertama: Bahawa adalah yang memerintahkan bagi demikian itu orang yang mengetahui dengan barang yang menyuruh ia dengan dia dan barang yang menegah ia daripadanya. Maka yang jahil dengan hukum itu tiada harus baginya menyuruh dan menegah, maka tiada halal bagi orang awam menyuruh dan menegah pada barang yang jahil oleh mereka itu akan dia.

Dan yang kedua: Bahawa aman ia daripada bahawa membawa oleh ingkarnya itu kepada mungkar yang terlebih besar daripadanya seperti bahawa menegah ia daripada minum arak. Maka membawa oleh tegahnya itu kepada membunuh diri atau umpamanya. Maka ketiadaan dua syarat ini mewajibkan haram tegahnya itu.

Dan yang ketiga: Bahawa ghalib atas zhannya bahawa menyuruhnya dengan makruf itu memberi bekas pada menghasilkan dia dan bahawasanya tegahnya daripada mungkar itu menghilangkan baginya. Dan jikalau ketiadaan syarat ini, gugur wajibnya. Dan tinggal lagi harus apabila putus ia dengan ketiadaan memberi faedah. Dan sunat apabila syak ia padanya. Telah berkata akan dia oleh al-Qurafi dan lainnya. Dan berkata Sa'ad dan al-Amidi dengan wajib pada barang yang jikalau zhan ia akan ketiadaan memberi faedah atau syak ia padanya, bersalahan barang yang apabila putus dengan ketiadaan memberi faedah.

Dan berkata kebanyakan ulama seperti Syafi'iyyah tiada disyaratkan akan ini syarat yang ketiga kerana bahawasa yang diberati atasnya itu suruh dan tegah jua tiada qabulnya, seperti firman Allah Ta'ala:

مَّا عَلَى ٱلرَّسُولِ إِلَّا ٱلْبَلَٰغُ ..... ﴿٩٩﴾

Ertinya: *Tiada atas Rasul itu melainkan menyampai jua.* **(Surah al-Ma'idah: 99)**

Namimah

Dan bahawasa wajib atas kita menjauhkan daripada نَمِيْمَةٌ . Dan bermula makna نَمِيْمَةٌ itu memindahkan kalam manusia setengah mereka itu kepada setengahnya atas wajah yang mem*fasad*kan antara mereka itu seperti katanya: Si anu itu berkata ia pada engkau bagian-bagian.

Dan wajib atas orang yang dibawa نَمِيْمَةٌ kepadanya itu enam perkara:

Pertama: Bahawa tiada membenar ia akan dia sekali-kali kerana bahawasa نَمَّامٌ itu orang fasik dan khabar orang fasik itu *mardud.*

Kedua: Bahawa menegah ia akan dia daripada demikian itu dan nasihat akan dia.

Ketiga: Bahawa marah akan dia.

Keempat: Bahawa tiada zhan ia dengan yang dipindah daripadanya itu akan jahat.

Kelima: Bahawa tiada membawa akan dia oleh barang yang dihikayatkan baginya itu atas periksa daripada tahqiq demikian itu.

Keenam: Bahawa tiada menghikayat ia akan نَمِيْمَةٌ daripadanya. Maka berkata ia: Si anu hikayat ia bagiku bagian-bagian, maka jadi ia نَمَّامٌ.

Bermula نَمِيْمَةٌ itu haram dengan ijma' lagi muafakat atas bahawanya dosa besar kerana hadis shahihain: لاَ يَدْخُلُ الْجَنَّةَ نَمَّامٌ ertinya: Tiada masuk syurga orang نَمَّامٌ.

Dan bermula *muradnya* tiada masuk syurga serta orang sabiqin melainkan jika diampun baginya dan sekalian yang demikian itu selama tiada menyeru hajat kepadanya dan jika menyeru hajat

kepadanya, nescaya harus ia kerana bahawasanya ketika itu tiada ia نَمِيْمَة tetapi nasihat seperti barang yang apabila berkhabar akan dikau oleh seorang dengan bahawasa Si Fulan itu berkehendak ia mengambil harta engkau atau ahli engkau atau umpama yang demikian itu supaya adalah ia atas wajah menakuti akan dia. Maka tiada yang demikian itu haram kerana barang yang tsabit padanya daripada menolakkan *mafasid*, yakni segala yang binasa.

Dan terkadang adalah setengahnya jadi wajib seperti barang yang apabila yakin jatuh yang demikian itu jika tiada mengkhabar ia akan dia dengan khabar ini. Dan terkadang adalah setengahnya jadi sunat seperti barang yang apabila syak ia pada yang demikian itu telah menyebut akan dia oleh Imam Nawawi.

Ghibah (Mengumpat)

Dan menjauhkan غِيْبَةٌ ertinya mengumpat dan iaitu menyebut oleh engkau akan saudara engkau dengan barang yang benci ia akan dia dan jikalau dengan barang yang ada padanya sekalipun dan jikalau dengan hadirnya sekalipun.

Tetapi zahir مَادَّةٌ غِيْبَةٌ itu menguatkan barang yang dikata orang daripada bahawasa barang yang pada hadir itu tiada dinamakan mengumpat tetapi dinamakan dia بُهْتَانٌ . Dan apabila menyebut ia dengan barang yang tiada ada padanya, maka sungguhnya bertambah dosa dusta.

Dan setengah daripada sesat itu perkataan setengah daripada orang awam tiada ini mengumpat, hanya sanya ia mengkhabarkan perihal yang telah jatuh padanya. Maka jika dii'tiqadkan halal yang demikian itu, nescaya jadi ia kafir, وَالْعِيَاذُ بِاللهِ.

Dan tiada tertentu mengumpat itu dengan perkataan lidah jua, tetapi dhabithnya tiap-tiap barang yang memberi faham oleh engkau dengan dia akan orang lain daripada engkau akan kekurangan muslim dengan lafaz engkau atau dengan surat engkau atau isyarat engkau kepadanya dengan mata engkau atau dengan tangan engkau atau dengan kepala engkau atau umpama demikian itu, sama ada yang demikian itu pada badannya atau agamanya atau dunianya atau anaknya atau ibu bapanya atau isterinya atau khadimnya

atau pekerjaannya atau warna kulitnya atau kenderaannya atau serbannya atau kainnya atau lain daripada demikian itu daripada barang yang bergantung dengan dia.

Dan hukum mengumpat itu haram dengan ijma' dan kerana datang menakuti dengan dia di dalam Qur'an dan di dalam beberapa hadis. Dan haram pula mendengar bagi orang yang mengumpat kerana orang yang mendengar itu bersekutu ia dengan orang yang berkata.

Ketahui olehmu, bahawasa segala ulama menyebut oleh mereka itu bahawasa mengumpat itu diharuskan dia pada enam ahwal:

Pertama: Terkena aniaya seperti mengadu orang yang dizalimkan atasnya kepada Qadi supaya dihukum oleh Qadi. Maka berkata ia: "Fulan itu zalim ia akan daku".

Kedua: Minta tolong atas menghilangkan mungkar seperti berkata ia bagi orang yang harap ia akan kuasanya atas menghilangkan mungkar: "Bermula fulan itu berbuat ia bagian, maka tolong olehmu akan daku atas menegahnya", dengan syarat qasadnya menyampai kepada menghilang akan mungkar itu, maka jika tiada qasad ia akan demikian itu adalah ia haram.

Ketiga: Minta fatwa daripada mufti seperti berkata ia kepada mufti: Si fulan itu zalim ia aku bagian-bagian, apa hukumnya dan apa jalanku pada melepaskan daripada zalimnya itu.

Keempat: Menakuti ia akan orang yang hendak bersahabat dengan orang yang fasik atau orang zalim. Maka dikatanya: Jangan engkau bersahabat dengan si fulan itu kerana ia fasik atau ia zalim atau kelakuannya sangat jahat.

Kelima: Hendak memberitahu akan orang kerana tiada diketahui akan dia melainkan dengan menyebut akan 'aibnya seperti katanya: Si fulan yang buta atau yang sopak atau yang tempang atau yang dekol atau yang rumahnya sangat buruk atau barang sebagainya dengan syarat bahawa ada ia dengan niat memberitahu. Maka jika ada ia dengan niat mengurangkan dia, nescaya haram ia.

Keenam: Bahawa ada ia orang yang menzahirkan dengan

fasiknya seperti yang menzahir dengan minum arak dan mencuri dan zina dan mengambil cukai dan lainnya. Maka harusnya disebutkan dia dengan barang yang fasik ia dengan dia, tiada ia dengan yang lainnya daripada segala 'aib.

Taubat

Dan bermula taubat itu memberi manfaat ia pada mengumpat daripada sekira-kira أَقْدَامْ atasnya. Dan adapun daripada sekira-kira jatuh pada hormat orang yang ia baginya, maka tidak dapat tiada padanya serta taubat itu daripada minta maaf empunyanya daripadanya apabila sampai ia akan dia. Dan apabila tiada sampai ia akan dia, nescaya memadai Istighfar baginya. Dan jika sampai umpatan itu akan dia kemudian daripada demikian itu, nescaya sampai ia akan dia, pada hal dihapuskan dosanya. Dan tiada sah maaf dan melepas orang yang diumpatkan dia serta jahil ia dengan barang yang berkata ia akan dia seperti berkata-kata oleh yang mengumpat bagi orang yang diumpatnya: Aku kata pada hak engkau akan perkataan, maka maafkan akan daku daripadanya. Tetapi tidak dapat tiada daripada ta'yinnya atas yang ashah daripada dua wajah di sisi kita Jemaah Syafi'iyyah seperti berkata ia baginya: Telah aku berkata pada hak engkau bagian dan bagian di sisi fulan, maka maafkan olehmu akan daku daripadanya. Dan memadai maaf serta jahil pada Imam Malik seperti barang yang ia wajah yang kedua daripada dua wajah pada mazhab kita Syafie.

Dzamimah

Dan demikian lagi wajib atas kita menjauhkan daripada segala perkara yang ذَمِيْمَةٌ, yakni yang dicelakan pada syara' seperti zalim dan derhaka dan memutus jalan dan menipu daya seperti mencampurkan yang hodoh dengan yang baik. Dan sungguhnya diriwayatkan bahawasa Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam lalu ia dengan seorang lelaki yang menjual akan makanan, maka mengajaib ia akan dia, yakni mencengangkan oleh eloknya akan Nabi, maka memasuk ia akan tangannya, maka melihat ia akan

basah, maka bersabda ia baginya: Apa ini? Maka berkata ia: Telah mengena akan dia oleh air hujan. Maka bersabda ia: Hendaklah engkau jadikan dia daripada atas makanan, yakni jadikan olehmu akan yang basah pada zahir timbun makanan hingga melihat akan dia oleh manusia. Maka bersabda ia: Barang siapa menipu daya akan kami, maka tiada ia daripada kami. Ertinya tiada daripada jalan kami yang *kamil* (sempurna). Dan seperti dusta bagi lain daripada maslahat yang syar'iyyah, maka jika ada ia kerana maslahat yang syar'iyyah, nescaya harus berdusta seperti dusta bagi zaujah kerana hendak membaikkan dirinya, tetapi terkadang wajib ia seperti berdusta kerana hendak melepaskan muslim daripada bunuh dengan zalim atau kerana membaikkan bagi dua orang yang berkelahi. Dan seperti derhaka kepada dua ibu bapa dan meninggalkan sembahyang dan menegah mengeluarkan zakat dan مُدَاهَنَةٌ , yakni membaik akan zahirnya jika ada padanya mem*fasad*kan (merosakkan) agama seperti memuji ia akan orang yang zalim kerana zalimnya atau memuji ia akan yang membatal kerana batalnya, maka haram ia ketika itu. Dan terkadang wajib ia seperti barang yang apabila terhenti atasnya oleh menolakkan yang diharam dan sunat ia jika adalah ia wasilah bagi yang sunat dan makruh ia jika ada ia wasilah bagi yang makruh. Dan jika sunyi ia daripada yang demikian itu, nescaya diharuskan dia, maka datang akan dia oleh segala hukum yang lima. Dan seperti ujub, yakni mencengang akan dirinya dengan ibadatnya dan dengan ilmunya, maka ini haram tiada membinasakan taat.

Riya'

Dan demikian lagi riya', maka iaitu haram tiada membinasakan bagi taat. Bersalahan bagi mereka yang berkata ia dengan bahawasanya membinasa ia akan dia kerana bahawasa yang telah men*sharih* dengan dia oleh setengah muhaqqiqin bahawasanya membinasa ia bagi pahala jua serta jatuh amal itu shahih. Dan hanyasanya diharamkan ujub itu kerana bahawasanya jahat adab serta Allah Ta'ala kerana bahawasa hamba itu dituntut menghinakan dirinya dengan nisbah kepada kebesaran Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana tiada sayugia bagi hamba bahawa membesar ia akan

barang yang mendamping ia dengan dia bagi penghulunya tetapi mengecil ia akan dia dengan nisbah kepada kebesaran penghulunya, istimewa pula kebesaran Allah Subhanahu wa Ta'ala.

Takabbur

Dan seperti takabbur ertinya membesarkan diri dan menghinakan manusia dan menolakkan yang sebenar. Tersebut di dalam hadis Muslim:

لاَ يَدْخُلُ الْجَنَّةَ مَنْ قَلْبُهُ مِثْقَالُ ذَرَّةٍ مِنَ الْكِبْرِ، فَقَالُوْا: يَا رَسُوْلَ اللهِ! إِنَّ أَحَدَنَا يُحِبُّ أَنْ يَكُوْنَ ثَوْبًا حَسَنًا وَنَعْلَةً حَسَنَةً. فَقَالَ: إِنَّ اللهَ جَمِيْلٌ يُحِبُّ الْجِمَالَ وَلَكِنَّ الْكِبْرَ بَطَرُ الْحَقِّ وَغَمْصُ النَّاسِ.

Tiada masuk syurga orang yang ada pada hatinya satu mitsqal zarrah daripada takabbur. Maka sembah mereka itu: Ya Rasulullah! Bahawasa seseorang kami kasih ia akan kain yang elok dan kaus yang elok. Maka bersabda ia: Bahawasa Allah itu jamil, kasih ia akan jamal, yakni keelokkan dan tetapi takabbur itu menolakkan yang sebenar dan menghinakan manusia.

Maka berhias dengan pakaian dan umpamanya itu tiada ia takabbur tetapi ada ia sunat pada sembahyang dan jama'at (perhimpunan) dan umpamanya dan pada perempuan bagi suaminya dan pada hak ulama kerana membesarkan ilmu pada segala nafsu manusia.

Bermula tempat keadaan takabbur itu haram apabila ada ia atas segala hamba Allah yang soleh-soleh dan segala a'immah al-Muslimin dan iaitu ketika itu setengah daripada dosa besar dan setengah daripada sebesar-besar dosa yang bangsa hati.

Dan adapun apabila ada ia atas segala seteru Allah, maka iaitu dituntut pada syara', lagi elok pada akal. Bermula murad takabbur atas mereka itu menghinakan mereka itu kerana kufur mereka itu

dan maksiat mereka itu, tiada kerana menghinakan zat mereka itu.

Hasad

Dan seperti hasad, ertinya dengki dan iaitu mencita-cita akan hilang nikmat orang lain sama ada dicita-cita akan nikmat itu bagi dirinya atau tiada. Bersalahan barang yang apabila cita-cita ia akan dapat seumpama nikmat orang lain, maka bahawasanya dinamakan dia غِبْطَة , dipujikan dia pada yang baik. Dan dalil yang menunjuk atas haram dengki itu masyhur di dalam Quran dan di dalam hadis.

Berbantah-bantah

Dan seperti berbantah-bantah dan iaitu menolakkan lawannya daripada membinasakan perkataannya dengan hujah, pada hal qasad ia dengan dia akan tashih kalamnya. Dan bermula tempat haramnya itu apabila ada ia bagi mem*fasad*kan perkataan orang lain, bersalahan barang yang apabila ada ia bagi mentahqiqkan yang sebenar atau membatalkan yang batil. Telah berkata Imam Syafie: Tiada aku muzakarah akan seseorang dan aku qasad akan mengalahnya dan hanyasanya aku muzakarah akan dia kerana menyatakan yang sebenar daripada sekira-kira ia yang sebenar.

Khatimah

Ini suatu kesempurnaan pada menyatakan suatu daripada ilmu Tasawuf dan setengah daripadanya itu membahas *namimah* dan barang yang kemudiannya daripada *muhlikat* yang telah lalu, maka iaitu Tasawuf. Dan telah mentakrif oleh mereka itu akan dia dengan bahawasanya ilmu dengan usul yang diketahui dengan dia akan membaikkan hati dan sekalian pancaindera. Dan faedahnya baik ahwal manusia kerana barang yang padanya daripada menyungguh-nyungguh atas menyucikan i'tiqad dan *kamal* segala amal dengan betul.

Dan telah berkata Imam Ghazzali iaitu erti Tasawuf itu mensunyikan hati bagi Allah Ta'ala dan menghinakan barang yang lainnya. Erti, menyucikan hati bagi Allah Ta'ala dan i'tiqadkan bahawasa barang yang lainnya itu tiada memberi manfaat dan tiada memberi mudharat. Maka tiada berpegang ia melainkan atas Allah. Maka murad dengan menghinakan barang yang lainnya itu dii'tiqadkan bahawasanya tiada memberi mudharat dan tiada memberi manfaat ia dan tiada murad dengan dia mengejikan dia dan mengurangkan dia. Dan yang sebenar bahawasa Tasawuf itu ثَمَرَةٌ sekalian ilmu syari'at dan tiada ia qawa'id yang makhsus yang مُدَوَّنَةٌ.

Dan dinamakan dia dengan Tasawuf kerana banyak atas ahlinya memakai shuf seperti yang bertampung. Dan hikmahnya seperti berkata akan dia oleh al-Sya'rani bahawasa mereka itu tiada mendapat oleh mereka itu akan kain yang sempurna daripada yang halal tetapi sepotong, sepotong. Dan kata qil: Kerana menyerupai mereka itu dengan ahli al-Shuffah. Dan kata qil: Kerana صَفَاءٌ erti jernih hati.

Telah berkata Sahl bin Abdullah: Bermula shufi itu diambil daripada صَفَا مِنَ الْكَدَرِ erti bersih daripada kekeruhan dan terpenuh daripada 'anbar dan terputus ia kepada Allah daripada بَشَرٌ dan bersamaan di sisinya emas dan مَدَرٌ.

Dan apalah suatu yang mengelok ia akan barang yang berpantun akan dia oleh al-Syeikh Ibnu al-Haj pada kitabnya al-Madkhal:

لَيْسَ التَّصَوُّفُ لُبْسَ الصُّوْفِ تَرْقَعُهُ * وَلاَ بُكَاؤُكَ إِنْ غَنَّى الْمُغَنُّوْنَا

وَلاَ صِيَاحٌ وَلاَ رَقْصٌ وَلاَ طَرَبٌ * وَلاَ اخْتِبَاطٌ كَأَنْ قَدْ صِرْتَ مَجْنُوْنَا

بَلِ التَّصَوُّفُ أَنْ تَصْفُو بِلاَ كَدَرٍ * وَتَتْبَعَ الْحَقَّ وَالْقُرْآنَ وَالدِّيْنَا

وَأَنْ تُرَى خَاشِعًا لِلّٰهِ مُكْتَئِبًا * عَلَى ذُنُوْبِكَ طُوْلَ الدَّهْرِ مَحْزُوْنَا

Tiada dinamakan Tasawuf itu memakai bulu yang engkau tampungkan dia,

Dan tiada pula menangis engkau jika bernyanyi oleh orang yang menyanyi,

Dan tiada dinamakan Tasawuf itu mengangkatkan suaranya dengan menangis dan tiada menari dan tiada bergerak-gerak,

Dan tiada cedera akal seolah-olah sungguhnya telah jadi engkau orang gila,

Tetapi Tasawuf itu bahawa engkau bersihkan hati engkau dengan tiada kekeruhan dengan أَغْبَارٌ *(debu).*

Dan mengikut engkau akan hak dan akan Qur'an dan akan agama,

Dan bahawa engkau lihat akan khusyu' bagi Allah lagi dukacita,

Atas segala dosa engkau sepanjang-panjang masa.

Ketahui olehmu, hai orang yang berkehendak kemenangan dunia dan akhirat yang dibukakan mata hatinya dengan nur yakin bahawasanya adalah jalan yang menyampaikan kepada Allah Ta'ala itu mengikut penghulu kita Saiyidina Muhammad Shallallahu 'alaihi wasallam pada sekalian kelakuannya dan amalnya. Dan ialah tempat ikutan segala yang mengikut dan imam bagi segala orang yang dapat petunjuk dan ialah pintu yang membukakan keredaan Allah dengan rahmatNya. Maka tiada jalan yang menyampaikan kepadanya melainkan dengan dia dan tiada masuk kepadanya melainkan daripadanya seperti firman Allah Ta'ala:

وَمَن يَبۡتَغِ غَيۡرَ ٱلۡإِسۡلَٰمِ دِينٗا فَلَن يُقۡبَلَ مِنۡهُ ..... ﴿٨٥﴾

Ertinya: *Dan barang siapa berkehendak ia akan yang lain daripada Agama Islam akan agama, maka tiada diterimakan daripadanya.* **(Surah Ali-Imran: Ayat 85)**

Dan lagi firmanNya:

ذَٰلِكَ بِأَنَّ ٱللَّهَ مَوۡلَى ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ وَأَنَّ ٱلۡكَٰفِرِينَ لَا مَوۡلَىٰ لَهُمۡ



Bermula demikian itu dengan bahawasa Allah Ta'ala itu Tuhan yang memerintahkan bagi segala mereka yang percaya

mereka itu dan bahawasa segala orang yang kafir itu tiada Tuhan yang memerintahkan bagi mereka itu. **(Surah Muhammad: Ayat 11)**

Maka tiap-tiap kebajikan sungguhnya hasil ia daripada buah mengikut akan dia dan tiap-tiap kejahatan sungguhnya sebab menyalahi dan bid'ah, yakni mengada-adakan yang tiada ada pada sunnah Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam seperti firman Allah Ta'ala:

..... فَلْيَحْذَرِ ٱلَّذِينَ يُخَالِفُونَ عَنْ أَمْرِهِۦٓ أَن تُصِيبَهُمْ فِتْنَةٌ أَوْ يُصِيبَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿٦٣﴾

Maka hendaklah takut olehmu akan mereka yang menyalahi mereka itu daripada suruhnya bahawa mengena akan mereka itu oleh fitnah atau mengena akan mereka itu azab yang amat pedih.

Maka ijtihad olehmu bersungguh-sungguh akan barang yang memberi manfaat bagimu pada agamamu iaitu menuntut keredaan Allah dan RasulNya dan menuntut akan amal yang menghampirkan diri kepada Allah Ta'ala dan yang memberi manfaat pada akhirat kamu. Dan mengambil olehmu bagi akhiratmu yang amat jauh perjalanannya lagi amat payah jalannya dan amat banyak seterunya, maka ialah sebenar-benar safar yang berkehendak kepada bekal yang banyak. Maka yang terlebih kepala bekal dan yang terlebih memberi manfaat bekal itu taqwa Allah Ta'ala seperti firman Allah Ta'ala:

..... وَتَزَوَّدُوا۟ فَإِنَّ خَيْرَ ٱلزَّادِ ٱلتَّقْوَىٰ ..... ﴿١٩٧﴾

Dan berbekal oleh kamu, maka bahawasa sebaik-baik bekal itu takut akan Allah. **(Surah al-Baqarah: Ayat 197)**

Maka adalah taqwa itu lafaz yang menghimpunkan dua makna iaitu mengerjakan dan menjunjungkan أَوَامِرٌ (segala perintah) dan menjauhkan مَنَاهِي (larangan). Maka hendaklah engkau ijtihadkan sekuasa-sekuasamu menjunjungkan akan segala yang diwajibkan

atasmu sekadar kuasamu daripada mengenal akan Allah daripada barang yang wajib bagiNya dan yang mustahil atasNya dan yang harus padaNya. Dan demikian lagi pada hak RasulNya seperti demikian itu pula. Kemudian maka hendaklah diketahuikan sembahyang dengan segala rukunnya dan syaratnya dan sunatnya dan yang membinasakan dia. Dan demikian lagi zakat, jika ada engkau mempunyai harta dan puasa Ramadhan dan haji. Jika berhadap wajib atasmu, kemudian maka hendaklah engkau qasadkan dengan amal itu seperti barang yang disuruh iaitu dengan ikhlas dan صدْقٌ (benar), yakni sucikan hati dengan amalnya itu daripada yang lain daripada Allah Ta'ala. Dan bahawa adalah qasadmu itu mendirikan hak 'ubudiyah dan mendirikan dan menzahirkan Rububiyahnya. Maka jangan engkau tamak kepada yang lainnya daripadaNya sama ada *tsawab*Nya (pahalaNya) atau jannahNya (syurgaNya) atau NarNya (nerakaNya). Maka jangan engkau minta balas atas amal kamu kerana amalmu itu nikmatNya yang Ia menyatakan padamu dan berkehendak syukur atas nikmatNya, tiada ada jalan engkau minta balas amalnya yang dengan kurnia Ia zahir padamu dan dibangsakan kepadamu jua. Maka ialah jalan yang mustaqim yang terlebih halus daripada rambut dan terlebih tajam daripada pedang.

Maka dengan ikhlas dan صدْقٌ serta Allah pada berhadap kepada Allah dan beramal dengan dia hasil kasih sayangnya dan hasil qabul yang membukakan mata hati dan meluluskan bagi rahsia dengan nur yakin. Maka hasil dengan dia lazat ibadah dan taat dan hasillah terbuka mata hatinya akan hakikat dunia yang دَنِيَّةٌ , yakni yang kekurangan lagi fana dan akhirat itu negeri sebenarnya, lagi kekal dan kesudahan negeri orang mukmin. Maka di sanalah dapat keredaan yang *akbar* (paling besar) dan melihat wajahNya yang Karim dan berjiran dengan Tuhannya yang *Rauf Rahim*. Maka hasillah baginya al-*Fauz al-'Azhim* dan bahagia yang abadiah lagi sarmadiyah. Maka barang siapa adalah di dalam dunia atas petunjuk dan atas taqwa, maka iaitu di dalam akhirat terlebih dapat petunjuk lagi terlebih kuat lagi dalilnya. Dan barang siapa ada ia di dalam dunia buta, maka iaitu di dalam akhirat terlebih buta dan terlebih sesat jalannya. Maka dengan kerana inilah telah menyuruh oleh Masyayeikh ahli al-Tasawuf menyucikan hati dan menjernihkan dia

daripada kekeruhan أَغْيَارٌ dan أَكْدَارٌ yang مَا سِوَى اللهِ supaya kuat yakin dan supaya dapat mentahqiqkan hakikat tauhid dengan *zauq* dan *wujdan* dan terkaya ia daripada dalil dan burhan. Dan kerana ketahui mereka itu dengan bahawasa hati itu apabila baik ia, nescaya baik segala jasad sekaliannya dan apabila *fasad* ia, maka *fasad* segala jasad kerana hati itu seperti raja yang memerintahkan segala anggotanya yang iaitu lidahnya dan telinganya dan matanya dan tangannya dan kakinya dan farajnya. Maka sekaliannya itu seperti rakyatnya, maka tubuhnya itu seperti negeri tempat kerajaannya. Maka manakala baik hati, baiklah segala anggotanya dan manakala baik segala anggotanya, baiklah tubuhnya dan manakala *fasad* hati, maka *fasad* segala anggotanya dan manakala *fasad* anggotanya, maka binasalah tubuhnya pula. Maka apabila engkau ketahui yang demikian itu, maka hendaklah menangkan di dalam hatimu itu akan tetap tanam yakin di dalam 'ain syurgamu supaya tetap iman padaNya daripada gempa syak dan zhan dan waham. Ada kalanya dengan mengambil dalil daripada beberapa ayat yang di dalam Qur'an dan hadis dan *nazhar* yang membawa kepada ilmu yakin dan adakalanya dengan musyahadah akan *kamal* sifatNya jika engkau daripada ahlinya.

Dan sayugia pula engkau menyungguhkan menguatkan yakinmu dengan membayakkan zikrullah dan taat akan Allah pada malam dan siang dan melazimkan istighfar kerana adalah Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam mengucap istighfar ia tujuh puluh kali di dalam sehari. Dan tuntut olehmu akan kesempurnaan segala sifatmu daripada Allah dengan اضْطِرَارٌ dan افْتِقَارٌ dan melazimkan lemah dan انْكِسَارٌ (ketidakupayaan), mudah-mudahan engkau dapat mentahqiqkan sifat 'ubudiyah, maka dengan dialah *kamal* sifatmu iaitu melihat dirimu افْتِقَارٌ yang berkekalan dan dalil lagi lemah tiada mempunyai daya dan upaya dan sabar atas mengerjakan taat dan sabar atas maksiat dan atas segala bala dan fitnah dan reda akan barang yang dihukumkan Allah daripada baik dan jahat sebab engkau lihat akan *kamal syafaqah* kasih sayang yang Tuhanmu atas segala hambaNya.



Tawakkal

Dan tawakkal, dengan engkau serahkan kepadaNya pekerjaan kehidupanmu dan dunia dan akhiratmu kerana Ia tiada mensia-siakan segala hambaNya yang menyerah kepadaNya dan yang tiada menyerah kepadaNya tetapi hingga seteruNya tiada lupanya dan tiada lalainya seperti segala orang kafir yang menyekutukan Dia. Maka betapa Ia sia-siakan hambaNya yang berkhidmat lagi yang menyerah diri kepadaNya.

Zuhud

Dan zahid, yakni benci ia akan tiap-tiap yang membimbangkan daripada Tuhannya kerana diketahui bahawasanya dunia ini negeri bagi orang yang tiada negeri dan harta bagi orang yang tiada mempunyai harta dan ia diumpamanya dengan bangkai yang luat. Dan membesarkan nikmat Allah dan syukur ia akan segala nikmatNya serta memujikan Dia sebab diketahuinya bahawasa nikmat Allah tiada dapat dibilangkan banyaknya dan tiada dapat disebut akan hingganya.

Di antara Nikmat-NikmatNya

Maka setengah daripadanya نِعْمَةُ الإِيْجَادِ yang diada daripada *'adam* kepada wujud, maka jika tiada dengan kurniaNya, maka adalah *'adam* selama-lamanya. Dan setengah daripada nikmatNya تَوَالِي الإِمْدَادِ, yakni berturut-turut nikmat penolong, maka jikalau tiada ia, nescaya binasa engkau. Dan setengah daripadanya dijadikan engkau itu ahli bagi khidmatNya, maka jika tiada maka betapa engkau ahli bagi taatNya dan khidmatNya.

Syafaqah

Dan syafaqah kasih sayang akan segala makhluk Allah kerana diketahuinya Tuhannya itu memilihkan mengeluarkan daripada

'adam kepada wujud dengan ikhtiarNya dan dirikan dengan bagai-bagai *imdadnya* (pertolongan) dan dijadikan dengan hikmahNya. Maka betapa tiada kasih sayang akan kejadian Tuhannya yang ia kasih akan Dia, istimewa pula kepada segala saudaranya yang mukminin, maka tiada *kamal* iman bagi seorang itu hingga dikasih bagi saudaranya akan barang yang kasih ia bagi dirinya.

Tawadhu'

Dan tawadhu' Allah yang tiada membawa kepada maksiat seperti engkau tawadhu' kerana dunia seorang atau kemegahan orang yang *ahli al-Ma'ashi (*golongan yang bermaksiat), maka inilah setengah daripada jumlah *kamal* sifat 'ubudiyah yang dipujikan dia.

Dan hendak engkau ijtihadkan berkhidmat bagi Tuhanmu selama ada hidupmu di dalam beberapa hari yang sedikit dan engkau ramaikan dengan bagai-bagai ibadat dan taat malam dan siang di dalam umurmu yang pendek kerana jikalau kamu fardhukan seratus tahun umurmu. Maka yang demikian itu amat sedikit tiada sampai se*rubu'* (seperempat) hari akhirat dan hanya se*'usyur* (sepersepuluh) hari akhirat jua. Dan engkau membimbangkan akan barang yang memberi faedah akan akhiratmu pada segala kelakuanmu seperti firman Allah Ta'ala:

وَٱصْبِرْ نَفْسَكَ مَعَ ٱلَّذِينَ يَدْعُونَ رَبَّهُم بِٱلْغَدَوٰةِ وَٱلْعَشِيِّ يُرِيدُونَ وَجْهَهُۥ ۖ ..... ﴿٢٨﴾

Dan sabarkan olehmu akan dirimu serta mereka yang meminta mereka itu akan Tuhan mereka itu pada pagi-pagi dan petang-petang yang berkehendak mereka itu akan wajahNya.
(Surah al-Kahfi: Ayat 28)

Demikianlah engkau kerjakan pada tiap-tiap hari hingga datang yakinmu iaitu mati yang dapat melihat akan *kamal* kasih Tuhanmu akan segala hambaNya yang mukminin di dalam akhirat.

Dan hendaklah ada engkau bersifat dengan segala perangai yang telah ada atasnya خِيَارُ الْخَلْقِ dan *murad* dengan خِيَارُ الْخَلْقِ (sebaik-baik makhluk) itu Nabi kita Shallallahu 'alahi wasallam kerana bahawasanya menghimpun ia akan barang yang bercerai-cerai pada orang lainnya daripada خِصَالٌ yang *hamidah*, maka ialah *khiyar* yang mutlak. Dan ihtimal bahawa dikehendaki dengan dia Anbiya' 'alaihimush shalatu wassalam kerana bahawasanya mereka itu خِيَارُ الْخَلْقِ dan yang terlebih aula bahawa dikehendaki dengan dia tiap-tiap orang yang tsabit baginya pilihan dan jikalau dengan nisbah bagi orang yang kurang daripadanya sekalipun. Maka melengkapi ia akan Nabi kita Shallallahu 'alaihi wasallam dan melengkapi akan Anbiya' dan ulama dan syuhada' dan auliya' dan *zuhad* dan 'ubbad. Dan jadilah kalam itu dihancurkan dengan i'tibar أَشْخَاصٌ (perseorangan) dan segala نَوْعٌ (jenis) kebajikan. Maka setengah daripada manusia orang yang baginya kuasa atas rupa mujahadah Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam. Dan setengah mereka itu orang yang baginya kuasa atas rupa mujahadah lain daripada Nabi kita daripada 'Anbiya' 'alaihimush shalatu wassalam dan setengah mereka itu orang yang baginya kuasa atas rupa mujahadah ulama dan qiyaslah.

Dan apabila adalah mujahadah itu atas tangan Syeikh daripada 'Arifin, nescaya adalah ia terlebih manfaat kerana kata mereka itu hal seorang lelaki di dalam seribu lelaki terlebih manfaat daripada *wa'azh* seribu lelaki pada seorang lelaki.

Maka sayugia bagi seorang bahawa melazim ia akan Syeikh yang 'arif atas kitab Allah dan sunnah Rasulullah dengan bahawa menimbang ia akan dia dahulu daripada mengambil daripadanya. Maka jika mendapat ia akan dia atas kitab dan sunnah, lazimkan olehmu akan dia dan beradab olehmu sertanya, maka mudah-mudahan berusaha ia daripada halnya barang yang adalah dengan dia suci batinnya dan Allah Ta'ala memerintah ia akan petunjukNya.

حِلْمٌ

Dan hendaklah ada engkau melazimkan حِلْمٌ dan makna حِلْمٌ

itu menanggungkan segala masyaqqah *'ibadallah*, yakni sabar ia daripada segala menyakiti yang datang oleh manusia akan dia dengan sekira-kira tiada menghina akan dikau oleh syaitan dan tiada hawa dan tiada menggerakkan dikau oleh marah. Maka orang yang berani itu tiada dengan langkar (menyerang orang) dan hanya sanya orang yang berani itu orang yang memilik akan dirinya tatkala marah.

Haq

Dan hendaklah ada engkau mengikut bagi *haq*. Dan *murad* dengan haq itu Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana bahawasa *haq* itu satu nama daripada segala namaNya Ta'ala. Erti mengikut bagi agama haq. Dan ihtimal bahawasa *murad* dengan dia segala hukum yang sebenar.

Dan tiada tersembunyi atas engkau hai orang yang diberi taufik bahawasa engkau tiada ada mengikut bagi *haq* melainkan apabila adalah engkau berpegang dengan dia mengikut bagi أَوَامِرٌ Nya (segala perintahNya) lagi menjauhkan نَوَاهِيٌّ Nya (segala laranganNya). Telah berfirman Allah Ta'ala:

..... وَمَآ ءَاتَىٰكُمُ ٱلرَّسُولُ فَخُذُوهُ وَمَا نَهَىٰكُمْ عَنْهُ فَٱنتَهُوا۟ ج

..... 

Dan barang yang mendatang akan kamu oleh Rasul, maka kerjakan oleh kamu akan dia dan barang yang menegah ia akan kamu daripadanya, maka tertegah oleh kamu. **(Surah al-Hasyr: Ayat 7)**

Berkata Ibnu Raslan di dalam *Zubad*nya:

فَكُلَّمَا أَمَرَهُ يُرْتَكَبْ * وَمَا نَهى عَنْ فعله يُجْتَنَبْ

Maka tiap-tiap barang yang telah menyuruh ia akan dia dikerjakan dia,

Dan tiap-tiap barang yang menegah ia daripada mengerjakan dia

dijauhkan dia.

Maka sayugia bagi orang yang mempunyai *himmah* yang tinggi itu menuntut ia akan keredaan Allah dengan bersegera ia mengerjakan tiap-tiap barang yang disuruh Allah dan menjauhkan tiap-tiap pekerjaan yang ditegahNya. Maka sentiasa ia mengerjakan yang demikian itu, yakni menuntut keredaan Allah dengan mengerjakan barang yang disuruh dan menjauhkan segala yang ditegah itu hingga jadilah dikasih Allah akan dia, maka jadilah ia seperti katanya:

فَصَارَ مَحْبُوْبًا لِخَالِقِ الْبَشَرْ * لَهُ بِهِ سَمْعٌ وَبَطْشٌ وَبَصَرْ

Maka jadilah ia kekasih bagi Tuhan yang menjadikan manusia,

Dan manakala Ia kasih, nescaya adalah Ia pendengarnya yang mendengar ia dengan dia dan penamparnya yang ia menampar dengan dia dan penglihatnya yang ia melihat dengan dia.

Seperti firmanNya di dalam hadis Qudsi:

وَلاَ يَزَالُ عَبْدِي يَتَقَرَّبُ إِلَيَّ بِالنَّوَافِلِ حَتَّى أُحِبَّهُ فَإِذَا أَحْبَبْتُهُ كُنْتُ سَمْعَهُ الَّذِي يَسْمَعُ بِهِ وَبَصَرَهُ الَّذِي يُبْصِرُ بِهِ، وَيَدَهُ الَّتِي يَبْطِشُ بِهَا، وَرِجْلَهُ الَّتِي يَمْشِي بِهَا، وَقَلْبَهُ الَّذِي يُضْمِرُ بِهِ.

Dan sentiasa hambaKu mendamping ia akan Daku dengan mengerjakan segala yang sunat hingga Aku kasih akan dia. Maka apabila Aku kasih akan dia adalah Aku pendengarnya yang ia mendengar dengan dia dan penglihatannya yang ia melihat dengan dia dan tangannya yang ia menampar dengan dia dan kakinya yang ia berjalan dengan dia dan hatinya yang ia menyembunyikan dengan dia.

Maka tertib atas kasih Allah Ta'ala baginya itu memelihara segala anggotanya dan pancainderanya, maka tiada mendengar ia melainkan bagi Allah dan tiada melihat ia melainkan bagiNya dan tiada menampar ia melainkan keranaNya, seperti sabdanya Shallallahu 'alaihi wasallam: Barang siapa kasih kerana Allah dan marah ia kerana Allah dan memberi ia kerana Allah dan menegah

ia kerana Allah, maka sungguhnya telah sempurna imannya.

Wali Allah

وَكَانَ لِلهِ وَلِيًّا إِنْ طَلَبْ * أَعْطَاهُ ثُمَّ زَادَهُ مِمَّا أَحَبّ

Dan adalah ia bagi Allah Ta'ala wali, ertinya orang yang 'Arif billah yang غَرِيْق *dengan* شُهُوْد *akan Tuhannya jika menuntut ia,*

Diberinya akan dia kemudian dilebihkan dia daripada barang yang kasih ia pada soalnya.

Dan bermula wali itu orang yang 'arif dengan Allah Ta'ala dan dengan sifatNya lagi yang mengekali atas taat yang menjauhi bagi segala maksiat dengan makna bahawasanya tiada mengerja ia akan maksiat dengan ketiadaan taubat. Dan tiada murad bahawasanya tiada jatuh daripadanya maksiat sama sekali kerana tiada ia *ma'shum* lagi yang berpaling daripada tenggelam pada lazat dan syahwat yang *mubahah*. Dan adapun asal mencapai, maka tiada menegah daripadanya, istimewa apabila ada ia dengan qasad terkuat atas ibadah. Dan dinamakan dia wali kerana bahawasa Allah Ta'ala memerintah ia akan pekerjaannya, maka tiada menyerah ia kepada dirinya dan tiada kepada orang lainnya satu *lahzhah* dan kerana bahawasanya memerintah ia akan ibadah kepada Allah atas berkekalan daripada ketiadaan menyelangi akan dia oleh **عِصْيَانٌ.**

Ketahui olehmu, bahawasa rukun yang menjadikan wali itu empat perkara:

Pertama: Melazimkan berkhalwat uzlah ia daripada sekalian makhluk.

Yang kedua: Berjaga pada malam dengan mengerjakan ibadah.

Yang ketiga: Berlapar-lapar dengan puasa pada siang hari.

Keempat: Diam daripada berkata-kata melainkan kerana dharurat atau perkataan yang kebajikan seperti zikir dan tasbih dan أَمْرٌ بِالْمَعْرُوْفِ dan نَهْيٌ عَنِ الْمُنْكَرِ dengan segala syaratnya.

Dan bermula orang yang pendek himmah yakni cita-cita, tiada menghiraukan ia dengan barang yang menyeru akan dia oleh nafsunya kepadanya daripada kebinasaan kejahatan. Maka iaitu jahil ia di atas jahil seperti جُهَّالْ yang bersifat ia dengan yang keji-keji yang *dzamimah*.

Jahil

Maka bermula jahil itu pertama-tama penyakit bagi nafsu. Kemudian sedikit daripada menghiraukan pekerjaan agama, kemudian berani menjatuhkan diri kepada tempat kebinasaan, kemudian sedikit malu, kemudian mencita-cita akan dapat kemenangan akhirat. Dan inilah hal orang yang dikenderai akan dia oleh nafsu yang أَمَّارَةٌ بِالسُّوْءِ yakni nafsu yang menyuruh dengan kejahatan.

Maka ambil olehmu, hai Mukhathab kemudian daripada sudah engkau ketahui akan hal *himmah* yang tinggi dan yang rendahnya dan engkau ketahui bahawasanya Allah Ta'ala menilik Ia atas segala ahwal engkau daripada perkataan dan perbuatan dan barang yang di dalam hati engkau dan membalas Ia akan dikau atas sekalian amal engkau daripada pahala atau siksa. Maka ambil olehmu bagi dirimu dan tilik olehmu barang mana daripada keduanya engkau redakan bagi dirimu akan yang baik-baik yang mewajibkan bagi nikmat syurga yang berkekalan atau yang jahat-jahat daripada segala yang fasid, maka mustahak engkau dengan dia akan azab yang pedih atau ambil olehmu akan reda atau murka atau ambil olehmu akan jalan yang menghampirkan kepada Allah dan syurga atau jalan yang menjauhkan daripada Allah dan syurga. Dan jangan engkau takut akan was-was syaitan, maka engkau meninggalkan yang disuruh kerana tiada ditamak pada menolakkan was-was syaitan bagi umpama kita ini. Maka sungguhnya telah ijtihad oleh orang yang besar-besar akan bahawa sembahyang mereka itu dua rakaat dengan tiada was-was daripada syaitan dan tiada pengkhabaran nafsu dengan segala pekerjaan dunia, maka lemah mereka itu kerana bahawasa خَاطِرٌ berbuat مَأْمُوْرَاتْ itu pekerjaan yang datang daripada Tuhan Rahman yang telah memberi rahmat Ia akan dikau dengan dia sekira-kira melintas ia akan dia dengan

hati engkau. Dan apabila adalah خَاطِرٌ yang terlintas ia di dalam hati engkau itu perkara yang harus pada syara' seperti makan dan tidur, maka membaharui olehmu baginya niat yang baik seperti bahawa tidur engkau supaya jaga engkau pada malam bagi ibadah atau bagi sembahyang Subuh pada awal waktu. Dan bahawa engkau makan supaya terkuat oleh engkau dengan dia atas taat.

Maka jika engkau takut jatuhnya daripada engkau atas sifat yang ditegah daripadanya serta keadaannya disuruh dengan dia seumpama 'ujub atau riya', maka tiada mengapa atas engkau pada jatuhnya atas engkau daripada ketiadaan qasad baginya. Bersalahan barang yang apabila engkau qasad akan dia, maka lazim atas engkau berdosa, maka engkau minta ampun daripadanya.

Dan sungguhnya telah berkata Fudhail: Meninggalkan amal kerana manusia itu riya' dan beramal kerana manusia itu syirik.

Bermula ikhlas itu bahawa meng'afiatkan akan dikau oleh Allah Ta'ala daripada keduanya. Soal: Jikalau engkau kata tiada dapat ia mengerjakan ibadat melainkan datang umpama 'ujub dan riya' dan takabbur, apakah hukumkan ditinggalkan ibadah itu terlebih baik atau dikerjakan jua jikalau berserta yang demikian itu sekalipun. Jawab: Maka tiada harus kita tinggalkan ibadah itu sebab ia takut akan maksiat itu tetapi wajib ia taubat kemudian daripada maksiat itu kerana bahawasanya taubat itu mengkifarahkan dosanya. Dan wajib engkau ubatkan penyakit yang tersebut itu dan engkau tolakkan seboleh-bolehnya tiap-tiap terlintas pada hatimu dan sudah engkau tolakkan, maka engkau iringkan dengan istighfar, maka ia mengkifarahkan dia. Demikianlah engkau perbuat tiap-tiap datang kepadamu umpama 'ujub dan riya' dan lainnya. Inilah jikalau ibadah itu fardhu. Dan adapun jikalau ibadah itu sunat apabila diperbuat akan dia, datanglah umpama 'ujub, maka yang aulanya hendaklah meninggal akan dia kerana ibadah itu sunat dan riya' itu haram. Maka menolakkan *mafasid* itu terdahulu daripada mencapaikan *mashalih* (kebaikan-kebaikan). Dan tiada sempurna taat itu melainkan engkau sucikan hatimu daripada segala sifat yang kecelaan yang di dalam hatimu seperti riya' iaitu mengerjakan ibadah kerana manusia, maka iaitu setengah daripada dosa besar yang bergantung dengan hati yang dinamakan *syirik khafi* yang

menggugurkan bagi pahala amalnya.

Istighfar

Dan hendaklah kita istighfar bagi istighfar itu, yakni lalai kita daripada istighfar itu berkehendak ia kepada istighfar yang lain pula kerana kekurangan ia dengan sebab lalai hati kita kepada istighfar itu. Maka bahawasanya tiada kita meninggalkan akan dia tetapi kita istighfarkan juga dan jika berkehendak kepada istighfar pula sekalipun kerana bahawasa lidah apabila biasa ia dengan zikir, tiada syak bahawa berjinak-jinak akan dia oleh hati, maka muafakat ia akan dia padanya.

Bersalahan istighfar segala orang yang *khalish* dan Rabi'ah al-'Adawiyah itu setengah daripada mereka itu. Dan sungguhnya berkata ia: Bermula istighfar kami berkehendak ia kepada istighfar kerana memecah ia bagi nafsunya. Dan pada ketika itu, maka beramal olehmu serta *taqshir* itu.

Maka sungguhnya telah berkata al-Sahrawandi dia dan pada hal bertanya akan dia oleh setengah daripada a'immah Khurasan dengan katanya: Bermula hati serta amal masuk akan dia oleh 'ujub dan meninggalkan akan amal kekal ia di dalam batal. Maka menjawab ia akan dia dengan katanya: Jangan engkau tinggalkan amal, maka ini menunjukkan mutlak amal sama ada wajib atau sunat. Dan ubatkan olehmu akan 'ujubmu sekira-kira terlintas bagi engkau dengan bahawa engkau ketahui asal zahirnya daripada nafsu, maka jadikan olehmu istighfar daripadanya apabila jatuh ia dengan qasad, maka bahawasa yang demikian itu jadi kifarah ia. Dan jangan engkau tinggalkan amal sekali-kali, maka bahawasanya daripada tipu daya syaitan seolah-olah berkata ia: Janganlah engkau berbuat amal pun tiada dapat faedah. Dan sungguhnya telah mengelok oleh orang yang berkata: Berjalan oleh kamu kepada Allah 'Azza wa Jalla dengan berdejek (merangkak) dan jangan kamu nantikan sihat, maka bahawasanya menanti sihat itu batal.

Dan sungguhnya telah menunjuk akan kita oleh Imam kita Syafie Radhiyallahu 'anhu dengan katanya: Apabila engkau takut atas amal engkau akan 'ujub, maka ingat olehmu akan reda orang

yang engkau tuntut dan pada barang mana nikmat yang engkau gemar dan daripada apa azab yang engkau takut dan pada apa 'afiat yang engkau syukur dan apa bala engkau sebutkan dia. Maka bahawasanya apabila engkau fikir pada suatu daripada segala perkara ini, nescaya hinalah pada mata engkau amal engkau itu.

Dan jika adalah خَاطِرٌ itu daripada barang yang ditegah oleh syara' akan dikau daripadanya, maka iaitu daripada was-was syaitan atau daripada yang disembunyi oleh nafsu yang menyuruh dengan kejahatan, maka takut olehmu akan dia. Dan *farq* (beza) antara keduanya bahawa خَاطِرٌ nafsu itu tiada pergi datang daripadanya tetapi tetap ia dan خَاطِرٌ syaitan itu pergi datang ia terkadang berpindah ia kepada yang lain. Jika tertegah manusia itu atas ketiadaan berbuatnya kerana qasad syaitan itu تَسْلِيْطٌ dan mengerasi tiada tentu suatu qadhiyah yang tertentu. Maka jika cenderung engkau kepada berbuat dia, maka jadikanlah olehmu istighfar daripadanya daripada dosanya pada hal engkau taubat kepada Allah Ta'ala lagi takut daripadanya. Mudah-mudahan bahawa mengampuni ia dengan istighfar itu.

Dan dimaafkan khabaran hati dan iaitu *taraddud*nya antara hendak berbuat خَاطِرٌ yang tersebut itu dan antara meninggalkan dia. Dan barang yang dicita-cita hendak berbuat selama tiada berbuat ia atau tiada berkata ia kerana khabar shahihain bahawasa Allah Ta'ala ampun Ia bagi umatku barang yang berkhabar-khabar dengan dia oleh nafsunya tiada selama tiada berbuat ia akan dia atau berkata-kata ia dengan dia.

Bermula yang dinamakan هَاجِسٌ itu iaitu barang yang dicampakkan pada nafsu dan خَاطِرٌ itu barang yang berkeliling ia pada nafsu kemudian daripada هَاجِسٌ itu, maka keduanya itu diampun pula dengan makna bahawasanya tiada diazabkan dengan suatu daripada keduanya seperti barang yang tiada diberi pahala atasnya. Hasilnya barang yang jatuh bagi nafsu daripada maksiat itu baginya beberapa martabat:

Pertama: هَاجِسٌ dan iaitu barang yang dicampakkan pada nafsu dan tiada diambilnya dengan dia dengan ijma'.

Kedua: خَاطِرٌ dan iaitu berlakunya pada nafsu dan iaitu diangkatkan pula.

Ketiga: حَدِيْثُ النَّفْسِ dan iaitu taraddudnya antara perbuat خَاطِرٌ yang tersebut dan meninggalnya dan iaitu diangkatkan pula.

Keempat: هَمٌّ dan iaitu qasad berbuat dan iaitu diangkatkan juga.

Dan keluar dengan yang empat itu azam dan iaitu kuat qasad hendak mengerjakan dia dan putuslah dengan dia. Maka diazabkan dia dan jikalau belum ia berkata pada mengumpat umpamanya dan tiada ia berbuat sekalipun seperti azam hendak berzina, maka belum lagi dikerjakannya, maka diazab akan dia kerana firman Allah Ta'ala:

..... وَلَٰكِن يُؤَاخِذُكُم بِمَا كَسَبَتْ قُلُوبُكُمْ ..... ﴿٢٢٥﴾

Dan tetapi menyiksa oleh Allah Ta'ala akan kamu dengan barang yang berusaha segala hati kamu. **(Surah al-Baqarah: Ayat 225)**

Ertinya, dengan sebab azam hati kamu hendak mengerjakan maksiat itu. Dan lagi firmanNya:

..... وَمَن يُرِدْ فِيهِ بِإِلْحَادٍ بِظُلْمٍ نُّذِقْهُ مِنْ عَذَابٍ أَلِيمٍ ﴿٢٥﴾

Dan barang siapa berkehendak ia padanya dengan cenderung kepada berbuat maksiat, nescaya kami rasakan akan dia daripada azab yang pedih. **(Surah al-Haj: Ayat 25)**

Dan lagi pula seperti barang yang dikata oleh setengah ulama sebab dikekal kafir di dalam neraka itu kerana azam ia hendak mengekalkan agama kufurnya itu selama-lamanya. Maka mujahadah olehmu akan nafsumu yang menyuruh ia akan dikau dengan kejahatan, pada hal wajib apabila mencita-cita ia dengan maksiat akan Allah Ta'ala. Ertinya mujahadah dengan bahawa tiada engkau berbuat akan barang yang ditegah akan dikau supaya mengikut ia akan dikau pada menjauhkan seperti barang yang mujahadah engkau akan orang yang mengqasad menipu daya akan dikau. Tetapi terlebih besar lagi kerana bahawa nafsu itu mengqasad ia bagi membinasakan akan dikau selama-lamanya dengan mengelorongnya (membawa jalan) bagi engkau daripada

satu maksiat kepada maksiat yang lain hingga menjatuh ia akan dikau pada barang yang membawa ia akan dikau kepada demikian itu. Maka ia ketika itu terlebih besar seteru engkau seperti sabda Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam:

أَعْدَى عَدُوِّكَ نَفْسُكَ الَّتِي بَيْنَ جَنْبَيْكَ

Bermula yang terlebih besar seteru daripada seteru engkau itu nafsu engkau yang antara dua lambung engkau.

Maka jika tiada taat ia akan dikau kerana kasihnya dengan tabiat akan barang yang ditegah akan dikau daripadanya. Dan engkau berbuat akan خَاطِرٌ yang tersebut itu kerana mengerasi ia atas engkau, maka taubat olehmu atas bersegera, pada hal wajib supaya terangkat daripada engkau dosa. Dan cabut olehmu daripada maksiat itu dengan bersegera kerana bahawasa meninggal itu dan iaitu menahankan daripada dosa itu daripada barang yang *tahaqquq* dengan dia taubat.

Bermula qabul taubat daripada kufur itu qath'i dan qabulnya daripada maksiat itu dua qaul. Telah berkata Nawawi rahimahullahu Ta'ala: Bermula yang ashahnya bahawasanya qabulnya itu zhanni jua. Dan telah berkata oleh setengah mereka itu yang shahihnya bahawasanya qath'i.

Kemudian ketahui olehmu bahawa yang jatuh di dalam maksiat itu jika ada ia lupa daripada tegah dan وَعِيْدٌ maka iaitu setengah daripada mereka yang lupa oleh mereka itu akan Allah, maka melupa Ia akan mereka itu akan diri mereka itu. Dan jika ingat ia akan tegah dan وَعِيْدٌ dan mendatang ia atasnya kerana beraninya, maka iaitu binasa atau kerana تَسْوِيْفًا, ertinya berlambatan datang mati, maka boleh ia taubat kemudiannya, maka iaitu jadi terpedaya ia kerana meninggalkan akan barang yang wajib atasnya dan ta'alluqnya dengan barang yang dengan tiada kuasa ia atasnya dan iaitu taubat masa yang lagi akan datang.

Faedah:

Telah menyampaikan oleh setengah ulama bahawa nafsu itu tiga bahagi:

Yang pertama: Nafsu Ammarah dan iaitu nafsu yang terlebih jahat daripada sekaliannya.

Yang kedua: Al-Nafsu al-Lawwamah, yang jatuh daripadanya kejahatan tetapi menjahatkan ia akan dia dan mencerca ia atasnya dan suka ia dengan kebajikan.

Yang ketiga: Al-Nafsu al-Muthma'innah yang tetap ia kepada berbuat taat dan tiada menjatuh ia akan maksiat.

Mengingati Mati

Dan jika tiada mencabut engkau daripada berbuat خَاطِرٌ yang tersebut itu kerana berlazat dengan dia atau kerana segan keluar daripadanya yang menyeru ia akan dikau kepada meninggalkan amal dengan sebab mengerasi oleh syaitan akan dikau, maka sebutkan olehmu akan datang mati yang memutuskan segala lazat-lazat dan menghilang dunia dan meluputkan bagi taubat dan lainnya daripada segala bagi taat. Maka bahawasa teringat akan yang demikian itu membangkitkan dan mencita-citakan atas meninggali daripada barang yang disebutkan itu kerana bahawasa ingat akan mati itu mengeruhkan bagi kehidupan, yakni tiada suka akan kehidupan dan memendekkan angan-angan dan bangkit atas amal. Dan sungguhnya bersabda Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam:

أَكْثِرُوْا مِنْ ذِكْرِ هَاذِمِ اللَّذَّاتِ، فَإِنَّهُ مَا ذُكِرَ فِي كَثِيْرٍ: أَيْ مِنَ الأَمَلِ إِلاَّ قَلَّلَهُ وَمَا ذُكِرَ فِي قَلِيْلٍ: أَيْ مِنَ الْعَمَلِ إِلاَّ كَثَّرَهُ.

Ertinya: *Banyakkan olehmu daripada menyebutkan yang memutuskan segala lazat-lazat, maka bahawasanya tiada disebutkan dia di dalam yang banyak, ertinya daripada angan-angan melainkan sedikit ia akan dia dan tiada disebutkan dia pada yang sedikit, ertinya daripada amal melainkan membanyakkan ia akan dia.*

Dan telah meriwayat oleh Tirmidzi dengan isnad yang hasan bahawa Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam bersabda ia bagi sahabatnya: Malu oleh kamu kepada Allah akan sebenar-benar

malu. Maka sembah mereka itu: Bahawa kami malu, ya Nabi Allah, Alhamdulillah. Maka sabdanya: Tiada seperti demikian itu. Dan tetapi barang siapa malu ia daripada Allah dengan sebenar-benar malunya, maka hendaklah ia memeliharakan kepalanya dan barang yang dikandungnya dan hendaklah memeliharakan perutnya dan barang yang dikandungnya dan hendaklah ia ingat akan mati dan bala. Dan barang siapa berkehendak akan akhirat, meninggal ia akan perhiasan dunia dan barang siapa berbuat ia akan yang demikian itu, maka sungguhnya telah malu ia daripada Allah akan sebenar-benar malu.

Faedah:

Bermula segala lazat yang putus dengan sebab mati itu tiga perkara yang terlebih kurangnya lazat yang حسِّيَّةٌ dan iaitu menunaikan dua syahwat perut dan faraj dan segala muqaddimahnya.

Dan yang pertengahannya lazat خيَالِيَّةٌ yang hasil daripada اسْتِعْلاَءٌ dan رِيَاسَةٌ.

Dan yang terlebih tingginya, lazat yang عَقْلِيَّةٌ yang hasil dengan sebab ma'rifah segala perkara dan wuquf atas segala hakikatnya dan iaitu lazat yang خَفِيَّةٌ (tersembunyi).

Bermula hasil daripada kalam yang telah lalu itu bahawasa tiap-tiap kebajikan itu hasil pada mengikut pada orang yang Salaf yang soleh-soleh. Bermula murad dengan orang yang Salaf itu orang yang terdahulu zamannya daripada Anbiya' dan sahabat dan tabi'in dan tabi' bagi tabi'in istimewa pula a'immah yang empat yang mujtahidin yang terjadi ijma' ulama atas tertegah keluar daripada mazhab mereka itu pada fatwa dan hukum.

Dan adapun amal seorang pada dirinya, maka harus ia taqlid akan yang lain daripada mereka itu padanya. Dan tiap-tiap kejahatan itu hasil ia pada mengada-ada orang yang Khalaf, ertinya jangan engkau jadikan seperti barang yang ada atasnya yang jahat daripada makhluk kerana tiap-tiap kejahatan hasil ia pada mengada-ada oleh orang yang Khalaf, ertinya orang yang terkemudian daripada kurun yang ketiga yang difirman Allah Ta'ala pada hak mereka itu:

۞ فَخَلَفَ مِنۢ بَعۡدِهِمۡ خَلۡفٌ أَضَاعُواْ ٱلصَّلَوٰةَ وَٱتَّبَعُواْ ٱلشَّهَوَٰتِۖ فَسَوۡفَ يَلۡقَوۡنَ غَيًّا ﴿٥٩﴾

Ertinya: *Maka tinggal kemudian daripada mereka itu oleh ketinggalan yang mensia-siakan oleh mereka itu akan sembahyang dan mengikut oleh mereka itu keinginan syahwat, maka lagi berjumpa oleh mereka itu akan satu wadi di dalam neraka Jahanam.* **(Surah Maryam: Ayat 59)**

Ketahui olehmu, bahawasa bid'ah itu mendatang akan dia oleh segala hukum syara' yang lima. Maka terkadang ada ia wajib seperti mendhabithkan mushaf yakni menyurat Qur'an di dalam kertas supaya terpelihara daripada hilangnya. Demikian lagi segala hukum syara' kerana ditakut atasnya hilang.

Dan terkadang ada ia haram seperti mengambil cukai dan tiap-tiap yang dimengada-adakan yang menafikan bagi segala kaedah syar'iyyah.

Dan terkadang ada ia sunat seperti sembahyang Tarawih berjemaah. Dan dari kerana inilah kata Saiyidina 'Umar Radhiyallahu 'anhu: Sebaik-baik bid'ah itu sembahyang Tarawih berjemaah.

Dan terkadang ada ia makruh seperti menghiasi masjid dan mushaf.

Dan terkadang ada ia harus seperti mengambil ayakkan bagi menghaluskan tepung.

Maka tersebut di dalam atsar bahawa awal-awal suatu yang membaharui akan dia oleh manusia kemudian daripada Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam mengambil ayakkan bagi tepung. Dan sungguhnya ada ia harus kerana bahawa menghaluskan bagi makanan dan membaikkan dia itu setengah daripada yang harus, maka wasilahnya itu pun harus pula.

Dan tiap-tiap petunjuk yang dibangsakan bagi Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam itu sungguhnya telah rajih ia atas barang yang tiada dibangsakan bagi Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam daripada

segala qaul dan segala perbuatan dan i'tiqad. Maka yang terlebih afdhal segala ahwal itu ahwal Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam yang tiada di*nasakh* akan dia dan tiada pula maksud dengan dia itu semata-mata membayankan yang harus dan tiada pula barang yang berdiri oleh dalil atas khushushiyat dengan Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam. Bersalahan barang yang di*nasakh*kan dia seperti Qiamullail sekaliannya dan barang yang diqasad dengan dia semata-mata menyatakan harusnya seperti mengambil wudhu' Nabi kita sekali-kali dan barang yang ada ia tertentu dengan Nabi jua, seperti berkahwin lebih daripada empat. Maka barang yang tiada ditegah daripadanya dan jikalau makruh tanzih sekalipun perbuat olehmu, maka melengkapi barang yang tiada ditegah itu akan yang wajib dan yang sunat dan yang mubah dan iaitu barang yang bersamaan dua tepinya ertinya perbuatnya dan meninggalnya. Dan tinggalkan olehmu barang yang tiada harus bagi engkau berbuat akan dia dan iaitu yang ditegah daripadanya daripada perkataan atau perbuatan atau i'tiqad seperti ada ia yang diharamkan atau yang dimakruh atau khilaf al-Aula.

Dan manakala kita ketahui bahawa segala kebajikan itu hasil ia dengan sebab mengikut Salaf yang soleh-soleh, maka ikut olehmu akan Salaf yang soleh-soleh pada i'tiqad engkau dan pada segala perkataan engkau dan segala perbuatan engkau seperti sabda Nabi 'alaihish shalatu wassalam:

عَلَيْكُمْ بِسُنَّتِي وَسُنَّةِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِيْنَ مِنْ بَعْدِي، عَضُّوا عَلَيْهَا بِالنَّوَاجِذِ

Ertinya: *Lazim atas kamu dengan sunnahku dan sunah segala khalifahku yang Rasyidin kemudian daripada aku gigit oleh kamu atasnya dengan geraham.*

Dan ini kinayah daripada sangat teguh berpegang dengan jalan Nabi dan jalan khalifah yang Rasyidin.

Bermula soleh orang yang mendirikan dengan huquq Allah dan huquq segala hambaNya. Dan diitlaqkan soleh itu atasnya Nabi seperti barang yang diitlaqkan soleh itu atas wali melainkan bahawa soleh Anbiya' itu terlebih akmal daripada soleh pada segala

Auliya'.

Dan tinggalkan olehmu akan bid'ah yang mazmumah, yakni bid'ah yang kena cerca daripada orang yang datang kemudian daripada *khawash* (ketentuan) sahabat dan ulama mereka itu. Dan hasilnya bahawa tiap-tiap barang yang muafakat ia akan kitab Allah dan sunnah Rasulullah atau ijma' ulama atau qiyas, maka iaitu dinamakan sunnah. Dan barang yang keluar ia daripada yang demikian itu dinamakan bid'ah yang mazmumah. Maka hendaklah kita ikut jalan ahli al-Sunnah wa al-Jama'ah dengan mengikut Kitabullah dan hadis Rasulullah dan ijma' segala *a'immah*. Dan hendaklah menjauhkan diri daripada segala bid'ah yang haram atau makruh. Inilah akhir barang yang menyahaja oleh fakir pada menterjemahkan rísalah ini. Dan aku harap akan Allah bahawa memberi taufik Ia mengikhlaskan amalku, yakni qasad amal itu لِوَجْهِ اللهِ itu وَحْدَهُ dan ikhlas itu sebab bagi kelepasan daripada huru-hara kiamat dan iaitu wajib 'aini atas tiap-tiap mukallaf pada sekalian taat kerana firmanNya Ta'ala:

وَمَآ أُمِرُوٓاْ إِلَّا لِيَعْبُدُواْ ٱللَّهَ مُخْلِصِينَ لَهُ ٱلدِّينَ ..... ﴿٥﴾

Ertinya: *Dan tiada disuruh akan mereka itu melainkan kerana menyembah oleh mereka itu akan Allah, pada hal ikhlas mereka itu baginya agama yang sebenarnya.* **(Surah al-Baiyinah: Ayat 5)**

Dan telah bersabda Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam:

إِنَّ اللهَ لاَ يَقْبَلُ مِنَ الْعَمَلِ إِلاَّ مَا كَانَ خَالِصًا وَمَا ابْتُغِيَ بِهِ وَجْهُهُ

Ertinya: *Bahawa Allah tiada menerima Ia daripada amal itu sama ada sembahyang dan zakat dan puasa dan hají dan lainnya melainkan barang yang ada ia ikhlas dan barang yang menuntuti dengan dia kerana Allah.*

Bermula yang benar pada ikhlas itu tiada kasih ia menilik manusia elok amalnya dan tiada benci ia melihat oleh manusia

atas jahat amalnya dan tiada hirau ia dengan keluar martabatnya, yakni gugur martabatnya daripada hatinya makhluk. Telah berkata setengah ulama: Bermula syurga itu tanahnya iman dan pohon kayunya sekalian amal dan buahnya ikhlas.

Riya'

Dan aku pohonkan pula kepada Allah bahawa dilepaskan aku daripada riya' dan *sum'ah*. Dan erti riya' itu bahawa beramal ia akan amal *qurbah* supaya dibesarkan akan dia oleh manusia. Dan erti *sum'ah* itu, maka iaitu bahawa beramal ia pada hal seseorang dirinya, kemudian ia mengkhabarkan dengan dia akan manusia supaya dibesarkan oleh mereka itu baginya atau supaya menghela kebajikan daripada mereka itu baginya. Bermula tiap-tiap daripada riya' dan *sum'ah* itu menggugurkan pahala amal dan sah amalnya. Bersalahan bagi barang yang atas jumhur daripada Malikiyah bahawasanya membatalkan ibadah. Bermula riya' itu dua bahagi: **Pertama:** Zahir. Dan **Kedua:** *Khafi* (Tersembunyi).

Maka yang zahir, berbuat taat ia di hadapan manusia, tiada lainnya, yakni tiada berbuat ia akan dia jikalau ghaib daripada manusia. Dan riya' yang *khafi* itu berbuat ia mutlaqan di hadapan manusia atau tiadanya, tetapi suka ia di sisi hadir mereka itu. Telah lalu kata Fudhail bin 'Iyadh: Berbuat amal kerana manusia itu syirik dan meninggalkan amal kerana manusia itu iaitu riya'.

Ikhlas

Bermula ikhlas bahawa di'afiatkan oleh Allah akan dikau daripada keduanya, maka barang siapa azam ia akan ibadat, maka meninggalkan ia akan dia kerana takut akan manusia, maka iaitu riya' melainkan bahawa meninggalkan ia akan dia kerana hendak berbuat ia akan dia di dalam khalwat maka iaitu sunat.

Dan aku pohonkan kepada Allah bahawa melepaskan ia akan daku daripada jatuh di dalam tipu daya syaitan yang kena rejam, yakni yang kena tolak daripada Rahmat Allah. Dan syaitan itu anak iblis seperti barang yang diriwayatkan daripada Nabi Shallallahu

'alaihi wasallam. Dan iblis itu Abu al-Syaithan yakni iblis itu bapa syaitan seperti bahawa Adam bapa segala manusia.

Bermula berseteru antara jin dan manusia itu furu' daripada berseteru antara dua ibu bapa iaitu berseteru iblis dan Adam seperti firman Allah Ta'ala:

إِنَّ ٱلشَّيۡطَٰنَ لَكُمۡ عَدُوّٞ فَٱتَّخِذُوهُ عَدُوًّاۚ ..... ﴿٦﴾

Ertinya: *Bahawa syaitan itu seteru bagi kamu, maka ambil oleh kamu akan dia seteru.* **(Surah Fathir: Ayat 6)**

Ertinya seteru pada 'aqa'id kamu dan pada segala buatan kamu dan jadikan oleh kamu atas takut daripadanya pada sekalian ahwal kamu.

Dan aku pohonkan pula akan dia daripada mengikut **nafsu ammarah** yang sangat menyuruh ia dengan berbuat kejahatan dan tiada menyuruh ia dengan kebajikan melainkan nadir (jarang).

Bersalahan **lawwamah** yang mengerasi ia akan tuannya berbuat kejahatan. Kemudian ruju' ia atasnya dengan mencerca ia atas barang yang jatuh ia daripadanya kerana keadaannya menegah ia bagi yang sebenarnya dengan sebab mujahadah.

Dan bersalahan **nafsu mulhamah** dan iaitu yang mengilham ia akan yang jahatnya dan akan takutnya dengan sebab mujahadah.

Dan bersalahan **nafsu muthma'innah** dan iaitu yang tetap ia kepada segala tempat perangai kemuliaan.

Dan dengan bersalahan **nafsu radhiyah** dan iaitu yang reda ia dengan Allah itu akan Tuhan baginya daripada ketiadaan membantahi batinnya dengan sebab mujahadah.

Dan bersalahan **nafsu yang mardhiyah** dan iaitu yang tajalli Allah atasnya dengan reda dan maaf daripada barang yang telah lalu.

Dan bersalahan yang **nafsu Kamilah** dan iaitu yang jadi *kamil* baginya pada tabiat dan perangai dan serta yang demikian itu naik ia kepada kesempurnaannya kemudian daripada *kamil* nafsunya.

Hawa Nafsu

Dan kupohonkan akan Allah daripada mengikut cenderung hawa. Dan erti hawa itu mencenderungkan akan nafsu kepada yang digemari dengan dia. Dan jikalau adalah padanya itu kebinasaan sekalipun. Dan apabila diitlaqkan hawa, nescaya berpaling ia pada cenderung kepada mengalahi yang sebenarnya pada ghalib seperti firmanNya:

..... وَلَا تَتَّبِعِ ٱلْهَوَىٰ فَيُضِلَّكَ عَن سَبِيلِ ٱللَّهِ ..... ﴿٢٦﴾

Dan jangan kamu ikut akan hawa, maka menyesatkan ia akan dikau daripada jalan Allah. **(Surah Shad: Ayat 26)**

Maka barang siapa cenderung bagi salah suatu daripada tiga ini, maka sesat ia. Dan murad daripada tiga itu syaitan dan nafsu dan hawa. Yang tiga inilah tempat jadi tiap-tiap fitnah, maka sungguhnya bercerai ia akan pertunjuk dan keluar ia daripada istiqamah.

Dan aku harap akan Allah bahawa memberi Ia akan kami akan hujah kami pada ketika pertanyaan, yakni ketika datang soal atas kami daripada orang lain mutlak sama ada ia di dalam dunia atau di dalam kubur atau hari kiamat seperti di Padang Mahsyar atau pada titian mustaqim.

Dan makna hujah barang yang memenangkan dengan dia atas jawab demikian soal itu akan sebagai hujah yang shahih yang syara' dengan sekira-kira tiada dicerca padanya dan tiada tertegah daripada pada qabulnya. Telah berkata setengah daripada 'Arif: Barang siapa lemah-lembut, nescaya diberi oleh Allah akan dia hujah bagi manusia pada ketika datang soal.

Firman Allah Taala:

يَـٰٓأَيُّهَا ٱلْإِنسَـٰنُ مَا غَرَّكَ بِرَبِّكَ ٱلْكَرِيمِ ﴿٦﴾

Ertinya: *Hai segala manusia! Apalah yang menipu daya akan dikau oleh Tuhan engkau yang Karim.* **(Surah al-Infithar: Ayat 6)**

Maka bahawasanya mengilhamkan ia akan dikau hujahnya seperti bahawa berkata ia: Menipu daya akan daku oleh *Karam* Engkau, hai Tuhanku!

Khatimah

Kemudian aku mengucap selawat dan salam yang berkekalan atas Nabi yang bermula adabnya amat kasih sayang atas sekalian umatnya, iaitu Nabi Muhammad dan atas keluarganya dan segala tenteranya dan atas orang yang mengikut bagi thariqatnya daripada umatnya:

وَسَلاَمٌ عَلَى الْمُرْسَلِيْنَ وَالْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ

Inilah akhir barang yang dimudahkan akan dia oleh Allah Ta'ala atasku daripada menghimpunkan kalam ulama pada menyatakan ilmu 'Aqa'id al-Iman. Dan akan Allah aku minta dan dengan berkat NabiNya aku tawassul bahawa menjadikan ia akan risalahku ini *khalis* bagi wajah Tuhan Rabbil 'Alamin dan memberi manfaat ia bagi segala awam al-Mukminin yang diharap daripada yang mempunyai akal yang salim dan perangai yang *qawim* bahawa menerima ia akan tersalahku dan menutupi ia akan هَفْوَة ku (kekurangan pengetahuanku).

لاَ حَوْلَ وَلاَ قُوَّةَ إِلاَّ بِاللهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيْمِ، وَصَلَّى اللهُ وَسَلَّمَ وَشَرَّفَ وَكَرَّمَ عَلَى النَّبِيِّ الرَّؤُوْفِ الرَّحِيْمِ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ، وَسَلاَمٌ عَلَى الْمُرْسَلِيْنَ، وَالْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ.

وَقَدْ وَافَقَ الْكَمَالُ يَوْمَ السَّبْتِ سَلْخَ شَهْرِ جُمَادَى الآخِرَةِ مِنْ شُهُوْرِ سَنَةِ أَلْفٍ وَثَلاَثِمِائَةٍ وَثَمَانٍ مِنَ الْهِجْرَةِ النَّبَوِيَّةِ، عَلَى صَاحِبِهَا أَفْضَلُ الصَّلاَةِ وَأَتَمُّ السَّلاَمِ وَأَزْكَى التَّحِيَّةِ عَلَى يَدِ زَيْنِ الْعَابِدِيْنَ بْنِ مُحَمَّدٍ الْفَطَانِيِّ ذِي التَّقْصِيْرِ، غَفَرَ اللهُ لَهُ وَلِوَالِدَيْهِ وَلِلْمُسْلِمِيْنَ مَغْفِرَةً عَامَّةً،

وَالْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ. آمِيْنَ.

يَقُوْلُ الرَّاجِي غُفْرَانَ الْمَسَاوِى * مُصَحِّحُهُ الْحَاجُ إِلْيَاسُ يَعْقُوْبُ الأَزْهَرِى

الْحَمْدُ لِلّٰهِ وَحْدَهُ * وَالصَّلاَةُ وَالسَّلاَمُ عَلَى مَنْ لاَ نَبِيَّ بَعْدَهُ

Kemudian daripada itu, maka dengan pertolongan Allah Subhanahu wa Ta'ala, telah selesai mencap ini kitab yang bernama 'Aqidah al-Najin karangan al-Syeikh Zainul Abidin Ibnu Muhammad al-Fathani iaitu kitab yang mengandung bicara tauhid dan 'aqa'id.

Dan tiadalah syak bahawa pembicaraan dalam perkara tauhid iaitu sesukar-sukar dan sepenting-penting pembicaraan kerana ta'alluqnya dengan i'tiqad, apabila tersalah i'tiqad seorang, tentulah amalannya menjadi sia-sia sahaja. Dan mudah-mudahan dapatlah mengambil faedah dengan ini kitab yang diatur oleh pengarangnya dengan baik susunannya. Dicap ini kitab pada percetakan **Dar Ihya' al-Kutub al-'Arabiyah** kepunyaan 'Isa al-Babi al-Halabi وَشَرَّكَاهُ di tanah Mesir.

وَصَلَّى اللهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الأُمِّيِّ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ تَسْلِيْمًا كَثِيْرًا وَالْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ. آمِيْنَ